

RANCANGAN MALAYSIA KE ENAM

(RM6)

1991 - 1995

Isi Kandungan

BAB 1 :	MATLAMAT DAN RANGKA DASAR	5
I.	PENDAHULUAN	5
II.	DASAR PEMBANGUNAN NASIONAL	6
III.	PENILAIAN PRESTASI PEMBANGUNAN.....	8
IV.	RANGKA DASAR PEMBANGUNAN RANCANGAN MALAYSIA KEENAM	15
V.	STRATEGI PEMBANGUNAN RANCANGAN MALAYSIA KEENAM	28
VI.	PENUTUP	42
BAB 2 :	PROGRAM SEKTOR AWAM DAN PEMBIAYAAN.....	43
I.	PENDAHULUAN	43
II.	KEMAJUAN, 1986-90	44
III.	PROGRAM DAN PEMBIAYAAN, 1991-95.....	52
IV.	PENUTUP	60
BAB 3 :	PEMBANGUNAN PERTANIAN.....	61
I.	PENDAHULUAN	61
II.	KEMAJUAN, 1986-90	62
III.	PROSPEK, 1991-95	72
IV.	PERUNTUKAN.....	89
V.	PENUTUP	89
BAB 4 :	PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN.....	90
I.	PENDAHULUAN	90
II.	KEMAJUAN, 1986-90	91
III.	PROSPEK, 1991-95	96
IV.	PERUNTUKAN.....	109
V.	PENUTUP	110
BAB 5 :	PENDIDIKAN DAN LATIHAN	111
I.	PENDAHULUAN	111
II.	KEMAJUAN, 1986-90	111
III.	PROSPEK, 1991-95	119
IV.	PERUNTUKAN.....	130
V.	PENUTUP	131
BAB 6 :	SAINS DAN TEKNOLOGI.....	132
I.	PENDAHULUAN	132
II.	KEMAJUAN, 1986-90	132
III.	PROSPEK, 1991-95	140
IV.	PERUNTUKAN.....	151
V.	PENUTUP	152
BAB 7 :	PERDAGANGAN	153
I.	PENDAHULUAN	153
II.	KEMAJUAN, 1986-90	153
III.	PROSPEK, 1991-95	160
IV.	PERUNTUKAN.....	165
V.	PENUTUP	166

BAB 8 :	PELANCONGAN.....	167
I.	PENDAHULUAN	167
II.	KEMAJUAN, 1986-90	167
III.	PROSPEK, 1991-95	172
IV.	PERUNTUKAN.....	181
V.	PENUTUP	181
BAB 9 :	KEWANGAN, BANK DAN INSURANS.....	182
I.	PENDAHULUAN	182
II.	KEMAJUAN, 1986-90	182
III.	PROSPEK, 1991-95	192
IV.	PENUTUP	199
BAB 10 :	PENGANGKUTAN DAN PERHUBUNGAN.....	200
I.	PENDAHULUAN	200
II.	KEMAJUAN, 1986-90	201
III.	PROSPEK, 1991-95	209
IV.	PERUNTUKAN.....	221
V.	PENUTUP	221
BAB 11 :	TENAGA.....	222
I.	PENDAHULUAN	222
II.	KEMAJUAN, 1986-90	222
III.	PROSPEK, 1991-95	226
IV.	PERUNTUKAN.....	234
V.	PENUTUP	235
BAB 12 :	SUMBER-SUMBER AIR.....	236
I.	PENDAHULUAN	236
II.	KEMAJUAN, 1986-90	236
III.	PROSPEK, 1991-95	241
IV.	PERUNTUKAN.....	246
V.	PENUTUP	247
BAB 13 :	KESIHATAN	248
I.	PENDAHULUAN	248
II.	KEMAJUAN, 1986-90	248
III.	PROSPEK, 1991-95	253
IV.	PERUNTUKAN.....	258
V.	PENUTUP	258
BAB 14 :	PEMBANGUNAN SOSIAL.....	259
I.	PENDAHULUAN	259
II.	KEMAJUAN, 1986-90	259
III.	PROSPEK, 1991-95	268
IV.	PERUNTUKAN.....	276
V.	PENUTUP	276
BAB 15 :	ALAM SEKITAR.....	277
I.	PENDAHULUAN	277
II.	KEMAJUAN, 1986-90	277

III.	PROSPEK, 1991-95	284
IV.	PERUNTUKAN.....	298
V.	PENUTUP	298
BAB 16 :	WANITA DALAM PEMBANGUNAN	299
I.	PENDAHULUAN	299
II.	KEMAJUAN DAN PENCAPAIAN	299
III.	PROSPEK, 1991-95	305
IV.	PERUNTUKAN.....	309
V.	PENUTUP	309
BAB 17 :	PENINGKATAN KUALITI DALAM PENTADBIRAN AWAM.....	310
I.	PENDAHULUAN	310
II.	KEMAJUAN, 1986-90	310
III.	PROSPEK, 1991-95	316
IV.	PENUTUP	323
BAB 18 :	GLOSARI AKRONIM	324
I.	GLOSARI AKRONIM	324

BAB 1: MATLAMAT DAN RANGKA DASAR

I. PENDAHULUAN

1.01 Rancangan Malaysia Keenam (RM6) yang meliputi tempoh 1991-95, merupakan fasa pertama pelaksanaan Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP2), 1991-2000. Dasar Pembangunan Nasional (DPN) yang terkandung dalam RRJP2 menetapkan keseluruhan objektif, strategi dan matlamat yang akan dijadikan panduan kepada pembangunan negara dalam tahun-tahun sembilan puluhan. RM6 menjelaskan strategi, program dan projek yang akan dibentuk bagi mencapai objektif DPN.

1.02 Dengan pelancaran RM6, negara kini sedia untuk memasuki satu lagi tempoh pembangunan ekonomi dan sosial yang berterusan bagi dekad baru sembilan puluhan. Sejak mencapai kemerdekaan dalam tahun 1957, negara telah mencapai kemajuan yang membanggakan dalam usaha merubah struktur ekonomi dan meningkatkan taraf hidup rakyat yang dilaksanakan melalui beberapa siri rancangan pembangunan lima tahun. Pencapaian ini adalah lebih ketara lagi semasa tempoh dua puluh tahun di bawah Dasar Ekonomi Baru (DEB) dengan adanya program-program pembangunan yang dilaksanakan untuk mencapai matlamat membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat bagi menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi. Kemajuan pencapaian objektif keseluruhan DEB yang dapat dilihat dari pengurangan perbezaan pendapatan dan kemajuan yang dicapai oleh Bumiputera dalam sektor ekonomi moden, telah mengukuhkan lagi perpaduan negara dalam masyarakat berbilang kaum dan meningkatkan kestabilan politik dan sosial berbanding dengan keadaan dalam tahun 1970. Kestabilan ini dan keyakinan terhadap prospek masa hadapan negara akan menjadi asas pembangunan ekonomi yang lebih kukuh dan menjamin kesejahteraan rakyat secara berterusan.

1.03 Apa yang pasti ialah, ekonomi negara akan terus menghadapi cabaran dan ketidaktentuan. Namun demikian, kestabilan politik dan sosial serta kesediaanya untuk melaksanakan dasar-dasar mengikut peredaran masa dan ketika telah membolehkan Malaysia mengurangkan kesan buruk dari perkembangan luar terhadap prospek pertumbuhan ekonominya. Keupayaan ekonomi negara untuk melaksanakan langkah-langkah penyesuaian dapat dilihat dengan jelas dari pengalaman yang baru dialami sepanjang tahun 1985-86 iaitu apabila negara mengalami kemelesetan yang paling teruk selepas merdeka. Usaha bersungguh-sungguh untuk melaksanakan langkah-langkah penyesuaian struktur ke arah liberalisasi dan perlonggaran peraturan pentadbiran telah membolehkan ekonomi negara pulih dengan pesat sejak tahun 1987 dan seterusnya mencatatkan kadar

pertumbuhan terbaik yang pernah dicapai. Hasilnya, prestasi ekonomi bagi tempoh 1986-90, pada keseluruhannya telah melebihi matlamat Rancangan Malaysia Kelima (RM5) dan ini telah membolehkan pencapaian objektif DEB.

1.04 Teras utama RM6 ialah untuk mengekalkan pertumbuhan ekonomi di tahap yang tinggi dan menguruskannya dengan berkesan bagi mencapai pembangunan ekonomi yang lebih seimbang. Penekanan kepada 'pembangunan seimbang' adalah berdasarkan kepada kesedaran bahawa sungguhpun terdapat kemajuan dalam pertumbuhan ekonomi dan pengagihan, pertumbuhan yang mantap memerlukan asas ekonomi yang lebih luas. Oleh yang demikian, strategi pembangunan seimbang akan merangkumi dasar-dasar untuk mempelbagaikan asas perindustrian, meningkatkan pembangunan sumber manusia, menggalakkan peningkatan teknologi dan mengurangkan ketidakseimbangan struktur di antara sektor dan antara wilayah di negara ini. Strategi-strategi tersebut akan mengukuhkan rantai dalam ekonomi serta membawa kepada proses pertumbuhan dan pembangunan yang lebih bersepadu yang mampu menyumbang dengan lebih berkesan ke arah pencapaian objektif DPN.

II. DASAR PEMBANGUNAN NASIONAL

1.05 Matlamat DPN adalah untuk mencapai pembangunan seimbang bagi mewujudkan masyarakat yang bersatupadu dan adil. DPN yang menekankan kepada pertumbuhan dengan pengagihan yang saksama akan membolehkan semua rakyat Malaysia menyertai bidang-bidang utama aktiviti ekonomi dan dengan ini dapat memastikan kewujudan kestabilan politik dan perpaduan negara. Berasaskan matlamat DEB untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat, DPN digubal untuk merangkumi beberapa aspek penting seperti berikut:-

- mewujudkan keseimbangan yang optimum di antara matlamat pertumbuhan ekonomi dan pengagihan yang saksama;
- memastikan pembangunan yang seimbang bagi sektor-sektor utama ekonomi untuk meningkatkan daya saling melengkapi antara sektor bagi mengoptimumkan pertumbuhan;
- mengurang dan akhirnya menghapuskan keadaan ketidaksamaan dan ketidakseimbangan sosial dan ekonomi dalam negara untuk menggalakkan perkongsian secara lebih adil dan saksama faedah yang diperolehi daripada pembangunan ekonomi untuk semua rakyat Malaysia;

- menggalak dan memperkukuhkan integrasi nasional dengan mengurangkan jurang ketidakseimbangan yang luas dalam pembangunan ekonomi di kalangan negeri-negeri dan di antara kawasan bandar dan luar bandar;
- membangunkan sebuah masyarakat yang progresif di mana semua rakyat menikmati kesejahteraan hidup yang tinggi, di samping mempunyai nilai-nilai sosial dan kerohanian yang positif serta menghayati perasaan bangga dan cintakan negara;
- memajukan pembangunan sumber manusia termasuk mewujudkan tenaga kerja yang berdisiplin dan produktif serta meningkatkan kemahiran-kemahiran perlu bagi menghadapi cabaran dalam pembangunan industri melalui satu budaya kecemerlangan tanpa menjejaskan matlamat penyusunan semula masyarakat;
- menjadikan sains dan teknologi sebagai satu teras penting dalam perancangan dan pembangunan sosio-ekonomi yang memerlukan usaha membangunkan keupayaan dan kebolehan dalam teknologi strategik dan berasaskan ilmu serta memajukan budaya sains dan teknologi dalam proses membangunkan satu ekonomi perindustrian yang moden; dan
- memastikan bahawa dalam usaha mencapai pembangunan ekonomi, perhatian yang sewajarnya perlu diberikan kepada perlindungan alam sekitar dan ekologi dalam jangka panjang bagi memastikan pembangunan negara dapat dikekalkan secara berterusan.

1.06 Matlamat pembangunan seimbang yang digariskan di atas adalah berdasarkan kepada pertimbangan berikut. Pertama, prinsip pertumbuhan dengan pengagihan adalah penting bagi memastikan pencapaian agihan kekayaan negara secara yang adil dan saksama. Kedua, pembangunan masyarakat yang seimbang adalah perlu bagi menjamin kestabilan politik dan sosial. Ketiga, pembentukan sebuah masyarakat Malaysia yang mempunyai nilai moral dan etika yang tinggi di samping mempunyai sikap yang positif adalah penting bagi mewujudkan masyarakat yang bertanggungjawab, teguh, progresif dan penyayang. Keempat, pengurusan cermat sumber-sumber semulajadi dan ekologi serta pemeliharaan keindahan alam serta persekitaran yang bersih adalah penting untuk meningkatkan kualiti hidup generasi masakini dan akan datang. Pembangunan ekonomi yang seimbang adalah perlu bagi memastikan pertumbuhan yang stabil, mengu-rangkan konflik sosial, menggala kkan keharmonian di antara kaum dan memperkukuhkan perpaduan negara.

1.07 DPN akan lebih mengharapkan sektor swasta untuk lebih bersedia dan mengambil daya usaha untuk mencapai ohjektif-ohjektif sosio-ekonomi negara. Peranan yang diharapkan dari sektor swasta memerlukan perkongsian tanggungjawab sosial yang lebih bermakna dalam menguruskan pertumbuhan

ekonomi yang boleh mewujudkan peluang yang mencukupi bagi mencapai pengagihan yang saksama untuk semua rakyat Malaysia. Sektor awam akan menyokong usaha ini dengan cara menumpukan perhatian kepada usaha-usaha untuk memperbaiki lagi suasana pertumbuhan di samping menyediakan infrastruktur fizikal dan sosial yang mencukupi.

III. PENILAIAN PRESTASI PEMBANGUNAN

1.08 Sepanjang tempoh RM5, terdapat perbezaan prestasi pertumbuhan ekonomi yang amat ketara iaitu dari kemelesetan yang teruk di peringkat awal Rancangan kepada kadar pertumbuhan yang amat pesat dalam tiga tahun terakhir Rancangan tersebut. Pertumbuhan ekonomi dunia yang berterusan telah membolehkan pertumbuhan keluaran dan perdagangan yang tinggi di samping menarik aliran masuk modal dan pelaburan. Di samping pertumbuhan ekonomi negara-negara perindustrian yang menggalakkan, permintaan dalam negeri di kalangan Negara Perindustrian Baru (NICs) di Asia juga telah meningkat dengan pesat dalam tempoh tersebut. Perkembangan ini telah menyediakan suasana yang baik bagi pertumbuhan ekonomi Malaysia. Walau bagaimanapun, pertumbuhan ekonomi yang pesat telah menimbulkan tekanan kepada ekonomi seperti peningkatan kadar inflasi, keadaan pasaran buruh yang ketat, kemudahan infrastruktur yang belum mencukupi serta operasi industri yang hampir mencapai batasan keupayaan.

Kemajuan Ekonomi Makro

1.09 Prestasi ekonomi sepanjang tempoh RM5 amat membanggakan. Pada keseluruhannya, Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) sebenar telah berkembang pada kadar 6.7 peratus setahun berbanding dengan matlamat RM5 pada kadar 5.0 peratus. Prestasi yang menggalakkan ini adalah hasil daripada kejayaan pelaksanaan langkah-langkah penyesuaian yang diambil sejak tahun 1983 bagi mengukuhkan sektor awam dan mengurangkan defisit belanjawan. Tambahan pula, dasar-dasar perdagangan dan pelaburan yang liberal yang diperkenalkan semasa kemelesetan pada tahun 1985-86 telah menambahkan keyakinan para peniaga dan meningkatkan pelaburan swasta. Faktor-faktor tersebut berserta dengan persekitaran luar negeri yang bertambah baik, telah membolehkan ekonomi pulih dengan segera.

1.10 Kemelesetan di peringkat awal RM5 adalah disebabkan oleh faktor-faktor luar dan dalam negeri. Pada masa tersebut tersebut semua komoditi mengalami kejatuhan harga, sementara permintaan terhadap keluaran perkilangan negara pula adalah lemah. Nisbah harga eksport-import telah merosot pada kadar 4.5 peratus pada tahun 1985 dan terus merosot pada kadar 14.9 peratus dalam tahun 1986. Ini telah memberi kesan yang buruk kepada imbalan pembayaran. Walau bagaimanapun, kesan kejatuhan nisbah harga eksport-import dapat diimbangi dengan kenaikan jumlah eksport komoditi terutamanya petroleum, minyak kelapa

sawit dan koko. Faktor-faktor lain yang memburukkan lagi keadaan tersebut ialah kedudukan nilai ringgit yang tinggi yang sebahagiannya disebabkan oleh kemasukan modal dari pinjaman luar negeri yang tinggi oleh sektor awam dan kemerosotan keuntungan dalam sektor perdagangan barangan dan perkhidmatan. Semasa kemelesetan, pelaburan swasta dari dalam dan luar negeri telah jatuh dengan mendadak. Berikutan dari perkembangan ini KDNK mencatatkan pertumbuhan negatif 1.1 peratus dalam tahun 1985 dan pulih pada kadar 1.2 peratus sahaja dalam tahun 1986, seperti yang ditunjukkan dalam Carta 1-1.

1.11 Langkah-langkah penyesuaian yang dilaksanakan oleh Kerajaan sejak tahun 1983 bagi mengukuhkan kedudukan kewangan sektor awam melalui kawalan belanjawan telah diteruskan dalam tempoh kemelesetan di samping mengelakkan dari menggunakan dasar meningkatkan perbelanjaan untuk memulihkan ekonomi. Pertumbuhan perbelanjaan mengurus dan pembangunan sektor awam juga dihadkan bagi mengelakkan kedudukan hutang luar negara menjadi bertambah buruk. Sebagai tambahan, Kerajaan telah melaksanakan langkah-langkah pembaharuan pentadbiran dan pembaharuan institusi bagi meningkatkan kecekapan sektor awam dan untuk menyokong aktiviti-aktiviti sektor swasta. Satu daripada usaha yang dilaksanakan ialah mempercepatkan program penswastaan serta mengurangkan penglibatan sektor awam dalam aktiviti produktif yang bersaing secara langsung dengan sektor swasta. Di samping itu, program liberalisasi dan perlonggaran peraturan secara meluas telah dilaksanakan bagi menggalakkan pelaburan swasta serta mengukuhkan daya saing di peringkat antarabangsa.

1.12 Penyesuaian tersebut, dibantu oleh keadaan luar negeri yang bertambah baik, telah mempercepatkan pemulihan ekonomi dalam tahun 1987. Peningkatan pesat permintaan luar negeri telah membawa kepada kenaikan harga-harga komoditi serta pertambahan permintaan yang besar terhadap barang-barang pembuatan terutama semi-konduktor dan tekstil. Kejatuhan nilai kadar pertukaran ringgit dan juga kadar faedah yang rendah telah membantu proses pemulihan seterusnya. Bagi tempoh 1988-90, ekonomi mencatatkan pertumbuhan tertinggi sejak merdeka iaitu pada kadar purata 9.1 peratus setahun. Hasilnya, pendapatan per kapita yang merosot pada tahun 1986 telah meningkat pada kadar 6.1 peratus setahun mengikut nilai semasa dan telah mencapai paras \$6,180 menjelang tahun 1990.

1.13 Pendorong utama pemulihan yang pesat sepanjang tiga tahun terakhir RM5 ialah pertumbuhan pelaburan swasta yang tinggi pada kadar 27.5 peratus setahun mengikut harga sebenar. Selain daripada sektor petroleum, peningkatan kadar pelaburan dalam sektor-sektor pembuatan dan perkhidmatan adalah menggalakkan. Pelaburan asing telah menguasai pertumbuhan pelaburan swasta terutamanya di akhir tempoh Rancangan, berikutan dari prestasi ekonomi yang menggalakkan dan prospek keuntungan jangka panjang yang lebih baik. Penggunaan swasta yang mendapat faedah daripada peningkatan pendapatan juga telah membantu

mengekekalkan pertumbuhan walaupun harga beberapa komoditi mulai merosot dalam tahun 1989.

1.14 Dalam tempoh yang sama, pertumbuhan penggunaan awam hanya mencapai 5.8 peratus setahun berbanding dengan pertumbuhan penggunaan swasta yang jauh lebih pesat. Sungguhpun demikian, sementara penggunaan awam terus dihadkan, perbelanjaan pembangunan bagi projek-projek yang ditangguh semasa kemelesetan telah dapat dilaksanakan semula bagi memenuhi keperluan yang meningkat berikutan dengan pemulihan ekonomi. Pelaburan awam dengan itu telah meningkat sebanyak 15.1 peratus setahun bagi tempoh 1988-90 berbanding dengan pertumbuhan negatif 17 peratus yang dicatatkan dalam tahun 1987. Pelaburan awam yang tinggi diperlukan untuk mengurangkan masalah dan batasan infrastruktur yang timbul akibat dari pemulihan ekonomi yang pesat. Peningkatan ini, walau bagaimanapun, tidak bermaksud bahawa Kerajaan ingin memperluaskan peranannya.

1.15 Pertumbuhan pesat eksport barangan sejak tahun 1987 telah memperbaiki kedudukan imbalan dagangan seperti yang ditunjukkan dalam Carta 1-2. Kedudukan keseluruhan imbalan akaun semasa yang menggalakkan bagi tempoh 1987-88 tidak dapat dikekalkan kerana peningkatan import yang begitu tinggi dalam tiga tahun terakhir Rancangan. Lebihan akaun semasa sebanyak \$6.6 ribu juta atau 8.9 peratus daripada Keluaran Negara Kasar (KNK) yang dicapai pada tahun 1987 telah merosot secara mendadak, kepada defisit sebanyak \$5.2 ribu juta atau 4.8 peratus kepada KNK dalam tahun 1990, akibat dari pertumbuhan import yang jauh melebihi pertumbuhan eksport berserta dengan kedudukan imbalan perkhidmatan yang terus merosot. Bagi tempoh RM5, import barangan mencatatkan pertumbuhan purata 21 peratus setahun yang sebahagian besar daripadanya merupakan import barangan modal dan perantaraan. Walau bagaimanapun, ia merupakan perbelanjaan produktif yang dapat mewujudkan keupayaan tambahan serta menyumbang kepada pertumbuhan pengeluaran dan eksport di masa hadapan. Kedudukan akaun perkhidmatan terus lemah dan defisitnya menjadi bertambah buruk akibat daripada peningkatan kadar bayaran faktor yang berkaitan dengan bayaran faedah dan pengaliran keluar dividen serta keuntungan di samping peningkatan perbelanjaan ke atas perkapalan, insuran dan pendidikan diluar negeri.

1.16 Merujuk kepada perkembangan harga, kenaikan harga keseluruhan yang diukur mengikut penukar nilai KDNK, telah menunjukkan pertumbuhan sederhana pada kadar 1.3 peratus setahun dalam tempoh Rancangan. Walau bagaimanapun, harga pengguna mengikut Indeks Harga Pengguna (IHP) yang telah mencatatkan perubahan kecil dalam tahun 1986-87, meningkat kepada 2.8 peratus setahun di antara tahun 1988-90 kesan daripada peningkatan aktiviti-aktiviti ekonomi berikutan dari pemulihan ekonomi. Kadar pertumbuhan yang tinggi dan penggunaan keupayaan sepenuhnya dalam ekonomi telah menyebabkan tekanan kepada paras harga dalam tahun 1990. Namun demikian, pertumbuhan IHP keseluruhan pada kadar

2.0 peratus setahun adalah rendah hasil dari usaha bersungguh-sungguh Kerajaan untuk membendung inflasi melalui langkah-langkah kewangan, fiskal dan pentadbiran dalam tempoh Rancangan.

1.17 Arah aliran pertumbuhan gunatenaga dalam tempoh RM5 mencerminkan kitaran perniagaan pada tempoh tersebut. Walau pun terdapat ketegaran dalam pasaran buruh yang menyebabkan kos pemberhentian pekerja menjadi lebih tinggi bagi majikan, namun bilangan pekerja yang diberhentikan semasa kemelesetan tetap tinggi. Keadaan ini berserta dengan kadar pertumbuhan pekerjaan yang lebih perlahan menyebabkan kadar pengangguran meningkat daripada 5.8 peratus dalam tahun 1984 kepada kadar paling tinggi iaitu 8.3 peratus dalam tahun 1986. Namun demikian, kira-kira sejuta pekerjaan baru telah diwujudkan sepanjang tempoh Rancangan iaitu pertambahan sebanyak kira-kira 26 peratus dari yang dicapai dalam tempoh Rancangan sebelumnya. Daripada jumlah tersebut, lebih dari satu pertiga adalah dalam sektor pembuatan yang merupakan 19.5 peratus daripada jumlah gunatenaga dalam tahun 1990 berbanding dengan 15 peratus dalam tahun 1985. Sektor perkhidmatan termasuk perkhidmatan kerajaan menyumbang hampir separuh daripada jumlah pekerjaan yang diwujudkan. Hasil daripada perkembangan itu, kadar pengangguran turun kepada 6.0 peratus dalam tahun 1990. Walau bagaimanapun, definisi penganggur turut mengambil kira mereka yang tidak mencari pekerjaan secara aktif. Sekiranya kategori ini tidak dimasukkan dalam anggaran tersebut, keadaan pengangguran sebenar adalah lebih rendah. Penurunan pesat kadar pengangguran telah membawa kepada keadaan pasaran buruh yang lebih ketat dan telah menimbulkan masalah kekurangan buruh di samping meningkatkan tekanan terhadap pertambahan upah.

Pencapaian Matlamat Pengagihan

1.18 Pelaksanaan dasar dan strategi untuk mencapai matlamat agihan pendapatan yang lebih saksama disertai pula dengan pertumbuhan ekonomi yang pesat, terutamanya dalam tempoh separuh penggal kedua RM5 telah menghasilkan kemajuan yang ketara dalam corak agihan pendapatan. Pendapatan isirumah 40 peratus terendah, yang kebanyakannya tinggal di kawasan luar bandar, meningkat dengan kadar yang lebih cepat berbanding dengan kumpulan lain sementara kadar kemiskinan di kalangan isirumah termasuk isirumah luar bandar telah berkurangan dengan banyaknya. Kemajuan ini adalah hasil dari usaha-usaha masa lalu bagi meningkatkan pencapaian pendidikan dan keupayaan golongan miskin untuk merebut peluang-peluang yang dihasilkan oleh pertumbuhan ekonomi. Faktor-faktor ini berserta dengan peluang-peluang yang lebih baik untuk menambah pendapatan dan pekerjaan telah meningkatkan mobility tenaga buruh dan membolehkan pekerja-pekerja luar bandar khususnya, memasuki pasaran buruh dan ini telah membawa kepada pertambahan bilangan ahli keluarga yang bekerja dalam sesebuah isirumah. Pewujudan peluang pekerjaan dalam sektor moden telah membuka sumber

pendapatan yang lain dan ini telah mengurangkan pergantungan isirumah luar bandar terhadap sumber pendapatan tradisional.

1.19 Corak agihan pendapatan yang lebih baik yang telah dicapai, mencerminkan kemajuan yang menggalakkan dalam usaha menambah gunatenaga dan penyertaan Bumiputera di dalam sektor moden ekonomi negara. Pertambahan bilangan tenaga kerja Bumiputera yang terpelajar dan kemunculan golongan peniaga Bumiputera serta peningkatan penglibatan mereka dalam aktiviti ekonomi moden, telah dapat menambah bilangan Bumiputera di dalam kumpulan berpendapatan tinggi.

1.20 Secara keseluruhannya pendapatan purata isirumah telah meningkat pada kadar 2.7 peratus setahun dalam tempoh tersebut. Bahagian pendapatan isirumah 40 peratus terendah bagi semua kumpulan etnik telah bertambah daripada 12.8 peratus kepada 14.5 peratus di Semenanjung Malaysia, 12.8 peratus kepada 13.6 peratus di Sabah dan 12 peratus kepada 14.4 peratus di Sarawak. Kemajuan ini dapat dilihat melalui angkali Gini yang bertambah baik daripada 0.480 kepada 0.445 bagi Semenanjung, 0.491 kepada 0.459 bagi Sabah dan 0.498 kepada 0.448 bagi Sarawak. Dari segi perbezaan pendapatan antara kaum, nisbah pendapatan purata Bumiputera berbanding dengan kaum Cina di Semenanjung juga telah meningkat daripada 56.7 peratus dalam tahun 1985 kepada 58.8 peratus dalam tahun 1990. Pada masa yang sama, nisbah bagi kaum India berbanding dengan kaum Cina juga bertambah baik iaitu daripada 72.8 peratus kepada 75.9 peratus. Di samping itu, nisbah pendapatan isirumah luar bandar kepada isirumah bandar telah meningkat daripada 53.5 peratus kepada 58.3 peratus, menunjukkan jurang perbezaan pendapatan yang semakin rapat antara isirumah di kedua-dua kawasan tersebut. Sungguhpun kedudukan sosio-ekonomi semua kumpulan etnik telah bertambah baik, kedudukan beberapa golongan tertentu dikalangan masyarakat Bumiputera, seperti Orang Asli dan beberapa suku kaum di Sabah dan Sarawak, dan kaum India didalam masyarakat bukan Bumiputera masih ketinggalan.

1.21 Dalam tempoh Rancangan yang lalu, pendapatan purata isirumah bagi semua negeri telah meningkat. Negeri-negeri yang kurang maju terutamanya Kedah dan Kelantan telah mengalami peningkatan pendapatan yang ketara. Kedah telah mencatatkan pertambahan tahunan pada kadar 4.5 peratus dan Kelantan pada kadar 3.0 peratus. Sebahagian besar dari pertambahan ini telah dihasilkan oleh peningkatan pendapatan isirumah luar bandar yang tinggi dalam tempoh tersebut. Pencapaian negeri-negeri ini adalah lebih baik jika dibandingkan dengan keseluruhan peningkatan dalam pendapatan purata isi rumah. Sebagai bandingan, negeri yang paling maju iaitu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, telah mencapai pertumbuhan pendapatan isirumah yang lebih perlahan, pada kadar 1.8 peratus setahun.

1.22 Dalam tempoh RM5, semua negeri telah mendapat faedah dari pertumbuhan ekonomi negara meskipun sesetengahnya menikmati faedah yang lebih daripada yang lain. Kemajuan yang dicapai dapat dilihat dari penambahan KDNK per kapita

setiap negeri. Negeri-negeri yang berpendapatan rendah iaitu Kedah, Kelantan, Perak dan Terengganu telah mencapai pertumbuhan yang pesat dalam tempoh RM5. Pertumbuhan ekonomi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah menjadi lebih perlahan berikutan dari kekurangan tanah yang menghadkan perkembangan lanjut aktiviti perindustrian, manakala Selangor dan Pulau Pinang pula, telah terus mencatatkan kadar pertumbuhan yang tinggi iaitu Selangor sebanyak 8.8 peratus dan Pulau Pinang sebanyak 7.5 peratus setahun disebabkan kecenderungan yang berterusan pelabur swasta untuk mendirikan kilang-kilang di negeri-negeri tersebut dengan adanya kemudahan infrastruktur fizikal dan ekonomi yang baik. Negeri-negeri berpendapatan sederhana dan kaya dengan sumber iaitu Sabah berkembang pada kadar 6.7 peratus dan Sarawak pada kadar 5.0 peratus, manakala negeri-negeri berpendapatan sederhana yang lain iaitu Melaka, Negeri Sembilan, Pahang dan Perlis telah juga mencapai kadar pertumbuhan yang memuaskan. Kedudukan negeri Johor yang berhampiran dengan Singapura telah membolehkannya menikmati kesan dari limpahan kegiatan ekonomi dari negara tersebut dan berkembang pada kadar yang tinggi iaitu sebanyak 7.3 peratus setahun dalam tempoh tersebut.

1.23 Dalam tempoh RM5, sungguhpun negeri-negeri yang kurang maju pada umumnya menunjukkan prestasi yang baik, jurang perbezaan antara negeri terus wujud. Keadaan ini sebahagian-nya disebabkan oleh perbezaan infrastruktur fizikal dan sosial antara negeri-negeri telah menjejaskan daya tarikan beberapa negeri kepada pelabur. Pelabur swasta terus cenderung untuk mendirikan kilang di Lembah Klang, Pulau Pinang dan Johor yang mempunyai kemudahan infrastruktur yang lebih baik termasuk kemudahan pelabuhan dan lapangan terbang.

1.24 Pencapaian pembasmian kemiskinan menunjukkan bahawa kadar kemiskinan secara keseluruhannya telah berkurangan daripada 20.7 peratus dalam tahun 1985 kepada 17.1 peratus dalam tahun 1990 melibatkan pengurangan 30,000 isirumah miskin seperti yang ditunjukkan dalam Carta 1-3. Di Semenanjung, kadar kemiskinan pada keseluruhannya telah berkurangan daripada 18.4 peratus kepada 15 peratus. Kadar kemiskinan di Sarawak pula telah berkurangan daripada 31.9 peratus kepada 21 peratus manakala di Sabah pula telah meningkat sedikit daripada 33.1 peratus kepada 34.3 peratus. Peningkatan kecil kadar kemiskinan di Sabah adalah disebabkan oleh pengiraan kaum pendatang sementara dalam anggaran jumlah isirumah miskin. Pada keseluruhannya, penyediaan kemudahan fizikal dan sosial yang berterusan telah memperbaiki mutu kehidupan golongan miskin.

1.25 Daripada 619,400 isirumah miskin dalam tahun 1990, kira-kira 143,100 isirumah adalah terdiri daripada kumpulan termiskin. Kebanyakan daripada isirumah ini terdapat di kampung tradisional dan penempatan yang terpencil, di ladang-ladang atau di kawasan yang dahulu dikenali sebagai kampung baru serta beberapa kawasan bandar. Secara umumnya isirumah ini mendapat kemudahan-kemudahan asas yang terhad dari segi sekolah-sekolah yang lengkap dan guru-guru yang terlatih serta suasana yang lebih sesuai untuk belajar.

1.26 Kemajuan dalam mencapai matlamat penyusunan semula masyarakat dari segi keseimbangan gunatenaga di kalangan kumpulan etnik telah terjejas oleh pertumbuhan ekonomi yang lebih perlahan dan peluang pekerjaan yang terhad pada tahun-tahun awal pelaksanaan RM5. Walau bagaimanapun, berikutan pemulihan ekonomi negara dan perkembangan pesat aktiviti-aktiviti pelaburan, kemajuan dalam usaha-usaha ini telah dapat ditingkatkan semula. Bumiputera memperoleh 60 peratus daripada sejumlah 996,400 pekerjaan baru yang diwujudkan, berbanding dengan 32 peratus untuk kaum Cina dan 7.0 peratus untuk kaum India. Kebanyakan daripada pertambahan gunatenaga Bumiputera adalah dalam sektor-sektor pembuatan, pertanian dan perdagangan. Dari segi kategori pekerjaan, sebahagian besar tenaga kerja Bumiputera masih lagi dalam kategori pekerjaan yang berpendapatan rendah. Penyertaan mereka dalam bidang pekerjaan profesional yang berpendapatan tinggi seperti jurutera, akauntan dan arkitek walau bagaimanapun telah meningkat daripada 22.2 peratus kepada 29 peratus. Carta 1-4 menunjukkan kedudukan Bumiputera berbanding dengan kaum Cina dan India di dalam berbagai kategori pekerjaan profesional pada tahun 1990. Bagi kaum India, bahagian mereka dalam beberapa profesion tidak menunjukkan banyak kemajuan.

1.27 Dalam penyusunan semula sektor syarikat, bahagian Bumiputera, termasuk agensi amanah, merupakan 20.3 peratus daripada jumlah keseluruhan modal saham berbayar sektor tersebut pada tahun 1990, seperti yang ditunjukkan dalam Carta 1-5. Bahagian bukan Bumiputera pula adalah sebanyak 46.2 peratus, dengan kaum Cina memegang 44.9 peratus dan kaum India 1.0 peratus manakala rakyat asing memegang 25.1 peratus dan syarikat-syarikat calon memiliki 8.4 peratus. Walau bagaimanapun, pemilikan Bumiputera perseorangan secara pelaburan terus adalah hanya 8.2 peratus jika kepentingan agensi-agensi amanah dan institusi-institusi yang berkaitan tidak diambilkira. Kemelesetan ekonomi telah menyebabkan pertumbuhan yang perlahan dalam penyertaan Bumiputera di sektor syarikat. Walaupun pihak Kerajaan telah memberi berbagai bentuk bantuan, Bumiputera masih lagi menghadapi kekurangan dari segi penguasaan syarikat dan sumber kewangan serta kepakaran pengurusan.

1.28 Dalam tempoh RM5, walaupun kemajuan telah dicapai dalam pembentukan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB), pada keseluruhannya penyertaan yang berdaya maju Bumiputera di sektor moden masih lagi terhad. Faktor-faktor penting yang membawa kepada pencapaian yang masih rendah ini adalah asas perniagaan mereka yang kecil dan terbatas, kekurangan pengalaman dan juga kekurangan dari segi kemampuan pengurusan. Di samping itu, pertumbuhan yang perlahan semasa kemelesetan ekonomi telah juga menjejaskan prestasi peniaga Bumiputera, menandakan bahawa usaha pemba-bangunan MPPB masih belum mencapai asas yang kukuh dan berdaya tahan. Sebagai sebahagian daripada program untuk membantu perniagaan Bumiputera, Kerajaan telah mewujudkan tabung-tabung khas seperti Tabung Pemulihan Usahawan dan Tabung

Usahawan Baru. Di samping itu, had maksimum pinjaman yang ditawarkan oleh agensi-agensi seperti Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan Syarikat Jaminan Kredit (CGC) kepada peniaga-peniaga kecil juga telah di tambah. Walau pun ada berbagai bentuk program dan perkhidmatan yang dikhaskan bagi membantu usahawan Bumiputera, program-program ini tidak diselaraskan dengan baik untuk mencapai kejayaan yang memuaskan. Pencapaian Bumiputera yang terhad juga sebahagiannya disebabkan oleh sikap mereka sendiri dan ketidaksanggupan mereka untuk menggunakan dengan sepenuhnya peluang-peluang yang telah disediakan.

IV. RANGKA DASAR PEMBANGUNAN RANCANGAN MALAYSIA KEENAM

1.29 Keseluruhan prospek pembangunan bagi RM6 dijangka terus menggalakkan. Jangkaan ini diasaskan kepada pengukuhan asas-asas ekonomi dan daya tahan dalam negeri seperti yang ditunjukkan oleh kadar tabungan yang tinggi, kemajuan dalam produktiviti faktor dan peningkatan daya saing. Asas harga dan kadar tukaran asing yang stabil disertai dengan pengukuhan infrastruktur kewangan dan peningkatan kualiti sumber manusia adalah juga penting bagi meneguhkan lagi ekonomi negara.

1.30 Sementara prospek ekonomi Malaysia bagi jangka masa pertengahan akan terus bergantung kepada prestasi ekonomi negara-negara perindustrian utama dan pengekalan dasar perdagangan terbuka dan liberal, namun dasar-dasar dalam negeri akan dibentuk untuk membolehkan ekonomi menggunakan sepenuhnya peluang-peluang pertumbuhan yang ada. Penekanan akan diberikan kepada usaha menguruskan kejayaan yang telah dicapai di samping menentukan pertumbuhan yang berterusan untuk mewujudkan lebih banyak peluang pengagihan pendapatan dan seterusnya memperbaiki lagi kualiti hidup, sejajar dengan DPN.

Prospek Ekonomi Antarabangsa

1.31 Prospek pertumbuhan ekonomi dunia yang berkekalan dalam jangka masa pertengahan akan dipengaruhi oleh usaha-usaha semasa antarabangsa untuk membendung arah aliran yang negatif dalam bidang fiskal, kewangan dan perdagangan. Defisit berkembar yang berpanjangan dan prospek imbalan akaun semasa yang dijangka berterusan di Amerika Syarikat akan meningkatkan tekanan ke atas kadar faedah sebenar. Walau bagaimanapun, perkembangan politik di Timur Tengah selepas Perang Teluk, pembaharuan ekonomi di Eropah Timur serta proses mengurangkan perlumbaan senjata yang sedang dilaksanakan oleh kuasa-kuasa besar akan dapat memindahkan perbelanjaan yang berkaitan dengan pertahanan kepada aktiviti-aktiviti lain yang lebih produktif. Ini dapat mempercepatkan usaha-usaha menstabilkan ekonomi Amerika Syarikat dan negara-negara lain yang mengalami tekanan belanjawan yang sama.

1.32 Perkembangan masakini dalam perdagangan antarabangsa merupakan punca kebimbangan yang utama. Pertama, perbezaan kadar pertumbuhan produktiviti di antara negara-negara perindustrian utama dan di antara negara-negara tersebut dengan NICs boleh membawa kepada bertambahnya perlindungan perdagangan. Kedua, arah aliran yang membawa kepada pewujudan perdagangan dua hala dan perdagangan mengikut wilayah, terutamanya di antara negara-negara perindustrian utama akan membawa kesan yang buruk kepada corak perdagangan berbagai hala. Ketiga, Perundingan Perdagangan Berbagai Hala dalam Pusingan Uruguay yang terbengkalai boleh meningkatkan perlindungan dan melemahkan pertumbuhan perdagangan dunia. Arah aliran ini akan memberi kesan negatif kepada prospek pertumbuhan negara maju dan lebih-lebih lagi kepada negara-negara sedang membangun.

1.33 Namun demikian, kebanyakan negara telah melaksanakan dasar pembaharuan untuk menstabilkan dan menyusun semula ekonomi mereka dengan lebih bergantung kepada sektor swasta dan kuasa pasaran untuk menentukan pengagihan peruntukan sumber-sumber. Pemulihan kadar keuntungan perniagaan dan peningkatan pelaburan serta produktiviti buruh menunjukkan bahawa kecekapan ekonomi dunia telah meningkat. Di samping itu, pengurusan ekonomi dengan cara yang lebih fleksibel yang diamalkan oleh kebanyakan negara dijangka dapat membantu mengurangkan arah aliran yang tidak stabil.

1.34 Berasaskan jangkaan-jangkaan yang tersebut di atas, ekonomi dunia dalam jangkamasa pertengahan dianggarkan berkembang pada kadar 3.3 peratus setahun. Pertumbuhan negara-negara perindustrian dijangka akan terus teguh pada kadar 3.0 peratus setahun manakala inflasi pula dijangka berada pada kadar 4.0 peratus. Ekonomi di rantau Asia Timur akan terus kukuh terutama bagi negara-negara NICs yang telah berjaya menunjukkan keupayaan untuk menyesuaikan diri kepada perubahan-perubahan negatif yang berlaku dalam ekonomi dunia. Pertumbuhan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) dijangka terus mendapat faedah dari kemasukan pelaburan asing. Strategi-strategi pertumbuhan berdasarkan eksport yang telah digunakan oleh negara-negara tersebut telah membolehkan mereka mengamalkan dasar yang liberal di samping mengukuhkan lagi ekonomi masing-masing untuk menghadapi perkembangan negatif dalam ekonomi antarabangsa.

Ekonomi Malaysia

1.35 Prospek ekonomi Malaysia dalam jangkamasa pertengahan dijangka akan bertambah baik berbanding dengan pencapaian di sepanjang tempoh RM5. Dengan tamatnya Perang Teluk, pertumbuhan ekonomi dunia dijangka meningkat dengan kadar inflasi yang rendah di samping prospek pertumbuhan ekonomi negara-negara perindustrian yang lebih cerah. Walaupun faktor-faktor ini akan memberi sumbangan yang positif kepada ekonomi Malaysia, sebahagian besar pertumbuhan akan

berpunca dari perkembangan permintaan dalam negeri terutamanya pelaburan swasta. Oleh itu, dasar-dasar masa hadapan akan didorong untuk mengekalkan kestabilan ekonomi makro dengan disokong oleh pentadbiran dan peraturan yang lebih cekap bagi membantu meningkatkan daya saing negara. Dengan meningkatnya integrasi ekonomi negara dengan ekonomi dunia, ekonomi dalam negeri perlu diperkukuhkan untuk mengelakkan negara dari menjadi mudah tergugat dengan kesan-kesan negatif di dalam persekitaran antarabangsa. Sehubungan dengan itu, dasar-dasar akan datang juga perlu mengambilkira kekuatan dan kelemahan yang sedia ada di beberapa sektor dalam ekonomi negara. Di sepanjang tempoh RM6, Kerajaan akan terus melaksanakan perubahan-perubahan struktur dalam ekonomi melalui penyusunan semula industri, penggunaan teknologi baru dan pembangunan sumber manusia.

Prospek Pertumbuhan

1.36 Ekonomi Malaysia dijangka berkembang pada kadar purata 7.5 peratus setahun mengikut harga sebenar bagi tempoh RM6 dengan sebahagian besar daripadanya adalah hasil dari perkembangan pesat aktiviti-aktiviti dalam negeri seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1-1. Sumbangan sektor luar negeri kepada pertumbuhan akan menjadi lebih besar berbanding tempoh sebelumnya dengan peningkatan eksport yang melebihi import. KNK mengikut harga semasa dijangka mencapai kira-kira \$205,000 juta menjelang tahun 1995, iaitu hampir dua kali ganda dari paras sekarang, manakala pendapatan per kapita dijangka akan mencapai kira-kira \$10,200.

1.37 Dari segi punca pertumbuhan, sumbangan yang lebih tinggi akan diperolehi dari peningkatan kecekapan dan produktiviti buruh dan modal. Pada masa lalu, sebahagian besar dari pertumbuhan ekonomi telah disumbangkan oleh peningkatan buruh dan modal dan juga hasil dari keluaran sumber-sumber asli. Sumbangan faktor ketiga, samada dari kemajuan teknologi, keusahawanan atau peningkatan kualiti buruh dan modal adalah lebih kecil jika dibandingkan dengan negara lain yang mempunyai tahap pembangunan yang sama. Ini bermakna stok fizikal modal dalam negeri dapat menghasilkan pertumbuhan yang lebih besar sekiranya buruh dan modal digunakan dengan lebih cekap. Justeru itu, langkah-langkah yang sesuai perlu diambil bagi memperbaiki produktiviti faktor melalui peningkatan pembangunan sumber manusia dan juga melalui peningkatan penggunaan sains dan teknologi (S&T) serta penyelidikan dan pembangunan (P&P). Selain dari itu, peningkatan taraf infrastruktur dan pembangunan institusi juga dijangka memberi sumbangan kepada pertumbuhan pengeluaran negara.

Keluaran Sektor-sektor

1.38 Pertumbuhan pengeluaran sepanjang tempoh RM6 akan diterajui oleh perkembangan dalam sektor-sektor kedua dan ketiga. Sektor pembuatan dan pembinaan dijangka berkembang dengan pesatnya iaitu pembuatan pada kadar

purata 11.5 peratus dan pembinaan pada kadar 8.0 peratus setahun seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1-2. Menjelang tahun 1995, sektor pembuatan dijangka menyumbang sebanyak 32.4 peratus dari keseluruhan KDNK, mengekalkan kedudukannya sebagai sektor yang terbesar dalam ekonomi. Sektor pembinaan pula, dijangka akan mengalami pertumbuhan yang menggalakkan tetapi bahagiannya kepada KDNK hanya akan meningkat sedikit sahaja.

1.39 Pertumbuhan dalam sektor pertanian dijangka akan meningkat secara sederhana iaitu pada kadar 3.5 peratus setahun di mana sebahagian besarnya adalah hasil dari peningkatan produktiviti dan pelbagaian tanaman seperti hortikultur dan tanaman-tanaman lain yang boleh dipasarkan. Pertumbuhan sektor ini menjadi lebih terbatas kesan dari langkah-langkah yang diambil untuk menghadkan pengeluaran sumber-sumber hutan kepada satu paras yang berkekalan. Justeru itu, penekanan akan lebih ditumpukan kepada pemprosesan hiliran. Sumbangan sektor pertanian dalam ekonomi dijangka merosot daripada 18.7 peratus dalam tahun 1990 kepada 15.5 peratus pada tahun 1995.

1.40 Sektor perlombongan dijangka mengalami pertumbuhan perlahan iaitu pada kadar 1.5 peratus setahun berikutan dengan pelaksanaan dasar pemeliharaan sumber petroleum untuk mengekalkan pengeluarannya kepada tempoh yang lebih lama. Pertambahan pengeluaran gas asli dan usaha yang berterusan untuk mencari dan melombong sumber galian yang lain merupakan penyumbang utama kepada pertambahan keluaran sektor ini.

1.41 Sektor perkhidmatan secara keseluruhannya dijangka berkembang pada kadar yang lebih tinggi iaitu 8.0 peratus berbanding dengan 5.7 peratus setahun di sepanjang tempoh RM5. Dari segi sektor kecil, perkhidmatan Kerajaan dijangka berkembang pada kadar 4.3 peratus setahun. Walaupun pertumbuhan ini tinggi sedikit daripada 4.0 peratus setahun bagi RM5, namun ianya jauh lebih rendah dari kadar 7.5 peratus peratus yang dicatatkan di sepanjang tempoh Rangka Rancangan Jangka Panjang Pertama (RRJP1), 1971-90. Ini mencerminkan usaha Kerajaan yang berterusan untuk mengurangkan peranannya dalam ekonomi, sementara mengekalkan paras perkhidmatan yang tinggi untuk membantu pertumbuhan sektor swasta. Sektor kecil perkhidmatan yang lain seperti perkhidmatan elektrik, gas dan air; pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan; dan kewangan, hartanah dan perkhidmatan-perkhidmatan perniagaan dijangka berkembang pesat pada kadar antara 8.0 peratus kepada 10.5 peratus setahun.

Permintaan Agregat

1.42 Pertumbuhan ekonomi yang pesat di sepanjang tempoh RM6 dijangka berpunca daripada permintaan dalam negeri yang tinggi berikutan dari suasana luar negeri yang lebih baik terutamanya bagi tempoh separuh masa kedua Rancangan. Jumlah pelaburan mengikut nilai sebenar dijangka meningkat sebanyak 7.0 peratus setahun,

seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1-1. Dengan kadar pertumbuhan ini, nisbah pelaburan kepada KNK mengikut harga semasa akan mencapai purata 34.7 peratus iaitu lebih tinggi daripada 29.6 peratus dalam tempoh RM5.

1.43 Sebahagian besar dari pertumbuhan pelaburan akan disumbangkan oleh pelaburan swasta yang dijangka berkembang pada kadar 8.6 peratus setahun. Sebagai nisbah kepada KNK, kadar pertumbuhan purata pelaburan swasta adalah lebih tinggi iaitu 24 peratus berbanding dengan 18.6 peratus yang dicapai bagi tempoh RM5. Pelaburan awam pula dijangka meningkat secara sederhana pada kadar 3.0 peratus setahun berbanding dengan 0.2 peratus dalam tempoh RM5. Pertumbuhan pelaburan awam yang lebih tinggi dalam tempoh RM-6 adalah bertujuan untuk menambah kemudahan infrastruktur yang diperlukan bagi mengelakkan kekurangannya menjadi penghalang pembangunan dan untuk menyokong pelaburan swasta yang lebih besar. Walau bagaimanapun, pelaburan awam mengikut harga semasa sebagai nisbah kepada KNK akan berkurangan daripada 11.2 peratus dalam tahun 1990 kepada 9.0 peratus pada tahun 1995 selaras dengan matlamat Kerajaan untuk mengecilkan saiz sektor awam dalam ekonomi.

1.44 Perbelanjaan penggunaan dijangka berkembang pada kadar 6.4 peratus setahun, mencerminkan peningkatan kebajikan dan taraf hidup rakyat. Kadar ini, walau bagaimanapun, adalah lebih rendah dari kadar pertumbuhan keluaran dan ini menunjukkan kecenderungan menabung yang semakin meningkat di kalangan rakyat Malaysia.

1.45 Dari segi permintaan luar negeri pula, eksport barangan dan perkhidmatan bukan faktor dijangka berkembang pada kadar 6.4 peratus setahun berbanding dengan kadar pertumbuhan yang lebih rendah bagi import barangan dan perkhidmatan bukan faktor pada paras 5.2 peratus setahun. Peningkatan eksport menunjukkan kemampuan negara untuk bersaing di samping kesungguhan meningkatkan eksport ke pasaran baru dan yang sedia ada. Sementara itu, pertumbuhan import yang lebih perlahan adalah disebabkan oleh keupayaan pengeluaran dalam negeri yang semakin meningkat bagi memenuhi permintaan terhadap barangan pengguna, barangan perantaraan dan juga barangan pelaburan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1-3.

1.46 Dalam tempoh RM6, prospek untuk eksport barangan pertanian adalah bercampur-campur. Walaupun eksport kelapa sawit dan koko dijangka meningkat secara sederhana, eksport kayu balak dijangka mengalami kejatuhan yang ketara manakala eksport getah dijangka merosot sedikit seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1-4. Kemosroton jumlah eksport kayu balak dan getah adalah kesan dari dasar Kerajaan untuk menggalakkan lagi pemprosesan hiliran bagi kedua barangan tersebut. Bagi minyak kelapa sawit pula, jumlah eksport dijangka meningkat pada kadar yang perlahan iaitu pada paras 3.4 peratus berbanding dengan 12 peratus yang

telah dicapai dalam RM5 di sebabkan oleh pertumbuhan pengeluaran yang lebih perlahan.

1.47 Eksport petroleum mentah dijangka berkurangan pada kadar 4.0 peratus setahun dengan meningkatnya aktiviti-aktiviti pemprosesan dalam negeri, sementara pengeluaran akan kekal pada paras purata 630,000 tong sehari dalam tempoh RM6. Dalam tempoh tersebut, harga petroleum dijangka berada di paras yang lebih rendah daripada harga rujukan Pertubuhan Negara Pengeksport Minyak (OPEC) sebanyak US\$21 setong. Sebaliknya, eksport gas cecair asli (LNG) dijangka mengalami perkembangan yang lebih pesat iaitu 11 peratus berbanding dengan 8.6 peratus dalam tempoh RM5, hasil daripada peningkatan keupayaan loji LNG di Bintulu. 1.48 Eksport barangan pembuatan akan terus berkembang dengan pesat pada kadar 17 peratus setahun dalam tempoh RM6. Sektor-sektor kecil utama yang akan mencatatkan kadar pertumbuhan yang tinggi adalah sektor jentera dan perkakas elektrik, industri kimia dan barang-barang keluaran kimia yang lain, keluaran galian bukan logam, kayu dan barangan keluaran kayu, pakaian dan tekstil dan kelengkapan pengangkutan. Jumlah pendapatan eksport dari sektor-sektor tersebut dijangka meningkat lebih dua kali ganda daripada \$48 ribu juta pada tahun 1990 kepada kira-kira \$106 ribu juta dalam tahun 1995.

Nisbah Harga Eksport-Import

1.49 Nisbah harga eksport-import dijangka lebih baik dalam tempoh RM6 memandangkan harga eksport dijangka melebihi harga import. Harga eksport dijangka meningkat sebanyak 4.9 peratus setahun berbanding dengan 4.5 peratus bagi harga import. Pendapatan eksport dalam tempoh Rancangan ini akan meningkat hasil daripada jangkakan peningkatan harga barangan pembuatan, di mana ianya akan menyumbang sebanyak 75 peratus daripada eksport dagangan pada tahun 1995 berbanding dengan hanya 60.4 peratus pada tahun 1990. Selaras dengan arah aliran ini, KDNK mengikut kuasa beli sebenar dijangka meningkat sebanyak 7.8 peratus setahun, iaitu lebih tinggi dari kadar pertumbuhan keluaran negara.

Perkembangan Harga

1.50 Malaysia telah berjaya mengekalkan kestabilan paras harga. Dalam tempoh RM6, kadar inflasi dijangka akan terus rendah. Walau bagaimanapun, perkembangan pesat pelaburan dan penggunaan di peringkat awal tempoh RM6 akan membawa ekonomi negara beroperasi ke tahap yang hampir dengan keupayaan pengeluaran yang sepenuhnya, menyebabkan kemungkinan timbul masalah dan kekurangan dalam sektor utama tertentu. Perkembangan ini, jika dibiarkan berterusan, akan meningkatkan tekanan inflasi dalam ekonomi. Bagi mengurangkan kesan buruk dari kenaikan harga, langkah-langkah akan diambil bagi mengatasi kekurangan bekalan dengan memberi kelonggaran kepada import dan dengan meningkatkan keluaran dalam negeri serta mengawal kenaikan harga barang-barang keperluan dan

perkhidmatan di samping menggalakkan kawalan ke atas upah. Pada masa yang sama, pelaburan awam dan penawaran wang akan diawasi dengan rapi untuk mengelakkan tekanan inflasi. Tambahan pula langkah-langkah yang sesuai akan diambil untuk mengawal tekanan harga. Selain daripada mengawasi harga dan penguatkuasaan pemeriksaan, langkah akan diambil secara berterusan untuk menyedarkan orang ramai akan isu-isu yang berkaitan dengan hak dan akeistimewaan mereka sebagai pengguna menerusi media massa.

1.51 Secara keseluruhan, kedudukan sumber bagi tempoh RM6 adalah kukuh. Tabungan kasar negara yang sememangnya tinggi berbanding dengan negara-negara lain di dunia di jangka meningkat ke paras 34.1 peratus kepada KNK dalam tempoh RM6, melebihi tahap 31 peratus yang dicapai bagi Rancangan sebelum ini. Ini menggambarkan keupayaan negara untuk menggembeleng sumber-sumber dalam negeri. Walau bagaimanapun, jumlah pelaburan bagi tempoh RM6 dijangka meningkat kepada 34.9 peratus kepada KNK. Dengan itu, jurang sumber pelaburan dijangka berada pada tahap 0.8 peratus kepada KNK, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1-5. Jurang ini akan ditampung melalui aliran masuk modal asing. Strategi yang akan diambil ialah untuk mengurus sumber-sumber tersebut dengan lebih cekap di samping menyalurkannya kepada pelaburan yang produktif.

1.52 Dalam tempoh RM6, sektor awam akan terus mengalami jurang sumber sebanyak 1.7 peratus kepada KNK. Walau bagaimanapun, sektor swasta dijangka mengalami lebihan sumber sebanyak 0.9 peratus kepada KNK. Tabungan swasta yang dijangka berjumlah 25.2 peratus kepada KNK, sebahagian besarnya akan terus berpunca daripada tabungan isirumah dan bukan daripada syarikat-syarikat. Imbangan Pembayaran

1.53 Sepanjang tempoh RM6, pertumbuhan eksport barangan dijangka lebih cepat daripada import, mencatatkan lebih sebanyak 6.0 peratus kepada KNK seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1-6. Walau bagaimanapun, imbalan perkhidmatan terus menunjukkan defisit yang besar kira-kira 7.0 peratus kepada KNK dan ini dijangka menyebabkan defisit akaun semasa sebanyak 0.8 peratus kepada KNK. Defisit akaun semasa dijangka berterusan dalam tempoh separuh pertama RM6 disebabkan oleh import yang meningkat. Walau bagaimanapun, bagi tempoh separuh kedua Rancangan, akaun semasa dijangka mencatatkan lebihan, berikutan daripada kedudukan akaun barangan yang lebih baik yang dapat mengatasi defisit akaun perkhidmatan. Kedudukan yang lebih baik ini yang dijangka diperolehi daripada pertumbuhan eksport yang pesat serta langkah-langkah bagi mengurangkan defisit dalam akaun perkhidmatan tidak akan mencukupi untuk mengimbangi defisit terkumpul yang besar yang dialami dalam tempoh separuh pertama Rancangan.

1.54 Untuk membendung defisit dalam lingkungan yang dapat dikawal, langkah-langkah akan diambil untuk menggalakkan eksport dengan lebih giat lagi serta mengurangkan import terutamanya untuk barang-barang penggunaan dan

perantara dengan menggalakkan lebih banyak pengeluaran tempatan. Selain dari itu, usaha-usaha akan diteruskan bagi mengurangkan defisit akaun perkhidmatan melalui perkembangan industri pelancongan, perkapalan dan insuran. Di masa yang sama, Kerajaan akan terus menggalakkan pelaburan asing secara langsung termasuk pelaburan semula keuntungan yang diperolehi untuk mengekalkan aliran masuk modal korporat yang tinggi bagi mengekalkan kedudukan akaun modal yang sihat. Peningkatan pendapatan daripada pelaburan Malaysia di luar negeri, hasil dari galakan yang kini diberi kepada pelabur-pelabur, akan membantu memperbaikiimbangan keseluruhan.

Tenaga Buruh dan Gunatenaga

1.55 Jumlah penduduk Malaysia yang dijangka bertambah pada kadar 2.4 peratus setahun, akan mencapai 20.26 juta menjelang tahun 1995. Kadar ini adalah lebih rendah berbanding dengan kadar 2.5 peratus bagi tempoh RM5 seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1-7. Semenanjung Malaysia mencatatkan kadar pertumbuhan penduduk yang lebih rendah, iaitu 2.3 peratus setahun berbanding dengan 3.1 peratus bagi Sabah dan 2.5 peratus bagi Sarawak.

1.56 Dalam tempoh RM6, tenaga buruh dijangka berkembang pada kadar yang lebih perlahan, iaitu 2.9 peratus berbanding dengan 3.1 peratus dalam tempoh RM5, seperti yang ditunjukkan dalam Carta 1-6. Kadar pertumbuhan yang perlahan ini, sebahagian besarnya disebabkan oleh pertumbuhan penduduk yang perlahan dalam kumpulan umur 15-24 tahun, kesan dari penurunan kesuburan pada masa lalu. Walau bagaimanapun, kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) keseluruhannya dijangka meningkat daripada 66.5 peratus dalam tahun 1990 kepada 67.3 peratus pada tahun 1995 disebabkan peningkatan KPTB wanita daripada 47.3 peratus kepada 48.6 peratus dalam tempoh yang sama.

1.57 Gunatenaga dijangka berkembang dengan memuaskan pada kadar 3.2 peratus setahun untuk mencapai paras 7.8 juta pada tahun 1995, iaitu pertambahan jumlah pekerjaan sebanyak 1.1 juta. Oleh kerana penawaran tenaga buruh dijangka meningkat pada kadar 2.9 peratus setahun, kadar pengangguran akan berkurangan daripada 6.0 peratus dalam tahun 1990 kepada kira-kira 4.5 peratus menjelang tahun 1995. Kadar ini hampir mencapai paras gunatenaga penuh. Pada keseluruhannya, penawaran tenaga buruh muda dan mudahlatih adalah mencukupi. Walau bagaimanapun, kepesatan perkembangan industri di-kawasan-kawasan tertentu akan memberi tekanan kepada pasaran buruh tempatan. Tekanan keatas kenaikan upah akan timbul ekoran dari keadaan pasaran buruh yang ketat. Oleh yang demikian, bagi memelihara daya saing Malaysia di peringkat antarabangsa, kenaikan upah perlu diselaraskan dengan peningkatan produktiviti. Bagi tujuan ini, Kerajaan akan menggubal satu sistem penyesuaian upah yang mengaitkan paras upah dengan produktiviti. Perubahan-perubahan yang akan dilaksanakan akan memberi faedah kepada kedua-dua pihak iaitu pekerja dan majikan.

1.58 Sebagai langkah untuk mengurangkan tekanan kepada pasaran buruh, Kerajaan akan menjalankan program-program bagi melengkapkan pekerja wanita dengan kemahiran yang bernilai komersil. Langkah sebegini bukan sahaja mengoptimumkan potensi wanita, tetapi juga meningkatkan prospek kerjaya mereka selaras dengan pertambahan peluang-peluang pekerjaan serta perubahan struktur dalam ekonomi.

1.59 Peningkatan penggunaan teknologi pembuatan dan proses pengeluaran moden untuk meninggikan produktiviti akan meningkatkan permintaan terhadap buruh mahir bagi memenuhi keperluan operasi yang berintensif modal. Untuk memenuhi keperluan tenaga manusia masa kini dan hadapan, Kerajaan telah menyediakan satu program yang komprehensif bagi rombak dasar seperti yang terkandung dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Latihan. Langkah ini adalah bertujuan untuk menjadikan sistem penyampaian tenaga mahir lebih responsif kepada permintaan pasaran buruh dan perubahan teknologi. Di samping itu, kerjasama yang lebih erat di antara sektor awam dan swasta akan digalakkan dan peranan sektor swasta dalam latihan akan ditingkatkan. Ini akan memastikan institusi latihan dan pendidikan berupaya untuk mengeluarkan tenaga kerja dengan jumlah dan kualiti yang diperlukan untuk pertumbuhan dan pembangunan masa hadapan.

1.60 Pewujudan peluang pekerjaan dalam tempoh RM6 dijangka berubah selaras dengan perubahan dalam struktur ekonomi, seperti yang ditunjukkan dalam Carta 1-7. Peluang pekerjaan dalam sektor perkhidmatan akan terus bertambah terutamanya dalam perkhidmatan bukan kerajaan berikutan daripada penerusan dasar menyekat pewujudan pekerjaan baru di sektor awam. Memandangkan ekonomi mengalami proses perindustrian yang pesat dan dengan asas yang lebih luas, lebih banyak peluang pekerja akan diwujudkan di sektor-sektor perkhidmatan, pembuatan dan pembinaan, sementara sumbangan sektor pertama akan berkurangan. Sektor perkhidmatan tidak termasuk perkhidmatan kerajaan, dijangka menyediakan 593,900 pekerjaan baru atau 52.5 peratus daripada jumlah pekerjaan baru yang diwujudkan. Gunatenaga dalam sektor pembuatan dijangka meningkat pada kadar 5.7 peratus setahun dan akan mewujudkan tambahan 408,900 pekerjaan baru. Kadar pertumbuhan ini lebih rendah berbanding dengan tempoh sebelumnya akibat dari pertumbuhan yang kecil dalam sektor tersebut serta peralihan kepada penggunaan automasi.

1.61 Sejalan dengan peralihan struktur gunatenaga ke arah sektor ekonomi moden dan juga hasil dari program-program latihan yang sedang diwujudkan, produktiviti buruh secara keseluruhannya, apabila dikira nilai ditambah bagi setiap pekerja dijangka meningkat daripada \$11,950 dalam tahun 1990 kepada \$14,660 pada tahun 1995. Peningkatan produktiviti yang paling ketara ialah dalam sektor pembuatan. Ia dijangka meningkat daripada \$16,570 kepada \$21,690 dalam tempoh tersebut.

Rangka Dasar Untuk Matlamat Pengagihan

1.62 Dalam usaha untuk mencapai matlamat agihan, RM6 akan memberi perhatian khusus kepada aspek kualitatif dalam usaha mengatasi masalah kemiskinan dan ketidakseimbangan ekonomi yang masih wujud di kalangan kumpulan etnik. Masalah ini, walau bagaimanapun, tidak lagi begitu serius seperti keadaan-nya dua puluh tahun dahulu. Oleh itu, penumpuan akan beralih ke arah pelaksanaan program dan projek secara yang lebih terpilih dalam usaha untuk membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum dan menyusun semula masyarakat. Dengan itu, walaupun program pembasmian kemiskinan akan kekal sebagai satu aspek penting dalam strategi pembangunan, penekanan akan ditumpukan kepada program-program untuk golongan termiskin. Begitu juga dengan usaha penyusunan semula masyarakat, keutamaan akan diberi kepada pembangunan MPPB yang kurang menunjukkan kejayaan sepanjang tempoh pelaksanaan DEB.

Pembasmian Kemiskinan

1.63 Kemajuan akan terus dicapai dalam usaha pembasmian kemiskinan dan kadar kemiskinan keseluruhannya dijangka akan dapat dikurangkan daripada 17.1 peratus dalam tahun 1990 kepada 11.1 peratus dalam tahun 1995, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1-8. Ini akan membawa kepada pengurangan kira-kira 133,900 isirumah miskin daripada jumlah masa kini sebanyak 619,400. Dari segi strata, ini melibatkan pengurangan sebanyak kira-kira 129,100 isirumah miskin di luar bandar dan kira-kira 4,800 di kawasan bandar. Bagi Semenanjung, kadar kemiskinan dijangka akan dikurangkan daripada 15 peratus kepada 9.1 peratus dengan pengurangan isirumah miskin sebanyak 119,400. Bagi negeri Sabah, kadar kemiskinan dijangka berkurang daripada 34.3 peratus kepada 25.6 peratus, melibatkan pengurangan kira-kira 5,500 isirumah miskin manakala di Sarawak kadarnya dijangka berkurang kepada 16 peratus, yang melibatkan pengurangan sebanyak 6,000 isirumah miskin. Dengan pencapaian ini, kadar kemiskinan bagi golongan termiskin juga dijangka akan berkurang daripada 4.0 peratus kepada 2.0 peratus, dengan pengurangan jumlah isirumah termiskin daripada 143,100 kepada 88,800. Selaras dengan itu, mutu hidup golongan miskin terutama yang termiskin, akan juga dipertingkatkan melalui penyediaan keperluan asas dan kemudahan sosial yang lain. Faktor utama yang akan menyumbang kepada kemajuan dalam pembasmian kemiskinan ialah pertumbuhan ekonomi yang berterusan yang akan menyediakan peluang-peluang bagi golongan miskin di kedua-dua kawasan bandar dan luar bandar meningkatkan pendapatan dan taraf hidup mereka. Kerajaan akan menyediakan kemudahan sokongan yang diperlukan, khususnya kepada golongan termiskin, bagi menggalakkan mereka berdikari.

1.64 Di samping memberi tumpuan kepada golongan termiskin dalam masyarakat, RM6 juga akan memberikan perhatian kepada masalah-masalah yang dijangka timbul berkaitan dengan kemiskinan relatif. Bagi mencapai tujuan ini, penekanan akan diberi kepada golongan penduduk yang menerima pendapatan terendah terutamanya yang

terdiri daripada kumpulan isirumah 40 peratus terendah. Perhatian utama dalam usaha ini ialah untuk memastikan isirumah berpendapatan rendah yang tidak lagi miskin secara mutlak, tidak akan mengalami kemerosotan kedudukan sosio-ekonomi mereka di samping menentukan pendapatan purata mereka terus meningkat berbanding dengan pendapatan purata isirumah yang berpendapatan lebih tinggi.

Penyusunan Semula Masyarakat

1.65 Dari segi penyusunan semula masyarakat, kemajuan seterusnya akan dicapai dalam penyusunan semula gunatenaga di mana corak gunatenaga di kalangan kumpulan etnik akan mencerminkan komposisi penduduk dalam negara. Bahagian Bumiputera, terutamanya dalam pekerjaan profesional yang berpendapatan tinggi, dijangka meningkat daripada 29 peratus kepada 32.3 peratus dalam tempoh tersebut, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1-9. Pecahan bagi pekerjaan profesional ini ditunjukkan dalam Jadual 1-10. Penyertaan Bumiputera dalam sektor moden, terutamanya dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan bukan kerajaan, akan terus dipertingkatkan hasil daripada penambahan penawaran tenaga manusia yang terpelajar dan mahir dikalangan Bumiputera serta permintaan yang lebih tinggi terhadapnya, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1-11. Bumiputera akan diberi peluang bagi membolehkan mereka menyertai pekerjaan mahir di sektor swasta di mana terdapatnya permintaan yang lebih besar terhadap tenaga kerja berkecuali. Penekanan yang khusus akan diberi untuk memperbaiki kualiti tenaga kerja Bumiputera menerusi peningkatan kepakaran dan keupayaan teknikal, kebolehan berkomunikasi serta kemahiran lain yang mempunyai nilai komersil.

1.66 Penyusunan semula gunatenaga akan juga mengambilkira keperluan untuk meningkatkan penyertaan bukan Bumiputera dalam sektor-sektor di mana penyertaan mereka masih rendah. Selaras dengan itu, peningkatan penyertaan bukan Bumiputera dalam jawatan sektor awam seperti di peringkat pertengahan dan tinggi dalam perkhidmatan awam akan dapat memperbaiki lagi susunan corak gunatenaga dalam sektor tersebut. Walau bagaimanapun, penyertaan Bumiputera di peringkat tinggi dalam sektor swasta adalah rendah. Oleh itu, sementara gunatenaga bukan Bumiputera dalam jawatan diperingkat pertengahan dan tinggi dalam perkhidmatan awam dijangka bertambah berbanding dengan kedudukan pada tahun 1990, sektor swasta perlu juga mengambil tindakan yang serupa dengan mempertingkatkan pengambilan gunatenaga Bumiputera di peringkat profesional, pengurusan dan eksekutif supaya dapat diperbaiki lagi struktur gunatenaga di antara kaum dalam sektor tersebut.

1.67 Di dalam penyusunan semula sektor syarikat, matlamat penyertaan Bumiputera sekurang-kurangnya 30 peratus akan terus menjadi panduan bagi pembentukan strategi dan program untuk tempoh tersebut. Walau bagaimanapun, Kerajaan menyedari yang matlamat ini memerlukan masa untuk dicapai memandangkan ia

melibatkan penggemblengan tabungan Bumiputera yang besar dan memerlukan usahawan Bumiputera yang boleh terlibat secara berkesan dalam sektor moden. Oleh yang demikian, di bawah DPN tiada jangka masa tertentu ditetapkan untuk pencapaian matlamat penyusunan semula modal saham sekurang-sekurangnya 30 peratus. Di bawah RM6, tumpuan utama akan diberikan kearah mewujudkan kumpulan pemimpin, profesional, teknikal, pengurus dan usahawan yang berkualiti bagi membolehkan Bumiputera mengurus harta mereka secara berkesan supaya dapat menyediakan asas bagi pewujudan harta secara berterusan.

1.68 Agensi-agensi amanah tidak lagi diperlukan untuk membeli sebahagian besar saham-saham baru yang diterbitkan memandangkan sumber-sumber kewangan mereka yang terhad serta pengurangan jumlah bantuan kewangan secara langsung yang disediakan oleh Kerajaan. Sebaliknya, penekanan akan diberi kepada penyertaan langsung daripada individu-individu dan syarikat-syarikat Bumiputera sebagai satu kumpulan untuk mengambil sebahagian besar daripada modal saham baru yang dikhaskan untuk Bumiputera.

1.69 Untuk membolehkan penyertaan Bumiputera secara yang lebih aktif dan berkesan dalam sektor syarikat, penekanan yang lebih akan ditumpukan kepada peningkatan keupayaan mereka untuk mengekalkan dan menambah harta yang telah terkumpul sejak beberapa tahun yang lalu. Dengan itu, perhatian akan ditumpukan kepada usaha meningkatkan kepakaran dan keupayaan mereka dalam pengurusan harta kekayaan. Dalam masa yang sama, bantuan akan diberi dengan tujuan untuk membangunkan syarikat dan perniagaan kecil Bumiputera bagi membolehkan mereka mendapat faedah daripada peluang-peluang yang bertambah dalam sektor syarikat.

Rangka Dasar Untuk Keseimbangan Wilayah

1.70 Menjelang akhir tempoh RM6, Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Terengganu akan terus menjadi negeri-negeri yang mempunyai KDNK per kapita yang tertinggi seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1-12. Walaupun Lembah Klang menghadapi kekurangan tanah, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor akan terus menikmati faedah daripada pengembangan kegiatan sektor swasta dengan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur berfungsi sebagai pusat perkhidmatan utama dan Selangor sebagai negeri perindustrian utama. Kedudukan kedua-dua negeri tersebut sebagai pusat perkhidmatan dan perindustrian utama akan berterusan selagi pengusaha dan pelabur swasta berminat untuk mendirikan perniagaan dan kilang masing-masing di negeri-negeri berkenaan.

1.71 Johor, sebuah negeri berpendapatan sederhana, dijangka berkembang dengan kadar yang lebih pesat berbanding dengan purata negara bagi tempoh tersebut. Nisbah KDNK per kapita Johor kepada purata negara diramalkan meningkat daripada 0.91 dalam tahun 1990 kepada 1.01 pada tahun 1995. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh pembangunan perindustrian yang pesat di negeri tersebut. Selain

dari mendapat faedah berikutan daripada kedudukannya yang berdekatan dengan Singapura, negeri Johor juga dijangka mendapat faedah daripada pembangunan di kawasan pertumbuhan segitiga yang meliputi Johor Selatan, Pulau Batam dan Singapura. Dengan siapnya pembinaan hubungan kedua di antara Johor dengan Singapura, pembangunan pelabuhan kedua di Johor dan penempatan semula industri dari Singapura akan dapat mempercepatkan lagi tahap pembangunan di negeri tersebut. Pada masa yang sama, Melaka, Negeri Sembilan dan Perak akan terus menikmati faedah daripada limpahan pembangunan di Lembah Klang memandangkan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor telah mula menunjukkan tanda-tanda menghadapi kesesakan. Di samping itu, rancangan-rancangan sedang disediakan untuk mengusahakan sepenuhnya tanah bekas lombong yang luas di Perak dan memajukan Perak Utara yang berpotensi untuk pembangunan pelancongan berasaskan pertanian. Negeri-negeri Sabah dan Sarawak yang sebahagian besarnya bergantung kepada sektor pertama iaitu pertanian dan perlombongan terutamanya petroleum, diramalkan berkembang pada kadar 6.2 peratus di Sabah dan 7.5 peratus di Sarawak. Walau bagaimanapun, peningkatan kegiatan berkaitan dengan petroleum dan gas akan menggiatkan pertumbuhan sektor pembuatan di kedua-dua negeri tersebut. Sektor pembuatan dijangka berkembang pada kadar 13.7 peratus setahun di Sabah dan 15.7 peratus di Sarawak, lebih tinggi daripada kadar purata negara sebanyak 11.5 peratus. Kadar pertumbuhan sektor pembuatan yang tinggi di negeri-negeri tersebut akan dihasilkan dari perluasan kegiatan hiliran yang berkaitan dengan industri petroleum dan gas.

1.72 Pertumbuhan ekonomi negeri Kedah, sebuah negeri yang kurang maju, diramalkan bertambah baik dan dijangka berkembang pada kadar 8.0 peratus. Pertumbuhan pesat ini dijangka akan dihasilkan oleh kemajuan industri pembuatan, terutamanya yang berada di kawasan Kulim-Sungai Petani dan limpahan industri daripada Pulau Pinang. Di samping itu, negeri Kedah akan mengalami pertumbuhan apabila Kulim dijadikan sebagai salah satu kawasan untuk pembangunan industri berteknologi tinggi dibawah strategi pengkhususan perindustrian mengikut kawasan. Kedudukan Perlis dan Kelantan secara relatifnya tidak berubah dan sektor pertanian akan terus merupakan penyumbang utama kepada pembangunan ekonomi di kedua negeri ini. Walau bagaimanapun, terdapat potensi membangunkan pertanian komersil dan hortikultur terutama di kawasan tanah tinggi di barat daya Kelantan yang boleh menggalakkan pertumbuhan sektor pertanian di negeri tersebut.

1.73 Pada umumnya, asas ekonomi semua negeri akan terus berubah secara progresif daripada pergantungan kepada sektor pertama kepada sektor-sektor moden kedua dan ketiga. Sebagai contoh, sumbangan sektor kedua kepada KDNK negeri Kelantan dijangka meningkat daripada 14.4 peratus dalam tahun 1990 kepada 17.9 peratus pada tahun 1995, daripada 21.8 peratus kepada 30.2 peratus untuk negeri Kedah dan daripada 17.2 peratus kepada 23.7 peratus untuk negeri Pahang. Sehubungan dengan itu, sumbangan sektor pertama kepada KDNK negeri-negeri ini akan berkurangan.

V. STRATEGI PEMBANGUNAN RANCANGAN MALAYSIA KEENAM

Strategi Ekonomi Makro

1.74 Sebagai usaha untuk memperbaiki prospek pertumbuhan ekonomi Malaysia dalam suasana ekonomi dunia yang sentiasa berubah, tumpuan akan diberi kepada strategi makro bagi membolehkan negara menghadapi cabaran yang mendatang disamping memperkukuhkan keupayaan pengeluaran dan daya saing negara di pasaran antarabangsa. Dalam tempoh RM6, pertumbuhan produktiviti merupakan penentu terpenting kepada perkembangan ekonomi bagi membolehkan negara menghadapi cabaran dari perkembangan pesat teknologi dan perubahan ekonomi dunia. Berikutan dengan sumber-sumber semula jadi yang semakin berkurangan dan meningkatnya kebimbangan ke atas kemerosotan alam sekitar, adalah perlu untuk memastikan bahawa penggunaan sumber-sumber digunakan dengan cekap supaya pembangunan dapat dikekalkan.

1.75 Untuk mencapai pertumbuhan yang pesat, strategi yang digunakan ialah, pertama, meningkatkan kecekapan dan daya saing ekonomi di samping menggalakkan sektor swasta untuk terus memainkan peranan utama dalam perkembangan ekonomi negara. Sektor swasta selalunya berusaha gigih dalam suasana ekonomi makro yang stabil. Oleh yang demikian, Kerajaan akan memastikan bahawa pengurusan ekonomi akan terus mewujudkan suasana yang menggalakkan pelaburan swasta dan mendorong sektor tersebut untuk meningkat inisiatif dan keusahawannya. Untuk mencapai hasrat ini, dasar fiskal dan kewangan Kerajaan akan ditumpukan ke arah mengekalkan kestabilan harga, kadar tukaran asing yang boleh menggalakkan eksport serta kedudukanimbangan pembayaran yang memuaskan.

1.76 Kedua, oleh kerana kedudukan kewangan sektor awam yang kukuh adalah penting untuk menjamin pertumbuhan dan suasana kewangan dan ekonomi yang stabil, langkah-langkah untuk memperkukuhkan dan mengurangkan penyertaan secara langsung sektor awam akan terus dilaksanakan. Di samping itu, langkah-langkah juga akan diambil untuk memperteguhkan lagi kedudukan hasil Kerajaan Persekutuan, mengurangkan perbelanjaan yang tidak produktif dan menyegerakan pelaksanaan program-program penswastaan untuk memperbaiki kedudukan kewangan sektor awam. Ini akan meningkatkan keupayaan sektor awam untuk melaksanakan program-program pembangunan infrastruktur, pembangunan sumber manusia serta menyediakan perkhidmatan sosial bagi mencapai matlamat pengagihan di bawah DPN.

1.77 Ketiga, Kerajaan akan terus mengekalkan dasar liberalisasi dan pelonggaran peratusan dan undang-undang untuk memperbaiki iklim pelaburan. Bagi maksud ini,

Kerajaan akan terus melaksanakan dasar leberal yang sedia ada berkaitan dengan modal saham oleh pelabur asing di sektor pembuatan dan pelancongan. Langkah-langkah juga akan diambil untuk mempermudah prosidur dan peraturan pentadbiran di peringkat Persekutuan, negeri dan kerajaan tempatan untuk menyegerakan pelaksanaan projek-projek sektor swasta. Sungguhpun agensi-agensi penguatkuasa peraturan seperti Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Jawatankuasa Pelaburan Asing (FIC) dan Jawatankuasa Terbitan Modal (CIC) akan terus berfungsi bagi melaksanakan matlamat penyusunan pemilikan modal saham dan gunatenaga sektor swasta, namun prosidur-prosidur akan dipermudahkan bagi memastikan supaya ianya selaras dengan dasar utama untuk menggalakkan pertumbuhan sektor swasta dan pelaburan asing di negara ini.

1.78 Keempat, usaha-usaha akan diteruskan bagi memesatkan proses pembangunan perindustrian. Untuk mengekalkan daya saing di peringkat antarabangsa, Malaysia perlu mengubah struktur industri yang sedia ada kepada penggunaan teknologi yang lebih canggih dan keluaran yang lebih bermutu untuk memenuhi keperluan pasaran di negara-negara maju. Ini memerlukan perubahan dasar untuk menggalakkan peningkatan teknologi, mempelbagaikan lagi asas industri, menggalakkan penyusunan semua struktur dan pemodenan industri terutama industri kecil dan sederhana. Di samping itu, keupayaan sektor pembuatan untuk menggunakan kaedah-kaedah baru di dalam pengeluaran, rekabentuk dan pemasaran perlu di tingkatkan. Bagi tujuan ini, RM6 akan diperuntukkan lebih banyak sumber untuk tujuan pembangunan S&T, P&P, pembangunan sumber manusia dan program penyusunan semula perindustrian. Dalam hal ini yang paling utama ialah mutu pendidikan dan latihan perlu ditingkatkan untuk memenuhi permintaan tenaga mahir yang semakin bertambah dan untuk meningkatkan kecekapan dan produktiviti tenaga buruh. Sistem pengangkutan dan perhubungan perlu dimajukan segera untuk mengatasi masalah kesesakan dan halangan yang mungkin timbul kesan daripada pertumbuhan yang begitu cepat di kawasan perindustrian utama.

1.79 Kelima, usaha-usaha yang lebih giat akan dijalankan untuk memperkukuhkan perkembangan pasaran kewangan dan modal supaya gabungan dalam negeri dapat ditingkatkan dan disalurkan secara cekap kepada sektor-sektor ekonomi yang produktif, terutamanya sektor pembuatan. Satu pembaharuan yang akan diperkenalkan ialah usaha untuk membolehkan syarikat dan institusi perniagaan mendapatkan sumber kewangan jangka panjang dari institusi-institusi keselamatan sosial yang telah mengumpul tabungan yang tinggi.

Strategi Sektor-sektor

1.80 Strategi sektor akan ditumpukan kepada usaha mempelbagaikan lagi asas ekonomi, menggalakkan kegiatan yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi di samping mencari punca-punca pertumbuhan baru. Perubahan struktur pengeluaran kepada kegiatan seperti yang dinyatakan ini, akan dapat memperkukuhkan lagi kedudukan daya tahan ekonomi negara. Sungguhpun sektor pertanian masih lagi merupakan sektor penting dalam ekonomi, teras utama ke arah pertumbuhan dan perubahan struktur dijangka berpunca daripada sektor pembuatan. Sektor perkhidmatan juga akan berkembang dan memainkan peranan yang lebih penting apabila ekonomi menjadi lebih maju. Selain daripada menggalakkan kemajuan sektor perkhidmatan dalam negeri, usaha akan juga ditumpukan ke arah mengeksport perkhidmatan dengan tujuan mengurangkan defisit dalam akaun perkhidmatan imbalan pembayaran.

1.81 Pembangunan sektor pertanian adalah terbatas dengan adanya masalah-masalah kekurangan tanah yang sesuai untuk pertanian, kekurangan tenaga buruh dan peningkatan kos pengeluaran. Sungguhpun masih luas tanah-tanah yang sesuai untuk pertanian yang belum diusahakan di Sabah dan Sarawak, infrastruktur pertanian perlu diperbaiki dari masa ke semasa. Di samping itu, adalah juga penting bagi negara untuk memulihara dan membangunkan kawasan hutan dan sumber-sumber perikanan pantai. Disebabkan oleh batasan-batasan ini, strategi pembangunan sektor pertanian akan ditumpukan kepada usaha untuk memperbaiki daya keluaran kawasan-kawasan yang sedia tertanam melalui usaha penyatuan tanah dan penggunaan kaedah-kaedah ladang, P&P, penggunaan alat-alat yang menjimatkan tenaga buruh di samping memperluaskan lagi khidmat sokongan dan sistem pemasaran yang lebih cekap. Dengan itu, kemudahan infrastruktur di luar bandar akan diperbaiki bagi mewujudkan rantai antara sektor pertanian dengan sektor-sektor lain yang mempunyai nilai d-itambah yang lebih tinggi. Ia juga menggalakkan pewujudan industri luar bandar serta memudahkan masyarakat luar bandar untuk menceburi aktiviti moden.

1.82 Walaupun pengeluaran perhutanan dan perkayuan akan terus memberi sumbangan yang besar kepada pertumbuhan ekonomi, penekanan yang lebih akan diberi kepada usaha pemuliharaan hutan untuk mengekalkan kestabilan alam sekitar dan ekologi. Kadar pembalakan akan dikurangkan untuk memastikan pengurusan hutan yang berkekalan selaras dengan Dasar Perhutanan Negara. Pada masa yang sama, usaha pemulihan dan pembangunan semula kawasan yang telah dibalok akan diteruskan untuk memastikan kestabilan bekalan kayu untuk memenuhi keperluan pemprosesan barangan perkayuan yang mempunyai nilai ditambah yang lebih tinggi. Dengan cara ini, usaha pengeluaran dan perlindungan akan dapat diseimbangkan supaya pengurusan dan pemeliharaan hutan yang baik akan membantu meningkatkan pertumbuhan ekonomi di samping memastikan pemeliharaan tanah, iklim, habitat dan ekologi negara.

1.83 Sektor perlombongan dijangka terus dipengaruhi oleh petroleum dan gas. Di sektor petroleum, penekanan akan diberi kepada usaha mengekalkan kadar eksploitasi pengeluarannya. Gas asli, yang diketahui mempunyai simpanan yang banyak, akan menjadi penyumbang utama kepada pertumbuhan sektor perlombongan dalam RM6. Di samping itu, satu dasar perlombongan negara sedang digubal dengan tujuan untuk memajukan potensi negara untuk memperolehi hasil dari simpanan galian bukan lanar di samping memajukan aktiviti industri berasaskan galian.

1.84 Strategi utama dalam usaha menggalakkan pertumbuhan sektor pembuatan ialah dengan cara memperluas dan mempelbagaikan asasnya dan juga mewujudkan rantaian yang lebih kukuh dengan sektor kecil tradisional. Penekanan akan terus ditumpukan untuk mempercepatkan pertumbuhan industri-industri yang berasaskan eksport, memajukan industri barangan perantaraan dan modal di samping terus mengambil langkah untuk menyusun semula dan memodenkan industri-industri yang sedia ada. Sektor-sektor kecil tertentu yang di kenalpasti yang telah lama menikmati perlindungan tarif akan disusun semula untuk memperbaiki kecekapan dan daya saingan industri ini. Usaha yang lebih bersungguh-sungguh akan juga dijalankan untuk meningkatkan rantaian di antara industri-industri besar yang mempunyai kepentingan asing dengan industri-industri dalam negeri yang bersaiz kecil dan sederhana.

1.85 Sektor perkhidmatan secara keseluruhannya akan dimajukan supaya ia dapat memberi sokongan yang mencukupi untuk menampung perkembangan sektor-sektor lain. Usaha tersebut bukan sahaja merangkumi peningkatan dan pemodenan sektor-sektor kecil perkhidmatan yang sedia ada, tetapi juga pembangunan perkhidmatan yang moden dan canggih serta mempunyai nilai ditambah yang tinggi terutamanya di dalam sektor kecil kewangan, perkhidmatan profesional serta pakarunding. Di samping itu, usaha akan dibuat untuk mempercepatkan pembangunan industri pelancongan dan riadah, perkapalan, pendidikan lanjutan swasta serta perkhidmatan kesihatan pakar untuk menjimatkan dan pada masa yang sama memperolehi tukaran wang asing. Pembangunan industri ini dijangka dapat membantu mengurangkan defisit akaun perkhidmatan imbalan pembayaran.

Strategi-strategi Pengagihan

1.86 Integrasi yang lebih baik di antara strategi pertumbuhan ekonomi dengan strategi sektor akan diteruskan untuk memastikan supaya strategi pengagihan mengambilkira kepentingan keseimbangan penyertaan etnik dan pembangunan wilayah. Dalam melaksanakan strategi dan program membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat, usaha akan dibuat untuk meminimumkan kebocoran dan untuk menentukan faedah dari program tersebut benar-benar diterima oleh

kumpulan sasaran. Ini akan dilaksanakan dengan memperbaiki sistem penyampaian di samping memberi penekanan yang lebih terhadap pembangunan sumber manusia.

Golongan Termiskin

1.87 Berhubung dengan golongan termiskin, satu pakej baru program yang dinamakan Program Pembangunan Bagi Golongan Termiskin akan dilaksanakan dengan peruntukan sebanyak kira-kira \$600 juta bagi memenuhi keperluan khusus golongan tersebut. Pakej baru ini telah disediakan berdasarkan pengalaman awal yang telah diperolehi semasa melaksanakan program tersebut dalam tempoh 1989-90, dan juga berasaskan penyiasatan dan analisa yang telah dibuat terhadap sistem penyampaian dan kesannya ke atas golongan termiskin. Pakej ini mengandungi program-program yang menekankan keperluan makanan dan pemakanan bagi kanak-kanak yang kekurangan zat, penyediaan tempat tinggal yang selesa dan lain-lain jenis bantuan matabenda. Program ini juga akan menyediakan bantuan kepada murid-murid sekolah dalam bentuk biasiswa kecil, buku teks, kemudahan asrama dan makanan tambahan. Dalam usaha untuk meningkatkan pendapatan mereka, projek-projek ekonomi seperti penanaman tanaman kontan dan ternakan akan digalakkan di kalangan ahli-ahli keluarga yang masih aktif. Di samping itu, pakej ini juga akan menyediakan kemudahan infrastruktur asas termasuk kemudahan jalan raya, bekalan air dan elektrik, penjagaan kesihatan dan perubatan.

1.88 Untuk melicinkan pelaksanaan program ini, daftar isirumah termiskin sedang dikemaskini bagi mengenalpasti isirumah yang wajar menerima bantuan. Selain daripada maklumat mengenai pendapatan, daftar ini akan mengambilkira maklumat lain seperti keadaan tempat kediaman, kemudahan kepada keperluan asas serta taraf pendidikan dan keadaan kesihatan ahli-ahli keluarga. Di samping itu, satu jawatankuasa penyelarasan telah dibentuk bagi tujuan penyelarasan program dan untuk menentukan semua agensi yang terlibat mempunyai sumber-sumber yang mencukupi. Tambahan pula, satu prosidur yang lebih berkesan akan dibentuk untuk memastikan maklumbalas yang lebih baik mengenai kesan berbagai program yang dijalankan ke atas penerima faedah. Di peringkat daerah pula, Pegawai-pegawai Daerah akan diberi lebih banyak kemudahan sokongan untuk membantu mereka dalam melaksanakan program ini.

1.89 Satu pendekatan penting dalam usaha membasmi kemiskinan ialah pewujudan persekitaran yang baik untuk membolehkan golongan miskin memperbaiki potensi ekonomi mereka secara berdikari. Selaras dengan ini Kerajaan akan terus menyokong usaha badan-badan bukan kerajaan dan inisiatif syarikat swasta yang lain, seperti skim kredit oleh Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) yang direkabentuk untuk mewujudkan peluang pendapatan yang lebih baik untuk golongan miskin. Sebagai sebahagian daripada sokongan tersebut, Kerajaan akan menyediakan pinjaman sebanyak \$20 juta kepada AIM dalam tempoh RM6.

1.90 Selain dari strategi-strategi khusus untuk membasmi kemiskinan golongan termiskin, strategi-strategi yang sedia ada untuk meningkatkan taraf hidup isirumah miskin tanpa mengira kaum akan juga diteruskan. Pertumbuhan ekonomi juga akan mewujudkan peluang-peluang dari segi pekerjaan dan sumber pendapatan baru bagi golongan miskin. Di samping itu, program-program sektor awam di bawah Rancangan ini akan juga memberi faedah kepada isirumah miskin. Dalam sektor pertanian, Program Pembangunan Pertanian Bersepadu (PPPB), penyatuan dan pemulihan tanah serta khidmat-khidmat sokongan pertanian dijangka terus memberi kesan positif kepada isirumah miskin terutamanya melalui peningkatan produktiviti, pewujudan kegiatan-kegiatan tani yang bercorak komersil serta peningkatan sistem pemasaran. Seterusnya, aktiviti-aktiviti yang menghasilkan pendapatan luar kebun akan digalakkan di kalangan petani sebagai sebahagian daripada strategi keseluruhan untuk menghasilkan pendapatan tambahan di sektor luar bandar.

1.91 Program-program yang bertujuan untuk memperluaskan kemudahan pendidikan dan kesihatan bagi penduduk luar bandar akan juga memberi faedah kepada keluarga miskin. Dalam bidang pendidikan, sekolah-sekolah berasrama penuh akan terus diperluaskan ke kawasan luar bandar bagi faedah murid-murid luar bandar yang memerlukan suasana yang lebih selesa untuk belajar. Dari segi kemudahan kesihatan, peruntukan tambahan akan disediakan bagi meningkatkan taraf perkhidmatan kesihatan luar bandar untuk faedah keluarga yang berpendapatan rendah. Bagi menyokong program ini, kemudahan infrastruktur, terutamanya bekalan elektrik dan air, akan diperluaskan.

1.92 Kampung-kampung, termasuk yang dahulunya dikenali sebagai kampung baru yang telah terjejas kerana kekurangan sumber tanah akan diberi peluang, jika didapati sesuai, untuk memperluaskan kawasan mereka bagi mengatasi masalah kesesakan dan meningkatkan peluang bagi menghasilkan pekerjaan. Begitu juga disektor perladangan, Kerajaan akan melaksanakan strategi khusus untuk memperbaiki kemudahan perumahan, kesihatan, pendidikan dan sosial untuk meningkatkan kualiti hidup penduduk di ladang. Sementara majikan mempunyai tanggungjawab untuk menyediakan sebahagian daripada kemudahan ini, Kerajaan juga akan memberi bantuan yang tertentu. Bagi kemudahan yang melibatkan perbelanjaan yang besar, seperti menyambung paip air dan bekalan elektrik daripada sumber utama, serta lain-lain kemudahan asas, Kerajaan akan membantu majikan-majikan ladang untuk membawa kemudahan tersebut di pinggir ladang bagi membolehkan ladang berkenaan menggunakannya. Kerajaan juga akan berusaha mengadakan dan memperbaiki kemudahan pendidikan, kesihatan dan lain-lain kemudahan di ladang. Berhubung dengan skim pemilikan rumah pekerja, Kerajaan akan mengambil langkah-langkah pentadbiran dan lain-lain yang sesuai bagi memudahkan pihak pengurusan ladang mengambil tindakan ke arah melaksanakan lebih banyak skim-skim yang sedemikian.

Kemiskinan Relatif

1.93 Usaha yang lebih gigih akan dilaksanakan bagi mengurangkan kemiskinan relatif di antara dan di dalam kumpulan. Dalam tempoh RM6, selain dari mewujudkan peluang-peluang bagi golongan berpendapatan rendah, usaha-usaha yang berterusan akan juga dilaksanakan untuk meningkatkan lagi kemahiran dan produktiviti mereka bagi mengurangkan jurang perbezaan pendapatan terutamanya antara kumpulan 20 peratus tertinggi dan 40 peratus terendah.

1.94 Berbagai program akan dilaksanakan sepanjang tempoh RM6 bagi mengatasi masalah ini. Pertama, masalah saiz tanah yang tidak ekonomik serta tanah terbiar akan diatasi dengan lebih bersungguh-sungguh melalui penggunaan tanah yang lebih baik secara komersil. Kedua, lebih banyak usaha dan sumber akan digunakan ke arah membangun dan memperkukuhkan rantai ekonomi dan perdagangan melalui program tertentu seperti penubuhan industri luar bandar dan penyediaan perkhidmatan moden ke sektor luar bandar. Ketiga, dasar-dasar yang menggalakkan pertumbuhan yang lebih cepat aktiviti-aktiviti yang boleh menghasilkan pertumbuhan nilai ditambah dalam sektor pertanian akan dilaksanakan sebagai sebahagian daripada usaha untuk memodenkan sektor luar bandar ke arah pembangunan perindustrian dan perdagangan yang lebih pesat. Keempat, dasar dan program akan terus dilaksanakan untuk meningkatkan pendapatan dan peluang pekerjaan serta kemudahan-kemudahan dan perkhidmatan sosial di kawasan bandar, terutamanya bagi golongan miskin bandar. Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera

1.95 Selaras dengan dasar untuk membentuk sebuah MPPB yang berdaya maju dan berdaya saing, Kerajaan akan terus membantu usahawan dan peniaga Bumiputera yang sedia ada, dan juga mereka yang mempunyai potensi untuk menjadi usahawan, untuk mengukuhkan kedudukan mereka di dalam sektor perdagangan dan perindustrian. Untuk tujuan ini, satu tabung khas telah diwujudkan oleh Yayasan Pelaburan Bumiputera dengan peruntukan permulaan sebanyak \$200 juta.

1.96 Peranan perbadanan awam dan agensi amanah akan diselaraskan supaya lebih berkesan di bawah RM6. Satu strategi penting bagi membolehkan perancangan dan pelaksanaan program dibuat secara lebih berkesan ialah pemberian kuasa dan kebebasan yang lebih kepada agensi-agensi untuk membuat keputusan korporat dan perniagaan. Agensi-agensi ini dijangka perlu memainkan peranan yang lebih besar dalam memberi khidmat nasihat kepada usahawan dan peniaga Bumiputera untuk menjadikan mereka lebih berdaya saing. Dalam hubungan ini, perhatian khusus akan diberi dalam usaha menggalakkan Bumiputera menceburi aktiviti yang berasaskan teknologi melalui penyediaan bantuan yang sesuai oleh agensi-agensi di bawah konsep payung.

1.97 Pihak Kerajaan pula akan terus menyediakan sumber-sumber berbentuk institusi dan kewangan yang diperlukan untuk meningkatkan sokongan kepada pembangunan MPPB. Walau bagaimanapun, bantuan ini akan dibentuk dan diurus supaya galakan hanya diberikan kepada individu dan perniagaan yang benar-benar berdaya usaha. Ini akan menggalakkan kepentingan Bumiputera yang berdaya maju dan meningkatkan penyertaan mereka dalam ekonomi. Seterusnya Kerajaan akan menyediakan satu mekanisma yang sesuai untuk mengesan prestasi penerima-bantuan dan faedah yang diberi. Langkah-langkah akan diambil untuk memastikan sektor swasta juga memberi sumbangan yang sewajarnya kepada program-program ini.

1.98 Peranan dan sumbangan oleh pedagang dan peniaga-peniaga kecil Bumiputera akan juga diberi perhatian di bawah Rancangan ini. Dalam hubungan ini, bantuan kewangan, program latihan dan lain-lain projek yang berkaitan akan ditumpukan ke arah membantu perniagaan-perniagaan yang berpotensi untuk bertapak, terutamanya dalam bidang perniagaan borong dan runcit yang terletak di kawasan-kawasan perdagangan utama di bandaraya-bandaraya dan bandar-bandar di negara ini.

1.99 Satu lagi langkah penting yang akan diambil dalam tempoh Rancangan ini ialah pembentukan rangkaian yang lebih lengkap dan berkesan di antara persatuan-persatuan perdagangan dan perindustrian Bumiputera dengan institusi-institusi kerajaan dan agensi-agensi amanah. Rangkaian ini akan membolehkan penyelarasan aktiviti perdagangan secara yang lebih berkesan, pengukuhan pengkalan data untuk usahawan-usahawan, penyediaan khidmat nasihat dan peningkatan potensi untuk penyertaan Bumiputera yang lebih strategik di sektor-sektor moden dalam ekonomi.

Penyusunan Semula Gunatenaga dan Pengurusan

1.100 Berdasarkan kepada pencapaian pada masa-masa yang lalu, strategi-strategi di bawah RM6 akan menyokong usaha menambah penawaran tenaga manusia di peringkat profesional, pengurusan, teknikal dan mahir di kalangan Bumiputera yang merupakan pra-syarat dalam usaha mencapai matlamat penyusunan semula gunatenaga. Rancangan ini akan memberi penekanan yang lebih kepada usaha meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam bidang-bidang pekerjaan di peringkat pengurusan dan penyeliaan.

1.101 Pihak Kerajaan pula akan memastikan bahawa disamping usaha menentukan penyusunan semula corak gunatenaga berjalan lancar di bawah Rancangan ini, tumpuan yang khusus akan diberi kepada usaha untuk meningkatkan kualiti tenaga kerja, selaras dengan perkembangan pesat dalam bidang perindustrian dan teknologi. Taraf kemudahan-kemudahan pendidikan dan latihan yang sedia ada perlu ditingkatkan, terutamanya di kawasan luar bandar. Sistem pemberian biasiswa dan bantuan pinjaman akan juga disesuaikan, selaras dengan keperluan pekerjaan dan

kemahiran dalam pasaran buruh. Untuk melengkapkan usaha ini, syarat-syarat pemilihan calon untuk mendapatkan biasiswa atau bantuan pinjaman yang lebih ketat akan dilaksanakan.

1.102 Selaras dengan dasar pertumbuhan yang diterajui oleh sektor swasta, peranan yang lebih aktif perlu dimainkan oleh sektor ini dalam menyusun semula gunatenaga dengan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan kepada Bumiputera, terutamanya di peringkat mahir, profesional dan pengurusan. Untuk memudahkan usaha untuk menyerap lebih ramai Bumiputera, sektor swasta dengan kerjasama sektor awam dijangka akan mengambil langkah-langkah yang lebih positif untuk memberi peluang kepada Bumiputera meningkatkan kemahiran mereka, melalui latihan, latihan semula dan program penempatan.

1.103 Dalam masa yang sama, Kerajaan akan juga memberi penekanan kepada usaha untuk menyusun semula gunatenaga dalam sektor-sektor di mana bukan Bumiputera mempunyai penyertaan yang masih rendah, khususnya dalam sektor pertanian moden dan di semua peringkat dalam perkhidmatan awam. Walau bagaimanapun, usaha ini akan berjalan selaras dengan usaha menyerap lebih ramai bilangan Bumiputera di peringkat yang lebih tinggi dan di berbagai kategori pekerjaan dalam sektor swasta.

1.104 Langkah-langkah yang sesuai akan dilaksanakan oleh Kerajaan untuk membantu sektor swasta mencapai matlamat penyusunan semula gunatenaga. Ini termasuklah usaha menggalakkan syarikat kecil untuk berkembang dan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan serta melaksanakan aturcara yang sesuai secara kerjasama dengan sektor swasta, untuk memberi peluang kepada kakitangan peringkat pengurusan sektor awam didedahkan kepada amalan perniagaan dan perdagangan yang sewajarnya.

1.105 Memandangkan kepada sumbangan positif oleh perbadanan-perbadanan awam dalam mewujudkan kemahiran pengurusan dan usahawan-usahawan Bumiputera yang berdaya maju, agensi-agensi ini adalah diharapkan untuk terus memainkan peranan masing-masing secara yang lebih bersungguh-sungguh. Dengan adanya pelbagaian aktiviti-aktiviti baru perdagangan dan perindustrian secara usahasama dengan pihak swasta, agensi-agensi tersebut akan dapat mewujudkan lebih banyak lagi peluang untuk meningkatkan bilangan tenaga kerja mahir Bumiputera.

Hakmilik, Penguasaan dan Penyertaan dalam Sektor Syarikat

1.106 Dalam tempoh RM6, pertumbuhan pesat sektor syarikat akan mewujudkan peluang yang lebih baik untuk penyertaan yang seimbang oleh semua kumpulan etnik. Walaupun keadaan ini membolehkan bukan Bumiputera merebut peluang yang diwujudkan, Bumiputera dan lain-lain kumpulan masyarakat yang ketinggalan akan terus memerlukan bantuan daripada Kerajaan. Usaha yang lebih gigih adalah

diperlukan untuk mengumpul dan menggembelng sumber ekonomi Bumiputera serta menyalurkannya kepada pelaburan-pelaburan yang produktif. Ini akan dilaksanakan, antara lain, melalui program-program yang lebih bersungguh-sungguh untuk menggembelng dan mengurus sumber-sumber Bumiputera. Sehubungan dengan ini satu kajian akan dijalankan untuk menilai kemungkinan menggembelng sumber-sumber zakat, wakaf dan kumpulan wang Baitulmal yang lain, dengan tujuan untuk meningkatkan lagi penyertaan Bumiputera di sektor syarikat.

1.107 Agensi-agensi amanah Bumiputera dan perbadanan awam lain yang berkaitan adalah diharap menjadi lebih berdaya cipta dalam mewujudkan harta-harta baru, terutamanya dalam sektor-sektor perindustrian dan perkhidmatan. Permodalan Nasional Berhad (PNB), sebagai sebuah institusi penting untuk pelabur-pelabur Bumiputera, akan mempelbagaikan sumbernya dan melaksanakan program-program pelaburan baru, berasaskan usahasama secara terus dengan usahawan dan pelabur Bumiputera yang berpotensi. Peranan PNB dalam menguruskan Skim Amanah Saham Nasional (ASN), dan juga Skim Amanah Saham Bumiputera (ASB) yang baru diwujudkan, dijangka dapat terus mempertingkatkan keupayaan masyarakat Bumiputera untuk mengumpul harta korporat. Selain daripada PNB dan agensi amanah yang lain, perhatian khusus akan juga diberi kepada institusi-institusi lain seperti Lembaga Urusan dan Tabung Haji, Koperasi Polis dan Lembaga Tabung Angkatan Tentera. Institusi-institusi ini perlu menyertai aktiviti-aktiviti penyusunan semula sektor syarikat memandangkan institusi-institusi ini telah berjaya mengumpulkan tabungan Bumiputera yang banyak.

1.108 Beberapa langkah tambahan akan juga diambil untuk memperkukuhkan lagi kedudukan hakmilik dan penyertaan Bumiputera dalam tempoh Rancangan. Program penswastaan akan dilaksanakan secara yang boleh menyumbang kepada peningkatan pemilikan modal saham Bumiputera dan menambah penyertaan mereka dalam pengurusan projek-projek yang diswastakan. Langkah-langkah khusus akan diambil untuk memastikan kepentingan Bumiputera kekal dalam projek-projek yang telah diswastakan supaya mereka terus mendapat sebahagian besar dari faedah program penswastaan. Walaupun begitu, dalam masa yang sama, bukan Bumiputera akan juga diberi peluang untuk menyertai projek-projek yang diswastakan. Penyusunan semula syarikat di dalam sektor syarikat akan juga dilaksanakan secara liberal, mengikut kesesuaian tiap-tiap permohonan dan dengan mengambilkira hakmilik majoriti oleh pelabur-pelabur luar dan dalam negeri. Penumpuan yang lebih juga akan diberi ke arah menggalakkan penyertaan yang lebih luas oleh syarikat-syarikat di bawah kawalan Bumiputera di dalam sektor di mana kepentingan korporat mereka adalah masih di peringkat rendah.

1.109 Oleh kerana Kerajaan memandangkan berat kepada penjualan semula hakmilik dan pengurangan penguasaan Bumiputera dalam sektor syarikat, peraturan-peraturan berkaitan dengan pemilikan dan penjualan semula saham-saham yang dikhaskan kepada Bumiputera akan diperkemas untuk memastikan manfaat yang didapati

adalah selaras dengan kepentingan jangka panjang mereka. Kerajaan juga akan memperkenalkan langkah-langkah yang sesuai untuk menggalakkan pembentukan syarikat-syarikat usahasama yang tulin di antara Bumiputera dengan bukan Bumiputera atau rakyat asing. Bagi tujuan ini, peraturan-peraturan dan syarat-syarat yang sedia ada untuk melayakkan sesebuah syarikat Bumiputera untuk menerima faedah daripada peluang-peluang perniagaan yang wujud dalam sektor awam akan dikaji, selaras dengan matlamat tersebut.

Strategi Pembangunan Wilayah

1.110 Satu dimensi penting pembangunan seimbang ialah mengurangkan ketidakseimbangan pembangunan sosial dan ekonomi yang wujud antara wilayah dan negeri di Malaysia di samping meningkatkan taraf dan kualiti hidup penduduk di negeri-negeri yang kurang maju supaya lebih setanding dengan negeri-negeri maju. Bagi tempoh RM6, usaha akan terus ditumpukan kepada mempelbagaikan asas ekonomi negeri-negeri yang kurang maju dan memperluaskan infrastruktur fizikal, ekonomi dan sosial untuk meningkatkan tahap pembangunan dan daya tarikan negeri-negeri ini kepada pelabur swasta. Seterusnya, kemudahan infrastruktur yang lebih baik akan membantu perkembangan industri dan pertanian komersil dan memudahkan mobiliti buruh di antara negeri.

1.111 Untuk mempercepatkan proses pembangunan secara lebih bersepadu dan teratur serta memperluaskan taburan perindustrian, Kerajaan akan melaksanakan strategi pengkhususan mengikut kawasan. Strategi ini akan memungkinkan pembangunan industri yang lebih seimbang di samping menjadikan struktur industri negara lebih tersusun. Kerajaan telah mengenalpasti enam zon khusus berasaskan kumpulan-kumpulan industri tertentu. Dalam usaha membangunkan zon-zon ini, kerjasama pihak swasta dan Kerajaan negeri adalah digalakkan. Untuk memudahkan pelaksanaan strategi ini, program pelengkap yang sesuai perlu dirancang bersama secara teratur. Ini termasuk pembangunan kawasan-kawasan perindustrian oleh sektor swasta.

1.112 Kerajaan sedang menggubal Dasar Perbandaran Negara untuk menyediakan rangka kerja asas bagi menentukan proses perbandaran yang lebih tersusun di samping mewujudkan rangkaian pembangunan antara bandar dan luar bandar secara bersepadu. Penduduk Malaysia kini terlalu menumpukan perhatian kepada beberapa bandar yang pesat berkembang dalam usaha mencari peluang pekerjaan dan pendapatan serta menikmati cara kehidupan bandar. Perkembangan ini boleh menjadikan Kuala Lumpur terlalu besar hingga merupakan bandar tumpuan utama. Tumpuan penghijrahan yang berlebihan ke Kuala Lumpur dan beberapa bandar besar yang lain seperti George Town dan Johor Bahru juga boleh mendatangkan kesan yang tidak diingini seperti kesesakan, peningkatan kos pengangkutan, masalah setinggan dan masalah sosial yang lain. Justeru itu, Dasar Perbandaran Negara telah

dirangka untuk menentukan pembangunan bandar dapat dirancang dengan lebih baik untuk menghindarkan kesan ekonomi luaran yang tidak diingini.

1.113 Kerajaan sedang menggubal Strategi Pemuliharaan Alam Semulajadi Negara untuk mencapai matlamat pembangunan yang berkekalan serta tahap pembangunan ekonomi yang selaras dengan keperluan alam sekitar. Walaupun Malaysia kaya dengan berbagai sumber semulajadi seperti kayu balak, petroleum dan gas, pembangunan negeri-negeri yang bergantung kepada sumber-sumber tersebut tidak akan dapat dikekalkan sekiranya usaha memajukan sumber-sumber ini tidak dijalankan secara yang optimum. Selain dari usaha penghutan semula dan lain-lain usaha untuk menambah sumber-sumber yang boleh dibaharui, langkah-langkah pemeliharaan sumber-sumber yang tidak boleh dibaharui juga perlu diteruskan. Penekanan akan juga diberi kepada usaha mewujudkan aktiviti-aktiviti aliran dan yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi. Malaysia telahpun memainkan peranan yang aktif dalam menyuarakan keperluan pemeliharaan alam sekitar dan hakikat ini dapat dilihat dari usaha mempelopori Deklarasi Langkawi Mengenai Alam Sekitar.

1.114 Kerajaan akan terus meneroka potensi yang ada untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan menggalakkan pembangunan wilayah yang lebih seimbang. Untuk tujuan ini, usaha Kerajaan Johor untuk bekerjasama dengan Indonesia dan Singapura dalam konteks kerjasama tiga penjurus selatan adalah selaras dengan strategi pembangunan tersebut. Dengan adanya hubungan kedua di antara Johor dan Singapura, pembangunan pelabuhan kedua di Johor dan pusat pertumbuhan baru di barat daya negeri tersebut, negeri Johor dijangka menjadi pusat pertumbuhan di selatan Semenanjung Malaysia. Untuk mempercepatkan pembangunan negeri-negeri Sabah dan Sarawak, Kerajaan sedang berusaha membangunkan Labuan sebagai sebuah pusat kewangan luar pesisir antarabangsa yang dijangka dapat mendorong pertumbuhan yang lebih pesat di negeri-negeri tersebut. Sementara itu, menerusi Lembaga Pembangunan Langkawi, Pulau Langkawi akan dibangunkan secara progresif untuk menjadi sebuah pusat pelancongan dan rekreasi utama untuk pelancong-pelancong tempatan dan asing. Kerajaan akan memastikan bahawa pembangunan Langkawi mengambilkira kepentingan ekologi dan pemeliharaan alam sekitar untuk mengekalkan keindahan dan daya tarikan semulajadi pulau tersebut. Kerajaan juga sedang menyediakan strategi dan program yang khusus, bertujuan membangunkan kawasan yang bersempadan dengan Thailand bagi mempercepatkan pembangunan di utara Semenanjung Malaysia.

Pembangunan Sumber Manusia

1.115 Sumber manusia merupakan faktor kritikal yang perlu dimajukan sepenuhnya dalam usaha mencapai pembangunan ekonomi dan sosial. Pembangunan sumber manusia bukan sahaja akan membantu meningkatkan produktiviti faktor, tetapi juga dapat memperbaiki agihan pendapatan dan membantu mencapai matlamat

penyusunan semula di bawah DPN. Pembangunan yang diasaskan kepada pembangunan sumber manusia yang berkesan menjadi semakin penting terutama kerana sektor pembuatan dan perkhidmatan, yang semakin memerlukan asas maklumat dan pengetahuan yang lebih kukuh, dijangka menjadi penggerak utama ekonomi dalam RM6. Pertumbuhan yang pesat bagi sektor-sektor ini akan dicapai terutamanya melalui peningkatan ilmu dan kemahiran. Kualiti tenaga buruh dari segi kemahiran dan daya inovasi, keupayaan menyerap dan menyesuaikan teknologi serta kecenderungan untuk bersaing perlu terus dipertingkatkan.

1.116 Oleh yang demikian, strategi pembangunan sumber manusia bagi tempoh RM6 akan merangkumi matlamat yang berikut. Pertama, produktiviti buruh akan dipertingkatkan bagi memenuhi keperluan tahun-tahun sembilan puluhan dan seterusnya. Pada masa yang sama, peluang mendapat pekerjaan yang memberi pendapatan yang lumayan dan mempunyai prospek yang lebih baik serta memerlukan kemahiran yang lebih tinggi perlu ditambah, selaras dengan peningkatan aspirasi tenaga kerja. Kedua, kecekapan pasaran buruh akan diperbaiki dan mobiliti buruh akan ditingkatkan untuk mengelakkan ketidaksesuaian kemahiran, kekurangan kemahiran setempat dan lain-lain kesan ketegaran pasaran buruh. Ketiga, mutu pendidikan akan dipertingkatkan dan peluang-peluang pendidikan dan latihan akan ditambah bagi semua golongan masyarakat untuk menyumbang ke arah memenuhi keperluan tenaga manusia dan untuk mencapai matlamat penyusunan semula gunatenaga. Keempat, sistem penyelarasan upah yang lebih baik yang mengaitkan pergerakan upah dengan perubahan produktiviti akan dilaksanakan. Sistem ini akan mengambilkira kepentingan majikan dan pekerja supaya dapat memberi lebih insentif kepada para majikan untuk beroperasi di paras gunatenaga yang lebih tinggi. Pada masa yang sama, sistem ini akan mengelakkan majikan dari bertindak memberhentikan pekerja sewaktu ekonomi menghadapi kemelesetan.

1.117 Kerajaan melalui program pendidikan dan latihannya, akan terus berusaha untuk menambah bekalan tenaga kerja yang berpendidikan dan mudahlatih atau mempunyai kemahiran yang boleh digunakan oleh semua sektor dan industri. Sektor swasta pula akan digalakkan untuk memainkan peranan yang lebih aktif dalam latihan dan pembangunan kemahiran. Bagi tujuan ini, sektor swasta akan dibenarkan menggunakan kemudahan kerajaan, apabila kemudahan tersebut tidak digunakan untuk menjalankan program latihan mereka sendiri bagi memenuhi keperluan mereka secara khusus. Sebagai langkah jangka panjang sektor swasta, menerusi persatuan perdagangan mereka, akan digalakkan menubuhkan pusat-pusat latihan industri yang khusus bagi memenuhi keperluan industri masing-masing. Di samping menambah peluang untuk mendapatkan pendidikan tinggi, terutamanya dalam bidang profesional dan pengurusan, program berkembar antara institusi swasta tempatan dengan institusi-institusi ternama luar negeri akan terus digalakkan.

1.118 Langkah-langkah yang khusus akan diambil untuk meningkatkan lagi kecekapan pasaran buruh dan seterusnya mengurangkan ketidaksesuaian antara permintaan

dan penawaran tenaga buruh. Pengawasan keadaan pasaran buruh akan diawasi dengan teliti untuk mengenalpasti kekurangan semasa, permintaan masa hadapan dan keperluan kemahiran baru serta menyelaras usaha-usaha latihan.

1.119 Usaha yang lebih giat akan diambil bagi meningkatkan lagi mobiliti buruh supaya proses penyesuaian permintaan dan penawaran dapat dipermudahkan. Langkah-langkah berkenaan termasuk usaha Jabatan Tenaga Rakyat meningkatkan peranannya dalam bidang kaunseling, bimbingan kerjaya dan penempatan pekerja. Di samping itu, pembangunan agensi-agensi pekerjaan swasta juga akan digalakkan. Langkah-langkah lain termasuk galakan kepada majikan untuk menyediakan kemudahan sosial, tempat tinggal dan pengangkutan bagi menarik pekerja untuk bekerja di kawasan yang menghadapi kekurangan tenaga buruh.

1.120 Selain daripada kualiti fizikal dan intelek, nilai-nilai positif yang dihayati oleh semua rakyat Malaysia adalah juga penting. Apabila Malaysia melangkah maju dari sebuah negara pertanian kepada sebuah ekonomi perindustrian, pada ketika yang sama langkah-langkah perlu diambil untuk menerapkan nilai-nilai baru. Di tempat kerja, rakyat Malaysia seharusnya mengamalkan disiplin perindustrian yang tinggi, serta berusaha untuk mencapai kecemerlangan dan mengamalkan lain-lain sifat positif seperti kejujuran, keikhlasan, ketekunan, dedikasi, semangat bekerjasama serta bersifat dinamik dan berdaya kreatif. Oleh itu, usaha pembangunan sumber manusia perlu untuk memperkukuhkan lagi warisan budaya toleransi, adil dan bersatupadu di samping menggalakkan pembentukan sebuah negara yang kukuh dalam era perindustrian yang pesat ini. Satu perasaan kekitaan yang kuat, kesetiaan dan kecintaan kepada negara akan terus dipupuk. Keseluruhan usaha untuk menerapkan nilai-nilai ini akan membantu hasrat menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020 sebagai satu kenyataan.

Memperluaskan Asas Sains dan Teknologi

1.121 Pertumbuhan pada masa hadapan dijangka lebih berpunca dari peningkatan produktiviti dan kecekapan penggunaan faktor pengeluaran. Ini akan dicapai melalui pengukuhan asas S&T dan keupayaan P&P. Di dalam ekonomi dunia yang sentiasa berubah-ubah dengan pesat, kedudukan negara di dalam perdagangan antarabangsa akan lebih bergantung kepada daya saing dan kemajuan teknologi yang dapat dicapai olehnya.

1.122 Berhubung dengan P&P, telah diakui bahawa buat masa ini, Malaysia mempunyai tingkat keupayaan yang memuaskan di dalam P&P sektor pertanian. Kebanyakan institusi penyelidikan pertanian kita sudah pun terkenal di seluruh dunia. Dengan itu, fokus utama sepanjang RM6 ialah pembangunan keupayaan P&P di dalam sektor perindustrian. Sektor awam akan memberi sumbangan kepada pembangunan ini melalui peningkatan keupayaan institusi-institusi P&P awam yang sedia ada, khususnya yang menumpukan perhatian terhadap pembangunan

perindustrian. Interaksi yang lebih erat di antara institusi-institusi ini dengan sektor swasta akan dipupuk bagi memperbaiki kegunaan penyelidikan yang dijalankan dan untuk memudahkan penerimaan-pakai dan komersilisasi penemuan-penemuan penyelidikan yang baru. Usaha-usaha lain yang penting termasuklah peningkatan keupayaan penyelidikan di universiti-universiti tempatan dan penubuhan taman sains dan teknologi untuk menyediakan kemudahan-kemudahan P&P perindustrian. Sektor swasta juga diharap akan memainkan peranan yang lebih aktif di dalam P&P perindustrian.

1.123 Dasar S&T Kerajaan dijangka dapat mewujudkan persekitaran yang sesuai untuk menggalakkan usaha-usaha pembaharuan serta penggunaan teknologi. Di samping meningkatkan lagi pelaburan S&T, perhatian akan juga ditumpukan kepada pendidikan serta pembangunan sumber manusia S&T.

VI. PENUTUP

1.124 Walaupun suasana di luar negeri tidak menentu, prospek keseluruhan ekonomi Malaysia sepanjang lima tahun akan datang adalah cerah. Strategi-strategi yang dirangka dibawah RM6 akan membuka jalan ke arah pembentukan satu negara yang mempunyai ketahanan yang tinggi, lebih dinamik, lebih mengutamakan inisiatif sektor swasta dan di mana hasil dari pembangunan ini akan dinikmati bersama. Walaupun penyertaan yang lebih dinamik dari sektor swasta adalah amat perlu untuk mencapai pertumbuhan ekonomi yang tinggi dan berterusan, sektor awam masih mempunyai peranan yang penting. Justeru itu, program-program sektor awam yang sesuai masih diperlukan untuk membolehkannya menyokong usaha sektor swasta dengan lebih berkesan.

BAB 2 : PROGRAM SEKTOR AWAM DAN PEMBIAYAAN

I. PENDAHULUAN

2.01 Program sektor awam akan ditumpukan kepada usaha-usaha membantu mempertingkatkan perkembangan ekonomi serta mencapai matlamat pembahagian dalam Dasar Pembangunan Nasional (DPN). Pelaburan sektor awam dalam infrastruktur, pendidikan dan kesihatan akan ditambah untuk menyokong proses pembangunan perindustrian dan memperbaiki kualiti kemudahan awam seperti kemudahan-kemudahan pengangkutan, perhubungan dan latihan terutama di kawasan-kawasan industri yang cepat berkembang di samping memenuhi permintaan yang meningkat bagi kemudahan awam yang lebih berkualiti. Program-program untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat akan diteruskan. Memandangkan sebahagian besar daripada keperluan asas telah dapat dipenuhi melalui langkah-langkah yang telah dijalankan sebelum ini, program sektor awam tersebut akan ditumpukan kepada usaha-usaha untuk meningkatkan kualiti kemudahan-kemudahan awam di kawasan bandar dan luar bandar disamping memperbaiki kemudahan-kemudahan ini di negeri-negeri yang kurang maju, termasuk Sabah dan Sarawak.

2.02 Disebabkan oleh kemelesetan ekonomi yang agak teruk pada permulaan Rancangan Malaysia Kelima (RM5), sektor awam telah mengurangkan perbelanjaan pembangunannya ke tahap yang terkawal selaras dengan sumber-sumber yang ada. Ini dilaksanakan melalui penurunan siling peruntukan pembangunan dan penyusunan semula keutamaan bagi program dan projek-projek. Walau bagaimanapun, dengan pulihnya ekonomi dalam tempoh separuh kedua RM5, program-program sektor awam telah dilaksanakan semula secara terpilih. Kebanyakannya ditumpukan kepada program dan projek-projek untuk membantu pertumbuhan ekonomi, terutamanya dalam penyediaan infrastruktur sokongan yang diperlukan bagi perkembangan sektor swasta yang lebih pesat.

2.03 Kedudukan kewangan sektor awam telah menjadi bertambah baik dan ini membolehkan sumber-sumber tambahan diperuntukkan bagi tujuan pembangunan dalam Rancangan Malaysia Keenam (RM6). Walaupun peruntukan sumber adalah tinggi pada nilai sebenar berbanding dengan tempoh RM5, nisbah perbelanjaan pembangunan kepada Keluaran Negara Kasar (KNK) adalah rendah. Ini mencerminkan usaha-usaha berterusan untuk memperkukuhkan sektor awam dan mengurangkan penglibatannya secara langsung dalam sektor-sektor ekonomi yang produktif. Penekanan akan ditumpukan untuk mencapai tahap pengurusan program-program dan kewangan sektor awam yang lebih cekap. Langkah-langkah akan terus diambil bagi memperkukuh dan memperluaskan asas hasil, meningkatkan keanjalan

cukai, mengawal hutang awam di samping mempergiatkan lagi pelaksanaan program-program penswastaan. Adalah perlu kedudukan hasil sektor awam diperkukuhkan bagi membolehkan program pembangunan dilaksanakan dalam konteks kestabilan kewangan dan ekonomi dan memastikan defisit belanjawan dan pinjaman luar negeri dikekalkan pada tahap yang rendah.

II. KEMAJUAN, 1986-90

2.04 Sektor awam terdiri daripada Kerajaan Persekutuan, kerajaan-kerajaan negeri dan tempatan termasuk badan-badan berkanun dan Perusahaan Awam Bukan Kewangan (PABK) seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2-1. Sejumlah 50 agensi PABK adalah termasuk dalam definisi sektor awam. Ia terdiri daripada perusahaan besar dimana Kerajaan memiliki modal saham melebihi 50 peratus serta hasil tahunan melebihi \$50 juta. Senarai PABK akan diubahsuai dari masa kesemasa untuk mengambilkira perubahan dalam hakmilik modal saham, hasil dan penswastaan.

2.05 Dalam tempoh RM5, perbelanjaan pembangunan bagi sektor awam berjumlah \$61,850 juta berbanding dengan peruntukan yang dipinda berjumlah \$64,590 juta seperti ditunjukkan dalam Jadual 2-2. Daripada jumlah ini perbelanjaan Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak \$35,300 juta atau 57.1 peratus, diikuti oleh PABK sebanyak \$17,700 juta atau 28.6 peratus dan Kerajaan Negeri sebanyak \$8,850 juta atau 14.3 peratus.

2.06 Kerajaan Persekutuan membelanjakan kira-kira 95 peratus daripada peruntukan yang dipinda bagi tempoh RM5. Pada peringkat awal pelaksanaan RM5, Kerajaan Persekutuan tidak dapat membelanjakan sepenuhnya peruntukan tahunan yang telah disediakan. Ini berlaku terutamanya berikutan daripada masalah perancangan dan pelaksanaan yang timbul ekoran daripada penyusunan semula keutamaan program akibat dari kemelesetan ekonomi. Ini juga disebabkan oleh masalah yang dihadapi oleh kontraktor untuk menyiapkan pro-jek tepat pada waktunya. Dalam hubungan ini beberapa langkah pentadbiran telah diambil untuk memastikan peruntukan yang disediakan dapat dibelanjakan sepenuhnya. Kekurangan belanja ini telah membolehkan Kerajaan mengagihkan semula peruntukan tersebut untuk membiayai program dan projek baru melalui pindah peruntukan antara sektor.

Perbelanjaan Pembangunan Mengikut Sektor 2.07 Peruntukan pembangunan dan anggaran perbelanjaan Kerajaan Persekutuan mengikut sektor adalah seperti ditunjukkan dalam Jadual 2-3. Perbelanjaan bagi program ekonomi dan sosial merupakan bahagian yang terbesar daripada keseluruhan jumlah perbelanjaan pembangunan dan diikuti oleh program-program keselamatan dan pentadbiran. Daripada keseluruhan perbelanjaan Kerajaan Persekutuan yang berjumlah \$35,300 juta, sektor ekonomi membelanjakan 64.8 peratus, sosial 24.8 peratus, keselamatan 7.2 peratus dan pentadbiran am 3.2 peratus.

2.08 Dalam sektor ekonomi, sektor kecil pertanian dan pembangunan luar bandar telah membelanjakan sebanyak \$7,325 juta atau 20.8 peratus daripada jumlah perbelanjaan manakala perbelanjaan sektor kecil perdagangan dan perindustrian ialah sebanyak \$3,981 juta atau 11.3 peratus daripada jumlah perbelanjaan. Program dan projek yang dilaksanakan dalam kedua-dua sektor kecil ini adalah khusus untuk pembangunan luar bandar serta projek-projek pembasmian kemiskinan dan juga penyusunan semula masyarakat. Dalam sektor kecil pertanian dan pembangunan luar bandar, sebahagian besar perbelanjaannya adalah bagi program pembangunan tanah baru, pembangunan in-situ melalui pelbagai Program Pembangunan Pertanian Bersepadu (PPPB), tanaman semula, pemulihan dan penyediaan infrastruktur, parit dan taliair serta perkhidmatan sokongan seperti kredit, pemasaran, penyelidikan, pengembangan dan insentif untuk mengkomersilkan pertanian. Dalam sektor kecil perdagangan dan perindustrian, perbelanjaan yang besar telah dibuat untuk memperkukuhkan asas perdagangan dan perindustrian. Bantuan kewangan juga diberi kepada beberapa agensi perusahaan awam yang tertentu bagi memperbaiki kecekapan dan meningkatkan teknologi mereka. Program-program utama yang lain termasuklah bantuan khas untuk membangunkan industri-industri kecil dan sederhana (IKS), kredit eksport untuk menggalakkan keluaran-keluaran eksport dan mengadakan perkhidmatan-perkhidmatan latihan dan pakarunding bagi mempertingkatkan kemahiran dan kepakaran.

2.09 Perbelanjaan untuk sektor kecil pengangkutan, perhubungan, tenaga dan sumber air, yang bertujuan untuk menyediakan asas pembangunan ekonomi, ialah sebanyak \$11,200 juta atau 31.7 peratus daripada jumlah perbelanjaan pembangunan. Sektor kecil pengangkutan dan perhubungan membelanjakan kira-kira 92 peratus daripada peruntukan tersebut dalam tempuh RM5 untuk menyediakan dan menaikkan taraf berbagai kemudahan dan perkhidmatan di pelabuhan-pelabuhan, lapangan-lapangan terbang, jalan-jalan raya keretapi dan telekomunikasi untuk memenuhi permintaan yang bertambah berikutan dari perkembangan ekonomi. Dalam sektor kecil tenaga dan sumber air antara program yang telah dilaksanakan termasuklah bekalan elektrik dan air, pembedungan najis, kemudahan saliran bandar dan program pencegahan banjir yang telah membantu meningkatkan taraf sosio-ekonomi serta kualiti hidup rakyat.

2.10 Sektor sosial yang terdiri daripada pendidikan dan latihan, kesihatan, perumahan dan lain-lain perkhidmatan sosial membelanjakan sebanyak \$8,764 juta atau 24.8 peratus daripada jumlah perbelanjaan pembangunan. Dalam sektor kecil pendidikan dan latihan, penekanan diberi kepada penambahan kemudahan-kemudahan, memperbaiki mutu pendidikan serta memperkukuhkan sistem pendidikan dan latihan. Dalam sektor kecil kesihatan pula, penekanan telah diberikan untuk memperbaiki dan mengubahsuai kemudahan kesihatan yang sedia ada dan membina hospital-hospital nukleus dan Institut Jantung Negara.

2.11 Perbelanjaan untuk sektor keselamatan berjumlah \$2,527 juta atau 7.2 peratus daripada jumlah perbelanjaan pembangunan. Dalam tempoh tersebut, kemampuan angkatan tentera dan pasukan polis telah dipertingkatkan untuk melindungi keselamatan negara. Keutamaan yang lebih telah diberi kepada penyediaan kemudahan perumahan yang mencukupi dan sesuai bagi anggota-anggota tentera dan polis terutama untuk mereka yang berpangkat rendah yang ditempatkan dibandar bandar besar. Selain daripada perolehan senjata dan baik juga telah disediakan. Perbelanjaan Pembangunan Untuk Membasmi Kemiskinan dan Menyusun Semula Masyarakat

2.12 Dalam tempoh RM5, sejumlah \$13,660 juta telah dibelanjakan untuk pelbagai program khusus bagi memperbaiki keadaan kemiskinan dalam negeri serta taraf hidup penduduk luar bandar. Kira-kira \$392 juta daripada keseluruhan perbelanjaan telah diperuntukkan khas untuk memenuhi keperluan kumpulan keluarga termiskin melalui Program Pembangunan Rakyat Termiskin. Komponen perbelanjaan yang utama dalam program ini ialah penyediaan bantuan perumahan, bantuan pendidikan dan projek-projek yang menghasilkan pendapatan. Kira-kira \$2,712 juta telah dibelanjakan untuk mencapai objektif penyusunan semula masyarakat, terutamanya untuk penyediaan pendidikan dan latihan serta pembangunan perusahaan perniagaan Bumiputera dan penyediaan ruang perniagaan untuk usahawan-usahawan baru.

Perbelanjaan Pembangunan Mengikut Negeri

2.13 Negeri-negeri maju seperti Selangor dan Wilayah Persekutuan telah membelanjakan sejumlah \$4,128 juta atau kira-kira 11.7 peratus daripada jumlah perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2-4. Walaupun jumlah tersebut adalah agak tinggi berbanding dengan keseluruhan perbelanjaan, sebahagian besar daripadanya adalah untuk membiayai projek-projek PABK seperti Perusahaan Otomobil Nasional (PROTON) yang bertempat di Shah Alam, Selangor dan Perusahaan Gas Sabah di Labuan.

2.14 Negeri-negeri kurang maju seperti Kedah, Kelantan dan Perlis terus diberi keutamaan. Sejumlah \$4,424 juta atau 12.6 peratus daripada perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan telah dibelanjakan ke atas pelbagai program dan projek di negeri-negeri tersebut dan sebahagian besarnya adalah untuk pembangunan luar bandar. Pelaksanaan beberapa program dan projek seperti projek PPPB Lembah Kedah, PPPB Kemasin Semerak di Kelantan serta projek yang sama di Perlis dan juga bantuan subsidi baja padi serta lain-lain program sokongan pertanian telah dapat meningkatkan produktiviti dan keluaran pertanian di negeri-negeri berkenaan.

2.15 Di Negeri Sabah dan Sarawak, penekanan yang lebih telah diberi terhadap penyediaan dan penambahan infrastruktur asas serta untuk menggalakkan

pembangunan pertanian. Sejumlah \$3,922 juta telah dibelanjakan di Sabah dan Sarawak bagi projek-projek tersebut. Projek infrastruktur dan pertanian yang utama termasuklah pembinaan jalanraya Miri-Bintulu, Sibul-Ulu Batang, Mukah-Bintulu dan Kuching-Sibu serta projek-projek pertanian di Lembah Limbang/Semarahan, Kalaka Saribas dan projek pembangunan pertanian yang sama di Sabah. Projek-projek tersebut turut menyumbang kearah mempelbagai dan memperkukuhkan pertumbuhan pertanian di negeri-negeri berkenaan.

2.16 Negeri-negeri berpendapatan sederhana seperti Johor dan Pahang turut menerima sebahagian besar daripada peruntukan Kerajaan Persekutuan. Kira-kira 13 peratus telah dibelanjakan dalam tempoh RM5 terutama bagi meningkatkan produktiviti sektor pertanian. PPPB Johor Barat II telah membelanjakan sejumlah \$1,150 juta, sementara PPPB Pahang Barat menggunakan lebih daripada \$400 juta daripada peruntukan pembangunan. Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan bagi lain-lain negeri berpendapatan sederhana seperti Melaka, Pulau Pinang dan Negeri Sembilan agak kecil, iaitu berjumlah kira-kira \$1,795 juta atau 5.1 peratus daripada jumlah perbelanjaan Kerajaan Persekutuan. Perbelanjaan yang rendah adalah disebabkan infrastruktur asas dan program pembangunan luar bandar bagi negeri-negeri ini telah pun maju.

2.17 Kira-kira \$12,565 juta atau 35.6 peratus telah dibelanjakan untuk projek-projek pelbagai negeri yang memberi faedah kepada rakyat di semua negeri. Dari jumlah ini sebanyak \$1,650 juta adalah untuk Lembaga Lebuhraya Malaysia, \$1,000 juta untuk tabung pinjaman perumahan kakitangan Kerajaan, \$784 juta untuk biasiswa dan pinjaman Majlis Amanah Rakyat (MARA), \$765 juta untuk perkhidmatan telekomunikasi pelbagai negeri dan \$718 juta untuk bekalan air luar bandar.

Perbelanjaan Semasa

2.18 Perbelanjaan semasa Kerajaan Persekutuan telah meningkat pada kadar yang perlahan iaitu 5.8 peratus setahun di sepanjang tempoh RM5, seperti ditunjukkan dalam Jadual 2-5. Pertumbuhan yang perlahan ini adalah selaras dengan keperluan untuk mengawal perbelanjaan mengikut kemampuan terutama dalam menghadapi masalah batasan sumber berikutan dari kemelesetan ekonomi yang berlaku dalam tahun 1985-86. Walau bagaimanapun perbelanjaan bagi emolument yang merupakan 36 peratus daripada jumlah perbelanjaan semasa telah meningkat pada kadar 5.6 peratus setahun oleh kerana kenaikan gaji tahunan dan penyelarasan gaji untuk kakitangan awam. Sungguhpun jumlah hutang luar negeri telah dikurangkan dengan banyaknya menerusi bayaran balik lebih awal, perbelanjaan untuk bayaran khidmat hutang masih tinggi iaitu 26 peratus daripada jumlah perbelanjaan semasa dalam tahun 1990 kerana meningkatnya hutang dalam negeri bagi menggantikan pinjaman luar negeri. Kerajaan juga telah mengurangkan perbelanjaan ke atas bekalan dan perkhidmatan sebagai usaha untuk memperkukuhkan lagi kedudukan kewangannya. Walau bagaimanapun pengurangan dalam perbelanjaan semasa telah di-laksanakan

dengan berhati-hati supaya ia tidak menjejaskan kecekapan dan produktiviti perkhidmatan awam.

Sumber Hasil

2.19 Hasil Kerajaan Persekutuan telah mencatatkan pertumbuhan yang sederhana pada kadar 6.6 peratus setahun dan mencapai jumlah \$28,997 juta dalam tahun 1990, seperti ditunjukkan dalam Jadual 2-6. Sungguhpun ekonomi negara telah berkembang dengan pesat dalam tempoh separuh kedua RM5, namun paras hasil telah berkurangan daripada 29.3 peratus kepada KNK dalam tahun 1985 kepada 26.4 peratus dalam tahun 1990. Keanjalan cukai telah merosot daripada 1.0 dalam tempoh RM4 kepada 0.6 sepanjang tempoh RM5. Kemosotan kutipan hasil ini adalah disebabkan oleh meningkatnya pengecualian dan pengurangan cukai serta pemberian insentif kepada sektor swasta bagi menggalakkan pelaburan. Kemosotan hasil ini adalah juga disebabkan oleh harga petroleum dan komoditi yang lebih rendah. Walau bagaimanapun, sumbangan petroleum kepada hasil Kerajaan Persekutuan masih merupakan bahagian yang terbesar iaitu kira-kira 32 peratus daripada jumlah hasil.

2.20 Dalam tempoh RM5, struktur hasil Kerajaan telah berubah dengan berkurangnya hasil cukai iaitu daripada 79.1 peratus dari jumlah hasil pada tahun 1985 kepada 73.1 peratus dalam tahun 1990. Hasil dari cukai langsung telah berkurangan kerana paras keuntungan syarikat dan petroleum lebih rendah terutama dalam tempoh separuh pertama Rancangan. Pada keseluruhannya, di sepanjang tempoh RM5, hasil cukai langsung telah berkurangan daripada 43.9 peratus dari jumlah hasil dalam tahun 1985 kepada 35.8 peratus dalam tahun 1990. Hasil daripada cukai pendapatan syarikat tidak bertambah berikutan dari kemelesetan ekonomi dan paras harga komoditi yang lebih rendah di peringkat awal pelaksanaan RM5. Di samping itu, pelepasan cukai dan insentif yang diberi kepada sektor swasta sejak tahun 1986 juga telah mengurangkan sebahagian besar hasil daripada cukai pendapatan syarikat. Sebaliknya hasil daripada cukai pendapatan perseorangan telah meningkat sebanyak 8.8 peratus setahun di sepanjang tempoh RM5 berikutan dari peningkatan usaha pengutipan cukai serta peningkatan dalam tindakan penguatkuasaan. Apabila ekonomi meningkat dengan pesatnya dalam tempoh separuh kedua Rancangan, hasil daripada cukai langsung turut bertambah dari pada \$6,467 juta dalam tahun 1987 kepada \$10,394 juta dalam tahun 1990.

2.21 Cukai tidak langsung yang telah meningkat pada kadar 7.8 peratus setahun di sepanjang tempoh RM5 telah memberi sumbangan yang terbanyak kepada hasil Kerajaan Persekutuan iaitu daripada 35.2 peratus daripada jumlah hasil dalam tahun 1985 kepada 37.3 peratus dalam tahun 1990. Peningkatan ini berlaku terutamanya oleh kerana bertambahnya kutipan hasil daripada duti import, cukai tokok, duti eksais dan cukai jualan. Kedudukan import yang lebih tinggi dan perbelanjaan pengguna

yang lebih besar serta pentadbiran cukai jualan yang lebih cekap telah memberi sumbangan kearah peningkatan dalam hasil daripada cukai tidak langsung. Berikutan dengan ini, sumbangan hasil cukai tidak langsung kepada jumlah hasil telah mengatasi sumbangan cukai langsung.

2.22 Jumlah hasil bukan cukai dan terimaan bukan hasil juga telah bertambah dengan banyaknya, terutamanya dari pembayaran dividen dan royalti petroleum dan gas yang lebih tinggi serta terimaan daripada penjualan modal saham Kerajaan di bawah program penswastaan. Sumber-sumber hasil ini telah dapat membantu mengimbangi pertumbuhan hasil yang perlahan daripada sumber-sumber lain.

Sumber Pinjaman

2.23 Di sepanjang tempoh RM5, jumlah lebihan terkumpul dalam akaun semasa Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak \$397 juta sahaja, berikutan dari jumlah defisit yang besar yang dialami dalam tempoh 1986-87. Walau bagaimanapun, paras belanja mengurus yang meningkat pada kadar yang perlahan dan peningkatan hasil berikutan dari pemulihan ekonomi yang pesat di sepanjang tempoh separuh kedua RM5, telah memperbaiki kedudukan akaun semasa dalam tahun 1990. Pada masa yang sama, apabila Kerajaan Persekutuan mengurangkan sebahagian besar perbelanjaan pembangunannya, di sepanjang tempoh 1987-88, defisit keseluruhan sebagai peratus kepada KNK telah dapat dikurangkan dengan banyaknya iaitu daripada 11.2 peratus dalam tahun 1986 kepada 4.8 peratus dalam tahun 1990, seperti ditunjukkan dalam Jadual 2-5. Walau bagaimanapun, bagi keseluruhan tempoh RM5 defisit telah dapat dikekalkan pada paras yang memuaskan iaitu 6.5 peratus kepada KNK, selaras dengan matlamat untuk mengekalkan kecekapan dan kestabilan ekonomi makro di samping memastikan sumber pembiayaan yang mencukupi untuk penggunaan sektor swasta.

2.24 Untuk membiayai defisit keseluruhan, Kerajaan Persekutuan telah banyak meminjam daripada sumber dalam negeri yang tidak membawa kesan inflasi, di samping mengambil peluang dari keadaan mudah tunai yang tinggi di pasaran tempatan. Dari jumlah pinjaman dalam negeri sebanyak \$34,160 juta, 26 peratus atau \$8,900 juta telah digunakan untuk membuat bayaran balik lebih awal hutang luar negeri. Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) terus menjadi punca utama bagi pinjaman dalam negeri Kerajaan Persekutuan iaitu 56 peratus daripada pinjaman dalam negeri bersih.

2.25 Bagi tempoh RM5, jumlah pinjaman luar negeri kasar Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak \$9,750 juta. Walau bagaimanapun, berikutan dari bayaran balik pinjaman dan bayaran balik lebih awal berjumlah \$15,835 juta, terdapat bayaran bersih terkumpul pinjaman luar negeri sebanyak \$6,087 juta. Oleh yang demikian, baki hutang luar negeri Kerajaan Persekutuan yang berada pada paras \$28,310 juta pada penghujung tahun 1986 telah dapat dikurangkan kepada \$24,668 juta dalam

tahun 1990. Dari segi punca pinjaman luar negeri, baki hutang daripada pinjaman pasaran hanya berkurangan sedikit iaitu daripada \$16,300 juta pada penghujung tahun 1985 kepada \$16,182 juta pada tahun 1990. Dalam tempoh RM5 pinjaman pasaran telah dikurangkan untuk meminimumkan kesan daripada kadar pertukaran asing dan kadar faedah yang sentiasa berubah-ubah di negara pemberi pinjaman utama. Langkah ini telah dapat mengurangkan paras dan bayaran khidmat hutang luar negeri. Baki hutang pinjaman projek daripada sumber pelbagai hala dan dua hala telah meningkat daripada \$5,683 juta pada tahun 1985 kepada \$8,067 juta dalam tahun 1990. Ini telah menambahkan bahagiannya dalam baki hutang luar negeri daripada 24.6 peratus dalam tahun 1985 kepada 32.7 peratus dalam tahun 1990.

2.26 Kemajuan yang nyata telah dicapai dalam usaha untuk meningkatkan lebihan semasa PABK di mana lebihan terkumpul adalah sebanyak \$20,796 juta atau 53 peratus daripada jumlah lebihan semasa sektor awam, seperti ditunjukkan dalam Jadual 2-7. Lebihan semasa PABK yang telah berkurangan daripada \$5,649 juta pada tahun 1985 kepada \$2,825 juta pada tahun 1986, telah meningkat semula kepada \$5,334 juta dalam tahun 1990. Ini adalah berikutan daripada pemulihan ekonomi yang pesat dan juga peningkatan kecekapan pengurusan kewangan dan keseluruhan pengurusan PABK. Sebahagian besar lebihan semasa ini adalah dari PABK seperti PetroliaM Nasional Berhad (PETRONAS), Tenaga Nasional Berhad dan Telekom Malaysia Berhad.

2.27 Dalam tempoh RM5, perbelanjaan pembangunan PABK telah berkurangan daripada \$6,186 juta dalam tahun 1985 kepada \$4,995 juta dalam tahun 1990. Pengurangan ini adalah selaras dengan usaha Kerajaan untuk memperbaiki kedudukan defisit fiskal keseluruhan sektor awam melalui pengurangan dalam pemberian geran dan pinjaman kepada agensi PABK yang juga ber-tujuan untuk mengurangkan beban hutang sektor awam. Pinjaman luar negeri kasar PABK telah dikurangkan dengan banyaknya, manakala bayaran balik hutang termasuk bayaran balik lebih awal telah dipertingkatkan dan ini telah menjadikan bayaran balik bersih sebanyak \$5,844 juta dalam tempoh RM5. Oleh yang demikian, jumlah hutang luar PABK telah berkurangan dengan banyaknya daripada \$15,030 juta dalam tahun 1986 kepada \$11,846 juta dalam tahun 1990.

2.28 Tabungan sektor awam dalam tempoh RM5 telah bertambah baik dengan meningkatnya jumlah hasil yang mengatasi perbelanjaan semasa. Mengenai defisit keseluruhan, kedudukannya juga bertambah baik apabila perbelanjaan pembangunan dapat dikurangkan dengan banyaknya terutama dalam tempoh 1986-88 iaitu selepas ekonomi mengalami kemelesetan. Defisit keseluruhan sektor awam telah dikurangkan daripada 9.8 peratus kepada KNK dalam tahun 1986 kepada 3.3 peratus dalam tahun 1990. Baki hutang luar negeri sektor awam juga berkurangan daripada paras tertinggi sebanyak \$44,767 juta dalam tahun 1987 kepada \$36,514 juta dalam tahun 1990, manakala nisbah khidmat hutang telah berkurangan daripada 15.8 peratus dalam tahun 1985 kepada 7.2 peratus dalam tahun 1990. Ini mencerminkan

dasar fiskal yang lebih berhati-hati bagi memastikan kestabilan ekonomi makro dan untuk mengukuh dan mewujudkan daya tahan dalam ekonomi supaya mampu menghadapi kemungkinan kesan buruk dari perubahan ekonomi luar negeri.

Penswastaan

2.29 Selaras dengan dasar Kerajaan untuk mengurangkan saiz sektor awam dan meningkatkan kecekapan serta produktiviti dan untuk mencapai matlamat penyusunan semula masyarakat, beberapa program penswastaan telah dilaksanakan dalam RM5. Ini termasuk penjualan keseluruhan atau sebahagian saham beberapa syarikat Kerajaan, memperbadankan jabatan-jabatan Kerajaan yang tertentu, pemajakan beberapa kemudahan Kerajaan kepada sektor swasta, pengurusan beberapa kemudahan milik Kerajaan oleh sektor swasta melalui kontrak pengurusan dan pembinaan projek-projek baru dengan kaedah bina-kendali atau build-operate (BO) atau pun bina-kendali-pindah atau build-operate-transfer (BOT) serta melalui pengambilan alih pengurusan syarikat-syarikat atau kemudahan-kemudahan Kerajaan yang sedia ada. Syarikat-syarikat utama yang diswastakan dalam tempoh RM5 adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2-8. Program penswastaan ini melibatkan penjualan saham lebih daripada \$2,000 juta, pengurangan kakitangan seramai 54,000 orang dan penjimatan lebih dari \$400 juta setahun dari segi emolumen. Di samping itu, Kerajaan telah menjimatkan sebanyak \$5,000 juta dalam bentuk perbelanjaan modal melalui pelaksanaan konsep BOT bagi projek-projek seperti Lebuhraya Utara-Selatan dan bekalan air Labuan. Program ini telah menjimatkan sumber-sumber Kerajaan dan seterusnya mengukuhkan kedudukan kewangannya.

Bantuan Teknik

2.30 Jumlah bantuan teknik yang diterima dari sumber-sumber pelbagai hala dan dua hala meningkat kepada \$531 juta dalam tempoh ini. Daripada jumlah tersebut, 75 peratus adalah dari sumber dua hala yang disalurkan untuk latihan, kajian kemungkinan, penyediaan pakar-pakar, perunding, sukarelawan serta peralatan bagi sektor pendidikan, pertanian dan industri.

2.31 Walaupun Malaysia terus menerima bantuan teknik, ia juga memberi bantuan teknik yang sederhana kepada negara-negara membangun di bawah Program Kerjasama Teknik Malaysia (PKTM). PKTM melambangkan kesediaan Malaysia untuk berkongsi pengalaman pembangunan dengan negara-negara membangun yang lain. Dalam tempoh ini Malaysia telah memberi bantuan teknik kepada 46 buah negara membangun yang lain yang melibatkan perbelanjaan sebanyak \$29 juta. PKTM memberi penekanan kepada pembangunan sumber tenaga manusia melalui latihan dan perkongsian pengalaman dan kepakaran dalam proses pembangunan

III. PROGRAM DAN PEMBIAYAAN, 1991-95

2.32 Usaha untuk memperkukuhkan sektor awam akan diteruskan dalam RM6. Untuk mencapai matlamat ini, langkah-langkah fiskal dan kewangan akan ditumpukan kepada pengurusan sumber secara lebih bijaksana bagi memastikan pembangunan yang berterusan. Kerajaan juga akan meningkatkan lagi kecekapannya disamping menyediakan infrastruktur ekonomi dan sosial yang diperlukan untuk memudahkan pertumbuhan yang dinamik dalam sektor swasta untuk menjadi penggerak utama ekonomi negara.

2.33 Bersesuaian dengan objektif ini, peratusan perbelanjaan sektor awam kepada KNK akan dikurangkan. Walau bagaimanapun, peruntukan sebenar RM6 telah bertambah sebanyak 60 peratus dari pada peruntukan RM5 yang dipinda bagi menyiapkan pelaksanaan berbagai-bagai projek yang telah dimulakan dalam RM5. Kebanyakan projek ini telah terjejas berikutan pemotongan perbelanjaan semasa berlakunya kemelesetan ekonomi dalam tempoh 1985-86 dan juga penjadualan semula pelaksanaan projek-projek tersebut. Selain dari itu, pertambahan yang agak besar dalam peruntukan RM6 adalah disebabkan oleh sektor pertahanan terutamanya untuk memoden dan meningkatkan keupayaan angkatan tentera. Peruntukan tambahan akan diberi dalam RM6 untuk mempertingkatkan infrastruktur fizikal dan sosial bagi menyokong proses pertumbuhan dan untuk membolehkan ekonomi menyerap pertumbuhan pesat dalam pelaburan sektor swasta yang sedang berlaku pada masa ini. Projek-projek yang lebih diberi keutamaan adalah projek-projek untuk menambah sistem pengangkutan dan komunikasi, mempertingkatkan kualiti sumber manusia melalui peningkatan pendidikan, latihan, kesihatan dan juga pembangunan sains dan teknologi. Program-program untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat, selaras dengan DPN akan terus diberi keutamaan dalam pengagihan peruntukan. Walau bagaimana pun, pertambahan ini tidaklah begitu besar memandangkan kebanyakan keperluan asas di kawasan luar bandar terutama sekali di Semenanjung Malaysia telah pun disediakan pada masa-masa lalu dengan pembinaan jalan-jalan luar bandar, bekalan air, elektrik, pertanian dan pembangunan tanah. Namun begitu, peruntukan bagi Sabah dan Sarawak telah bertambah dengan banyaknya bagi memandangkan terdapat kekurangan kemudahan di negeri-negeri tersebut.

2.34 Untuk memastikan pelaksanaan sepenuhnya program dan projek-projek RM6, penekanan akan diberikan kepada program dan projek-projek yang sedia untuk dilaksanakan iaitu program dan projek yang mana kajian kemungkinan, ujian tanah dan kerja-kerja ukur telah siap. Di samping itu, usaha yang berterusan berterusan akan diambil untuk meningkatkan keupayaan pelaksanaan agensi-agensi untuk mengukuhkan kepakaran dalam mengenalpasti dan melaksanakan projek.

Peruntukan Pembangunan

2.35 Jumlah peruntukan pembangunan bagi sektor awam untuk RM6 adalah sebanyak \$104,000 juta, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2-2. Sungguhpun jumlah peruntukan ini lebih tinggi daripada Rancangan-rancangan Pembangunan Lima Tahun yang lalu, tetapi ianya lebih rendah dari segi nisbahnya kepada KNK seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2-9.

2.36 Peruntukan pembangunan Kerajaan Persekutuan berjumlah sebanyak \$55,000 juta di mana sebanyak \$18,966 juta atau 34 peratus daripadanya adalah diperlukan untuk projek-projek sambungan. Maklumat peruntukan yang terperinci mengikut kerajaan negeri, badan berkanun, kerajaan tempatan dan PABK seperti ditunjukkan dalam Jadual 2-2 hanya merupakan sumber pembiayaan sendiri. Selain daripada sumber-sumber ini, agensi-agensi tersebut juga menerima peruntukan dalam bentuk bayaran pindahan daripada Kerajaan Persekutuan bagi perbelanjaan pembangunan.

Peruntukan Pembangunan Mengikut Sektor

2.37 Dalam tempoh RM6, sektor ekonomi akan menerima peruntukan yang paling besar berjumlah \$31,236 juta seperti ditunjukkan dalam Jadual 2-3. Walau bagaimanapun, bahagiannya dalam peruntukan keseluruhan akan berkurangan daripada 65.2 peratus dalam RM5 kepada 56.8 peratus dalam RM6. Ini menggambarkan usaha Kerajaan untuk mengurangkan peranannya dalam aktiviti-aktiviti ekonomi terutama di mana sektor swasta boleh memainkan peranan yang lebih besar. Tambahan pula, Kerajaan Persekutuan tidak lagi perlu membiayai agensi-agensi yang telah diswastakan.

2.38 Di bawah sektor ekonomi, pertanian dan pembangunan luar bandar akan diperuntukkan sejumlah \$9,019 juta atau 16.4 peratus daripada peruntukan Kerajaan Persekutuan. Teras program-program sektor ini adalah untuk meningkatkan kecekapan bagi meninggikan produktiviti dan juga mempergiatkan semula sektor tersebut, untuk memaksimumkan pendapatan dan membasmi kemiskinan di kalangan penduduk luar bandar. Dari segi keutamaan, pembangunan in-situ yang melibatkan penyatuan tanah, pemulihan, penanaman semula, saluran, pengairan dan pencegahan banjir akan diberi peruntukan terbesar sebanyak \$4,117 juta atau 46 peratus daripada jumlah peruntukan sektor ini. Teras pembangunan in-situ yang bertujuan untuk memoden dan mengkomersilkan pertanian pekebun pekebun kecil menjadi lebih penting memandangkan berkurangnya tanah baru yang sesuai untuk pertanian di Semenanjung Malaysia dan wujudnya masalah kos pembangunan yang tinggi serta juga kekurangan peneroka di Sabah dan Sarawak. Dengan demikian, penekanan akan diberi bagi memulihkan semua kawasan yang telah diterokai atau kawasan-kawasan yang terbiar untuk meningkatkan penggunaan sumber bagi pengeluaran pertanian.

2.39 Memandangkan halangan dari segi kekurangan tanah-tanah baru dan juga kawasan hutan serta sumber perikanan pesisir, pembangunan tanah dan wilayah akan diberi peruntukan yang lebih rendah iaitu \$2,383 juta berbanding dengan \$2,946 juta dalam RM5. Dalam tempoh RM6, Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) akan lebih menumpukan kepada usaha-usaha menanam semula daripada membuka tanah baru. Dengan itu penekanan adalah lebih kepada langkah pemuliharaan dan pemuliharaan di samping meningkatkan produktiviti melalui Penyelidikan dan Pembangunan (P&P) dan pengurusan ladang yang cekap yang akan meminimumkan kos seunit, mengurangkan kerugian dan menambah hasil bersih.

2.40 Peruntukan bagi sektor perdagangan dan perindustrian berjumlah \$5,752 juta atau 10.5 peratus daripada keseluruhan peruntukan Kerajaan Persekutuan, dengan keutamaan diberi kepada penyediaan kemudahan infrastruktur sokongan bagi membesar dan memperkukuhkan asas perindustrian dan perdagangan dalam ekonomi. Daripada jumlah ini, sebanyak \$3,187 juta akan diperuntukkan untuk pembangunan perindustrian dan \$291 juta daripadanya ialah untuk pembangunan estet-estet perindustrian. Sebanyak \$560 juta akan disediakan untuk infrastruktur S&T, \$534 juta untuk pelancungan dan \$658 juta untuk promosi eksport, latihan dan perkhidmatan juruperunding, bangunan-bangunan perniagaan dan juga untuk mengukuh dan memodenkan pentadbiran dan perkhidmatan perniagaan. Sebagai tambahan, sejumlah \$661 juta akan diberi kepada institusi-institusi kewangan untuk membiayai program seperti modal teroka, industri IKS dan kredit eksport. Keutamaan akan diberikan kepada penerapan, pembaharuan dan penggunaan teknologi selaras dengan kehendak-kehendak perindustrian dan eksport. Usaha akan dijalankan untuk memastikan penyelidikan adalah selaras dengan kehendak pasaran. Penekanan yang lebih akan diberi bagi meningkatkan teknologi dari segi kandungan, kecekapan dan juga produktiviti bagi industri-industri dan perkhidmatan di negara ini. Bagi mencapai matlamat ini peruntukan bagi P&P telah ditambah menjadi sebanyak \$600 juta di bawah RM6. Selaras dengan matlamat Kerajaan untuk menambahkan perbelanjaan P&P dengan meningkatkan nisbahnya kepada KNK menjadi sekurang-kurangnya dua kaliganda menjelang tahun 2000, insentif-insentif seperti geran setara, pinjaman mudah dan pemberian kredit pada kadar istimewa akan diberi. Pihak swasta juga diharap dapat memainkan peranan yang lebih agresif dan mengamalkan sikap yang lebih positif terhadap P&P. Di samping itu, insentif fiskal dan kewangan serta infrastruktur-teknologi untuk menggiatkan aktiviti P&P dalam industri swasta akan diberi.

2.45 Peruntukan sebanyak \$13,468 juta atau seperempat daripada peruntukan Kerajaan Persekutuan akan diberi kepada sektor sosial selaras dengan objektif untuk memperbaiki taraf hidup dan kesejahteraan masyarakat. Daripada jumlah ini, program pendidikan dan latihan akan diperuntukkan sebanyak \$8,501 juta untuk memenuhi keperluan pembangunan sumber manusia. Dengan bertambahnya permintaan terhadap pendidikan dan latihan di setiap peringkat, langkah-langkah akan terus diambil untuk menyusun semula dan memper-kukuhkan lagi sistem

pendidikan dan latihan yang ada sekarang dengan tujuan untuk meningkatkan mutunya, menggalakkan penyertaan yang lebih adil serta meningkatkan peluang untuk mendapatkan pendidikan dan latihan di samping memenuhi keperluan untuk membangunkan ekonomi yang kompetitif. Dalam hal ini, usaha-usaha akan ditumpukan bagi memaksimumkan penggunaan kemudahan-kemudahan pendidikan dan latihan yang sedia ada, memperbaiki kurikulum sekolah dan latihan guru-guru. Penekanan juga akan diberi kepada latihan vokasional dan teknikal serta pengajian tinggi. Pendidikan vokasional dan teknikal serta juga institusi latihan sektor awam akan dipertingkatkan agar dapat menambahkan bekalan tenaga kerja mahir dan teknikal bagi memenuhi proses perindustrian yang pesat dalam ekonomi. Usaha berterusan juga akan dibuat untuk menyusun semula sistem pendidikan tinggi bagi menghasilkan tenaga kerja yang diperlukan oleh industri. Sehubungan dengan ini program penyelidikan dan lepasan ijazah di institusi-institusi pengajian tinggi akan diperkukuhkan lagi dengan kerjasama industri-industri berkenaan.

2.46 Program-program untuk kesihatan akan diberi peruntukan sebanyak \$2,253 juta, terutama sekali untuk membina dua belas buah hospital nukleus, memperbaiki perkhidmatan kesihatan luar bandar dan membina pusat kardiotorasik yang baru. Mutu perkhidmatan kesihatan akan terus diperbaiki melalui peluasan perkhidmatan patologi dan radiologi. Berhubung dengan perumahan, peruntukan berjumlah \$803 juta akan disediakan terutamanya untuk program perumahan kos rendah.

2.47 Dalam tempoh RM6, sejumlah \$109 juta akan diperuntukkan bagi projek-projek sambungan dan baru dalam perkhidmatan Kehakiman. Mahkamah tinggi yang baru akan dibina di Kuala Terengganu, Melaka dan Shah Alam, manakala sebanyak 15 buah mahkamah majistret yang baru akan dibina di seluruh negara. Penyediaan bilik mahkamah baru dan peningkatan taraf kemudahan yang sedia ada adalah diperlukan berikutan dari pertambahan kes-kes yang perlu diselesaikan oleh mahkamah-mahkamah. Dengan siapnya projek-projek ini, kes-kes jenayah, sivil dan reman yang tertangguh dijangka akan dapat dikurangkan.

2.48 Sektor keselamatan akan diperuntukkan sejumlah \$8,408 juta atau 15.3 peratus daripada jumlah peruntukan Kerajaan Persekutuan di mana sejumlah \$6,000 juta adalah untuk angkatan tentera. Jumlah ini melebihi peruntukan yang diberikan dalam RM5, terutamanya untuk memenuhi tanggungan di bawah Memorandum Persefahaman (MOU) yang ditandatangani dengan United Kingdom bagi pembelian kelengkapan ketenteraan dan pembinaan infrastruktur yang berkaitan. Peruntukan ini juga termasuk program-program lain seperti pembelian peralatan sebanyak \$678 juta dan pembinaan kem-kem dan rumah keluarga sejumlah \$871 juta. Sementara itu, sejumlah \$2,408 juta akan diperuntukkan untuk sektor kecil keselamatan dalam negeri di mana sebanyak \$2,131 juta adalah diperuntukkan kepada Polis DiRaja Malaysia termasuk sejumlah \$615 juta untuk projek perumahan bagi anggota-anggota polis. Selain daripada itu, peruntukan yang diberi adalah juga untuk menambah kemudahan bagi Jabatan-jabatan Imigresen, Penjara dan juga untuk Pusat-pusat

Pemulihan Dadah. Peruntukan Pembangunan Untuk Membasmi Kemiskinan dan Menyusun Semula Masyarakat

2.49 Kerajaan akan terus melaksanakan program-program utama untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat selaras dengan keutamaan yang diberi di bawah DPN. Peruntukan untuk meningkatkan paras pendapatan dan taraf hidup rakyat luar bandar akan terus diberi seperti yang ditunjukkan dalam peruntukan kepada sektor-sektor. Di samping itu sejumlah \$600 juta termasuk \$260 juta daripada belanja mengurus telah diperuntukkan bagi tujuan meneruskan pelaksanaan program pembangunan golongan rakyat termiskin. Ini termasuk pemberian sejumlah \$20 juta kepada Amanah Ikhtiar Malaysia untuk mengembangkan aktiviti pinjaman tanpa faedah kepada golongan termiskin. Lain-lain komponen utama dalam program ini termasuk perbelanjaan yang disalurkan untuk meningkatkan kemampuan isirumah termiskin bagi mendapatkan kemudahan seperti perumahan, kesihatan dan pendidikan serta aktiviti-aktiviti yang menghasilkan pendapatan.

2.50 Penekanan yang berterusan akan diberi untuk menyediakan pelbagai kemudahan kepada rakyat luar bandar bagi meningkatkan taraf pendidikan dan kemahiran dan dengan itu akan dapat meningkatkan kemampuan mereka untuk menyertai aktiviti dalam sektor moden. Penyediaan peluang yang lebih luas dan kemudahan yang lebih baik akan membantu mengurangkan jurang perbezaan mutu pendidikan dan latihan antara kawasan bandar dan luar bandar dan juga di kalangan pelbagai golongan masyarakat. Sektor swasta dijangka akan juga memainkan peranan penting dalam melatih dan melahirkan tenaga mahir untuk memenuhi permintaan perindustrian yang kian berubah.

2.51 Bagi program penyusunan semula masyarakat, sejumlah \$3,000 juta akan diperuntukkan bagi menyokong pembangunan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera yang berdaya maju. Dari jumlah peruntukan ini sebanyak \$1,800 juta adalah untuk pendidikan dan latihan serta program pembangunan usahawan dan \$600 juta untuk pembangunan perusahaan perdagangan dan penyediaan ruang perniagaan. Peruntukan ini akan disalurkan melalui institusi-institusi seperti MARA, Bank Pembangunan Malaysia, Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN) dan Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA) untuk membantu masyarakat Bumiputera menyertai sektor perdagangan dan perindustrian moden dalam ekonomi.

Peruntukan Pembangunan Mengikut Negeri

2.52 Peruntukan pembangunan Kerajaan Persekutuan mengikut negeri bagi tempoh RM6 adalah seperti ditunjukkan dalam Jadual 2-4. Peruntukan ini mengambil kira kedudukan sosio-ekonomi negeri-negeri, potensi pembangunan, kelebihan bandingan sumber serta kemampuan pelaksanaan negeri-negeri tersebut.

2.53 Selain daripada Wilayah Persekutuan, Selangor akan terus menerima peruntukan yang lebih besar sebanyak \$4,295 juta atau 7.8 peratus daripada peruntukan RM6. Di antara projek-projek utama Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ialah menaiktaraf dan menambahkan kemudahan di Universiti Malaya, membina hospital pengajar di Universiti Kebangsaan Malaysia dan pembinaan Institut Jantung Negara. Peruntukan yang besar disediakan untuk pembangunan Labuan sebagai Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa. Sebahagian besar peruntukan untuk Selangor ialah untuk menambah kemudahan di Universiti Pertanian Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Islam Antarabangsa dan Lapangan Terbang Antarabangsa Subang. Projek-projek ini bukan sahaja memberi faedah kepada rakyat Selangor tetapi juga rakyat yang tinggal di negeri-negeri lain.

2.54 Bagi negeri-negeri berpendapatan sederhana, peruntukan bagi Johor, Pahang dan Perak adalah kira-kira 16.8 peratus daripada jumlah peruntukan. Lain-lain negeri yang berpendapatan sederhana iaitu Melaka, Negeri Sembilan dan Pulau Pinang akan menerima 7.3 peratus daripada jumlah peruntukan. Pembahagian peruntukan yang lebih besar yang diberikan kepada Johor, Pahang dan Perak ialah untuk melaksanakan projek-projek pembangunan pertanian dan infrastruktur seperti PPPB Johor Barat Fasa II, PPPB Pahang Barat dan pembinaan jalanraya Kuala Kangsar-Grik dan Ipoh-Lumut.

2.55 Negeri-negeri kurang maju seperti Perlis, Kedah dan Kelantan akan menerima sebanyak \$5,395 juta atau 9.8 peratus daripada peruntukan RM6. Projek-projek utama termasuk menyiapkan Kampus Universiti Utara Malaysia, pelaksanaan PPPB Lembah Kedah dan PPPB Kemasin-Semerak serta projek pencegahan banjir di Kelantan.

2.56 Jumlah peruntukan bagi Sabah dan Sarawak adalah sebanyak \$5,516 juta atau 10 peratus daripada jumlah peruntukan pembangunan Kerajaan Persekutuan. Sebahagian besar peruntukan ini ialah bagi melaksanakan projek infrastruktur yang perlu untuk meningkatkan peluang rakyat di negeri-negeri ini mendapatkan perkhidmatan sosial di samping terus membangunkan ekonomi di negeri-negeri berkenaan. Projek-projek ini termasuk jalanraya Beaufort-Sindumin, Sandakan-Lahat Datu dan Lebuhraya Tamparuli-Ranau di Sabah, jalanraya Kuching-Sibu, Kuching-Bau-Lundu dan jalan baru Penrissen-Batu Kawa-Petra Jaya di Sarawak.

Perbelanjaan Semasa

2.57 Perbelanjaan semasa Kerajaan Persekutuan bagi tempoh RM6 dijangka akan meningkat pada kadar 7.2 peratus setahun, seperti ditunjukkan dalam Jadual 2-5. Pertambahan ini adalah disebabkan oleh perbelanjaan bagi gaji dan upah, pencen dan ganjaran dan juga bekalan dan perkhidmatan. Perbelanjaan bagi bekalan dan perkhidmatan dijangka meningkat pada kadar 12 peratus setahun berbanding dengan hanya 2.6 peratus dalam tempoh Rancangan sebelumnya. Pertambahan perbelanjaan

ini adalah bagi memenuhi keperluan operasi dan penyelenggaraan di Jabatan-jabatan Kerajaan berikutan daripada peningkatan pelaksanaan program infrastruktur fizikal dan sosial oleh sektor awam di samping meningkatkan kecekapan jabatan-jabatan Kerajaan.

Sumber Hasil

2.58 Memandangkan kemerosotan yang berterusan dalam keanjalan cukai kepada kurang daripada 1.0 untuk hampir semua kategori cukai bagi tempoh RM5, usaha-usaha yang lebih gigih akan diambil bagi memperbaiki asas cukai. Di samping itu, sebagai usaha untuk meningkatkan kutipan hasil, satu penilaian mengenai sistem dan insentif cukai akan dijalankan dengan tujuan untuk menambah hasil dan mengurangkan kesan yang menjejaskan asas cukai berikutan pemberian insentif. Hasil Kerajaan Persekutuan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2-6 dijangka akan meningkat sebanyak 7.0 peratus setahun bagi tempoh RM6 iaitu lebih tinggi daripada yang dicapai bagi tempoh RM5. Sumbangan hasil cukai kepada jumlah hasil dijangka meningkat daripada 73.1 peratus dalam tahun 1990 kepada 76 peratus pada tahun 1995. Sebaliknya, hasil bukan cukai akan mencatat pertumbuhan yang lebih perlahan dan sumbangannya akan berkurangan daripada 26.9 peratus kepada 24 peratus dalam tempoh yang sama.

2.59 Hasil dari cukai langsung dijangka akan meningkat di paras sederhana iaitu pada kadar 6.0 peratus setahun, manakala sumbangannya kepada jumlah hasil akan berkurangan dari 35.8 peratus dalam tahun 1990 kepada 34 peratus pada tahun 1995. Sebahagian besar hasil cukai langsung adalah berpunca dari pertambahan yang tinggi dalam kutipan cukai pendapatan syarikat berikutan dari pertumbuhan pesat sektor pembuatan. Cukai pendapatan individu dijangka akan berkem-bang pada kadar yang sederhana iaitu sebanyak 6.7 peratus setahun. Hasil daripada cukai tidak langsung pula akan terus bertambah, disebabkan oleh meningkatnya kecekapan dalam pungutan dan pentadbiran cukai, terutamanya dari cukai pengguna kesan dari peningkatan penggunaan barangan dan perkhidmatan dalam negeri. Hasil daripada sumber ini dijangka meningkat pada kadar 9.4 peratus setahun dalam tempoh RM6 berbanding dengan 7.8 peratus setahun bagi Rancangan sebelumnya dan ini meningkatkan sumbangannya daripada 37.3 peratus dalam tahun 1990 kepada 41.6 peratus pada tahun 1995. Pendapatan daripada penswastan syarikat-syarikat Kerajaan juga dijangka meningkat. Hasil dari cukai petroleum dan hasil bukan cukai pula dijangka akan berkurangan memandangkan pengeluaran petroleum dijangka kekal pada paras sedia ada. Walau bagaimanapun, ianya akan terus menyumbang bahagian yang besar iaitu kira-kira seperempat daripada jumlah hasil Kerajaan Persekutuan.

Sumber Pembiayaan

2.60 Pembiayaan perbelanjaan pembangunan akan lebih bergantung kepada sumber pinjaman dalam negeri dan juga dari lebih akaun semasa, manakala pinjaman luar negeri pula akan berkurangan. Akaun semasa Kerajaan Persekutuan dijangka akan mencatatkan lebih yang tinggi iaitu sebanyak \$7,860 juta bagi tempoh RM6. Walau bagaimanapun, dengan perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan pada paras \$55,000 juta, defisit keseluruhan dijangka berjumlah \$44,640 juta seperti ditunjukkan di dalam Jadual 2-5. Sungguhpun defisit ini masih berada di paras yang tinggi, defisit keseluruhan Kerajaan Persekutuan akan terus berkurang daripada 6.5 peratus kepada KNK bagi tempoh RM5 kepada 5.5 peratus bagi tempoh RM6. Walau pun defisit ini dapat dibiayai sepenuhnya dari pinjaman dalam negeri, Kerajaan akan terus mendapatkan pinjaman luar dari institusi pelbagai hala dan dua hala apabila dirasakan perlu dan sekiranya syarat-syarat pinjaman itu baik dan menarik.

2.61 Dengan usaha-usaha yang berterusan oleh Kerajaan untuk meningkatkan kecekapan PABK-PABK, lebih semasa bagi tempoh RM6 dijangka akan meningkat kepada \$28,900 juta, iaitu lebih tinggi daripada jumlah \$20,796 juta yang dicapai dalam Rancangan sebelum ini. Sebahagian besar daripada lebih semasa PABK ini adalah merupakan lebih semasa PETRONAS, Tenaga Nasional Berhad dan Telekom Malaysia Berhad. Lebih ini akan menjadi sebahagian daripada hasil sektor awam dan dengan itu akan terus menjadi penyumbang utama kepada pembiayaan program-program sektor awam .

2.62 Setelah mengambilkira lebih semasa bagi Kerajaan Persekutuan, kerajaan-kerajaan negeri, badan berkanun, kerajaan tempatan serta PABK-PABK, lebih sektor awam, seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual 2-7 dijangka akan berjumlah \$71,810 juta iaitu hampir duakali ganda jumlah yang dicatatkan bagi tempoh Rancangan sebelumnya. Peningkatan yang tinggi ini adalah hasil daripada lebih yang tinggi yang dicatatkan oleh PABK-PABK. Berdasarkan peruntukan pembangunan sebanyak \$104,000 juta, defisit keseluruhan sektor awam bagi tempoh RM6 dijangka meningkat kepada \$32,190 juta berbanding dengan hanya \$18,117 juta bagi tempoh RM5. Dari segi peratus kepada KNK, defisit ini dijangka akan berkurangan kepada 4.0 peratus berbanding dengan 4.2 peratus dalam tempoh yang sama.

Penswastaan

2.63 Sungguhpun banyak kemajuan telah dicapai dalam pelaksanaan program penswastaan, Kerajaan akan meningkatkan lagi tempo penswastaan dalam RM6. Bagi mencapai matlamat ini, satu Pelan Induk Penswastaan telah disediakan bagi memberi garispanduan untuk pelaksanaan penswastaan yang lebih teratur dan berkesan. Berdasarkan Pelan ini, Kerajaan akan menyediakan Pelan Tindakan Penswastaan jangka pendek yang menjelaskan dengan terperinci entiti yang akan

diswastakan dan akan diedarkan kepada umum. Satu lagi aspek penting yang akan diberi perhatian ialah pengukuhan rangkakerja pengawalseliaan untuk mengawal entiti-entiti yang diswastakan, terutamanya industri yang berbentuk monopoli. Satu kajian telahpun dimulakan bagi membantu Kerajaan menubuhkan rangkakerja pengawalseliaan yang sesuai bagi memastikan kepentingan orang awam terjamin dari segi harga dan kualiti serta kecekapan dan tahap perkhidmatan.

2.64 Peningkatan pelaksanaan program penswastaan pasti akan mewujudkan permintaan baru ke atas pasaran modal saham dan pinjaman. Untuk mengelakkan kekurangan aliran tunai di pasaran modal untuk memenuhi permintaan sektor swasta bagi kegunaan-kegunaan lain selain daripada penswastaan, beberapa perubahan dalam pasaran modal sedang dipertimbangkan untuk menggalakkan pelaburan terutamanya di kalangan pemilik saham secara kecil-kecilan, pekerja-pekerja dan Bumiputra. Perubahan-perubahan ini bukan sahaja akan memenuhi keperluan program penswastaan malah pada masa yang sama juga ia akan dapat menggalakkan pembangunan pasaran modal tempatan.

Bantuan Teknik

2.65 Program bantuan teknik akan terus ditumpukan kepada pembangunan sumber manusia yang merangkumi bukan saja perolehan pakar-pakar teknikal bagi menampung kekurangan sumber manusia untuk mengendalikan tugas atau fungsi yang khusus tetapi juga bagi mempertingkatkan keupayaan institusi kerajaan melalui latihan serta pertukaran teknologi kepada kakitangan tempatan. Oleh itu, usaha akan dibuat untuk mendapatkan bantuan teknik dari pelbagai sumber selaras dengan keperluan negara dan keupayaan negara-negara penderma. Pada masa yang sama, program bantuan teknik Malaysia kepada negara-negara membangun melalui PKTM akan diteruskan bagi menggalakkan kerjasama serantau dan Selatan-Selatan. Teras program ini akan ditumpukan kepada pembangunan sumber manusia. Liputan program ini dijangka akan diperluaskan untuk meliputi negara-negara membangun di Amerika Latin.

IV. PENUTUP

2.66 Perbelanjaan pembangunan sektor awam akan melengkapkan peranan utama yang akan dimainkan oleh sektor swasta. Ianya akan tertumpu kepada pelaksanaan program-program dan projek-projek sedia ada dan baru untuk mencapai objektif-objektif pertumbuhan dan pengagihan dalam DPN. Penekanan yang lebih akan diberikan kepada program-program dan projek-projek yang bertujuan untuk memperbaiki infrastruktur fizikal dan sosial termasuk peningkatan dalam teknologi dan pembangunan sumber manusia. Walaupun sumber tidak merupakan halangan utama dalam RM6, Kerajaan akan terus berhati-hati dalam pengurusan kewangannya.

BAB 3 : PEMBANGUNAN PERTANIAN

I. PENDAHULUAN

3.01 Prestasi sektor pertanian dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima (RM5) adalah penting kepada pembangunan ekonomi negara. Mempergiatkan semula sektor ini selaras dengan Dasar Pertanian Negara, 1984 adalah penting bagi menentukan pembangunan ekonomi keseluruhan yang seimbang dan bersifat pelbagai. Sektor ini telah memberi sumbangan yang bermakna kepada pertambahan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), gunatenaga, dan pendapatan eksport serta meningkatkan pembangunan luar bandar terutamanya ke arah pembasmian kemiskinan dan pemeliharaan sistem ekologi dan alam sekitar. Pada tahun 1990, sektor pertanian menyumbang lebih daripada seperempat daripada jumlah pendapatan eksport, seperlima daripada KDNK, dan hampir sepertiga daripada jumlah gunatenaga.

3.02 Dalam dekad sembilan puluhan beberapa cabaran yang lebih besar akan dihadapi dalam membangunkan sektor pertanian. Dengan pertumbuhan yang pesat dalam sektor-sektor pembuatan dan perkhidmatan serta bertambah pentingnya industri berasaskan pertanian, sektor pertanian perlu turut berkembang bagi menjamin bekalan bahan pertanian yang mencukupi dan berkekalan kepada sektor tersebut. Untuk memelihara keseimbangan ekologi dan memastikan sektor pertanian memberi sumbangan secara berterusan pada masa hadapan, dasar-dasar yang sesuai adalah diperlukan bagi menggalakkan pembangunan yang berkekalan dan meningkatkan pendapatan bagi mereka yang masih kekal dalam sektor ini. Pertumbuhan sektor pertanian akan berpunca daripada pendekatan pertanian bercorak komersil yang menekankan kecekapan dalam penggunaan sumber-sumber sektor pertanian. Pendekatan seperti ini perlulah diasaskan kepada dayausaha sektor swasta dan bukan melalui penglibatan secara besar-besaran oleh sektor awam.

II. KEMAJUAN, 1986-90

3.03 Dalam tempoh RM5, sektor pertanian telah berkembang pada kadar 4.6 peratus setahun iaitu lebih tinggi daripada kadar pertumbuhan sebanyak 3.1 peratus dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat. Pencapaian ini adalah ketara memandangkan keadaan sukar yang dialami dalam tempoh rancangan tersebut yang ditunjukkan oleh turun naik harga komoditi, dasar perlindungan yang semakin meningkat di negara-negara maju serta kemunculan batasan kepada pengeluaran terutamanya disebabkan oleh kekurangan tenaga buruh dan tekanan yang semakin bertambah ke atas upah.

Pencapaian Komoditi

3.04 Kebanyakan pengeluaran komoditi pertanian mencatatkan peningkatan pengeluaran yang ketara dalam tempoh RM5, seperti ditunjukkan di dalam Jadual 3-1. Punca-punca pertumbuhan utama adalah daripada koko, kelapa sawit, kayu balak, perikanan dan penternakan. Walau bagaimanapun, pengeluaran padi, kelapa dan getah telah turun.

Komoditi-komoditi Utama

3.05 Pengeluaran minyak kelapa sawit mentah telah meningkat pada kadar 8.1 peratus setahun kepada 6.1 juta tan metrik pada tahun 1990, manakala nilai ditambahnya meningkat pada kadar 7.9 peratus setahun kepada \$5,300 juta dan dengan itu meningkatkan kedudukan kelapa sawit sebagai penyumbang tunggal terbesar kepada jumlah nilai ditambah dalam sektor pertanian. Jumlah keluasan yang ditanam dengan kelapa sawit pada tahun 1990, telah meningkat kepada 2.0 juta hektar, mengatasi kawasan tanaman getah seperti ditunjukkan di dalam Jadual 3-2. Pertambahan tersebut dicapai melalui pembukaan tanah baru oleh agensi-agensi sektor awam serta penanaman baru dan penukaran kawasan getah kepada kelapa sawit oleh sektor swasta. Sektor estet merupakan 47 peratus daripada jumlah keluasan, manakala pekebun kecil tersusun merupakan 45 peratus dan pekebun kecil tidak tersusun, lapan peratus. Dalam tempoh RM5, eksport minyak kelapa sawit meningkat pada kadar 12 peratus setahun kepada 5.7 juta tan metrik, pada tahun 1990, sementara pendapatan eksport bernilai \$4,400 juta. Sebahagian besar daripada eksport adalah dalam bentuk minyak kelapa sawit yang telah diproses. Dengan yang demikian, Malaysia telah mengekalkan kedudukannya sebagai pengeluar dan pengeksport terbesar minyak kelapa sawit pada tahun 1990.

3.06 Pengeluaran getah merosot pada kadar 2.6 peratus setahun kepada 1.3 juta tan metrik pada tahun 1990, berikutan daripada kejatuhan harga dengan banyaknya dari paras tinggi yang dicapai pada pertengahan tempoh RM5. Kemosroton ini juga disebabkan oleh pengurangan dalam keluasan tanaman pada kadar 1.5 peratus setahun kepada 1.8 juta hektar. Walau bagaimanapun, kemosroton pengeluaran ini

sebahagiannya telah dibendung melalui peningkatan produktiviti berpunca daripada penggunaan klon berhasil tinggi secara berterusan dan amalan pertanian yang lebih baik. Kejatuhan harga dan pendapatan selanjutnya membawa kepada pengabaian kebun-kebun kecil, manakala estet pula mengalami kesukaran untuk mendapatkan tenaga buruh. Pengeluaran sektor estet tidak berubah walaupun daya keluaran telah meningkat disebabkan oleh kawasan tanaman telah menurun akibat daripada penukaran kepada kelapa sawit yang berterusan. Sebahagian besar daripada getah yang dieksport adalah dalam bentuk tidak diproses atau separuh proses, manakala pemprosesan dalam negeri oleh industri berasaskan getah hanya berjumlah 181,000 tan metrik pada tahun 1990. Walaupun paras pemprosesan dalam negeri adalah rendah, ianya telah meningkat dengan banyaknya pada kadar 21 peratus setahun dalam tempoh RM5.

3.07 Pengeluaran koko telah mencatatkan kadar pertumbuhan yang paling tinggi walaupun harga bagi koko kering telah turun dengan banyaknya daripada \$4.19 sekilogram pada tahun 1986 kepada \$2.51 sekilogram pada tahun 1990. Dalam tempoh RM5, nilai ditambah bagi koko telah meningkat dengan banyaknya pada kadar 16.8 peratus setahun, merupakan kira-kira lapan peratus daripada jumlah nilai ditambah sektor pertanian pada tahun 1990, seperti ditunjukkan dalam Carta 3-1. Dengan itu, pengeluaran telah meningkat pada kadar 19.4 peratus setahun kepada 262,000 tan metrik pada tahun 1990, menjadikan Malaysia sebagai pengeluar ke empat terbesar di dunia. Pendapatan eksport bernilai \$448 juta pada tahun 1990. Penekanan yang diberikan kepada kualiti koko yang dieksport telah membawa kepada pengenalan penggredan Piawai Koko Malaysia oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) bagi memperkukuhkan kedudukan koko Malaysia di pasaran antarabangsa. Kadar penambahan pengeluaran koko yang pesat adalah hasil daripada peningkatan produktiviti. Daya keluaran biji koko kering telah meningkat daripada 659 kilogram sehektar pada tahun 1985 kepada 1,052 kilogram sehektar pada tahun 1990. Sektor perladangan yang kebanyakannya terdapat di Sabah merupakan 55 peratus daripada jumlah keluasan, manakala sektor pekebun kecil yang merupakan 45 peratus, kebanyakannya terdapat di Semenanjung Malaysia ditanam sebagai tanaman selingan dengan kelapa. Penubuhan Lembaga Koko Malaysia (LKM) pada tahun 1989 menunjukkan kian pentingnya pengeluaran koko dalam pembangunan pertanian negara.

Tanaman-tanaman Lain

3.08 Prestasi tanaman-tanaman lain adalah berbeza-beza. Tanaman padi terus terjejas oleh pulangan yang rendah, kekurangan tenaga buruh, pengurusan yang lemah dan kemarau yang kadang kala berlaku di kawasan-kawasan di luarjelapang padi di utara Semenanjung Malaysia. Berikutan daripada itu, jumlah pengeluaran padi telah merosot daripada 2.0 juta tan metrik pada tahun 1985 kepada 1.6 juta tan metrik pada tahun 1990. Tambahan pula, kualiti pengeluaran telah turun disebabkan oleh kurangnya insentif harga di bawah struktur harga yang dikawal pada masa ini.

Sebagai langkah ad hoc, subsidi kupon telah dinaikkan sebanyak 50 peratus pada bulan Julai 1990. Harga lada hitam yang kukuh pada tahun-tahun permulaan tempoh RM5 serta pemberian bantuan telah menggalakkan penanaman dengan lebih meluas dan ini telah meningkatkan pengeluaran lada hitam pada tahun-tahun akhir tempoh rancangan tersebut. Pengeluaran lada hitam terus kukuh walaupun harga turun dengan banyaknya lebih daripada \$11,000 setan metrik dalam tempoh 1986-87 kepada -kurang daripada separuh pada tahun 1990. Kawasan tanamannya adalah tertumpu di Sarawak dan di beberapa kawasan tertentu di Johor. Pengeluaran kelapa telah turun pada kadar 3.1 peratus setahun dalam tempoh 1986-90 ekoran daripada keadaan harga dan produktiviti yang rendah disebabkan oleh pokok yang sudah tua. Keluasan tanaman yang kebanyakannya diseling dengan koko kekal di sekitar 332,000 hektar. Bagi mengatasi masalah kekurangan permintaan, penjualan kelapa muda telah digalakkan. Selaras dengan kuota yang ditetapkan oleh Lembaga Tembakau Negara (LTN), pengeluaran tahunan tembakau telah turun naik di antara 7,300-13,000 tan metrik dalam tempoh RM5. Memandangkan keluasan tanaman tembakau telah turun pada kadar 8.9 peratus setahun, sumber pertumbuhan telah berpunca daripada peningkatan daya keluaran. Masalah utama yang dihadapi ialah kekurangan tanah yang sesuai dan kos pengeluaran yang kian meningkat.

3.09 Penekanan yang lebih telah diberikan ke atas pengeluaran bahan makanan dalam negeri memandangkan nilai import yang tinggi berjumlah hampir \$4,000 juta setahun serta usaha untuk mencari sumber pertumbuhan yang baru. Oleh itu, penanaman buah-buahan, sayur-sayuran, bunga-bunga dan pengeluaran tanaman untuk makanan haiwan telah digalakkan. Memandangkan kepada permintaan yang kukuh bagi buah-buahan tropikal di pasaran dalam negeri dan antarabangsa, usaha pelbagaian ini telah memberikan pulangan yang lebih baik kepada petani. Berikutan daripada itu, kawasan tanaman buah-buahan telah bertambah pada kadar 6.4 peratus setahun, menyumbang kepada pertambahan pengeluaran buah-buahan kepada 1.2 juta tan metrik pada tahun 1990. Eksport buah-buahan telah meningkat daripada \$72.1 juta pada tahun 1985 kepada \$177.8 juta pada tahun 1990. Durian merupakan penyumbang terbesar kepada pendapatan eksport, diikuti oleh belimbing, pisang, tembikai dan betik. Kebanyakan buah-buahan ini telah dieksport ke Singapura, Asia Timur dan Eropah. Walau-pun keluasan tanaman nanas telah turun, pengeluarannya bertambah pada kadar 2.6 peratus setahun kepada 173,000 tan metrik pada tahun 1990, sebahagian besarnya melalui produktiviti yang lebih tinggi hasil daripada penggunaan hibrid nanas yang baru oleh estet-estet dan pekebun-pekebun kecil.

3.10 Pengeluaran sayur-sayuran telah meningkat pada kadar peratus setahun kepada 224,000 tan metrik pada tahun 1990. Peningkatan pengeluaran adalah hasil daripada penanaman secara yang lebih intensif dan bukan melalui pertambahan kawasan. Walau bagaimanapun, Malaysia masih merupakan pengimport bersih sayur-sayuran, dengan import bernilai \$257.5 juta berbanding dengan eksport bernilai \$70.0 juta pada tahun 1990.

Keluaran dan Pengurusan Perhutanan

3.11 Dalam tempoh RM5, kadar tebanan hutan untuk pengeluaran balak telah meningkat pada kadar 5.8 peratus setahun kepada 41 juta meter padu pada tahun 1990 meskipun terdapat satu dasar yang jelas supaya paras daya keluaran dikekalkan. Sabah dan Sarawak telah menyumbang sebanyak 73.2 peratus daripada pengeluaran keseluruhan, dengan Sarawak mengeluarkan sebanyak 50 peratus atau 20.5 juta meter padu. Pengeluaran dari Semenanjung Malaysia juga telah meningkat kepada 11 juta meter padu, manakala pengeluaran dari Sabah telah turun kepada 9.5 juta meter padu dengan berkurangnya kawasan hutan produktif. Kadar pembalakan keseluruhan yang tinggi telah mencerminkan kecenderungan untuk mengeksport kayu balak lebih daripada pemprosesan hiliran dalam negeri kerana kerajaan-kerajaan negeri sangat bergantung kepada royalti kayubalak sebagai sumber pendapatan utama. Berikutan daripada itu, eksport kayu balak dari Sabah dan Sarawak masih kekal pada paras yang tinggi iaitu sebanyak 20.3 juta meter padu pada tahun 1990. Pasaran utama ialah Jepun, Taiwan dan Korea.

3.12 Selaras dengan usaha-usaha untuk memulihkan hutan di bawah Dasar Perhutanan Negara, seluas 959,800 hektar hutan di Semenanjung Malaysia telahpun diberi rawatan silvikultur dalam tempoh RM5. Pada masa yang sama, kawasan catuan tebanan tahunan telah dikurangkan daripada 216,000 hektar dalam tahun 1985 kepada 189,000 hektar pada tahun 1990. Projek Ladang Hutan Kompensatori telah melibatkan penanaman semula kawasan hutan degrad seluas 35,200 hektar di tujuh buah negeri di Semenanjung Malaysia dengan spesies pokok kayu cepat membesar terutamanya, *Gmelina arborea*, *Acacia mangium* dan *Paraserianthes falcataria* untuk menampung kekurangan bekalan kayu pada masa hadapan. Di Sabah, usaha-usaha awal untuk mengatasi masalah kadar pembalakan yang tidak boleh dikekalkan termasuklah menghutankan semula seluas lebih kurang 27,700 hektar kawasan hutan dengan menanam spesies cepat membesar melalui usahasama di antara Yayasan Sabah dengan sebuah syarikat swasta. Seluas 13,000 hektar lagi ladang *Acacia mangium* telah dimajukan oleh Lembaga Pembangunan Perhutanan Sabah (SAFODA). Di Sarawak, walaupun sumber-sumber perhutanan masih banyak, langkah-langkah awal bagi menghutankan semula kawasan degrad yang terjejas akibat pertanian pindah telah diambil termasuklah membangunkan kawasan seluas 4,000 hektar ladang dengan spesies *Acacia mangium*. Keluasan tanaman rotan yang kebanyakannya terdiri daripada spesies-spesies *Calamus manan* atau *manau* dan *Calamus caesius* atau *sega* ialah sebanyak 7,500 hektar di Sabah dan 3,100 hektar di Semenanjung Malaysia.

3.13 Daripada jumlah pengeluaran balak sebanyak 41 juta meter padu pada tahun 1990, 20.6 juta meter padu telah dijadikan kayu gergaji, sementara 7.7 juta meter padu lagi telah dijadikan venir dan papan lapis. Hampir keseluruhan pengeluaran balak di Semenanjung Malaysia diproses dalam negeri berbanding dengan 32 peratus

di Sabah dan juga di Sarawak. Kayu getah kian meningkat sumbangannya terhadap bekalan kayu negara. Daripada jumlah pengeluaran keseluruhan kayu gergaji sebanyak 8.9 juta meter padu, 5.2 juta meter padu telah dieksport manakala bakinya telah digunakan untuk industri pembinaan dan pemprosesan hiliran dalam negeri terutamanya bagi pengeluaran kayukumai, kayutanggung dan perabot.

Keluaran dan Program-program Perikanan

3.14 Pengeluaran sektor perikanan telah meningkat pada kadar 7.6 peratus bagi pendaratan ikan laut dan 7.9 peratus bagi akuakultur. Perikanan laut dalam dan akuakultur telah menyumbang dengan banyaknya kepada peningkatan pengeluaran hasil daripada usaha-usaha galakan di bawah Akta Galakan Pelaburan (AGP), 1986. Pendaratan daripada perikanan laut dalam meningkat kepada 100,000 tan metrik pada tahun 1990 daripada 18,300 tan metrik pada tahun 1985, manakala bilangan kolam ikan airtawar bertambah kepada 20,900 buah daripada 18,600 buah. Pada masa yang sama, sebanyak 125 buah tukun tiruan telah dibina untuk menggalakkan pengumpulan ikan sebagai sebahagian daripada program keseluruhan untuk memulihara dan meningkatkan sumber perikanan pantai.

3.15 Penekanan ke atas khidmat sokongan termasuklah penubuhan Pusat Pengeluaran dan Penyelidikan Udang Kebangsaan di Pulau Sayak dan peningkatan taraf sistem pengurusan pengeluaran bagi pemeliharaan udang di Pusat Penyelidikan Perikanan Gelang Patah. Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan Jabatan Perikanan telah mengambil langkah-langkah untuk memodenkan sektor ini. Kemudahan kredit telah disediakan untuk membina bot yang besar dan dilengkapi dengan kemudahan moden serta untuk membolehkan nelayan pantai memilikinya. Untuk menggalakkan penyertaan sektor swasta, penglibatan yang lebih meluas oleh persatuan-persatuan nelayan dalam pemasaran ikan dan keluaran ikan telah diberi penekanan. Pada tahun 1990, jumlah nelayan dianggarkan seramai 89,000 orang, berkurangan daripada bilangan tertinggi seramai 116,500 orang pada awal tahun lapan puluhan, hasil daripada penghijrahan keluar dan kesediaan nelayan untuk menjadi petani.

Pembangunan Ternakan

3.16 Dalam tempoh RM5, jumlah nilai ditambah bagi sektor kecil ternakan telah meningkat pada kadar 6.1 peratus setahun kepada \$606 juta, dengan ternakan bukan ruminan merupakan penyumbang utama kepada pertumbuhannya. Pengeluaran daging kambing meningkat pada kadar 1.9 peratus setahun, sebahagiannya berpunca daripada usaha-usaha mengintegrasikan ternakan bebiri dengan aktiviti perladangan terutama sekali di ladang kelapa sawit yang besar yang dimiliki oleh sektor swasta dan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) dan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun-pekebun Kecil Industri Getah (RISDA). Pengeluaran daging lembu hanya meningkat pada kadar 1.9 peratus setahun. Sejumlah 19,500 ekor lembu dan kerbau

telah diagihkan kepada 6,600 petani di bawah Skim Kredit Penternak Kecil oleh Jabatan Perkhidmatan Haiwan (JPH), sementara sebanyak 2,800 ekor lembu tenusu dibahagikan kepada 1,200 orang penternak di bawah program tenusu. Dalam tempoh yang sama, 25,500 ekor kambing dan bebiri telah dipinjamkan kepada 1,300 petani di bawah skim pawah. Integrasi ternakan ruminan dengan tanam-an kekal di ladang-ladang terus berkembang dan melibatkan kira-kira 60,000 ekor lembu. Walau bagaimanapun, pada pertengahan RM5, usaha-usaha membangunkan fidlot yang intensif telah terjejas kerana meningkatnya kos input terutamanya isi-rong sawit. Pada masa yang sama, kemasukan daging lembu import yang murah dari India melalui perjanjian perdagangan timbalbalas telah menghadkan keluaran daging Malaysia yang berharga lebih tinggi kepada pasaran harga sederhana. Kemajuan yang lembab dalam usaha menghasilkan baka tempatan dan stok baka pembiak juga telah menghalang pertumbuhan pengeluaran daging lembu dan kambing. Untuk mengatasi masalah ini, JPH telah menubuhkan sembilan Pusat Ladang Pembiakan bagi lembu dan enam bagi kambing.

3.17 Pengeluaran daging ayam-itik telah meningkat pada kadar 7.9 peratus setahun kepada 368,000 tan metrik pada tahun 1990, sementara pengeluaran daging khinzir telah meningkat 5.1 peratus setahun kepada 211,000 tan metrik. Malaysia terus berada dalam keadaan mampu diri dalam kedua-dua industri ini dan telah dapat mengeksport lebihannya ke Singapura dan lain-lain pasaran negara Asia yang berdekatan. Pemeliharaan khinzir secara kecilan yang tidak terkawal dan berselerak telah menimbulkan isu-isu pencemaran alam sekitar dan sensitiviti agama. Berikutan dari itu, dasar-dasar telah digubal untuk menghadkan perkembangan industri ini kepada kawasan-kawasan khusus sahaja.

3.18 Malaysia telah mencapai mampu diri dalam pengeluaran telur dan pengeluarannya telah meningkat pada kadar 6.8 peratus setahun kepada 4,700 juta biji pada tahun 1990. Pengeluaran susu juga telah meningkat kepada 34 juta liter, iaitu pertambahan pada kadar 7.4 peratus setahun. Walau bagaimanapun, Malaysia masih tidak mencapai mampu diri dalam pengeluaran susu dan hanya memenuhi 10 peratus daripada keperluan negara. Di bawah program lembu tenusu, 39 buah Pusat Pengumpulan Susu (PPS) baru telah ditubuhkan sementara yang lainnya telah disatukan untuk mencapai keberkesanan kos.

Program-program Pembangunan Tanah dan Khidmat Sokongan

3.19 Kedua-dua program pembangunan tanah baru dan in-situ telah memberi sumbangan yang banyak dalam meningkatkan pengeluaran dan memperbaiki pendapatan sektor pertanian. Walau bagaimanapun, beberapa batasan berkaitan dengan sumber tanah, buruh dan kenaikan kos input telah timbul dalam tempoh tersebut. Walaupun peruntukan terbesar sektor awam telah disediakan untuk pembangunan tanah baru, namun pendekatan pembangunan in-situ merupakan teras utama kepada program-program pembangunan pertanian dalam tempoh RM5.

Pembangunan In-situ

3.20 Teras pembangunan in-situ bagi memajukan semula kampung-kampung dan kebun-kebun pertanian yang sedia ada melalui penyediaan infrastruktur dan kemudahan penanaman semula serta orientasi komersil yang lebih besar adalah bertujuan untuk meningkatkan produktiviti ladang sedia ada. Komponen in-situ yang utama ialah Program Pembangunan Pertanian Bersepadu (PPPB) yang telah dirangka untuk menyediakan pakej kemudahan-kemudahan infrastruktur dan sokongan secara bersepadu. Ini termasuklah penyediaan sistem pengairan dan saluran, kawalan banjir, jalan-jalan ladang serta khidmat sokongan pertanian kepada kawasan-kawasan sedia ada. Daripada sejumlah 15 buah projek PPPB yang telah dilaksanakan dalam tempoh RM5, penyediaan kesemua komponen infrastruktur bagi lapan buah PPPB telahpun disiapkan. Projek-projek yang telah disiapkan ini meliputi kawasan seluas 3.5 juta hektar dan memberi faedah kepada 273,900 keluarga tani. Unit-unit pengurusan projek akan terus mengendali dan menyelenggara projek-projek ini bagi menentukan faedah yang maksimum diperolehi daripada pelaburan besar yang telah dibuat. Dalam tempoh RM5, jumlah perbelanjaan PPPB adalah sebanyak \$1,020 juta, tiga perempat daripadanya adalah perbelanjaan untuk infrastruktur pengairan dan saluran.

3.21 Satu lagi program in-situ yang utama ialah penanaman semula. Sumbangan kepada keluaran dan pertumbuhan-pertumbuhan pendapatan yang kukuh daripada getah, kelapa sawit dan tanaman komersil adalah hasil daripada program-program penanaman semula yang berkesan yang dilaksanakan secara berterusan pada masa lalu. Seperti ditunjukkan dalam Jadual 3-3, RISDA telah menanam semula lebih kurang 140,000 hektar tanah di Semenanjung Malaysia yang melibatkan 80,000 pekebun kecil. Tumpuan telah diberikan kepada penanaman semula secara berkelompok dan estet-estet mini untuk mencapai tahap ekonomi bidangan dalam aspek pengeluaran, penyelenggaraan dan pemasaran. Lebih kurang 40,000 hektar telah dimajukan secara estet mini. Lembaga Tabung Getah Sabah (LTGS) telah menanam semula seluas 3,500 hektar tanaman getah yang memberi faedah kepada 5,000 pekebun kecil. Di samping itu, Lembaga Perusahaan Nanas Malaysia (LPNM) telah menanam semula seluas 3,600 hektar kebun nanas yang melibatkan 2,700 petani.

3.22 Program-program penyatuan dan pemulihan tanah terbiar dan kebun-kebun yang tidak ekonomik adalah bertujuan untuk meningkatkan produktiviti melalui pewujudan operasi bersaiz ekonomik, penggunaan teknologi moden dan penyediaan kemudahan infrastruktur yang lebih baik. Dalam tempoh RM5, Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Persekutuan (FELCRA) telah memulihkan 117,800 hektar tanah melebihi matlamat 110,000 hektar yang dirancang. Ini termasuklah pemulihan seluas 38,600 hektar tanah terbiar semenjak tahun 1984. Daripada jumlah yang dipulihkan, 69.8 peratus telah dimajukan dengan kelapa sawit, 16.2 peratus getah dan 7.4 peratus koko dan tanaman-tanaman lain. Kebanyakan program-program Lembaga

Penyatuan dan Pemulihan Tanah Sarawak (SALCRA) adalah bagi penanaman kelapa sawit, koko, getah dan teh, manakala Jabatan Pertanian Sarawak telah memulihkan kawasan seluas 10,000 hektar dengan tanaman buah-buahan, sayur-sayuran dan tanaman kontan. Seluas 15,500 hektar tanaman kelapa telah diselingkan dengan koko dan kopi di bawah Projek Pemulihan dan Penanaman Semula Kelapa yang tamat pada tahun 1988. Di samping itu, seluas lebih kurang 7,800 hektar kawasan sawah padi terbiar telah dipulihkan, sebahagiannya melalui pengurusan secara ladang berkelompok atau secara estet padi yang dikendalikan oleh syarikat swasta.

Pembangunan Tanah Baru

3.23 Pembangunan tanah baru yang telah dilaksanakan oleh agensi-agensi sektor awam telah melebihi matlamat RM5, seperti ditunjukkan dalam Jadual 3-4. FELDA telah memajukan 49.7 peratus daripada jumlah keseluruhan seluas 353,300 hektar, dengan 88.3 peratus telah ditanami dengan kelapa sawit, 5.9 peratus getah dan 1.3 peratus koko. Bakinya sebanyak 45.3 peratus atau 160,000 hektar telah dimajukan oleh agensi-agensi pembangunan tanah negeri. Di bawah program ini, sejumlah 26,100 keluarga tani telah ditempatkan semula, menjadikan jumlah terkumpul kepada 119,300 keluarga peneroka yang terdiri daripada 715,800 orang pada akhir tahun 1990. Kos pembangunan purata untuk menempatkan semula satu keluarga peneroka ialah \$40,500 bagi skim kelapa sawit dan \$57,400 bagi skim getah. Pendapatan peneroka dari kelapa sawit telah terjejas teruk akibat daripada kejatuhan harga di pasaran dunia pada tahun-tahun awal tempoh RM5 tetapi pulih semula dalam tempoh 1987-89. Pendapatan bersih purata bulanan bagi peneroka FELDA di bawah skim getah adalah dalam lingkungan \$410 hingga \$720 dan bagi kelapa sawit adalah \$380 hingga \$870.

3.24 Pembangunan tanah baru oleh sektor swasta kebanyakannya adalah terhad kepada kawasan-kawasan di bawah Lembaga Kemajuan Wilayah (LKW). Daripada sejumlah 17,550 hektar kawasan tanah baru dalam kawasan LKW, 98 peratus telah dimajukan oleh sektor swasta dan bakinya secara usahasama. Objektif utama pembangunan tanah LKW adalah untuk meningkatkan taraf hidup penduduk dengan mewujudkan peluang-peluang ekonomi melalui penyediaan infrastruktur fizikal dan sosial, dan perkhidmatan sokongan yang bersepadu. Program-program pembangunan oleh Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (DARA), Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka (JENGKA), Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA), Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR) dan Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH) adalah merupakan program pembangunan tanah baru bagi tujuan pertanian. Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) dan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) memberi penekanan kepada pembangunan in-situ, dengan PERDA menumpukan kepada pembangunan industri kecil. Kemajuan yang dicapai oleh LKW dalam tempoh RM5 adalah kebanyakannya dalam b-idang pertanian, manakala pembangunan bandar dan industri telah ketinggalan kecuali di KEJORA.

Khidmat Sokongan

3.25 Penyediaan khidmat sokongan yang mencukupi merupakan satu daripada faktor utama yang telah menyumbang kepada perkembangan sektor pertanian dalam tempoh RM5. Pencapaian paras produktiviti yang lebih tinggi bergantung kuat kepada kemampuan sumber manusia dalam mengamalkan kaedah pengurusan ladang yang lebih baik dan teknologi baru. Dalam hal ini, penyediaan latihan dan khidmat pengembangan telah diperluaskan oleh Jabatan Pertanian, Jabatan Perikanan, JPH, FAMA, FELDA, FELCRA, Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), LKIM, RISDA dan Jabatan Pertanian Sarawak yang telah memberi faedah kepada kira-kira 572,800 petani.

3.26 Kemudahan kredit dan insentif yang mencukupi juga disediakan bagi menggalakkan pertumbuhan sektor pertanian. Keperluan kewangan yang lebih besar telah ditampung sebahagiannya melalui pertambahan dalam pinjaman yang mana bank adalah merupakan sumber yang terbesar, dianggarkan bernilai sebanyak \$9,900 juta pada tahun 1990. Pinjaman ini sebahagian besarnya diberikan untuk penanaman kelapa sawit, koko dan aktiviti perhutanan. Subsektor pekebun kecil mendapatkan keperluan kewangan sebahagian besarnya daripada Skim Pinjaman Khas Pertanian (SPKP) di bawah Bank Pertanian Malaysia (BPM). Pinjaman SPKP yang berjumlah \$78 juta telah memberi faedah kepada 6,700 orang petani dan nelayan. Skim Pembangunan Pekebun-pekebun Kecil Pertanian Sarawak (DESSA) yang dilancarkan pada tahun 1988 untuk membantu pekebun-pekebun kecil yang miskin telah mengeluarkan pinjaman bernilai \$8 juta. BPM juga telah menyediakan pinjaman tanpa faedah kepada golongan rakyat termiskin bagi mengusahakan projek-projek pertanian yang berdaya maju dengan setiap pinjaman tidak melebihi \$5,000. Di bawah skim ini sejumlah 28 pinjaman telah diluluskan bagi usaha-usaha penanaman dan pemeliharaan bebiri. Petani-petani kecil juga mempunyai kemudahan untuk meminjam daripada Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM).

3.27 Penyediaan berbagai bentuk insentif bagi pengeluaran tanaman seperti padi, getah, lada hitam, sagu, buah-buahan dan pemeliharaan ternakan yang bernilai \$525.3 juta telah memberi faedah kepada 611,800 keluarga tani, seperti ditunjukkan di dalam Jadual 3-5. Sektor kecil padi telah disokong oleh program jaminan harga minimum yang berjumlah \$1,193 juta dalam tempoh RM5. Lebih kurang \$27 juta telah dibelanjakan oleh Jabatan Pertanian bagi pemberian anak benih kepada petani. Penyenaiaan aktiviti-aktiviti pertanian bukan tradisional dalam AGP, 1986 telah memusatkan penglibatan sektor swasta terutamanya dalam bidang hortikultur, perhutanan, perikanan, ternakan dan florikultur.

3.28 Penglibatan petani dalam pemasaran secara terus telah bertambah pesat dalam tempoh RM5 dengan pewujudan 132 pasar tani oleh FAMA yang disertai oleh 4,920 petani, serta pewujudan 37 gerai segaria untuk memasarkan susu segar. FAMA

dengan kerjasama yang erat daripada syarikat swasta telah berjaya memasarkan ke peringkat antarabangsa buah-buahan tempatan seperti betik dan belimbing ke pasaran Asia Timur, Eropah dan Timur Tengah. Penekanan ke atas kualiti eksport telah meningkatkan jumlah koko bergred daripada 20,900 tan metrik pada tahun 1986 kepada 6,200 tan metrik pada tahun 1990 dan lada hitam daripada 15,000 tan metrik kepada 25,500 tan metrik. Bagi pengukuhan sistem pemasaran ikan, LKIM telah membina tujuh kompleks perikanan yang dilengkapi dengan kemudahan bilik sejuk dan air batu. Sistem lelong ikan juga telah dilancarkan untuk memaksimumkan pulangan kepada nelayan. Bagi meningkatkan pasaran keluaran pertanian, pemprosesan lanjutan hasil-hasil pertanian telah digalakkan. Agensi-agensi Kerajaan seperti Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia (MARDEC), FELDA, Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) dan Syarikat Perusahaan Makanan Malaysia telah terlibat dalam pemprosesan hasil pertanian bagi meningkatkan nilai ditambah. Pertubuhan-pertubuhan Peladang juga terlibat dalam memperluaskan sumber pendapatan petani dengan memperluaskan skop operasi mereka secara berperingkat-peringkat kepada aktiviti-aktiviti bukan ladang selaras dengan dasar perindustrian luar bandar.

3.29 Program-program penyelidikan dan pembangunan (P&P) sektor awam telah juga menyumbang kepada pertumbuhan sektor pertanian dengan memperbaiki teknologi di peringkat pengeluaran serta penggunaan bagi tanaman-tanaman komersil dan makanan. Institusi-institusi yang berkenaan termasuklah yang dibiayai melalui ses telah menerima 49 peratus daripada jumlah peruntukan P&P. P&P telah memberikan tumpuan kepada meningkatkan produktiviti, mendapatkan sumber pertumbuhan baru dan mencapai pertumbuhan berkekalan bagi sektor pertanian.

III. PROSPEK, 1991-95

Pertumbuhan, Batasan dan Isu Dasar

3.30 Dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam (RM6) pertumbuhan sektor pertanian dimatlamatkan berkembang pada kadar purata 3.5 peratus setahun berbanding dengan 4.6 peratus yang dicapai dalam tempoh RM5. Pencapaian matlamat ini akan bergantung kepada permintaan luar negeri bagi komoditi-komoditi utama seperti kelapa sawit, getah, koko dan kayu-kayan serta juga kecekapan dan peningkatan produktiviti. Usaha-usaha akan diambil bagi mengatasi batasan-batasan yang dihadapi oleh sektor ini seperti kekurangan tenaga buruh serta mewujudkan dan memaju rantaian yang lebih baik di antara sektor pertanian dengan sektor-sektor lain dalam ekonomi.

3.31 Keutamaan akan terus diberi kepada usaha-usaha mengorientasi semula sektor pekebun kecil supaya ianya mempunyai operasi yang lebih berasaskan komersil bagi mencapai ekonomi bidangan dan berdaya saing di peringkat antarabangsa dalam tempoh jangka masa panjang. Satu tumpuan utama dasar adalah untuk menjamin agar sektor pertanian akan terus berdaya saing di pasaran antarabangsa dan dengan demikian hanya tanaman baru yang berdaya maju dari segi ekonomi akan dimajukan sepenuhnya. Bagi keluaran yang tidak mempunyai daya saing pada masa ini, penekanan akan diberi kepada P&P bagi meningkatkan daya saingnya.

3.32 Oleh kerana pertumbuhan sektor pertanian akan terus dipengaruhi oleh bekalan tenaga buruh, penekanan akan diberikan kepada peningkatan produktiviti supaya perbezaan upah yang memihak kepada sektor industri di bandar dapat dikurangkan agar sektor ini dapat menarik minat tenaga buruh tempatan. Sementara usaha-usaha secara berterusan oleh Kerajaan untuk membangun dan memodenkan kawasan luar bandar akan membantu mengekalkan tenaga buruh di kalangan sektor pekebun kecil, sektor swasta perlulah juga menyokong usaha-usaha ini dengan memperbaiki kemudahan-kemudahan di estet bagi menaikkan taraf hidup pekerja-pekerja di sektor perladangan. Usaha-usaha ini akan meringankan masalah kekurangan tenaga buruh dalam sektor pertanian. Sekiranya ini tidak berlaku, pencapaian keluaran pertanian pada asas yang berdaya saing akan memerlukan kemasukan buruh murah daripada negara asing. Untuk jangka masa panjang, usaha-usaha P&P akan ditumpukan kepada peningkatan produktiviti melalui penggunaan klon-klon berhasil tinggi, penghasilan pokok yang rendah supaya senang diusahakan, dan peningkatan mekanisasi bagi pengeluaran terutamanya dalam penanaman, penggunaan baja, penuaian dan pengendalian hasil keluaran. Pada masa yang sama, satu sistem pengurusan yang lebih berkesan akan dirangka supaya sektor pertanian dapat berdaya saing dari segi kos dan berupaya mengekalkan kedudukannya di pasaran antarabangsa.

3.33 Bagi mengatasi batasan yang dihadapi oleh sektor pertanian, penekanan strategi yang telah digubal di bawah Dasar Pertanian Negara perlu juga diubah. Kadar pulangan yang rendah bagi sektor pertanian adalah disebabkan oleh batasan struktur yang menjejaskan pengurusan ladang yang cekap, kebocoran dalam penyampaian program khidmat sokongan dan perubahan dalam harga relatif ekoran daripada dasar perlindungan perindustrian yang memihak kepada sektor-sektor lain dalam ekonomi. Dasar-dasar akan digubal bagi menjadikan sektor ini lebih dinamik, sebahagian besarnya melalui peningkatan produktiviti dan pulangan kepada aktiviti-aktiviti pertanian. Memandangkan terdapatnya batasan dari segi keluasan tanah pertanian baru yang berpotensi, kecuali di Sabah dan Sarawak, penekanan akan diberikan kepada pembangunan in-situ melalui penyatuan dan penggunaan sumber tanah secara lebih dinamik, cekap dan yang dapat memaksimumkan pendapatan.

3.34 Perhatian terhadap alam sekitar dan isu pertumbuhan yang berkekalan akan memerlukan usaha-usaha bagi mengekalkan paras penebangan hutan. Ianya juga memerlukan perlindungan kepada perikanan di zon persisiran pantai daripada penggunaan pukat tunda secara berleluasa.

3.35 Prospek bagi pertumbuhan sektor pertanian bukan sahaja semakin bergantung kepada peningkatan tahap pengeluaran tetapi juga pemprosesan hiliran dan pemasaran keluaran pertanian. Dasar-dasar dan strategi-strategi ke arah memban-angun dan menggalakkan industri berasaskan pertanian akan terus diperkukuhkan dengan objektif untuk mengubah sektor pertanian supaya lebih berorientasikan komersil. Tumpuan akan diberikan kepada usaha-usaha bagi menentukan supaya bekalan bahan mentah tempatan akan mencukupi dan berterusan, memaksimumkan penggunaan bahan mentah, memperbanyakkan jenis barangan termasuk gantian import serta memajukan barangan baru melalui aktiviti P&P yang berkesan, dan menggalak dan membangunkan projek-projek berasaskan pertanian bersepadu yang berskala besar.

3.36 Pendekatan yang bercorak komersil di bawah Dasar Pertanian Negara akan memerlukan lebih ramai kakitangan terlatih, kemahiran pengurusan serta sokongan organisasi. Sementara sektor awam akan terus menyediakan kemudahan-kemudahan tersebut, sumbangan sektor swasta akan diperting-katkan terutamanya oleh syarikat-syarikat perladangan swasta terutamanya melalui perladangan secara kontrak serta oleh koperasi-koperasi peladang dan persatuan-persatuan nelayan. Melalui pembangunan manusia dan institusi, pertumbuhan-pertumbuhan peladang dan nelayan akan juga meningkatkan peranan mereka dalam kegiatan komersil serta menambah bahagian pasaran mereka.

3.37 Di bawah AGP, 1986 dan Akta Cukai Pendapatan, 1967 Kerajaan telah menyediakan berbagai bentuk insentif bagi bagi mereka yang berhasrat untuk menubuhkan atau menyertai aktiviti-aktiviti pertanian. Sebagai tambahan, skim rebat khas bagi getah dan insentif tambahan bagi industri berasaskan kayu telah

diperkenalkan. Dalam tempoh RM6, Kerajaan akan terus merangka dasar-dasar sokongan untuk memperkukuhkan insentif-insentif sedia ada melalui penyediaan kemudahan infrastruktur yang perlu, sokongan kewangan secara terpilih bagi penerapan teknologi baru, dasar harga pasaran yang memberi ganjaran kepada daya usaha dan keluaran yang berkualiti serta penyediaan khidmat pengembangan, P&P dan latihan. RM6 akan merupakan era perubahan dalam pembangunan sektor pertanian. Berbanding dengan Rancangan-rancangan yang lalu di mana pembangunan pertanian sebahagian besarnya diusahakan oleh sektor awam, penekanan akan diberi kepada sektor swasta bagi memainkan peranan yang penting dalam mempergiatkan semula sektor ini. Prospek bagi Komoditi-komoditi Pertanian, Perhutanan, Perikanan dan Penternakan

3.38 Kelapa sawit, getah dan koko akan terus menjadi penyumbang utama kepada sektor pertanian. Pada masa yang sama, sumber pertumbuhan baru akan terus dicari melalui penggunaan tanah secara intensif bagi tanaman makanan yang bernilai tinggi khususnya buah-buahan dan sayur-sayuran, bunga-bunga, perikanan dan penternakan. Penekanan ke arah mencapai tahap mampu diri dalam pengeluaran makanan akan diteruskan. Oleh itu, pengeluaran ikan, daging, buah-buahan dan sayur-sayuran akan terus digalakkan dalam tempoh RM6.

Pertumbuhan Berterusan Bagi Komoditi Utama

3.39 Pengeluaran minyak kelapa sawit dijangka berkembang pada kadar sederhana sebanyak 4.5 peratus setahun untuk mencapai 7.6 juta tan metrik pada tahun 1995, berikutan daripada pemulihan harga yang dijangkakan, kadar pembangunan tanah baru yang lebih perlahan dan penukaran marginal kawasan tanaman getah terbiar dan tanah yang tidak diusahakan di bawah program pembangunan in-situ. Perluasan pembukaan tanah baru akan ditumpukan di Sabah dan Sarawak memandangkan kekurangan tanah yang sesuai di Semenanjung Malaysia. Penanaman semula kelapa sawit oleh sektor estet dan skim FELDA akan terus dilaksanakan dalam tempoh tersebut, sementara kemudahan pembiayaan penanaman semula akan disediakan bagi sektor pekebun kecil yang tidak tersusun. Dalam tempoh rancangan tersebut, keluasan tanaman kelapa sawit akan berkembang pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 1.8 peratus setahun daripada 2.0 juta hektar pada tahun 1990 kepada 2.2 juta hektar pada tahun 1995. Pertumbuhan pengeluaran minyak kelapa sawit akan dicapai melalui peningkatan dalam daya keluaran purata berikutan daripada kematangan klon-klon baru dan amalan agronomik yang lebih baik di sektor estet dan kebun kecil tersusun. Permintaan terhadap minyak kelapa sawit akan terus berada di paras yang tinggi, walaupun persaingan telah meningkat, manakala bahagian minyak kelapa sawit di pasaran minyak dan lemak akan terus bertambah disebabkan oleh harganya yang berdaya saing dan kecekapannya dalam berbagai bidang teknikal. Cabaran kepada minyak kelapa sawit Malaysia adalah untuk mengekalkan daya saingannya dari segi kos dalam keadaan kekurangan tenaga buruh yang kian meningkat.

3.40 Kawasan tanaman getah dijangka tidak berubah pada keluasan 1.8 juta hektar. Penukaran kawasan tanaman getah kepada kelapa sawit yang berlaku dalam tempoh dua dekad yang lalu akan berkurangan apabila kadar pulangan di antara kedua-dua tanaman adalah hampir sama dan apabila faedah daripada mempunyai campuran tanaman yang seimbang menjadi semakin penting kepada kestabilan pendapatan ladang. Seterusnya, harga getah dijangka menguntungkan dalam tempoh Rancangan dengan permintaan yang diramalkan kukuh daripada negara-negara maju dan terdapatnya kurangan tawaran getah asli di pasaran dunia sebanyak 30,000 tan metrik setahun. Jangkaan ini akan menggalakkan sektor swasta melaburkan semula sebahagian daripada keuntungannya dalam industri getah. Walaupun kawasan tanaman getah dijangka berkurangan, pengeluarannya diramal meningkat sedikit pada kadar 0.1 peratus setahun untuk mencapai 1.3 juta tan metrik pada tahun 1995, berikutan daripada peningkatan daya keluaran yang meningkat daripada klon-klon baru berhasil tinggi, amalan pertanian yang lebih baik dan penggunaan teknik penorehan yang lebih berkesan. Program penanaman semula secara berperingkat serta penyatuan dan pemulihan kebun-kebun kecil dengan penanaman klon-klon yang berhasil tinggi akan dilaksanakan oleh RISDA.

3.41 Pada awal tempoh RM6, lebih penawaran koko sebanyak kira-kira 1.3 juta tan metrik dijangka wujud dalam pasaran antarabangsa. Nilai eksport seunit biji koko adalah dianggarkan berada di ekitar \$3.00 hingga \$4.30 sekilogram iaitu melebihi kos pengeluaran. Harga koko dijangka tidak berada di paras yang tinggi. Dengan demikian, keuntungan akan diperolehi melalui usaha-usaha pengurangan kos dan peningkatan produktiviti. Pengeluaran koko akan berkembang secara lebih perlahan pada kadar 5.3 peratus setahun berbanding dengan 19.4 peratus dalam tempoh RM5, untuk mencapai 339,000 tan metrik pada tahun 1995 daripada 262,000 tan metrik pada tahun 1990. Peningkatan ini akan berpunca daripada pertambahan keluasan tanaman dan juga pertambahan daya keluaran. Kawasan tanaman koko akan meningkat pada kadar 1.5 peratus setahun, untuk mencapai 452,500 hektar pada tahun 1995 dan kebanyakannya akan dimajukan oleh sektor estet yang lebih cekap, sebahagian besarnya di Sabah.

3.42 Eksport koko diramal berkembang pada kadar 8.7 peratus setahun daripada 163,000 tan metrik pada tahun 1990 kepada 247,000 tan metrik pada tahun 1995. Dengan kemajuan pemprosesan hiliran, industri pengisaran koko dalam negeri akan menggunakan sebanyak 10,000 tan metrik koko pada tahun 1995. Keupayaan koko Malaysia menembusi pasaran antarabangsa perlu diperluaskan bagi mengukuhkan kedudukannya. Penggredan Piawai Koko Malaysia akan terus dimajukan untuk mewujudkan keluaran bermutu dan terkenal di pasaran antarabangsa.

Tanaman-tanaman Lain-Peranan Lebih Penting bagi Hortikultur

3.43 Prestasi tanaman-tanaman kurang penting adalah diramalkan berbeza-bebeza. Pertumbuhan bagi tanaman makanan tradisional seperti padi dan kelapa adalah rendah, sementara hortikultur dan lain-lain tanaman komersil akan mencatatkan pertumbuhan yang kukuh. Dalam tempoh RM6, hortikultur akan muncul sebagai sumber baru yang penting bagi pertumbuhan sektor pertanian.

3.44 Pengeluaran padi di lapan kawasan jelapang padi akan diteruskan, sementara kawasan padi di luar kawasan jelapang akan ditukarkan secara berperingkat-peringkat kepada tanaman lain yang dapat memberi pulangan yang lebih baik kepada petani. Dengan demikian, keluasan tanaman padi akan berkurangan sedikit iaitu pada kadar 0.6 peratus setahun kepada 645,700 hektar pada tahun 1995. Walau bagaimanapun, daya keluaran padi dijangka meningkat sebanyak satu peratus | setahun. Hasil dari itu, pengeluaran akan bertambah daripada 1.59 juta tan metrik pada tahun 1990 kepada 1.67 juta tan metrik pada tahun 1995. Perladangan berkelompok akan terus digalakkan untuk mencapai ekonomi bidangan dalam pengeluaran dan bagi mengoptimumkan pulangan ladang. Program bantuan baja akan diteruskan tetapi kajian yang menyeluruh ke atas struktur harga padi akan dijalankan untuk menyediakan insentif yang lebih baik kepada petani bagi menghasilkan padi yang bermutu tinggi.

3.45 Pengeluaran lada hitam diramal berkembang pada kadar yang lebih perlahan iaitu sebanyak 4.4 peratus setahun berbanding dengan 8.7 peratus dalam tempoh RM5, untuk mencapai 36,000 tan metrik pada tahun 1995, berikutan daripada ramalan harga yang lebih rendah iaitu di antara \$5.00 ke \$7.00 sekilogram. Penanaman lada hitam yang berintensif buruh akan ditumpukan di Sarawak dengan hampir keseluruhan pengeluarannya adalah untuk memenuhi pasaran eksport.

3.46 Pengeluaran nanas adalah dijangka meningkat pada kadar 7.5 peratus setahun daripada 173,300 tan metrik pada tahun 1990 kepada 248,300 tan metrik pada tahun 1995. Pertumbuhan tersebut akan berpunca daripada penambahan keluasan dan juga peningkatan daya keluaran melalui penggunaan benih baru dan teknik penanaman yang lebih baik. Aktiviti penanaman nanas akan terus berdaya maju, terutama jika digabungkan dengan aktiviti pemprosesan hiliran atau aktiviti penternakan haiwan yang menggunakan hasil sampingan nanas sebagai makanan. Jumlah kawasan tanaman adalah diramal meningkat daripada 9,000 hektar pada tahun 1990 kepada 12,000 hektar pada tahun 1995, iaitu pada kadar pertumbuhan sebanyak 5.9 peratus setahun. Dalam tempoh RM6, promosi yang agresif akan diteruskan untuk memperkukuh dan memperluaskan pasaran nanas kalengan Malaysia. Khidmat pengembangan bertujuan untuk menjamin daya keluaran dan kualiti nanas meningkat, terutamanya di bawah pendekatan ladang nukleus dan estet mini. Penyatuan kebun-kebun kecil supaya menjadi kawasan ladang lebih besar dan lebih ekonomik akan diusahakan bagi mempertingkatkan pendapatan petani-petani.

3.47 Pengeluaran tembakau yang tertakluk kepada kuota pengeluaran yang ditetapkan oleh LTN diramalkan meningkat pada kadar 5.0 peratus setahun daripada 10,000 tan metrik pada tahun 1990 kepada 13,000 tan metrik pada tahun 1995. Kualiti tembakau virginia awetan Malaysia akan terus dipertingkatkan melalui program-program P&P yang dijalankan oleh MARDI sebagai satu strategi untuk mempertingkatkan kadar adunan tembakau Malaysia.

3.48 Persaingan yang lebih besar daripada minyak-minyak lain di pasaran dunia akan menghadkan penanaman kelapa bagi memenuhi keperluan dalam negeri, sama ada bagi kelapa tua dan muda serta dijadikan sebagai pokok pelindung bagi tanaman koko. Keluasan tanaman kelapa akan berkurangan sedikit pada kadar 0.2 peratus setahun. Walau bagaimanapun, pengeluarannya dijangka meningkat kepada 1,570 juta biji pada tahun 1995 melalui peningkatan daya keluaran daripada penanaman kelapa jenis Mawa yang berhasil tinggi. Sebagai sebahagian daripada strategi pemasaran, P&P akan menumpukan kepada usaha-usaha mempelbagaikan penggunaan akhir kelapa.

3.49 Sekiranya berdaya maju, promosi tanaman-tanaman lain dan perhutanan tani terutama di kawasan tanah terbiar dan kawasan di luar jelapang padi akan dilaksanakan dalam tempoh RM6. Pengeluaran sagu di Sarawak akan terus disokong bagi memenuhi permintaan dalam negeri dan eksport sebagai makanan dan bagi kegunaan perindustrian.

3.50 Memandangkan pertumbuhan tanaman komersil yang utama berkemungkinan menghadapi batasan dari segi mendapatkan kawasan baru yang luas dan pasaran yang terhad, pertumbuhan sektor pertanian dalam tempoh RM6 akan berpunca daripada pembangunan tanah secara intensif bagi tanaman hortikultur yang bernilai tinggi terutamanya buah-buahan, sayur-sayuran dan bunga-bunga. Oleh itu, sumbangan hortikultur kepada pertumbuhan nilai ditambah adalah dimatlamatkan akan meningkat pada kadar 13.6 peratus setahun dalam tempoh RM6 dan ini merupakan kadar pertumbuhan tertinggi berbanding dengan tanaman-tanaman lain.

3.51 Dengan penggunaan tanah terbiar dan beberapa kawasan di luar jelapang padi bagi pengeluaran tanaman alternatif, kawasan tanaman buah-buahan dijangka meningkatkan pada kadar

8.7 peratus setahun daripada 162,100 hektar pada tahun 1990 kepada 246,000 hektar pada tahun 1995. Berikutan daripada itu, pengeluaran buah-buahan adalah dianggar berkembang pada kadar 6.3 peratus setahun kepada 1.58 juta tan metrik pada tahun 1995. Pembangunannya akan ditumpukan kepada tanaman-tanaman yang mempunyai potensi untuk dieksport seperti belimbing, betik Eksotika, jambu batu, durian, rambutan dan ciku. Sifat mudah rosak dan mutu yang tidak kekal bagi buah-buahan merupakan masalah utama yang memerlukan usaha-usaha P&P dan ditumpukan kepada satu pakej teknologi yang bersepadu merangkumi aspek-aspek penanaman, penuaian, pengendalian dan pengangkutan buah-buahan hingga ke

destinasi eksport. Kos pengangkutan udara yang tinggi menghalang penghantaran melalui udara secara besar-besaran. Oleh itu, adalah perlu diperkukuhkan P&P berkaitan dengan teknologi pengendalian lepas tuai dalam pengangkutan laut. Buah-buahan Malaysia juga perlu mengatasi syarat-syarat spesifikasi yang ketat yang dikenakan oleh negara-negara pengimport.

3.52 Prospek bagi pengeluaran sayur-sayuran adalah cerah berikutan daripada permintaan yang dijangka meningkat hasil daripada pertumbuhan penduduk. Sebagai tanaman kontan, sayur-sayuran dapat memberikan pulangan pelaburan yang lebih cepat. Pengeluaran sayur-sayuran dijangka meningkat daripada 224,000 tan metrik pada tahun 1990 kepada 256,000 tan metrik pada tahun 1995, iaitu pertumbuhan pada kadar 2.8 peratus setahun. Walau bagaimanapun, batasan utama ialah kesukaran untuk mendapatkan tanah yang sesuai dan tenaga buruh. Kawasan tanah sedia ada, kawasan tanah tinggi serta tanah bekas lombong akan dimajukan untuk tanaman sayur-sayuran. Untuk merebut peluang pasaran bunga-bunga antarabangsa, pengeluaran bunga-bunga seperti orkid, bunga kekwa dan ros dijangka meningkat. Langkah-langkah akan diambil untuk mengatasi masalah pengangkutan ke pasaran antarabangsa bagi memastikan penghantaran yang pantas dan keluaran yang bermutu.

Pengurusan Berkekalan Sumber-sumber Perhutanan

3.53 Pertumbuhan sektor perhutanan dalam bentuk nilai ditambah dijangka turun pada kadar 6.7 peratus setahun. Pengeluaran kayu balak akan turun daripada 41 juta meter padu pada tahun 1990 kepada 29 juta meter padu pada tahun 1995. Pengeluaran di Semenanjung Malaysia akan turun daripada 11 juta meter padu pada tahun 1990 kepada 8.5 juta meter padu pada tahun 1995. Bagi Sabah, oleh kerana sumber perhutannya menjadi semakin berkurangan, kadar penurunan yang lebih cepat adalah dijangka iaitu daripada 9.5 juta meter padu pada tahun 1990 kepada 4.5 juta meter padu pada tahun 1995, berbanding dengan pengeluaran purata tahunan yang melebihi 10 juta meter padu dalam tempoh dua dekad yang lalu. Sumber terbesar kayu balak akan terus dibekalkan oleh Sarawak dengan anggaran pengeluarannya sebanyak 16 juta meter padu pada tahun 1995, berbanding dengan jumlah tertingginya sebanyak 18.2 juta meter padu pada tahun 1989. Dalam tempoh RM6 dan seterusnya, sumber perhutanan negara amatlah penting diurus secara tegas berasas hasil yang berkekalan bagi menjamin sumbangannya yang berterusan kepada pertumbuhan sektor pertanian.

3.54 Selaras dengan Dasar Perhutanan Negara, pemuliharaan dan penghutanan semula hutan degrad yang intensif akan dilaksanakan dengan tumpuan kepada aktiviti rawatan silvikultur dan program-program perladangan hutan kompensatori. Kira-kira 393,100 hektar kawasan hutan di Semenanjung Malaysia akan diperkayakan di bawah program rawatan silvikultur, manakala program ladang hutan kompensatori yang telah dimulakan pada tahun 1984 akan menghutankan semula 42,000 hektar lagi

kawasan degrad yang telah pupus di tujuh buah negeri iaitu Johor, Kelantan, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Selangor dan Terengganu. Program ini sebahagiannya akan dapat menampung kekurangan bekalan kayu balak yang diunjur akan berlaku dalam tahun-tahun 90an bagi memenuhi peningkatan keperluan dalam negeri pada masa hadapan. Di Kedah dan Perlis, kira-kira 750 hektar ladang hutan akan dimajukan dengan pokok kayu bermutu tinggi seperti *Tectona grandis* atau jati. Usaha-usaha P&P yang berterusan dalam aspek-aspek penanaman, pemprosesan dan penggunaan akhir rotan dijangka meningkatkan kawasan tanaman rotan daripada 3,300 hektar dalam tempoh RM5 kepada 5,400 hektar dalam tempoh RM6. Satu program pembangunan ladang yang mempunyai pelbagai matlamat akan digalakkan dengan menggabungkan tanaman getah untuk pengeluaran susu dan kayu dengan penanaman rotan atau penternakan bebiri di bawah pokok getah. Di samping itu, penanaman rotan dan buluh yang berasas komersil akan digalakkan bagi menyediakan bahan-bahan mentah yang diperlukan untuk pembangunan industri berasaskan pertanian. Di Sabah, kira-kira 200,000 hektar hutan akan diperkaya dan diberi rawatan silvikultur. Pewujudan ladang hutan komersil yang berskala besar dengan spesies cepat membesar serta tanaman spesies tempatan bernilai tinggi akan dipercepatkan. Program penghutan semula tanah tandus yang berselerak yang telah dimulakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga akan diteruskan dalam tempoh RM6. Kira-kira 250,000 hektar ladang hutan akan ditubuhkan dan 7,000 hektar tanah tandus akan di hutan semula dalam tempoh RM6. Di Sarawak, kira-kira 20,000 hektar ladang hutan akan diwujudkan di bawah projek penghutan semula dan 37,000 hektar kawasan hutan dipterokarp campuran akan diberi rawatan silvikultur. Walau bagaimanapun, usaha penghutan semula ini masih lagi kecil jika dibandingkan dengan saiz sektor perhutanan. Dengan yang demikian, adalah penting kadar tebang dan pemusnahan hutan dikawal pada paras pengurusan hasil yang berkekalan sebagai langkah penggantian yang memadai.

3.55 Bagi memastikan kelancaran proses penyesuaian industri perhutanan kepada aktiviti alternatif yang mempunyai nilai ditambah yang lebih tinggi melalui pemprosesan hiliran balak yang dikeluarkan, bekalan balak untuk keperluan pemprosesan dalam negeri akan dikekalkan pada paras kira-kira 19.1 juta meter padu dalam tempoh RM6 atau 61.9 peratus daripada jumlah kayu balak yang dikeluarkan. Dengan itu, pengeluaran balak yang dijangka berkurangan menyebabkan eksport balak yang lebih rendah iaitu daripada 20.4 juta meter padu pada tahun 1990 kepada 7.5 juta meter padu pada tahun 1995. Memandangkan bahawa Semenanjung Malaysia akan mengalami kekurangan bekalan balak untuk memenuhi keperluan pembinaan dan pemprosesan hiliran, adalah perlu eksport balak daripada Sabah dan Sarawak dikurangkan bagi memenuhi keperluan di Semenanjung Malaysia. Bagi menjamin bekalan kayu balak yang mencukupi untuk keperluan pemprosesan hiliran dalam negeri, pengeluaran kayu gergaji akan dikekalkan pada paras 9.1 juta meter padu setahun dalam tempoh Rancangan. Penggunaan kayu gergaji dalam negeri bagi pemprosesan hiliran dijangka bertambah daripada 3.9 juta meter padu pada tahun 1990 kepada 4.2 juta meter padu pada tahun 1995, manakala bakinya sebanyak 2 juta

meter padu akan dieksport. Tindakan selanjutnya ialah menjamin supaya bekalan berbagai jenis balak secara berterusan dan berkekalan bagi memenuhi kehendak industri kayukumi dan perabut serta industri pembinaan. Memandangkan perlu dikemaskan pembangunan keseluruhan bagi sektor perhutanan, satu kajian semula yang meliputi seluruh negara akan dijalankan dalam tempoh RM6 bagi menyediakan satu penilaian komprehensif mengenai sumber perhutanan yang sedia ada, keberkesanan pengurusan hasil yang berkekalan, kekuatan dan kelemahan institusi serta masalah-masalah dan isu-isu yang dihadapi oleh sektor perhutanan.

Pertumbuhan Sektor Perikanan daripada Perikanan Laut Dalam dan Akuakultur

3.57 Potensi industri perikanan adalah cerah memandangkan terdapatnya permintaan yang teguh, pelaburan sokongan yang besar dan kecenderungan kuat sektor swasta kepada perikanan laut dalam dan ternakan ikan air payau. Oleh kerana itu, nilai ditambah sektor perikanan dijangka berkembang pada kadar yang lebih tinggi iaitu 7.6 peratus setahun dalam tempoh RM6, berbanding 1.3 peratus setahun dalam tempoh RM5. Disebabkan oleh sumber perikanan di persisiran pantai semakin berkurangan, pembangunan masa hadapan sektor perikanan akan ditumpukan kepada perikanan laut dalam dan akuakultur air tawar dan air payau. Pendaratan ikan laut akan terjejas oleh penangkapan ikan laut dalam yang akan berkembang pada kadar yang lebih rendah iaitu 3.5 peratus setahun kepada 984,000 tan metrik pada tahun 1995, walaupun aktiviti perikanan laut dalam akan berkembang. Sementara itu, pengeluaran akuakultur dianggarkan berkembang pada kadar yang lebih tinggi iaitu 8.4 peratus setahun kepada 113,000 tan metrik pada tahun 1995. Pencapaian matlamat pengeluaran ini akan memerlukan perluasan kawasan untuk aktiviti akuakultur dan memerlukan sokongan Kerajaan-kerajaan Negeri, khidmat pengembangan yang berkesan dan program P&P.

3.58 Program-program memulihara dan memperkayakan sumber-sumber perikanan di persisiran pantai akan diteruskan melalui pembinaan tukun tiruan dan penubuhan taman laut. Kedua-dua kaedah pengumpulan dan pembiakan sumber ikan ini akan dapat memastikan pengeluaran ikan yang berterusan. Usaha-usaha menggalakkan aktiviti perikanan laut dalam akan ditumpukan kepada perluasan rangkaianannya dengan kaedah pengurusan yang teratur dan khidmat sokongan yang baik terutamanya infrastruktur bagi membolehkan sumber-sumber yang banyak diusahahasilkan. Penyebaran maklumat mengenai penemuan penyelidikan dan daya maju perikanan laut dalam akan dilaksanakan melalui pusat-pusat latihan Jabatan Perikanan. Penyediaan infrastruktur seperti pusat pendaratan bagi bot-bot perikanan laut dalam seberat 40 tan kasar dan ke atas akan dilaksanakan untuk menyokong pembangunan industri ini. Sebilangan besar daripada pusat-pusat pendaratan ini akan dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan membaikpulih bot.

3.59 Satu sistem pemasaran dan pengedaran ikan yang berkesan akan diwujudkan untuk meningkatkan pendapatan nelayan dan usahawan serta memenuhi keperluan

pengguna. Latihan akan disediakan dalam bidang-bidang pengendalian ikan, penyimpanan, pengurangan pembaziran selepas tangkapan dan memperbaiki rangkaian pemasaran. Akuakultur akan dimajukan sebagai satu aktiviti komersil bagi memenuhi permintaan tempatan dan luar negeri. Pemeliharaan ikan akuarium yang menawarkan potensi yang baik untuk pendapatan eksport bagi sektor swasta akan juga digalakkan. Aktiviti-aktiviti pemprosesan hiliran sektor perikanan akan disokong oleh MARDI melalui aktiviti-aktiviti P&Pnya bagi meningkatkan nilai di tambah sektor tersebut. Sektor swasta adalah digalakkan menyertai usaha-usaha ini secara aktif.

Pembangunan Ternakan

3.60 Jumlah nilai ditambah sektor ternakan dijangka meningkat pada kadar 7.7 peratus setahun dalam tempoh RM6, iaitu tinggi sedikit daripada kadar pertumbuhan 6.1 peratus yang dicapai dalam tempoh RM5. Ini adalah berasaskan kepada anggaran pertumbuhan yang lebih tinggi iaitu 8.8 peratus setahun bagi sektor terbesar iaitu sektor kecil ayam-itik. Walau bagaimanapun, kos input dan kos pemasaran yang tinggi ke luar negeri akan membataskan perkembangan industri tersebut yang sangat bergantung kepada makanan ternakan yang diimport. Oleh kerana kos pengeluaran input dalam negeri adalah lebih tinggi, pembangunan industri pengeluaran makanan ternakan secara langsung akan mempengaruhi daya maju sektor ternakan. Pengeluaran makanan ternakan dalam negeri akan terus diujikaji bagi mencapai skala operasi yang ekonomik dengan menggunakan bahan-bahan seperti jagung, ubi kayu dan kacang soya. Prospek yang sama akan juga dialami oleh sektor kecil bukan ruminan iaitu daging khinzir yang akan berkembang pada kadar 6.3 peratus setahun. Daging khinzir akan hanya dikeluarkan untuk memenuhi keperluan tempatan. Bagi mengawal pertumbuhannya, kawasan ternakan yang sesuai akan dikenalpasti. Oleh kerana aktiviti sektor kecil ini menimbulkan pencemaran yang serius dan memberi kesan yang sensitif dari segi agama, sektor kecil ini tidak akan dijadikan suatu industri yang digalakkan kecuali untuk memenuhi keperluan pasaran tempatan. Dengan yang demikian, perlindungan melalui tarif import yang diberikan kepada sektor kecil ini akan dikurangkan secara berperingkat-peringkat dalam tempoh RM6.

3.61 Sektor kecil ruminan akan mencatatkan kemajuan yang ketara dalam tempoh RM6. Pengeluaran daging lembu dianggarkan meningkat pada kadar 3.2 peratus setahun, sebahagian besarnya didorong oleh permintaan yang semakin meningkat. Daging lembu yang kebanyakannya diimport dari India akan terus memenuhi keperluan golongan berpendapatan rendah yang merupakan 60 peratus daripada jumlah permintaan, sementara pengeluaran daging tempatan akan ditumpukan kepada pasaran pengguna berpendapatan tinggi dan sederhana. Dasar bagi menggalakkan pertumbuhan industri daging lembu tempatan ialah mengurangkan import daging murah sehingga keperluan dapat ditampung daripada pengeluaran dalam negeri.

3.62 Dalam tempoh RM6, pengeluaran daging kambing akan berkembang pada kadar 7.8 peratus setahun, setelah merosot pada kadar 2.1 peratus setahun dalam tempoh dua dekad yang lalu. Kemajuan yang besar dijangka akan dicapai melalui penambahan integrasi ternakan bebiri di projek-projek pertanian yang dilaksanakan oleh FELDA, FELCRA dan RISDA serta oleh ladang swasta dalam tempoh RM6. Pada masa ini terdapat kira-kira 60,000 ekor bebiri ditenak di bawah konsep ini. Program menternak bebiri dan kambing akan ditumpukan kearah mencapai matlamat satu juta ekor menjelang tahun 2000. Program ini sebahagian besarnya akan dilaksanakan melalui penternakan dalam negeri dan ditambah dengan baka yang diimport. Di bawah program baka induk, sekurang-kurangnya 20,000 ekor bebiri akan dibaikbiak oleh JPH di enam buah ladang bebiri untuk menyediakan bekalan baka yang mencukupi. Penawaran daging kambing daripada sumber tempatan adalah dianggar meningkat daripada 700 tan metrik pada tahun 1990 kepada 1,000 tan metrik pada tahun 1995.

3.63 Dalam usaha meningkatkan lagi mutu kebersihan aktiviti penyembelihan dan mengawal pencemaran alam sekitar, 16 buah rumah sembelih tambahan akan dibina untuk ruminan. Pada masa yang sama, langkah-langkah memusatkan industri ternakan khinzir di kawasan yang ditentukan oleh kerajaan negeri yang dikenali sebagai kawasan ladang khinzir akan dilaksanakan bagi menghadkan pertumbuhan industri ini. Kemudahan-kemudahan kuarantina dan diagnosa akan diperbaiki.

3.64 Pengeluaran telur akan meningkat dengan lebih perlahan pada kadar 3.7 peratus setahun kepada sebanyak 5,600 juta biji pada tahun 1995, berbanding dengan pertumbuhan yang tinggi iaitu 6.8 peratus dalam tempoh RM5. Pasaran yang tepu dan batasan dari segi kos adalah merupakan faktor-faktor yang menyebabkan pertumbuhannya yang lebih perlahan. Penawaran susu daripada sumber dalam negeri sebaliknya akan meningkat pada kadar kira-kira 14.8 peratus setahun, lebih tinggi daripada kadar pertumbuhan sebanyak 7.4 peratus setahun dalam tempoh RM5. Peningkatan ini adalah sebagai tindak balas kepada jangkaan permintaan yang semakin meningkat dan harga yang lebih tinggi yang diramalkan akibat daripada penarikan subsidi pengeluaran oleh Kesatuan Ekonomi Eropah. Berikutan dengan itu, pengeluaran susu akan meningkat daripada 34 juta liter pada tahun 1990 kepada 67.8 juta liter pada tahun 1995. Di bawah program pengeluaran susu, tumpuan utama ialah kepada meningkatkan kecekapan pengeluaran dan kualiti susu segar yang seterusnya akan melibatkan penyatuan PPS.

3.65 Sebagai satu langkah mempelbagaikan sumber pengeluaran daging, satu program yang menyeluruh bagi menggalakkan dan membangunkan industri daging arnab akan dilaksanakan. Di bawah program ini, sebanyak 80,500 baka betina dan 16,100 baka jantan akan diagihkan kepada 3,400 penternak dalam tempoh RM6. Sebagai permulaan, pada tahun 1991, JPH akan mengimport 1,000 ekor baka arnab

jantan dan 5,000 ekor baka arnab betina. Industri daging arnab dijangka akan menyumbang sebanyak 10,500 tan metrik setahun.

Penyesuaian Semula Program Sektor Pertanian

3.66 Teras bagi penglibatan sektor awam dalam pembangunan sektor pertanian dalam tahun-tahun sembilan puluhan akan diubahsuai kepada pembangunan in-situ, tidak lagi kepada pembangunan tanah baru memandangkan kepada kesukaran untuk mendapat tanah yang sesuai dan kos pembangunan tanah baru yang tinggi dikawasan-kawasan marginal di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Pembangunan tanah yang tidak melibatkan peneroka terutamanya di Sabah dan Sarawak yang masih mempunyai tanah yang luas dicadangkan supaya dibangunkan oleh sektor swasta dengan sokongan Kerajaan melalui penyediaan kemudahan infrastruktur. Kekurangan tenaga kerja pertanian dan kos buruh yang kian meningkat memerlukan agar kemajuan masa hadapan sektor pertanian diperolehi melalui peningkatan produktiviti dengan memilih langkah-langkah ke arah mengoptimalkan nisbah tanah-buruh dan melalui P&P yang bertujuan mengurangkan kos pengeluaran dan memaksimumkan pulangan.

3.67 Pencapaian potensi pertumbuhan bagi sektor pertanian sangat bergantung kepada penyediaan kemudahan infrastruktur sokongan yang mencukupi. Kekurangan infrastruktur ladang yang perlu seperti jalan ladang, pengairan dan saliran, penyimpanan, penggredan dan kemudahan rangkaian pemasaran tidak akan menggalakkan petani mengeluarkan bahan-bahan makanan yang berlebihan untuk dipasarkan. Keperluan terhadap infrastruktur yang mencukupi bagi menyokong pertumbuhan industri perikanan adalah juga mendesak. Bagi meminimumkan kerosakan lepas tangkapan, infrastruktur berkaitan yang lebih baik seperti jeti pendaratan ikan, kilang air batu, dan slipway adalah diperlukan. Jalan masuk dan bekalan elektrik juga diperlukan bagi menyokong pertumbuhan pesat industri akuakultur terutamanya di beberapa kawasan di Johor, Sabah dan Sarawak. Penyediaan infrastruktur ini akan mendorong sektor swasta memperluaskan penglibatan mereka dalam sektor kecil ini.

Penekanan Ke Atas Pembangunan In-situ

3.68 Pendekatan in-situ akan menjadi teras strategi pembangunan pertanian di bawah RM6 sebagai satu pilihan yang lebih berkesan dari segi kos dan pengagihan faedah yang lebih meluas. Teras in-situ akan ditumpukan ke atas tanah pertanian sedia ada dan kampung kampung bagi menaik taraf infrastruktur yang perlu, mengendalikan pengeluaran dan menyediakan khidmat pengembangan kepada petani mengenai penggunaan teknologi yang sesuai. Pendekatan ini akan membolehkan pelaksanaan projek-projek sektor pertanian dijalankan dengan lebih berkesan.

3.69 Pembinaan kemudahan infrastruktur bagi tujuh PPPB yang sedang dilaksanakan akan siap dalam tempoh RM6. Ini termasuklah PPPB di Perlis, Pulau Pinang, Pahang Barat, Johor Barat II, Kalaka Saribas, Samarahan dan Semerak yang melibatkan pembangunan tanah pertanian seluas 1.62 juta hektar bagi faedah 135,500 keluarga tani. Tiga PPPB baru iaitu Terengganu Utara, Pahang Barat II dan Tumbuh Blok berserta dengan dua PPPB mini iaitu Selama dan Hilir Perak akan juga dilaksanakan. Lima PPPB ini akan memberi faedah kepada 37,300 keluarga tani. Konsep PPPB mini ini akan menjadi teras strategi di masa akan datang dalam membangunkan kawasan pertanian in-situ yang berselerak serta di pedalaman.

3.70 Aspek pembangunan institusi dan pembangunan manusia akan menjadi komponen penting dalam usaha-usaha organisasi dan pengembangan semua PPPB untuk menanam sifat yang dinamis dan berdikari di kalangan petani bagi membawa mereka ke tahap pertanian komersil. Pada masa yang sama, isu alam sekitar akan diberi perhatian yang teliti bagi mencapai pembangunan berkekalan dan ekologi yang seimbang.

3.71 Kemudahan pengairan untuk penanaman padi di lapan buah kawasan jelapang padi akan dinaiktaraf meliputi kawasan seluas lebih kurang 211,400 hektar. Kawasan-kawasan di luar jelapang akan disediakan kemudahan saliran yang sesuai bagi membolehkan penanaman tanaman yang lebih menguntungkan. Tanah-tanah pertanian yang berasid sulfat dan bekas-bekas lombong akan dipulihkan secara berperingkat melalui penyediaan saliran terkawal dan teknik-teknik pemuliharaan tanah yang sesuai. Empangan bersaiz sederhana akan dibina bagi mengatasi masalah kekurangan air, di mana sesuai. Pada masa yang sama, kecekapan dalam pengurusan air di ladang akan terus ditingkatkan melalui khidmat pengembangan mengena pengairan dan penyelidikan ke atas cara-cara penjimatan air yang berkesan termasuk penggunaan semula air dan penakungannya. Program-program kawalan banjir yang dilaksanakan di beberapa negeri termasuk Kelantan akan melindungi kawasan-kawasan pertanian dan kawasan-kawasan lain daripada rosak akibat banjir. Program kawalan hakisan pantai akan melindungi kawasan-kawasan yang kritikal di sepanjang 1,300 kilometer daripada sejumlah 4,800 kilometer pantai daripada rosak dilanda ombak.

3.72 Penanaman semula tanaman kelapa sawit dan getah akan terus dilaksanakan dalam tempoh RM6. Matlamat RISDA dalam tempoh tersebut adalah untuk menanam semula lebih kurang 200,000 hektar kebun getah yang tidak produktif terutamanya dengan getah yang berhasil tinggi. Program ini dijangka akan memberi faedah kepada lebih kurang 80,000 keluarga pekebun kecil. RISDA akan menumpukan aktiviti penanaman semulanya di negeri-negeri yang miskin iaitu Kedah, Kelantan, Perlis dan Terengganu. Aktiviti-aktiviti bukan ladang seperti penternakan bebiri di bawah pokok getah dan pemeliharaan lebah madu akan digalakkan bagi meluaskan lagi asas pendapatan pekebun-pekebun kecil. FELDA akan menanam semula lebih kurang 35,000 hektar kelapa sawit dan 27,200 hektar getah yang

melibatkan 17,000 orang peneroka. Pekebun-pekebun kecil kelapa sawit tidak tersusun yang kebunnya merupakan lapan peratus daripada jumlah keluasan kelapa sawit dan yang tidak mempunyai sumber pembiayaan untuk menanam semula akan disediakan dengan dua kemudahan pembiayaan bagi menanam semula kebun mereka. Pilihan pertama ialah dengan menyertai skim pemulihan dan penyatuan tanah oleh FELCRA. Manakala pilihan lain ialah dengan menyertai Pertubuhan Peladang Kawasan untuk melayakkan diri mereka bagi mendapatkan kemudahan pinjaman tanam semula daripada BPM.

3.73 Pekebun-pekebun kecil di Sabah dan Sarawak akan diberi galakan untuk menyertai program tanam semula menerusi peruntukan geran tanam semula. LTGS dan Unit Tanam Semula di Jabatan Pertanian Sarawak dijangka menanam semula kawasan kebun getah masing-masing seluas 7,500 hektar dan 2,500 hektar yang akan memberi faedah kepada 3,600 pekebun kecil.

3.74 Penanaman semula nanas oleh LPNM akan meliputi kawasan seluas 6,500 hektar yang akan memberi faedah kepada 4,100 pekebun kecil. FELCRA akan menyumbang kepada pembekalan buah nanas untuk diproses menjadi nanas kalengan dengan melibatkan 100 pekebun kecil dan menanam semula kawasan seluas 80 hektar melalui pendekatan secara estet. Klon nanas seperti Mas Merah dan Gandul yang terbukti berjaya dimajukan oleh estet swasta akan digunakan.

3.75 Penyatuan dan pemulihan kawasan padi terbiar atau kawasan bukan padi akan diberi penekanan yang lebih oleh FELCRA. Seluas kira-kira 150,000 hektar kawasan padi terbiar yang keluasannya hampir sama dengan kawasan yang dimajukan dalam tempoh RM5 akan dipulihkan masing-masing dengan tanaman kelapa sawit, getah dan tanaman lain dengan nisbah 40:40:20. Ini merupakan 40 peratus daripada kawasan tanah terbiar yang telah dikenalpasti untuk ditanam dengan tanaman saka. Lebih kurang separuh daripada kawasan yang dirancang untuk dipulihkan itu terletak di Kedah, Kelantan, Pahang dan Terengganu. Selaras dengan pendekatan Hala Cara Baru, program-program FELCRA akan merangkumi komponen infrastruktur bagi pambandaran, perindustrian luar bandar dan pemodenan pertanian. Tujuannya ialah untuk membantu pewujudan peluang pekerjaan bukan ladang bagi petani-petani yang tidak bekerja sepenuh masa dalam meningkatkan mutu kehidupan mereka.

Pembangunan Tanah Baru yang Lebih Perlahan

3.76 Oleh kerana kawasan tanah baru yang sesuai semakin berkurangan dan faktor ekologi dan alam sekitar yang mendesak memerlukan baki tanah hutan yang ada dipelihara, kadar pembangunan tanah baru akan terus dikurangkan dalam tempoh RM6. Tambahan pula, kos purata menempatkan semula keluarga peserta di skim FELDA akan terus meningkat sebahagiannya disebabkan oleh baki tanah yang hendak dibangunkan adalah tidak sesuai. Kos purata bagi menempatkan semula satu keluarga telah meningkat daripada \$49,700 pada tahun 1986 kepada \$55,000 pada

tahun 1990, berbanding dengan \$26,500 sahaja pada tahun 1976. Dengan demikian, FELDA tidak akan memajukan lagi tanah baru tetapi hanya melaksanakan projek-projek sambungan. Pembangunan tanah baru pada masa akan datang akan dilakukan oleh sektor swasta. Di samping memberi tumpuan kepada penubuhan syarikat ladang, FELDA akan terus mengurus skim tanah sedia ada di bawah sistem hakmilik individu bagi menjamin pertumbuhan dan pengeluaran yang berterusan. Projek-projek sambungan akan disiapkan di bawah sistem hakmilik -individu, manakala di bawah sistem syarikat ladang, rancangan tanah akan diuruskan sebagai sebuah syarikat ladang dengan penerima faedahnya memberi sumbangan tenaga kerja di samping memiliki saham sebagai ganti kepada hakmilik tanah. Konsep pengurusan yang baru ini akan dilaksanakan di semua rancangan FELDA yang penerokanya belum diambil. Sabah akan terus mengamalkan sistem hakmilik individu, sementara Sarawak pula dengan sistem saham. Aktiviti-aktiviti pengurusan ladang di bawah sistem hakmilik saham ini akan dilaksanakan di 222 rancangan FELDA meliputi kawasan seluas 300,000 hektar di Semenanjung.

3.77 Aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh FELDA dalam membangunkan tanah baru akan dilengkapi oleh LKW, Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri (PKPN) dan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN). Dalam tempoh RM6, sektor swasta dijangka akan memainkan peranan utama dalam memajukan tanah di kawasan LKW yang berjumlah 21,600 hektar dengan tanaman-tanaman selain daripada kelapa sawit. Sebagai tambahan, 2,000 hektar akan dimajukan secara usahasama di antara LKW dengan sektor swasta. Prospek pembangunan pertanian di kawasan-kawasan LKW bergantung kepada tanah yang akan diluluskan oleh Kerajaan Negeri. DARA mempunyai kawasan seluas 21,700 hektar, KEJORA 12,100 hektar, KETENGAH 22,500 hektar dan KESEDAR 35,500 hektar yang belum diperuntukkan lagi. Di samping itu, DARA mempunyai 16,700 hektar dan KETENGAH 21,200 hektar kawasan tanah yang telah diperuntukkan dan separuhnya akan dimajukan secara komersil dalam tempoh RM6. Selaras dengan dasar perindustrian luar bandar, pembangunan ladang-ladang tanaman makanan akan disepadukan dengan industri berasaskan pertanian. PKPN akan memajukan kawasan seluas 1,100 hektar, manakala PKEN 135,000 hektar. Di Sabah lebih kurang 7,000 hektar tanah akan dimajukan oleh Lembaga Kemajuan Tanah Sabah dan oleh LTGS.

Khidmat Sokongan bagi Menggalakkan Pembangunan Pertanian

3.78 Kemajuan pembangunan pertanian akan digalakkan melalui penyediaan khidmat sokongan yang mencukupi yang akan melibatkan pembangunan manusia, kemudahan kewangan, insentif, rangkaian pemasaran serta P&P. Perkhidmatan-perkhidmatan ini akan dimasukkan di bawah pelbagai program sokongan bagi sektor pertanian.

3.79 Teras masa hadapan sistem perladangan projek-projek pertanian akan memerlukan penyediaan latihan dan khidmat pengembangan yang mencukupi. Ini akan memerlukan pegawai-pegawai pengembangan yang berkelayakan,

berpengetahuan dalam penggunaan teknologi moden dan teknik-teknik pengurusan ladang. Bagi tujuan ini, pegawai-pegawai pengembangan perlu dilatih semula dan dilengkapi dengan peralatan dan pengetahuan teknologi yang diperlukan. Bagi mencapai matlamat tersebut, Jabatan Pertanian akan juga melatih kumpulan sasarnya yang terdiri daripada 240,000 petani termasuk wanita, sementara FAMA pula dijangka melatih seramai 65,500 petani, agen-agen pemasaran dan pengusaha-pengusaha yang berpotensi. Jabatan Perikanan akan menganjurkan program latihan bagi kira-kira 15,000 nelayan dalam bidang penyelenggaraan enjin, pelayaran, pemprosesan dan pengendalian hasil-hasil keluaran laut. RISDA pula merancang untuk melatih seramai 235,000 pekebun kecil mengenai aspek tanaman semula, pemprosesan, pemasaran dan penyelenggaraan ladang. Tiga buah pusat latihan RISDA yang baru akan dibina. Dalam tempoh RM6, FELCRA akan melatih seramai 72,700 orang termasuk kakitangannya sendiri dan akan mendirikan dua buah pusat latihan tambahan di Tebing Tinggi dan Seberang Perak. Lebih kurang 180,400 peladang akan dilatih di bawah program latihan LPP mengenai asas-asas keusahawanan tani, pengurusan ladang dan kepimpinan serta kemahiran teknikal di peringkat ladang dan bukan ladang. Program-program ini akan membantu petani mempelbagaikan aktiviti mereka kepada aktiviti bukan ladang bagi menambah pendapatan daripada sumber-sumber yang lain.

3.80 Amalan pendekatan komersil oleh pengeluar-pengeluar hasil pertanian terutamanya pekebun-pekebun kecil akan meningkatkan permintaan bagi kredit. Sektor bank dijangka terus menyediakan sumber kewangan yang terbesar terutamanya kepada sektor perladangan. BPM akan terus menjadi sumber kewangan utama kepada pekebun-pekebun kecil yang terlibat dalam tanaman kontan, penternakan, perikanan laut dalam dan akuakultur. Pinjaman yang dikeluarkan oleh BPM akan diasaskan kepada daya maju ekonomi projek-projek dan diawasi dengan rapi bagi menjamin kejayaan dan bayaran balik oleh peminjam-peminjam. Pinjaman kepada pekebun-pekebun kecil di bawah skim DESSA di Sarawak, dan di bawah skim AIM di Semenanjung Malaysia dijangka meningkat dengan banyaknya berikutan daripada pencapaiannya dalam tempoh RM5, sementara sejumlah besar golongan rakyat termiskin dijangka mendapat faedah daripada kemudahan pinjaman tanpa faedah daripada BPM. Perluasan skim AIM sebahagian besarnya akan dibiayai oleh Kerajaan.

3.81 Teras pengeluaran yang berorientasikan pasaran akan disokong oleh rangkaian pemasaran dan program-program yang mencukupi bagi menghasilkan pulangan yang lebih baik serta meningkatkan pendapatan bersih petani. Bagi memperluaskan rangkaian pemasaran dalam tempoh RM6, 150 buah pasar tani baru akan ditubuhkan. FAMA akan menggalakkan peserta-peserta yang sudah kukuh kedudukannya menguruskan pasar tani tersebut dengan penyeliaan yang minimum. Rundingan dengan kerajaan negeri dan kerajaan tempatan akan diteruskan bagi menubuhkan pasar-pasar borong di bawah naungan FAMA, manakala pasar borong yang kedua akan diwujudkan di Kedah. FAMA juga akan mengukuhkan sistem maklumat

pasarannya untuk menggalakkan pemasaran buah-buahan, sayur-sayuran dan bunga keratan Malaysia di pasaran antarabangsa. Berhubung dengan pemasaran getah dan minyak kelapa sawit, FELCRA, FELDA, RISDA dan MARDEC akan bekerjasama dalam menyusun semula penggunaan kemudahan pemasaran dan pemprosesan bagi mencapai pulangan yang maksimum kepada pekebun-pekebun kecil. Tanggungjawab pemasaran akan diserahkan kepada petani sendiri secara berperingkat melalui koperasi-koperasi pekebun kecil seperti Koperasi Pekebun Kecil Getah Kebangsaan dan Pertubuhan Peladang Kebangsaan sebagai satu strategi utama bagi meningkatkan penyertaan sektor swasta. LKM akan memberi tumpuan ke arah meningkatkan penerimaan koko Malaysia dalam segmen pasaran sedia ada dan juga ke pasaran-pasaran baru yang berpotensi. LKIM juga dijangka mewujudkan lebih banyak saluran pemasaran untuk membantu jualan ikan oleh persatuan-persatuan nelayan di kedua-dua peringkat jualan borong dan runcit.

3.82 Tumpuan untuk meningkatkan produktiviti dan menggalakkan pendekatan komersil bagi pengeluaran akan memerlukan P&P dalam pertanian secara berterusan. Penekanan akan diberi kepada bahan-bahan pengeluaran dan baka yang berhasil tinggi, amalan pertanian yang lebih baik, mekanisasi dan penciptaan teknologi baru untuk memperluaskan penggunaan akhir. Penekanan utama P&P adalah untuk menjamin agar hasil penemuan penyelidikan akan dapat digunakan dan mempercepatkan pemindahan teknologi kepada pekebun-pekebun kecil dan penerima faedah yang lain. Dalam tahun-tahun 90an, usaha mengkomersilkan penyelidikan akan menjadi unsur yang ketara apabila syarikat-syarikat swasta digalakkan untuk turut serta mengamalkan penemuan-penemuan penyelidikan yang dihasilkan oleh institusi-institusi P&P pertanian. Bagi tujuan ini, Kerajaan akan menimbangkan cadangan menubuhkan tabung modal teroka di kalangan institusi-institusi penyelidikan tersebut untuk membolehkan mereka menyediakan pembiayaan ekuiti bagi menceburi kegiatan pengeluaran berbentuk komersil secara usahasama dengan sektor swasta.

3.83 Di bawah RM6, pembiayaan P&P pertanian akan disediakan melalui peruntukan khas dengan sektor pertanian diperuntukkan sebanyak 47 peratus daripada jumlahnya. Institut Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit (PORIM) dan Institut Penyelidikan Getah Malaysia merupakan dua agensi tambahan yang akan mendapat pembiayaan daripada Kerajaan. Sehingga baru-baru ini, agensi-agensi tersebut telah menjalankan aktiviti-aktiviti penyelidikan hiliran dan huluan mereka dengan dibiayai semata-mata melalui kutipan ses. Walau bagaimanapun, jumlah kutipan ses telah turun naik. Sebaliknya, keperluan bagi agensi-agensi tersebut untuk menjalankan P&P terus bertambah terutamanya dalam penyelidikan hiliran di samping mengekalkan kemajuan penyelidikan huluan mengenai pengeluaran. PORIM juga akan meneruskan penyelidikan yang berkaitan dengan penggunaan untuk menentang kempen memburukkan minyak kelapa sawit di luar negeri. Peruntukan yang mencukupi bagi agensi-agensi ini adalah diperlukan untuk mengekalkan kedudukan minyak kelapa sawit dan getah Malaysia di pasaran antarabangsa.

IV. PERUNTUKAN

3.84 Dengan perubahan dalam penekanan strategi, pembahagian peruntukan sektor pertanian akan diselaraskan sewajarnya untuk memenuhi teras dasar yang baru. Pecahan peruntukan mengikut program adalah seperti ditunjukkan di dalam Jadual 3-6. Oleh kerana penekanan kepada pembangunan tanah baru akan dikurangkan, FELDA yang dahulunya menerima peruntukan yang tertinggi, akan diperuntukkan lebih kurang \$1,304 juta. Penekanan kepada pembangunan in-situ sebagai strategi yang berkesan dari segi kos akan disokong dengan menambah peratusan peruntukan, terutamanya kepada program PPPB, penanaman semula, pemulihan tanah, pengairan dan saliran dan projek tebatan banjir. Bagi memudahkan pembangunan pertanian, program-program khidmat sokongan akan terus menerima peruntukan yang sewajarnya. Program perhutanan, perikanan dan penternakan akan juga diberi peruntukan yang lebih berbanding dengan peruntukan di bawah RM5.

V. PENUTUP

3.85 Pertumbuhan yang berterusan bagi sektor pertanian adalah amat penting bagi pembangunan sektor luar bandar selaras dengan objektif untuk mengurangkan kemiskinan luar bandar dan bagi mewujudkan rantaian dengan sektor-sektor lain dalam ekonomi negara. Walaupun matlamat pertumbuhan pada kadar 3.5 peratus setahun mampu dicapai oleh sektor pertanian, pencapaiannya bergantung kepada pengamalan dasar-dasar yang ditentukan sesuai serta penyediaan kemudahan sokongan perlu. Pertumbuhan yang lebih rendah bagi tanaman pertanian tradisional memerlukan usaha-usaha mencari sumber-sumber pertumbuhan baru dalam sektor pertanian.

3.86 Memandangkan terdapatnya kekurangan tanah yang luas, strategi Dasar Pertanian Negara akan diubah dengan memberi tumpuan kepada pembangunan kawasan-kawasan ladang in-situ untuk meningkatkan produktiviti tanah dan memperluaskan faedah pembangunan pertanian kepada lebih ramai orang. Pertumbuhan sektor pertanian dalam tempoh RM6 sangat bergantung kepada dasar-dasar yang berorientasikan pasaran bagi memulih dan mengkomersilkan sektor ini. Oleh kerana pendekatan ini akan membawa kesan ke atas keperluan bagi kemahiran pengurusan yang memerlukan perbelanjaan yang terlalu tinggi untuk ditampung oleh Kerajaan, penekanan akan diberi kepada peranan yang lebih besar dimainkan oleh sektor swasta.

BAB 4 : PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN

I. PENDAHULUAN

4.01 Perkembangan sektor perindustrian telah memberi dorongan utama kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia. Pelaksanaan secara berterusan dasar dan strategi yang bertujuan mewujudkan sektor pembuatan yang mempunyai asas yang lebih luas, cekap dan yang berorientasikan eksport telah memperkukuhkan lagi pembangunan sektor ini. Matlamat utama dasar dan strategi ini ialah untuk mengatasi kelemahan struktur sektor pembuatan dengan tujuan memastikan pencapaian pertumbuhan yang lebih pesat di samping menggalakkan pewujudan rantaian-rantaian yang lebih kukuh dengan sektor-sektor lain di dalam ekonomi.

4.02 Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima (RM5), sektor pembuatan telah berkembang dengan pesat menjadikannya sektor pertumbuhan utama dalam ekonomi serta sektor yang memberi sumbangan terbesar kepada pewujudan peluang pekerjaan. Sumbangan eksport barangan pembuatan juga terus meningkat menjadikan sektor ini sebagai sumber terbesar pendapatan tukaran asing bagi negara. Sungguhpun prestasi eksport yang kukuh merupakan dorongan utama kepada pertumbuhan pesat sektor pembuatan, asas kepada pencapaian yang tinggi ini adalah pengubahsuaian dasar yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan ke arah mempermudah prosedur dan peraturan pentadbiran yang bertujuan mewujudkan suasana yang lebih menarik bagi pembangunan perindustrian.

4.03 Bagi tempoh Rancangan Malaysia Keenam (RM6), pertumbuhan pesat yang berterusan bagi sektor pembuatan dijangka memberi sumbangan penting kepada perkembangan ekonomi secara keseluruhannya. Bagi mencapai objektif ini, RM6 akan mempercepatkan usaha ke arah mempelbagaikan asas sektor perindustrian dan menggalakkan rantaian industri yang lebih melalui pembangunan industri kecil dan sederhana (IKS) serta mempercepatkan program penyusunan semula dan pemodenan industri-industri yang mundur. Strategi-strategi ini adalah perlu bagi memperkukuh dan memperluaskan lagi asas perindustrian serta meningkatkan kemajuan sektor ini ke arah pencapaian tahap kecekapan dan kemampuan bersaing yang lebih tinggi.

II. KEMAJUAN, 1986-90

Dasar Kerajaan Bagi Menggalakkan Pembangunan Perindustrian

4.04 Dalam tempoh RM5, pembangunan sektor ini adalah berpandukan Pelan Induk Perindustrian (PIP), 1986-95. PIP telah menyediakan rancangan petunjuk jangka panjang untuk pembangunan sektor kecil yang khusus, dasar-dasar sokongan dan bidang-bidang yang perlu penekanan khas. Perakuan-perakuan dasar telah dilaksanakan bagi mempertingkatkan pelaburan swasta dan mewujudkan satu orientasi semula dasar yang lebih tertumpu. Sebanyak dua belas sektor kecil telah dikenalpasti sebagai sektor keutamaan, terdiri dari tujuh industri yang berasaskan sumber dan lima industri yang bukan berasaskan sumber yang akan dibangunkan dalam tempoh 10 tahun. Industri yang berasaskan sumber termasuk industri-industri pemrosesan makanan, getah, minyak kelapa sawit, industri berasaskan kayu, kimia dan petrokimia, barangan logam bukan feram dan barangan galian bukan logam. Industri-industri bukan berasaskan sumber pula termasuk elektronik dan elektrik, kelengkapan pengangkutan, barangan jentera dan kejuruteraan, logam feram, tekstil dan pakaian. Perakuan-perakuan utama PIP yang telah dilaksanakan termasuklah penyatuan galakan galakan fiskal bagi menggalakkan pelaburan di mana pembaikan utama dibuat bagi menarik pelaburan semula, mewujudkan rangkaian, menggalakkan eksport dan latihan. Penekanan telah juga diberi bagi menyokong penyelidikan dan pembangunan (P&P). Senarai keluaran yang digalakkan telah dikaji semula secara berterusan dan program-program bagi rasionalisasi dan penyusunan semula industri bagi meningkatkan kecekapan dan daya saing perindustrian telah dilancarkan.

4.05 Satu hasil penting dari pelaksanaan PIP ialah penyertaan sektor swasta dalam berbagai majlis dialog dengan sektor awam dan dalam pasukan petugas yang ditubuhkan bagi pembangunan sektor kecil industri yang telah dikenalpasti oleh PIP. Penyertaan sektor swasta ini telah memperkukuhkan kerjasama yang diperlukan bagi mencapai kata sepakat dan kerjasama menyeluruh untuk pembangunan perindustrian.

4.06 Berbagai-bagai langkah lain juga telah diambil bagi menggalakkan pembangunan perindustrian dan menyediakan suasana yang lebih baik untuk pelaburan. Perubahan-perubahan penting telahpun dibuat ke atas perundangan bagi menggalakkan pertumbuhan sektor pembuatan. Dasar-dasar yang melibatkan sektor pembuatan telah dijadikan lebih menarik dan prosedur-prosedur telah dipermudahkan bagi mengurangkan lagi halangan berkaitan pentadbiran. Antara lain, pelaksanaan Akta Galakan Pelaburan (PIA), 1986 dan pindaan ke atas Akta Cukai Pendapatan, 1967 telah menyediakan galakan pelaburan yang liberal kepada bakal-bakal pelabur. Arahan pengecualian di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian, 1975 telah dilonggarkan bagi mengecualikan keperluan memiliki lesen pengilangan kepada syarikat-syarikat pembuatan yang mempunyai dana pemegang saham yang

kurang daripada \$2.5 juta atau 75 orang pekerja. Langkah-langkah juga telah diambil bagi menyediakan garis panduan ekuiti yang lebih liberal untuk pelaburan asing dengan tujuan mempertingkatkan lagi peranan utama pelaburan ini di dalam perkembangan aktiviti-aktiviti pelaburan negara.

4.07 Lain-lain faktor yang telah memberi sumbangan kepada perkembangan pesat sektor perindustrian termasuklah perkembangan pasaran dalam negeri dan daya saing eksport yang telah meningkat serta pembesaran infrastruktur. Kos penggunaan tenaga juga telah dikurangkan semenjak Mac 1989 dengan pemberian diskaun kadar bayaran elektrik untuk industri-industri. Di samping itu, Kerajaan telah memperkenalkan skim rebet khas untuk sektor kecil getah dan tekstil dan galakan-galakan tambahan untuk industri-industri yang berasaskan kayu.

Pertumbuhan Keluaran Sektor Pembuatan

4.08 Keluaran sektor pembuatan telah bertambah dengan pesatnya dalam tempoh RM5. Nilai ditambah dalam sektor ini telah mencatatkan kadar pertumbuhan yang tinggi sebanyak 13.9 peratus setahun, iaitu lebih dua kali ganda berbanding dengan matlamat RM5 sebanyak 6.4 peratus setahun. Dengan perkembangan yang pesat ini, sektor pembuatan telah menyumbangkan hampir separuh daripada pertambahan dalam KDNK dalam tempoh RM5. Dalam masa yang sama, sumbangan sektor ini kepada KDNK telah meningkat daripada 19.7 peratus pada tahun 1985 kepada 27 peratus pada tahun 1990, melebihi sumbangan sektor pertanian sejak tahun 1987. Perkembangan ini merupakan satu lagi pencapaian yang penting di dalam peralihan pembangunan negara ke arah ekonomi perindustrian.

4.09 Sungguhpun prestasi sektor pembuatan pada keseluruhannya adalah memuaskan, namun pembangunannya masih bercirikan asas perindustrian yang sempit. Seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual 4-1, kedua-dua sektor kecil tradisional iaitu elektrik dan elektronik serta tekstil dan pakaian terus memberi sumbangan yang besar kepada peningkatan hasil pengeluaran sektor pembuatan. Industri-industri tersebut yang menyumbangkan kira-kira satu perempat daripada keluaran sektor pembuatan dan masing-masing telah berkembang pada kadar 26.8 peratus dan 11.5 peratus setahun dalam tempoh RM5, menyediakan daya gerak utama kepada pertambahan keluaran sektor tersebut. Sungguhpun demikian, tempoh tersebut juga memperlihatkan kemunculan lain-lain sumber pertumbuhan yang telah memberikan dorongan tambahan kepada pertumbuhan sektor ini. Di antara industri-industri yang berkembang pesat ini termasuklah industri barangan getah, kelengkapan pengangkutan, minyak dan lemak, barangan kayu dan gabus, barangan galian bukan logam, barangan kimia perusahaan dan lain-lain barangan kimia dan juga industri besi dan keluli.

Eksport Barangan Sektor Pembuatan

4.10 Dalam RM5, perkembangan eksport telah memberi galakan utama kepada pertumbuhan pesat sektor pembuatan. Prestasi eksport sektor ini adalah mengagumkan dengan peningkatan sebanyak 31 peratus setahun, iaitu daripada \$12,471 juta pada tahun 1985 kepada \$48,047 juta pada tahun 1990. Hasil daripada prestasi yang kukuh ini, sumbangannya kepada jumlah eksport barangan telah bertambah hampir dua kali ganda daripada 32.8 peratus pada tahun 1985 kepada 60.4 peratus pada tahun 1990. Penyumbang utama kepada pertumbuhan ini ialah dua sektor kecil tradisional industri bukan berasaskan sumber yang berorientasikan eksport, iaitu sektor kecil elektrik dan elektronik serta tekstil dan pakaian, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4-2 dan Carta 4-1. Kedua-dua sektor kecil tersebut telah menyumbang hampir dua pertiga daripada jumlah eksport sektor pembuatan pada tahun 1990. Sungguhpun sumbangan daripada industri-industri yang baru muncul kepada pendapatan eksport sektor pembuatan adalah masih kecil, namun demikian industri-industri berkenaan telah mencapai kadar pertumbuhan tahunan yang sangat tinggi iaitu di antara 31 hingga 64 peratus dalam tempoh tersebut. Industri-industri ini termasuk kelengkapan pengangkutan, industri bukan logam, getah, kertas dan barangan kertas, peralatan optikal dan saintifik dan barangan perkilangan logam. Prestasi eksport industri yang berasaskan sumber iaitu yang berasaskan kayu dan galian bukan logam juga telah mencapai kadar pertumbuhan yang pesat iaitu masing-masing sebanyak 29.8 peratus dan 38.7 peratus setahun.

Gunatenaga

4.11 Dalam tempoh RM5, perkembangan pesat sektor pembuatan telah membolehkan ianya memberi sumbangan yang besar kepada pewujudan peluang-peluang pekerjaan. Gunatenaga sektor ini telah berkembang dengan pesat pada kadar 8.6 peratus setahun iaitu daripada 855,400 dalam tahun 1985 kepada 1,290,200 pada tahun 1990. Dengan itu, sektor pembuatan merupakan penyumbang terbesar kepada pewujudan peluang pekerjaan dalam ekonomi, dengan menyumbang sebanyak 44 peratus atau 434,800 daripada pekerjaan baru dalam tempoh tersebut. Dari jumlah keseluruhan gunatenaga baru dalam sektor pembuatan, 60.6 peratus adalah kaum Bumiputera, 24.2 peratus kaum Cina, 14.6 peratus kaum India dan 0.6 peratus adalah daripada kaum lain.

4.12 Sektor-sektor kecil yang telah memberi sumbangan besar kepada pewujudan peluang-peluang pekerjaan dalam sektor pembuatan ialah industri-industri elektrik dan elektronik mesin dan perkakas, kelengkapan pengangkutan, mesin bukan elektrik, getah, plastik, pakaian, kertas dan kayu. Gunatenaga di sektor-sektor kecil ini telah meningkat dengan pesatnya dan mencatat pertumbuhan tahunan di antara 7 hingga 21 peratus, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4-3.

4.13 Pertumbuhan pesat sektor pembuatan telah mengakibatkan kekurangan pekerja, terutamanya di pantai barat Semenanjung Malaysia. Kekurangan pekerja ini lebih ketara di kalangan industri-industri yang menggunakan buruh secara intensif, terutamanya industri tekstil, industri berasaskan kayu dan industri elektronik. Di samping kekurangan juruteknik dan pekerja pengeluaran, industri-industri tersebut juga menghadapi masalah kekurangan pekerja yang mempunyai pengalaman yang sesuai. Bagi mengatasi masalah tersebut, usaha-usaha telah pun diambil bagi menambah jumlah gunatenaga yang boleh dilatih dan mengatasi masalah kekurangan pekerja mahir dengan cara memperluaskan lagi program-program latihan di sektor awam dan sektor swasta.

4.14 Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Latihan telah mencadangkan satu pakej dasar yang bertujuan untuk merombak dan mempergiatkan semula latihan perindustrian. Teras dasar dalam laporan tersebut bertujuan memperbaiki keupayaan sistem latihan sektor awam membuat penyesuaian kepada permintaan pasaran, memperluaskan peranan sektor swasta dalam latihan serta memperkukuhkan pertalian di antara latihan dan perubahan teknologi. Rombakan dasar ini diharap menghasilkan satu sistem penyampaian kemahiran yang lebih responsif dan berkesan yang akan menyokong pembangunan perindustrian yang dinamik dan berdaya saing.

Pelaburan Sektor Pembuatan

4.15 Selaras dengan dasar dan strategi Kerajaan untuk menarik pelaburan swasta, pertumbuhan pelaburan di dalam sektor pembuatan telah berkembang dengan pesatnya dalam tempoh RM5. Cadangan modal pelaburan bagi projek pengilangan yang diluluskan telah bertambah hampir lima kali ganda. Di samping peningkatan di dalam pelaburan dalam negeri, tempoh ini juga mencatatkan peningkatan cadangan pelaburan modal asing yang besar dari kira-kira \$1,000 juta dalam tahun 1985 kepada lebih daripada \$18,000 juta pada tahun 1990. Selain dari usaha-usaha Kerajaan untuk menambahkan lagi pelaburan asing secara langsung, negara ini juga telah mendapat faedah daripada penempatan semula industri-industri dari negara-negara perindustrian, terutamanya Jepun, Korea Selatan dan Taiwan, yang menghadapi peningkatan kos pengeluaran dan nilai matawang yang semakin tinggi. Dengan ini, Malaysia telah berjaya menyesuaikan kedudukannya bagi mengambil kesempatan terhadap peluang-peluang tersebut.

4.16 Dalam tempoh Rancangan tersebut, bilangan projek yang telah diluluskan untuk pelaburan perindustrian ialah sebanyak 3,210 dengan jumlah cadangan modal pelaburan sebanyak \$58,575 juta, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4-4. Pada puratanya, adalah dianggarkan kira-kira 41 peratus daripada projek-projek yang telah diluluskan akan memulakan pengeluaran ataupun berada di dalam peringkat akhir pelaksanaan menjelang tahun pertama ianya diberi kelulusan manakala, kira-kira 75 peratus daripada projek-projek yang telah diberi kelulusan akan dilaksanakan akhirnya. Berasaskan ini, jumlah pelaburan sektor pembuatan yang telah

dilaksanakan berbanding dengan jumlah keseluruhan yang diluluskan adalah di anggarkan sebanyak \$43,931 juta. Daripada jumlah ini, sebanyak 42 peratus adalah pelaburan asing secara langsung dan selebihnya ialah pelaburan dalam negeri. Dari segi saiz projek, sebanyak 97.5 peratus daripada projek-projek yang telah dilaksanakan terdiri daripada projek-projek yang kurang dari \$50 juta dan 51.2 peratus pula di bawah \$2.5 juta. Projek-projek besar dengan pelaburan melebihi \$50 juta hanya berjumlah 2.5 peratus. Daripada jumlah projek yang telah diluluskan, sebanyak 61 peratus telah diberi Taraf Perintis dan Galakan Cukai Pendapatan, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4-5.

4.17 Jumlah pelaburan asing di dalam projek-projek yang telah diluluskan adalah sebanyak \$34,908 juta, iaitu meningkat pada kadar 79 peratus setahun dalam jangkamasa tersebut. Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4-6, sumber-sumber utama pelaburan asing di dalam projek-projek yang telah diluluskan ialah Taiwan, Jepun, Singapura, United Kingdom, Amerika Syarikat, Indonesia dan Hong Kong yang kesemuanya menyumbang sebanyak 77.9 peratus daripada jumlah pelaburan asing yang dicadangkan. Satu perkembangan yang penting dalam tempoh ini ialah peningkatan pesat pengaliran masuk pelaburan dari Taiwan, yang telah melebihi pelaburan dari Jepun. Daripada jumlah pelaburan asing yang dicadangkan, kira-kira satu pertiga adalah dari Taiwan dan satu perempat pula dari Jepun.

4.18 Dari segi jenis industri dan bilangan kelulusan, cadangan-cadangan pelaburan yang telah diluluskan tertumpu kepada enam sektor kecil iaitu barangan elektrik dan elektronik, barangan logam asas, tekstil dan pakaian, barangan getah, barangan kayu dan perusahaan makanan. Jumlah cadangan pelaburan bagi keenam-enam sektor kecil ini mewakili hampir dua pertiga daripada jumlah projek yang telah diluluskan dalam jangkamasa tersebut. Industri-industri barangan elektrik dan elektronik serta tekstil dan barangan tekstil masih terus merupakan dua sektor kecil yang terbesar, dan masing-masing menyumbang 19 peratus dan 11.6 peratus daripada jumlah projek-projek yang diluluskan. Sungguhpun demikian, jelas diperhatikan bahawa terdapatnya penyebaran pelaburan baru yang semakin ketara dalam industri-industri berasaskan sumber, khususnya pengeluaran barangan getah. Industri-industri ini merupakan 15.3 peratus daripada jumlah projek yang telah diluluskan dalam tempoh tersebut. Walau bagaimanapun, dari segi nilai pelaburan yang telah diluluskan pada penghujung RM5 terdapat pertambahan yang besar di dalam modal pelaburan yang dicadangkan untuk barangan logam asas yang menunjukkan pelaburan besar dan sekaligus yang diperlukan di dalam sektor besi dan keluli. Arah aliran yang serupa telah juga berlaku dalam sektor-sektor kecil kimia serta barangan kimia, petroleum dan arang batu.

4.19 Dari segi taburan mengikut negeri, projek-projek pelaburan yang telah diluluskan masih tertumpu di sepanjang serambi barat Semenanjung Malaysia, terutamanya di negeri-negeri Selangor, Johor dan Pulau Pinang, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4-7. Negeri-negeri tersebut telah berjaya menarik lebih dua pertiga daripada

jumlah projek yang dicadangkan dengan cadangan pelaburan sebanyak \$26,408 juta. Selangor mempunyai cadangan pelaburan yang tertinggi, diikuti oleh Terengganu, Johor dan Sarawak.

4.20 Bagi menyokong pertumbuhan pelaburan dalam sektor pembuatan, pasaran modal dan kewangan telah diperkukuhkan. Pinjaman-pinjaman yang telah diluluskan oleh sistem urusan bank telah bertambah dengan pesatnya, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4-8. Jumlah pinjaman kepada sektor perindustrian yang belum dijelaskan kepada sistem urusan bank dan institusi-institusi kewangan telah bertambah pada kadar 15.8 peratus setahun menjadi \$22,554 juta menjelang akhir tahun 1990. Di samping itu, beberapa tabung telah ditubuhkan oleh Kerajaan dalam tempoh RM5 untuk memberi kemudahan-kemudahan kredit kepada IKS khususnya, Tabung Pembangunan ASEAN-Jepun, Tabung Bantuan Teknikal Perindustrian, Skim Kilang Bimbingan dan Tabung Usahawan Baru. Tabung Pelaburan Baru yang telah dilancarkan pada tahun 1985 bagi menggalakkan pelaburan dalam keupayaan pengeluaran baru yang produktif dengan kos yang berpatutan telahpun digunakan sepenuhnya oleh sektor pembuatan dengan pinjaman berjumlah \$985.3 juta pada akhir tahun 1990. Jumlah ini merupakan 96.2 peratus daripada jumlah keseluruhan peruntukan sebanyak \$1,024 juta bagi sektor pembuatan. Sungguhpun skim ini telah diberhentikan pada tahun 1988 apabila kesemua dananya telah diperuntukan kepada peminjam-peminjam, Bank Negara masih terus mengawasi pengambilan keluar dan pembayaran balik pinjaman-pinjaman tersebut.

III. PROSPEK, 1991-95

4.21 Malaysia sedang memasuki era baru pembangunan perindustrian. Teras pembangunan sektor ini dalam RM6 ialah untuk menggalak sumber pertumbuhan yang baru bagi memperkukuh dan mempelbagaikan asas perindustrian di samping terus mengekalkan sumber-sumber pertumbuhan tradisional yang penting iaitu elektronik, tekstil dan pakaian. Pendekatan baru tersebut akan memberi penekanan kepada pembangunan industri yang berorientasikan eksport, bernilai ditambah yang tinggi dan berteknologi tinggi dengan sokongan yang kukuh daripada P&P dalam negeri serta pertumbuhan industri dalam negeri yang berteknologi tinggi. Objektif dasar perindustrian dalam RM6 adalah menuju ke arah industri yang menggunakan modal secara intensif dan teknologi canggih yang mampu menghasilkan keluaran yang bermutu tinggi, berdaya saing dan berhubung rapat dengan keperluan pasaran negara-negara maju. Bagi mencapai objektif tersebut, Kerajaan akan memberi penekanan kepada pelaksanaan langkah-langkah untuk mempercepat penyusunan semula industri, mempertingkatkan teknologi, pembangunan sumber manusia dan mewujudkan rantai perindustrian bagi memastikan nilai ditambah dalam negeri memberi sumbangan yang lebih tinggi dan besar kepada pertumbuhan ekonomi. Semua langkah tersebut akan menyediakan asas ke arah pencapaian status negara perindustrian maju menjelang tahun 2020.

4.22 Usaha akan terus dilaksanakan bagi menggalakkan pelaburan sektor pembuatan dengan mewujudkan persekitaran pelaburan yang sesuai, mengadakan kemudahan-kemudahan infrastruktur dan sokongan yang lebih baik serta dasar dalam negeri yang menggalakkan penyertaan dan pelaburan sektor swasta. Seterusnya, memandangkan mutu tenaga buruh merupakan faktor kritikal yang menentukan kemampuan bersaing dan tahap produktiviti di sektor pembuatan, Kerajaan akan memastikan bekalan buruh yang boleh dilatih dan mahir adalah mencukupi, terutamanya untuk memenuhi jangkaan permintaan industri yang menggunakan modal secara intensif dan berteknologi tinggi.

4.23 Dalam jangka masa panjang, pembangunan sektor perindustrian akan memberi penekanan yang lebih kepada automasi atau proses-proses pengeluaran lain yang menjimatkan penggunaan buruh. Dalam tempoh RM6, penempatan semula industri ke kawasan yang mempunyai sumber-sumber yang diperlukan, terutamanya dari segi bekalan buruh, akan diberi dorongan dan galakan. Kerajaan juga akan menyediakan bantuan kewangan untuk pembangunan kemudahan infrastruktur bagi penempatan semula industri. Selanjutnya, peranan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) akan diperkukuhkan bagi memberi daya gerak tambahan dan tumpuan terhadap penggubalan dan perancangan dasar bagi membantu sektor perindustrian mencapai tahap pembangunan yang lebih tinggi.

Mengekalkan Daya Gerak Pertumbuhan

4.24 Sektor pembuatan dijangka berkembang pada kadar 11.5 peratus setahun dalam tempoh RM6 dan menyumbang 45.8 peratus daripada jumlah pertambahan dalam KDNK. Hasil daripada pertumbuhan ini, sumbangan sektor pembuatan akan berjumlah hampir satu pertiga daripada KDNK menjelang tahun 1995. Pertumbuhan sektor ini akan terus berorientasikan eksport. Eksport barangan perkilangan yang dijangka meningkat pada kadar 16.7 peratus setahun akan terus mengekalkan daya gerak pertumbuhan sektor ini, dan dijangka menyumbang lebih 70 peratus daripada jumlah pendapatan eksport barangan negara pada tahun 1995. Walaupun kedua-dua sektor kecil tradisional, iaitu sektor elektrik dan elektronik serta tekstil dan pakaian akan terus mengekalkan sumbangannya kepada pertumbuhan sektor pembuatan, namun sumbangan daripada sumber-sumber pertumbuhan yang baru akan dipertingkatkan, khususnya industri-industri yang berasaskan sumber dengan cara memperbanyakkan lagi aktiviti hiliran dan yang mempunyai nilai ditambah yang lebih tinggi. Di samping itu, sumbangan industri yang bukan berasaskan sumber juga dijangka meningkat dengan adanya galakan bagi aktiviti selain daripada aktiviti pemasangan, iaitu seperti pengeluaran komponen dan alat-alat ganti secara besaran.

4.25 Liberalisasi serta usaha-usaha melonggar dan mengurangkan peraturan dalam sektor perindustrian akan diteruskan bagi mengekalkan daya gerak pertumbuhan dan menggalakkan pelaburan perindustrian. Langkah-langkah akan diambil oleh

Kerajaan untuk mengkaji semula dan mengemaskini matlamat PIP dan rangkakerja dasar dan dasar perindustrian lain, terutamanya mengenai langkah-langkah yang berkaitan dengan tarif dan bukan-tarif. Perkara-perkara ini akan dilaksanakan dengan tujuan memberi tumpuan yang lebih kepada pembangunan perindustrian di masa hadapan.

Pelaburan Sektor Pembuatan

4.26 Bagi menyokong perkembangan pesat yang dijangka daripada sektor ini dalam tempoh RM6, kadar pertumbuhan pelaburan yang tinggi yang dicapai dalam tempoh RM5 perlu dikekalkan. Adalah dianggarkan, jumlah pelaburan yang diperlukan bagi mencapai matlamat kadar pertumbuhan sektor ini dalam RM6 adalah lebih dari \$80,000 juta, iaitu hampir dua kali ganda dari paras pelaburan yang telah dicapai dalam tempoh RM5. Daripada jumlah tersebut, \$33,000 juta dijangka berpunca daripada pelaburan asing manakala bakinya adalah daripada pelaburan dalam negeri. Pelaburan dalam sektor pembuatan dijangka merupakan bahagian pelaburan swasta yang terbesar, iaitu kira-kira 40 peratus daripada jumlah pelaburan swasta dalam tempoh RM6. Memandangkan kepada keperluan bagi jumlah pelaburan yang tinggi ini, Kerajaan akan terus memastikan wujudnya suasana yang sesuai bagi pelaburan dan pelaburan semula. Pelaburan-pelaburan ini perlu disalurkan kepada projek-projek berkualiti yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi dan rangkaian yang meluas serta industri berteknologi tinggi.

Memperbaiki Sistem Galakan dan Bantuan-bantuan Lain

4.27 Penyediaan galakan bagi sektor pembuatan merupakan satu faktor yang telah menyumbang kepada pertumbuhan pelaburan swasta. Usaha-usaha akan dibuat untuk mengawasi dan menilai faedah sebenar yang diperolehi daripada pemberian berbagai jenis galakan pelaburan dengan tujuan mewujudkan satu sistem pemberian galakan secara lebih terpilih dan berkesan bagi menggalakkan kecekapan, produktiviti dan penyusunan semula korporat serta dengan tujuan memastikan pertumbuhan yang tidak menjejaskan alam sekitar secara berkekalan daripada sektor pembuatan dapat dicapai. Galakan-galakan juga disediakan dengan tujuan untuk meningkatkan kemampuan berdikari dan mewujudkan industri yang cekap dan mempunyai daya saingan yang tinggi. Senarai barangan dan aktiviti yang digalakkan akan dikaji semula supaya pemberian galakan terutamanya kepada industri gantian import yang maju akan dilaksanakan secara lebih terpilih. Pakej galakan akan dinilai semula dengan tujuan memberi penekanan yang lebih keatas galakan bukan cukai yang diantaranya termasuklah penyediaan kemudahan infrastruktur yang lebih baik dan kemudahan sokongan lain.

4.28 Kerajaan juga akan mengkaji semula struktur tarif dengan tujuan mewujudkan satu sistem yang lebih berkesan dan cekap untuk meningkatkan kecekapan dan daya bersaing sektor perindustrian. Dalam masa yang sama, Kerajaan akan terus

memastikan perubahan kadar pertukaran asing tidak akan menjejaskan pelaburan dan eksport. Kerajaan akan juga memperkukuhkan mobilisasi sumber-sumber kewangan dan tenaga manusia serta membantu pergerakan barang-barang yang lebih cepat di dalam negeri sebagai usaha untuk menyokong pertumbuhan sektor pembuatan yang berterusan.

Memperluas dan Memperkukuh Asas Perindustrian

4.29 Usaha-usaha akan dibuat bagi mempertingkatkan lagi pembangunan sumber pertumbuhan baru dengan tujuan untuk menyediakan daya penggerak yang lebih kepada sektor pembuatan yang asasnya semakin luas dan bersepadu. Sumber-sumber ini termasuk industri barangan berasaskan kayu dan getah, keluaran oleokimia, galian dan galian bukan logam. Selanjutnya, industri barangan modal dan barang perantaraan juga akan digalakkan. Tumpuan juga akan diberi bagi mempertingkatkan mutu barangan dari segi kualiti dan tekn-ologi melalui usaha-usaha mewujudkan infrastruktur saintifik dan teknikal yang kukuh. Dalam hubungan ini, per-akuan Pelan Tindakan Pembangunan Teknologi Perindustrian (PTPTP) yang menyediakan garis panduan yang lengkap untuk pembentukan strategi jangka pendek, sederhana dan panjang akan dilaksanakan.

4.30 Antara strategi-strategi PTPTP adalah mempergiatkan P&P perindustrian dengan menyalurkan lebih banyak sumber dari sektor awam bagi penyelidikan perindustrian dan pembangunan keupayaan teknologi tempatan serta pembangunan tenaga kerja perindustrian yang mencukupi untuk P&P. Peranan pusat P&P yang sedia ada akan dipertingkatkan supaya aktiviti mereka lebih berorientasikan industri dan keperluan pasaran. Peruntukan yang lebih akan diberi kepada kegiatan P&P berdasarkan keutamaan dalam program pembangunan teknologi. Peruntukan ini akan disediakan dalam bentuk geran setara, pinjaman mudah dan peruntukan kredit istimewa. Bidang utama yang dikenalpasti untuk pembangunan teknologi perindustrian ialah pembuatan berautomasi, bahan termaju, teknologi elektronik, bioteknologi dan teknologi maklumat. Selain daripada itu, P&P juga akan memberi tumpuan kepada pembangun an teknologi yang menjimatkan tenaga dan industri yang meng-gunakan tenaga dengan cekap dan berkesan.

4.31 Usaha-usaha Kerajaan akan juga disalurkan ke arah menggalakkan pewujudan rantaian yang lebih luas antara industri dan antara sektor serta memajukan aktiviti hiliran terutamanya industri yang berasaskan sumber. Dalam hubungan ini, Kerajaan akan menggalakkan firma tempatan mempertingkatkan kualiti barangan dan khidmat sokongan mereka supaya industri yang terletak dalam kawasan perdagangan bebas boleh mendapat bekalan bahan dari firma tempatan. Ini akan meningkatkan bahagian nilai ditambah tempatan dalam barangan pengilangan yang dieksport dari kawasan perdagangan bebas. Sebagai pengeluar terbesar beberapa komoditi utama, negara ini mempunyai faedah berbanding sebagai pembekal bahan mentah. Bagi menggalakkan aktiviti hiliran yang lebih luas, beberapa institusi P&P yang di tubuhkan

khusus untuk menjalankan penyelidikan berasaskan sumber akan menyediakan khidmat sokongan teknikal dalam pembangunan teknologi dan pengujian produk. Satu lagi bidang penting untuk meningkatkan rantai aktiviti hiliran ialah menggalakkan lebih banyak pemprosesan bahan mentah dan komoditi utama dalam negeri. Usaha-usaha juga akan dibuat untuk membangun IKS sebagai bahagian yang penting dalam industri berasaskan sumber. Di samping itu, Kerajaan akan memperkenalkan dan menggalakkan penggunaan modal teroka bagi pembangunan perusahaan yang berasaskan teknologi.

Memperkukuh dan Mengekalkan Daya Saing Eksport Sektor Pembuatan

4.32 Perkembangan eksport sektor pembuatan akan disokong dengan cara memperbaiki rangkaian pemasaran dan maklumat, memperkenalkan barangan baru dan menembusi pasaran-pasaran baru serta rasionalisasi dan pemodenan industri yang tidak cekap. Keupayaan menguasai teknologi yang lebih maju adalah dijangka dapat dicapai melalui usaha-usaha P&P yang lebih giat. Usaha-usaha ini akan dapat memberi sumbangan ke arah peningkatan daya saingan eksport sektor pembuatan.

4.33 Strategi Kerajaan bagi memastikan wujudnya sektor pembuatan yang cekap dan berdaya saing ialah dengan menyusun semula dan memodenkan sektor kecil perindustrian terpilih dari segi peningkatan penggunaan keupayaan, tahap teknologi, daya saing dari segi kos, peningkatan produktiviti dan potensi eksport. Sektor pembuatan akan terus maju ke satu peringkat teknologi yang lebih canggih, pembangunan produk dan pemasaran bagi menghadapi perubahan teknologi dan ekonomi yang pesat di suasana antarabangsa. Tujuh sektor kecil terpenting yang di kenalpasti bagi program penyusunan semula dan pemodenan yang sedang berjalan ialah sektor kecil tekstil, yang berasaskan kayu, kejenteraan dan kejuruteraan, batang keluli, pembaikan dan pembinaan kapal, pemasangan automotif dan pemprosesan minyak kelapa sawit. Strategi untuk mengekal pembangunan sektor kecil tersebut termasuk penyesuaian semula dasar tertentu yang memberi tumpuan kepada rombakan di peringkat institusi dan syarikat. Untuk tujuan ini, sektor kecil tekstil, kayu, kejenteraan dan kejuruteraan telah dikaji semula dan penyusunan semula sektor kecil tersebut akan dilaksanakan dalam tempoh RM6. Tabung Penyusunan Semula Perindustrian dengan peruntukan awal sebanyak \$500 juta yang telah dilancarkan baru-baru ini akan digunakan untuk tujuan ini.

4.34 Sebagai sebahagian daripada usaha untuk memperkukuh dan memperbaiki kemampuan bersaing industri-industri di peringkat antarabangsa, penekanan yang lebih akan diberi kepada pengeluaran barangan yang canggih, berkualiti tinggi dan mempunyai nilai ditambah yang tinggi serta mampu bersaing dan sesuai dengan keperluan pasaran negara maju. Usaha akan ditumpukan bagi memastikan barangan eksport mampu bersaing di peringkat antarabangsa.

4.35 Selain daripada perkembangan dalam pelaburan modal dan keadaan pasaran antarabangsa yang amat menggalakkan, pertumbuhan keluaran sektor pembuatan pada masa yang lepas adalah sebahagian besarnya disebabkan oleh kos buruh yang berdaya saing. Walau bagaimanapun, dengan meningkatnya tekanan ke atas upah dan dengan timbulnya persaingan daripada negara membangun lain yang kadar upahnya adalah rendah, kelebihan ini adalah terjejas. Oleh itu, dalam tempoh RM6, peningkatan produktiviti akan diberi penekanan supaya kelebihan bersaing sektor perindustrian dapat dikekalkan. Tumpuan juga akan diberikan kepada penyediaan tenaga buruh yang lebih produktif dan mempunyai kemahiran yang mencukupi. Sehubungan dengan ini, kadar upah perlu dikaitkan secara langsung dengan tingkat produktiviti dan pulangan pelaburan.

Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana

4.36 Pembangunan IKS melalui peranannya sebagai industri sokongan dan pelengkap akan memberi sumbangan yang lebih ke arah mewujudkan satu sektor perindustrian yang lebih dinamik dan berdaya saing. Pembangunan dan pemodenannya juga akan menjadi perintis kepada usaha untuk memperluas dan mendalamkan asas struktur sektor pembuatan. Di samping itu, penubuhan satu rangkaian firma sokongan yang moden secara meluas akan membolehkan IKS memainkan peranan yang penting dalam menyediakan bahan-bahan serta membangunkan rantaian teknologi untuk menjamin kejayaan pembangunan perusahaan yang lebih besar.

4.37 Pada amnya, IKS dimiliki oleh pelabur-pelabur dalam negeri. Walaupun IKS merupakan 80 peratus daripada jumlah pertumbuhan perkilangan, pelaburannya adalah kurang daripada separuh jumlah pelaburan dalam sektor pembuatan dan menyumbang satu pertiga daripada nilai ditambah sektor tersebut. Saiznya yang kecil, modal yang tidak mencukupi serta kekurangan keupayaan dari segi pengurusan, pemasaran dan pengeluaran serta tahap penggunaan teknologi moden yang rendah telah menyebabkan kelemahan rantaian antara industri, kualiti barangan keluaran yang rendah dan kelewatan dalam penghantaran. Keadaan ini telah memaksa syarikat-syarikat yang besar menambah keupayaan pengeluaran sendiri tanpa bergantung kepada kontrak kecil atau terus mendapatkan bekalan dari luar negeri. Sehubungan dengan ini, RM6 akan memberi penekanan yang lebih kepada usaha mempertingkatkan keupayaan IKS untuk membekalkan bahan pengeluaran yang diperlukan oleh perusahaan yang besar dan untuk menembusi pasaran eksport. Ini akan mengurangkan kegiatan sektor pembuatan yang semata-mata bercorak operasi pemasangan dan sebaliknya akan meningkatkan aktiviti-aktiviti hulu dan hiliran yang lebih bersepadu yang memberi sumbangan yang besar kepada nilai ditambah dalam negeri. Dalam hubungan ini, Kerajaan telah mula membangunkan tapak perindustrian khas untuk menempatkan semula IKS khususnya industri foundri dan kejuruteraan serta industri berasaskan kayu. Ini akan memberi sumbangan dari segi memperluaskan dan memperdalamkan asas perindustrian.

4.38 Untuk membangunkan IKS secara menyeluruh dan bersepadu, Bahagian Industri Kecil di MITI akan diperkukuhkan bagi membolehkannya memainkan peranan yang lebih di dalam menyelaraskan dan menyusun semula serta menggalakkan IKS. Satu kajian mengenai IKS akan dibuat dengan tujuan membantu membentuk satu program pembangunan IKS yang menyeluruh, terutama sekali dalam bidang pembangunan teknologi dan kemahiran bagi beberapa sektor kecil terpilih yang diutamakan. Di samping itu, dengan penyelarasan dan penyusunan semula program dan aktiviti, sumber-sumber dan kepakaran sektor awam dan swasta akan digunakan secara lebih berkesan untuk pembangunan IKS.

4.39 Industri kecil terlibat dalam berbagai bidang aktiviti ekonomi yang luas seperti pengeluaran bahan makanan, perabot, kraftangan, barangan buatan logam, barangan berasaskan kayu, tekstil dan pakaian. Industri sederhana pula lebih tertumpu kepada pemprosesan minuman dan tembakau, barangan elektrik dan elektronik, barangan kimia, barangan galian bukan logam serta peralatan dan komponen automotif. Bagi mempertingkatkan sumbangannya kepada nilai ditambah, program-program akan dijalankan untuk memperbaiki kecekapan pelaburan dan produktiviti IKS. Kedua-dua sektor awam dan swasta akan saling bantu membantu dalam menggalakkan pembangunan IKS. Bagi sektor awam, konsep payung yang digunakan dalam skim perolehan Kerajaan bukan sahaja memberi peluang perniagaan kepada syarikat kecil Bumiputera tetapi juga kepada syarikat kecil bukan Bumiputera. Skim ini hanya akan memberi faedah jika syarikat bukan Bumiputera, terutamanya dalam sektor pembuatan dan pembinaan, mendapatkan bekalan dan perkhidmatan sokongan yang diperlukan dari syarikat Bumiputera. Dengan ini, kedua-dua sektor awam dan swasta secara serentak akan menggalakkan pembangunan IKS yang akan memberi manfaat kepada Bumiputera dan bukan Bumiputera. Program-program lain untuk pembangunan IKS termasuklah pembangunan rangkaian pemasaran antarabangsa dan kepakaran, peningkatan pengetahuan pengurusan dan keusahawanan serta pembangunan teknologi tempatan. Selain daripada itu, usaha juga akan diteruskan untuk menambah infrastruktur yang diperlukan, mewujudkan suasana yang sesuai bagi memastikan pembangunan IKS yang cekap dan berdaya saing dalam menghadapi cabaran pasaran serta memastikan supaya bekalan tenaga kerja mahir yang boleh dilatih adalah mencukupi bagi menyokong pertumbuhan industri-industri tersebut.

4.40 Program untuk pembangunan IKS akan ditumpukan khususnya ke atas industri sokongan yang mengeluarkan barangan ganti dan komponen; acuan dan pengacuan; pengujian dan pembuatan alat; tuangan, penempaan dan komponen asas lain yang bermutu tinggi. Usaha-usaha akan dimulakan untuk mewujudkan pertalian di antara IKS dengan perusahaan besar melalui kontrak kecil khususnya untuk sektor kecil alat ganti dan komponen dan penyediaan perkhidmatan pemesinan. Selanjutnya, IKS akan dibangunkan bagi memberi sokongan tambahan kepada aktiviti hiliran sektor kecil elektronik. Bagi sektor kecil acuan dan pengacuan, peranan sokongan IKS akan diberi penekanan, khususnya untuk industri-industri plastik dan pemprosesan getah,

mesin kerja kayu, pam perindustrian, dan industri-industri memproses bahan seperti saduran logam dan pewarnaan tekstil. Pembangunan industri-industri yang berdaya maju dan dapat bersaing di peringkat antarabangsa seperti industri acuan dan pengacuan, alat ganti dan komponen tempatan dan industri peralatan adalah perlu bukan sahaja untuk meningkatkan peratus kandungan tempatan dalam pengeluaran perindustrian, tetapi juga bagi membolehkan sektor pemasangan yang sedia ada terus berkembang menjadi satu aktiviti pembuatan yang bersepadu yang mampu bersaing di peringkat antarabangsa.

4.41 Bagi menyediakan tapak dan kemudahan infrastruktur untuk IKS, satu kompleks perabot telah dibangunkan di Olak Lempit, Selangor sementara projek-projek lain yang serupa sedang dirancang di Perak, Negeri Sembilan, Sabah dan Sarawak. Di samping itu, kompleks foundri dan kejuruteraan akan dibangunkan di tempat-tempat yang sesuai bagi menempatkan semula IKS yang buat masa ini terletak di pusat-pusat bandar yang sesak. Kompleks-kompleks ini akan menyediakan kemudahan dan perkhidmatan gunasama untuk menggalakkan aktiviti P&P, mempertingkatkan produktiviti dan daya saingan. Kerajaan negeri Perak dan Selangor telah mengambil langkah-langkah bagi menyediakan tapak untuk menempatkan semula industri-industri foundri dan kejuruteraan masing-masing di kawasan perindustrian Pengkalan dan Rasa. Perusahaan-perusahaan tertentu juga telah menubuhkan kompleks kejuruteraan yang serupa bagi memenuhi keperluan masing-masing. Usaha-usaha yang sedemikian akan mempertingkatkan kandungan tempatan barangan perkilangan dan mewujudkan rantai yang diperlukan untuk perkembangan perindustrian.

Industri Berat

4.42 Pembangunan industri berat akan terus memainkan peranan yang penting dalam usaha memperkukuhkan asas bagi pertumbuhan perindustrian. Dalam hal ini, Kerajaan akan mengambil langkah-langkah bagi memastikan pembangunannya adalah teratur dan dapat dikekalkan. Sehubungan dengan ini, pembangunan industri berat akan lebih bergantung kepada sektor swasta dan kuasa pasaran. Pada asasnya, peranan Kerajaan adalah memberi galakan dan sokongan dan tidak akan terlibat dalam persaingan yang tidak sihat dengan sektor swasta. Walau bagaimanapun, Kerajaan akan terus campur tangan dalam bidang pelaburan yang memerlukan modal yang besar, tempoh pulangan pelaburan yang panjang dan juga dalam bidang yang mana sektor swasta kurang berminat untuk menceburi. Pelaburan sedemikian oleh perusahaan awam adalah bertujuan untuk mewujudkan aktiviti sampingan dan rantai untuk pembangunan perindustrian khususnya bagi IKS di peringkat hiliran. Oleh itu, perusahaan awam akan terus memainkan peranan penting dalam industri-industri strategik dan berat yang terpilih, iaitu industri automotif, petrokimia, besi dan keluli serta simen. Pada masa yang sama, penswastaan perusahaan awam yang besar akan diteruskan, sekiranya berdaya maju.

Pembangunan Sumber Manusia

4.43 Dalam tempoh RM6, peluang pekerjaan dalam sektor pembuatan akan berkembang pada kadar 5.7 peratus setahun untuk mencapai paras 1.7 juta menjelang tahun 1995. Sektor ini dijangka akan mewujudkan kira-kira 408,900 pekerjaan atau satu pertiga daripada jumlah keseluruhan peluang pekerjaan baru dalam ekonomi. Dengan penggunaan teknologi yang semakin maju, keperluan gunatenaga dalam sektor-sektor kecil pembuatan yang terpilih adalah dianggar memerlukan kira-kira 4,200 jurutera dan 10,600 juruteknik. Sektor sektor kecil yang terpilih ini mewakili kira-kira separuh dari keperluan gunatenaga sektor pembuatan. Ini mencerminkan keperluan yang tinggi ke atas penawaran jurutera dan juruteknik dan sebagai contoh, dari jumlah keperluan yang dianggarkan kepada sektor-sektor kecil terpilih ini, kira-kira 2,500 jurutera dan 9,200 juruteknik akan diperlukan hanya dalam bidang mekanikal, elektrik dan elektronik. Di samping itu, tenaga mahir yang khusus juga akan diperlukan oleh berbagai industri yang menggunakan jentera-jentera perindustrian elektro-mekanikal.

4.44 Memandangkan industri-industri tempatan berusaha meningkatkan tahap teknologi dan memodenkan operasi bagi mengekalkan daya bersaing mereka, maka permintaan terhadap tenaga manusia terlatih yang boleh menggunakan teknologi pembuatan berasaskan maklumat serta teknik pengurusan dan organisasi semasa yang digunapakai oleh industri di seluruh dunia, akan semakin bertambah. Selaras dengan perkembangan ini, perhatian yang lebih akan diberi kepada latihan bagi kakitangan teknikal dan penyeliaan, khususnya juruteknik serta pekerja-pekerja mahir di peringkat pengeluaran, supaya masalah kekurangan tenaga manusia yang mahir tidak akan menjadi penghalang utama kepada pertumbuhan dan pemodenan industri.

4.45 Dengan bertambahnya permintaan terhadap kemahiran ekoran daripada pertumbuhan perindustrian yang pesat, adalah penting sistem melatih tenaga mahir yang sedia ada diperbaiki untuk membolehkannya membuat penyesuaian yang lebih berkesan selaras dengan keperluan permintaan tersebut. Penglibatan sektor swasta secara aktif di bidang latihan dan peningkatan kemahiran akan digalakkan dengan bersungguh-sungguh dari segi penyediaan dan perancangan kursus-kursus yang ditawarkan oleh institusi latihan awam dan universiti. Institusi-institusi pendidikan dan latihan akan dikehendaki mengambil langkah-langkah untuk memperbaiki rangka kursus, kurikulum dan pengurusannya supaya ianya lebih responsif kepada keperluan pasaran. Institusi-institusi ini, jika perlu, akan menyediakan kursus-kursus mengikut kehendak sektor swasta. Sistem persijilan kemahiran akan dikaji semula dan diperluaskan bagi meliputi kemahiran di peringkat lebih tinggi serta kemahiran baru dan yang sedang muncul.

4.46 Bagi menggalakkan sektor swasta melatih pekerja-pekerja mereka untuk memenuhi keperluan kemahiran yang semakin meningkat di sektor pembuatan,

insentif potongan cukai dua kali ke atas latihan yang diluluskan, yang diperkenalkan pada tahun 1987, telah dikaji semula. Skop kelayakannya telah diperluaskan untuk meliputi latihan yang berkaitan dengan peningkatan produktiviti dan kawalan mutu serta latihan kraftangan, penyeliaan dan kemahiran teknikal oleh firma-firma perkilangan baru. Kajian semula tersebut juga memperluaskan kelayakan kepada semua firma-firma perkilangan yang menghantar pekerja untuk dilatih di institusi latihan yang diluluskan. Pusat Pembangunan Kemahiran Pulau Pinang dan Institut Kemahiran MARA merupakan tambahan terbaru kepada senarai institusi-institusi latihan yang diluluskan.

4.47 Kerajaan juga sedang memberi pertimbangan untuk memperkenalkan skim levi-geran bagi menggalakkan penglibatan sektor swasta yang lebih giat di dalam latihan seperti yang diperakukan oleh Jawatankuasa Kabinet mengenai Latihan. Satu Tabung Pembangunan Sumber Manusia yang bertujuan untuk meningkatkan daya usaha sektor swasta di bidang latihan sedang digubal. Skim ini dijangka akan memberi geran insentif kepada perusahaan-perusahaan yang menjalankan latihan bagi tenaga pekerja dalam bidang kemahiran asas, kemahiran khusus mengikut perusahaan dan kemahiran baru serta latihan semula bagi mendapat kemahiran yang lebih tinggi. Tumpuan yang lebih akan diberi kepada latihan dan pembangunan kemahiran dalam bidang yang mengalami kekurangan tenaga pekerja dan juga yang akan mempertingkatkan produktiviti dan daya saing industri. Pada peringkat permulaan, skim ini akan meliputi sektor pembuatan dan pelancongan sahaja. Bagi memastikan supaya skim ini didorong oleh sektor swasta, satu lembaga berkanun yang mengandungi lebih ramai wakil daripada pihak swasta akan ditubuhkan bagi mengurus dan mengendalikan tabung ini. Skim ini akan mempercepatkan pembangunan budaya latihan di sektor swasta supaya masalah pemancingan kakitangan dan kekurangan kemahiran dapat dikurangkan ke tahap yang minimum.

Pembangunan Spatial

4.48 Taburan penempatan industri baru dan penempatan semula industri sedia ada akan terus ditentukan oleh kuasa pasaran. Dalam konteks ini, RM6 akan memberi penekanan ke atas penempatan semula industri ke negeri-negeri yang kurang maju melalui penyediaan kemudahan pengangkutan dan infrastruktur sokongan lain yang lebih banyak. Di samping peningkatan kemudahan infrastruktur, langkah-langkah akan juga diambil bagi mengurangkan kos pengendalian perniagaan di negeri-negeri yang kurang maju dengan menggalakkan mobiliti buruh yang lebih dan penyediaan kemudahan sosial yang lebih baik. Pembangunan spatial untuk industri-industri pembuatan akan mengambilkira pembangunan kawasan-kawasan perindustrian di wilayah-wilayah yang kurang maju dan pembangunan zon perindustrian yang khas untuk industri-industri yang berteknologi tinggi khususnya untuk sektor kecil elektronik dan seramik. Walau bagaimanapun, di negeri-negeri dan kawasan-kawasan perindustrian yang maju, Kerajaan akan menggalakkan sektor swasta

membangunkan kawasan perindustrian. Di kawasan-kawasan yang maju ini, Kerajaan akan hanya menyediakan kemudahan infrastruktur asas bagi menggalakkan daya usaha sektor swasta.

Pembangunan Industri Luar Bandar

4.49 Pembangunan industri luar bandar akan terus menjadi alat penting untuk meningkatkan taraf hidup penduduk luar bandar. Pembangunan industri tersebut akan juga menyediakan peluang kepada usahawan Bumiputera di luar bandar untuk berkecimpung dalam sektor pembuatan moden. Dalam tempoh RM6, penyusunan institusi dan penyediaan galakan yang bersesuaian akan dibuat bagi mempercepatkan pelaksanaan yang mempunyai asas yang lebih luas dengan tumpuan khusus kepada pewujudan peluang pekerjaan yang lebih banyak dan peningkatan produktiviti.

4.50 Skop program perindustrian luar bandar juga akan diperluaskan bagi meliputi industri-industri lain selain daripada industri kampung serta kraftangan dan ianya tidak terhad di peringkat kampung sahaja. Program-program ini akan meliputi industri besar dan kecil yang terlibat dalam industri pemprosesan dan perkhidmatan perniagaan dan perdagangan. Bagi mencapai tujuan tersebut, beberapa Pusat Pertumbuhan Desa telah dikenalpasti dan projek perintis yang terpilih akan dilaksanakan.

4.51 Di samping itu, program-program lain yang sedang dirancang bagi membantu pembangunan industri luar bandar ialah program pembangunan usahawan, pemasaran, infrastruktur dan kewangan. Program-program ini adalah bertujuan untuk menyusun semula industri luar bandar bagi memudahkan mereka memperoleh sumber kewangan dan kemudahan kredit. Usaha-usaha juga akan dijalankan bagi memperbaiki pemasaran, pembekalan bahan-bahan mentah, serta meningkatkan produktiviti, teknologi, rekabentuk keluaran dan keupayaan pengurusan industri-industri luar bandar tersebut.

Penyertaan Bumiputera

4.52 Kerajaan akan meneruskan usahanya bagi mewujudkan satu Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) yang kukuh dan berdaya maju. Bagi membolehkan budaya keusahawanan dipupuk, penyertaan ekuiti yang lebih besar oleh Bumiputera individu akan lebih digalakkan berbanding dengan penyertaan agensi-agensi amanah Bumiputera. Untuk membolehkan pemindahan kemahiran keusahawanan kepada Bumiputera, usahasama akan digalakkan di antara pelabur-pelabur bukan Bumiputera atau asing dengan Bumiputera perseorangan atau agensi-agensi amanah. Selain daripada itu, program-program pembangunan Bumiputera perseorangan dalam perniagaan akan diteruskan. Usaha-usaha juga akan dijalankan bagi memudahkan lagi mereka memperoleh teknologi dan kewangan.

Satu program pembangunan yang lebih bersepadu menerusi anak-anak syarikat akan dilaksanakan untuk mendedahkan usahawan Bumiputera kepada pengurusan perniagaan yang praktikal dan teknologi yang sesuai.

4.53 Usaha-usaha untuk mengagihkan industri ke pusat-pusat pertumbuhan desa yang baru dan ke kawasan yang secara relatifnya kurang maju di luar bandar akan mewujudkan kesan positif kepada penduduk luar bandar yang sebahagian besarnya terdiri daripada Bumiputera dan seterusnya meningkatkan lagi penglibatan mereka dalam sektor pembuatan. Pembangunan industri luar bandar dijangka akan tertumpu kepada industri berasaskan sumber termasuk industri-industri kraftangan, kejuruteraan ringan, seramik, tekstil, bar-angan kulit, barangan berasaskan kayu dan makanan. Peluang-peluang lain untuk pengusaha-pengusaha industri di luar bandar termasuklah mendapatkan kontrak kecil untuk industri-industri bukan berasaskan sumber seperti sektor kecil elektrik dan elektronik dan industri-industri berkaitan dengan pelancongan.

4.54 Perusahaan-perusahaan awam dan agensi-agensi amanah akan memainkan peranan utama dalam memupuk MPPB dan meningkatkan ekuiti korporat Bumiputera. Mereka akan menjadi penggerak bagi menggalakkan penglibatan Bumiputera di dalam sektor perindustrian dan perniagaan. Perusahaan awam dijangka akan meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam semua sektor termasuk sektor pembuatan melalui konsep payung yang dibentuk dengan tujuan menyediakan rantaian perniagaan melalui pembekalan dan pemasaran keluaran yang di satukan di bawah satu syarikat besar. Beberapa syarikat besar Bumiputera buat masa ini sedang memainkan peranan tersebut. Sehubungan dengan itu, satu sistem penilaian prestasi akan dibentuk bagi mengukur pencapaian perusahaan awam dari segi sumbangannya dalam pembentukan MPPB. Bentuk sokongan kewangan dan penglibatan agensi-agensi amanah akan juga diawasi bagi mengelak berlakunya asakan keluar kepada pelabur-pelabur Bumiputera yang lain kerana tidak mampu bersaing dengan agensi-agensi amanah.

4.55 Penyusunan semula perusahaan awam sedang dijalankan dengan tujuan mempertingkatkan pencapaiannya. Pengurusan perusahaan awam akan terus disusun semula bagi meningkatkan kecekapan dan keuntungan. Penyesuaian yang sewajarnya akan dibuat bagi memudahkan prosedur pentadbiran untuk memastikan perusahaan-perusahaan awam bertanggungjawab terus ke atas keputusan dan tindakannya. Penswastan perusahaan awam yang bersesuaian sedang dijalankan dan akan terus digunakan sebagai alat untuk mewujudkan peluang-peluang yang lebih bagi penyertaan Bumiputera dalam pembangunan industri.

4.56 Peranan perusahaan awam dalam pembangunan wilayah adalah penting memandangkan sektor swasta kurang berminat melabur di kawasan luar bandar dan di wilayah kurang maju. Perusahaan-perusahaan awam yang telah ditubuh secara

khusus bagi menggalakkan pembangunan wilayah yang lebih seimbang termasuklah semua Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN) dan Lembaga Kemajuan Wilayah. Program pembangunan |agensi-agensi ini dalam RM6 akan memberi tumpuan dan penekanan yang lebih kepada pembentukan MPPB yang lebih berdaya maju dan cekap.

Kemudahan Sokongan Untuk Sektor Pembuatan

4.57 Dalam usaha menggalakkan lagi perkembangan sektor pembuatan serta memastikan pembangunan spatial yang lebih seimbang, kemudahan-kemudahan sokongan dan infrastruktur akan diperbaiki. Ini termasuk pembangunan kawasan perindustrian, memperbaiki bekalan tenaga dan air serta kemudahan pengangkutan dan perhubungan, dan penyediaan kemudahan sosial dan masyarakat yang diperlukan untuk pekerja-pekerja berhampiran kawasan perindustrian. Di samping itu, bagi membantu pembangunan industri-industri sokongan, usaha-usaha akan diambil bagi mewujudkan kawasan perindustrian yang khusus dengan dilengkapi kemudahan P&P dan pengujian, latihan, pelupusan bahan buangan beracun dan perkhidmatan-perkhidmatan lain. Dalam tempoh RM6, program-program untuk membangunkan kawasan-kawasan perindustrian yang khusus untuk industri-industri berteknologi tinggi, plastik, foundri, kejuruteraan dan yang berasaskan kayu serta program untuk membangunkan teknologi yang berkaitan dengan komputer akan dilancarkan.

4.58 Kemudahan-kemudahan pengangkutan akan juga ditambah untuk memenuhi keperluan industri. Keupayaan kemudahan pengangkutan termasuk keretapi, pelabuhan dan lapangan terbang akan dipertingkatkan lagi bagi mengelakkan kesesakan serta mengurangkan kos pengangkutan. Langkah ini adalah penting bagi mengekalkan daya saing Malaysia dan faedah berbandingnya di rantau ini.

4.59 Pembangunan sektor perkhidmatan yang menyokong pembangunan sektor pembuatan akan terus dipergiatkan melalui liberalisasi dan usaha-usaha melonggar dan mengurangkan peraturan-peraturan yang berkaitan. Peraturan-peraturan yang mengawal perniagaan pengedaran akan dilonggarkan ke tahap minimum dan kos pengendaliannya akan dikurangkan. Perkhidmatan-perkhidmatan perindustrian lain yang merupakan industri-industri sokongan kepada sektor pembuatan seperti pembungkusan, rekabentuk dan kawalan mutu akan dimajukan dengan sokongan sektor swasta.

4.60 Perhatian yang lebih akan diberikan kepada perkara-perkara mengenai alam sekitar yang berkaitan dengan pertumbuhan sektor pembuatan. Langkah-langkah akan diperkenalkan bagi menggalakkan industri-industri sedia ada serta yang baru memasang peralatan dan kemudahan mengawal pencemaran dengan tujuan mengurangkan pengeluaran bahan-bahan buangan beracun dan berbahaya melalui pemasangan kemudahan-kemudahan penyimpanan bahan buangan di dalam atau di

luar kawasan kilang. Industri-industri haruslah memastikan bahawa tanah yang mencukupi diperolehi di dalam atau berdekatan dengan kawasan kilang bagi tujuan mengawal pencemaran dan mengolah pembersihan bahan buangan. Galakan untuk usaha ini termasuklah pengurangan premium tanah yang digunakan untuk tujuan tersebut. Selain daripada penguatkuasaan undang-undang dan peraturan-peraturan alam sekitar secara tegas, satu sistem denda akan diperkenalkan khususnya kepada industri-industri yang boleh mendatangkan pencemaran yang terletak berhampiran dengan kawasan-kawasan perumahan.

Menggalakkan Konsep Persyarikatan Malaysia

4.61 Dalam pembangunan perindustrian, peranan sektor awam dan sektor swasta adalah saling melengkapi. Usaha-usaha bagi menggalakkan Konsep Persyarikatan Malaysia yang lebih berkesan akan meliputi peranan sektor swasta yang lebih khusus dan diselaraskan dengan peranan sektor awam. Di samping mekanisme dialog dan mesyuarat pasukan petugas yang sedia ada di antara sektor awam dan swasta, langkah-langkah konkrit yang lain termasuklah penubuhan panel perundingan mengenai perdagangan dan perindustrian di bawah MITI. Di samping itu, usaha yang lebih terselaraskan akan di ambil terhadap galakan eksport, latihan, usaha-usaha P&P secara bersama dan peningkatan teknologi. Peranan dan sumbangan sektor swasta akan dipertingkatkan lagi dalam menerajui usaha bagi melaksanakan program pembangunan perindustrian

IV. PERUNTUKAN

4.62 Peruntukan pembangunan Kerajaan Persekutuan untuk pembangunan perindustrian dalam tempoh RM6 adalah sebanyak \$3,187 juta seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4-9. Peruntukan ini adalah sejajar dengan penekanan dan strategi Kerajaan untuk pembangunan perindustrian dalam tempoh Rancangan ini. Peruntukan tersebut bertujuan untuk menyediakan sokongan infrastruktur fizikal, sosial dan saintifik yang diperlukan bagi meningkatkan penglibatan sektor swasta dalam pembangunan perindustrian.

4.63 Peruntukan untuk pembangunan kawasan perindustrian adalah bertujuan untuk penyediaan infrastruktur dan pembangunan kawasan perindustrian yang khusus terutamanya bagi IKS dan industri-industri yang berteknologi tinggi. Kerajaan akan juga terus menyokong pembangunan kawasan perindustrian di negeri-negeri yang kurang maju melalui pinjaman kepada PKEN-PKEN, pemberian geran untuk infrastruktur dan kemudahan-kemudahan lain bagi pembangunan kawasan perindustrian baru. Kawasan perindustrian baru seluas 11,102 hektar dijangka akan dimajukan dalam tempoh RM6. Bagi industri-industri luar bandar, peruntukan yang disediakan adalah bagi program-program pembangunan industri di luar bandar yang meliputi latihan, pembangunan pusat latihan kraftangan, penyediaan infrastruktur,

promosi keluaran serta geran dan bantuan pembelian mesin bagi industri kampung. Mengenai latihan dan khidmat juruperunding, peruntukan akan digunakan untuk menggalak pembangunan keusahawanan dan meningkat kemahiran tenaga kerja khususnya di peringkat vokasional dan teknikal. Peningkatan kemahiran tenaga kerja akan dilaksanakan dengan kerjasama sektor swasta melalui penubuhan Pusat Pembangunan Kemahiran di negeri-negeri yang terpilih.

4.64 Peruntukan bagi pelaburan dalam industri berat adalah untuk projek-projek yang berkaitan dengan pelaburan baru dan untuk peningkatan keupayaan pengeluaran kilang yang sedia ada terutamanya dalam industri besi keluli yang mana pelaburan dari pihak swasta kurang menggalakkan. Projek-projek ini termasuk projek di bawah HICOM dan syarikat-syarikat di bawah Menteri Kewangan Diperbadankan. Pelaburan ini akan dibuat oleh Kerajaan dengan tujuan untuk dijual semula di masa hadapan. Berhubung dengan MPPB, peruntukan adalah untuk projek yang akan menggalakkan penyertaan Bumiputera dalam aktiviti perdagangan dan perindustrian, terutamanya dari segi pembangunan keusahawanan, pengurusan dan kemahiran serta penyediaan sokongan dan perkhidmatan kewangan dan teknikal. Peruntukan khas juga telah dibuat untuk pelaksanaan PTPTP supaya dapat memberi sokongan yang diperlukan bagi pembangunan teknologi. Ini akan menyediakan asas yang perlu bagi mencapai status negara maju menjelang tahun 2020.

V. PENUTUP

4.65 Pembangunan perindustrian dalam tempoh RM6 akan terus diterajui oleh sektor pembuatan. Sektor ini akan terus menjadi penyumbang terbesar kepada pertumbuhan nilai ditambah dan pendapatan eksport dan merupakan sumber utama kepada pewujudan peluang pekerjaan. Teras utama pembangunan perindustrian adalah bagi memperluas, memperdalam dan mempermodenkan struktur perindustrian melalui pembangunan industri-industri yang berorientasikan eksport, mempunyai nilai ditambah dan teknologi yang tinggi serta pemba-ngunan IKS. Teras ini juga akan disokong oleh program pembangunan sumber manusia yang kukuh. Sektor swasta akan memainkan peranan yang penting untuk memperluaskan asas sektor pembuatan dan mempertingkatkan keupayaan teknologi. Kerajaan akan memberi sokongan dari segi memperbaiki kemudahan infrastruktur dan memastikan suasana yang sesuai untuk pelaburan dan pembangunan perindustrian.

BAB 5 : PENDIDIKAN DAN LATIHAN

I. PENDAHULUAN

5.01 Pembangunan sumber tenaga manusia merupakan teras utama dalam Rancangan Malaysia Keenam (RM6) kerana pencapaian matlamat sosio-ekonomi bergantung kepada terdapatnya tenaga kerja yang berpendidikan, mahir dan boleh dilatih. Untuk tujuan ini, program pendidikan dan latihan akan terus dimaju dan ditingkatkan, bukan sahaja untuk melengkapkan individu dengan pengetahuan dan kemahiran yang sesuai, tetapi juga untuk melahirkan warganegara yang bertanggungjawab serta mempunyai moral dan nilai-nilai etika yang kukuh. Di samping itu, program berkenaan akan membantu membentuk tenaga kerja yang mempunyai kebolehan teknik yang akan meningkatkan daya saing ekonomi Malaysia.

5.02 Keutamaan yang lebih diberikan kepada pendidikan dan latihan kerana ia memberi sumbangan yang penting kepada matlamat Dasar Pembangunan Nasional (DPN), terutamanya kepada pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat. Penyediaan lebih banyak peluang pendidikan dan latihan kepada golongan yang berpendapatan rendah akan meningkatkan pendapatan dan peluang mereka untuk mendapat pekerjaan serta selanjutnya menyumbang kepada peningkatan agihan pendapatan. Tumpuan dalam RM6 ini ialah untuk meningkatkan mutu pendidikan dan latihan serta menghasilkan satu sistem penyampaian yang lebih berkesan bagi membolehkan golongan berpendapatan rendah dan mereka di kawasan-kawasan mundur mendapat lebih banyak peluang pendidikan dan latihan.

II. KEMAJUAN, 1986-90

Program Pendidikan

5.03 Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima (RM5), penekanan telah diberi kepada program dan projek untuk menampung permintaan pendidikan yang semakin meningkat. Pelbagai kemudahan telah dipertingkat bagi membolehkan pertambahan pengambilan di semua peringkat pendidikan. Pertambahan kemudahan ini adalah selaras dengan matlamat untuk menambah peluang pendidikan, terutama untuk mereka yang berpendapatan rendah dan di kawasan-kawasan mundur.

5.04 Berbagai langkah telah juga diambil untuk memperbaiki mutu pendidikan dan sistem penyampaian. Di antaranya ialah pelaksanaan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) pada tahun 1983 yang menjurus kepada Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) pada tahun 1989. Matlamat utama kurikulum baru ini ialah untuk

melahirkan individu yang seimbang dari segi ilmu pengetahuan dan kemahiran yang sesuai dan mempunyai moral serta nilai etika yang kukuh.

5.05 Tempoh RM5 telah juga menunjukkan pengukuhan pendidikan vokasional melalui penyusunan semula kurikulum sekolah vokasional pada tahun 1987. Tujuan utama penyusunan semula ini adalah untuk menjadikan pendidikan vokasional lebih menarik kepada pelajar dan untuk melahirkan graduan yang lebih bermutu. Untuk menggabungkan usaha-usaha perubahan yang telah diambil ke arah mengukuhkan sistem pendidikan ini, kajian semula Akta Pendidikan, 1961 telah dimulakan pada tahun 1989.

Pendidikan Pra-sekolah

5.06 Pendidikan pra-sekolah yang bertujuan untuk menyediakan kanak-kanak bagi memulakan persekolahan rendah telah disediakan oleh kedua-dua sektor awam dan swasta. Peranan Kementerian Pendidikan adalah terhad kepada penyediaan kurikulum dan pendaftaran pusat pra-sekolah. Daripada sejumlah 6,960 pusat pra-sekolah pada tahun 1990, kira-kira 5,360 atau 77 peratus telah dijalankan oleh agensi Kerajaan dan badan berkanun. Pusat-pusat ini bertanggungjawab ke atas kira-kira 57 peratus daripada jumlah enrolmen. Bilangan kanak-kanak yang berumur di antara empat dengan lima tahun yang mendaftar di pusat pra-sekolah bertambah sebanyak 10 peratus daripada 300,850 pada tahun 1985 kepada 331,520 pada tahun 1990. Perkembangan ini menunjukkan peningkatan kepentingan pendidikan pra-sekolah.

Pendidikan Rendah

5.07 Di peringkat rendah, jumlah enrolmen di sekolah-sekolah Kerajaan dan bantuan Kerajaan meningkat sebanyak 11.7 peratus daripada kira-kira 2.19 juta pada tahun 1985 kepada kira-kira 2.45 juta pada tahun 1990. Dalam tempoh tersebut, penyertaan di peringkat ini telah mencapai 99 peratus daripada kumpulan umur yang sepatutnya bersekolah. Ini menunjukkan bahawa pendidikan sejagat adalah dinikmati oleh semua. Kadar penerusan belajar di sekolah-sekolah Kerajaan dan bantuan Kerajaan, iaitu peratus pelajar daripada kumpulan umur sebaya yang berjaya menamatkan enam tahun persekolahan rendah, ialah kira-kira 96 peratus. Ini memberi petanda baik kepada pembangunan sumber manusia di negara ini kerana ia menunjukkan bahawa sebahagian besar daripada kanak-kanak yang bersekolah telah mendapat peluang untuk menamatkan pendidikan rendah. Jadual 5-1 menunjukkan pertambahan enrolmen di pelbagai peringkat pendidikan.

5.08 Pertambahan enrolmen sekolah rendah telah mengakibatkan lebih banyak bilik darjah diperlukan dalam tempoh RM5. Ini menjadi bertambah rumit dengan pelaksanaan KBSR yang memerlukan saiz kelas yang lebih kecil, iaitu 35 pelajar dalam satu bilik darjah supaya ia menjadi benar-benar berkesan. Sejumlah kira-kira 10,020

bilik darjah atau 45 peratus daripada keperluan telah dibina dalam tempoh tersebut. Walau bagaimanapun, penghijrahan daripada kawasan luar bandar ke bandar telah menyebabkan pertambahan permintaan untuk bilik darjah di kawasan bandar. Dengan ini, kekurangan masih berlaku menyebabkan kesesakan di kawasan bandar di mana purata saiz kelasnya telah meningkat kepada 44 pelajar bagi satu kelas. Keseluruhan kekurangan bilik darjah telah juga menyebabkan kira-kira 11,230 atau 16 peratus daripada kelas sekolah rendah diadakan pada sebelah petang.

5.09 Teras KBSR ialah untuk memperolehi kemahiran asas membaca, menulis dan mengira. Kurikulum baru ini juga merangkumi berbagai matapelajaran seperti Alam dan Manusia dan Kemahiran Manipulatif kerana menyedari kepentingan untuk menyemai minat dalam matapelajaran sains dan teknik daripada peringkat awal.

5.10 Pusingan pertama pelaksanaan KBSR telah sempurna dengan pengendalian Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) untuk pelajar darjah enam pada tahun 1988. Sebagai langkah penilaian di peringkat kebangsaan, UPSR telah diperkukuhkan dengan siri ujian penilaian di sekolah bagi membolehkan guru mengenalpasti pelajar untuk kelas pemulihan sekiranya mereka tidak menunjukkan pencapaian yang baik. Walau bagaimanapun, langkah-langkah pemulihan yang berkesan telah terjejas disebabkan oleh saiz kelas yang besar dan kekurangan guru yang terlatih dalam pendidikan pemulihan. Kejayaan dan keberkesanan KBSR berbanding dengan kurikulum sekolah rendah sebelum ini adalah memuaskan tetapi keputusan UPSR pada tahun 1988 menunjukkan bahawa sejumlah besar pelajar, terutamanya mereka daripada sekolah luar bandar, memerlukan pengajaran pemulihan dalam beberapa matapelajaran seperti Bahasa Inggeris dan Matematik.

Pendidikan Menengah

5.11 Enrolmen di sekolah-sekolah Kerajaan dan bantuan Kerajaan di peringkat menengah rendah telah bertambah sebanyak 2.4 peratus daripada kira-kira 922,210 pelajar pada tahun 1985 kepada 943,920 pelajar pada tahun 1990. Di peringkat menengah atas, enrolmen telah bertambah sebanyak 10.6 peratus daripada kira-kira 333,060 pelajar kepada kira-kira 368,500 pelajar. Dalam tempoh RM5, kira-kira 12,960 bilik darjah telah dibina untuk menampung pertambahan enrolmen. Walau bagaimanapun, jumlah pembinaan bilik darjah ini adalah tidak mencukupi untuk memenuhi pertambahan permintaan, menyebabkan 32.8 peratus kelas di peringkat menengah diadakan pada sebelah petang. Setelah mengambilkira bilik-bilik darjah yang digunakan dua sidang, purata saiz kelas di peringkat kebangsaan telah menurun kepada 33.4 pelajar. Walau bagaimanapun, saiz kelas yang besar melebihi purata peringkat kebangsaan masih wujud di kawasan-kawasan bandar.

5.12 Dalam tempoh tersebut, kadar peralihan di antara peringkat rendah dan menengah rendah di sekolah-sekolah Kerajaan dan bantuan Kerajaan kekal pada kira-kira 84 peratus. Walau bagaimanapun, bukan semua pelajar yang tidak memasuki

sekolah menengah Kerajaan dan bantuan Kerajaan meninggalkan sistem persekolahan. Ada di antara mereka mendaftarkan diri di sekolah swasta, sementara sebahagian lagi menyertai sekolah menengah Agama Islam yang diuruskan oleh kerajaan negeri, orang perseorangan atau pertubuhan swasta.

5.13 Pembaharuan kurikulum yang bermula di peringkat rendah telah dilanjutkan ke peringkat menengah, bermula dengan tingkatan satu pada tahun 1989. Satu perubahan besar yang dimasukkan dalam KBSM ini ialah penumpuan yang lebih kepada matapelajaran berkaitan dengan perniagaan dan pra-vokasional. Di peringkat menengah rendah, satu matapelajaran baru yang dikenali sebagai 'Kemahiran Hidup', yang menggabungkan pengetahuan perniagaan telah diperkenalkan untuk mendedah pelajar kepada aspek-aspek teknologi, perdagangan dan keusahawanan. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa batasan yang dialami semasa dua tahun pertama KBSM dilaksanakan disebabkan oleh kekurangan bilik darjah dan kemudahan-kemudahan lain seperti bengkel dan kekurangan guru bagi memenuhi keperluan nisbah kelas guru sebanyak 1:1.5.

5.14 Berbagai langkah untuk meningkatkan prestasi keseluruhan dan menambah bilangan pelajar dalam aliran sains telah juga diteruskan. Ini termasuk menambah bilangan sekolah sains berasrama penuh dan melengkapkan makmal-makmal sains, terutamanya bagi sekolah luar bandar. Walau bagaimanapun, keputusan peperiksaan telah menunjukkan pencapaian sekolah luar bandar pada keseluruhannya adalah lebih rendah berbanding dengan sekolah di bandar, terutamanya dalam matapelajaran Bahasa Inggeris, Sains dan Matematik. Ini menunjukkan masih wujud jurang dalam mutu pendidikan di antara sekolah di bandar dan di luar bandar.

5.15 Kerajaan juga terus mengambil langkah untuk meningkatkan mutu pendidikan golongan miskin. Ini meliputi program asrama desa bagi menyediakan penginapan percuma kepada pelajar-pelajar golongan miskin. Dua buah sekolah menengah sains telah dikhususkan untuk pelajar daripada keluarga miskin yang menunjukkan potensi di bidang akademik. Program-program lain termasuk penyediaan pinjaman buku teks, pemberian makanan berkhasiat dan penyediaan rawatan pergigian melalui klinik pergigian bergerak. Lebih ramai guru yang berpengalaman dan mendapat latihan khas telah juga ditempatkan ke sekolah-sekolah di kawasan luar bandar.

Pendidikan Menengah Teknik dan Vokasional

5.16 Enrolmen di sekolah teknik adalah kira-kira 5,880 pelajar pada tahun 1990. Di sekolah menengah vokasional, enrolmen bertambah sebanyak 64.4 peratus daripada kira-kira 15,300 pelajar pada tahun 1985 kepada kira-kira 25,160 pelajar pada tahun 1990. Enrolmen di sekolah vokasional pada tahun 1990 menyumbang kira-kira 7 peratus daripada jumlah enrolmen menengah atas. Pertambahan enrolmen di sekolah vokasional telah dapat dilaksanakan dengan bertambahnya bilangan sekolah vokasional yang telah dibina dalam tempoh tersebut, iaitu daripada 45 buah sekolah

pada tahun 1986 kepada 57 buah pada tahun 1990, serta pembesaran sekolah-sekolah yang sedia ada. Bagi memperbaiki keberkesanan pendidikan vokasional, kurikulum di sekolah menengah vokasional telah disusun semula dengan penekanan kepada matapelajaran akademik sama seperti di sekolah menengah biasa. Pada tahun 1988, pelajar kumpulan pertama aliran akademik telah mengambil peperiksaan baru ini, iaitu Sijil Pelajaran Malaysia Vokasional (SPMV). SPMV telah diberi taraf dan diiktiraf sama seperti sijil akademik, iaitu Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bagi kelayakan asas bekerja di sektor awam. Sijil ini juga membolehkan pelajar untuk melanjutkan pendidikan mereka di peringkat tinggi.

5.17 Pembaharuan kurikulum vokasional dan peperiksaan telah menyebabkan pertambahan pengambilan pelajar yang memiliki Gred A dalam peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran (SRP), iaitu daripada kira-kira 57 peratus pada tahun 1985 kepada kira-kira 70 peratus pada tahun 1990. Perubahan yang nyata juga terdapat dari segi prestasi pelajar di peringkat SPMV. Contohnya, peratusan yang mendapat gred pertama daripada jumlah yang lulus telah meningkat sebanyak 61 peratus, iaitu daripada 9 peratus pada tahun 1988 kepada 14 peratus pada tahun 1990.

5.18 Selain daripada kursus dua tahun di peringkat SPMV, pelajar-pelajar yang kurang cenderung kepada aliran akademik boleh menyertai aliran kemahiran selepas tamat tingkatan empat. Di samping itu, sekolah-sekolah vokasional juga menawarkan kursus satu tahun dalam bidang kemahiran ketukangan seperti elektrik dan elektronik, pemasangan dan pemesinan, kimpalan serta mekanik motor. Pelajar-pelajar yang mengikuti kursus kemahiran ini adalah dikehendaki mengambil peperiksaan asas yang dikendalikan oleh Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK).

Pendidikan Tinggi

5.19 Dalam tempoh ini, terdapat pertambahan yang besar dalam enrolmen di peringkat pendidikan tinggi. Sebagaimana ditunjukkan dalam Jadual 5-2 dan Jadual 5-3, enrolmen telah bertambah, iaitu di peringkat sijil sebanyak 33 peratus, diploma 12 peratus dan ijazah 59 peratus. Pembesaran institusi-institusi sedia ada dan siapnya pembinaan institusi-institusi baru telah membolehkan pertambahan ini. Ini termasuk lima buah politeknik baru di Alor Setar, Batu Pahat, Kota Bharu, Kuching dan Port Dickson serta beberapa fasa kampus induk Universiti Teknologi Malaysia (UTM) di Skudai dan Universiti Utara Malaysia (UUM) di Sintok, kampus cawangan Universiti Pertanian Malaysia (UPM) di Bintulu, pusat pengajian perubatan Universiti Sains Malaysia (USM) di Kelantan dan pusat pengajian kejuruteraan di Perak.

5.20 Dalam tempoh ini juga, kira-kira 89,700 siswazah di peringkat ijazah dan diploma telah dikeluarkan oleh institusi-institusi tempatan. Nisbah peratusan siswazah yang menerima diploma berbanding dengan ijazah ialah 41:59. Sebagaimana ditunjukkan dalam Jadual 5-2 dan 5-3, nisbah peratusan siswazah sastera berbanding dengan

sains/teknik di peringkat ijazah kekal pada kira-kira 53:47 manakala di peringkat diploma, nisbah peratusan adalah kira-kira 50:50. Hampir 50 peratus siswazah sastera di peringkat ijazah dan diploma adalah daripada kursus sastera gunaan yang meliputi perakaunan, perniagaan dan undang-undang. Walau bagaimanapun, di peringkat sijil, nisbah peratusan sastera berbanding dengan ijazah sains dan teknik adalah 15:85.

5.21 Sebilangan besar pelajar Malaysia telah juga melanjutkan pendidikan di luar negeri. Pada tahun 1985, dianggarkan kira-kira 60,000 pelajar telah berdaftar di institusi-institusi pengajian tinggi di luar negeri. Daripada jumlah ini, kira-kira 43,200 pelajar telah mendaftar di peringkat ijazah, 2,600 pelajar di peringkat diploma, kira-kira 6,150 pelajar di peringkat sijil dan kira-kira 8,050 pelajar di peringkat sekolah rendah dan menengah. Pada tahun 1990, jumlah enrolmen telah menurun kepada kira-kira 52,000 pelajar. Pengurangan bilangan pelajar yang melanjutkan pengajian tinggi di luar negeri adalah disebabkan oleh yuran lebih tinggi dikenakan oleh institusi luar negeri dan pertambahan bilangan institusi swasta tempatan yang menawarkan program berkembar.

Pendidikan Guru

5.22 Bilangan maktab perguruan telah meningkat daripada 24 buah pada tahun 1985 kepada 28 buah pada tahun 1990 dengan pengambilan tahunan kira-kira 7,250 pelatih. Dalam tempoh RM5, 28 maktab perguruan ini telah mengeluarkan kira-kira 34,600 guru bagi peringkat rendah, kira-kira 7,700 guru lepasan maktab untuk peringkat menengah, dan kira-kira 2,900 guru siswazah di bawah Program Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI) untuk peringkat menengah atas.

5.23 Pada tahun 1990, program KPLI telah diadakan di 11 buah maktab perguruan. Program ini adalah bertujuan untuk menambah bilangan guru-guru berijazah daripada universiti tempatan selaras dengan dasar untuk menyediakan guru di sekolah menengah yang terdiri sepenuhnya daripada lepasan universiti. Dalam tempoh tersebut, kelima-lima buah universiti tempatan terus melatih sejumlah kira-kira 1,800 guru berijazah. Daripada jumlah ini, kira-kira 780 adalah dilatih dalam matapelajaran berkaitan dengan sains dan kira-kira 990 dalam bidang sastera dan kemanusiaan.

5.24 Pada tahun 1990, terdapat kira-kira 120,000 guru di sekolah-sekolah rendah Kerajaan dan bantuan Kerajaan. Daripada jumlah ini, 13,855 guru adalah terdiri daripada guru tidak terlatih. Pengambilan guru tidak terlatih adalah perlu kerana bilangan guru terlatih tidak dapat menyaingi pertambahan enrolmen dan pelaksanaan nisbah baru kelas guru 1:1.5. Di peringkat menengah, bilangan guru telah bertambah sebanyak 27.4 peratus daripada 56,900 guru pada tahun 1985 kepada kira-kira 72,500 guru pada tahun 1990. Kira-kira 38 peratus daripada jumlah guru pada tahun 1990 adalah terdiri daripada guru siswazah berbanding dengan hanya kira-kira

29 peratus pada tahun 1985. Pada tahun 1990, kira-kira 3,400 atau 4.7 peratus daripada jumlah guru di peringkat menengah adalah tidak terlatih.

Pendidikan Sektor Swasta

5.25 Dalam tempoh RM5, institusi pendidikan swasta telah muncul sebagai saluran penting bagi memenuhi peningkatan permintaan untuk pendidikan tinggi di kalangan rakyat Malaysia. Peningkatan dalam permintaan yang begitu mendadak untuk pendidikan tinggi dan kenaikan kos pendidikan tinggi di institusi pengajian di luar negeri telah menyebabkan pertambahan institusi pendidikan swasta. Dalam tempoh tersebut, enrolmen di peringkat ijazah, diploma dan sijil di institusi-institusi ini telah meningkat lebih dua kali ganda, iaitu daripada kira-kira 15,000 pelajar pada tahun 1985 kepada kira-kira 35,600 pelajar pada tahun 1990. Daripada jumlah enrolmen pada tahun 1990, sebanyak 14 peratus mendaftar untuk kursus ijazah, 46 peratus untuk program diploma dan 40 peratus selebihnya untuk kursus sijil. Kursus-kursus yang ditawarkan oleh institusi-institusi ini adalah terutamanya dalam bidang-bidang perakaunan, perdagangan, undang-undang, kejuruteraan dan elektronik, sains komputer serta pengurusan perniagaan. Institusi-institusi swasta dapat menampung usaha sektor awam dalam menyediakan peluang bagi mengikuti pendidikan tinggi.

5.26 Pada tahun 1990, adalah dianggarkan seramai 153,000 pelajar mendaftar di peringkat menengah di sekolah-sekolah swasta. Ini menunjukkan bidang pendidikan telah berkembang menjadi satu industri perkhidmatan yang dapat menarik pelaburan sektor swasta dan membantu untuk menambah usaha kerajaan dalam menyediakan pendidikan di semua peringkat.

Program Latihan Latihan Kemahiran

5.27 Terdapat pertambahan pesat dalam pengambilan pelatih ke institusi latihan awam yang menunjukkan usaha yang lebih gigih bagi melahirkan tenaga manusia yang lebih ramai dan lebih terlatih untuk memenuhi keperluan perindustrian negara. Dalam tempoh RM5, kira-kira 111,000 pelatih telah menamatkan latihan mereka di peringkat mahir dan separuh mahir. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 58 peratus adalah dalam bidang kejuruteraan. Jadual 5-4 menunjukkan pengambilan dan keluaran tenaga manusia mahir dan separuh mahir daripada institusi-institusi awam tempatan. Dalam tempoh tersebut, kemudahan institusi-institusi latihan sedia ada telah diperbesarkan. Institusi-institusi baru telah juga dibina termasuk lima buah Institut Latihan Perindustrian (ILP), sebuah Pusat Latihan Lanjutan dan 15 buah Pusat Giat MARA.

5.28 Pertambahan program latihan yang disediakan oleh berbagai institusi memerlukan peningkatan penyelarasan serta langkah-langkah diambil bagi memastikan kurikulum dan piawaian ketukangan dapat memenuhi keperluan perindustrian. Untuk memenuhi keperluan ini dengan lebih berkesan, MLVK telah

ditubuhkan pada tahun 1989 bagi menggantikan Lembaga Latihan dan Persijilan Perindustrian dan Ketukangan Kebangsaan. MLVK yang mempunyai perwakilan daripada kedua-dua sektor awam dan swasta, adalah berfungsi untuk menyelaraskan perancangan dan pembangunan latihan vokasional kebangsaan dan bagi memastikan program latihan adalah selaras dengan keperluan perindustrian. Sehingga kini, kurikulum dan piawaian peperiksaan meliputi 53 bidang di peringkat asas, pertengahan dan lanjutan telah disediakan.

5.29 Dalam tempoh RM5, usaha yang lebih giat telah diambil untuk meningkatkan penglibatan sektor industri dalam bidang latihan. Penyertaan sektor swasta dalam bidang latihan adalah dalam berbagai bentuk, seperti perwakilan dalam MLVK, penggunaan Skim Galakan Potongan Dua Kali untuk latihan dan Skim Perantisan untuk industri pembinaan. Walau bagaimanapun, penyertaan sektor swasta dalam bidang latihan pada keseluruhannya adalah masih belum mencukupi untuk memenuhi permintaan terhadap tenaga manusia mahir.

5.30 Beberapa kajian yang dijalankan dalam tempoh RM5 telah menunjukkan kesungguhan Kerajaan untuk meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian latihan kemahiran yang sedia ada di dalam membekalkan keperluan tenaga manusia mahir. Ini termasuklah kajian-kajian mengenai pembangunan sumber manusia yang telah mengenalpasti isu-isu dan mencadangkan langkah-langkah mengatasi serta menyediakan pelan tindakan untuk melaksanakan langkah-langkah tersebut. Penubuhan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Latihan pada tahun 1990 juga mencerminkan usaha Kerajaan untuk memperbaiki sistem yang sedia ada. Perakuan Jawatankuasa Kabinet ini dan berbagai kajian berkaitan telah mengesyorkan agar diadakan perubahan struktur yang besar dalam sistem latihan sedia ada dan juga penglibatan sektor swasta yang lebih giat dalam sistem penyampaian kemahiran.

Latihan Pengurusan dan Keusahawanan

5.31 Strategi, program dan projek yang dirancang untuk mencapai berbagai matlamat hanya dapat dijayakan jika para perancang, pengurus dan pelaksana dalam sektor awam menyedari peranan dan fungsi mereka serta dilengkapi dengan latihan yang sesuai dalam bidang-bidang berkenaan. Dengan demikian, kursus-kursus dalam perkhidmatan untuk para perancang dan pelaksana di semua peringkat telah diberi penekanan. Kira-kira 112,000 kakitangan daripada sektor awam telah menyertai kursus latihan dalam perkhidmatan dalam bidang pengurusan dan bidang yang khusus mengikut keperluan agensi berkenaan yang dikendalikan oleh Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN). Di samping itu, kakitangan pengurusan dalam sektor awam telah ditempatkan di firma-firma asing untuk mendapat pengalaman di sektor korporat dan perniagaan. Bagi perkhidmatan pendidikan, kursus dalam perkhidmatan di bidang pentadbiran pendidikan dan pengurusan untuk guru-guru besar dan lain-lain kakitangan penting telah dijalankan di Institut Aminuddin Baki.

5.32 Pusat Daya Pengeluaran Negara terus menyediakan kursus-kursus dalam bidang pengurusan dan pembangunan keusahawanan. Matlamatnya adalah untuk melengkapkan kakitangan sektor swasta dengan kemahiran yang diperlukan dalam bidang pengurusan dan keusahawanan dan untuk membolehkan mereka menyertai sektor-sektor perdagangan dan perindustrian dengan jayanya. Kursus yang sama juga dikendalikan di bawah program Pembangunan Usahawan di Institut Teknologi MARA (ITM) untuk usahawan Bumiputera.

III. PROSPEK, 1991-95

5.33 Sistem pendidikan dan latihan akan terus dikembang dan diperkukuhkan untuk mencapai matlamatnya, iaitu memastikan pendidikan dan latihan yang bermutu dinikmati oleh semua rakyat Malaysia. Sistem pendidikan dan latihan akan terus digerakkan untuk membentuk setiap individu menjadi rakyat Malaysia yang lebih sempurna dan bersikap positif terhadap kehidupan dan pekerjaan serta melengkapkan mereka dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020.

Program Pendidikan

5.34 Program pendidikan dalam tempoh RM6 akan terus diperluas untuk menyediakan lebih banyak kemudahan dan peluang yang lebih saksama bagi mencapai perpaduan dan integrasi nasional. Berbagai program dan projek yang membolehkan penduduk luar bandar dan golongan miskin mendapat manfaat sepenuhnya daripada proses pendidikan akan terus diberi penekanan. Mutu pendidikan dan latihan akan ditingkat dan disesuaikan ke arah memenuhi kehendak pembangunan negara.

5.35 Penggunaan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar di semua peringkat pendidikan akan terus di beri keutamaan dan ditingkatkan dengan pembaharuan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Penekanan akan diberi ke arah mempertingkatkan kemahiran berkomunikasi dan menganalisis serta daya cipta dalam penggunaan bahasa tersebut. Di samping itu, pengajaran dan pembelajaran bahasa-bahasa asing dan bahasa ibunda akan juga diberi penekanan. Kepentingan pengajaran Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua akan juga diberi perhatian yang lebih untuk membendung kemerosotan mutu Bahasa Inggeris. Kerajaan akan menimbang kemungkinan menjadikan Bahasa Inggeris sebagai salah satu daripada matapelajaran wajib untuk lulus dalam peperiksaan.

5.36 Kegiatan kokurikulum akan juga diberi penekanan kerana ia akan membolehkan pelajar mengamalkan apa yang telah mereka pelajari di bilik darjah. Dengan adanya kegiatan ini, sekolah akan menjadi satu persekitaran yang bukan sahaja sesuai untuk penerimaan pengetahuan asas tetapi juga untuk pembentukan keperibadian.

Pendidikan Pra-sekolah

5.37 Dalam tempoh RM6, pendidikan pra-sekolah akan di-kembangkan secara berperingkat-peringkat ke kawasan yang masih belum mempunyai kemudahan tersebut. Kerajaan bercadang untuk menambah kemudahan pra-sekolah yang sedia ada dengan menyediakan kelas bagi kanak-kanak berumur lima tahun sebagai sebahagian daripada di sekolah rendah Kerajaan. Ini adalah perlu kerana penyertaan dalam kegiatan pra-sekolah yang tersusun akan memberi peluang kepada kanak-kanak dari-pada keluarga berpendapatan rendah mendapat pendedahan awal seperti kanak-kanak lain.

5.38 Kementerian Pendidikan akan melaksanakan program baru ini dalam tiga peringkat. Peringkat pertama dan kedua akan dilaksanakan di kawasan di mana kemudahan pra-sekolah belum wujud, manakala peringkat ketiga akan dilaksanakan di kawasan yang telah ada kemudahan tersebut tetapi hanya memberi manfaat kepada kumpulan penduduk tertentu sahaja. Adalah dianggarkan menjelang akhir tahun 1995, usaha bersama Kementerian Pendidikan dengan agensi-agensi Kerajaan yang lain serta sektor swasta akan membolehkan semua kanak-kanak yang memasuki darjah satu di sekolah rendah mempunyai sekurang-kurangnya satu tahun pendidikan pra-sekolah. Bagi memastikan kejayaan program ini, lebih ramai guru khas akan dilatih untuk pendidikan pra-sekolah.

Pendidikan Rendah

5.39 Adalah dianggarkan enrolmen di sekolah-sekolah rendah Kerajaan dan bantuan Kerajaan akan melebihi 2.8 juta pelajar pada tahun 1995 berbanding dengan kira-kira 2.45 juta pada tahun 1990, iaitu pertambahan kira-kira 14.8 peratus. Untuk menampung jangkakan pertambahan enrolmen dan permintaan yang bertambah untuk bilik darjah sebagaimana yang diperlukan oleh KBSR, kira-kira 12,200 bilik darjah baru akan dibina.

5.40 Usaha akan terus dibuat untuk mengukuhkan pembaharuan kurikulum yang telah dimulakan sejak tahun 1983. Lebih ramai guru untuk pengajaran pemulihan akan disediakan di sekolah-sekolah. Di samping itu, guru-guru pelatih baru akan dilatih dalam kaedah pengajaran pemulihan supaya pengajaran pemulihan dalam bilik darjah dapat dijalankan dengan berkesan.

5.41 Sebagai langkah untuk memastikan institusi awam menyediakan pendidikan bermutu, tempoh masa untuk menamatkan sukatan pelajaran sekolah rendah sedang dikaji supaya sukatan pelajaran ini dapat ditamatkan di antara lima hingga tujuh tahun. Pelajar di peringkat rendah yang tahap pencapaiannya lemah boleh mengambil masa sehingga tujuh tahun untuk menamatkan pendidikan rendah. Di samping itu, pelajar terbaik boleh menamatkan pendidikan rendah dalam tempoh minimum lima tahun.

5.42 Pencapaian dalam matapelajaran penting seperti Matematik dan Bahasa Inggeris akan dipertingkatkan dengan menentukan hanya guru-guru yang terlatih khas mengajar matapelajaran tersebut. Bilangan guru-guru terlatih dalam bidang khusus ini akan ditambah.

Pendidikan Menengah

5.43 Menjelang tahun 1995, enrolmen di peringkat menengah rendah di sekolah Kerajaan dan bantuan Kerajaan dijangka meningkat kepada kira-kira 1.13 juta pelajar, pertambahan sebanyak 19.3 peratus daripada tahun 1990. Enrolmen di peringkat menengah atas juga dijangka meningkat kepada kira-kira 589,580 pelajar atau pertambahan 60 peratus daripada enrolmen pada tahun 1990.

5.44 Tempoh RM6 akan memperlihatkan penyempurnaan pusingan pertama KBSM dengan kumpulan pertama pelajar mengambil SRP pada penghujung tahun 1991 dan SPM/SPMV pada penghujung tahun 1993. Ini merupakan tahun-tahun terpenting kerana pembaharuan kurikulum yang dimulakan pada tahun 1983 akan diuji buat pertama kalinya di tahun akhir kurikulum tersebut. Di samping itu, pada tahun 1992 KBSM bagi menengah atas di peringkat tingkatan empat akan dilaksanakan. Ciri utama KBSM ini ialah penggantian cara pengaliran pelajar untuk sains/sastera kepada kaedah yang lebih liberal. Selain daripada matapelajaran wajib yang diambil oleh semua pelajar, setiap pelajar boleh memilih minimum dua dan maksimum empat matapelajaran pilihan daripada sekurang-kurangnya dua matapelajaran daripada tiga kumpulan. Kumpulan I mengandungi matapelajaran kemanusiaan, Kumpulan II matapelajaran teknik dan vokasional manakala Kumpulan III mengandungi matapelajaran sains tulen.

5.45 Kaedah baru ini akan memberi peluang kepada pelajar untuk didedahkan kepada pendidikan asas teknik dan vokasional di peringkat yang lebih awal. Kaedah ini memberikan kelonggaran kepada pelajar untuk memilih matapelajaran pilihan mereka dan membolehkan pelajar yang tidak cenderung kepada aliran akademik untuk masuk ke pasaran buruh lebih awal. Latihan teknik asas yang diperolehi akan meningkatkan penerimaan mereka ke dalam pasaran buruh mahir.

5.46 Satu lagi ciri penting KBSM di peringkat menengah atas ialah kemasukan matapelajaran Sejarah dalam senarai matapelajaran teras yang perlu diambil oleh setiap pelajar. Sukatan pelajaran Sejarah memberi lebih tumpuan kepada sejarah Malaysia dan kepada pengalaman pembinaan negara. Ini adalah bertujuan untuk menjadikan sistem pendidikan lebih berkesan dalam memupuk perpaduan negara.

5.47 Pengajaran Agama Islam untuk pelajar Islam dan pendidikan moral kepada bukan Islam juga dimasukkan dalam senarai matapelajaran teras. Selain daripada memenuhi keperluan Falsafah Pendidikan Negara yang meletakkan penekanan

utama kepada Kepercayaan kepada Tuhan, matapelajaran dalam kumpulan teras akan juga menyemai nilai-nilai positif yang perlu kepada pelajar untuk pembentukan satu masyarakat yang berjaya dan ikram.

5.48 Pendidikan menengah di kawasan luar bandar akan juga diperluas untuk menyediakan lebih banyak tempat kepada pelajar luar bandar yang mempunyai potensi akademik yang tinggi. Empat sekolah berasrama penuh akan dibina dan dilengkapi dengan kemudahan dan dikelolakan oleh guru-guru yang dilatih khas. Kemudahan asrama akan juga disediakan di mana sesuai, kepada pelajar yang menunjukkan pencapaian cemerlang di peringkat menengah rendah untuk mengekalkan tahap pencapaian mereka yang tinggi. Langkah akan juga diambil untuk menambah kemudahan pendidikan kepada pelajar cacat. Mereka akan digalakkan bergaul dengan pelajar biasa dengan mengadakan kemudahan bersama-sama dengan kemudahan untuk pelajar biasa. Sekolah khas untuk pelajar cacat yang menggabungkan matapelajaran vokasional akan juga disediakan.

5.49 Usaha akan dibuat untuk menyediakan lebih banyak bahan bacaan, buku kerja dan peralatan mengajar untuk pelajar-pelajar di peringkat rendah dan menengah. Ini adalah perlu untuk menyemai budaya membaca yang kukuh dan mengembangkan kemahiran manipulatif serta untuk menanam minat terhadap bidang sains di kalangan pelajar sekolah di peringkat usia muda.

5.50 Program pembangunan sukan yang lebih tersusun akan dilaksanakan di sekolah untuk memajukan lagi pembangunan sukan. Beberapa sekolah akan dikenalpasti untuk berbagai jenis sukan dan pelajar yang berbakat akan ditempatkan di sekolah berkenaan. Di samping itu, jurulatih dan pengajar yang berkelayakan dan berkebolehan akan disediakan untuk memastikan latihan yang sesuai diberi untuk membentuk keupayaan pelajar ini bagi membolehkan mereka mengembangkan bakat sukan mereka serta mencapai kecemerlangan dalam bidang akademik.

5.51 Persatuan Ibumaba dan Guru (PIBG) mempunyai peranan yang penting dalam menentu dan mengurus program-program di sekolah. PIBG akan digalakkan supaya lebih terlibat dan bertanggungjawab dalam kegiatan-kegiatan yang dirangka untuk meningkat dan mengukuhkan lagi pengurusan sekolah, terutama di kawasan luar bandar.

Pendidikan Menengah Vokasional

5.52 Kemudahan pendidikan vokasional akan diperluas untuk membolehkan enrolmen daripada kira-kira 25,160 pada tahun 1990 kepada kira-kira 46,980 pada tahun 1995. Enrolmen pada tahun 1995 adalah kira-kira 8 peratus daripada enrolmen menengah atas berbanding dengan hanya 7 peratus pada tahun 1990. Pertambahan enrolmen akan dapat dilaksana dengan pembinaan tambahan lapan buah sekolah

vokasional baru dan pembinaan kemudahan vokasional di sekolah-sekolah menengah biasa.

5.53 Enrolmen dalam aliran kemahiran di sekolah vokasional akan juga ditambah. Di antara kursus baru yang akan diperkenalkan adalah kursus yang berkaitan dengan elektronik dan industri automotif, pemesinan am, lukisan teknik dan mekanik serta pembuatan dan rekabentuk perabut.

5.54 Usaha akan dipergiat untuk memperkenalkan pengkhususan di sekolah vokasional. Ini adalah untuk menggunakan secara optimum sumber yang terhad seperti guru pakar dan peralatan. Pengumpulan sumber dan kepakaran di suatu kawasan khusus akan memperbaiki lagi pencapaian institusi ini dalam mengeluarkan tenaga manusia mahir yang diperlukan oleh industri. Pengkhususan ini akan dijalankan berdasar kepada kawasan untuk menyesuaikan dengan peringkat dan jenis industri yang dibangunkan di kawasan tersebut.

5.55 Pengkhususan sekolah vokasional mengikut penempatan industri akan memberi faedah kepada pelajar melalui pendedahan kepada industri berkaitan bagi memudahkan latihan amali dan program penempatan dilaksanakan. Kedudukan yang berhampiran di antara institusi ini dengan industri akan membolehkan pelajar mendapat pengalaman cara langsung di industri-industri berkenaan. Institusi ini akan berpeluang untuk menyebarkan program mereka kepada industri yang merupakan bakal majikan kepada pelajar-pelajar tersebut. Dalam hubungan ini, penyebaran maklumat yang lebih luas mengenai berbagai program latihan vokasional dan industri dapat disampaikan kepada sektor swasta.

Pendidikan Tinggi

5.56 Dalam tempoh RM6, lima buah politeknik baru akan dibina manakala yang sedia ada akan diperbesarkan. Politeknik ini akan menawarkan lebih banyak kursus peringkat diploma dan juga kursus baru dalam bidang kejuruteraan seperti perhubungan elektronik, teknologi komputer dan kejuruteraan tekstil. ITM akan membuka kampus cawangan baru di Kedah, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Perak dan Pulau Pinang. Universiti Islam Antarabangsa (UIA) akan mempunyai kampus tetapnya di Gombak, manakala kajian kemungkinan untuk cadangan kompleks perubatannya di Kuantan akan disiapkan. Institusi-institusi sedia ada akan juga diperbesar untuk menampung pertambahan enrolmen dan pengendalian kursus baru dalam berbagai bidang pengkhususan. Ini termasuk pembinaan kemudahan tambahan untuk Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), pusat-pusat pengajian kejuruteraan dan perubatan USM, kampus UTM di Skudai, kampus-kampus UPM di Serdang dan Bintulu dan pembinaan sebuah hospital pengajar UKM di Cheras dan juga penyediaan kampus tetap UUM di Sintok. Oleh kerana penyediaan kemudahan baru melibatkan kos yang tinggi, ia perlu ditampung melalui cara-cara lain.

Penubuhan universiti terbuka sebagai satu langkah untuk meningkatkan peluang penyertaan ke peringkat pendidikan tinggi dan untuk mengurangkan kos akan dikaji.

5.57 Dengan siapnya kemudahan baru dan pertambahan kemudahan yang sedia ada, kemasukan pelajar ke peringkat pendidikan tinggi dijangka bertambah dengan pesat. Kemasukan ke peringkat sijil, diploma dan ijazah akan bertambah sebanyak 38 peratus daripada kira-kira 28,000 pada tahun 1990 kepada kira-kira 38,700 pada tahun 1995. Pengambilan terbesar adalah di dalam kursus-kursus sastera gunaan, sains, kejuruteraan dan perubatan. Ini adalah selaras dengan keperluan untuk menambah bilangan profesional bagi menampung perkembangan kegiatan industri dan ekonomi serta keperluan untuk meningkatkan keupayaan penyelidikan dan pembangunan negara.

5.58 Pada tahun 1990, sejumlah 533 kursus telah ditawarkan dalam berbagai disiplin di peringkat diploma, ijazah dan lepasan ijazah. Dalam tempoh RM6, kursus-kursus ini akan dikaji semula dan ditingkatkan selaras dengan perkembangan baru dalam bidang sains dan teknologi serta disiplin yang berkaitan. Keutamaan akan diberi kepada perkembangan kursus dalam bidang kejuruteraan yang baru, seperti kejuruteraan sistem dan kejuruteraan proses. Walaupun pertambahan graduan kursus sastera dijangka tinggi, sebahagian besar daripada mereka adalah dalam bidang sastera gunaan. Ini akan memenuhi pertambahan permintaan siswazah dalam bidang-bidang perakaunan, perniagaan dan kewangan untuk bekerja dalam sektor perkhidmatan ekonomi moden serta menampung keperluan guru di sekolah menengah.

5.59 Pertambahan bilangan tempat di peringkat sijil, diploma dan ijazah perlu disokong dengan tenaga pengajar yang berwibawa tinggi. Berbagai program akan dijalankan untuk menambah bilangan dan meningkatkan mutu tenaga pengajar termasuk penyediaan kursus jangka pendek dalam bidang yang khusus, program lepasan ijazah dan penempatan di industri dan organisasi.

5.60 Program akademik di peringkat lepasan ijazah akan juga diperkembangkan terutama dalam bidang sastera gunaan, sains dan teknologi. Enrolmen di peringkat lepasan ijazah dijangka meningkat sebanyak 69 peratus daripada kira-kira 3,500 pada tahun 1990 kepada kira-kira 5,900 pada tahun 1995.

5.61 Program penyelidikan dan pembangunan (P&P) di universiti akan terus diberi keutamaan. Dalam RM6, sejumlah \$224 juta akan diperuntukkan bagi maksud ini. Pihak universiti akan digalakkan untuk mengadakan program penyelidikan bersama dengan sektor swasta supaya bidang penyelidikan dan penemuan mereka akan lebih bermakna dan berguna untuk tujuan komersil. Untuk membangunkan ekonomi perindustrian yang berdayasaing, terdapat keperluan segera untuk membina kemampuan dalam teknologi utama seperti pengilangan berautomasi, bahan-bahan termaju, elektronik, bioteknologi dan teknologi maklumat. Program P&P dalam

teknologi baru muncul akan diberi keutamaan untuk memastikan tumpuan diberi kepada bidang yang pulangan ekonominya tinggi.

5.62 Pembangunan sukan di institusi pengajian tinggi akan juga dikukuhkan untuk memberi peluang kepada pelajar daripada sekolah menengah yang berbakat untuk memasuki dan menyambung kerjaya akademik mereka. Langkah akan diambil untuk merangka satu sistem yang mudah diubah supaya boleh disesuaikan dengan kehendak pelajar. Ini membolehkan pembangunan yang berterusan bagi ahli-ahli sukan yang berbakat dan berpendidikan.

Pendidikan Guru

5.63 Walaupun galakan telah diberi untuk memperbaiki perkhidmatan perguruan melalui pelaksanaan dua skim perkhidmatan dan penyediaan kemudahan sokongan kepada guru yang mengajar di kawasan luar bandar, mutu perkhidmatan secara keseluruhannya akan terus dipertingkatkan dengan menyediakan latihan asas yang lebih baik. Langkah-langkah akan diambil untuk memastikan pengambilan bakal pelatih yang berkualiti melalui kriteria pemilihan yang lebih ketat, penyediaan kemudahan latihan yang lebih baik dan peningkatan mutu tenaga pengajar.

5.64 Langkah akan diambil untuk menambah bilangan guru siswazah di sekolah-sekolah menengah untuk memperbaiki prestasi pelajar. Guru-guru lepasan maktab yang kini mengajar di peringkat menengah akan dipilih untuk mengikuti kursus ijazah sebagai langkah meningkatkan kemahiran mereka. Di samping itu, program KPLI akan juga diteruskan. Kursus dalam perkhidmatan bagi meningkatkan keupayaan mengajar akan terus dijalankan di Institut Aminuddin Baki, maktab-maktab perguruan dan pusat-pusat sumber pendidikan.

5.65 Lima buah maktab perguruan baru akan dibina dalam tempoh RM6. Sebuah daripadanya dikhaskan untuk melatih guru vokasional dan teknik. Selain daripada itu, rancangan akan dibuat untuk memperluas dan meningkatkan kemudahan sebahagian daripada institusi sedia ada bagi membolehkan pertambahan pengambilan pelatih. Menjelang tahun 1995, enrolmen di maktab perguruan dianggarkan akan menjadi kira-kira 27,300 pelatih, iaitu pertambahan sebanyak 26.5 peratus daripada tahun 1990.

Program Latihan Latihan Kemahiran

5.66 Selaras dengan usaha Kerajaan untuk memajukan program perindustrian, lebih ramai tenaga mahir dan yang mempunyai latihan tinggi diperlukan terutama di peringkat juruteknik dan ketukangan. Oleh itu, dalam tempoh RM6, pengambilan ke institusi latihan kemahiran awam di jangka bertambah daripada 31,600 pelatih pada tahun 1990 kepada kira-kira 43,000 pelatih pada tahun 1995. Ini termasuk pertambahan pengambilan dalam aliran kemahiran di sekolah menengah vokasional

berikutan siapnya lapan buah sekolah menengah vokasional yang baru, penambahan kemudahan di 29 buah sekolah vokasional sedia ada dan institusi-institusi latihan awam yang lain seperti PLP, Institut Kemahiran MARA (IKM), di samping pembinaan sebuah PLP dan sebuah IKM yang baru.

5.67 Dalam tempoh RM6, berbagai langkah akan dijalankan untuk memperbaiki dan meningkatkan kecekapan institusi latihan awam sebagaimana yang disyor oleh berbagai kajian dan Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Latihan. Laporan Jawatankuasa Kabinet memperakukan 13 arahan dasar umum yang meliputi lebih daripada 50 langkah dasar. Langkah-langkah ini, yang sedang dikaji dan dilaksanakan, bertujuan untuk meningkatkan respon latihan awam kepada permintaan pasaran, memperluaskan peranan sektor swasta dan memperkukuhkan hubungan di antara latihan dengan perubahan teknologi. Untuk membolehkan institusi ini bertindak dan mengubahsuai kepada perubahan-perubahan dalam bidang dan peringkat kemahiran yang diperlukan oleh industri, satu mekanisma maklumbalas yang lebih berkesan dan sistem pengawasan pasaran buruh akan diwujudkan. Sistem penyampaian pendidikan dan latihan akan juga diperbaiki untuk memastikan pelatih telah dilengkapi dengan kemahiran yang dikehendaki oleh industri.

5.68 Mutu latihan akan diperbaiki melalui kajian semula dan rombakan kurikulum. Sebahagian besar daripada kursus akan melibatkan pengalaman secara langsung, lebih banyak pembelajaran melalui perbuatan dan melaksanakan projek-projek amali. Konsep kilang pengajar akan juga digabungkan ke dalam sistem latihan. Perundingan dan hubungan yang lebih rapat dengan sektor swasta akan diwujudkan melalui galakan kepada sektor tersebut untuk menggunakan kemudahan di institusi latihan awam bagi menjalankan kursus yang dibentuk khas untuk mereka dan dengan cara penyewaan kemudahan yang ada. Dengan cara ini, institusi latihan awam bukan sahaja akan berupaya mengguna sepenuhnya kemudahan sedia ada, tetapi akan juga mendapat faedah daripada pengalaman sektor swasta. Laporan Jawatankuasa Kabinet telah mencadangkan supaya institusi latihan diperbadan dan diswastakan bagi menyelaras latihan dengan keperluan sektor swasta. Satu jadual pelaksanaan akan disediakan untuk mempercepatkan proses memperbadan dan menswastakan institusi latihan terpilih.

5.69 Laporan Jawatankuasa Kabinet telah menekankan keperluan mengadakan emolumen dan syarat-syarat perkhidmatan yang lebih baik dan pemberian galakan kepada tenaga pengajar vokasional dan teknik sebagai satu tarikan untuk mengekalkan mereka dalam perkhidmatan. Perkembangan pendidikan swasta akan juga mengakibatkan permintaan yang bertambah untuk jurulatih dan tenaga pengajar. Kerajaan akan meningkatkan usaha untuk mengeluarkan lebih ramai bilangan jurulatih dan tenaga pengajar melalui institusi latihan sektor awam. Sektor swasta boleh membantu proses ini melalui kerjasama dengan Kerajaan atau daya usaha sendiri bagi menambahkan penawaran jurulatih dan pengajar. Sektor swasta

perlu memastikan jurulatih dan tenaga pengajar dilatih dengan baik untuk meningkatkan mutu pendidikan dan latihan.

5.70 Peralihan daripada masyarakat tani kepada masyarakat perindustrian melibatkan proses penerapan nilai-nilai perindustrian. Walaupun latihan kemahiran menyediakan cara bagi mendapat kemahiran baru dan penguasaan kecekapan bekerja, keperluan asas tenaga kerja perindustrian ialah sikap kerja yang betul dan nilai-nilai positif seperti ikhlas, berdisiplin, menepati waktu, setia kepada syarikat, tekun, dedikasi dan gigih bekerja. Kesemuanya ini akan membantu meningkatkan mutu pekerja yang membolehkan lahirnya sebuah ekonomi yang dapat bersaing.

5.71 Memandangkan penerapan nilai memerlukan masa untuk mantap, pembangunan nilai dan budaya kerja perlu dimulakan di peringkat sekolah dan di tempat kerja. Dengan itu adalah perlu sistem persekolahan ditumpukan kepada pembangunan sikap dan nilai-nilai positif bagi pembangunan perindustrian. Latihan untuk guru-guru sedang berkhidmat dan guru baru perlu disesuaikan bagi memenuhi cabaran ini.

5.72 Program latihan untuk menyemai perubahan sikap dan nilai positif di kalangan belia di negara ini akan juga dilaksanakan. Program khas ini akan dikendalikan oleh Biro Tata Negara dan pelatih di institusi latihan awam akan dikehendaki menyertainya. Matlamat utama program ini ialah untuk mengukuhkan keupayaan mental, psikologi dan fizikal tenaga kerja supaya mereka berupaya menghadapi cabaran persekitaran industri yang bersaing.

5.73 Kewujudan sebuah masyarakat Malaysia yang berpandangan jauh adalah penting untuk menyokong dan menyumbang kepada pengwujudan daya cipta, pembaharuan dan kemajuan teknologi. Pekerja-pekerja Malaysia mesti sentiasa berupaya mempertingkatkan kemampuan untuk menghadapi cabaran bagi menyerap dan mengubahsuai kepada teknologi baru. Selaras dengan ini, Kerajaan akan mengenalpasti institusi pendidikan, latihan dan penyelidikan yang sedia ada untuk dipertingkatkan sebagai pusat kecemerlangan yang akan meneraju usaha negara dalam P&P bagi memenuhi keperluan perindustrian. Kerajaan akan mengkaji semula pengiktirafan kemahiran supaya meliputi kemahiran-kemahiran dalam teknologi baru dan yang baru muncul untuk membolehkan kemudahan latihan yang disediakan diguna dengan lebih baik. Untuk tujuan ini, Kerajaan akan menubuhkan Lembaga Teknologi Maklumat Kebangsaan untuk merangka dasar, melaksana, menyelaras dan mengurus kegiatan teknologi maklumat.

Latihan Pengurusan dan Keusahawanan

5.74 Perkembangan dan pemodenan ekonomi negara akan memerlukan kepakaran dan juga pendekatan baru dalam perancangan dan pengurusan sumber tenaga dalam sektor awam. Bagi memenuhi keperluan sektor swasta yang menghendaki

perkhidmatan yang lebih berkesan, kakitangan sektor awam akan dilatih dalam kemahiran baru di bidang korporat dan pengurusan. Program di bawah konsep Persyarikatan Malaysia akan terus dipergiatkan. INTAN akan menjalankan lebih banyak program latihan di peringkat pengurusan seperti pengurusan krisis, perancangan strategik, kepimpinan dan teknik perundingan.

5.75 Latihan akan juga diberi kepada golongan usahawan bertujuan untuk menjadikan mereka lebih dinamik, inovatif dan berorientasikan pasaran. Institusi yang menjalankan latihan tersebut akan bekerja rapat dengan sektor swasta untuk merangka dan melaksana program latihan yang berkenaan.

Pendidikan dan Latihan Tidak Formal

5.76 Pembangunan sumber manusia perlu dilengkapkan dengan pendidikan dan latihan tidak formal memandangkan liputan sistem formal adalah terhad. Walaupun Malaysia mempunyai kadar kenal huruf yang tinggi dan peluang belajar (sekurang-kurangnya sembilan tahun di peringkat pendidikan asas, perhatian perlu juga diberi kepada mereka yang tercicir daripada sistem tersebut. Justeru itu, pendidikan seumur hidup atau berterusan melalui cara tidak formal adalah menjadi bertambah penting untuk menggerakkan sumber manusia, terutama golongan belia.

5.77 Penyampaian pendidikan dan latihan tidak formal oleh berbagai agensi akan dikaji dan diperbaiki supaya pencapaian matlamat menjadi lebih berkesan. Program oleh berbagai agensi akan diselaraskan supaya wujud pendekatan yang bersepadu. Di samping itu, peranan media massa, terutama radio dan televisyen akan diperkukuh untuk membolehkan penyampaian pendidikan dan latihan tidak formal dengan lebih berkesan.

5.78 Kerajaan akan menyediakan lebih banyak kemudahan bagi memenuhi permintaan pendidikan seumur hidup. Sektor swasta akan juga digalakkan menyumbang kepada pendidikan dan latihan tidak formal, manakala Kerajaan akan terus menyediakan kemudahan tersebut sebagai sebahagian daripada usaha-usaha pembangunan. Sehubungan dengan ini, pendidikan berterusan melalui pembelajaran jarak jauh akan dipertingkatkan.

Komputer dalam Pendidikan dan Latihan

5.79 Kerajaan akan meneruskan usaha untuk memajukan lagi program komputer dalam pendidikan (KDP) untuk meletakkan asas yang kukuh bagi mewujudkan suatu masyarakat yang kenal komputer dan juga untuk membentuk suatu budaya berorientasikan pengetahuan dan maklumat. Dalam hubungan ini, pendidikan komputer di kedua-dua peringkat sekolah rendah dan menengah akan terus dipertingkatkan untuk memudahkan pembelajaran dan penguasaan kemahiran asas

seperti membaca, menulis dan mengira. Penubuhan kelab-kelab komputer di sekolah-sekolah akan digalakkan lagi, terutama di sekolah-sekolah luar bandar. Sektor swasta boleh membantu melalui penyediaan perkakasan dan perisian komputer untuk program KDP.

5.80 Pada masa yang sama, sekolah-sekolah vokasional dan teknik akan memperkenalkan lebih banyak kursus yang berkaitan dengan komputer seperti pengendalian dan pembaikan komputer mikro, peralatan komputer moden dan pendawaian serta pemasangan kabel komputer mikro. Ini adalah perlu dalam suasana permintaan yang begitu meningkat untuk latihan berkaitan dengan komputer di kalangan pelajar dan juga keperluan untuk mengikuti perkembangan kemajuan mutakhir dalam teknologi komputer.

5.81 Institusi pendidikan tinggi akan digalakkan mengadakan kelas-kelas tambahan bagi pembelajaran komputer, terutama di kalangan mereka yang ingin mempertingkatkan dan menambah pengetahuan komputer. Syarikat-syarikat sektor swasta yang mempunyai kemudahan latihan yang dikendalikan sendiri di bidang komputer akan digalakkan untuk mengadakan latihan dan berkongsi kemudahan mereka dengan syarikat-syarikat yang lebih kecil.

Peranan Sektor Swasta dalam Pendidikan dan Latihan

5.82 Dalam tempoh RM6, Kerajaan akan terus menggalakkan dan membantu penubuhan institusi pendidikan dan latihan oleh sektor swasta. Ini adalah selaras dengan usaha Kerajaan untuk meningkatkan penyertaan sektor swasta dalam keseluruhan pembangunan ekonomi negara.

5.83 Permintaan untuk pendidikan telah menyebabkan pertumbuhan pesat institusi swasta di peringkat pra-sekolah hingga ke peringkat tinggi. Perkembangan pendidikan sektor swasta akan digalakkan kerana ini akan memperlengkapkan usaha-usaha sektor awam. Pertambahan tempat pengajian di peringkat tinggi melalui program berkembar dan kursus persediaan dalam negeri akan juga mengurangkan pengaliran keluar tukaran wang asing dan membantu memperbaiki akaun perkhidmatan di dalam imbalan pembayaran. Untuk memastikan taraf dan mutu adalah di tahap yang boleh diterima, pengawasan yang lebih berkesan terhadap institusi-institusi ini akan dijalankan.

5.84 Institusi-institusi pengajian tinggi akan terus memupuk dan mengekalkan kerjasama dan perhubungan dengan sektor swasta bukan sahaja dalam kegiatan P&P, tetapi juga dalam berbagai program seperti pembiayaan akademik dan penyelidikan di universiti serta menyediakan peluang latihan sambil kerja untuk pelajar-pelajar universiti. Perhubungan ini akan memastikan siswazah institusi pengajian tinggi dapat memenuhi keperluan industri.

5.85 Kerjasama yang lebih rapat dengan sektor swasta akan juga diadakan melalui penubuhan institusi latihan untuk industri khusus seperti industri berasaskan kayu, tekstil dan pembinaan. Program latihan dalam institusi ini dan institusi awam yang lain akan diorientasi kepada keperluan industri. Pada masa yang sama, latihan kemahiran perlu diselaras dan disesuaikan dengan keperluan teknologi yang berubah-ubah. Kerajaan akan menubuhkan jentera bersama sektor awam dan swasta yang diperlukan di berbagai peringkat untuk mewujudkan penyelarasan yang lebih dan penggabungan latihan yang lebih baik, sesuai dengan keperluan ekonomi. Kerajaan akan juga berusaha mendapatkan lebih banyak bantuan dua hala daripada negara-negara perindustrian untuk menubuhkan institusi dalam bidang kemahiran tinggi dalam negeri seperti kejuruteraan pengeluaran dan elektronik perindustrian.

5.86 Sebagai satu langkah untuk memastikan penyertaan aktif sektor swasta dalam melatih tenaga manusia mahir, Tabung Pembangunan Sumber Manusia akan ditubuhkan. Majikan yang menyumbang kepada tabung ini akan di beri imbuhan bagi semua latihan yang diadakan untuk pekerja mereka. Tabung ini adalah satu bentuk skim geran-levi yang akan bertindak sebagai galakan kepada industri mempergiatkan lagi program latihan serta mempertingkatkan kemahiran pekerja. Sektor swasta akan juga dilibatkan melalui perundingan dengan Kerajaan dalam perancangan dan pelaksanaan strategi dan program bagi melahirkan tenaga manusia mahir untuk negara. Mereka akan juga digalakkan untuk menubuhkan pusat-pusat latihan khusus, seperti Pusat Latihan Pembangunan Pulau Pinang di zon-zon industri terpilih.

IV. PERUNTUKAN

5.87 Peruntukan pembangunan dan anggaran perbelanjaan dalam tempoh RM5 dan peruntukan untuk RM6 bagi pendidikan dan latihan adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5-5. Peruntukan ini merupakan 15.4 peratus daripada jumlah peruntukan pembangunan sektor awam dalam RM6, iaitu pertambahan sebanyak 46 peratus daripada peruntukan dalam RM5. Bagi memenuhi peningkatan enrolmen dan penekanan terhadap mutu di peringkat rendah dan menengah, 52 peratus daripada peruntukan akan disediakan untuk memperluas dan memperbaiki kemudahan-kemudahan di peringkat ini. Ini termasuklah pertambahan dan pembaikan kemudahan untuk pendidikan vokasional dan melatih guru. Di peringkat pendidikan tinggi, peruntukan adalah untuk memperluas dan memperbaiki kemudahan serta penganjuran pelajar di peringkat sijil, diploma dan ijazah dalam bidang sastera dan sains gunaan, kejuruteraan, teknologi dan perubatan. Di bawah program latihan, \$610 juta akan disediakan untuk memperluas dan memperbaiki kemudahan latihan perindustrian formal dan tidak formal.

V. PENUTUP

5.88 Dengan pendekatan yang wajar terhadap pembangunan sumber manusia, Malaysia bersedia untuk menghadapi cabaran-cabaran tahun sembilan puluhan. Kemampuan dan keupayaan untuk melatih dan melatih semula tenaga manusia akan membolehkan negara terus mengikuti perkembangan pembangunan teknologi yang berubah-ubah. Keutamaan yang diberi kepada pendidikan dan latihan akan menjadikan sumber manusia lebih cekap, tahan lasak dan berdisiplin. Sektor swasta juga dijangka memainkan peranan yang lebih dinamik dalam penyediaan kemudahan pendidikan dan latihan untuk memenuhi peningkatan permintaan terhadap tenaga manusia yang berkecukupan dan mahir. Usaha oleh kedua-dua sektor awam dan swasta akan membolehkan semua rakyat Malaysia memainkan peranan yang lebih produktif dalam pembangunan negara.

BAB 6 : SAINS DAN TEKNOLOGI

I. PENDAHULUAN

6.01 Pembangunan sains dan teknologi (S&T) adalah perlu untuk kemajuan sosio-ekonomi negara secara keseluruhan. Penggunaan S&T secara meluas akan menyediakan cara yang lebih berkesan dan yang mampu mengekalkan pewujudan satu ekonomi yang kompetitif, yang mempunyai pelbagai kegiatan dan dapat mengambil kesempatan pertumbuhan ekonomi dunia bagi tujuan mencapai taraf hidup yang lebih tinggi pada masa hadapan. Rancangan Malaysia Kelima (RM5) merupakan titik peralihan bagi pembangunan S&T di Malaysia. Dalam tempoh rancangan tersebut, kemajuan yang menggalakkan telah dicapai dari segi penggubalan dan pelaksanaan dasar S&T. Oleh yang demikian, RM5 bukan sahaja menyediakan buat pertama kalinya pendekatan yang menyeluruh dari segi saiz dan pengurusan perbelanjaan penyelidikan dan pembangunan (P&P) serta juga jumlah aktiviti P&P, malah ia juga telah meletakkan asas yang lebih kukuh untuk pembangunan dasar dan pengurusan S&T pada masa hadapan.

6.02 Bagi Rancangan Malaysia Keenam (RM6), matlamat dasar S&T ialah untuk memastikan pembangunan saintifik dan teknologi yang berterusan yang mampu mengekalkan kadar pertumbuhan ekonomi yang tinggi, mempercepatkan keseluruhan pembangunan dan meletakkan asas untuk mencapai taraf masyarakat perindustrian yang maju dari segi S&T menjelang tahun 2020. Matlamat ini adalah bertujuan untuk membentuk satu masyarakat saintifik dan progresif yang mempunyai daya inovatif, berpandangan jauh ke hadapan dan akan menyumbang kepada kemajuan S&T. Dalam konteks ini, Kerajaan akan terus menyediakan infrastruktur asas dan persekitaran yang sesuai bagi pembangunan S&T. Sektor swasta diharap akan bertanggungjawab memperlengkapkan usaha-usaha Kerajaan dan memainkan peranan yang lebih berkesan berbanding dengan masa-masa yang lepas.

II. KEMAJUAN, 1986-90

6.03 Sungguhpun negara mengalami kemelesetan ekonomi di peringkat awal RM5, kemajuan yang besar telah dicapai dari segi pembangunan S&T. Pencapaian ini boleh dilihat bukan sahaja dari segi saiz perbelanjaan dan jumlah aktiviti P&P tetapi juga di dalam pengurusan dan daya usaha penggubalan dasar S&T.

Dasar S&T

6.04 Pada dasarnya dasar S&T menyokong strategi pembangunan negara. Dasar tersebut telah menggariskan peranan penting perubahan teknologi untuk pembangunan dan juga keperluan menggunakan sumber-sumber teknologi asing. Ini perlu diselaraskan selari dengan langkah mengukuhkan kepakaran dan keupayaan teknologi tempatan secara beransur-ansur melalui proses asimilasi dan inovasi. Pada prinsipnya, teras dasar adalah berasaskan interaksi yang erat di kalangan sektor awam dan swasta dan golongan ahli-ahli sains dan teknologi. Strategi-strategi dan program-program yang telah digubal adalah bertujuan meluaskan dan memperbaiki asas S&T dan memastikan pembangunan yang mempunyai faedah berbanding bagi pengeluaran barangan dan perkhidmatan.

6.05 Pada penghujung tempoh RM5, Kerajaan telah melancarkan Pelan Tindakan bagi Pembangunan Teknologi Perindustrian (PTPTP) sebagai susulan kepada pelaksanaan Pelan Induk Perindustrian. Pada dasarnya, PTPTP menggariskan strategi-strategi dan program-program yang luas bagi memperkukuhkan keupayaan dan kepakaran S&T melalui pembangunan teknologi tempatan dan memperolehi teknologi asing secara terpilih serta pembangunan sumber manusia dan infrastruktur yang diperlukan. Pelan tersebut juga menyentuh tentang keperluan mengutamakan pemikiran yang mementingkan asas sains dalam sistem pendidikan dan membentuk satu masyarakat yang lebih menghargai S&T moden.

Pengurusan S&T

6.06 Dalam RM5, satu sistem pengurusan yang lebih berpusat dan terselaraskan untuk pembangunan P&P dan teknologi telah dibentuk. Pendekatan yang sedemikian adalah wajar memandangkan wujudnya masalah tenaga manusia dan belanjawan yang terhad bagi mencapai kecekapan dan keberkesanan dalam penggunaan dan pemakaian S&T. Bagi mencapai hasrat tersebut, pelaksanaan strategi dan mekanisme Penumpuan Penyelidikan di dalam Bidang-Bidang Keutamaan atau mekanisme IRPA (Intensification of Research in Priority Areas) telah dimulakan pada tahun 1987 bertujuan memastikan bahawa aktiviti-aktiviti P&P yang dijalankan oleh sektor awam adalah yang terpilih dan bermutu. Dalam hal ini, empat panel IRPA telah dibentuk untuk menyelaraskan, menilai dan memperakukan aktiviti-aktiviti P&P yang berkaitan dengan bidang-bidang pertanian, perindustrian, perubatan dan bidang-bidang strategik yang terpilih. Mekanisma IRPA telah menggerakkan proses rundingan dan pencapaian kata sepakat di kalangan ahli-ahli sains, akademik, industri dan penyelidik-penyelidik daripada sektor awam dan swasta. Tambahan pula, Majlis Penyelidikan dan Kemajuan Sains Negara (MPKSN) telah disusun semula dan satu Jawatankuasa Kabinet Mengenai Sains dan Teknologi telah dibentuk.

6.07 Beberapa langkah lain untuk memperkembangkan struktur sokongan institusi S&T telah dilaksanakan. Di samping memperkukuhkan institusi-institusi dan agensi-

agensi P&P yang sedia ada di dalam berbagai bidang penyelidikan, dua institut baru, iaitu Lembaga Koko Malaysia dan Pusat Remote Sensing telah ditubuhkan bertujuan untuk meningkatkan aktiviti penyelidikan di dalam kedua-dua bidang tersebut. Sebagai sebahagian daripada langkah-langkah untuk mewujudkan persekitaran yang lebih menggalakkan bagi sektor swasta menghasilkan barangan baru, Kerajaan telah mengambil daya usaha bagi mendorong penglibatan yang lebih oleh sektor swasta di dalam aktiviti P&P. Ini termasuklah menggalakkan kerjasama erat di kalangan sektor swasta, universiti-universiti dan institusi-institusi penyelidikan serta penyediaan insentif-insentif fiskal dan kewangan dan infrastruktur asas seperti Taman Teknologi Malaysia.

Peruntukan untuk P&P Secara Langsung dan Prestasi

6.08 Didalam tempoh RM5, peruntukan sebanyak \$414 juta telah disediakan untuk agensi-agensi penyelidikan sektor awam. Peruntukan ini tidak termasuk perbelanjaan modal dan mengurus yang berkaitan. Daripada jumlah peruntukan itu, kira-kira 50 peratus telah disediakan untuk sektor pertanian, 34 peratus untuk sektor perindustrian dan 17 peratus untuk sektor-sektor lain.

6.09 Perbelanjaan P&P negara untuk tahun 1989 adalah dianggarkan sebanyak 0.8 peratus daripada Keluaran Negara Kasar (KNK) yang mana lebih daripada 80 peratus adalah perbelanjaan sektor awam. Dalam hal ini, sumbangan sektor swasta dari segi perbelanjaan P&P negara adalah jauh lebih rendah daripada paras yang diharapkan. Sungguhpun nisbah perbelanjaan P&P negara kepada KNK, dan sumbangan sektor swasta khususnya adalah kecil jika dibandingkan dengan perbelanjaan P&P negara-negara perindustrian dan negara-negara perindustrian baru (NIEs) iaitu Newly Industrialized Economies, namun demikian, pada umumnya terdapat pertambahan di dalam perbelanjaan P&P terutamanya pada penghujung RM5. Sungguhpun adalah terlalu awal untuk menilai kesan serta sumbangan yang bakal diperolehi daripada penyelidikan yang telah dijalankan, namun begitu kemajuan telah dicapai ke arah memperkembangkan program-program dan projek-projek P&P di kalangan agensi-agensi penyelidikan dan sektor-sektor ekonomi.

P&P Sektor Pertanian

6.10 Aktiviti - aktiviti P&P sektor pertanian masih menjadi tumpuan utama memandangkan terdapatnya beberapa institusi penyelidikan pertanian yang telah wujud begitu lama. Di samping sokongan yang berterusan untuk meningkatkan daya pengeluaran bagi komoditi-komoditi utama, terdapat perubahan yang ketara ke arah penyelidikan hiliran yang lebih berorientasikan penggunaan di dalam pemerosesan keluaran dan barang sampingan pertanian. Pendekatan ini termasuklah penyelidikan mengenai kemungkinan menghasilkan produk akhir serta potensinya untuk diperdagang dan dipasarkan. Peralihan ke arah penyelidikan hiliran telah diberi penekanan, khususnya pembangunan produk bagi industri-industri berasaskan kayu

dan pemerosesan makanan. Demikian juga, usaha penyelidikan minyak kelapa sawit telah menyumbang ke arah memenuhi kehendak pengguna yang mana telah meningkatkan permintaan untuk minyak dan keluaran minyak kelapa sawit di pasaran lemak dan minyak antarabangsa. Penyelidikan di dalam industri getah selanjutnya telah membantu mempertingkatkan teknologi mengenai peningkatan hasil serta pembangunan produk daripada getah, kayu getah dan bahan sisa getah. Penyelidikan perikanan telah ditumpukan ke arah membangunkan teknik penternakan udang dan ikan air tawar yang mana kebanyakan daripada teknik ini telahpun berjaya digunakan. Penyelidikan ternakan telah dijalankan terutamanya bagi mengawal penyakit-penyakit serta memajukan lagi pembiakan dan pemakanan haiwan.

6.11 Penyelidikan di universiti-universiti telah memperlengkapkan lagi usaha-usaha penyelidikan yang dijalankan oleh berbagai institusi penyelidikan pertanian. Bidang-bidang penyelidikan termasuklah bioteknologi tanaman dan haiwan, kejenteraan pertanian, pengurusan serangga perosak dan penyakit serta pengurusan dan penggunaan bahan sisa pertanian.

P&P Sektor Perindustrian

6.12 Sekiranya dibandingkan dengan sektor pertanian, aktiviti-aktiviti P&P sektor perindustrian telah tidak diberi penekanan yang seimbang terutamanya kerana asas struktur industri yang sempit dan juga kerana wujudnya batasan dari segi pembangunan teknologi dan tenaga manusia. Walau bagaimanapun, dalam RM5, sebahagian besar projek P&P telah dilaksanakan, khususnya di dalam bidang-bidang seperti mikro-elektronik, teknologi maklumat, teknologi pembuatan berautomasi, teknologi nuklear dan sains bahan dengan tujuan memperkenalkan dan menyebarkan idea-idea baru bagi pembangunan produk.

6.13 Dalam bidang P&P perindustrian, institusi penyelidikan sektor awam dan universiti-universiti telah menjalankan penyelidikan asas dan gunaan bukan sahaja di dalam teknologi-teknologi konvensional, malah meliputi bidang-bidang baru teknologi seperti sains bahan, kepintaran rekaan dan teknologi maklumat. Penekanan yang bersungguh-sungguh telah diberikan kepada usaha bagi membangunkan teknologi-teknologi yang mempunyai potensi penggunaan di dalam produk-produk baru berteknologi tinggi yang inovatif untuk pasaran tempatan dan eksport. Dalam bidang mikro-elektronik dan teknologi maklumat, penemuan-penemuan yang berpotensi telah membawa faedah kepada industri komputer, telekomunikasi dan perisian. Bagi bidang teknologi pembuatan, kemajuan yang besar telah dicapai di dalam membangun dan menggunakan beberapa teknologi yang maju.

6.14 Teknik-teknik termaju yang menggunakan rekabentuk-dibantu-komputer (CAD) iaitu computer-aided design dan kejuruteraan dibantu-komputer (CAE) iaitu computer-aided engineering untuk acuan dan pengacuan telah dimajukan dan berjaya digunakan. Jentera kecil kos rendah untuk memproses dan mengeluarkan

makanan telah direkabentuk dan dihasilkan, khususnya untuk industri kecil dan sederhana (IKS). Dalam teknologi nuklear, pembangunan teknologi pengesanan yang menggunakan radioisotop telah mengukuhkan lagi proses dan pembangunan produk dalam beberapa industri. Di dalam bidang sains bahan, kemajuan besar telah dicapai dalam pembangunan teknologi seramik, logam dan plastik yang seterusnya memberi faedah kepada industri-industri tempatan.

P&P Sektor Strategik

6.15 Bidang-bidang penyelidikan yang diliputi di bawah sektor strategik termasuklah sains asas, pengurusan sumber, teknologi-teknologi baru muncul dan masa hadapan, teknoekonomik dan sains sosial. Menyedari kepentingan sains asas di dalam menambahkan ilmu pengetahuan dan pembangunan teknologi baru, sumber yang agak besar telah diagihkan untuk pembangunannya. Memandangkan penekanan yang diberikan terhadap pemuliharaan sumber semula jadi dan perlindungan alam sekitar, peruntukan yang lebih banyak telah disediakan untuk program seperti penilaian kesan pembangunan terhadap alam sekitar, pembuangan bahan-bahan sisa pejal dan toksik serta pencemaran ke atas air, udara dan bunyi. Penemuan-penemuan penting telah diperolehi daripada aktiviti-aktiviti penyelidikan di dalam bidang-bidang khusus seperti getah asli cecair, hakisan pantai dan lebuhraya, remote sensing dan elektro-optik. Adalah membanggakan apabila mendapati bahawa sesetengah penemuan ahli-ahli sains tempatan berada di peringkat yang sedia untuk dipindahkan kepada tahap yang boleh diguna atau dimajukan.

P&P Sektor Perubatan

6.16 Dalam tempoh RM5, aktiviti-aktiviti P&P di dalam sektor perubatan telah dipertingkatkan. Tumpuan telah diberikan kepada penyelidikan yang berorientasikan penyelesaian masalah yang bertujuan mencari jalan bagi merapatkan jurang di antara pengetahuan dan penggunaan untuk menyelesaikan masalah-masalah kesihatan yang sentiasa menimbulkan kebimbangan orang ramai. Di antara kejayaan tersebut termasuklah pembangunan satu model yang menggunakan haiwan untuk menguji ubat-ubat yang mempunyai potensi menentang penyakit filariasis dan mengenalpasti agen mikrobial sebagai alternatif kepada racun serangga perosak dalam memerangi ancaman nyamuk. Tambahan pula, teknologi-teknologi baru seperti peralatan diagnostik yang cepat bagi demam denggi dan kemajuan serta pengeluaran bahan-bahan baru yang boleh mengenalpasti penyakit-penyakit kelenjar telah diperkenalkan. Peruntukan yang semakin banyak telah disalurkan untuk penyelidikan dalam berbagai aspek sains bio-perubatan.

Penglibatan Sektor Swasta dalam P&P dan Pembangunan Teknologi

6.17 Sungguhpun maklumat yang kemaskini mengenai perbelanjaan P&P serta kedudukan pembangunan teknologi dalam sektor swasta tidak terkumpul dengan lengkap, namun satu penyiasatan mengenai perbelanjaan P&P yang dijalankan oleh Kerajaan pada tahun 1990 telah menunjukkan bahawa tahap perbelanjaan P&P serta inovasi di kalangan firma-firma tempatan adalah rendah. Arah aliran umum ini telah disokong pula oleh penemuan awal Penyiasatan Pembuatan, 1989/90 yang dijalankan oleh Persekutuan Pekilang-pekilang Malaysia (FMM). Di antara lain, penyiasatan tersebut telah menunjukkan bahawa sektor swasta terlalu bergantung kepada sumber-sumber teknologi asing sementara aktiviti-aktiviti P&P yang dijalankan secara sendiri adalah tidak ketara. Penyesuaian dan perubahan dalam bentuk produk dan proses baru dan yang telah diperbaiki oleh firma-firma tempatan ke atas teknologi-teknologi yang berasal dari luar adalah masih belum begitu meluas. Keadaan ini adalah berlainan sama sekali dengan pengalaman NIEs semasa mereka berada di tahap yang sama dengan tahap pembangunan ekonomi Malaysia pada masa kini.

6.18 Sungguhpun wujud arah aliran umum yang sedemikian, namun sektor swasta telah menyumbang kepada perkembangan aktiviti-aktiviti penyelidikan dan inovasi teknologi di dalam bidang-bidang tertentu. Kemajuan yang menggalakkan telah dicapai di dalam bidang telekomunikasi di mana kepelbagaian dan inovasi produk yang meluas telah mewujudkan peluang masa depan bukan sahaja untuk pasaran tempatan tetapi yang lebih penting ialah untuk pasaran eksport. Sektor perladangan telah mengembangkan aktiviti-aktiviti P&P dengan memberi penekanan yang lebih terhadap pembiakan tisu, bioteknologi, penyelidikan pemasaran dan penyelidikan penggunaan akhir untuk melahirkan lebih banyak aktiviti pembangunan produk berasaskan pertanian di peringkat hiliran.

6.19 Memandangkan tahap pembangunan penyelidikan dan teknologi sektor swasta di negara ini secara relatifnya adalah rendah, Kerajaan telah melancarkan Tabung Bantuan Teknikal Perindustrian (TBTP) untuk menyediakan geran pembiayaan setara bagi menyokong skim-skim pembangunan produk dan rekabentuk serta skim peningkatan kualiti dan produktiviti, khususnya untuk IKS. Ini adalah sebagai tambahan kepada insentif-insentif fizikal dan kewangan yang sedia ada. Selanjutnya, taman teknologi yang pertama telah ditubuhkan untuk menggalakkan penyertaan sektor swasta yang lebih aktif dalam pembangunan teknologi dan untuk menggalakkan pertumbuhan syarikat-syarikat perintis baru berasaskan teknologi.

Teknologi Yang Diimport

6.20 Dalam tempoh RM5, penggunaan teknologi yang diimport terus memainkan peranan yang penting dalam mempercepatkan perkembangan perindustrian memandangkan asas teknologi negara yang masih belum luas. Berasaskan perjanjian kontrak yang telah diluluskan oleh Kerajaan, pengaliran masuk teknologi dari luar

telah meningkat dengan banyak dalam tempoh RM5 seperti yang ditunjukkan di Jadual-jadual 6-1 dan 6-2. Walau bagaimanapun, petunjuk ini hanyalah menggambarkan perjanjian import teknologi sepertimana yang diperlukan di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian, 1975 atau Akta Galakan Pelaburan, 1986 atau apabila ia diperlukan secara khusus di bawah peraturan Jawatankuasa Pelaburan Asing.

6.21 Sungguhpun disedari bahawa teknologi yang diimport adalah diperlukan untuk mencapai pertumbuhan perindustrian yang pesat, namun Kerajaan telah mengambil langkah-langkah bagi memastikan pemindahan teknologi daripada pembekal-pembekal teknologi asing ke negara ini dilakukan secara lebih berkesan dengan tujuan mempertingkatkan lagi keupayaan teknologi tempatan. Ini termasuklah penggubalan garis panduan yang baru mengenai dasar bayaran royalti. Teras utama garis panduan ini adalah untuk memastikan bahawa pihak penerima dan pembekal teknologi menerima faedah yang seimbang. Di samping itu, beberapa langkah telah diambil bagi memperkukuhkan keupayaan teknikal institusi-institusi yang terlibat di dalam memproses, menilai, memilih dan menguatkuasakan perjanjian-perjanjian pemindahan teknologi.

6.22 Sungguhpun berbagai-bagai langkah telah diambil bagi memudahkan lagi pemindahan teknologi dari luar, inovasi yang berbentuk teknologi di kalangan firma-firma Malaysia, khususnya di kalangan IKS adalah secara relatifnya masih rendah di dalam banyak perkara. Aktiviti-aktiviti yang bersifat inovasi adalah lebih cenderung kepada kerja-kerja pembaikan atau pengubahsuaian yang kecil bagi memenuhi keperluan tempatan berbanding dengan kerja-kerja merekabentuk dan membangunkan produk dan proses baru. Kurangnya keupayaan dan kebolehan tempatan bagi pembangunan teknologi menunjukkan perlunya diperkukuhkan keupayaan tempatan dalam khidmat perundingan, rekabentuk dan kejuruteraan tempatan.

Tenaga Manusia Saintifik dan Teknologi

6.23 Selaras dengan jangkaan mengenai perubahan teknologi yang pesat di dalam ekonomi, keupayaan institusi-institusi pendidikan dan latihan awam telah diperbesar lagi bagi memenuhi permintaan yang semakin meningkat untuk kemahiran tinggi dan khas, khususnya untuk jurutera dan juruteknik serta personel P&P. Sungguhpun institusi pengajian tinggi tempatan telah mengeluarkan ramai tenaga manusia dalam bidang-bidang S&T di peringkat tinggi dan sederhana, namun demikian masalah ketidakseimbangan dari segi jenis dan jumlah tenaga manusia yang dikeluarkan dan yang diperlukan oleh negara masih terus wujud.

6.24 Penemuan penyiasatan tenaga manusia P&P yang dijalankan oleh Kerajaan menunjukkan bahawa pada tahun 1989 seramai 13,605 personel terlibat sama ada secara sepenuh atau tidak sepenuh masa di dalam aktiviti P&P seperti ditunjukkan di

Jadual-jadual 6-3 dan 6-4. Daripada jumlah tersebut, 5,537 terdiri daripada ahli sains yang terlibat dalam penyelidikan dan yang lainnya adalah tenaga kerja sokongan. Seperti yang ditunjukkan, sektor awam merupakan sumber terbesar bagi tenaga kerja P&P di negara ini di mana sebahagian besar daripadanya terlibat dalam penyelidikan pertanian. Sebahagian besar daripada tenaga kerja P&P sektor awam terlibat dalam penyelidikan asas atau hulu berbanding dengan jumlah yang terlibat dalam penyelidikan guna atau pembangunan. Ini telah menyebabkan P&P mempunyai kesan yang kecil ke atas pembangunan perindustrian. Personel P&P sektor swasta adalah terlalu kecil untuk memberi sumbangan yang berkesan kepada penyelidikan tempatan yang berorientasikan pasaran.

6.25 Nisbah ahli sains yang terlibat dalam penyelidikan berbanding dengan jumlah penduduk adalah secara relatifnya masih rendah, iaitu dianggarkan kira-kira 400 bagi satu juta penduduk berbanding dengan Jepun (6,500 bagi 1 juta), United Kingdom (3,200 bagi 1 juta), Jerman Barat (3,000 bagi 1 juta) dan Korea Selatan (1,300 bagi 1 juta). Oleh itu, sekiranya dibandingkan dengan nisbah antarabangsa, jumlah personel P&P di negara ini bukan sahaja kecil dan tertumpu di sektor awam, malah penglibatan tenaga penyelidikannya di dalam penyelidikan yang berorientasikan keperluan pengguna adalah masih terhad.

Kesedaran, Galakan dan Mempopularkan S&T

6.26 Sepanjang tempoh RM5, aktiviti di berbagai peringkat telah dijalankan bertujuan untuk menggalakkan kefahaman yang lebih baik mengenai S&T dan peranannya dalam pembangunan negara. Pertandingan menulis esei sains, sajak bertemakan sains, penulisan cerita-cerita rekaan sains, kuiz sains, pertandingan untuk pencipta, pertandingan perisian dan pembangunan grafik komputer di peringkat kebangsaan telah digalakkan di kalangan pelajar-pelajar sebagai sebahagian daripada aktiviti-aktiviti tahunan Minggu Sains dan Teknologi Negara. Pusat Sains Negara yang pada masa ini terletak di atas tapak sementara, telah ditubuhkan dengan tujuan mempopularkan dan menggalakkan S&T. Di samping itu, sebuah planetarium telah ditubuhkan di Kuching oleh Kerajaan Negeri, sementara planetarium di Kuala Lumpur adalah masih di dalam peringkat pembinaan.

III. PROSPEK, 1991-95

6.27 S&T akan terus memainkan peranan penting dalam menggalakkan pertumbuhan serta mempelbagaikan asas pembangunan dan perdagangan dalam tempoh RM6 dan seterusnya. Langkah-langkah pelaksanaan dasar yang berorientasikan teknologi akan diberi penekanan selanjutnya bagi membolehkan negara menjadi lebih berdikari, dan mampu menghadapi cabaran-cabaran yang lebih besar berpunca daripada perubahan persekitaran ekonomi dalam negeri dan antarabangsa. Oleh yang demikian, usaha-usaha yang lebih giat dan bersepadu akan diteruskan ke arah perkembangan S&T yang pesat dan menyatukannya ke dalam program pembangunan negara. Kerajaan akan terus memperkemaskan rangka dasar, infrastruktur, insentif dan perkhidmatan-perkhidmatan sokongan yang diperlukan. Adalah diharapkan bahawa sektor swasta serta masyarakat keseluruhannya akan memanfaatkan sepenuhnya faedah daripada semua langkah tersebut.

6.28 Pembangunan teknologi tempatan akan diberi bimbingan dan dipupuk melalui aktiviti yang menggalakkan daya cipta, inovasi dan kebolehan menghasilkan ciptaan, khususnya di semua peringkat pendidikan serta industri. Sektor swasta khususnya diharap akan memberi keutamaan kepada proses penyerapan, pengubahsuaian, inovasi dan eksploitasi teknologi selaras dengan keperluan perindustrian dan eksport. Usaha-usaha yang lebih akan diberi kepada penyesuaian semula penyelidikan hulu supaya memenuhi keperluan pasaran. Sungguhpun sektor swasta tempatan mungkin tidak berada di tahap kemampuan untuk merintis penemuan-penemuan teknologi terbaru yang meluas, namun ia harus mengubahkan orientasinya supaya bersesuaian dengan perubahan persekitaran. Secara khusus, penekanan yang lebih perlu diberikan kepada usaha-usaha meningkatkan kandungan teknologi, kecekapan dan daya pengeluaran produk-produk dan perkhidmatan keluaran Malaysia untuk membolehkannya bersaing di pasaran antarabangsa.

Objektif Dasar dan Strategi untuk Pembangunan S&T

6.29 Dasar dan strategi bagi penggunaan dan pembangunan S&T yang berpotensi adalah ditumpukan kepada aktiviti yang boleh memberi sumbangan kepada pertumbuhan ekonomi jangka panjang yang boleh dikekalkan serta memperkayakan sosio-budaya. Pada prinsipnya, negara akan menyokong pembangunan aktiviti saintifik dan teknologi yang berasaskan kekuatan dan keupayaan sedia ada serta mempunyai potensi komersil dan eksport. Peluang-peluang yang lebih luas untuk meningkatkan daya persaingan negara di pasaran antarabangsa akan diterokai dengan cara meningkatkan daya pengeluaran dan juga membangunkan produk-produk dan perkhidmatan-perkhidmatan yang inovatif.

6.30 Di samping menyedari kepentingan dan keperluan memperkukuhkan penyelidikan asas, satu teras dasar yang penting ialah memberi penekanan kepada

penyelidikan guna dan pembangunan serta inovasi di dalam bidang-bidang yang akan memberi sumbangan yang besar kepada pembangunan perindustrian dan daya persaingan negara. Ini adalah untuk membangunkan keupayaan tempatan di dalam rekabentuk, kejuruteraan dan inovasi produk. Penekanan yang sama juga akan diberikan untuk membangunkan kepakaran di dalam teknologi yang diperlukan oleh industri-industri yang telah kukuh serta industri-industri baru yang dikenalpasti.

6.31 Memandangkan kemajuan teknologi dan perubahan struktur yang pesat, tumpuan yang lebih akan diberikan untuk meningkatkan penggunaan keupayaan dan kemampuan teknologi tempatan serta menggerakkan dan memastikan pemindahan teknologi-teknologi yang berpotensi kepada perusahaan-perusahaan yang produktif. Kebanyakan hasil penyelidikan oleh institusi penyelidikan sektor awam adalah maju dan mempunyai potensi untuk diperdagangkan. Dasar-dasar akan ditumpukan ke arah memupuk pembangunan keusahawanan yang berasaskan teknologi, menggalakkan interaksi yang lebih di kalangan institusi-institusi penyelidikan, industri dan perusahaan-perusahaan Kerajaan serta menjadikan sektor P&P awam lebih berorientasikan pasaran. Satu strategi akan diperkenalkan bagi mempergiatkan eksploitasi penyelidikan dan teknologi secara komersil.

6.32 Bagi membangunkan keupayaan tempatan dalam bidang S&T, pembelajaran dan pengajaran sains-sains asas dan penyediaan kaedah pengajaran berorientasikan teknologi akan diutamakan di peringkat pendidikan rendah, menengah dan pengajian tinggi. Oleh yang demikian, teras dasar adalah untuk meningkatkan kefahaman saintifik dan teknologi supaya lebih ramai tertarik kepada kerjaya di dalam bidang-bidang berkaitan dengan S&T dan universiti-universiti terus mengeluarkan lebih ramai graduan dan penyelidik yang berkualiti tinggi. Program-program pendidikan yang terpilih di dalam sains dan teknologi guna perlu juga disediakan untuk tenaga kerja yang sedia ada bagi membolehkan mereka bukan sahaja dilatih semula, tetapi juga mempertingkatkan dan memperolehi pengetahuan dan kepakaran baru yang praktikal. Ini adalah selaras dengan objektif untuk membangunkan tenaga kerja yang mudah menyesuaikan diri, berpengetahuan dan berkemahiran.

6.33 Satu lagi objektif dasar ialah untuk menggalakkan penyebaran dan penggunaan S&T yang meluas supaya dapat mempertingkatkan kualiti hidup dan memastikan negara mencapai taraf hidup yang lebih tinggi dan dalam masa yang sama mengurangkan kesan-kesan yang negatif terhadap alam sekitar serta budaya dan cara hidup rakyat. Institusi-institusi penyelidikan dan pendidikan Kerajaan, pihak swasta dan pekerja akan memainkan peranan yang penting di dalam menyebarkan dan menunjukkan faedah-faedah S&T kepada orang ramai bagi mendapat sokongan yang berterusan untuk dasar-dasar, program-program dan inisiatif-inisiatif yang berkaitan.

6.34 Selain daripada memperbaiki dan memperkukuhkan organisasi dan infrastruktur P&P sektor awam dan swasta, dasar S&T akan berusaha mengintegrasikan aktiviti-aktiviti penyelidikan sektor swasta di dalam rangka P&P negara. Sektor swasta perlu

memainkan peranan yang lebih agresif dan mengambil sikap yang positif terhadap P&P dan juga membangunkan infrastruktur yang cekap bagi penyerapan, penyebaran dan penggunaan teknologi. Selaras dengan ini, pihak industri akan digalakkan untuk mengkhusus di dalam teknologi baru dan yang berpotensi berasaskan strategi yang memilih teknologi-teknologi yang berguna dan menguntungkan. Strategi ini seharusnya menjadi tumpuan bagi mewujudkan peluang-peluang di dalam persekitaran antarabangsa yang semakin kompetitif. Firma-firma tempatan, terutamanya perusahaan-perusahaan yang lebih besar akan digalakkan untuk menubuhkan sistem P&P masing-masing. Program-program bantuan khas akan dibentuk dan dihaskan untuk IKS bagi tujuan menggalakkan inovasi perindustrian. Insentif-insentif cukai dan kewangan yang lebih menarik serta penyediaan infrastruktur teknologi akan dirangka bagi menggalakkan aktiviti-aktiviti P&P dan inovasi berbentuk teknologi di sektor swasta, terutamanya di kalangan IKS yang menggunakan teknologi secara intensif.

6.35 Penyediaan peruntukan yang lebih banyak untuk P&P akan diperlukan bagi memperkukuhkan kedudukan tenaga manusia dan kemudahan-kemudahan infrastruktur dengan penekanan yang khusus ke atas pembangunan teknologi yang diberi keutamaan. Kerajaan akan menyediakan peruntukan kewangan, geran pembiayaan setara secara terus, pinjaman mudah dan peruntukan kredit secara terpilih bagi membantu mempercepatkan aktiviti-aktiviti inovatif di dalam sektor awam dan swasta. Serentak dengan itu, pihak swasta atas daya usahanya sendiri akan melengkapkan lagi usaha-usaha sektor awam. Ini adalah selaras dengan hasrat Kerajaan untuk meningkatkan sekurang-kurangnya dua kali ganda nisbah perbelanjaan P&P negara sebagai peratusan daripada KNK menjelang tahun 2000 berbanding dengan tahap semasa dalam lingkungan satu peratus. Usaha-usaha yang khusus akan diambil bagi mempertingkatkan sumbangan sektor swasta supaya apabila menjelang tahun 2000, sumbangannya kepada perbelanjaan P&P negara adalah sekurang-kurangnya 40 peratus.

Program-program Penyebaran dan Penggunaan Teknologi Maju

6.36 Beberapa langkah akan diambil bagi memastikan penyebaran dan penggunaan teknologi yang terbaru dan maju secara meluas, terutamanya dalam bidang-bidang yang menggunakan teknologi dan maklumat secara intensif. Dalam hal ini, saluran utamanya ialah pelaburan asing secara langsung, aktiviti-aktiviti pelesenan teknologi dan perdagangan. Dasar mengenai pelaburan asing dan pelesenan teknologi akan digunakan dengan cara yang lebih strategik bagi memastikan kemasukan teknologi yang diperlukan sahaja di samping mengurangkan kemasukan teknologi bertindih dan bertahap rendah. Di samping itu, pembangunan keupayaan yang berlebihan atau penumpuan dalam teknologi tertentu akan diawasi. Perhatian yang khusus akan juga diberi kepada pewujudan lebih banyak usahasama dan rantaian yang lebih berkesan di antara perusahaan-perusahaan tempatan dan asing untuk mempertingkatkan keupayaan teknologi tempatan.

6.37 Perusahaan-perusahaan tempatan, khususnya IKS diharap akan memberi sambutan yang lebih positif kepada berbagai langkah yang akan diperkenalkan oleh Kerajaan bagi mempertingkatkan tahap teknologi industri di mana kesannya ialah pewujudan peluang-peluang yang lebih baik untuk pembangunan produk dan pasaran. Pelaksanaan TBTP yang menyediakan geran pembiayaan setara bagi mempercepatkan pembangunan produk serta kemajuan teknikal dan kecanggihan di dalam industri akan dilaksanakan secara lebih berkesan melalui sokongan khidmat nasihat dan perundingan perniagaan serta pemasaran.

6.38 Dalam konteks yang tersebut di atas, perkhidmatan teknikal yang disediakan oleh institusi Kerajaan untuk sektor swasta seperti khidmat perundingan, khidmat bimbingan, penyediaan maklumat teknikal dan latihan teknikal di dalam bidang-bidang khusus akan dipergiatkan lagi. Sekiranya dapat dilaksanakan, Kerajaan akan menyediakan infrastruktur dan kemudahan berorientasikan teknologi serta memberi potongan ke atas kadar utiliti dan premium tanah di dalam kawasan tertentu seperti di kawasan perindustrian berteknologi tinggi, taman foundri, pusat-pusat peningkatan mutu dan juga bagi institusi-institusi dan agensi-agensi yang sedia ada.

6.39 Sebagai alternatif kepada bantuan kewangan yang berasaskan geran yang tidak sepuh, Kerajaan sedang membentuk mekanisma-mekanisma bagi menyediakan pinjaman mudah, modal teroka dan lain-lain bentuk bantuan untuk menggalakkan firma-firma swasta dan individu-individu mengambil daya usaha membangunkan aktiviti-aktiviti bagi memperdagang dan memasarkan teknologi. Kerjasama ataupun usahasama di antara sektor swasta dan awam yang melibatkan syarikat-syarikat, institusi-institusi penyelidikan dan universiti-universiti dalam projek-projek P&P akan digalakkan. Dalam hal ini, Kerajaan akan menimbang untuk memperkenalkan langkah-langkah bagi memudahkan pertukaran ataupun peminjaman ahli-ahli sains dan penyelidik-penyelidik di kalangan agensi-agensi sektor awam serta di antara sektor awam dan swasta.

6.40 Untuk mempertingkatkan pembangunan P&P dan teknologi, kerjasama di peringkat antarabangsa dalam bidang-bidang S&T terpilih akan dilaksanakan. Dalam masa yang sama, perjanjian-perjanjian kerjasama dalam bidang ekonomi dan teknikal yang sedia ada akan digunakan dengan sepenuhnya. Usaha-usaha akan dibuat bagi mempertingkatkan pertukaran maklumat teknologi serta menjalankan penyelidikan dan latihan bersama dalam bidang-bidang S&T yang khusus. Ini termasuklah aktiviti-aktiviti yang boleh memberi faedah bersama seperti pertukaran maklumat teknikal mengenai penyelidikan asas dan gunaan serta pertukaran para penyelidik, ahli sains dan teknologi di dalam teknologi-teknologi yang terpilih.

Peningkatan Mutu dan Keupayaan Merekabentuk

6.41 Tahap keupayaan dari segi mutu dan rekabentuk produk perlu dipertingkatkan supaya kesempatan dapat diambil ke atas peluang-peluang pelaburan dan eksport yang luas melalui kepelbagaian dan kecanggihan produk yang lebih hasil daripada teknologi, mutu dan rekabentuk yang berubah-ubah. Perusahaan tempatan perlu mengambil sikap yang lebih positif terhadap peningkatan dan pengurusan mutu serta meningkatkan keupayaan di dalam bidang-bidang seperti rekabentuk perindustrian, kejuruteraan dan produk. Penekanan khas harus diberikan kepada latihan di dalam syarikat serta latihan semasa kerja dalam aspek kepakaran mutu dan rekabentuk.

6.42 Kerajaan akan melaksanakan program-program peningkatan mutu dan rekabentuk yang terbuka kepada penyertaan industri. Bagi meningkatkan kesedaran dan keupayaan merekabentuk, pusat rekabentuk produk di Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM) akan dinaikkan taraf kepada Pusat Rekabentuk Produk Negara. Pusat ini akan menyediakan khidmat perunding kepada industri di dalam merekabentuk produk, pembuatan contoh asal dan pembangunan produk dengan penekanan khusus bagi membantu IKS. Selaras dengan cadangan PTPTP mengenai penubuhan beberapa pusat peningkatan mutu bagi menyediakan perkhidmatan sokongan rekabentuk dan kejuruteraan serta lain-lain khidmat nasihat yang berkaitan, Kerajaan akan menyediakan infrastruktur asas awalan untuk pusat-pusat yang sedemikian. Sektor swasta kemudiannya akan mengambil alih pusat-pusat tersebut. Di samping itu, kursus-kursus dan program-program latihan di institusi-institusi pendidikan sektor awam akan diubahsuai bagi memenuhi permintaan yang semakin bertambah untuk penge tahuan dan kepakaran yang sedemikian.

Pendidikan dan Latihan dalam S&T

6.43 Menyedari hakikat bahawa pembangunan sumber manusia akhirnya akan mempengaruhi kejayaan serta kualiti kemajuan dan kekayaan teknologi, Kerajaan akan memberi keutamaan yang paling tinggi kepada usaha bagi memperbaiki dan memperkukuhkan keseluruhan sistem pendidikan dan latihan dalam bidang S&T. Terasnya ialah untuk membangunkan sebuah masyarakat yang berpengetahuan dan terlatih dalam S&T yang mampu melibatkan diri secara aktifnya dalam perubahan sosio-ekonomi. Ini memerlukan sistem latihan yang boleh bertindakbalas dengan lebih mudah kepada corak perubahan kemahiran dalam pekerjaan dan paras keperluan kemahiran minimum bagi semua golongan muda yang secara relatifnya adalah lebih tinggi berbanding dengan masa-masa yang lepas.

6.44 Satu halangan kritikal yang perlu diberi perhatian ialah mengatasi masalah ketidaksesuaian di antara penawaran dengan permintaan tenaga manusia saintifik dan teknologi dari segi kuantiti dan kualiti. Sebahagian besar daripada kekurangan ini akan diatasi dengan mempergiatkan lagi usaha-usaha pendidikan dan latihan di luar dan juga dalam negeri. Penekanan yang akan diberi ialah memperkembangkan

program-program pendidikan dan latihan tempatan dalam bidang sains kejuruteraan dan teknologi serta mengemaskini secara berterusan kurikulum dan pembangunan kepakaran S&T bagi mengambilkira pengetahuan saintifik dan teknologi yang bersesuaian dan berorientasikan kepada penggunaan praktikal. Universiti-universiti, agensi-agensi penyelidikan dan institusi-institusi pengajian tinggi akan memainkan peranan utama di dalam mempertingkatkan keupayaan pendidikan, penyelidikan dan latihan bagi menyediakan sokongan yang berkesan untuk memperolehi kecekapan dalam teknologi-teknologi baru dan yang baru muncul serta meningkatkan keupayaan teknologi-teknologi konvensional dan tradisional. Program-program yang bertaraf diploma lepasan ijazah, ijazah-ijazah sarjana dan kedoktoran akan diperbanyakkan khususnya di dalam bidang-bidang yang berkaitan dengan S&T.

6.45 Pembangunan tenaga manusia dalam bidang S&T akan menjadi asas kepada peningkatan tahap kecekapan dan daya bersaing dalam bidang perindustrian. Di peringkat perusahaan, langkah-langkah akan diambil untuk menggalakkan mereka mengemaskini pengetahuan mengenai perkembangan terbaru dan mempertingkatkan kebolehan dalam menggunakan teknologi-teknologi yang baru dan yang lebih maju. Kerajaan akan melancarkan Tabung Pembangunan Sumber Manusia bertujuan membangunkan keupayaan teknologi tempatan di kalangan perusahaan-perusahaan pembuatan. Firma-firma perindustrian akan diwajibkan menyumbang kepada tabung tersebut yang kemudiannya akan digunakan untuk melaksanakan program-program latihan berkaitan dengan teknologi di institut-institut yang dibenar menjalankannya.

Sokongan untuk Asas Sains

6.46 Dalam proses mempercepatkan pembangunan S&T, sokongan yang berterusan akan diberi untuk memperkukuhkan asas sains. Langkah-langkah akan diambil untuk menekankan disiplin-disiplin utama dalam sains asas seperti biologi molekular dan genetik serta kimia, fizik dan matematik. Dalam hubungan ini, universiti-universiti perlu memainkan peranan utama di dalam memperkembangkan pendidikan dan pengetahuan dalam bidang-bidang tersebut. Sumber-sumber yang lebih dalam bentuk penyediaan kemudahan yang lebih baik dan peningkatan kepakaran di dalam bidang-bidang yang terpilih akan disediakan untuk universiti-universiti bagi memperkukuhkan keupayaan penyelidikan dan pengajaran mereka.

6.47 Usaha mengemaskini dan mengubahsuai kurikulum yang diperlukan akan dilakukan selaras dengan perkembangan pengetahuan, kepakaran dan penggunaannya dalam bidang-bidang matematik, saintifik dan teknologi. Dalam hal ini, sokongan akan diberikan terhadap penyelidikan ke atas proses pengajaran dan pembelajaran S&T di peringkat penggunaan asas dan yang lebih tinggi. Universiti-universiti diharap akan mengekalkan hubungan yang rapat dengan lain-lain institusi dan industri yang berkaitan bagi mendapat panduan serta mewujudkan perkaitan yang lebih jelas di dalam pengajaran dan pembelajaran matematik dan sains asas.

Teknologi-teknologi Penting dan Utama

6.48 Kerajaan telah mengumumkan rancangan jangka panjang bagi penambahan sumber-sumber yang lebih banyak dalam teknologi-teknologi baru dan yang baru muncul bagi memastikan tumpuan diberikan terhadap bidang-bidang yang boleh mendatangkan pulangan ekonomi yang paling tinggi. Lima bidang teknologi penting telah dikenalpasti untuk menambahkan kecekapan dan untuk menggunakan kesempatan meningkatkan daya inovasi serta membangunkan lagi ruang bidang teknologi yang khusus untuk industri-industri tempatan.

6.49 Teknologi Pembuatan Berautomasi (AMT) iaitu automated manufacturing technology merujuk kepada penggunaan teknik-teknik maju dalam bidang pengurusan dan cara-cara serta kaedah-kaedah teknikal bagi mempertingkatkan mutu, kepantasan dan kebolehan untuk membuat penyesuaian terhadap persekitaran pengilangan. AMT meliputi pilihan teknologi yang luas, khususnya teknologi maklumat dan kawalan serta kejuruteraan perisian. Contoh-contohnya ialah CAD, CAM dan kawalan numerikal secara berkomputer (CNC) iaitu computerized numerical control, robot-robot perindustrian, sistem pembuatan yang mudah diubahsuai, proses perancangan serta kawalan dan sistem-sistem pakar. AMT digunakan pada tahap yang berbeza-beza di dalam beberapa perusahaan pembuat-tan di Malaysia, khususnya di kalangan syarikat-syarikat multinasional. Walau bagaimanapun, kebanyakan syarikat pembuatan tempatan masih belum memperolehi faedah yang boleh diberikan oleh AMT dari segi kecekapan, daya pengeluaran, mutu dan daya bersaing di peringkat antarabangsa.

6.50 Bahan-bahan termaju meliputi berbagai jenis bahan termasuk plastik, logam, seramik dan campuran bahan-bahan tersebut yang mana kemajuan teknologi terbaru telah mengubah secara radikal tanggapan tradisional mengenai penggunaan bahan-bahan tersebut. Sebagai contoh, plastik dan seramik mempunyai struktur kegunaan yang baru, sifat-sifat mekanikal dan kimia logam-logam telah diperkukuhkan melalui kemajuan yang telah dicapai dalam kaedah-kaedah kajil logam dan fabrikasi, dan sekumpulan baru elektro-seramik dipercayai menjadi punca utama kepada kemajuan yang boleh dicapai di dalam bidang elektronik dan mikroelektronik. Malaysia mempunyai kelebihan dari segi sumber di bidang plastik dan beberapa bahan baru seperti unsur-unsur bumi nadir yang boleh digunakan untuk mencapai kemajuan dalam bidang ini.

6.51 Bioteknologi telah menjadi semakin penting sebagai satu teknologi utama pada masa hadapan melalui kemajuan terbaru yang dicapai di dalam biologi molekular dan kejuruteraan genetik. Penggunaannya boleh dilihat dalam berbagai bidang termasuk pertanian, kesihatan, makanan dan tenaga. Ini merupakan satu bidang yang mana Malaysia telah memperolehi kebolehan dan asas pengetahuan yang agak kukuh dan

adalah diharapkan kemajuan yang lebih besar boleh dicapai termasuk dalam aspek pengukuhan institusi.

6.52 Elektronik diakui secara meluas sebagai satu teknologi yang mempunyai kesan yang mendalam terhadap ekonomi antarabangsa. Berbagai bidang khusus yang diliputi termasuklah rekabentuk dan pengeluaran komponen, teknik-teknik merekabentuk dan sistem pemasangan serta kegunaan-kegunaan lain yang canggih oleh industri dan pengguna dengan lebih luas. Mikroelektronik dan teknologi digital merupakan dua sektor utama dalam bidang ini. Malaysia mencapai kecekapan dalam bidang pemasangan peralatan elektronik dan komponen yang terhad melalui aktiviti pembuatan syarikat-syarikat multinasional tetapi masih belum memperolehi keupayaan yang diperlukan di dalam aspek-aspek yang lebih kreatif dari segi merekabentuk dan pembangunan produk dan perkhidmatan yang inovatif.

6.53 Teknologi Maklumat (IT) iaitu information technology dalam pengertian yang lebih meluas adalah merujuk kepada semua elemen teknologi yang membolehkan perolehan, penyimpanan, pemerosesan, penghantaran dan penyampaian maklumat. Teknologi-teknologi utama yang terlibat ialah mikroelektronik, komputer, telekomunikasi dan teknologi perisian. Ia tepat disebut sebagai asas kepada revolusi perindustrian yang kedua dan telah menjadi matlamat yang perlu dicapai oleh kebanyakan negara perindustrian dan negara-negara yang sedang mengalami proses perindustrian sebagai teknologi kompetitif yang strategik bagi mencapai kecekapan dan daya bersaing di dalam perdagangan antarabangsa. Malaysia, seperti juga negara-negara lain di dunia sedang mengalami perubahan yang besar kesan daripada IT dan telah membuktikan kebolehnya di dalam bidang-bidang tertentu dalam teknologi mikrokomputer dan telekomunikasi sungguhpun secara keseluruhannya ia masih ketinggalan jika dibandingkan dengan kebanyakan NIEs dalam bidang-bidang tersebut.

6.54 Sebagai langkah untuk mempertingkatkan keupayaan dan menggalakkan P&P di dalam bidang-bidang keutamaan yang terpilih ini, institusi-institusi yang berkenaan akan merangka aktiviti-aktiviti penyelidikan, rancangan strategik dan projek kesedaran untuk dilaksanakan mengikut keutamaan. Pada asasnya, program-program pembangunan yang lebih komprehensif dan bersepadu akan dirangka. Penekanan akan diperluas dan tidak dihadkan semata-mata kepada penyediaan infrastruktur fizikal dan sokongan kewangan untuk P&P dan inovasi. Langkah-langkah bagi memperlengkapkan sokongan tersebut termasuklah menggalakkan aktiviti-aktiviti yang mempunyai hubungan dengan penyebaran, komersilisasi dan pemasaran bagi tujuan meningkatkan asas teknologi dan mewujudkan pertumbuhan dan peluang-peluang pekerjaan yang baru.

6.55 Penglibatan sektor swasta adalah salah satu daripada pra-syarat asas bagi menjamin kejayaan pendekatan strategik yang sedemikian. Dalam hal ini, Kerajaan akan mewujudkan persekitaran yang sesuai bagi memupuk pertumbuhan firma-firma

tempat yang berasaskan teknologi baru. Insentif-insentif khas untuk menggalakkan pertumbuhan firma-firma seperti ini akan diperkenalkan termasuk geran pelancaran untuk memulakan perniagaan serta bantuan dari segi penyelidikan pasaran dan di dalam modal teroka. Langkah-langkah lain termasuklah dasar pembelian Kerajaan yang akan memberi keutamaan kepada barang-barang keluaran tempatan seperti komputer dan telekomunikasi, perlonggaran peraturan-peraturan yang membenarkan usahasama di kalangan firma-firma yang berasaskan teknologi tinggi dan penetapan piawaian teknikal yang lebih memihak kepada barang-barang keluaran firma-firma tempatan.

Memperdagangkan Penyelidikan dan Teknologi

6.56 PTPTP telah memperakukan supaya institusi-institusi penyelidikan mencapai matlamat pembiayaan sendiri sebanyak 30 peratus pada tahun 1995 dan 60 peratus menjelang tahun 2000. Di peringkat ini adalah kena pada masanya sekiranya institusi-institusi penyelidikan mengambil pendirian komersil yang lebih jelas bagi membolehkannya mencapai matlamat sedemikian dan mempertingkatkan sumbangan yang bakal diberikan kepada pembangunan. Bagi mencapai tujuan tersebut, langkah-langkah akan diambil bagi menyusun dan membuat penyesuaian semula aktiviti-aktiviti penyelidikan dengan tujuan mewujudkan kesinambungan dan hubungan rapat dengan keperluan pasaran.

6.57 Dalam konteks ini, pembentukan rangka kerja institusi, perundangan dan pentadbiran yang bersesuaian adalah sangat penting bagi proses asimilasi, pengubahsuaian dan penyebaran teknologi-teknologi yang berpotensi secara sistematik. Untuk tujuan ini, beberapa langkah sedang dipertimbangkan. Pembentukan satu badan perantaraan yang akan memudahkan eksploitasi komersil ke atas penyelidikan dan teknologi yang berpotensi sedang dipertimbangkan. Pilihan-pilihan lain termasuklah penubuhan satu bahagian yang menjalankan perniagaan di dalam institusi atau universiti bertujuan membawa teknologi yang berpotensi ke pasaran atau proses memperdagang dan memasarkan teknologi yang boleh dilaksanakan melalui taman teknologi dan pusat inovasi. Satu sistem penyelidikan secara kontrak yang komprehensif bagi mewujudkan interaksi yang lebih diantara institusi-institusi penyelidikan dan industri juga akan dipertimbangkan. Pendekatan-pendekatan baru yang sedemikian akan memudahkan penjualan teknologi yg berpotensi serta mendorong usahasama dengan industri di dalam projek-projek teknologi diperingkat hiliran yang berdaya maju.

6.58 Pendekatan-pendekatan baru ini juga akan menggalakkan pelaburan di dalam teknologi dan pembangunan keusahawanan bagi memperdagang dan menyebarkan teknologi baru. Kesannya ialah pewujudan aktiviti-aktiviti rangkaian seperti khidmat-khidmat perundingan, kejuruteraan, rekabentuk dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan. Walau bagaimanapun, infrastruktur bagi aktiviti-aktiviti hiliran pada peringkat permulaan seperti meluaskan skop penyelidikan, pembentukan produk,

contoh: kewangan dan pemasaran perlu dibangunkan. Memandangkan bahawa proses komersilisasi melibatkan risiko yang tinggi, ketidakpastian, dan masa percambahan yang panjang, Kerajaan akan memberi pertimbangan kepada pembentukan tabung-tabung yang khas di kalangan institusi-institusi kewangan yang sedia ada ataupun penubuhan perbadanan-perbadanan modal teroka yang baru yang akan menyediakan pendahuluan kepada firma-firma, konsortium atau usahawan-usahawan individu yang rajin berusaha dengan mengenakan syarat-syarat yang berpatutan.

Dasar Hak Intelektual untuk Komersilisasi

6.59 Dalam usaha memperdagangkan teknologi yang berpotensi dan mewujudkan aktiviti-aktiviti ekonomi dan peluang-peluang pekerjaan yang baru, satu aspek yang penting ialah penggubalan dan pembentukan dasar dan garis panduan hak intelektual untuk universiti-universiti dan institusi-institusi penyelidikan. Ini adalah sebahagian daripada proses untuk mewujudkan suasana yang lebih sesuai bagi membolehkan perkembangan inovasi, ciptaan dan peralihan daripada makmal kepada peringkat di mana ianya boleh diperdagangkan. Daya usaha ini akan ditumpukan terutamanya untuk menjaga kepentingan orang ramai, menggalakkan daya cipta dan inovasi dan mempelbagaikan asas perindustrian. Dasar dan garis panduan ini akan memberikan kelonggaran kepada institusi-institusi untuk membentuk perjanjian-perjanjian pelesenan, kontrak-kontrak penyelidikan yang ditaja dan prosidur-prosidur berkaitan yang boleh memenuhi keperluan tertentu. Dengan itu, institusi-institusi yang terlibat perlu memberi pertimbangan terhadap pembentukan program-program pengurusan hak intelektual yang akan membolehkan mereka mendapat pembiayaan penyelidikan, berkongsi hak dengan pencipta ke atas hak intelektual dan juga memainkan peranan yang utama di dalam mengenalpasti dan memasarkan hak intelektual yang mempunyai potensi untuk diperdagangkan.

6.60 Pada keseluruhannya, infrastruktur sokongan untuk paten dan pengurusan hak intelektual juga perlu dimajukan. Jentera pentadbiran dan penguatkuasaan yang sedia ada akan diperbaiki lagi untuk mengurus satu persekitaran yang semakin canggih apabila lebih banyak teknologi maju dihasilkan dan diberi paten. Di samping itu, berbagai bentuk khidmat nasihat dan perundingan yang baru berkaitan dengan perlindungan hak intelektual dan proses paten, termasuklah isu-isu perundangan yang berkaitan, pencarian dan pemindahan pengertian paten akan dimajukan. Peranan Universiti-universiti

6.61 Sebagai sebahagian daripada strategi untuk memperluas-kan asas teknologi, universiti-universiti perlu memainkan peranan yang lebih penting di dalam pembangunan S&T dan tenaga manusia. Universiti-universiti akan disediakan dengan sumber-sumber yang mencukupi bagi mempertingkatkan mutu pengajaran serta keupayaan penyelidikan dan latihan sebagai usaha untuk memperoleh dan

mempertingkatkan kebolehan mereka di dalam teknologi baru dan penghasilan inovasi. Peluang-peluang untuk latihan dan pendidikan lepasan ijazah juga akan dipertingkatkan sebagai usaha untuk memperkukuhkan kemampuan terutamanya dalam bidang-bidang teras P&P dan asas sains yang menyokongnya.

6.62 Memandangkan wujudnya kemahiran yang meluas di dalam pelbagai bidang, universiti-universiti berkemampuan untuk memberi sumbangan yang besar kepada pembangunan perindustrian secara menyeluruh melalui kegiatan pembangunan produk dan memperdagangkan idea-idea baru. Sungguhpun universiti-universiti mempunyai tradisi kerjasama dengan pihak swasta, bentuk-bentuk interaksi yang baru akan diwujudkan supaya kedua-dua pihak dapat memainkan peranan yang lebih berkesan dan saling bergantung di dalam penerokaan teknologi dan pembangunan sumber manusia. Beberapa bentuk hubungan baru adalah dalam berbagai peringkat persediaan dan ini termasuk skim pengajian di syarikat, skim inkubator dan program lepasan ijazah dan program bimbingan anjuran bersama industri dan universiti.

6.64 Minggu S&T akan diperkembangkan supaya ianya boleh menggalakkan penyertaan yang lebih meluas di peringkat negeri dan daerah dan dipergiatkan bagi meliputi lebih banyak lagi isu-isu berkaitan dengan S&T. Langkah-langkah yang sesuai akan dilaksanakan bagi mempertingkatkan penglibatan persatuan-persatuan dan kelab-kelab S&T dalam aktiviti-aktiviti yang berorientasikan teknologi di peringkat kebangsaan. Bagi mempertingkatkan lagi kesedaran terhadap S&T, sebuah pusat sains yang baru akan ditubuhkan untuk menyelaras usaha-usaha bagi mempopularkan S&T. Ke arah mencapai hasrat tersebut, sektor korporat telah menyatakan kesanggupannya untuk memberi sokongan kepada pusat berkenaan dalam bentuk penyediaan rekabentuk, fabrikasi dan pembelian barang-barang pamerannya.

Sistem Perisikan dan Maklumat S&T

6.65 Dalam usaha membentuk rantaian dan mencapai kata sepakat bagi pengurusan dan penyelarasan dasar dan program S&T yang berkesan, satu pra-syarat yang penting ialah pembentukan suatu mekanisma yang cekap untuk pengumpulan dan penyebaran maklumat. Bagi tujuan ini, satu Sistem Perisikan dan Maklumat Sains dan Teknologi Nasional akan dibentuk untuk mempertingkatkan kesenangan bagi mendapat maklumat mengenai perkembangan S&T. Tujuan sistem yang sedemikian, di antara lain ialah untuk memudahkan penyebaran maklumat mengenai S&T dengan cepat dan berkesan, membantu di dalam penyelarasan dan pengesanan program-program P&P serta pengumpulan maklumat dan data yang diperlukan untuk penggubalan dasar, strategi dan program-program.

Penyelarasan dan Pengurusan Dasar S&T

6.66 Selaras dengan usaha-usaha ke arah mempercepatkan inovasi untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi, daya pengeluaran dan daya bersaing, penekanan yang lebih akan diberi terhadap penyelarasan dasar-dasar S&T. Dalam hal ini, Kerajaan akan berusaha mengurangkan percanggahan dalam membuat keputusan dan memastikan penyeragaman aktiviti di antara institusi dan perusahaan serta di antara sektor. Penyelarasan dasar-dasar yang lebih baik dan integrasinya yang lebih rapat dengan dasar-dasar ekonomi dan dasar-dasar lain adalah ditujukan terutamanya untuk mengurangkan kesulitan di peringkat institusi dan kepelbagaian sistem S&T serta untuk menyatukan keperluan-keperluan para ahli-ahli akademik, institusi penyelidikan dan sektor swasta. Bidang-bidang Keutamaan P&P

6.67 Kerajaan akan menyediakan peruntukan yang besar untuk membiayai secara langsung kegiatan P&P dan bakinya ditambah oleh sektor swasta. Sungguhpun Malaysia tidak diharap berada di hadapan di dalam kesemua bidang teknologi maju, peruntukan kewangan dan bentuk-bentuk bantuan lain akan ditumpukan kepada program-program P&P yang terpilih dan berorientasikan pencapaian sasaran tertentu yang penting dari segi strategi dan boleh memberikan peluang-peluang pembangunan yang terbaik. Program-program penyelidikan utama yang akan dijalankan akan ditumpukan terhadap asas sains yang boleh menyokong teknologi-teknologi baru muncul seperti kejuruteraan, elektro-optik, bahan-bahan termaju, telekomunikasi, teknologi semi-konduktor, sistem dan perisian komputer, sistem-sistem pembuatan, dan bioteknologi perubatan, tumbuhan dan haiwan. Bidang-bidang lain yang penting termasuklah alam sekitar, pengurusan sumber-sumber dan tenaga bukan konvensional. Dimensi sosio-budaya S&T akan diberi penekanan yang lebih. Kesan pembangunan teknologi akan dikaji bagi meminimumkan kesan buruk ke atas sosio-budaya. Bagi mencapai matlamat ini, satu lagi Panel IRPA mengenai Sains Sosial telah ditubuhkan. Agenda masa depan panel ini termasuk pembentukan satu pelan induk untuk penyelidikan sains sosial.

IV. PERUNTUKAN

6.68 Peruntukan pembangunan Kerajaan Persekutuan dan anggaran perbelanjaan bagi tempoh 1986-90 dan peruntukan bagi tempoh 1991-95 adalah seperti yang ditunjukkan di Jadual 6-5. Kerajaan akan menambahkan peruntukan P&P secara langsung untuk agensi-agensinya penyelidikan dan universiti kepada kira-kira \$600 juta sementara \$560 juta akan disediakan untuk pembangunan kemudahan infrastruktur fizikal dan pembangunan sumber manusia yang berkaitan. Peruntukan kewangan pada keseluruhannya diharap akan mencerminkan penekanan yang seimbang yang diberikan kepada penyelidikan asas dan gunaan, dan ke atas P&P perindustrian dan pertanian serta penyelidikan sosio-ekonomi.

6.69 Penekanan yang lebih akan diberikan untuk menjadikan P&P lebih bermakna dan berkesan, khususnya dalam konteks meningkatkan keupayaan tempatan dalam menghasilkan inovasi di peringkat hiliran. Ini akan dilakukan sebahagian besarnya melalui penyaluran sumber-sumber kepada program-program dan aktiviti-aktiviti P&P yang akan menggunakan teknologi baru untuk meningkatkan pengeluaran, memperbaiki produk dan perkhidmatan dan mengurangkan kesan buruk ke atas alam sekitar. Keutamaan, khususnya akan diberikan kepada usaha mempertingkatkan kecekapan di dalam P&P perindustrian selaras dengan keperluan untuk menyebar, menerimapakai dan mengubahsuaikan teknologi untuk pembangunan ekonomi.

6.70 Satu objektif penting dasar S&T adalah untuk membantu institusi-institusi penyelidikan awam dan universiti-universiti memberikan penekanan terhadap penggunaan kemajuan S&T, maklumat dan keupayaan P&P secara cekap dan produktif. Sumber-sumber yang sedia ada khususnya akan digunakan, sekiranya berdaya maju untuk mengembangkan keupayaan P&P di kalangan perusahaan-perusahaan tempatan. Memandangkan sektor awam memiliki sumber P&P yang terbesar di negara ini, sumber-sumber yang lebih akan disalurkan kepada program-program yang berpotensi yang boleh menggalakkan pemindahan teknologi tempatan yang masih belum digunakan daripada institusi-institusi penyelidikan sektor awam kepada sektor swasta.

V. PENUTUP

6.71 Peranan penting S&T menjadi bertambah kritikal di dalam keadaan kepesatan kemajuan saintifik dan teknologi dunia yang membawa perubahan-perubahan kepada faedah berbanding dan daya saingan ekonomi di seluruh dunia. Sungguhpun Malaysia agak ketinggalan di belakang dalam teknologi maju sekiranya dibanding dengan kebanyakan NIEs, ia telah menetapkan matlamat yang realistik dalam membangunkan keupayaannya di dalam teknologi yang penting kepada pembangunan ekonomi. RM6 akan terus memperkukuhkan asas yang telah dibina semasa RM5 untuk memperkemas dan memperjelaskan dasar, strategi dan program yang telah dihasilkan untuk pembangunan S&T. Tumpuan akan diberi ke atas pertumbuhan asas sains yang seimbang yang dapat menyokong pembangunan teknologi dan meningkatkan daya pengeluaran dalam pengeluaran utama serta memberi penekanan khas kepada penyelidikan hiliran yang berdasarkan keperluan pasaran dan pencapaian keupayaan teknikal yang lebih tinggi untuk mengimbangi inovasi teknologi dan keusahawanan. Program penyelidikan alam sekitar akan menumpukan perhatian ke atas pengurusan sumber-sumber. Pembangunan S&T akan menyediakan galakan kepada pewujudan sumber-sumber dan kekayaan yang mencukupi yang diperlukan bagi mencapai objektif-objektif Dasar Pembangunan Nasional.

BAB 7: PERDAGANGAN

I. PENDAHULUAN

7.01 Sektor perdagangan yang terdiri daripada perdagangan dalam dan luar negeri terus memainkan peranan penting dalam pertumbuhan dan pembangunan ekonomi dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima (RM5). Sektor ini telah membantu memperkembang dan membangunkan sektor-sektor utama ekonomi terutamanya pertanian, pembuatan dan pelancongan. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam (RM6), sektor perdagangan akan diperkukuh dan dipermodenkan lagi dengan memberi penekanan khas kepada penyertaan yang lebih oleh Bumiputera di dalam aktivitinya. Di peringkat antarabangsa pula, usaha usaha akan terus dilaksanakan untuk memastikan eksport negara dapat memasuki pasaran antarabangsa dengan lebih mudah. Program-program untuk membantu dan mengembangkan perdagangan luar negeri akan diperbaiki lagi.

II. KEMAJUAN, 1986-90

7.02 Sektor perdagangan telah mencatatkan kadar pertumbuhan purata sebanyak 4.7 peratus setahun dalam tempoh RM5. Nilai ditambah sektor kecil perdagangan borong dan runcit, dan juga hotel dan restoran meningkat daripada \$6,911 juta pada tahun 1985 kepada \$8,701 juta pada tahun 1990. Guna-tenaga dalam sektor ini telah berkembang pada kadar 6.2 peratus setahun daripada 917,300 pada tahun 1985 kepada 1,239,400 pada tahun 1990. Prestasi perdagangan luar Malaysia juga telah meningkat dalam tempoh ini. Eksport telah meningkat sebanyak lebih dua kali ganda, daripada \$38,017 juta pada tahun 1985 kepada \$79,548 juta pada tahun 1990 dengan kadar pertumbuhan purata sebanyak 14.7 peratus setahun.

Perdagangan Dalam Negeri Perdagangan Borong dan Runcit

7.03 Pada tahun 1990, terdapat 124,121 pertubuhan perdagangan borong dan runcit di Malaysia dan 91 peratus daripadanya adalah pertubuhan perdagangan runcit. Bilangan pertubuhan perdagangan runcit telah berkembang sebanyak 15 peratus setahun dalam tahun lapan puluhan. Seperti yang ditunjukkan di Carta 7-1, negeri-negeri yang mencatatkan pertumbuhan pesat dari segi bilangan pertubuhan perdagangan runcit ialah Pulau Pinang, Melaka, Johor, Pahang, Negeri Sembilan dan Selangor. Walau bagaimanapun terdapat pengurangan dalam jumlah pertubuhan perdagangan runcit khususnya bagi negeri Terengganu, Kelantan dan juga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Sebaliknya, jumlah pertubuhan perdagangan borong telah berkurang dengan banyaknya iaitu sebanyak 44.3 peratus dalam tahun lapan

puluhan. Fenomena ini telah berlaku secara meluas dan telah melibatkan kesemua negeri kecuali Melaka, seperti ditunjukkan di Carta 7-2.

7.04 Terdapat beberapa faktor yang telah menyebabkan perubahan struktur dalam sektor perdagangan borong dan runcit. Pertumbuhan aktiviti-aktiviti ekonomi terutamanya di sektor pembinaan dan harta, telah mengalihkan peluang-peluang keusahawanan dan perniagaan daripada sektor perdagangan kepada sektor-sektor tersebut. Pada masa yang sama, fenomena ini berlaku sejajar dengan perubahan struktur dalam sektor perdagangan pengedaran, ekoran daripada pertumbuhan ekonomi dan perubahan di dalam citarasa dan kehendak umum pengguna-pengguna. Perubahan-perubahan ini telah menyebabkan wujudnya permintaan yang bertambah untuk kegiatan-kegiatan perdagangan dan perkhidmatan terutamanya di kawasan-kawasan bandar. Ini semakin memerlukan pertumbuhan operasi dan aktiviti perdagangan berasaskan ekonomi bidang yang melibatkan peningkatan keupayaan pengeluaran dan pembesaran bidang kegiatan untuk menghasilkan daya kecekapan, produktiviti dan keberkesanan kos bagi sistem perdagangan borong dan pengedaran. Faktor-faktor lain yang membantu berlakunya perubahan struktur ini adalah peningkatan kemudahan pengangkutan udara, perkhidmatan lori, pengangkutan dalam negeri yang lebih cekap di samping teknik pembungkusan yang lebih baik dan peluang untuk mendapatkan kemudahan teknologi yang luas.

7.05 Pada umumnya, taburan kedai-kedai runcit di Semenanjung Malaysia adalah sama rata di antara kawasan bandar dan luar bandar seperti ditunjukkan di Jadual 7-1. Kira-kira 52 peratus daripada pertumbuhan perdagangan runcit adalah terletak di kawasan luar bandar, 20 peratus di bandar-bandar besar dan 28 peratus di kotaraya. Sebaliknya, pertumbuhan perdagangan borong adalah tertumpu di kawasan-kawasan bandar dengan 52.5 peratus di kawasan kotaraya, 20 peratus di kawasan bandar manakala bakinya 27.5 peratus terdapat di kawasan luar bandar.

7.06 Berbeza dengan Semenanjung Malaysia, hampir semua pertumbuhan perdagangan borong dan runcit di Sabah dan Sarawak adalah tertumpu di kawasan bandar, seperti ditunjukkan di Jadual 7-1. Ini disebabkan terutamanya oleh taburan penduduk yang tidak ramai di kawasan pedalaman di kedua-dua negeri tersebut. Kira-kira 60 peratus daripada pertumbuhan perdagangan runcit adalah terletak di kawasan kotaraya, 34.6 peratus di kawasan bandar manakala hanya 5.5 peratus terdapat di kawasan luar bandar. Aktiviti-aktiviti perdagangan borong di kawasan bandar adalah lebih nyata di Sabah dan Sarawak dengan 67.5 peratus pertumbuhan perdagangan borong adalah terletak di kawasan kotaraya, 30.4 peratus di kawasan bandar dan hanya 2.1 peratus terletak di kawasan luar bandar.

7.07 Perdagangan runcit di Malaysia terdiri daripada kedai bekalan makanan, pasar barangan basah dan kedai barangan khusus. Penyiasatan dalam tahun 1990 menunjukkan bahawa ketiga-tiga kategori tersebut merangkumi lebih 90 peratus daripada jumlah pertumbuhan perdagangan runcit.

7.08 Sebahagian besar bentuk perniagaan dalam sektor perdagangan dalam negeri adalah milik perseorangan. Bagi Semenanjung Malaysia, 82.3 peratus daripada pertubuhan perdagangan runcit dan 45.9 peratus pertubuhan perdagangan borong adalah milik perseorangan, seperti ditunjukkan di Jadual 7-1. Di Sabah dan Sarawak pula, peratusan pertubuhan perdagangan runcit ialah 86.2 peratus manakala pertubuhan perdagangan borong ialah 33.7 peratus. Peratusan ini menunjukkan bahawa sektor perdagangan dalam negeri adalah lebih banyak dikuasai oleh perniagaan-perniagaan tradisional milik keluarga.

7.09 Dari segi pemilikan mengikut kaum, kaum Cina memiliki sebahagian besar pertubuhan perdagangan borong dan runcit di Malaysia, seperti ditunjukkan di Jadual 7-1. Di Semenanjung Malaysia, Bumiputera memiliki 32.3 peratus daripada jumlah pertubuhan perdagangan runcit, manakala kaum Cina sebanyak 60.8 peratus dan kaum India sebanyak 6.3 peratus. Di Sabah dan Sarawak, pemilikan Bumiputera adalah lebih rendah iaitu 17.4 peratus dan kaum Cina adalah 79.3 peratus. Bagi pertubuhan perdagangan borong, pemilikan kaum Cina adalah jauh lebih tinggi. Di Semenanjung Malaysia, kaum Cina memiliki 85.2 peratus daripada jumlah pertubuhan perdagangan borong berbanding dengan 10.2 peratus Bumiputera dan 2.9 peratus kaum India. Bagi Sabah dan Sarawak pula, pemilikan kaum Cina adalah 94.5 peratus dan Bumiputera sebanyak 3.8 peratus. 7.10 Jumlah jualan kasar bulanan purata bagi perdagangan pengedaran dalam negeri adalah dianggarkan sebanyak \$3,900 juta. Jumlah jualan bulanan purata bagi perdagangan borong di Semenanjung Malaysia adalah \$1,283 juta, manakala bagi Sabah dan Sarawak, jumlahnya ialah \$243 juta. Bagi Semenanjung Malaysia, sepertiga daripada jualan bulanan runcit iaitu sebanyak \$2,300 juta diperolehi melalui kegiatan peruncitan am. Bakinya pula diperolehi melalui kedai-kedai khusus terutamanya kedai makanan, minuman, tembakau, barang-barang isi rumah dan kegunaan persendirian, bahan bakar, kenderaan bermotor serta barangan dan perkhidmatan perindustrian.

7.11 Dalam tempoh RM5, terdapat perubahan yang jelas dari segi komposisi dan bentuk jualan. Terdapat juga perubahan yang nyata dalam perbelanjaan terhadap barangan tahan lama dan barangan yang mempunyai perkhidmatan selepas jualan yang memuaskan. Ini menggambarkan perubahan dalam keutamaan dan citarasa pengguna, hasil daripada peningkatan pendapatan sebenar. Adalah dijangka bahawa permintaan untuk perkhidmatan yang lebih cekap dalam perniagaan borong dan runcit akan meningkat di masa hadapan.

Pasar tani dan pasar malam

7.12 Pasar tani dan pasar malam telah diperkenal untuk menyediakan peluang-peluang mendapat pendapatan yang lebih bagi para petani dan peniaga kecil yang terlibat di dalam pemasaran hasil pertanian tempatan dan barangan-barangan pengguna. Bilangan pasar tani telah meningkat sebanyak sembilan kali ganda kepada

130 buah pada tahun 1990. Pasar tani kebanyakannya terdapat di negeri-negeri pantai barat Semenanjung Malaysia dengan jumlah jualan lebih daripada \$30 juta pada tahun 1990.

7.13 Kedua-dua pasar tani dan pasar malam ini telah berjaya meningkatkan pendapatan peniaga-peniaga kecil. Penemuan awal menunjukkan bahawa 30 peratus daripada peniaga pasar tani dan 69 peratus peniaga pasar malam mendapat pendapatan bersih lebih daripada \$750 sebulan. Sebanyak 47 peratus peniaga Bumiputera di pasar tani dan 59 peratus di pasar malam mendapat pendapatan sebanyak \$750 sebulan.

Kemudahan Kewangan

7.14 Jumlah pinjaman yang dikeluarkan oleh sistem bank kepada sektor perniagaan am telah meningkat daripada \$10,136 juta pada akhir tahun 1985 kepada \$13,548 juta pada akhir tahun 1990. Walau bagaimanapun, peratusannya daripada jumlah pinjaman oleh sistem bank telah turun daripada 15.4 peratus kepada 11.9 peratus dalam tempoh yang sama.

7.15 Peniaga-peniaga kecil termasuk peniaga Bumiputera terus berpeluang mendapatkan kemudahan pinjaman di bawah Skim Syarikat Jaminan Kredit Sdn. Bhd. (CGC). Di bawah Skim Penjaja-penjaja dan Peniaga-peniaga Kecil yang dilancarkan pada tahun 1986, pinjaman kepada peniaga Bumiputera merupakan 75 peratus daripada jumlah pinjaman yang dijamin, bernilai \$18.3 juta pada akhir tahun 1990.

Kemudahan Sokongan untuk Penyertaan Bumiputera

7.16 Program-program untuk menggalak penyertaan Bumiputera dalam perdagangan borong dan runcit, terutamanya melalui agensi-agensi amanah telah terus dilaksanakan dalam tempoh RM5. Berbagai agensi Kerajaan termasuk Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA), Majlis Amanah Rakyat (MARA), Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN), Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS), Syarikat Perusahaan Makanan Malaysia Sendirian Berhad (FIMA), Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) telah memberi bantuan dalam berbagai bentuk seperti penyediaan kemudahan kredit, ruang niaga, latihan dan program pembangunan usahawan. Usaha-usaha ini telah memberi sumbangan yang besar kepada peningkatan penyertaan Bumiputera bagi perdagangan dalam negeri.

7.17 PERNAS Trading telah memberikan sumbangan besar terhadap perkembangan peniagaan Bumiputera manakala PERNAS Edar pula telah menyediakan perkhidmatan sokongan untuk membantu peniaga-peniaga kecil Bumiputera. FAMA, melalui pasar tani dan saluran-saluran lain telah memasarkan hasil pertanian dengan aktifnya, terutama sayur-sayuran dan buah-buahan. Jumlah jualan hasil pertanian berkenaan telah meningkat daripada \$11.4 juta pada tahun 1985 kepada \$154.2 juta

pada tahun 1990. Berbagai agensi Kerajaan iaitu MARA, Pusat Daya Pengeluaran Negara (PDPN), UDA dan Bank Pembangunan Malaysia Berhad juga telah menyediakan dan meningkatkan program pembangunan keusahawanan bagi membantu perkembangan perusahaan kecil.

Perdagangan Luar Negeri Perdagangan Antara Negara-negara ASEAN

7.18 Perdagangan dengan negara-negara dalam Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) telah menyumbang lebih kurang 26 peratus daripada jumlah perdagangan luar Malaysia dalam tempoh RM5. Lebih dagangan dengan negara-negara ASEAN telah meningkat daripada \$1,873 juta pada tahun 1985 kepada \$8,443 juta pada tahun 1990. Malaysia telah berjaya mencatatkan lebih dagangan dengan semua negara-negara ASEAN pada tahun 1990.

7.19 Jumlah perdagangan di bawah Peraturan Perdagangan Istimewa atau Preferential Trading Arrangement (PTA) ASEAN secara perbandingannya adalah masih lagi kecil. Walau bagaimanapun eksport di bawah PTA ini telah mencatat peningkatan besar daripada \$37 juta pada tahun 1985 kepada \$336 juta pada tahun 1990. Peningkatan ini adalah sebahagian besarnya hasil daripada keupayaan daya saing eksport Malaysia di pasaran antarabangsa. Perdagangan di bawah PTA walau bagaimanapun telah tidak dapat dipertingkatkan dengan sepenuhnya memandangkan eksport di kalangan negara-negara ASEAN adalah bersaing di antara satu sama lain.

Sistem Keutamaan Am

7.20 Skim Keutamaan Am (GSP) yang diberikan oleh kebanyakan negara maju adalah bertujuan untuk membantu proses perindustrian dan pertumbuhan negara-negara membangun. Skim ini adalah berbentuk sehalu dan tidak bertimbalbalas. Pada tahun 1990, sebanyak 26 negara telah memberi kemudahan GSP kepada Malaysia, dan 12 daripadanya adalah negara-negara Kesatuan Ekonomi Eropah (EEC). Salah satu isu utama yang berkaitan dengan skim GSP ini ialah ketidakupayaan pengeksport-pengeksport Malaysia untuk menggunakan dengan sepenuhnya faedah-faedah skim ini disebabkan oleh batasan-batasan tertentu seperti barangan yang layak adalah terhad dan syarat-syarat asal barangan yang ketat. Kekurangan barangan yang layak adalah disebabkan oleh ketidakupayaan pengeksport-pengeksport Malaysia untuk menyelaraskan pembangunan barangan mereka dengan skim-skim GSP. Syarat-syarat kemengenai asal barangan pula adalah disebabkan oleh keperluan kandungan tempatan bagi eksport Malaysia dan sekatan dalam bentuk had bumbung, duti dan kuota yang berkurangan seperti yang diperlukan oleh skim berkenaan. Walau bagaimanapun, eksport Malaysia telah meningkat daripada \$2,071 juta pada tahun 1985 kepada \$8,100 juta pada tahun 1990, menunjukkan kemajuan besar yang dicapai oleh pengeksport Malaysia untuk menggunakan sepenuhnya faedah-faedah skim GSP. Pada masa ini, sebanyak 3,500 syarikat telah mendaftar dengan Kementerian Perdagangan Antara-bangsa dan Industri untuk mendapatkan

kemudahan-kemudahan ini. Eksport-eksport utama di bawah GSP adalah kelapa sawit dan keluaran sampingannya, barangan elektrik, barangan getah, kayu dan keluaran kayu. Pasaran utama eksport Malaysia di bawah GSP pada tahun 1989 adalah EEC yang bernilai \$3,636 juta, Amerika Syarikat yang bernilai \$1,713 juta dan Jepun yang bernilai \$1,279 juta.

Kemudahan Sokongan dan Program Penyelarasan Perdagangan

7.21 Dalam tempoh RM5, usaha-usaha secara berterusan telah diambil untuk meningkatkan prestasi eksport Malaysia. Sehubungan dengan ini, kemudahan sokongan untuk menggalakkan eksport telah diperkukuh untuk mengembangkan jualan di pasaran tradisional dan pasaran baru. Di bawah program galakan eksport, beberapa pameran perdagangan telah berjaya diadakan di beberapa buah negara. Di samping itu, beberapa rombongan perdagangan ke luar negeri telah dihantar dalam tempoh ini. Agensi-agensi eksport sektor awam telah juga memainkan peranan penting dalam membantu pengeksport-engeksport Malaysia memperkenalkan barangan mereka di seberang laut. Di samping itu, pesuruhjaya-pesuruhjaya perdagangan Malaysia di seberang laut telah membantu pengeksport-engeksport dan pengilang-pengilang Malaysia dengan memberi maklumat-maklumat penting berkaitan dengan peluang-peluang eksport di seberang laut. Majlis Galakan Eksport telah ditubuhkan pada tahun 1987 untuk menggalak dan meningkatkan lagi pertumbuhan eksport. Majlis ini berperanan sebagai forum untuk membincang dan menyelesaikan masalah-masalah yang berkaitan dengan sektor eksport.

7.22 Tatacara, peraturan dan dokumentasi yang telah menghalang perkembangan eksport telah dipermudahkan. Sehubungan dengan ini, Jawatankuasa Penyelarasan Perdagangan Kebangsaan telah ditubuhkan untuk mengkaji semua aspek tatacara, peraturan dan dokumentasi berkaitan dengan urusan perdagangan. Jawatankuasa berkenaan telah berjaya memudahkan urusan-urusan pengawalan tukaran asing, mengurangkan bilangan borang dan dokumen yang digunakan untuk pengangkutan perkapalan dan pelepasan kargo, serta menyeragamkan dokumen-dokumen berkaitan dengan perdagangan luar.

7.23 Memandangkan sektor eksport adalah amat penting, Skim Pembiayaan Semula Kredit Eksport (ECR) telah diperluas dan diperkukuhkan untuk memenuhi keperluan pengeksport yang sentiasa berubah. Satu kajian semula yang menyeluruh telah dijalankan pada tahun 1985-86. Fasa I kajian semula tersebut telah dilaksanakan pada awal tahun 1986, melibatkan terutamanya perluasan liputan barangan, perlonggaran had minimum dan memudahkan tatacara pentadbiran. Fasa II yang dilaksanakan pada bulan November 1989, telah memberi tumpuan kepada penyusunan semula kemudahan sebelum penghantaran untuk membantu pengeluaran barangan eksport serta menggalakkan rangkaian perkhidmatan sokongan bagi pembangunan perindustrian. Rombakan skim ECR tersebut telah menghasilkan penggunaan kemudahan ECR secara lebih meluas.

7.24 Malaysian Export Credit Insurance Berhad (MECIB) telah terus memainkan peranan yang lebih besar dalam menyediakan perlindungan insurans terhadap risiko eksport. Pada akhir tahun 1990, sejumlah 250 polisi insurans dengan nilai muka sebanyak \$1,600 juta telah dikeluarkan. Untuk mengukuhkan perniagaan insurans serta jaminan kredit eksport, MECIB telah dijadikan anak syarikat milik penuh Bank Industri Malaysia Berhad pada bulan September 1988. Rombakan besar MECIB telah dilaksanakan termasuklah peningkatan modal berbayar kepada \$75 juta.

7.25 Untuk menyokong skim ECR yang telah dirombak, satu skim baru iaitu Skim Insurans Jaminan Kredit Eksport (ECIG) telah dilancarkan pada bulan Mac 1990. Polisi ECIG yang baru dikenali sebagai Polisi Insurans Pembiayaan Eksport Bank (BEFIP) telah dibentuk untuk melindungi bank-bank perdagangan dan institusi-institusi kewangan terhadap pinjaman dan pendahuluan yang tidak dibayar oleh pengeksport-pengeksport dan pembekal-pembekal. Sejak ia diperkenalkan, 14 polisi BEFIP bernilai \$24.4 juta telah diluluskan pada akhir tahun 1990. BEFIP dijangka memberikan sokongan dan membantu meningkatkan lagi pertumbuhan eksport Malaysia di masa-masa hadapan.

7.26 Sehingga kini, tumpuan perdagangan Malaysia adalah dengan negara-negara EEC, Amerika Syarikat, Jepun dan Singapura. Dalam jangka masa panjang, adalah lebih menguntungkan bagi Malaysia untuk mempelbagaikan pasarannya dan langkah-langkah telahpun diambil ke arah ini. Sehubungan dengan ini, Kerajaan telah mengadakan rundingan mengenai aturan pembayaran dua hala dengan negara-negara Dunia Ketiga. Aturan pembayaran dua hala yang pertama telah dimeterai dengan Iran pada bulan Ogos 1988. Di bawah aturan ini, Kerajaan menjamin pembayaran eksport daripada Iran ke Malaysia, dan sebaliknya, Pihak Berkuasa Kewangan Iran menjamin pembayaran bagi eksport Malaysia ke Iran. Dengan menjadikan risiko kredit yang biasa kepada risiko tanggungan negara, ianya telah meningkatkan keyakinan di kalangan pedagang-pedagang di kedua-dua negara. Dengan adanya keyakinan ini, perdagangan Malaysia dengan Iran telah bermula dan mencatat perdagangan bernilai lebih \$150 juta pada tahun 1990. Aturan pembayaran dua hala yang sama telah juga dimeterai dengan Venezuela dan Mexico manakala satu memorandum persefahaman mengenai pembayaran telah dimeterai dengan Nigeria pada tahun 1990.

III. PROSPEK, 1991-95

7.27 Dalam tempoh RM6, aktiviti-aktiviti sektor perdagangan akan diperkembangkan dan kemudahan-kemudahan sokongan untuk eksport serta usaha-usaha memudahkan perdagangan akan diperkukuh dan diperbaiki. Kerajaan akan terus menyertai undingan-rundingan antarabangsa mengenai sekatan-sekatan perdagangan dan lain-lain amalan perdagangan yang berat sebelah yang menjejaskan aliran perdagangan antarabangsa yang bebas, pada amnya, dan kemasukan barangan eksport Malaysia serta prestasinya di pasaran luar negeri, khususnya.

Perdagangan Dalam Negeri Perdagangan Borong dan Runcit

7.28 Pengukuhan Perniagaan-perniagaan Kecil. Beberapa langkah akan diambil untuk mengukuh dan memperkemaskan sektor perdagangan pengedaran terutamanya perdagangan runcit. Sehubungan dengan ini, Kerajaan akan menyediakan sokongan dan bantuan yang diperlukan untuk menggalakkan penyusunan semula dan pemodenan perniagaan- perniagaan kecil melalui program memperbaiki amalan pengurusan di samping percantuman dan pengambilan alih. Dengan demikian, perniagaan-perniagaan ini akan berpeluang menikmati faedah ekonomi bidangan dan berkeupayaan untuk menandingi perniagaan-perniagaan yang lebih besar. Langkah-langkah tersebut juga akan dapat menyediakan asas untuk perkembangan masa hadapan bagi memasuki pasaran eksport.

7.29 Kemudahan Infrastruktur Sokongan. Pembangunan infrastruktur, terutamanya rangkaian jalanraya, akan memainkan peranan utama dalam membantu usaha pemodenan sektor perdagangan pengedaran. Walaupun pembangunan infrastruktur negara adalah di tahap yang tinggi, rangkaian jalanraya yang sedia ada masih belum lagi mencukupi untuk menyokong satu sistem pengedaran yang cekap dan berkesan. Sehubungan dengan ini, dengan adanya usaha untuk memperbaiki dan mempertingkatkan kemudahan dan rangkaian jalanraya dalam tempoh RM6, adalah dijangka bahawa pemodenan dan penyusunan semula sektor perdagangan borong dan runcit akan dapat dipercepatkan.

7.30 Peluasan Saiz Pasaran Dalam Negeri. Berikutan dengan peluasan dan pemodenan perdagangan dalam negeri yang berterusan, pengilang dan pengeluar tempatan akan digalakkan untuk meluaskan saiz pasaran mereka. Ini akan membantu memperluaskan pasaran dalam negeri untuk barangan Malaysia dan mengurangkan kecenderungan terhadap barangan import. Langkah-langkah semasa untuk menanam semangat kesetiaan dan kebanggaan di kalangan pengguna-pengguna untuk membeli barangan tempatan akan terus dipertingkatkan. Program-program sokongan yang lain termasuklah pemberian pengiktirafan kepada syarikat-syarikat pengilang yang telah mencapai tahap mutu dan kualiti yang tinggi di dalam pengeluaran barangan melalui Anugerah Barangan Cemerlang. Penekanan akan juga

diteruskan untuk menguatkuasakan syarat memberi maklumat mengenai piawaian, isi kandungan dan tempoh hayat barangan. Di samping itu, keperluan untuk meningkatkan secara berterusan mutu pembungkusan dan persembahan barangan serta penyediaan ruang niaga akan digalakkan. MARA, UDA dan PERNAS Edar, akan diberi tanggungjawab untuk melaksanakan usaha-usaha tersebut.

Kemudahan Kredit dan Langkah-langkah Lain

7.34 Kerajaan akan terus menyediakan kemudahan kredit kepada peniaga-peniaga kecil pada kos yang berpatutan mengikut garis panduan pinjaman bank-bank perdagangan dan syarikat-syarikat kewangan. CGC akan terus memberi jaminan keatas pinjaman-pinjaman bank yang diberikan kepada peniaga-peniaga kecil di bawah programnya.

Memperbaiki Infrastruktur untuk Pasar tani dan Pasar Malam

7.35 Pasar tani dan pasar malam telah menjadi saluran penting yang menyediakan peluang-peluang bekerja sendiri. Sehubungan dengan ini, Kerajaan akan mengkaji kemungkinan untuk mengadakan undang-undang yang berkaitan untuk memastikan pemaju perumahan menyediakan tempat yang strategik dan tetap bagi menempatkan pasar malam di kawasan perumahan baru berserta dengan kemudahan dan infrastruktur yang diperlukan. Bagi pasar tani, usaha-usaha akan terus dibuat untuk meluaskan operasinya bagi meliputi bandar-bandar utama lain di seluruh negara. Kerajaan akan juga menggalakkan persatuan-persatuan peladang dan nelayan untuk menubuhkan unit-unit perdagangan borong yang bertujuan meningkatkan pendapatan ahli-ahlinya dan pada masa yang sama menyediakan perkhidmatan kepada peniaga-peniaga di pasar tani dan pasar malam.

Pendidikan dan Perlindungan Pengguna

7.36 Langkah-langkah akan diambil oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna yang baru diwujudkan untuk melindungi pengguna-pengguna daripada amalan-amalan perdagangan yang tidak beretika dan tidak adil, pengiklanan yang mengelirukan, perkhidmatan pesanan melalui pos yang tidak memuaskan dan lain-lain amalan pasaran yang tidak beretika. Sehubungan dengan ini, Kerajaan akan mengkaji kemungkinan untuk memperkenalkan Akta Perlindungan Pengguna bagi melindungi pengguna daripada penindasan dan penyelewengan. Majlis Penasihat Kebangsaan Perlindungan Pengguna akan diperkukuhkan untuk memberi perlindungan yang berkesan kepada pengguna daripada penindasan di samping memupuk kesedaran pengguna. Mengenai pengiklanan, cara persembahan pengiklanan akan diawasi dengan ketat untuk mengurangkan iklan-iklan yang mengelirukan dan tidak benar. Untuk memastikan perkembangan gerakan pengguna yang sihat dan bertanggung jawab, orang awam akan terus diberi kesedaran mengenai isu-isu berkaitan dengan hak-hak sebagai pengguna melalui ceramah-

ceramah, seminar-seminar dan media massa. Di samping usaha Kerajaan untuk mempertingkatkan kesedaran mengenai pengguna melalui pendidikan, organisasi dan pertubuhan swasta dalam sektor perdagangan juga dijangka membantu usaha-usaha ini dengan lebih berkesan lagi berbanding dengan masa-masa yang lepas.

Perdagangan Luar Meluaskan Saiz Pasaran

7.37 Usaha-usaha yang berterusan akan dijalankan bagi meluaskan saiz pasaran bagi barangan Malaysia di dalam pasaran yang sedia ada serta pasaran baru dan bukan tradisional. Dalam konteks ini, perdagangan serantau akan diperluaskan bukan hanya meliputi negara-negara ASEAN tetapi juga negara-negara rantau Asia Pasifik. Di kalangan negara ASEAN, perdagangan dijangka lebih terbuka lagi melalui pembaikan PTA yang sedia ada. Secara khususnya, Margin Keutamaan akan dipertingkatkan kepada 50 peratus untuk barangan yang sedia ada dalam PTA dan senarai barangan yang tidak layak bagi setiap negara ASEAN akan dikurangkan kepada tidak lebih daripada 10 peratus daripada barangan yang diperdagangkan. Barangan yang tidak layak hendaklah tidak melebihi daripada 50 peratus daripada nilai dagangan antara negara ASEAN. Di samping itu, keperluan kandungan bahan tempatan ASEAN dalam Syarat Barangan Asal di bawah PTA akan dikurangkan daripada 50 peratus kepada 35 peratus mengikut kedudukan setiap kes. Langkah ini dijangka akan meningkatkan lagi prestasi eksport bagi sektor perkilangan. Pada masa yang sama, rundingan akan diteruskan dengan negara berkenaan supaya halangan-halangan bukan tarif tidak di tambah dan juga halangan-halangan tersebut |ditarik balik untuk memberi faedah kepada pedagang Malaysia. Di samping itu, Kerajaan telah mencadang dan mempelopori penubuhan Kumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEG). Kumpulan ini dijangka akan mengukuhkan keupayaan negara-negara ahli untuk meningkatkan perdagangan dan pelaburan di rantau Asia Timur.

7.38 Perdagangan timbalbalas akan terus digunakan sebagai satu bentuk perdagangan tambahan dan secara terpilih, untuk perdagangan dan pemindahan teknologi. Di samping itu, usaha yang lebih gigih akan dijalankan untuk meningkatkan perdagangan Malaysia dengan negara-negara membangun dengan memperbaiki mekanisma yang sedia ada dan mewujudkan mekanisma baru jika diperlukan. Dalam hubungan ini, Kerajaan telah bersetuju supaya sebuah Pusat Pertukaran Maklumat Pelaburan, Perdagangan dan Teknologi Negara-negara Selatan (SITTDEC) ditubuhkan di Malaysia. Ianya adalah untuk menggalakkan perdagangan, pembangunan teknologi dan pelaburan di kalangan negara-negara Dunia Ketiga. Kerajaan akan terus berusaha untuk mengatur urusan-urusan pembayaran dua hala dengan bank-bank pusat di negara-negara lain bagi menyokong pembangunan hubungan perdagangan terutamanya dengan negara-negara Dunia Ketiga.

Institusi Sokongan untuk Meningkatkan Eksport

7.39 Promosi dan pembangunan eksport akan terus diperkukuhkan. Sehubungan dengan ini, satu organisasi baru bagi menggalakkan perdagangan akan ditubuhkan bagi menggantikan agensi-agensi sedia ada yang bergiat dalam promosi eksport. Bagi menjadikan organisasi ini berorientasikan perniagaan dan bermotif pasaran dalam pendekatannya, ia akan ditubuhkan sebagai sebuah badan korporat yang akan digerakkan untuk memperkemas dan menyelaras aktiviti promosi eksport. Di samping itu, Kerajaan juga akan menubuhkan pusat-pusat promosi perdagangan di seberang laut dan juga menyusun semula pejabat-pejabat pesuruhjaya perdagangan di luar negeri dengan tujuan mengelakkan daripada berlakunya pertindihan tugas dan memperkukuhkan usaha promosi eksport. Langkah-langkah juga akan diambil untuk memperbaiki lagi usaha-usaha pengumpulan dan penyebaran maklumat mengenai pasaran bagi memperkukuhkan analisis pasaran dan risikan pasaran antarabangsa bagi eksport negara. Satu sistem maklumat yang cekap akan diwujudkan untuk menyediakan maklumat yang tepat dan kena pada masanya untuk menyokong usaha meningkatkan eksport syarikat-syarikat.

7.40 Persatuan-persatuan perdagangan dan perindustrian dijangka akan memainkan peranan utama dalam meningkatkan piawaian dan mutu serta memajukan keluaran barangan bernilai ditambah yang tinggi untuk eksport. Dalam hal ini, Kerajaan akan membantu persatuan-persatuan tersebut untuk mencapai dan memenuhi keperluan-keperluan teknikal pasaran dari segi piawaian dan mutu barangan yang perlu dipatuhi di pasaran luar negeri. Selain daripada menggalakkan aktiviti-aktiviti tersebut, persatuan-persatuan ini akan juga digalakkan untuk menjalankan tinjauan pasaran seberang laut di samping mengumpul maklumat perdagangan untuk membolehkan ahli-ahlinya memahami permintaan pasaran luar negeri dan perkembangan teknologi. Ini akan meningkatkan pendekatan pasaran yang berorientasi pasaran antarabangsa yang akan mempengaruhi kos secara perbandingan, kedudukan daya saingan serta perbezaan barangan.

7.41 Di samping mengukuhkan organisasi promosi perdagangan sektor awam, Kerajaan akan menyediakan sebuah bangunan baru untuk menempatkan agensi-agensi eksport Malaysia yang terlibat dengan promosi perdagangan. Bangunan yang dicadangkan itu akan menyediakan kemudahan-kemudahan yang diperlukan dan ruang untuk pameran perdagangan, seminar dan bengkel untuk menggalakkan perdagangan dan eksport. Selain daripada itu, dewan-dewan perniagaan dan persatuan-persatuan perindustrian dan agensi-agensi lain berkaitan dengan perdagangan akan juga diberi peluang dan galakan untuk menempatkan pejabat mereka dalam bangunan tersebut. Usaha-usaha akan juga dipergiatkan untuk menambah kekerapan penerbitan makalah perdagangan agar pengeksport-engeksport sentiasa mendapat maklumat terbaru mengenai peluang-peluang pasaran yang terdapat di luar negeri. Kerajaan, dengan kerjasama sektor swasta, akan terus menganjurkan pameran dan rombongan perdagangan ke pasaran luar

negeri termasuklah pasaran bukan tradisional. Majlis Galakan Eksport akan terus memainkan peranan penting dalam merangka program-program galakan eksport dan langkah-langkah untuk memudahkan perdagangan bagi membantu pengeksport-pengeksport Malaysia. Di samping itu, Panel Perundingan Perdagangan dan Perindustrian akan berfungsi sebagai forum bagi membincangkan dasar-dasar yang berkaitan dengan perdagangan dan perindustrian di samping menerima maklumbalas daripada sektor swasta terhadap dasar-dasar berkenaan.

7.42 Skim Pembiayaan Semula dan Insurans Jaminan Eksport. MECIB akan menubuhkan satu rangkaian cawangannya dalam tempoh RM6. Melalui perkembangan rangkaian MECIB ini, penggunaan ECR dijangka akan meningkat dengan banyaknya dalam tempoh ini. Liputan insurans MECIB yang pada masa ini adalah kurang daripada 1 peratus daripada jumlah eksport negara dijangka meningkat dua kali ganda dalam tempoh lima tahun akan datang. Skim ECR akan terus dipertingkatkan dan diubahsuai, bila perlu, bagi menyesuaikan dengan keperluan eksport yang berubah-ubah. Di samping itu, skim ini akan diperluaskan untuk meliputi skim-skim pembiayaan jangka panjang bagi membiayai eksport berbagai komoditi di pasaran-pasaran tertentu yang berpotensi.

7.43 Memperbaiki Amalan-amalan Perdagangan. Usaha-usaha akan terus dibuat untuk memperbaiki amalan-amalan perdagangan bagi menggalakkan pertumbuhan dan pembangunan industri insurans dan perkapalan tempatan, yang akan membantu mengurangkan defisit dalam akaun perkhidmatan. Langkah-langkah akan diambil untuk menggalakkan pedagang-pedagang menggunakan lebih banyak perkhidmatan insurans dan perkapalan tempatan. Usaha-usaha juga akan dipertingkatkan untuk menggalakkan pengeksport-pengeksport menggunakan kapal-kapal syarikat yang tidak menyertai mana-mana persatuan. Memandangkan pergantungan kepada kapal-kapal asing telah mengakibatkan kadar-kadar pengangkutan perkapalan dan jadual penghantaran tidak mungkin dikawal, Kerajaan akan meneruskan usaha-usaha untuk menggalakkan penyatuan urusan kargo melalui penempahan yang terselaras. Dengan cara ini, pengeksport-pengeksport Malaysia akan berpeluang mendapatkan ruang perkapalan alternatif pada kadar yang kompetitif pada setiap masa.

7.44 Sistem Keutamaan Am. Dalam tempoh RM6, adalah dijangka bahawa kebanyakan negara maju akan mengkaji semula skim GSP mereka. Sehubungan dengan ini, Kerajaan akan terus berusaha melalui rundingan-rundingan untuk mengelakkan penarikan secara tidak adil GSP yang telah diberikan kepada Malaysia. Pada masa yang sama, pengeksport-pengeksport Malaysia perlu membuat persediaan untuk menghadapi persaingan terbuka. Pengeksport-pengeksport Malaysia perlu terus mempertingkatkan daya saing mereka dengan memperbaiki kecekapan dan produktiviti operasi perdagangan serta mutu dan rekabentuk barangan mereka. Bagi mencapai objektif ini, usaha-usaha sektor swasta ini akan disokong dengan program-program sedia ada dan yang baru yang akan disediakan di bawah RM6.

7.45 Piawaian Barangan dan Mutu. Sistem piawaian dan kawalan mutu akan memainkan peranan yang semakin penting untuk meningkatkan eksport berikutan dengan bertambahnya pengeluaran barangan bernilai-ditambah. Dalam konteks ini, pengilang-pengilang sendiri akan digalakkan melaksanakan langkah-langkah kawalan mutu di peringkat pengeluaran untuk memastikan mutu barangan adalah seragam dan harganya adalah kompetitif. Kerajaan akan menyediakan latihan dan nasihat teknikal kepada industri melalui sekolah-sekolah v-okasional dan institusi teknikal untuk menanam nilai mementingkan mutu dan piawaian serta menggalakkan pelaksanaan langkah-langkah kawalan mutu oleh syarikat-syarikat sendiri sebagai satu amalan harian dalam operasinya. Aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan (P&P) berkaitan dengan pembangunan barangan dan kecekapan pengeluaran akan dipertingkatkan. Dalam hubungan ini, Kerajaan akan terus menggalakkan aktiviti-aktiviti P&P. Selain daripada itu, pihak swasta diharap dapat memainkan peranannya untuk membiayai dan menjalankan aktiviti-aktiviti tersebut secara besar-besaran di masa hadapan.

7.46 Langkah-langkah lain. Kerajaan akan terus menyertai dengan aktifnya dalam forum-forum antarabangsa seperti Perundingan Perdagangan Pelbagai Hala, Perjanjian Am Mengenai Perdagangan dan Tariff dan Persidangan Perdagangan dan Pembangunan Bangsa-bangsa Bersatu untuk mengurangkan dan menghapuskan halangan tarif dan bukan tarif yang dihadapi oleh pengeksport-pengeksort Malaysia. Dialog dengan rakan negara-negara ASEAN akan diteruskan untuk memudahkan lagi kemasukan barangan Malaysia ke negara-negara tersebut.

IV. PERUNTUKAN

7.47 Peruntukan pembangunan dan anggaran perbelanjaan Kerajaan Persekutuan bagi RM5 dan peruntukan bagi RM6 untuk sektor perdagangan adalah seperti ditunjukkan di Jadual 7-2. Peruntukan RM5 untuk sektor ini adalah \$368.7 juta manakala anggaran perbelanjaan pula ialah sebanyak \$326.1 juta. Ini menunjukkan kurangan perbelanjaan sebanyak 11.6 peratus. Bagi tempoh RM6, sejumlah \$658.8 juta telah diperuntukkan bagi sektor ini. Sebahagian besar peruntukan ini disediakan untuk membina ruang niaga oleh UDA, MARA dan PKEN-PKEN bagi memperbanyakkan rangkaian kedai runcit terutamanya untuk masyarakat perniagaan Bumiputera. Peruntukan juga akan disalurkan untuk promosi eksport, latihan dan khidmat perundingan serta bagi memperkukuh dan memodenkan pentadbiran perniagaan dan perkhidmatan. Peruntukan yang di beri menggambarkan tumpuan dan teras pembangunan untuk sektor ini yang bertujuan khususnya untuk meningkat dan memodenkan perdagangan dalam negeri di samping mengembang dan meningkatkan sokongan untuk memperluaskan perdagangan luar negeri.

V. PENUTUP

7.48 Dengan sokongan yang berterusan dari Kerajaan dan keadaan ekonomi yang lebih baik selepas kemelesetan dalam tahun 1986, sektor perdagangan telah berkembang dengan pesatnya dalam tempoh RM5. Sektor ini telah menyediakan sokongan untuk perkembangan dan pembangunan lain-lain sektor utama ekonomi terutamanya pertanian, pembuatan dan pelancongan. Sektor perdagangan dijangka akan terus memainkan peranan untuk menyediakan sokongan yang penting bagi pertumbuhan dan pembangunan ekonomi dalam tempoh RM6. Beberapa program utama akan dilaksanakan untuk mengukuh dan menguatkan sektor ini. Program-program ini termasuklah pemodenan perdagangan borong dan runcit, meningkatkan peranan pasar tani dan pasar malam, di samping meningkatkan lagi penyertaan Bumiputera dalam aktiviti-aktiviti berkenaan. Aktiviti-aktiviti promosi akan di pertingkatkan untuk membolehkan kemasukan barangan baru dengan lebih mudah ke pasaran antarabangsa. Bagi RM6, sektor perdagangan dijangka memainkan peranan yang lebih besar dalam menghasilkan keluaran, pendapatan, pekerjaan dan pendapatan tukaran asing.

BAB 8 : PELANCONGAN

I. PENDAHULUAN

8.01 Pelancongan telah menjadi suatu aktiviti ekonomi yang penting di dalam pembangunan ekonomi negara keseluruhannya. Dalam Rancangan Malaysia Keenam (RM6), teras pembangunan sektor ini adalah untuk terus memperkembang dan mempelbagaikan lagi asas pelancongan supaya pergantungan yang berlebihan kepada aktiviti-aktiviti dan pasaran pelancongan yang terhad dapat dikurangkan. Strategi pembangunan sektor ini pada keseluruhannya adalah untuk menggembeng dan menyalurkan pelaburan ke wilayah serta aktiviti-aktiviti terpilih yang berpotensi untuk menghasilkan pertumbuhan pelancongan, khususnya dari segi peningkatan peluang-peluang pekerjaan, pendapatan, nilai ditambah dan rantaianya dengan lain-lain sektor ekonomi. Strategi ini akan menyediakan sokongan yang diperlukan untuk menggalakkan pelancongan di peringkat antarabangsa dan juga tempatan.

8.02 Satu pelan pelancongan kebangsaan akan di lancarkan dalam tempoh RM6 untuk menyediakan dasar-dasar dan strategi-strategi jangka panjang yang khusus bagi memastikan bahawa pembangunan sektor ini dapat dijalankan secara terselaras dan bersepadu. Dasar dan strategi tersebut akan memberi tumpuan terhadap usaha bagi membangunkan sektor ini secara cekap dan pada masa yang sama mempertingkatkan kualiti hidup penduduk tempatan serta mengurangkan kesan-kesan buruk ke atas sosio-budaya dan alam sekitar. Selanjutnya, pelan tersebut akan mengenalpasti program-program khusus yang boleh meningkatkan penglibatan penduduk tempatan dan memaksimumkan peluang ekonomi hasil daripada kegiatan pelancongan.

II. KEMAJUAN, 1986-90

8.03 Pembangunan industri pelancongan dalam Rancangan Malaysia Kelima (RM5) adalah memuaskan walaupun terdapat kemelesetan ekonomi pada awal tempoh tersebut. Keutamaan yang telah diberikan kepada sektor ini jelas ditunjukkan melalui peningkatan perbelanjaan awam untuk aktiviti penggalakan dan pemasaran yang meluas, pembangunan produk dan infrastruktur serta peluasan skop insentif bagi meliputi pelaburan-pelaburan yang berkaitan dengan pelancongan. Usaha-usaha ini telah diperlengkapkan lagi dengan Malaysia menjadi tuan rumah kepada persidangan dan acara penting di peringkat antarabangsa serta pelancaran kempen-kempen dan aktiviti-aktiviti Tahun Melawat Malaysia 1990 di dalam dan luar negeri. Pada masa ini, keyakinan yang lebih kukuh wujud dalam sektor pelancongan di mana negara ini

berjaya menduduki tempat yang lebih tinggi secara relatifnya di dalam pasaran antarabangsa.

8.04 Anggaran ketibaan pelancong telah bertambah kira-kira dua kali ganda seramai 6 juta orang pada tahun 1990, seperti yang ditunjukkan di Jadual 8-1. Sungguhpun demikian, profil asas mengenai ketibaan pelancong masih kekal seperti dalam tahun-tahun sebelumnya. Pelancong dari Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN) terus menyumbang lebih 70 peratus daripada jumlah ketibaan keseluruhan pelancong. Di kalangan negara ASEAN, Singapura dan Thailand merupakan sumber pelancong yang paling besar ke Malaysia, masing-masing menyumbangkan sebanyak 80 peratus dan 10 peratus daripada jumlah ketibaan keseluruhan pelancong dari rantau tersebut. Profil mengenai ketibaan pelancong bukan ASEAN juga masih tidak berubah. Pelancong dari Jepun terus merup akan jumlah yang terbesar dengan menyumbangkan 24.1 peratus daripada jumlah keseluruhan dari negara-negara bukan ASEAN. Sumber-sumber lain pasaran ketibaan pelancong yang penting ialah Australia, United Kingdom (U.K.), Benua Eropah dan Amerika Syarikat.

8.05 Pertambahan yang pesat dalam ketibaan pelancong dan pendapatan daripada kegiatan ini dalam tempoh RM5 adalah sebahagian besarnya hasil daripada aktiviti-aktiviti penggalakan dan pemasaran yang berterusan semenjak tahun 1985, khususnya melalui kempen Tahun Melawat Malaysia 1990 yang telah dilancarkan secara agresif pada awal tahun 1988. Di samping itu, perjalanan melintasi sempadan yang semakin meningkat, khususnya melalui Tambak Johor juga turut menyumbang kepada pertambahan ketibaan pelancong. Justeru itu, perjalanan pelawat-pelawat melintasi Tambak Johor yang merupakan tidak kurang daripada 60 peratus jumlah ketibaan pelancong adalah penting dalam menentukan profil dan pola ketibaan. Sungguhpun sebahagian besar daripada pelawat yang tiba melalui Tambak Johor tidak boleh ditakrifkan sebagai pelancong sebenar kerana mereka tidak tinggal sekurang-kurangnya satu malam di negara ini, namun perbelanjaan mereka yang besar semasa berada di negara ini, khususnya melalui aktiviti membeli-belah, beristirahat dan hiburan telah memberi sumbangan kepada pertumbuhan pendapatan tukaran wang asing.

8.06 Pendapatan tukaran wang asing yang diperolehi daripada pelancongan telah bertambah dengan banyaknya dan oleh itu memberi sumbangan dalam memperbaiki akaun perkhidmatan dalam imbangan pembayaran. Pendapatan kasar dari pelancongan telah berkembang pada kadar 24.5 peratus setahun dalam tempoh tersebut, iaitu pertambahan daripada \$1,500 juta pada tahun 1985 kepada anggaran sebanyak \$4,500 juta pada tahun 1990. Sumbangan pendapatan pelancongan kepada jumlah pendapatan perkhidmatan telah meningkat dengan kadar yang mantap, iaitu daripada 23.5 peratus pada tahun 1985 kepada 28 peratus pada tahun 1990, terutamanya disebabkan oleh pertambahan jumlah ketibaan pelancong asing. Walau bagaimanapun, sebahagian besar daripada kesan-kesan positif pelancongan ke atas imbangan pembayaran telah terjejas akibat daripada perjalanan keluar rakyat

Malaysia yang melibatkan peningkatan perbelanjaan daripada \$2,800 juta pada tahun 1985 kepada \$4,000 juta pada tahun 1990. Dengan itu pendapatan bersih yang di perolehi daripada sektor pelancongan dalam akaun perkhidmatan adalah kecil. Oleh yang demikian, adalah perlu Kerajaan melaksanakan strategi serampang dua mata yang berkesan, iaitu meningkatkan jumlah ketibaan pelancong asing, dan pada masa yang sama menggalakkan rakyat Malaysia melancong di dalam negeri bagi mengurangkan pengaliran keluar tukaran wang asing akibat daripada perjalanan rakyat Malaysia untuk beristirehat di luar negeri.

8.07 Tempoh tinggal purata dan pola perbelanjaan pelancong-pelancong asing masih menunjukkan arah aliran yang sama jika dibandingkan dengan tempoh rancangan yang lepas. Tempoh tinggal purata pelancong-pelancong asing di Malaysia kekal pada 4.5 malam manakala tujuan untuk beristirehat merupakan faktor utama yang telah mendorong mereka untuk melancong. Dari segi pola perbelanjaan pelancong asing pula, sebahagian besar, iaitu 45 peratus telah dibelanjakan untuk penginapan, diikuti dengan 40 peratus untuk makanan dan minuman serta membeli belah. Pola yang sedemikian juga terdapat di kebanyakan negara lain. Dari segi perbelanjaan per kapita, pelancong Jepun mempunyai kecenderungan berbelanja yang tertinggi, dengan mencatat purata perbelanjaan per kapita sebanyak \$1,197 pada tahun 1987, diikuti oleh pelancong daripada Australia dan U.K., masing-masing berbelanja sebanyak \$1,115 dan \$1,024. Anggaran pola perbelanjaan bagi pelancong tempatan pula telah menunjukkan bahawa sebanyak 23 peratus daripada perbelanjaan ke seluruhnya adalah untuk makanan dan minuman, diikuti oleh pengangkutan sebanyak 20 peratus, penginapan sebanyak 19 peratus dan bakinya untuk membeli-belah, hiburan dan perbelanjaan lain. Perbelanjaan yang dilakukan oleh setiap pelancong tempatan bagi satu lawatan secara relatifnya adalah rendah, iaitu dianggarkan kurang daripada \$100 pada tahun 1988. Keadaan ini berlaku sebahagian besarnya disebabkan rakyat Malaysia jarang menyewa tempat-tempat penginapan oleh kerana mereka lazimnya tinggal bersama kawan dan saudara-mara apabila melancong di dalam negeri.

8.08 Potensi pembangunan yang lebih besar bagi pelancongan dalam negeri masih belum diterokai dengan sepenuhnya. Sungguhpun penduduk tempatan menikmati peningkatan pendapatan dan juga terdapatnya usaha-usaha penggalakan dan pemasaran yang lebih meluas, namun pola perjalanan dalam negeri masih berkait rapat dengan musim-musim tertentu, terutamanya ketika musim cuti persekolahan dan hari-hari perayaan tertentu. Pelawat-pelawat tempatan selalunya akan pulang ke kampung sendiri untuk mengunjungi kawan-kawan dan saudara-mara ketika bercuti. Berjalan dan melawat untuk beristirehat masih belum menjadi satu ciri kehidupan umum masyarakat Malaysia. Walau bagaimanapun, memandangkan terdapatnya peningkatan kualiti hidup dan perubahan corak kehidupan rakyat Malaysia serta terdapatnya kemudahan-kemudahan yang mampu dinikmati, adalah dijangka bahawa potensi pelancongan tempatan akan diperkembang dan dimajukan lagi.

8.09 Dengan jangkaan prospek pelancongan yang lebih baik, jumlah pelaburan dalam projek-projek hotel dan kemudahan-kemudahan yang berkaitan dengan pelancongan yang telah diluluskan adalah sebanyak \$2,602 juta dalam tempoh RM5. Industri hotel, khususnya di kawasan bandar telah berkembang dengan pertambahan sebanyak 9,312 buah bilik menjadikan jumlah bilik meningkat daripada 35,720 pada tahun 1985 kepada 45,032 pada tahun 1990. Sebahagian besar daripada hotel-hotel tersebut mempunyai lebih daripada 100 buah bilik. Dengan adanya pertumbuhan yang pesat dalam kadar ketibaan pelancong, adalah didapati bahawa kadar purata penginapan telah meningkat daripada 50 peratus pada tahun 1985 kepada 73 peratus pada tahun 1990.

8.10 Dalam tempoh RM5, pertumbuhan pelancongan telah menyumbang kepada peningkatan peluang-peluang pekerjaan. Ini adalah sebahagian besarnya disebabkan oleh bermulanya operasi hotel-hotel dan lain-lain perkhidmatan baru yang berhubung dengan pelancongan dalam tempoh tersebut. Gunatenaga yang terlibat secara langsung di dalam industri hotel telah bertambah dari 25,170 pada tahun 1985 kepada 39,960 pada tahun 1990, mewujudkan 14,790 pekerjaan tambahan. Bilangan agensi-agensi pelancongan pula telah bertambah dari 611 pada tahun 1985 kepada 1,545 pada tahun 1990. Dalam tempoh tersebut sejumlah 8,330 lesen telah dikeluarkan kepada syarikat-syarikat bas pesiaran, teksi mewah dan kereta-kereta sewa.

8.11 Sejalan dengan pelaburan sektor swasta dalam menyediakan kemudahan penginapan, tarikan dan aktiviti-aktiviti berkaitan dengan pelancongan, sektor awam pula telah melabur lebih daripada \$500 juta dalam tempoh RM5 bagi aktiviti yang berkaitan seperti galakan, pemasaran dan penyediaan kemudahan infrastruktur. Perbelanjaan yang besar telah dikeluarkan sempena Tahun Melawat Malaysia 1990, khususnya untuk menggalakkan berbagai aktiviti dan aturcara berkaitan dengan kebudayaan, kesenian, kraftangan, hari kebesaran, sukan dan pertandingan yang unik kepada Malaysia. Program galakan ini telah mewujudkan satu kesedaran yang lebih tinggi mengenai Malaysia sebagai suatu destinasi percutian di kalangan pelancong tempatan dan asing.

8.12 Perhatian yang khusus telah diberikan kepada usaha menggalakkan pelancongan di pasaran tempatan terutamanya dalam program-program Tahun Melawat Malaysia 1990. Ini dilakukan dengan cara menambahkan masa siaran radio dan televisyen serta program kesedaran melalui aktiviti yang boleh dikaitkan dengan penduduk tempatan seperti hari perayaan dan pertandingan sukan. Pengusaha-pengusaha pelancong tempatan telah melibatkan diri secara aktif dengan memperkenalkan pakej percutian tempatan dengan menawarkan harga yang menarik, sementara beberapa institusi kewangan telah memulakan skim pinjaman untuk melancong.

8.13 Aktiviti penggalakan dan pemasaran diluar negeri telah dipergiatkan lagi sebahagian besarnya di pasaran utama yang menjadi tumpuan iaitu ASEAN, Jepun, Australia, Hong Kong, Taiwan, Eropah Barat dan pantai barat Amerika Syarikat.

Pasaran-pasaran ini merupakan negara-negara di mana pengetahuan rakyatnya terhadap Malaysia melebihi paras purata. Mereka lebih berpengetahuan mengenai Malaysia sebagai satu destinasi pelancongan yang mempunyai pakej pelancongan dengan harga yang menarik dan mudah membuat perjalanan dengan adanya rangkaian penerbangan antarabangsa yang baik. Di samping itu, aktiviti galakan telah dimulakan di pasaran baru seperti di Asia Barat, Kanada dan negara-negara Scandinavia.

8.14 Dari segi pembangunan kemudahan infrastruktur asas, beberapa projek telah dapat disiapkan. Memandangkan terdapatnya keperluan bagi penyediaan kemudahan penyebaran maklumat setempat untuk pelancong tempatan dan asing, maka Kompleks Maklumat Pelancong Malaysia (MATIC) telah ditubuhkan di Kuala Lumpur pada tahun 1989. Pembangunan lain yang berhubung dengan pelancongan termasuklah memperbaiki kemudahan untuk ke taman-taman negara di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak, menyediakan kemudahan tambahan di destinasi-destinasi pelancongan yang digemari ramai seperti tempat peranginan Pulau Besar di Melaka, Kompleks Pelancongan Bersepadu Desaru di Johor dan Kompleks Pelancongan Tasik Kenyir di Terengganu serta pemuliharaan budaya tradisional melalui pembesaran pusat-pusat kraftangan seperti Perkampungan Budaya Sarawak. Kemudahan infrastruktur lain yang telah disediakan termasuklah berbagai kerja pembaikan yang dijalankan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, menaikkan taraf Lapangan Terbang Pulau Langkawi, pembinaan semula jeti-jeti di kawasan pelancongan utama seperti di Kuala Tahan, Pulau Langkawi dan Pulau Tioman, serta kerja-kerja membaiki jalan-jalan dan laluan utama keretapi di negara ini.

8.15 Kemasukan pelancong ke Malaysia dengan mudah yang merupakan satu faktor penting dalam pembangunan pelancongan telah dipertingkatkan dan diperbaiki lagi. Penerbangan Malaysia (MAS) telah memulakan penerbangannya ke beberapa destinasi baru di luar negeri seperti Brussels, Istanbul, Fukuoka, Auckland, New Delhi, Zurich, Guangzhou, Bandaraya Ho Chih Min, Adelaide, Brisbane, Vienna, dan Kaohsiung.

| Kerajaan juga telah mengamalkan dasar ruang angkasa terbuka untuk penerbangan sewa khas ke Malaysia bagi memenuhi permintaan penumpang yang semakin bertambah dan memudahkan lagi pelancong untuk masuk ke Malaysia. Dalam tempoh tersebut, beberapa negara, khususnya Hong Kong, Kanada, Jepun, Jerman dan Yugoslavia telah dibenarkan menjalankan operasi penerbangan sewa khas ke Malaysia. Sebagai tambahan, Penerbangan Antarabangsa Singapura (SIA) dan anak syarikatnya 'Tradewinds' telah turut diberi kelulusan untuk meningkatkan lagi kekerapan penerbangannya ke Pulau Langkawi, Pulau Tioman, Kota Kinabalu dan Kuching.

8.16 Dari segi perjalanan dan kemudahan membuat lawatan dalam negeri, MAS telah menambahkan kekerapan dan meningkatkan kapasiti ke destinasi-destinasi utama di

Semenanjung Malaysia serta Sabah dan Sarawak. Bagi melengkapkan usaha-usaha MAS, 'Pelangi Air' telah menambah perkhidmatannya bagi meliputi beberapa destinasi pelancongan seperti Pulau Tioman, Melaka, Kuala Tahan, Kuala Terengganu, Kertih, Pulau Pinang dan Kuantan sejak tahun 1988. Di samping itu, Keretapi Tanah Melayu telah memulakan program bagi menggalakkan pelancongan dengan memperkenalkan pas perjalanan keretapi untuk pelancong asing sempena Tahun Melawat Malaysia serta pakej pengembaraan 'Legendary Langkawi Tour' dan 'Kenong Rimba Park Adventure Tour' di Kuala Lipis. Dalam usaha untuk menggalakkan kemasukan pelancong melalui jalan darat dari Singapura dan Thailand, peraturan-peraturan di pintu masuk telah dilonggarkan lagi.

III. PROSPEK, 1991-95

8.17 Perkembangan ekonomi dunia yang semakin baik dijangka akan terus mewujudkan iklim yang sesuai bagi pertumbuhan pelancongan antarabangsa. Di samping itu, terdapat peralihan yang positif ke arah pelancongan jarak jauh. Jumlah perjalanan jarak jauh bagi seluruh dunia dijangka meningkat dengan banyaknya daripada 36.7 juta perjalanan dalam tahun 1986 kepada 64.2 juta perjalanan pada tahun 1999. Pelancongan peringkat antarabangsa kini memasuki era yang lebih gemilang dan ianya menawarkan peluang-peluang yang besar bagi negara-negara seperti Malaysia untuk menerokainya.

8.18 Secara relatif, Malaysia masih baru dalam industri pelancongan di peringkat antarabangsa, berbanding dengan destinasi lain yang lebih dikenali di ASEAN. Di dalam dekad yang akan datang, banyak lagi negara-negara yang sedang membangun dijangka akan melibatkan diri dalam pelancongan sebagai usaha mempelbagai dan memperluaskan peluang-peluang untuk pembangunan ekonomi mereka. Dalam suasana yang penuh dengan persaingan ini, Malaysia akan menjalankan usaha yang lebih gigih bagi memperbaiki mutu, tarikan dan keunggulan produk dan perkhidmatan pelancongan supaya ianya dapat bersaing serta terus mengekalkan minat pelancong.

8.19 Prospek pertumbuhan sektor pelancongan di Malaysia dalam RM6 mestilah dilihat dari arah aliran keseluruhan perjalanan antarabangsa serta dasar dan strategi dalam negeri untuk terus mengekalkan pencapaian yang tinggi dari segi ketibaan dan hasil pendapatan perjalanan yang telah diperolehi dalam tempoh RM5. Di samping itu, prospek pelancongan akan bergantung kepada pembaharuan tindakan susulan bagi aktiviti-aktiviti galakan dan pemasaran serta pembangunan produk yang kompetitif, perkhidmatan dan kemudahan infrastruktur yang berkaitan.

8.20 Dalam tempoh RM6, ketibaan pelancong dijangka bertambah pada kadar yang lebih stabil, iaitu 6 peratus setahun. Sungguhpun pasaran ASEAN akan terus menjadi

pasaran yang terbesar, namun pasaran bukan ASEAN, terutamanya yang terdiri daripada negara-negara Jepun, Jerman dan Taiwan dijangka akan menjadi lebih penting. Pengunjung-pengunjung harian yang tiba melalui jalan darat daripada dan melalui Singapura akan terus menjadi komponen yang penting di dalam pasaran pelancongan negara. Sektor pelancongan dalam negeri adalah dijangka menjadi satu sumber pertumbuhan pelancongan yang penting hasil daripada peningkatan pendapatan dan perubahan kos perjalanan secara relatif.

8.21 Dalam tempoh RM6, pendapatan dari pertukaran wang asing hasil daripada pelancongan dijangka berkembang pada kadar purata 2.3 peratus setahun. Dari segi pekerjaan pula, sektor ini dijangka akan mewujudkan 11,300 peluang pekerjaan secara langsung serta peluang pekerjaan secara tidak langsung yang agak besar. Pembinaan lebih kurang 30 buah hotel baru dan program pembesaran hotel yang sedia ada dijangka akan mewujudkan pertambahan lebih daripada 10,000 buah bilik. Adalah dijangka bahawa sejumlah besar daripada hotel-hotel baru yang akan di bina merupakan hotel dalam kategori berharga sederhana.

8.22 Terdapat beberapa isu pembangunan pelancongan yang perlu diberi perhatian. Isu-isu tersebut termasuklah pembangunan identiti dan imej unggul Malaysia di dalam arena antarabangsa, penggalakan pelancongan dalam negeri berbanding dengan pelancongan antarabangsa, pembangunan program dan projek pelancongan secara terpilih serta pembangunan sumber manusia yang khusus untuk industri pelancongan. Objektif dasar dan strategi pelancongan serta program-program dalam RM6 adalah dibentuk untuk mengatasi masalah-masalah ini.

Objektif Dasar dan Strategi Pelancongan

8.23 Pelancongan akan digalakkan sebagai satu industri penting yang boleh menyumbang ke arah pembentukan sumber-sumber pertumbuhan baru yang diperlukan untuk pembangunan sosio-ekonomi. Penekanan yang bersungguh-sungguh akan diberikan bagi memperkukuhkan prospek pertumbuhannya melalui langkah-langkah mewujudkan pertumbuhan yang pesat bagi perjalanan dan pelancongan dalam negeri, mempelbagai pasaran pelancong yang sedia ada dan menerokai pasaran baru yang berpotensi khususnya di rantau ini, memperbanyakkan kemudahan infrastruktur, menyemai inovasi di dalam penyediaan produk-produk pelancongan dan menggalakkan keusahawanan bagi barangan dan perkhidmatan yang berkaitan. Dalam hubungan ini, industri pelancongan dijangka akan menyediakan peluang-peluang yang lebih banyak untuk meningkatkan hakmilik, penyertaan dan keusahawanan Bumiputera.

8.24 Penekanan yang seimbang akan terus diberikan kepada pasaran dalam dan luar negeri. Bagi pasaran luar negeri, aktiviti-aktiviti pemasaran dan penggalakan akan ditumpukan ke atas usaha untuk mengekalkan pasaran yang sedia ada dan memajukan pasaran-pasaran baru. Langkah-langkah susulan yang meluas dan inovatif

akan dipergiatkan untuk mengukuhkan imej Malaysia sebagai destinasi pelancongan yang mempunyai berbagai tarikan dan juga sebagai sebahagian daripada potensi pelancongan rantau ASEAN.

8.25 Penggalakan pelancongan dalam negeri akan dijalankan dengan lebih agresif lagi untuk mengambil kesempatan atas usaha yang telah dilakukan bagi menggalakkan rakyat Malaysia melancong secara yang lebih meluas di dalam negeri daripada keluar negeri. Bagi mencapai objektif ini, lebih banyak program sokongan yang imaginatif akan dilancarkan bagi mewujudkan permintaan untuk perjalanan dalam negeri. Industri-industri penginapan, pelancongan dan perjalanan serta sektor-sektor kewangan dan korporat akan digalakkan untuk menjalankan program galakan bagi mewujudkan peluang-peluang perjalanan serta pelancongan dalam negeri. Penekanan akan juga diberi kepada penyediaan kemudahan-kemudahan yang lebih selesa, menarik dan mampu dibayar oleh pelancong-pelancong tempatan.

8.26 Industri pelancongan akan memberi penekanan yang lebih terhadap pembentukan satu imej dan identiti Malaysia yang tersendiri. Negara ini akan menggalakkan jenis pelancongan yang unik yang mencerminkan nilai dan cara hidup rakyat Malaysia. Pendekatan ini akan dimajukan dalam usaha memelihara dan mempertingkatkan warisan negara dan juga berbangga dengan budaya dan cara hidup pelbagai kaum di Malaysia. Sehubungan dengan ini, imej yang sedemikian akan dimaju dan disepadukan dalam program-program dan projek-projek yang berkaitan untuk kepentingan pelancongan dan generasi akan datang.

8.27 Kepelbagaian budaya Malaysia diakui sebagai aset tambahan kepada sektor pelancongan. Budaya tempatan yang berbeza-beza dan berbagai corak akan digalakkan sebagai sesuatu yang mempunyai tarikan istimewa dan unik di rantau ini. Asas sosio-budaya yang luas dan kaya dengan cerita rakyat, seni pementasan, tradisi, kraftangan dan seni bina serta makanan istimewa dijangka akan dapat menyediakan peluang-peluang yang lebih luas untuk menghasilkan produk yang berbeza dan berbagai-bagai.

8.28 Di dalam pembangunan pelancongan, satu bidang yang perlu diberi perhatian serius ialah perlindungan dan pemeliharaan alam sekitar. Di Malaysia, pelancongan pada umumnya adalah berasaskan sumber-sumber semula jadi seperti pantai, tasik, sungai, air terjun, hutan, hidupan liar dan aset semula jadi lain yang mempunyai nilai keindahan, arkiologi, budaya dan sejarah yang sensitif kepada kerosakan alam sekitar dan ketidakseimbangan ekologi. Oleh yang demikian, program dan projek pelancongan akan dijalankan secara terpilih dan akan meliputi kawalan ke atas pencemaran, pembuangan najis, hakisan pantai dan tanah serta pemeliharaan pantai, hutan dan ekosistem lain dan mengenalpasti zon dan kawasan umum yang sesuai untuk pembangunan pelancongan. Pihak-pihak Berkuasa Tempatan dan masyarakat setempat dijangka akan terlibat di dalam kerja-kerja penyediaan, pelaksanaan dan

penyelenggaraan projek untuk memastikan supaya kesan pencemaran ke atas alam sekitar dan budaya dapat dikurangkan.

8.29 Pembangunan pelancongan akan menekankan kepada penglibatan secara langsung oleh penduduk tempatan. Bagi mencapai matlamat ini, program-program pendidikan dan kesedaran untuk orang ramai akan dibentuk supaya mereka lebih menghargai faedah yang diperolehi daripada industri yang sedang membangun ini. Selanjutnya, rakyat Malaysia akan diberi maklumat umum tentang sistem nilai dan cara hidup pelancong asing. Lebih banyak maklumat mengenai nilai tradisional dan budaya rakyat Malaysia akan disebar kepada pelawat-pelawat asing.

8.30 Latihan adalah penting bagi pertumbuhan industri pelancongan yang cekap dan berdaya saing serta untuk memenuhi permintaan gunatenaga dalam industri ini. Apabila industri pelancongan mencapai tahap pembangunan dan kecanggihan yang semakin tinggi, adalah dijangkakan bahawa permintaan dan pengharapan pelawat-pelawat akan menjadi semakin berbeza-beza dan pelbagai di mana ianya akan memerlukan penyediaan perkhidmatan dan kemahiran yang khusus. Usaha-usaha yang lebih akan ditumpukan kepada mempertingkatkan tahap profesionalisma dan memperkembangkan jenis dan kualiti perkhidmatan yang disediakan oleh industri pelancongan. Secara khususnya, usaha-usaha akan dijalankan bagi menyusun semula dan mengembangkan lagi program-program pendidikan dan latihan bagi memenuhi keperluan sektor pelancongan. Lebih banyak latihan akan diperlukan bagi aktiviti pelancongan berkaitan seperti pengetahuan bahasa yang khusus bagi pemandu pelancong, pengurusan hotel, restoran dan hospitaliti serta kerja-kerja yang berhubung dengan penyelenggaraan hotel dan kemudahan dan perkhidmatan yang berkaitan dengan pelancongan.

8.31 Langkah-langkah akan diambil bagi memperbaiki dan memudahkan lagi kemasukan dan perjalanan pelancong ke negara ini khususnya memudahkan kemasukan secara terus bukan sahaja ke tempat-tempat pelancongan yang popular, tetapi juga ke destinasi-destinasi pelancongan dan percutian yang lebih kecil dan baru dibangunkan di negara ini. Di samping itu, kaedah pengangkutan lain akan dimajukan lagi.

8.32 Pertambahan peruntukan pembangunan pelancongan akan menjadi daya penggerak tambahan yang akan memberi kesan secara menyeluruh untuk mengukuhkan infrastruktur asas yang diperlukan dan kualiti barangan dan perkhidmatan yang berkaitan. Lebih banyak sumber akan disediakan bagi pembangunan berbagai produk pelancongan, kemudahan infrastruktur yang berkaitan dan latihan tenaga manusia serta juga aktiviti-aktiviti pemasaran dan penggalakan. Penekanan yang bersungguh-sungguh akan diberikan untuk meningkatkan daya pengeluaran, kecekapan dan daya bersaing yang lebih tinggi supaya faedah yang maksimum dapat diperolehi daripada pelancongan di samping mengurangkan kos untuk melancong, mengembara, beristirehat dan rekreasi.

8.33 Selain daripada pembangunan infrastruktur fizikal, aspek institusi dan pengurusan juga akan diberi penekanan. Di peringkat Kerajaan Persekutuan, Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan, dasar berkaitan dengan pelancongan akan disusun semula dan diselaraskan lagi bagi memastikan supaya faedah yang diperolehi daripada pelancongan akan digunakan dengan sepenuhnya dan manfaatnya tersebar ke seluruh masyarakat dengan pewujudan rantaian yang lebih kukuh dengan sektor ekonomi yang lain. Usaha akan ditumpukan kepada penyelarasan dan pengurusan dasar di antara sektor awam dan swasta bagi mencapai keseimbangan dan keberkesanan kos dalam pembangunan pelancongan. Kerajaan akan terus menyediakan sokongan infrastruktur asas dan sekiranya perlu mengkaji semula undang-undang, kaedah dan peraturan yang berkaitan bagi menggalakkan pelaburan sektor swasta yang lebih besar. Sektor swasta, atas daya usahanya sendiri dijangka akan menjadi daya penggerak dan penggalak dalam memajukan lagi berbagai aktiviti dan tarikan-tarikan pelancongan samada yang sedia ada atau yang akan dibangunkan.

8.34 Satu pelan pelancongan kebangsaan yang masih dalam peringkat awal penyediaan akan menyediakan garis panduan untuk perkembangan industri tersebut pada masa hadapan. Penggubalan pelan tersebut akan melibatkan kerjasama yang erat di semua peringkat Kerajaan dan sektor swasta bagi memastikan wujudnya penyelarasan antara agensi dan antara sektor dalam perancangan dan pelaksanaan projek pelancongan di peringkat nasional serta meningkatkan penyertaan sektor swasta dalam pembangunan pelancongan.

Program dan Projek Pembangunan Produk

8.35 Berbagai tarikan, aktiviti, kemudahan dan perkhidmatan akan dimajukan untuk memenuhi minat dan cita rasa pelancong yang berbeza-beza dengan tujuan untuk memanjangkan tempoh tinggal dan meningkatkan perbelanjaan pelancong-pelancong asing dan tempatan. Teras utama akan ditumpukan kepada aspek pemeliharaan dan mempertingkatkan aset semula jadi dan budaya yang sedia ada tanpa melakukan pengubahsuaian yang besar dan komersialisasi yang berlebihan. Beberapa program akan dijalankan termasuk pemeliharaan dan pemugaran tempat-tempat bersejarah, menggalakkan program kebersihan dan kecantikan, penguatkuasaan pemuliharaan alam sekitar, pembangunan produk pelancongan yang berasaskan alam semula jadi dan kebudayaan, penyediaan tempat penginapan pelancong yang kosnya berpatutan serta membina dan menaikkan taraf infrastruktur lain dan kemudahan yang berkaitan dengan industri pelancongan.

8.36 Di samping menyediakan kemudahan bagi memenuhi minat khusus bakal pelancong, pemeliharaan dan pemugaran tempat dan tinggalan sejarah secara teliti akan memelihara warisan nasional dan memperkukuhkan identiti negara ini. Beberapa tempat dan bangunan yang bersejarah telah dikenalpasti untuk tujuan

pemeliharaan dan pemugaran. Ini termasuklah Istana Kellie dan Muzium Taiping di Perak, Muzium Kota Kayangan di Perlis, 'A Famosa' di Melaka, Muzium Istana Bandar dan Istana Jugra di Selangor, Muzium Kerajaan Melayu dan Kubu Pertahanan Kerajaan Melayu di Johor Lama, Kota Lukut di Port Dickson dan Kota Margherita di Sarawak serta rumah-rumah tradisional Melayu yang terpilih.

8.37 Penekanan khusus akan diberikan kepada pemeliharaan tarikan-tarikan semula jadi seperti di tempat percutian tanah tinggi dan pulau, taman laut, hutan simpanan, taman hidupan liar dan hutan tropika asli. Berbagai jenis aktiviti pelancongan berbentuk pengembaraan yang dapat memenuhi kehendak pelancong yang mempunyai minat khusus akan disediakan di mana pelancong-pelancong boleh menyertai bersama dalam aktiviti yang berkaitan dengan alam semula jadi, khususnya di Taman Negara di Semenanjung Malaysia, Taman Negara Kinabalu di Sabah dan Taman Negara Niah di Sarawak.

8.38 Destinasi percutian dan kemudahan sosial dan rekreasi akan diperkenalkan bukan sahaja kerana keunggulan dan keistimewaannya tetapi juga sebagai destinasi yang bersih dan kecantikan yang tidak tercemar. Program-program kebersihan dan kecantikan, akan ditumpukan di pintu-pintu masuk utama ke negara ini seperti di Pulau Pinang, Johor Bahru, Padang Besar, Bukit Kayu Hitam, Rantau Panjang, Kuching dan Kota Kinabalu serta tempat-tempat percutian terkenal di pulau-pulau, pantai dan tanah tinggi. Di samping itu, lebih banyak mesin pembersih pantai akan digunakan bagi membantu kempen-kempen kebersihan di pantai-pantai utama.

8.39 Kerajaan akan memberi penekanan kepada aspek pemuliharaan bagi mengurangkan kesan negatif dari kerosakan alam sekitar. Di dalam usaha mencapai objektif ini, garis panduan dan kriteria yang khusus untuk pembangunan projek pelancongan akan digubal sebagai sebahagian dari proses mengenalpasti zon tertentu bagi pembangunan pelancongan.

8.40 Kebudayaan dan kesenian akan dimajukan sebagai komponen penting dalam pembangunan sektor pelancongan. Pendekatan ini akan menyediakan peluang untuk pembangunan satu industri perkhidmatan hiburan dan kebudayaan yang berbagai dan bermaya. Ini juga akan menggalakkan penglibatan penduduk tempatan dalam industri tersebut. Usaha-usaha penggalakan akan ditumpukan kepada beberapa bidang seperti seni pementasan sama ada komersil atau bukan komersil, muzium, balai senilukis dan kraftangan serta pusat-pusat dan taman-taman hiburan. Di antara projek-projek yang akan dilaksanakan ialah penubuhan Panggung Negara bagi Seni Pementasan, pembangunan kampung-kampung budaya di Seremban dan Sungai Rusa di Pulau Pinang serta kompleks-kompleks budaya kraf di Pulau Langkawi dan Kuala Lumpur dan Pusat Kraftangan Orang Asli di Cameron Highlands. Program pembangunan produk kebudayaan dan kraftangan dijangka akan mewujudkan peluang-peluang bagi mempelbagaikan lagi produk pelancongan secara meluas, khususnya bagi pengusaha-pengusaha dan usahawan-usahawan kecil

menubuhkan pusat-pusat kraftangan dan memulakan aktiviti-aktiviti yang berasaskan budaya bagi memenuhi minat pelancong.

8.41 Penekanan yang lebih akan diberikan kepada penyediaan kemudahan penginapan yang mencukupi dan yang mampu di bayar oleh pelancong. Kerajaan akan memulakan satu program untuk mengadakan kemudahan penginapan yang berpatutan harganya seperti tapak perkhemahan, rumah rehat, chalet, pondok, asrama dan motel di destinasi pelancongan tertentu. Ini termasuk pembangunan tapak perkhemahan di Air Keroh, Melaka dan Pulau Tioman di Pahang serta Gunung Pulai dan Gunung Ledang di Johor. Pembinaan chalet-chalet kos-rendah dan sederhana di Tasik Kenyir, Terengganu dan di taman-taman negara seluruh Malaysia juga akan dijalankan. Rumah-rumah rehat yang sedia ada di beberapa destinasi pelancongan seperti di Cameron Highlands dan Bukit Fraser akan diperbaiki. Walau bagaimanapun, pembangunan, hakmilik dan pengurusan kemudahan penginapan tersebut di masa hadapan akan di franchise dan akhirnya diserahkan kepada sektor swasta. Ini akan menjadi satu saluran bagi mewujudkan peluang untuk meningkatkan penyertaan Bumiputera di dalam aktiviti-aktiviti perdagangan dan perniagaan.

8.42 Jangkaan pertumbuhan dalam sektor pelancongan akan memerlukan penambahan infrastruktur dan kemudahan berkaitan dengan pelancongan. Kemudahan baru dan yang lebih baik akan dibina dan dalam masa yang sama mempertingkatkan kemudahan yang sedia ada. Sektor awam akan menyediakan infrastruktur yang diperlukan sebagai sokongan kepada sektor swasta. Di dalam tempoh RM6, infrastruktur dan kemudahan awam termasuk jalan masuk, jeti dan jambatan serta pusat penerangan pelancongan akan disediakan di destinasi-destinasi pelancongan yang popular seperti Pulau Langkawi, Pulau Pangkor dan Pulau Tioman, dan tarikan-tarikan pelancongan semula jadi, khususnya taman-taman negara dan hutan simpanan serta taman hidupan liar yang terpilih. Pertimbangan juga akan diberikan terhadap pembangunan kawasan yang kurang maju seperti kawasan-kawasan yang berada di bawah jagaan Lembaga-lembaga Kemajuan Wilayah.

8.43 Usaha akan juga dijalankan untuk menjadikan negara ini sebagai satu destinasi pelancong yang popular melalui penyusunan semula pakej pelancongan yang sedia ada dan yang akan diwujudkan dalam bentuk yang lebih menarik dengan mengambilkira permintaan pasaran yang berbeza-beza. Penyusunan produk-produk ini juga akan mengambilkira minat pelancong yang berbeza-beza meliputi percutian dan bersiar-siar, rekreasi dan kegemaran bersukan, perniagaan dan konvensyen serta minat terhadap alam semula jadi dan hidupan liar.

8.44 Sektor swasta diharap akan memulakan usaha untuk memperbaiki produk pelancongan yang sedia ada serta menyediakan produk pelancongan yang baru dan berbeza-beza. Ini merupakan satu cabaran penting kepada pengusaha-pengusaha swasta untuk membangunkan produk pelancongan dengan tujuan mengekalkan minat di kalangan pelancong asing untuk terus melawat Malaysia dan juga untuk

menarik rakyat Malaysia melancong seluas-luasnya di dalam negara. Sesungguhnya masih terdapat skop yang luas untuk daya cipta, inovasi dan keusahawanan di dalam bidang-bidang yang sebahagian besarnya masih belum diterokai. Dalam hal ini, peluang-peluang pelaburan yang luas akan wujud dan ia meliputi pelaburan yang besar seperti pembangunan hotel dan tempat percutian sehinggalah kepada pelaburan di dalam penyediaan tarikan-tarikan dan perkhidmatan-perkhidmatan pelancongan yang berkaitan. Usahawan-usahawan kecil dan sederhana adalah diharap menerokai dan melibatkan diri di dalam berbagai peluang perniagaan yang ada seperti penyediaan dan penyajian makanan, penjualan dan hiburan serta rekreasi dan beristirahat yang memerlukan modal yang rendah tetapi dapat menghasilkan aktiviti-aktiviti nilai ditambah yang tinggi.

Latihan

8.45 Bagi memenuhi permintaan sektor pelancongan yang kian bertambah, satu pendekatan yang komprehensif dan bersepadu terhadap latihan akan dimulakan. Pendekatan yang sedemikian akan merangkumi berbagai jenis kemahiran di peringkat vokasional dan pengajian tinggi. Ianya akan melibatkan latihan untuk pekerja baru di dalam bidang ini serta mempertingkatkan kemahiran dan melatih semula pekerja yang sedia ada.

8.46 Kerajaan akan menyelaras perancangan dan pembangunan latihan dan pendidikan untuk industri pelancongan. Sektor swasta dijangka akan memainkan peranan yang lebih besar dalam menjalankan latihan formal dan latihan dalam perkhidmatan. Sebuah Majlis Latihan Bagi Hotel dan Pelancongan Kebangsaan akan ditubuhkan dengan keahliannya terdiri daripada sektor-sektor awam dan swasta. Majlis ini akan membantu mengenalpasti bidang-bidang penting di mana latihan diperlukan, membentuk piawaian dan persijilan di peringkat kebangsaan, menentukan kurikulum yang bersesuaian dan bertindak sebagai penyelarass keseluruhan dalam pembangunan sumber manusia bagi industri pelancongan.

8.47 Jangkaan pertambahan di dalam aktiviti pelancongan akan meningkatkan permintaan untuk tenaga manusia yang terlatih dan berpengalaman di peringkat pengurusan dan penyeliaan serta juga pekerja mahir dan separuh mahir. Adalah dijangkakan bahawa setiap tahun seramai 250 kakitangan pengurusan, 550 di peringkat penyeliaan dan 2,400 tenaga mahir akan diperlukan. Bagi memenuhi permintaan ini, program latihan tenaga manusia yang dikendalikan oleh Institut Teknologi MARA, Pusat Daya Pengeluaran Negara dan Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia akan dipertingkatkan. Bagi mengatasi masalah kekurangan kakitangan pengurusan, Kerajaan akan memberikan pertimbangan kepada cadangan membenarkan universiti dan institusi pengajian tinggi tempatan menawarkan kursus-kursus di peringkat ijazah dan diploma lepasan ijazah di dalam bidang pentadbiran hotel dan pengurusan pelancongan.

Pemasaran dan Penggalakan

8.48 Dalam memperkenalkan Malaysia sebagai satu destinasi utama pelancongan, usaha-usaha pemasaran dan penggalakan akan dipertingkatkan. Kerajaan akan melipatgandakan aktiviti-aktiviti penggalakan dan pemasaran di pasaran dalam dan luar negeri melalui kerjasama rapat dengan sektor swasta. Usaha yang lebih giat akan dijalankan dalam meningkatkan kesedaran pelancong terhadap Malaysia sebagai tempat pilihan bagi percutian, tempat untuk mengalami pengalaman sosio-budaya, tempat mengadakan konvensyen dan menikmati kegemaran khusus. Negara ini akan diketengahkan sebagai satu destinasi yang mempunyai berbagai aktiviti sepanjang tahun. Dalam hal ini, program penerangan awam akan disebarluaskan melalui pengiklanan, ruangan akhbar, mel terus, pertunjukan dan pameran perdagangan. Bentuk lain penyebaran maklumat akan dipasarkan melalui pakej-pakej pengembaraan secara kerjasama, bengkel dan seminar pendidikan serta media massa dan panduan maklumat mengenai perjalanan pelancongan.

8.49 Usaha yang khusus akan dijalankan bagi mewujudkan sekumpulan pakar pemborong dan peruncit tempatan dalam bidang pengembaraan dan pelancongan di semua pasaran utama pelancong di luar negeri. Ini akan memastikan bahawa rakyat Malaysia mampu menjalankan penggalakan dan pemasaran produk dan perkhidmatan pelancongan yang terdapat di negara ini tanpa terlalu bergantung kepada pemborong dan peruncit asing. Tambahan pula, perkhidmatan-perkhidmatan hiliran tersebut akan meningkatkan nilai ditambah di dalam sektor pelancongan.

8.50 Usaha-usaha pemasaran dan penggalakan yang bersungguh-sungguh akan dijalankan bagi mengembangkan pasaran pelancongan dalam negeri yang sebahagian besarnya masih belum diterokai. Teras penggalakan akan ditumpukan untuk meningkatkan kesedaran rakyat Malaysia mengenai jenis-jenis dan mutu produk pelancongan yang sedia ada di negara ini. Kemudahan untuk Melawat Malaysia

8.51 Usaha-usaha yang berterusan akan dijalankan bagi mempermudah lagi urusan memasuki dan melancong dalam negara ini bagi menyokong pertumbuhan pelancongan. Dari segi perjalanan udara, hak mendarat yang lebih banyak khususnya di Eropah, Kanada dan Amerika Selatan akan dirundingkan, sementara kekerapan dan keupayaan penerbangan ke destinasi luar negeri akan turut ditingkatkan. Sungguhpun penekanan utama adalah menambahkan lagi perkhidmatan berjadual, namun lebih banyak penerbangan penumpang secara sewa khas akan juga dibenarkan bagi melengkapkan perkhidmatan tersebut.

8.52 Kemudahan-kemudahan dan perkhidmatan-perkhidmatan di lapangan terbang akan ditambah dan dipertingkatkan bagi memenuhi permintaan pelancongan yang semakin meningkat. Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur akan dimajukan

lagi sebagai pintu masuk utama dan pusat bagi sistem pengangkutan udara di Malaysia, serentak dengan pembangunan Lapangan Terbang di Pulau Pinang, Kuching dan Kota Kinabalu. Syarikat penerbangan swasta tempatan pula akan digalakkan untuk menyediakan perkhidmatan penerbangan tambahan dalam negeri. Kaedah pengangkutan yang lain, khususnya perkhidmatan keretapi, pengangkutan darat dan laut akan diperluaskan. Penekanan yang lebih akan diberikan kepada penyediaan perkhidmatan yang lebih baik di pintu-pintu masuk utama.

8.53 Strategi pelaksanaan bagi meningkatkan kesenangan untuk masuk ke negara ini akan ditumpukan kepada rekabentuk dan pemasaran pakej pelancongan dan pengembaraan, sama ada untuk pelancong tempatan mahupun luar negeri. Pemborong dan peruncit di dalam industri pengembaraan dan pelancongan perlu memberikan perhatian khas kepada komponen-komponen seperti penggalakan, tambang yang kompetitif, jadual dan perjalanan yang menyenangkan, pakej-pakej perjalanan yang menarik dan selesa, kemudahan-kemudahan penginapan dan pengembaraan yang istimewa serta juga penyediaan perkhidmatan lain yang berkaitan.

IV. PERUNTUKAN

8.54 Peruntukan pembangunan Kerajaan Persekutuan yang telah dikaji semula dan anggaran perbelanjaan bagi tempoh 1986-90 serta peruntukan bagi tempoh 1991-95 ditunjukkan di Jadual 8-2. Peruntukan pembangunan bagi RM6 adalah lebih besar berbanding dengan jumlah yang telah diperuntukkan di bawah RM5. Ini menunjukkan bahawa sektor pelancongan adalah menjadi semakin penting. Pertambahan dalam peruntukan ini akan membantu mempercepatkan perancangan dan pelaksanaan program-program untuk memperkembangkan infrastruktur fizikal dan sosial yang diperlukan bagi menyokong pertumbuhan pelancongan.

V. PENUTUP

8.55 Pelancongan merupakan satu industri yang baru muncul. Industri ini bukan sahaja mempunyai kesan pengganda yang tinggi dan rangkaian dalam ekonomi tetapi juga menggalakkan integrasi dan perpaduan nasional. Dalam menggalakkan industri pelancongan, nilai-nilai keagamaan, moral dan budaya negara ini akan terus dihormati dan dipelihara sepenuhnya. Pemeliharaan dan perlindungan alam sekitar terhadap eksploitasi sumber semula jadi yang berlebihan dan pencemaran alam sekitar, akan menjadi lebih penting di dalam usaha menyokong pembangunan industri pelancongan. Kerjasama yang rapat di antara sektor awam dan swasta akan terus dipupuk di dalam penggubalan dan pelaksanaan rancangan-rancangan dan program-program pembangunan pelancongan.

BAB 9 : KEWANGAN, BANK DAN INSURANS

I. PENDAHULUAN

9.01 Sektor kewangan, bank dan insurans telah memainkan peranan yang penting dalam menggerak dan mengagihkan sumber kewangan untuk menyokong pertumbuhan dan pembangunan ekonomi dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima (RM5). Sistem bank, institusi kewangan pembangunan, pasaran modal dan industri insurans telah menyediakan sokongan kewangan yang diperlukan untuk perkembangan dan pembangunan sektor pertanian, pembuatan dan pelancongan. Sektor ini telah memberi pinjaman atas kadar yang berpatutan, dengan itu meningkatkan lagi perkembangan ekonomi.

9.02 Sektor kewangan, bank dan insurans akan terus memainkan peranan menyokong dan membantu memajukan lagi pembangunan ekonomi dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam (RM6). Kecekapan sektor ini dalam menggerak dan mengagihkan dana akan terus dipertingkatkan. Langkah-langkah akan terus diambil untuk meluas dan memperdalamkan lagi sistem kewangan. Mekanisma pembiayaan dan pengurusan kewangan akan dipermoden dan diperkukuhkan lagi untuk memenuhi jangkaan keperluan dana yang meningkat oleh sektor swasta. Penekanan terhadap kemahiran dan mutu profesionalisma sektor kewangan akan terus dipertingkatkan.

II. KEMAJUAN, 1986-90

9.03 Dalam tempoh RM5, sektor kewangan, bank dan insurans berkembang dengan pesatnya pada kadar 8.4 peratus setahun iaitu lebih tinggi berbanding dengan unjuran awal Rancangan ini sebanyak 6.8 peratus. Sumbangannya kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) telah meningkat daripada 8.8 peratus pada tahun 1985 kepada 9.7 peratus pada tahun 1990, manakala gunatenaga dalam sektor ini pula meningkat daripada 199,000 kepada 242,000. Sistem kewangan telah mengeluarkan pinjaman sebanyak \$58,400 juta kepada sektor swasta dalam tempoh tersebut bagi perkembangan dan pembangunan sektor-sektor utama ekonomi. Jumlah sumber kewangan telah meningkat dengan pesatnya daripada \$169,000 juta pada akhir tahun 1985 kepada \$320,400 juta pada akhir tahun 1990 atau pada kadar 13.7 peratus setahun.

Sistem Bank Aset dan Deposit

9.04 Sistem bank yang terdiri daripada bank-bank perdagangan, syarikat-syarikat kewangan dan bank-bank saudagar, menyumbang 56 peratus daripada jumlah aset

sistem kewangan pada akhir tahun 1990. Jumlah aset sistem bank telah berkembang pada kadar purata 12.8 peratus setahun daripada \$98,362 juta pada akhir tahun 1985 kepada \$179,717 juta pada akhir tahun 1990, seperti di Jadual 9-1. Di antara ketiga-tiga institusi kewangan tersebut, bank-bank perdagangan terus mendahului institusi lain dari segi pemilikan aset dan deposit walaupun syarikat-syarikat kewangan telah mencatatkan pertumbuhan aset yang paling tinggi dalam tempoh RM5, iaitu pada kadar 17.2 peratus setahun. Bahagian deposit syarikat-syarikat kewangan dalam jumlah deposit sistem bank juga telah meningkat daripada 20.7 peratus kepada 27.2 peratus dalam tempoh tersebut.

Pinjaman

9.05 Selaras dengan perkembangan ekonomi yang meluas, permintaan untuk kredit dalam tempoh RM5 pada keseluruhannya adalah tinggi di mana jumlah pinjaman terkumpul yang dikeluarkan oleh sistem bank telah meningkat pada kadar 11.6 peratus setahun daripada \$65,999 juta pada akhir tahun 1985 kepada \$114,047 juta pada akhir tahun 1990. Sebahagian besar pinjaman yang dikeluarkan telah terus disalurkan kepada sektor harta yang terdiri dari pembinaan, pembangunan hartanah dan perumahan persendirian. Walau bagaimanapun telah berlaku perubahan jelas aliran kredit ke arah pengagihan yang sama rata antara sektor-sektor utama, dengan sektor pembuatan yang menerajui pertumbuhan ekonomi mendapat bahagian pinjaman yang terbesar, seperti di Jadual 9-2.

9.06 Tiga sektor yang diberi keutamaan di bawah garis panduan pinjaman iaitu pinjaman perumahan perseorangan, perusahaan-perusahaan kecil dan Bumiputera telah terus mendapat kemudahan kredit yang mencukupi pada kadar istimewa. Selaras dengan pembangunan dalam ekonomi, garis panduan pinjaman kepada bank-bank perdagangan dan syarikat-syarikat kewangan telah dilonggarkan secara berperingkat-peringkat dan seterusnya dihapuskan. Pada akhir tempoh RM5, garis panduan ini meliputi pinjaman kepada Bumiputera dan pinjaman-pinjaman Skim Jaminan Am (SJA), di bawah Syarikat Jaminan Kredit Sdn. Bhd. Paras maksimum kadar faedah telah ditetapkan kepada pinjaman yang dikeluarkan untuk pembelian rumah yang akan didiami sendiri, di mana kos rumah berkenaan adalah tidak melebihi \$100,000 setiap satu unit dan untuk pinjaman yang dikeluarkan di bawah SJA. Jumlah pinjaman yang diberikan kepada ketiga-tiga sektor ini terutamanya kepada Bumiputera telah meningkat dengan pesat. Pinjaman yang diberi kepada Bumiputera telah meningkat daripada \$17,267 juta pada akhir tahun 1985 kepada \$31,475 juta pada akhir tahun 1990, yang merupakan 28.9 peratus daripada jumlah pinjaman yang belum dijelaskan.

Tabung-tabung Khas

9.07 Di samping galakan yang disediakan di bawah Akta Galakan Pelaburan, 1986, beberapa langkah kewangan dan fiskal telah juga diperkenalkan dalam tempoh RM5

untuk menggerakkan pelaburan tempatan dan pelaburan asing. Tabung-tabung khas juga telah diperkenalkan oleh Kerajaan untuk membantu dan menggerakkan pertumbuhan beberapa sektor utama. Tabung Pelaburan Baru (TPB) telah dilancarkan oleh Kerajaan pada tahun 1985, dengan peruntukan awal sebanyak \$1,000 juta untuk membantu menggerakkan pelaburan yang baru dalam sektor-sektor terpilih iaitu pembuatan, pertanian, pelancongan dan perlombongan. Ianya adalah merupakan sebahagian daripada usaha-usaha Kerajaan untuk menggalakkan pertumbuhan dan juga mengalihkan pinjaman-pinjaman baru daripada sektor harta dan hartanah yang rendah keutamaannya. Peruntukan TPB telah ditambah lagi sebanyak \$200 juta bagi menyokong usaha-usaha Kerajaan untuk menggalakkan sektor swasta melibatkan diri dalam sektor tanaman kontan secara komersil, dan dengan itu meningkatkan jumlah TPB menjadi \$1,200 juta. Selanjutnya tabung ini telah diperbesarkan lagi dengan tambahan \$500 juta menjadikan jumlah keseluruhan adalah \$1,700 juta.

9.08 Pada akhir tahun 1990, sebanyak 422 projek telah diluluskan di bawah TPB dengan nilai pinjaman sebanyak \$1,428 juta. Daripada jumlah ini, \$1,024 juta adalah untuk sektor pembuatan, \$277 juta untuk pertanian, \$80 juta untuk pelancongan dan \$47 juta untuk Skim Tanaman Kontan. Skim TPB telah menyumbang kepada pemulihan ekonomi daripada kemelesetan yang berlaku dalam tahun 1985/86. Pada tahun 1988, skim ini telah ditamatkan berikutan daripada pemulihan ekonomi Malaysia dan keadaan mudah tunai yang lebih baik.

9.09 Tabung Pemulihan Usahawan (TPU) berjumlah \$500 juta telah ditubuhkan bertujuan untuk memulihara dan membangunkan kumpulan usahawan Bumiputera yang tidak begitu ramai yang telah diwujudkan dalam masa sepuluh tahun lepas. Pada akhir tahun 1990, sejumlah 1,485 permohonan telah diterima di mana sebanyak 692 projek bernilai \$479.9 juta telah diluluskan. Memandangkan pemulihan projek-projek rumah terbengkalai adalah merupakan tumpuan utama TPU, satu skim berasingan yang dikenali sebagai Tabung Projek Perumahan Terbengkalai dengan jumlah peruntukan \$600 juta telah ditubuhkan pada bulan Jun 1990. Tabung ini adalah untuk memulihkan projek-projek perumahan yang terbengkalai dan untuk membolehkan pemilik rumah yang terlibat mendapatkan hak milik yang sah. Sehingga akhir tahun 1990, sebanyak 33 permohonan berjumlah \$137 juta telah diluluskan di bawah Tabung ini.

9.10 Di samping itu, untuk membimbing pertumbuhan usahawan Bumiputera, Tabung Usahawan Baru (TUB) berjumlah \$250 juta telah ditubuhkan pada bulan Disember 1989 untuk menyediakan pembiayaan kewangan pada kadar istimewa kepada usahawan Bumiputera bagi menerokai bidang-bidang baru, khususnya dalam sektor pembuatan, pertanian, pelancongan dan industri berorientasikan eksport atau industri-industri yang menyokong usaha-usaha pengeksportan. Sebanyak 280 permohonan telah diterima sehingga akhir tahun 1990, di mana 153 permohonan bernilai \$21.7 juta telah diluluskan.

Mudah Tunai Bank

9.11 Kemelesetan ekonomi di awal tempoh RM5 telah menyebabkan mudah tunai bank secara relatif berada di paras yang rendah. Walau bagaimanapun, berikutan pengukuhan imbangan pembayaran, paras mudah tunai telah meningkat. Paras mudah tunai dalam sistem bank ini adalah mencukupi sepertimana ditunjukkan oleh penurunan nisbah pinjaman-simpanan sistem bank daripada 90.4 peratus pada akhir tahun 1985 kepada 89.4 peratus pada akhir tahun 1990.

Pembangunan Sistem Bank

9.12 Dalam tempoh 1985-86, beberapa koperasi pengambil deposit (KPD) dan bank bersaiz sederhana telah mengalami kerugian besar. Ini telah menimbulkan kebimbangan orang ramai terhadap keutuhan dan kestabilan sistem kewangan pada keseluruhannya. Untuk mengekalkan sistem kewangan yang baik dan stabil, Kerajaan telah menggembelngkan sumber tenaga dan sumber-sumber lagi untuk memulihkan institusi-institusi kewangan yang bermasalah di samping menyelamatkan 24 KPD. Dalam hubungan ini, strategi serampang tiga-mata telah dilaksanakan. Pertama, langkah-langkah telah diambil untuk menghapuskan atau memperbetulkan kelemahan-kelemahan utama yang bersangkutan dalam sistem kewangan. Kedua, pembaharuan sistem kewangan telah diperkenalkan untuk meluas dan memperdalamkan pasaran kewangan bagi meningkatkan kecekapan dan daya bersaing. Akhir sekali mutu perkhidmatan telah dipertingkatkan untuk menanamkan semangat profesionalisma dan disiplin yang lebih tinggi dalam sistem bank. Melalui proses penyusunan semula modal dan rombakan pengerusan dan disokong dengan pemulihan semula aktiviti-aktiviti ekonomi, institusi-institusi kewangan yang bermasalah telah pulih dan berjaya memperolehi keuntungan daripada operasinya. Sementara itu, skim-skim untuk menyelamatkan 24 KPD telah dirangka dan dilaksanakan dengan jayanya.

9.13 Dalam tempoh RM5, berbagai langkah telah diambil untuk memperbaiki kecekapan sistem bank. Dalam hubungan ini, sebahagian besar operasi bank-bank dan institusi kewangan telah dilaksanakan secara berkomputer bagi memberi perkhidmatan yang baik kepada pelanggan-pelanggannya. Satu sistem kemasukan rekod secara talian terus untuk bon-bon Kerajaan dan Cagamas dan Sistem Pemindahan Elektronik Untuk Dana dan Sekuriti (SPEEDS) telah juga diperkenalkan. Langkah-langkah bagi meningkatkan penggunaan teknologi elektronik bagi mempercepatkan dan memudahkan pembayaran dan pemindahan maklumat telah juga dilaksanakan. Persatuan Telekomunikasi Kewangan Antara Bank Sedunia (SWIFT), iaitu satu sistem telekomunikasi kewangan antarabangsa, telah juga diperkenalkan manakala penjelasan cek seluruh negara telah dipercepatkan dengan pelancaran Sistem Penjelasan Automatik Nasional (SPAN I) dan SPAN II. Pembayaran-pembayaran bagi pembelian secara runcit telah juga dipermudahkan melalui

perkembangan pesat rangkaian mesin teller automatik (ATM) yang juga membolehkan pengeluaran wang tunai, pemindahan wang, pembayaran bil-bil awam dan Pemindahan Dana Elektronik di Tempat Pembelian (EFTPOS).

9.14 Dalam bidang perundangan, Akta Bank dan Institusi Kewangan, 1989 (BAFIA) telah digubal untuk memodenkan dan menyelaraskan undang-undang berkaitan dengan pengawalan aktiviti-aktiviti kewangan dan bank. Di samping membolehkan semua institusi kewangan yang diselia oleh Bank Pusat (selain daripada syarikat insurans) diletakkan di bawah satu kuasa perundangan, BAFIA juga telah menyediakan peruntukan yang membolehkan Bank Pusat, dengan persetujuan Menteri Kewangan, mengawas dan, jika perlu, meluaskan kuasa perundangannya kepada lain-lain sektor bank yang berkaitan. Akta berkenaan juga memberi kuasa kepada Bank Pusat untuk menyiasat dan mendakwa pengambil deposit secara haram. Dengan demikian, kelemahan-kelemahan pengawasan bagi sektor kewangan telah diperbaiki.

9.15 Langkah-langkah telah juga diambil untuk menghapuskan halangan-halangan struktur bagi mewujudkan satu persekitaran yang lebih kompetitif. Di samping itu, perubahan-perubahan besar telah juga dilaksanakan untuk mendalamkan lagi pasaran modal dan kewangan serta meningkatkan kecekapan sistem bank. Langkah-langkah ini termasuklah pelaksanaan struktur kadar faedah yang lebih mudah, pengenalan alat-alat kewangan baru seperti bon-bon Cagamas, bon korporat, dan amanah harta, pengkomputeran sistem dagangan untuk sekuriti Kerajaan dan bon Cagamas, dan kelonggaran yang lebih kepada institusi bank dari segi mudah tunai dan pengurusan dana.

9.16 Pada masa yang sama, langkah-langkah telah juga diambil untuk memperketatkan pengawalan sistem kewangan. Satu kod etika untuk menggalak dan mengekalkan satu tatacara yang seragam dikalangan pengarah-pengarah dan kakitangan sistem bank telah juga diperkenalkan. Garis panduan untuk pengurusan pinjaman-pinjaman yang tidak dapat dibayar dan hutang lapuk, serta satu struktur modal yang mencukupi dan keperluan untuk pendedahan awam yang lebih oleh institusi bank, telah juga diperkenalkan dalam tempoh RM5. Langkah-langkah untuk meningkatkan dan mengatasi kekurangan kakitangan yang terlatih dalam industri bank telah juga diambil. Garis panduan telah juga dirancang untuk menghindarkan pancingan kakitangan di kalangan institusi kewangan serta menggalakkan latihan dan pembangunan tenaga manusia bagi industri kewangan secara keseluruhannya.

Institusi Kewangan Pembangunan

9.17 Institusi kewangan pembangunan yang terdiri daripada Syarikat Kewangan Pembangunan Perindustrian Malaysia (MIDF), Perbadanan Pembangunan Borneo, Bank Pembangunan Sabah, Bank Pembangunan Malaysia Berhad, Bank Industri Malaysia Berhad dan Bank Pertanian Malaysia telah membantu sistem bank dalam

memainkan peranannya dari segi pembiayaan modal jangka sederhana dan jangka panjang. Ianya juga menyediakan rangkaian perkhidmatan kewangan yang biasanya tidak disediakan oleh bank-bank perdagangan dan juga syarikat-syarikat kewangan. Jumlah aset institusi kewangan pembangunan telah meningkat sebanyak 10 peratus setahun daripada \$4,100 juta pada akhir tahun 1985 kepada \$6,600 juta pada akhir tahun 1990 dengan MIDF sebagai sumber pembiayaan pembangunan perindustrian yang utama manakala Bank Pertanian Malaysia pula sebagai sumber pinjaman luar bandar yang terbesar berjumlah \$906.7 juta pada akhir tahun 1990.

Institusi Kewangan Lain

9.18 Bank Simpanan Nasional (BSN) telah mengalami tempoh pertumbuhan dan pemodenan yang pesat dalam tempoh RM5. Ini jelas dilihat dari program pembukaan cawangan secara besar-besaran dengan penambahan bilangan cawangannya daripada 15 pada akhir tahun 1985 kepada 313 pada akhir tahun 1990. Selaras dengan itu, bilangan ATM yang disediakan telah juga meningkat. Program pemodenannya termasuk kemudahan komputer bagi operasinya serta penyediaan berbagai perkhidmatan kewangan. Bilangan penyimpan BSN telah juga meningkat dengan pesat daripada 5.6 juta pada akhir tahun 1985 kepada lebih 8.3 juta pada akhir tahun 1990. Sehubungan dengan itu, jumlah aset bank telah meningkat daripada \$1,726 juta kepada \$3,000 juta. Jumlah pinjaman yang dikeluarkan pula telah meningkat daripada \$14.5 juta kepada \$535 juta.

9.19 Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) adalah merupakan agensi keselamatan sosial yang utama di negara ini dengan aset dalam bentuk pegangan amanah berjumlah lebih daripada \$46,766 juta yang memberi faedah kepada 5.9 juta ahli pada akhir tahun 1990. KWSP adalah merupakan sumber pembiayaan terpenting dan stabil kepada Kerajaan, dengan \$36,130 juta atau 79.1 peratus daripada portfolio pelaburannya dalam bentuk Sekuriti Kerajaan Malaysia pada akhir tahun 1990. Baki dananya telah disalurkan kepada berbagai jenis pelaburan seperti pemberian pinjaman kepada agensi-agensi Kerajaan dan syarikat-syarikat yang diluluskan, pelaburan dalam nota-nota janji dan penyertaan dalam pasaran ekuiti dan kewangan.

Pasaran Modal Arah Aliran Pertumbuhan

9.20 Pasaran modal adalah terdiri daripada kesemua sekuriti hutang awam dan swasta serta saham dan stok korporat yang disenaraikan. Jumlah bersih dana yang dikumpulkan melalui pasaran modal telah meningkat dengan pesatnya daripada \$4,223 juta pada tahun 1985 kepada \$14,688 juta pada tahun 1990. Pasaran sekuriti Kerajaan telah menyediakan sumber dana yang utama untuk membiayai perbelanjaan pembangunan sektor awam. Jumlah sekuriti Kerajaan yang belum dijelaskan telah meningkat daripada \$36,681 juta pada akhir tahun 1985 kepada \$62,106 juta pada akhir tahun 1990. Pasaran sekuriti Kerajaan telah melalui perubahan yang besar dalam tempoh RM5. Sejak tahun 1987, sekuriti Kerajaan Malaysia telah dikeluarkan

dengan kadar kupon yang berasaskan kadar pasaran, bertujuan untuk membangunkan pasaran kedua yang aktif dan berdaya maju. Untuk tujuan berkenaan, sistem wakil penjual utama telah diperkenalkan pada bulan Januari 1989. Sejumlah 23 institusi kewangan telah dilantik sebagai wakil penjual utama sekuriti Kerajaan. Sistem ini telah dilaksanakan dengan jayanya manakala pasaran kedua yang berdaya maju bagi sekuriti Kerajaan, bil-bil Perbendaharaan dan bon-bon Cagamas sedang berkembang dengan pesatnya.

9.21 Untuk mendalami lagi pasaran modal, Kerajaan telah menggalakkan penubuhan Cagamas Berhad pada tahun 1986. Cagamas Berhad telah mengeluarkan bon-bon (Bon-bon Cagamas) berjumlah \$2,900 juta untuk membiayai pembelian pinjaman perumahan daripada bank-bank dan syarikat-syarikat kewangan. Kerajaan telah juga mengambil langkah-langkah untuk menggalakkan pembangunan pasaran sekuriti swasta yang berdaya maju. Sehubungan dengan ini, Garis Panduan Pengeluaran Sekuriti Hutang Swasta yang berkaitan dengan rangka perundangan dan pentadbiran untuk pembiayaan melalui bon telah dikeluarkan pada bulan Disember 1988. Sejak itu, satu pasaran sekuriti hutang swasta telah mula diwujudkan. Jumlah dana yang dapat dikumpulkan melalui berbagai instrumen kewangan termasuk stok pinjaman boleh tukar tanpa cagaran, bon konvensional, kertas perdagangan dan bon Islam, telah meningkat sepuluh kali ganda daripada \$225 juta pada tahun 1987 kepada \$2,387 juta pada tahun 1990.

9.22 Jumlah dana yang dikumpulkan oleh sektor swasta melalui pasaran modal adalah agak kecil berbanding dengan jumlah yang dikumpulkan oleh Kerajaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, jumlah urusan sekuriti korporat di pasaran kedua, terutamanya Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) dan juga Pasaran Saham Bumiputera (PSB) adalah lebih besar daripada jumlah urusan sekuriti Kerajaan. Berbeza dengan sekuriti Kerajaan, struktur pemilikan sekuriti korporat adalah lebih meluas, kerana diagihkan di kalangan pelabur individu. Urusniaga tahunan BSKL meningkat pada kadar purata 37.1 peratus setahun daripada 2,869.7 juta unit pada tahun 1985 kepada 13,138 juta unit pada tahun 1990. Dari segi jumlah, urusan BSKL adalah dikuasai oleh urusan saham perindustrian yang merupakan 45 peratus daripada jumlah urusan pada tahun 1990.

9.23 Kerajaan telah mengambil daya usaha yang bersungguh-sungguh untuk membangunkan BSKL sebagai satu bursa saham antarabangsa yang canggih. Dasar memperbadankan syarikat broker saham yang bertujuan untuk mengukuhkan modal asas syarikat tersebut serta meningkatkan tahap profesionalisma industri sekuriti, telah diperkenalkan pada tahun 1986. Sehubungan dengan ini, keperluan modal berbayar minima bagi syarikat broker saham telah ditetapkan tidak kurang daripada \$20 juta dan keperluan dana mudah tunai minima syarikat broker saham telah disemak semula. Daripada 53 syarikat-syarikat broker saham, 11 telah diperbadankan dalam tempoh RM5. Daripada jumlah ini, empat darinya telah diperbadankan melalui penyertaan firma asing manakala bakinya adalah melalui syarikat-syarikat tempatan.

Selaras dengan usaha-usaha pemodenan ini, Unit Amaran Awal dan Kawalan BSKL(AWAS) telah ditubuhkan pada tahun 1987 untuk memberi amaran kepada BSKL mengenai syarikat-syarikat broker saham dan syarikat-syarikat awam yang menghadapi masalah. Sistem Urusniaga Separuh Automatik (SCORE) telah diperkenalkan untuk menggantikan sepenuhnya sistem tradisional outcry. Sistem penjelasan dan penghantaran berjadual telah juga diperkenalkan untuk meningkatkan kecekapan proses-proses penyelesaian dan penjelasan. Pelaksanaan program penswastaan telah memperluas dan memperbesarkan papan BSKL dengan penyenaiaan beberapa syarikat besar seperti Telekom Malaysia Berhad, Syarikat Perkapalan Antarabangsa Malaysia dan Penerbangan Malaysia dalam papan utama BSKL. Dalam usaha membangunkan sepenuhnya BSKL, semua syarikat Malaysia telah diarahkan untuk menarik diri daripada disenaraikan di Bursa Saham Singapura mulai Januari 1990. Untuk meningkatkan pertumbuhan syarikat-syarikat kecil, papan kedua telah diperkenalkan pada tahun 1988 bagi membolehkan syarikat-syarikat kecil yang berpotensi disenaraikan untuk mengambil peluang mendapatkan dana modal melalui penyenaiaannya di BSKL.

9.24 Dalam tempoh RM5, Kerajaan telah mengambil inisiatif untuk menggalakkan pembangunan pasaran bon korporat dan pasaran kedua bagi sekuriti Kerajaan dan bon-bon korporat. Sehubungan dengan ini, beberapa pembaharuan telah diperkenalkan sejak tahun 1986 untuk membangunkan pasaran sekuriti Kerajaan. Pembaharuan ini termasuk melonggarkan kadar faedah ke atas deposit untuk membolehkan sistem bank mengekalkan nisbah mudah tunai dan nisbah simpanan berkanun pada paras purata, menambah bilangan penyertaan dalam pasaran kewangan, menambah instrumen kewangan, dan penggunaan Kadar Semasa Antara Bank-bank Kuala Lumpur (KLIBOR) sebagai petunjuk rasmi keadaan pasaran kewangan. Pada masa yang sama, nisbah simpanan berkanun bank perdagangan, syarikat-syarikat kewangan dan bank-bank saudagar telah diselaraskan untuk membolehkan persaingan yang lebih. Untuk memperbaiki lagi kecekapan operasi dagangan sekuriti, kaedah merekod bagi dagangan sekuriti tanpa skrip dan sistem pemindahan dana, SPEEDS, telah dilancarkan pada tahun 1990, yang mana telah meningkatkan dagangan kedua bagi Sekuriti Kerajaan Malaysia.

9.25 Bagi pasaran bon korporat pula, usaha awal untuk menggalakkan pasaran sekuriti hutang swasta atau private debt securities (PDS) telah dibuat pada tahun 1986 dengan penubuhan Cagamas Berhad, yang merupakan syarikat gadaian kebangsaan. Peranan Cagamas adalah sebagai pengantara di antara peminjam pertama ke atas pinjaman perumahan dengan pelabur dana jangka panjang serta berperanan sebagai pengeluar sekuriti gadaian. PDS telah mencatatkan kejayaan penting dalam sejarah pembangunannya dengan penubuhan agensi penilaian kredit pada bulan November 1990. Di samping itu, Garis Panduan Pengeluaran Sekuriti Hutang Swasta telah diperkenalkan pada bulan Disember, 1988 untuk menggalakkan syarikat-syarikat besar mengumpul dana melalui nota-nota berjadual serta membantu pembangunan pasaran pertama dan kedua untuk PDS.

Skim Amanah Saham Nasional

9.26 Skim Amanah Saham Nasional (ASN) telah berjaya menarik pelaburan bersih daripada pelabur-pelabur Bumiputera berjumlah lebih daripada \$5,200 juta dalam tempoh RM5 dengan pelaburan terkumpul sebanyak \$11,000 juta pada akhir tahun 1990. Jumlah pelabur yang menyertai skim tersebut telah meningkat daripada 2 juta kepada 2.5 juta yang merupakan 46 peratus daripada sejumlah 5.4 juta Bumiputera yang layak menyertai skim tersebut. Kejayaan ini telah dicapai melalui kempen-kempen pemasaran yang gigih dan berterusan serta pelaksanaan beberapa skim yang mudah seperti melalui cara mel terus dan potongan gaji bulanan. Cawangan-cawangan Amanah Saham Nasional Berhad, yang menjadi pengurus ASN di seluruh Malaysia, telah diperkukuhkan untuk memberikan perkhidmatan yang lebih cekap.

9.27 Dana yang diperolehi daripada para pelabur telah dilaburkan semula dalam syarikat-syarikat terpilih yang dapat memberi pulangan yang memuaskan. Pada akhir tahun 1990, portfolio pelaburan ASN adalah terdiri daripada 67 syarikat di mana 60 daripadanya adalah disenaraikan di BSKL. Dengan demikian, dari tahun 1986 hingga 1990, penyertaan aktif pelabur Bumiputera dalam ASN melalui skim unit amanah telah menggerakkan simpanan dan melalui skim unit amanah meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam sektor korporat.

Modal Teroka

9.28 Modal teroka adalah suatu bentuk pelaburan ekuiti yang baru di Malaysia. Pada masa ini hanya terdapat empat syarikat modal teroka yang beroperasi dalam negara. Syarikat-syarikat modal teroka ini telah melabur sebanyak \$14.6 juta dalam 15 syarikat baru dan sedia ada yang mempunyai potensi pertumbuhan yang tinggi. Bidang-bidang pelaburan utama syarikat-syarikat ini adalah dalam sektor pembuatan, perniagaan berasaskan pertanian dan pelancongan.

Insurans Arah Aliran Pertumbuhan

9.29 Jumlah pendapatan premium sektor insurans nyawa dan insurans am telah meningkat pada kadar 10.3 peratus setahun daripada \$1,838 juta pada tahun 1985 kepada \$3,005.2 juta pada tahun 1990. Pendapatan tahunan premium baru insurans nyawa telah mencatatkan pertumbuhan pada kadar 13.3 peratus setahun iaitu daripada \$231.4 juta pada tahun 1985 kepada \$432 juta pada tahun 1990. Peningkatan pendapatan boleh guna hasil daripada pembangunan ekonomi negara yang pesat telah mewujudkan permintaan berterusan untuk sektor insurans nyawa dan sektor yang berkaitan dengannya. Jumlah premium tahunan semasa meningkat pada kadar 15 peratus setahun dari pada \$800 ribu pada tahun 1985 kepada \$1,600 juta pada tahun 1990. Perniagaan insurans am telah berkembang pada kadar yang lebih perlahan berbanding dengan sektor insurans nyawa dalam tempoh RM5, dengan

premium yang diurusniagakan telah berkembang pada kadar 8.6 peratus setahun daripada \$1,200 juta pada tahun 1985 kepada \$1,800 juta pada tahun 1990. Jumlah bersih premium yang diurusniagakan (premium kasar ditolak insurans semula dalam dan di luar Malaysia) telah berkembang pada kadar 7.6 peratus daripada \$900 juta kepada \$1,400 juta pada tahun 1990. Pertumbuhan lebih tinggi pendapatan premium bersih telah menunjukkan peningkatan nisbah pembendungan industri daripada 75.7 peratus pada tahun 1985 kepada 76.9 peratus pada tahun 1990. Jumlah tuntutan (jumlah bersih pendapatan insurans semula tempatan) yang dibayar oleh industri ini telah meningkat pada kadar 7.2 peratus setahun daripada \$621.5 juta pada tahun 1985 kepada \$883 juta pada tahun 1990.

9.30 Pergerakan Dana. Syarikat-syarikat insurans telah terus memainkan peranan penting dalam menggerakkan sumber dalam negeri dan menjadi sumber dana penting kepada sektor awam dan swasta. Jumlah aset industri insurans telah berkembang pada kadar 11.9 peratus setahun daripada \$5,268 juta pada akhir tahun 1985 kepada \$9,258 juta pada akhir tahun 1990 iaitu merupakan 2.8 peratus daripada jumlah aset sistem kewangan. Kira-kira 75 peratus daripada jumlah dana insurans adalah daripada sektor insurans nyawa. Aset dana insurans nyawa yang berjumlah \$6,900 juta pada akhir tahun 1990 sebahagian besarnya telah dilaburkan dalam sekuriti Kerajaan. Ini merupakan 29 peratus daripada jumlah aset bagi dana insurans nyawa. Bahagian aset ini yang dilaburkan adalah 19.1 peratus sekuriti korporat, 19.2 peratus pinjaman, 4.5 peratus aset tetap dan 3.3 peratus aset-aset lain, sementara bakinya sebanyak 20.5 peratus adalah dalam bentuk wang tunai dan simpanan. Dari segi aset, dana insurans nyawa telah menyumbang 2.1 peratus daripada jumlah aset sistem kewangan. Aset dana insurans am yang berjumlah \$2,300 juta pada akhir tahun 1990 mempunyai port-folio aset mudah tunai yang berlebihan di mana 34.6 peratus daripadanya adalah dalam bentuk wang tunai dan simpanan.

9.31 Perniagaan Takaful. Syarikat Takaful Malaysia Sdn. Bhd. (STMSB) yang merupakan syarikat tunggal menjalankan perniagaan takaful (insurans Islam), telah menunjukkan pertumbuhan yang pesat sejak permulaan operasinya pada bulan Julai 1985. Aset bagi dana STMSB adalah terdiri daripada dana takaful keluarga dan takaful am. Ianya telah meningkat daripada \$1.9 juta pada akhir tahun 1986 kepada \$38.2 juta pada akhir tahun 1990. Caruman yang terkumpul pada tahun 1990 adalah berjumlah \$28.4 juta berbanding dengan \$2.3 juta pada tahun 1986. Perniagaan Takaful Am merupakan 70.4 peratus daripada jumlah caruman terkumpul takaful pada tahun 1990.

9.32 Insurans Semula di Seberang Laut. Premium yang diurusniagakan bagi sektor insurans am telah meningkat daripada \$1,214.5 juta pada tahun 1985 kepada \$1,834 juta pada tahun 1990. Premium insurans semula yang dipindahkan ke luar negeri telah juga meningkat daripada \$295.6 juta kepada \$423.9 juta dalam tempoh yang sama. Sungguhpun demikian, dari segi nisbah premium yang diurusniagakan, premium insurans semula yang dipindahkan ke luar negeri telah menurun sedikit daripada 24.3

peratus kepada 23.1 peratus. Pindahan yang tertinggi bagi insurans semula ke luar negeri adalah daripada insurans kebakaran, iaitu berjumlah \$114.1 juta atau 38.6 peratus daripada jumlah premium insurans semula yang dipindahkan ke luar negeri pada tahun 1985 dan \$183.5 juta atau 43.2 peratus pada tahun 1990. Walau bagaimanapun, premium insurans semula yang dipindahkan ke luar negeri adalah merupakan aliran keluar tukaran asing kasar dalam bentuk tuntutan insurans semula, perolehan semula dan komisyen.

Latihan

9.33 Industri insurans terus mengalami kekurangan kakitangan yang berkelayakan. Sejalan dengan penekanan Kerajaan untuk menambah bilangan kakitangan yang lebih berkelayakan dan usaha-usaha selanjutnya oleh syarikat-syarikat insurans untuk menarik minat umum untuk menceburi dalam industri insurans, bilangan kakitangan profesional insurans yang berkelayakan telah meningkat pada kadar 12.8 peratus setahun dalam tempoh RM5. Sungguhpun demikian, bilangan ahli profesional tempatan yang berkemahiran dalam bidang insurans dan aktuari adalah tidak mencukupi untuk menampung pertumbuhan perniagaan insurans. Ini menyebabkan industri insurans tempatan terpaksa terus bergantung kepada kepakaran teknikal asing dalam bidang-bidang insurans yang khusus dan pengurusan risiko bagi memenuhi permintaan untuk ahli profesional berkenaan. Dari sejumlah 2,472 ahli profesional dan graduan yang diambil bekerja dalam industri insurans pada akhir tahun 1990, hanya 22 orang sahaja adalah ahli aktuari berbanding dengan 18 pada tahun 1985. Pada masa ini, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Institut Teknologi MARA telah menawarkan kursus dalam bidang insurans secara formal. Di samping itu, Institut Insurans Malaysia (IIM) iaitu badan yang bertanggungjawab terhadap latihan dan pengendalian peperiksaan insurans profesional telah memainkan peranan utama dengan menggiatkan usaha-usahanya dengan menambah dan meningkatkan mutu peperiksaan, program-program pendidikan dan latihannya.

III. PROSPEK, 1991-95

9.34 Selaras dengan peranan sektor swasta sebagai penerak utama pertumbuhan dalam tempoh RM6, maka dasar kewangan dan bank akan terus diorientasikan ke arah menggalakkan perantaraan kewangan yang lebih banyak dan canggih. Ini termasuk memperkukuh dan memperbaiki kecekapan institusi kewangan serta meningkatkan pembangunan pasaran wang dan modal bagi menggerakkan simpanan secara berkesan untuk penggunaan yang produktif melalui sistem kewangan. Selaras dengan peningkatan permintaan yang lebih beragam dan canggih terhadap sistem kewangan, bilangan dan jenis instrumen kewangan akan ditambah, di antaranya melalui pembangunan pasaran bon korporat pertama dan kedua yang teguh bagi memperluaskan pilihan instrumen kewangan yang sedia ada untuk peminjam-peminjam dan para pelabur.

Sistem Bank

9.35 Dalam tempoh RM6, Kerajaan akan meneruskan usaha bagi membentuk industri bank yang kukuh, dinamik dan moden untuk memenuhi keperluan-keperluan yang semakin meningkat dalam ekonomi yang pesat berkembang. Pengukuhan sektor bank akan diteruskan. Persaingan di antara institusi kewangan telah meningkat berikutan daripada usaha-usaha yang telah diambil dalam tempoh RM5 untuk menghapuskan peraturan-peraturan yang berbeza di kalangan mereka. Tekanan yang timbul daripada persaingan tersebut dijangka akan menggalakkan institusi bermodal kecil untuk bergabung menjadi pertubuhan yang lebih teguh. Lebih banyak institusi bank, khususnya yang bersaiz sederhana dijangka akan memohon untuk disenaraikan dalam pasaran saham bagi memperbesarkan bahagiannya dalam pasaran dan melaksanakan berbagai aktiviti kewangan. Penyenaraian awam ini akan membolehkan institusi kewangan mendapatkan ekuiti daripada pasaran terbuka serta mempunyai struktur pemegangan saham yang meluas. Institusi ini akan lebih berorientasikan keuntungan dan dijangka diuruskan dengan lebih cekap oleh ahli-ahli bank yang profesional.

9.36 Bank-bank juga dijangka memainkan peranan yang lebih menyeluruh dalam aktivitinya dengan menyediakan perkhidmatan kewangan yang lebih meluas seperti khidmat-nasihat korporat, pengurusan portfolio, aktiviti amanah, aktiviti pelaburan penerokaan dan underwriting. Tertakluk kepada peraturankawalan yang dibenarkan bank-bank akan terus digalakkan untuk menyertai dalam ekuiti syarikat-syarikat pembuatan terutamanya dalam syarikat yang di peringkat permulaan atau awal pelaksanaan. Bank-bank yang lebih be-sar akan terus dibenarkan melabur dalam berbagai bidang perkhidmatan kewangan seperti syarikat kewangan, broker saham, pengurusan ekuiti dan amanah harta serta syarikat penama.

9.37 Untuk mengekalkan daya saingan, intitusi bank akan terus meningkatkan tahap automasi dalam mengendalikan operasi dengan memperkenalkan perkhidmatan yang inovatif dan berbagai jenis untuk memberikan perkhidmatan yang lebih cepat, cekap dan ekonomik kepada pelanggan-pelanggannya. Langkah-langkah menggunakan teknologi terbaru dalam automasi bank akan memberi faedah kepada pelanggan-pelanggannya. Oleh itu dijangka pada masa hadapan urusan bank yang lebih rencam dapat dipermudahkan untuk kesenangan pelanggan.

9.38 Kerajaan akan terus melaksanakan dasar berkembar iaitu pelonggaran struktur dan pengaturan semula kawalan secara berhati-hati. Refomasi pasaran, instrumen kewangan baru dan jika perlu, institusi baru akan diperkenalkan secara berhati-hati, serentak dengan pengaturan semula kawalan yang sedang berjalan. Ini adalah untuk memastikan kecekapan dan kecanggihan dapat dipertingkatkan tanpa menjejaskan keselamatan dan tahap kewibawaan operasi bank. Aktiviti sistem bank dan institusi kewangan lain akan diawasi melalui peruntukan BAFIA, 1989. Sementara BAFIA akan

terus diperkemaskan untuk memperjelaskan lagi beberapa perkara yang masih kabur dan membetulkan ketidakseragaman yang terdapat dalam Akta berkenaan, rangka perundangan telah disediakan untuk menyokong usaha-usaha Kerajaan bagi mewujudkan satu sistem bank yang moden dan cekap serta selamat dan teguh.

9.39 Kerajaan akan terus menumpukan perhatian yang khusus kepada pembangunan dan latihan tenaga manusia dalam industri bank. Sehubungan dengan itu, garis panduan minimum Perbelanjaan Latihan Kakitangan yang sedang berkuatkuasa akan terus dikaji semula dan diawasi. Di samping itu, universiti-universiti tempatan akan memperkenalkan lebih banyak kursus dalam bidang-bidang yang berkaitan dengan kewangan dan bank untuk memastikan tenaga manusia berkelayakan yang mencukupi bagi memenuhi perkembangan pesat industri bank.

Lain-lain Pengantara Kewangan

9.40 Penekanan yang lebih akan dibuat bagi meningkatkan kecekapan institusi kewangan pembangunan. Satu kajian semula yang kritikal akan dilaksanakan untuk menyelaraskan fungsi dan peranan yang dimainkan oleh institusi ini dengan tujuan memperkukuhkan asas kewangan dan memperbaiki operasi mereka khususnya dalam menguruskan pinjaman dan hutang piutang. Sehubungan dengan ini, Kerajaan akan mengkaji kemungkinan menggabungkan institusi-institusi ini dengan tujuan mengurangkan perbelanjaan mengurus dan meningkatkan kecekapan. Langkah ini akan mengukuhkan usaha Kerajaan bagi mencapai penumpuan yang lebih dalam menyediakan pinjaman jangka panjang kepada sektor pembuatan dan pertanian serta menyediakan sokongan kewangan bagi industri kecil dan sederhana (IKS) terutamanya dari segi pembangunan dan pengwujudan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB).

9.41 BSN akan terus menambah rangkaian cawangannya dan mempelbagaikan perkhidmatannya bukan sahaja kepada kumpulan pelanggan yang sedia ada tetapi juga berusaha mendapatkan pasaran baru yang berpotensi. Matlamat BSN adalah untuk menjadi bank utama yang menawarkan perkhidmatan bank secara runcit dan menguasai sebahagian besar urusan bank bagi isirumah di Malaysia. Untuk mencapai matlamat tersebut, strategi BSN akan ditumpukan kepada pengukuhan cawangan dan sistem penyampaian, memperbaiki jenis dan mutu perkhidmatannya, melaksanakan program pemasaran dan penjualan yang agresif dan berkesan serta penyediaan perkhidmatan yang bermutu kepada pelanggannya. BSN akan juga memberi pertimbangan untuk memperkenalkan pinjaman jual-beli dan pinjaman perniagaan dalam tempoh RM6.

Pasaran Modal

9.42 Peranan pasaran modal untuk mengekalkan perkembangan ekonomi telah menjadi semakin penting selaras dengan peningkatan kecanggihan dan kepelbagaian ekonomi. Sehubungan dengan itu, usaha-usaha perlu diteruskan untuk mendalamkan pasaran modal dengan memperkenalkan instrumen baru yang sesuai serta mewujudkan dan menyelenggara pasaran kedua yang berdaya maju bagi semua instrumen kewangan. Di samping itu, penggunaan dana amanah harta dan dana negara akan digalakkan dan ianya dijangka dapat menyediakan lebih banyak instrumen kewangan tambahan untuk pelaburan. Untuk terus menyokong lagi pasaran sekuriti hutang, Kerajaan akan menimbang untuk mempelbagaikan lagi pelaburan KWSP dalam sekuriti tersebut. Dalam tempoh RM6, satu program penyusunan semula serta penyelarasan rangka perundangan dan pentadbiran mengenai pasaran sekuriti hutang swasta akan digubal dan dilaksanakan. Ciri penting program ini adalah untuk menggalakkan lagi pengeluaran sekuriti hutang swasta oleh syarikat-syarikat yang teguh dan membangunkan pasaran kedua yang berdaya maju untuk berbagai instrumen yang dikeluarkan, melalui pengaturan institusi dan pasaran yang sesuai. Ini termasuk kemungkinan meluaskan setakat yang termampu, rangkaian jurujual utama bagi sekuriti hutang swasta tersebut.

9.43 Satu ciri penting pasaran modal yang aktif dan maju ialah wujudnya penilaian kredit yang dapat membantu para pelabur menentukan harga yang berpatutan bagi sekuriti hutang mengikut keteguhan pengeluarnya. Penubuhan agensi penilaian kredit yang bebas akan meningkatkan keyakinan dan menambahkan permintaan pelabur-pelabur terhadap bon-bon korporat. Ianya akan menggalakkan sektor korporat mendapatkan pembiayaan kewangan secara terus dari pasaran. Pergantungan terhadap kredit bank untuk pembiayaan sektor korporat akan terus berkurangan memandangkan pasaran bon menyediakan pembiayaan kewangan yang lebih murah dan mudah.

9.44 Usaha-usaha akan juga diambil untuk memajukan lagi BSKL sebagai bursa saham antarabangsa yang canggih. Dalam hubungan ini, BSKL akan memperkenalkan Sistem Simpanan Pusat (CDS) pada tahun 1991. Adalah dijangka CDS akan dapat membantu mengurangkan masalah-masalah berkaitan dengan penyerahan dan pemindahan skrip di samping memperbaiki kecekapan pengedaran korporat, dan dengan itu membolehkan urusan dagangan dijalankan dengan lain-lain bursa asing yang akan membantu mempertingkatkan imej BSKL di kalangan pasaran sekuriti antarabangsa. Langkah-langkah akan juga diambil untuk mempertingkatkan mutu perkhidmatan syarikat broker saham melalui aktiviti penyelidikan yang lebih giat. Di samping itu, usaha-usaha untuk memperbadankan syarikat broker saham akan diteruskan bagi mengukuhkan lagi industri ini. Kerajaan akan terus menggalakkan syarikat-syarikat broker saham untuk bergabung atau membuat penyenaian di bursa saham sebagai langkah untuk menyatu dan mengukuhkan kedudukan industri ini.

9.45 Bagi memenuhi permintaan industri sekuriti yang semakin canggih, Kerajaan akan menimbang untuk menubuhkan sebuah badan pengawalan untuk menggalakkan pembangunan pasaran modal. Sehubungan dengan ini, pasukan petugas yang ditubuhkan untuk mengkaji semula pasaran modal Malaysia sedang menimbang kemungkinan penubuhan sebuah suruhanjaya sekuriti. Agensi atau suruhanjaya yang dicadangkan akan dipertanggungjawabkan untuk menyelaras peraturan pasaran sekuriti dan mempercepatkan proses permohonan dan kelulusan untuk urusan niaga.

9.46 Dalam tempoh RM6, ASN dan ASB akan terus menjadi alat penting untuk menggerakkan simpanan individu Bumiputera dan meningkatkan penyertaan mereka dalam sektor korporat. Simpanan yang terkumpul akan disalurkan untuk meningkatkan pemilikan Bumiputera dalam syarikat portfolio ASN dan ASB yang sedia ada serta untuk pembelian pelaburan baru. Pertambahan pengumpulan simpanan akan dicapai dengan pelaksanaan perkhidmatan yang lebih baik melalui penggunaan komputer bagi operasi ASN dan ASB diseluruh Malaysia. Langkah ini termasuklah penggunaan komputer di pejabat pos diseluruh negara. Sehingga bulan Januari 1991, 280 pejabat pos utama dilengkapi dengan komputer sementara 225 pejabat pos yang lain akan menerima kemudahan yang sama pada tahun 1992 dan 1993. Dengan demikian ianya dapat menyediakan rangkaian cawangan pejabat pos berkomputer yang lebih meluas untuk menggerakkan simpanan Bumiputera terutamanya penyimpan-penyimpan kecil.

Pasaran Kewangan Hadapan

9.47 Untuk menyokong pasaran sekuriti, Kerajaan bercadang untuk menggalakkan penubuhan pasaran kewangan hadapan dan pasaran kewangan pilihan untuk melindungi pelabur-pelabur daripada pendedahan risiko dalam pasaran sekuriti. Sehubungan dengan itu, penubuhan pasaran baru yang akan dinamakan Bursa Pasaran Pilihan dan Kewangan Hadapan Kuala Lumpur akan dipertimbangkan.

Modal Teroka

9.48 Pada amnya, sebahagian besar masyarakat perniagaan tidak menyedari mengenai peluang dan faedah modal teroka sebagai suatu sumber pembiayaan jangka panjang dan berisiko tinggi berbanding dengan cara kelaziman mendapatkan kewangan dari sumber tradisional. Dalam tempoh RM6, Kerajaan akan meningkatkan usahanya untuk menggalak dan memajukan pembiayaan secara modal teroka. Keperluan kewangan dan perundangan untuk menyokong pertumbuhan modal teroka akan diperbaiki. Dana permulaan untuk modal teroka akan diperkenalkan oleh institusi-institusi kewangan pembangunan sebagai usahanya untuk memulakan pertumbuhan aktiviti-aktiviti yang khusus. Sehubungan dengan itu, penekanan dan tumpuan pasaran bagi dana modal teroka ini adalah untuk pembangunan IKS

berasaskan teknologi yang terlibat dalam membangun dan memperdagangkan barangan P&P.

Insurans

9.49 Dalam tempoh RM6, industri insurans akan diperkukuhkan lagi untuk mencapai pertumbuhan yang stabil serta menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan yang lebih baik. Usaha-usaha akan ditumpukan untuk memandu industri insurans kepada suatu kedudukan yang lebih teguh dari segi struktur dan operasi. Strategi ini adalah untuk memastikan syarikat-syarikat insurans mengamalkan disiplin kewangan yang berwibawa dan meningkatkan profesionalisma dan kepakaran dalam pengurusan di kalangan syarikat insurans dan syarikat yang berkaitan dengannya. Ini adalah untuk memastikan industri ini mampu memenuhi keperluan insurans negara dengan menawarkan perkhidmatan bermutu pada harga yang berpatutan.

Langkah-langkah Memperkukuhkan Industri Insurans

9.50 Akta Insurans, 1963, akan dipinda. Penekanan utama pindaan tersebut adalah dari segi meningkatkan keperluan modal minimum bagi operasi syarikat insurans, memperbaiki pengawasan kewangan terhadap operasi syarikat insurans serta menyediakan garis panduan yang lebih jelas dan lebih ketat ke atas keperluan pelaburan dan kawalan kos mengurus serta keperluan bagi peruntukan khusus bagi tuntutan yang boleh memberi perlindungan yang lebih kepada pengguna. Selaras dengan langkah ini, pangkalan data bagi industri insurans akan diwujudkan. Pangkalan data ini akan membantu mengenalpasti masalah-masalah dalam industri insurans serta membantu Kerajaan mengesan prestasi syarikat insurans dengan lebih berkesan.

9.51 Meningkatkan Kemampuan dan Keupayaan. Usaha-usaha akan juga diambil untuk memperbaiki prestasi syarikat-syarikat insurans am. Beberapa langkah akan diambil oleh Kerajaan untuk memaksimumkan keupayaan perbendungan dalam negeri oleh industri ini serta menghasilkan pendapatan baru. Satu skim untuk menanggung risiko yang lebih tinggi sedang dicadangkan bertujuan untuk mengurangkan pengambilan insurans semula seberang laut yang berlebihan di mana syarikat insurans tempatan hanya bertindak sebagai wakil kepada syarikat insurans luar negeri.

9.52 Meningkatkan Kepakaran Teknikal. Pembangunan sumber manusia adalah merupakan satu aspek penting untuk perkembangan industri insurans. Langkah-langkah akan diambil oleh Kerajaan untuk meningkatkan kepakaran teknikal dalam industri ini dengan memberi tumpuan dan usaha yang lebih untuk meningkatkan tahap profesional melalui pengukuhan organisasi dan program latihan IIM. Sebagai sokongan tambahan kepada akitiviti latihan, Kerajaan telah mengenakan satu levi keatas syarikat insurans yang tidak melabur dengan mencukupi dalam latihan. Levi

yang dipungut akan diurus dan digunakan oleh IIM untuk membiayai program latihan industri insurans secara menyeluruh.

9.53 Usaha-usaha akan diteruskan lagi untuk memperbaiki mutu perkhidmatan insurans kepada orang ramai. Sehubungan dengan itu, langkah-langkah akan terus diambil untuk memperkenalkan sistem perakaunan yang seragam yang mengandungi maklumat kewangan yang mencukupi untuk pengetahuan orang ramai. Pada masa yang sama syarikat-syarikat insurans, broker-broker dan agen-agen insurans akan digalakkan menerima pakai etika kerja profesional sebagai langkah ke arah meningkatkan tahap profesionalisma dalam industri ini.

9.54 Memandangkan terdapat masalah-masalah serta keperluan untuk memperkukuhkan industri insurans supaya dapat memainkan peranan yang sewajarnya dalam ekonomi, pendekatan serampang dua mata akan terus menjadi strategi utama, iaitu meningkatkan pendapatan melalui pasaran baru seperti pengumpulan insurans berisiko tinggi dan mengurangkan perbelanjaan dengan mengurangkan kos perbelanjaan asas, kos pengambil-alihan dan kerugian-kerugian akibat daripada penipuan. Kepakaran teknikal di dalam industri insurans perlu dipertingkatkan untuk memenuhi kehendak-kehendak pelanggan yang semakin canggih. Dalam jangka masa mekanisma yang lebih cekap dan berkesan bagi pemindahan dan pengumpulan risiko dan komponen utata dalam pasaran modal.

Laluan Sebagai Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa

9.55 Rangka perundangan untuk menjadi Labuan sebagai pusat kewangan luar pesisir antarabangsa atau international offshore financial centre (IOFC) telah dibentuk setelah Parlimen meluluskan enam rang undang-undang pada bulan Jun 1990. Aktiviti-aktiviti yang dikenalpasti untuk Labuan termasuklah sistem bank dan insurans luar pesisir, pengurusan amanah dan dana, syarikat induk dan perlesenan luar pesisir dan lain-lain aktiviti luar pesisir yang dijalankan oleh syarikat multinational, tidak termasuk operasi perkapalan dan petroleum.

9.56 Beberapa langkah akan diambil oleh Kerajaan untuk memastikan kejayaan pembangunan Labuan sebagai IOFC. Sehubungan dengan itu, kemudahan-kemudahan infrastruktur asas di Labuan akan dimajukan dan diperbaiki lagi. Perkhidmatan penerbangan diantara Labuan dan Kuala Lumpur dengan lain-lain pusat kewangan di rantau ini akan juga diperbaiki dan ditambah. Kemudahan-kemudahan lain seperti hospital dan pusat perubatan yang moden serta sekolah antarabangsa akan juga dibina. Memandangkan sistem pentadbiran Labuan sekarang adalah tidak sesuai untuk pembangunan IOFC, usaha-usaha memperbaiki dan memodenkannya akan dibuat dan dilaksanakan. Usaha-usaha promosi yang bersungguh-sungguh akan terus dijalankan untuk memasarkan Labuan sebagai IOFC dalam dan di luar negeri. Dalam usaha untuk menjadikan Labuan sebagai IOFC, Kerajaan akan memastikan tahap profesionalisma dan keyakinan yang tinggi

terhadap perkhidmatan yang diberi dapat dikekalkan dan dana 'bona fide' dilaburkan di Labuan.

IV. PENUTUP

9.58 Sektor kewangan, bank dan insurans telah memberi sumbangan yang besar kepada pertumbuhan dan pembangunan ekonomi. Sektor ini telah menunjukkan prestasi yang sangat baik dan berkembang dengan lebih matang, cekap dan berkesan, terutamanya dalam membantu melicinkan pergerakan dan pengagihan sumber-sumber. dalam tempoh RM6, sektor ini dijangka akan terus membantu meningkatkan pertumbuhan dan pembangunan khususnya sektor-sektor utama ekonomi. Usaha-usaha Kerajaan untuk memastikan pertumbuhan sektor kewangan, bank dan insurans yang cekap dan berkesan terus diberi penekanan, terutamanya untuk memastikan peningkatan kecekapan pengurusan, disiplin dan profesionalisma dalam sektor kewangan, bank dan insurans. Kerajaan akan terus menyediakan sokongan yang perlu untuk mewujudkan sektor kewangan, bank dan insurans yang cekap, sebagai sebahagian daripada usaha-usaha untuk memastikan pewujudan iklim pelaburan yang sesuai untuk menyokong daya usaha sektor swasta.

BAB 10 : PENGANGKUTAN DAN PERHUBUNGAN

I. PENDAHULUAN

10.01 Penyediaan infrastruktur pengangkutan dan perhubungan yang mencukupi adalah faktor utama yang telah membantu kepesatan pertumbuhan ekonomi. Ia juga telah memainkan peranan yang penting dalam menggalakkan pembangunan kawasan luar bandar dan memperluaskan peluang kepada penduduk luar bandar untuk menyertai proses pertumbuhan. Pertumbuhan yang pesat dalam berbagai sektor ekonomi telah mewujudkan permintaan yang lebih besar dan sofistikated terhadap peng-agihan, keupayaan dan kecekapan rangkaian pengangkutan dan perhubungan di negara ini.

10.02 Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima (RM5), penekanan ditumpukan kepada aspek-aspek kualitatif dan keselamatan dalam pembangunan kemudahan-kemudahan pengangkutan dan perhubungan disamping pertambahan projek secara fizikal. Pertimbangan juga diberi kepada perlindungan alam sekitar melalui pengurangan kesan-kesan negatif akibat daripada pembangunan infrastruktur. Dalam hubungan ini, beberapa program telah dilaksanakan untuk mengurangkan kesesakan di bandar bagi menjimatkan kos dan masa perjalanan disamping mengatasi masalah pencemaran. Perhatian telah juga diberi kepada usaha untuk mengenalpasti dan melaksanakan program-program tersebut untuk penyertaan sektor swasta.

10.03 Dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam (RM6), Kerajaan akan terus memperluas, meningkat dan memperbaiki sistem pengangkutan bagi mengekalkan kedudukan Malaysia sebagai sebuah negara yang dapat menyediakan kemudahan-kemudahan infrastruktur dan perhubungan yang baik. Program-program dalam sektor ini akan dapat memenuhi secukupnya permintaan yang kian bertambah terhadap kemudahan-kemudahan tersebut dan juga membantu pertumbuhan yang pesat dalam bidang perindustrian, pelancongan dan aktiviti-aktiviti ekonomi yang lain. Sektor swasta adalah dijangka memainkan peranan saling membantu dalam membangunkan sektor ini disamping mengambil peluang-peluang yang diwujudkan melalui inisiatif Kerajaan. Peranan lebih besar adalah dijangkakan daripada caj-caj pengguna yang sebahagian besarnya akan diperolehi melalui penswastaan. Di samping itu, penggunaan teknologi maklumat dalam sektor ini juga akan meningkatkan potensi pertumbuhan masa hadapan dan membawanya ke arah lebih bercorak antarabangsa.

II. KEMAJUAN, 1986-90

10.04 Dalam tempoh RM5, sektor pengangkutan dan perhubungan telah mencapai pertumbuhan pada kadar 8.6 peratus mengatasi matlamat asal yang dijangkakan sebanyak 7.6 peratus. Sumbangan sektor ini kepada Keluaran Dalam Negara Kasar bertambah sedikit daripada 6.6 peratus pada tahun 1986 kepada 6.9 peratus pada tahun 1990. Perkembangan yang pesat ini telah dapat menyumbangkan 41,000 peluang pekerjaan yang merupakan 4.1 peratus daripada jumlah pekerjaan yang telah diwujudkan.

10.05 Teras pembangunan sektor ini adalah untuk menambah, meningkat dan memulihkan rangkaian pengangkutan dan perhubungan, memperbaiki kecekapan operasi dan pengurusan serta meningkatkan aspek-aspek keselamatan. Jumlah sebenar pelaburan sektor awam dalam sektor ini adalah sebanyak \$7,615 juta merupakan hampir 21 peratus daripada jumlah keseluruhan peruntukan Kerajaan Persekutuan dalam tempoh RM5. Sebahagian besar daripada pelaburan ini adalah untuk memperkukuhkan sistem pengangkutan darat dan laut dan ini telah mewujudkan rangkaian jalan raya dan kemudahan pelabuhan yang agak sofistikated.

10.06 Pengangkutan jalan raya terus menyumbang kepada hampir 90 peratus daripada jumlah pengangkutan barangan dan penumpang. Sehubungan dengan ini, beberapa program utama telah dilaksanakan bagi pembesaran rangkaian jalan raya utama, pemuliharaan serta peningkatan taraf jalan raya dan jambatan. Kerja-kerja pembaikan yang meluas terhadap sistem pengangkutan bandar telah dilaksanakan untuk mengurangkan kesesakan menerusi skim penyuraian lalulintas serta memperbaiki sistem pengangkutan awam.

10.07 Sektor kecil jalan raya telah diperuntukkan sebanyak \$6,011 juta atau hampir tiga perempat daripada jumlah peruntukan bagi sektor pengangkutan dan perhubungan. Rangkaian jalan raya Persekutuan dan Negeri bertambah sebanyak 46 peratus daripada 43,415 kilometer pada tahun 1985 kepada 63,445 kilometer pada tahun 1990, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 10-1. Satu perlima daripada rangkaian jalan raya tersebut atau 13,028 kilometer adalah jalan raya Persekutuan termasuk 415 kilometer lebuh raya tol. Dalam tempoh RM5, pembangunan jalan raya Persekutuan adalah sangat menggalakkan dengan pertambahan sebanyak 129 peratus berbanding dengan 33 peratus bagi jalan raya Negeri. Penekanan telah diberi kepada kerja-kerja penurapan jalan raya di mana pada tahun 1990, 74 peratus daripada rangkaian jalan raya telah diturap berbanding dengan 69 peratus pada tahun 1985. Bagaimanapun, jalan tanah atau kerikil yang baru masih lagi disediakan memandangkan jalan-jalan ini adalah perlu untuk pembangunan kawasan-kawasan terpencil terutamanya melalui pembukaan kawasan untuk pertanian. Negeri Sabah dan Sarawak mempunyai peratusan jalan tidak berturap yang tinggi terutamanya

disebabkan oleh jumlah lalulintas yang rendah serta taburan penduduk yang berselerak.

10.08 Projek-projek utama jalan raya yang telah dilaksanakan termasuk pembinaan dan penyiapan beberapa bahagian Lebuhraya Utara-Selatan, sebahagian besar Lebuhraya Baru Lembah Klang (NKVE) dan jalan Pantai Barat Sungai Perak/Lumut. Pembinaan jalan raya utama Pantai Barat meliputi Beaufort-Kota Kinabalu-Kota Belud-Kudat di Sabah dan sistem jalan raya utama dari Sematan ke Miri dan Limbang di Sarawak telah disiapkan. Projek-projek utama ini adalah bertujuan untuk menyediakan kemudahan perhubungan yang lebih baik antara bandar serta perhubungan ke kawasan tapak perindustrian. Projek-projek ini juga dapat menjimatkan masa perjalanan dan kos penyelenggaraan kenderaan serta meningkatkan faedah dari segi keselamatan dan keselesaan. Masa perjalanan di lebuhraya baru antara Seremban dan Melaka sepanjang 85.9 kilometer telah dikurangkan kepada 39 minit.

Jalan Luar Bandar

10.09 Selaras dengan pendekatan menyeluruh bagi pembangunan yang seimbang, penekanan terus diberi kepada pembangunan jalan luar bandar dengan penyediaan jalan yang mencukupi dan pembaikan rangkaian jalan raya dalam negeri untuk menggalakkan kegiatan ekonomi serta memudahkan pelaksanaan program pembangunan. Tumpuan diberi kepada pembinaan dan peningkatan taraf jalan-jalan luar bandar yang menghubungkan bandar-bandar kecil atau daerah-daerah, jalan-jalan keselamatan dan jalan-jalan kampung. Dalam hubungan ini, jalan-jalan kampung telah diturap ke jalan tar manakala yang lainnya dibina untuk mencapai taraf yang lebih baik.

10.10 Di bawah RM5, 949 kilometer jalan luar bandar yang memberi faedah kepada 919 buah kampung telah dibina berbanding dengan matlamat 1,146 kilometer, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 10-2. Program ini mempunyai liputan yang luas walaupun penekanan diberi kepada negeri-negeri yang lebih besar dan lebih miskin serta negeri-negeri yang berkeupayaan melaksanakan program tersebut. Dengan ini, negeri-negeri Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan, Perak dan Sarawak mendapat peruntukan pembangunan jalan luar bandar yang lebih besar. Di bawah program menaikkan taraf jalan-jalan kampung yang sedia ada ke jalan tar, kira-kira 11,470 kilometer atau 97 peratus daripada matlamat RM5 sebanyak 11,790 kilometer telah diturap.

Pengangkutan Bandar

10.11 Program-program pengangkutan bandar yang dilaksanakan melalui skim penyuraian lalulintas dan pembaikan sistem pengangkutan awam adalah bertujuan untuk memenuhi perkembangan lalulintas yang pesat di bandar. Tahap pendapatan

dan pemilikan kenderaan yang lebih tinggi telah menimbulkan masalah kesesakan lalulintas terutamanya di Lembah Klang dan pusat-pusat bandar utama. Jumlah kenderaan yang berdaftar bertambah pada kadar purata 4.4 peratus iaitu daripada 4.2 juta pada tahun 1985 kepada 5.2 juta pada tahun 1990. Masalah kesesakan ini adalah lebih serius di Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di mana jumlah jualan kereta adalah hampir 43 peratus daripada jumlah jualan kereta di seluruh negara. Nahas kemalangan jalan raya masih kekal di paras yang tinggi iaitu 7.3 kematian bagi bagi setiap 10,000 kenderaan dalam tempoh RM5.

10.12 Sebagai sebahagian daripada skim penyuraian lalulintas, projek-projek jalan raya dan persimpangan bertingkat telah dilaksanakan di sekitar kawasan bandar Kuala Lumpur, George Town, Ipoh, Johor Bahru, Alor Setar dan Kota Kinabalu. Memandangkan sekim ini melibatkan kos yang tinggi, penswastaaan telah digalakkan bagi mengurangkan beban kewangan Kerajaan. Projek-projek utama yang telah dilaksanakan termasuk NKVE, Lebuhraya Shah Alam dan Jalan Pantai Utara Pulau Pinang. Projek landasan berkembar Keretapi Tanah Melayu(KTM) merupakan satu lagi langkah untuk pengangkutan bas di Lembah Klang dan juga bagi pembangunan sistem pengangkutan penumpang ulang alik berasaskan keretapi di Lembah Klang dan kawasan sekitarnya.

Pengangkutan Keretapi

10.13 Teras pembangunan keretapi adalah untuk menyediakan perkhidmatan yang lebih cepat dan perkhidmatan penumpang ulang alik yang lebih baik memandangkan bahawa rangkaian landasan keretapi yang sedia ada berkeupayaan memberi perkhidmatan ke beberapa bahagian negara ini. selaras dengan ini, program-program utama yang telah dilaksanakan ialah memperkukuh dan membaikpulih landasan pengkomputeran, landasan berkembar, pembelian lokomotif tambahan dan pembinaan stesen-stesen serta kemudahan tambahan. Beberapa Depot Kontena Daratan (ICD) telah dibina untuk menggalakkan intermodalisme dan memperbaiki perkhidmatan dari segi kekerapan dan pakej barangan. Dengan peningkatan perkhidmatan ini, jumlah penumpang yang dikendalikan oleh KTM telah bertambah pada kadar 5 peratus setahun daripada 1,408.8 juta penumpang-kilometer pada tahun 1985 kepada 1,794.2 juta penumpang-kilometer pada tahun 1990. Pengangkutan kontena yang dikendalikan oleh KTM bertambah sebanyak tiga kali ganda daripada 35,750 Unit Yang Bersamaan Dengan Dua Puluh Kaki (TEU) pada tahun 1985 kepada 91,800 TEU pada tahun 1990. Pembinaan landasan memudahkan pembangunan hartanah di kawasan sekitar stesen serta menggalakkan aktiviti-aktiviti pelancongan dan perniagaan yang berkaitan dengannya disepanjang koridor landasan.

10.14 Selaras dengan usaha-usaha Kerajaan untuk memperbadankan KTM, operasi secara komersil telah membantunya memperolehi keuntungan operasi sebanyak \$1.54 juta pada tahun 1988 dan \$2.91 juta pada tahun 1990, setelah mengalami

kerugian beberapa tahun yang lepas. Keuntungan operasi ini adalah hasil pertambahan pendapatan dari peningkatan jumlah penumpang dan barangan berikutan promosi lalulintas yang agresif.

Pengangkutan Maritim

10.15 Dalam tempoh RM5, perkembangan pesat perdagangan dan perindustrian telah mewujudkan pertambahan permintaan terhadap pembesaran kemudahan pelabuhan dan perkhidmatan maritim yang berkaitan. Penekanan yang lebih telah diberi untuk meningkatkan kecekapan dan produktiviti operasi pelabuhan supaya tahap penggunaan pelabuhan-pelabuhan di negara ini dapat ditingkatkan. Bagi aktiviti perkapalan dalam negeri, langkah-langkah telah diambil untuk meningkatkan jumlah kargo yang dikendalikan oleh kapal-kapal yang didaftar di negara ini dan dimiliki oleh penguasa tempatan. Langkah-langkah khusus telah diambil bagi mewujudkan keadaan persekitaran yang lebih baik dan ini termasuk mengkaji semula perturan-peraturan yang berkaitan dengan perkhidmatan maritim, amalan imigresen dan kastam serta operasi agensi perkapalan dan pengusaha pengangkutan.

Pelabuhan

10.16 Pelabuhan-pelabuhan di negara ini telah mengendalikan hampir 80 peratus daripada perdagangan antarabangsa dan ini telah banyak membantu perkembangan perdagangan dalam negeri melalui laut. Pada masa yang sama, pelabuhan-pelabuhan ini memberi sumbangan yang besar kepada pembangunan wilayah dalam menggalakkan kegiatan ekonomi yang berpusatkan pelabuhan. Jumlah keseluruhan kargo yang dikendalikan telah meningkat pada kadar 8.9 peratus setahun iaitu bertambah daripada 52.2 juta tan pada tahun 1985 kepada 80 juta tan pada tahun 1990, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 10-3. Jumlah eksport yang dikendalikan oleh pelabuhan-pelabuhan bertambah sebanyak 10.2 peratus sebahagian besarnya adalah pertambahan kargo cecair dan kargo pukal. Import pula bertambah sebanyak 8.5 peratus didorong oleh pertambahan pesat dalam jumlah import barangan pertengahan dan modal serta barangan pengguna. Pengendalian kontena telah mencatatkan kenaikan yang membanggakan sebanyak 13.1 peratus atau 739,880 TEU pada tahun 1990.

10.17 Dalam tempoh tersebut, beberapa program pembesaran pelabuhan dilaksanakan di Pelabuhan-pelabuhan Kelang, Pulau Pinang dan Johor. Di samping itu, Pengkalan Bekalan Petroleum Fasa II di Kemaman, Terengganu telah mula beroperasi pada tahun 1986, manakala kerja-kerja awal pembinaan jeti Kuala Perlis dan menaikkan taraf jeti Kuala Kedah telah dilaksanakan. Di Sabah, Pelabuhan-pelabuhan Kota Kinabalu dan Sandakan telah diperbesarkan bagi menyediakan kemudahan yang lebih baik untuk pengendalian kargo am dan kontena. Di Sarawak pula, kerja-kerja pembersihan Pelabuhan Kuching Fasa II telah disiapkan.

10.18 Sebagai sebahagian daripada program penswastaan, terminal kontena di Pelabuhan Kelang telah diswastakan pada tahun 1986. Kajian khas telah dijalankan dalam tempoh tersebut bagi menentukan kaedah penswastaan yang paling sesuai untuk Pelabuhan-pelabuhan Kelang, Johor, Pulau Pinang, Bintulu dan Kuantan. Disamping itu, satu langkah utama telah diambil bagi meningkatkan operasi pelabuhan dengan memperkenalkan konsep rangkaian data berkomputer (EDI) untuk memproses dokumen perdagangan secara automatik dan menghubungkan pelabuhan-pelabuhan dengan lain-agensi Kerajaan yang berkaitan.

Perkapalan

10.19 Penyertaan kapal-kapal tempatan telah meningkat sebagaimana ditunjukkan oleh pertambahan bilangan kapal-kapal Malaysia dan jumlah tan kargo yang diangkut. Bilangan kapal-kapal Malaysia bertambah daripada 714 pada tahun 1985 kepada 898 buah pada tahun 1990, iaitu pada kadar 4.7 peratus setahun. Dua syarikat perkapalan utama, Syarikat Perkapalan Antarabangsa Malaysia (MISC) dan Perbadanan Perkapalan Kebangsaan (PNSL), telah meningkatkan keupayaan masing-masing. Bilangan Kapal MISC bertambah daripada 44 pada tahun 1985 kepada 51 buah pada tahun 1990 manakala bilangan kapal PNSL pula bertambah daripada sembilan kepada 10 buah dengan peningkatan keupayaan muatan yang sedikit. Sumbangan perdagangan negara melalui laut yang dikendalikan oleh MISC masih kekal pada kadar 19.7 peratus manakala yang dikendalikan oleh PNSL meningkat daripada 7.1 peratus pada tahun 1985 kepada 10.5 peratus pada tahun 1990.

10.20 Pertambahan keupayaan muatan perkapalan yang sedikit berbanding dengan kegiatan perdagangan yang pesat, telah meningkatkan lagi pergantungan negara kepada perkhidmatan perkapalan asing. Keupayaan muatan perkapalan tempatan yang terhad untuk mengangkut barang-barang dagangan negara dan juga ketidakupayaan pengusaha-pengusaha tempatan untuk mengendalikan kargo secara kos, insurans dan tambang (cif), telah terus mendorong pengimport-pengimport luar negeri menggunakan perkhidmatan perkapalan dan insurans yang mereka aturkan sendiri. Keadaan ini mengakibatkan bayaran tambang pengangkutan dan insurans yang mengalir keluar meningkat dua kali ganda iaitu \$2,727 juta pada tahun 1985 kepada \$5,491 juta pada tahun 1990 dan defisit dalam butiran ini meningkat daripada 17.8 peratus kepada 37.8 peratus daripada jumlah defisit perkhidmatan keseluruhannya.

Pengangkutan Udara

10.21 Teras pembangunan sektor penerbangan awam dibawah RM5 adalah untuk menyiapkan projek-projek yang sedang dilaksanakan, di samping meningkatkan kemudahan yang sedia ada. Usaha-usaha terus diambil untuk memenuhi permintaan perkhidmatan pengangkutan udara yang bertambah berikutan dari peningkatan taraf hidup serta kesedaran mengenai nilai masa di samping menampung pertambahan

permintaan kargo udara hasil daripada peningkatan pembangunan perindustrian. Jumlah penumpang perkhidmatan udara telah bertambah sebanyak 10.9 peratus, iaitu daripada 10.3 juta pada tahun 1985 kepada 17.3 juta pada tahun 1990, berikutan daripada peningkatan permintaan perkhidmatan penerbangan di seluruh dunia. Bilangan penumpang antarabangsa bertambah hampir dua kali ganda daripada 3.6 juta pada tahun 1985 kepada enam juta pada tahun 1990. Jumlah pengendalian kargo meningkat pada kadar 14.8 peratus kepada 241,590 tan, disebabkan terutamanya oleh peningkatan dalam pergerakan komoditi yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi, iaitu barangan elektronik, alat ganti industri dan juga buah-buahan serta bunga-bunga. Di samping itu, terdapat juga arah aliran baru dalam pergerakan kargo udara yang melibatkan peralihan kepada perkhidmatan pengangkutan kargo udara sepenuhnya.

10.22 Memandangkan negara ini mempunyai rangkaian lapangan terbang yang mencukupi, pembangunan ditumpukan kepada usaha-usaha meningkat dan memperbaiki lapangan-lapangan terbang sedia ada. Kerja-kerja pembaikan utama di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang (LTAS) termasuk memanjangkan landasan bagi operasi pesawat penerbangan terus jarak jauh yang lebih besar dan mengubahsuai bangunan Terminal II untuk perkhidmatan dalam negeri. Kerja-kerja pembinaan lapangan terbang baru Sibu telah dimulakan. Lain-lain projek utama yang telah siap termasuk kerja-kerja penurapan dan peningkatan kemudahan di beberapa lapangan terbang untuk membolehkan pendaratan pesawat-pesawat yang lebih besar.

10.23 Di samping penekanan kepada pembangunan lapangan terbang di bandar-bandar utama, sokongan terus diberi kepada pembangunan padang terbang di luar bandar. Kekurangan kemudahan-kemudahan perhubungan ke kawasan-kawasan pedalaman terutamanya di Sabah dan Sarawak, menyebabkan perlunya pertambahan perkhidmatan udara luar bandar dan pembinaan beberapa padang terbang yang baru.

10.24 Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS), iaitu syarikat penerbangan kebangsaan yang diswastakan, telah memperluas dan mempertingkatkan perkhidmatan dalam negeri dan antarabangsa dengan menambah bilangan pesawat daripada 35 pada tahun 1985 kepada 50 buah pada tahun 1990. Pesawat-pesawat tersebut terdiri daripada pesawat B747, DC10, A300, B737, F50, F27 dan Twin Otters. Dengan sokongan pelancongan, bilangan penumpang antarabangsa yang menggunakan pesawat MAS telah bertambah pada kadar 8.7 peratus iaitu daripada 2.5 juta kepada 3.8 juta penumpang dalam tempoh tersebut. MAS juga telah menyediakan lapan lagi perkhidmatan ke destinasi baru antarabangsa serta menambahkan kekerapan penerbangan bagi 10 destinasi yang sedia ada. Syarikat penerbangan ini telah mengangkut sejumlah 5.6 juta penumpang pada tahun 1985 dan bilangan ini meningkat kepada 7.9 juta pada tahun 1990, iaitu pertumbuhan sebanyak 7.1 peratus setahun. Syarikat penerbangan ini juga telah mencatat pertambahan pendapatan

operasi yang mantap terutamanya daripada peningkatan pesat rangkaian penerbangan dan pertambahan trafik penumpang dan kargo.

Telekomunikasi

10.25 Dalam tempoh RM5, sektor kecil telekomunikasi telah mencatat kemajuan yang ketara dalam memenuhi permintaan pelanggan dan pencapaian kecekapan operasi. Perkhidmatan telekomunikasi juga mengalami perubahan struktur di mana penswastaan, pelonggaran peraturan dan liberalisasi sektor kecil berkenaan telah dilaksanakan bagi memastikan pengurusan sumber yang lebih cekap dan memudahkan mendapatkan modal. Di samping itu, tumpuan telah diberi kepada pembesaran dan peningkatan kemudahan dan perkhidmatan bagi memenuhi permintaan yang kian meningkat, membolehkan lebih ramai penduduk menikmati perkhidmatan ini supaya sejajar dengan perubahan teknologi yang pesat.

10.26 Di bawah RM5 juga, keupayaan rangkaian telefon telah bertambah hanya sebanyak 1.58 juta pelanggan berbanding dengan matlamat sebanyak 2.4 juta. Pencapaian ini telah meningkatkan nisbah telefon-penduduk bagi setiap seratus penduduk daripada 6.5 pada tahun 1985 kepada 8 pada tahun 1990. Walau bagaimanapun, pencapaian tersebut adalah lebih rendah daripada matlamat nisbah telefon-penduduk dibawah RM5 iaitu sebanyak 13.8.

10.27 Amalan-amalan memperbaiki pengurusan dan pemasaran yang agresif oleh Telekom Malaysia Berhad yang diperbadankan pada tahun 1987, telah menukar perkhidmatan telefon daripada perkhidmatan asas kepada perkhidmatan perniagaan yang lebih maju bagi membantu meningkatkan nilai ditambah dalam kegiatan pembuatan dan yang berorientasikan perkhidmatan. Perkhidmatan-perkhidmatan data seperti Perkhidmatan Rangkaian Pakej Suis (Maypac), Perkhidmatan Suis Circuit (MAYCIS) datel, telefax dan Perkhidmatan Perhubungan Radio Bergerak seperti sistem telefon automatik gelombang radio (ATUR), Sistem Rangkaian Sambung Jauh Radio dan Sistem Paging telah mengalami pertumbuhan yang pesat. Dengan pelaburan berjumlah \$4,000 juta dalam rangkaian infrastruktur dan kira-kira 266,000 rangkaian litar digital sambung jauh yang ada, jumlah keupayaan talian ibu sawat telah meningkat sebanyak 11.9 peratus menjadi 2.3 juta talian.

10.28 Beberapa pengusaha swasta telah diberi lesen untuk mengendalikan perkhidmatan telefon awam di bandar-bandar tertentu di seluruh negara dan untuk mengendalikan perkhidmatan kedua radio bergerak cellular iaitu ART 900 yang bersaing dengan perkhidmatan cellular ATUR 450 yang dimiliki oleh Telekom Malaysia Berhad. Lesen-lesen juga telah dikeluarkan bagi mengendali perkhidmatan radio telekomunikasi tempatan seperti paging, sistem rangkaian radio sambung jauh dan perkhidmatan litar suwa radio. Walau bagaimanapun, bagi melindungi kepentingan pelanggan, satu badan kawalselia telah ditubuh untuk memastikan persaingan yang adil dan berkesan. Yuran penerimaan dan bayaran bagi

perkhidmatan-perkhidmatan tertentu telah dihapuskan pada tahun 1990 bagi menggalakkan penjualan peralatan-peralatan untuk pelanggan di pasaran terbuka.

10.29 Projek kabel fiber optik antara Kuantan dan Kota Kinabalu telah dilaksanakan sebagai sebahagian daripada sistem kabel dasar laut ASEAN untuk memenuhi permintaan ke atas perkhidmatan telekomunikasi yang lebih baik ke arah integrasi wilayah dan antarabangsa. Sistem ini akan mempertingkatkan perkhidmatan telekomunikasi secara keseluruhannya, khusus bagi perkhidmatan telefon dalam negeri dan komunikasi televisyen. Malaysia juga telah melabur dalam organisasi satelit antarabangsa.

10.30 Sebagai usaha untuk mempertingkatkan kemudahan dan kualiti hidup penduduk luar bandar, perkhidmatan telekomunikasi telah diperluaskan ke kawasan-kawasan tersebut. Keupayaan talian ibu sawat telah bertambah daripada 1.8 juta pada tahun 1985 kepada 2.7 juta pada tahun 1990 dan pasangan kabel berkesan pula meningkat daripada 2.2 juta kepada 3.7 juta di seluruh negara. Ini telah membolehkan sebanyak 172,520 buah rumah lagi di luar bandar mendapat kemudahan telefon. Di samping itu, bilangan telefon awam di luar bandar bertambah daripada 250 kepada 6,770 bagi tempoh RM5.

Perkhidmatan Pos

10.31 Dalam tempoh RM5, perkhidmatan pos telah dipermoden dan rangkaiannya diperluaskan bagi memenuhi permintaan yang kian meningkat terhadap pakej perkhidmatan yang lebih inovatif dan keperluan perkembangan aktiviti-aktiviti ekonomi. Jumlah keseluruhan mel yang dikendalikan telah meningkat sedikit sahaja iaitu 2,080 juta pada tahun 1985 kepada 2,200 juta pada tahun 1990. Pertambahan yang kecil ini adalah disebabkan oleh persaingan daripada perkhidmatan penghantaran swasta serta kemajuan pesat teknologi penghantaran data. Bagi menyediakan perkhidmatan yang lebih cekap dan memenuhi permintaan yang kian bertambah, sebanyak 65 buah pejabat pos telah dibina manakala 179 buah pejabat pos mini dan 84 buah wakil pos telah ditubuhkan. Keutamaan telah juga diberi untuk memperluaskan perkhidmatan pos ke kawasan luar bandar dan kepada sebahagian besar penduduk di negara ini.

10.32 Dalam mempermodenkan perkhidmatan pos, di samping memperkenalkan Culler-Faces Cancellor, Mesin Pengisih Surat Automatik dengan Letter Indexing Desks telah dipasang di 11 buah pejabat pos untuk menyediakan perkhidmatan surat yang lebih cekap dan mempercepatkan penghantarannya. Di samping itu, 100 buah mesin penerimaan telah dipasang dan 280 buah pejabat pos telah dilengkapi dengan komputer bagi meningkatkan peranan pejabat pos sebagai pusat bayaran setempat dan untuk memudahkan urusan unit-unit Amanah Saham Nasional yang telah disenaraikan pada bulan Januari, 1991. Perkhidmatan Pos Laju telah juga diperkenalkan pada kadar bayaran yang kompetitif yang memberi faedah kepada

orang ramai dan industri-industri tempatan. Jabatan Perkhidmatan Pos masih mampu mengekalkan bayaran perkhidmatan penghantaran cepat pada kadar yang berpatutan sungguhpun menghadapi persaingan daripada lain-lain perkhidmatan penghantaran utama.

Perkhidmatan Kajuca

10.33 Dalam tempoh RM5, perkhidmatan dan kemudahan kajuca serta geofizikal telah dipertingkatkan dan dipermodenkan bagi memenuhi keperluan pelbagai sektor pengguna. Dalam hubungan ini, ramalan cuaca secara aeronautikal telah dipertingkatkan dan diperluaskan untuk membolehkan ramalan cuaca yang lebih tepat di sekitar Wilayah Penerangan Penerbangan Kuala Lumpur dan Kota Kinabalu. Di samping mempertingkatkan sistem penerimaan satelit cuaca, radar amaran ribut di LTAS telah diganti manakala satu sistem baru telah dipasang di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching bagi meningkatkan keselamatan operasi penerbangan.

10.34 Sebagai usaha untuk menilai secara menyeluruh tahap pencemaran atmosfera alam sekitar di negara ini, sebanyak 12 set alat pengesan pencemaran udara telah dipasang di tempat-tempat yang dipilih di seluruh negara. Stesen-stesen tambahan kajuca dan kajuca pertanian serta rangkaian stesen seismologi telah dibina bagi memperolehi data yang lebih lengkap.

III. PROSPEK, 1991-95

10.35 Pembangunan sektor pengangkutan dan perhubungan dalam tempoh RM6 adalah selaras dengan perubahan permintaan dalam sektor berkenaan berikutan dari perubahan ekonomi dan peralihan keutamaan yang relatif bagi berbagai jenis pengangkutan. Dengan peningkatan kos dan bertambah kompleksnya pembangunan, peluang yang lebih banyak bagi penyertaan sektor swasta akan diwujudkan untuk mengurangkan kesan kewangan yang besar kepada Kerajaan di samping menggalakkan lebih banyak penyertaan usahawan. Penyediaan kemudahan-kemudahan bagi sektor ini secara lebih meluas lagi akan dicapai dalam usaha untuk menggalakkan pembangunan kawasan-kawasan yang kurang maju serta mendekatkan lagi kawasan-kawasan luar bandar dengan pusat-pusat pertumbuhan.

10.36 Pembangunan sektor ini akan dilaksanakan secara bersepadu bagi menggalakkan multimodalisme dan saling melengkapi antara jenis-jenis pengangkutan. Kemudahan-kemudahan dan perkhidmatan perhubungan akan terus diperluas dan dipermodenkan untuk memenuhi keperluan tempatan dan antarabangsa yang kian meningkat. Teknologi baru akan juga diperkenalkan supaya selaras dengan perkembangan dalam sektor ini. Peningkatan kecekapan menerusi persaingan yang lebih giat akan juga diberi penekanan bagi menggalakkan perubahan dan mewujudkan peluang-peluang pelaburan baru. Dalam tempoh RM6, sektor ini

dijangka berkembang pada kadar 10.5 peratus iaitu lebih cepat daripada pertumbuhan ekonomi negara. Kira-kira 60,000 atau 5.3 peratus daripada peluang-peluang pekerjaan baru yang akan diwujudkan dalam tempoh tersebut akan disediakan oleh sektor ini.

10.37 Menerusi peranan strategik sektor ini dalam pertumbuhan ekonomi dan perubahan sosial, beberapa program utama akan dilaksanakan dalam tempoh RM6. Ini termasuk kerja-kerja memperbaiki rangkaian jalan raya utama antara bandar dan meningkatkan sistem jalan raya di kawasan bandar, mempermodenkan sistem pengangkutan keretapi serta memperluaskan kemudahan pengangkutan maritim dan udara. Program-program tersebut juga melibatkan peningkatan kemudahan-kemudahan telekomunikasi, pos dan kajicuaca bagi memenuhi permintaan pengguna yang bertambah dan lebih sofistikated. Agihan peruntukan bagi sektor pengangkutan dan perhubungan mengikut sektor kecil dan projek-projek utama adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 10-4.

Pengangkutan Jalan

10.38 Pembangunan dalam sektor kecil ini akan memperbaiki hubungan antara bandar dan mengatasi masalah yang berkaitan dengan pengangkutan akibat daripada penumpuan penduduk dan kegiatan ekonomi di pusat-pusat bandar yang berterusan. Strategi-strategi juga ditumpukan kepada usaha-usaha untuk mengagih pertumbuhan dengan menambahkan rangkaian jalan raya. Sektor kecil ini akan diperuntukkan hampir dua pertiga daripada jumlah peruntukan bagi sektor pengangkutan dan perhubungan di bawah RM6. Daripada jumlah ini, sebahagian besar adalah untuk pelaksanaan projek-projek sambungan, menaikkan taraf jalan sedia ada, pembinaan jalan baru, pemulihan jalan dan kerja-kerja yang berkaitan dengan keselamatan jalan raya. Satu program utama ialah menaikkan taraf jambatan-jambatan kayu dan substandard di jalan raya Persekutuan.

10.39 Pembinaan bahagian Lebuhraya Utara-Selatan sepanjang 464 kilometer yang belum disiapkan, pembinaan 34 kilometer Lebuhraya Hubungan Utara-Selatan dan 48 kilometer Lebuhraya Shah Alam serta pembesaran 14.5 kilometer Lebuhraya Persekutuan II kepada tiga lorong dua hala, akan dilaksanakan. Lebuhraya Utara-Selatan akan disiapkan pada tahun 1994. Fasa pertama Lebuhraya Shah Alam akan beroperasi pada tahun 1993. Selain daripada menyediakan kemudahan laluan yang lebih baik, lebuhraya-lebuhraya tersebut dijangka akan mendorong pembangunan perindustrian, pelancongan dan perdagangan di koridor pantai barat Semenanjung Malaysia. Lebuhraya-lebuhraya berkenaan akan mengurangkan masa perjalanan di antara 25 hingga 30 peratus bagi setiap kilometer perjalanan biasa.

10.40 Usaha-usaha untuk memperbaiki sistem pengangkutan bandar akan terus diberi penekanan bagi mengatasi masalah kesesakan di Lembah Klang dan juga lain-lain kawasan bandar di negara ini. Langkah-langkah baru akan diperkenalkan untuk

menambah jumlah penumpang bagi kenderaan bermuatan tinggi terutamanya bas dan keretapi serta menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan baru bagi mengangkut ramai penumpang seperti sistem transit rel laju ringan. Kualiti perkhidmatan bas akan diperbaiki menerusi peluang-peluang untuk memasuki pasaran perkhidmatan ini dengan lebih mudah serta menambah kekerapan perjalanan yang dapat mengurangkan jumlah masa perjalanan. Dengan siapnya projek landasan berkembar keretapi, sebahagian daripada pengguna jalan raya dijangka akan beralih kepada perkhidmatan keretapi. Projek ini akan mengurangkan separuh daripada masa perjalanan di antara Kuala Lumpur dan Seremban, yang kini mengambil masa 90 minit.

10.41 Kemudahan perhubungan ke kawasan luar bandar akan dipertingkatkan melalui penyediaan rangkaian infrastruktur yang lebih baik untuk menggalakkan kegiatan ekonomi dan sosial penduduk luar bandar serta memudahkan pelaksanaan program-program sektor lain. Kerja-kerja membina dan menaikkan taraf kira-kira 650 kilometer jalan luar bandar dan menaikkan taraf 14,600 kilometer jalan kampung akan dilaksanakan. Jalan-jalan ini juga merupakan infrastruktur fizikal yang perlu untuk memenuhi keperluan keselamatan negara terutamanya bagi negeri-negeri di utara iaitu Perlis, Kedah, Perak dan Kelantan.

10.42 Penyelenggaraan jalan raya dan lebuh raya termasuk segala kemudahan yang berkaitan, akan terus diberi keutamaan kerana penyelenggaraan yang berkesan akan dapat mengurangkan kos pengangkutan dan menambah keberkesanan kos keseluruhannya bagi pelaburan modal. Dalam usaha untuk mengekalkan ketahanan struktur turapan jalan dan jambatan, strategi serampang dua mata akan digunakan. Pertama, sistem penyelenggaraan akan diperbaiki dan dipermodenkan. Kedua, penguatkuasaan undang-undang ke atas had muatan kenderaan akan diperketat untuk mengurangkan kos penyelenggaraan keseluruhannya. Sistem-sistem penimbang yang diletakkan di tempat yang strategik di rangkaian jalan raya utama akan diperkenalkan. Dalam hubungan ini, dasar-dasar yang berasaskan kepada penemuan-penemuan dari Kajian Beban Gandar Jalan Raya Kebangsaan akan dapat membantu pembinaan dan pengurusan pengangkutan jalan raya.

10.43 Penggunaan teknologi bagi turapan menggunakan simen dalam pembinaan jalan raya akan terus dipertingkatkan. Penyelidikan akan terus ditumpukan kepada pembangunan teknologi baru di samping menyesuaikan teknologi-teknologi yang diimport dengan keadaan tempatan. Penyelidikan tempatan ke atas penilaian turapan dan rekabentuk lapisan atas serta keadaan tambak jalan di atas tanah lembut akan terus dilaksanakan, terutamanya ke atas teknologi yang boleh mempertingkatkan kecekapan industri pembinaan jalan. Di samping itu, kajian impak ke atas alam sekitar akan dijalankan sebagai langkah untuk mengurangkan kesan negatif akibat pembangunan jalan raya.

10.44 Pertambahan bilangan kenderaan dan kepadatan lalulintas yang berterusan selama ini telah menyebabkan bertambah perlunya langkah-langkah diambil untuk mengurangkan kematian akibat daripada kemalangan jalan raya. Ini adalah kerana bilangan kematian boleh meningkat dengan pertambahan pemilikan kereta. Menyedari keselamatan jalan raya sebagai satu masalah negara, Kerajaan telah menetapkan matlamat untuk mengurangkan kematian akibat daripada kemalangan jalan raya sebanyak 30 peratus menjelang tahun 2000, daripada 7.12 bagi setiap 10,000 kenderaan dalam tahun 1990 kepada 5 bagi setiap 10,000 kenderaan pada tahun 1995. Antara langkah-langkah yang akan diambil termasuk mengkaji semula peraturan-peraturan lalulintas jalan raya yang tertentu, memperkukuhkan agensi penguatkuasa, memperbaiki kemudahan-kemudahan infrastruktur jalan raya dan tanda jalan serta melaksanakan program-program keselamatan jalan raya dan uji pandu yang baru bagi pemandu.

Pengangkutan Keretapi

10.45 Memandangkan rangkaian fizikal keretapi telah dibina dengan secukupnya, tumpuan seterusnya akan diberi kepada usaha-usaha memperbaiki kemudahan dan keselesaan pengangkutan keretapi. Usaha-usaha ini akan juga membantu mengurangkan kesesakan di bandar dengan mengalihkan sebahagian daripada lalulintas jalan raya kepada pengangkutan keretapi. Tumpuan pembangunan adalah untuk menyediakan perkhidmatan yang cekap dan pada kos yang rendah di mana keretapi mempunyai daya saing. Pengangkutan penumpang dan barangan masing-masing akan bertambah daripada 1,794.2 juta penumpang-kilometer dan 1,423.5 juta tan-kilometer pada tahun 1990 kepada 2,232 juta penumpang-kilometer dan 1,949.5 juta tan-kilometer pada tahun 1995.

10.46 Di bawah RM6, KTM akan memberi penekanan kepada dua segmen utama pengangkutan penumpang. Segmen pasaran masakini adalah bagi keretapi ekspres, keretapi mel dan keretapi tempatan. Segmen pasaran baru pula akan diperolehi daripada perkhidmatan pengangkutan ulang-alik penumpang keretapi yang akan diperkenalkan melalui projek landasan berkembar antara Kuala Lumpur-Pelabuhan Kelang-LTAS dan Seremban-Rawang. Adalah diramalkan bahawa perkhidmatan pengangkutan ulang-alik ini akan memberi khidmat kepada penumpang bagi perjalanan jarak dekat dan akan membawa lebih kurang 30 juta penumpang menjelang tahun 1995. Kajian keatas Perkhidmatan Pengangkutan Berasas Keretapi di Lembah Klang akan membantu membangunkan pasaran perkhidmatan ulang-alik tersebut. Dalam hal ini, program akan ditumpukan kepada perkhidmatan pengangkutan berasaskan keretapi yang bersepadu untuk meningkat dan memperbaiki sistem tersebut. Program ini juga akan meliputi aspek komersil sistem yang bersepadu dengan memberi tumpuan kepada kegiatan bukan keretapi dan pembangunan tanah bagi meningkatkan daya maju sistem berkenaan. Perkhidmatan keretapi ekspres di antara Tumpat dan Kuala Lumpur juga akan diperkenalkan. Penggunaan sistem keretapi berkuasa elektrik di Lembah Klang akan

mempercepatkan lagi perjalanan keretapi dan dengan itu akan menambah daya tarikan terhadap perkhidmatan tersebut.

10.47 Peranan KTM dalam menggalakkan intermodalisme akan dipertingkatkan berasaskan kepada jangkaan pertumbuhan pengangkutan kontena. Keupayaan mengangkut oleh KTM akan bertambah baik dengan siapnya projek landasan berkembar yang dapat meningkatkan keupayaan landasan keretapi. Sistem intermodalisme akan membuka pasaran yang menguntungkan serta memberi peluang dan pilihan yang lebih baik, penggunaan aset yang lebih tinggi dan dengan yang demikian menghasilkan keuntungan yang lebih banyak. Selaras dengan ini, KTM akan mengalihkan pasarannya secara strategik ke arah pengendalian kargo am berkontena, memperbaiki logistik dan operasi yad atur serta kemudahan-kemudahan terminal. Lebih banyak ICD akan dibina melalui usahasama dengan sektor swasta untuk memenuhi permintaan yang kian meningkat. Bagi mengadakan satu sistem kawalan yang baik, KTM akan juga memasang Sistem Kawalan Gerabak Berkomputer untuk mengesan gerabak dan mengagih muatan, yang mana akan mencapai paras penggunaan gerabak yang lebih tinggi dan pulangan stokereta yang lebih baik.

10.48 Selaras dengan dasar penswastaaan oleh Kerajaan, usaha memperbadankan KTM akan dilaksanakan. Usaha ini akan dapat memperbaiki operasi dan pengurusan KTM dan seterusnya meningkatkan kecekapan, produktiviti dan daya maju kewangannya. Satu rangka kawalselia akan juga dibentuk bagi memastikan fungsi kawalan dijalankan dengan berkesan.

Pengangkutan Maritim

10.49 Dasar-dasar asas bagi pembangunan pengangkutan maritim di bawah RM6 adalah untuk mewujudkan sistem pelabuhan yang cekap yang boleh mempercepatkan operasi dengan kadar bayaran yang lebih rendah serta menyediakan kemudahan-kemudahan pelabuhan selaras dengan pembangunan perkapalan dan corak perdagangan antarabangsa. Strategi-strategi dalam sektor ini akan mengambilkira arah aliran baru yang penting dalam amalan pengangkutan dan teknologi maklumat.

10.50 Teras dasar pembangunan pengangkutan maritim adalah untuk menyediakan keupayaan yang secukupnya bagi memenuhi pertumbuhan yang dijangkakan dalam pengendalian kargo, peningkatan kecekapan, daya saing dan produktiviti. Pembangunan pelabuhan-pelabuhan secara bersepadu akan dilaksanakan manakala penswastaaan kemudahan dan perkhidmatan pelabuhan akan dipercepatkan bagi memperbaiki operasi dan pengurusannya. Dalam bidang perkapalan, langkah-langkah akan terus diambil bagi menggalak dan meningkatkan penyertaan serta penggunaan syarikat-syarikat perkapalan tempatan bagi perdagangan dalam negeri dan antarabangsa untuk mengurangkan aliran keluar bayaran tambang pengangkutan dan insurans. Keberkesanan Dasar Kabotaj dalam menambahkan jumlah tanej

perkapalan bagi kapal-kapal yang didaftar di negara ini dan yang dimiliki oleh pengusaha-pengusaha tempatan akan dikaji semula bagi menggalakkan persaingan menerusi dasar-dasar yang lebih liberal.

Pelabuhan

10.51 Selaras dengan pertumbuhan ekonomi yang pesat, jumlah kargo yang dikendalikan oleh pelabuhan-pelabuhan adalah dianggarkan meningkat daripada 80 juta tan pada tahun 1990 kepada 125 juta tan pada tahun 1995, iaitu pertumbuhan sebanyak 9.3 peratus setahun, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 10-3. Bagi memenuhi pertumbuhan ini, langkah-langkah akan diambil untuk meningkatkan penggunaan kemudahan-kemudahan yang sedia ada dan meningkatkan keupayaan pelabuhan di mana perlu. Pada akhir tempoh RM6, jumlah keupayaan pengendalian oleh pelabuhan-pelabuhan di Malaysia adalah di jangka meningkat kepada 130 juta tan berbanding dengan 79.8 juta tan pada tahun 1990, di mana jumlah ini adalah mencukupi untuk menampung pertambahan yang dijangkakan dalam pengendalian kargo.

10.52 Perkembangan yang pesat dalam penggunaan kontena diperingkat antarabangsa bagi mengangkut barang dagangan dijangka mewujudkan jumlah pengangkutan berkontena yang lebih banyak di pelabuhan-pelabuhan tempatan. Dengan perkembangan ini, perkhidmatan lain di darat berhubung dengan penggunaan kontena akan juga dimajukan, termasuk menaikkan taraf kemudahan-kemudahan organisasi bagi memenuhi keperluan intermodalisme. Usaha memperkenalkan EDI dan intermodalisme bukan sahaja melibatkan pelabuhan-pelabuhan tetapi juga memerlukan kerjasama rapat di kalangan agensi-agensi Kerajaan dan juga sektor swasta. Di samping itu, semua pihak perlu bekerjasama dan ini termasuklah perkhidmatan bank dan insurans, kastam, agen-agen penghantaran dan perkapalan. Program-program latihan yang khusus dirangka untuk memenuhi permintaan baru yang wujud daripada strategi-strategi inovatif ini akan dipertingkatkan.

10.53 Pembinaan jalan raya dan jambatan, dermaga-dermaga kargo am, kargo cecair, kargo kering dan kontena serta kemudahan-kemudahan sokongan di Pelabuhan Kelang dijangka siap pada tahun 1995. Pelabuhan Kelang akan dimajukan sebagai terminal kontena utama yang dihubungkan dengan sistem pengangkutan yang cekap selaras dengan konsep intermodalisme. Terminal Kontena Butterworth Utara akan dibina bagi menyediakan kemudahan-kemudahan tambahan kontena. Pembesaran Pelabuhan Johor Fasa III yang melibatkan pembinaan dua buah dermaga kontena tambahan dan kemudahan-kemudahan sokongan yang lain serta pembesaran Fasa IV yang melibatkan pembinaan kemudahan dermaga kontena dan kargo am akan disiapkan dalam tempoh RM6. Pelabuhan Kuantan akan diperbesarkan dengan tambahan dermaga-dermaga kargo am/ serbaguna untuk membolehkan pelabuhan berkenaan mengendalikannya jumlah kargo yang dijangka bertambah. Pembinaan

sebuah yad kontena dan pembelian pengangkut straddle bagi Pelabuhan Kota Kinabalu serta pembinaan dermaga tambahan kargo am di Pelabuhan Sandakan akan dilaksanakan. Di Sarawak, Pelabuhan Bintulu akan melaksanakan pembinaan sebuah jeti bagi gas asli cecair (LNG).

10.54 Sistem pengangkutan kontena akan terus diperbaiki. Peraturan-peraturan baru dan beberapa pembaharuan akan digunapakai bagi mengatasi kesesakan di sepanjang laluan lebuhraya. Selaras dengan corak perdagangan antarabangsa yang semakin penting dan kompleks, serta bertambah pesatnya persaingan di peringkat antarabangsa yang memerlukan sistem maklumat yang cepat dan tepat, sistem EDI akan dilaksanakan dengan fasa pertama projek ini ditumpukan di Lembah Klang. Satu pendekatan yang menyeluruh bagi meningkatkan kecekapan dan produktiviti pelabuhan akan digunapakai dengan pembentukan satu mekanisma untuk merancang, melaksana, mengawasi dan menilai prestasi pelabuhan, terutamanya selepas penswastan beberapa buah pelabuhan.

10.55 Penswastan sektor pelabuhan akan dipercepatkan. Kajian-kajian yang telah siap akan dijadikan panduan bagi penswastan kemudahan-kemudahan dan perkhidmatan-perkhidmatan pelabuhan. Dalam hubungan ini, perkhidmatan-perkhidmatan lain di Pelabuhan Kelang akan diswastakan pada tahun 1991 dan diikuti dengan penswastan Pelabuhan-pelabuhan Bintulu, Johor, Kuantan dan Pulau Pinang. Mekanisma penyeliaan juga akan dibentuk bagi mengesan prestasi serta pembangunan masa hadapan badan-badan yang diswastakan.

Perkapalan

10.56 Menyedari bahawa negara ini sangat bergantung kepada kapal-kapal asing yang mengakibatkan pengaliran keluar wang negara dengan banyaknya, satu pendekatan yang bersepadu bagi memperkukuhkan industri perkapalan akan dilaksanakan. Kemungkinan melonggarkan peraturan perundangan yang menyekat modal saham asing dalam industri ini akan diusahakan dan pembentukan usahasama dengan syarikat-syarikat perkapalan asing akan digalakkan. Penambahan kapal-kapal dagang, penyediaan perkhidmatan-perkhidmatan sokongan yang cekap dan sesuai, pertumbuhan dan pembangunan yang lebih cekap bagi industri pembaikan dan pembinaan kapal serta latihan dan kemajuan kerjaya rakyat tempatan dalam bidang profesional, perdagangan dan pengurusan industri perkapalan akan juga diberi penekanan. Aktiviti-aktiviti MISC dan PNSL dalam aspek perkapalan dalam negeri dan antarabangsa akan diperluas dan dipelbagaikan. Dalam tempoh RM6, tiga buah kapal baru akan diperolehi oleh MISC bagi menambah bilangannya yang kini berjumlah 51 buah dan ini akan dapat menambahkan keupayaannya kepada 1.48 juta tan pada akhir tahun 1995. PNSL pula akan menambah bilangannya sebanyak 12 buah lagi dengan menambahkan jenis kapal iaitu kapal tangki minyak, kapal tangki kimia dan bungkusan, kapal kargo pukal dan kapal LNG. Pada akhir tahun 1995, kapal-

kapal PNSL yang beroperasi dijangka bertambah kepada 22 buah dengan jumlah keupayaan 0.58 juta tan.

10.57 Untuk menggalakkan lagi penggunaan kapal-kapal tempatan dalam perdagangan negara, usaha-usaha ke arah memperkukuhkan Majlis Pengusaha-pengusaha Kapal dan perkhidmatan penghantaran barangan akan diteruskan untuk menarik minat pengusaha-pengusaha kapal tempatan. Bagi menambah rang kaian perkapalan, penglibatan dalam bentuk dua hala, wilayah dan lain-lain urusan perdagangan antarabangsa akan di perluaskan.

10.58 Berhubung dengan perkapalan dalam negeri, dasar yang menghadkan hanya kapal-kapal yang berdaftar di negara ini sahaja yang boleh menjalankan kegiatan perkapalan dalam negeri, akan dikaji semula. Prestasi dari segi kecekapan dan produktiviti pemilik dan pengusaha kapal akan dipertingkatkan lagi supaya operasi perkapalan adalah berdaya maju dan menguntungkan. Perdagangan pesisiran pantai di antara Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak dijangka meningkat kepada 4.5 juta tan pada tahun 1995 yang merupakan kira-kira 19.8 peratus daripada jumlah perdagangan laut Sabah dan Sarawak dalam tempoh tersebut.

10.59 Langkah-langkah tertentu akan diambil bagi meningkatkan kecekapan sektor kecil ini. Usaha mewujudkan sistem pengangkutan darat yang lebih liberal akan diteruskan bagi mempercepatkan masa penyerahan barangan. Menerusi pembangunan rangkaian EDI, pergerakan dokumen secara fizikal akan digantikan dengan satu rangkaian berkomputer yang menghubungkan pihak berkuasa pelabuhan-pelabuhan, pengusaha-pengusaha kapal dan agen-agen penghantaran. Rangkaian ini akan memperbaiki aliran maklumat bagi memper-cepatkan penyelesaian dokumentasi. Penekanan yang lebih besar akan diberi kepada pengangkutan barangan Malaysia oleh syarikat-syarikat perkapalan tempatan. Industri insurans perdagangan akan dimajukan lagi bagi menggalakkan pengusaha-pengusaha dan pemilik-pemilik kapal mengambil insurans daripada syarikat-syarikat tempatan dan mengurangkan keperluan untuk menginsuranskan semula.

10.60 Sebagai industri yang memerlukan modal yang besar, kekurangan pembiayaan telah melambatkan pertumbuhan industri perkapalan tempatan dan tambahan pula kebanyakan kapal-kapal telah berusia lebih daripada 15 tahun. Sungguhpun Kerajaan telah menyediakan insentif kewangan secara berterusan bagi menarik lebih banyak pelaburan dalam industri ini, namun kejayaan yang terhad dalam menggalakkan pertumbuhannya masih menjadi perhatian utama. Dalam hubungan ini, Kerajaan akan membantu mempercepatkan pelaburan dalam industr perkapalan dengan menyediakan satu skim pinjaman bagi membantu usaha-usaha bank-bank perdagangan, khususnya Bank Industri Malaysia Berhad (BIMB). Skim pinjaman ini yang boleh dikendalikan oleh BIMB bagi memastikan peruntukan tersebut diurus mengikut prinsip perdagangan yang teguh dan keutamaan diberi kepada firma-firma kecil yang sukar mendapat pinjaman daripada pasaran kewangan. Disamping

memperbaiki kemudahan-kemudahan pembiayaan perkapalan, tumpuan yang lebih perlu diberi kepada pengawasan yang lebih rapi ke atas industri perkapalan dalam menentukan jenis kapal yang akan dibeli, mengenalpasti bentuk perdagangan atau sektor-sektor yang sesuai dan mengkaji kemungkinan untuk meningkatkan lagi penggunaan limbungan-limbungan kapal tempatan.

Pengangkutan Udara

10.61 Dengan pertumbuhan ekonomi yang dijangkakan, usaha-usaha untuk memperluas dan memperbaiki pengangkutan udara akan diteruskan berikutan dari pertambahan jumlah trafik penumpang dan kargo di peringkat antarabangsa dan dalam negeri. Memandangkan rantau Asia-Pasifik dijangka akan menjadi rantau kedua penting dalam pembangunan pengangkutan udara, trafik penumpang di Malaysia dijangka bertambah di antara 7 hingga 10 peratus setahun bagi tempoh RM6. Lapangan terbang akan mengendalikan di antara 17 juta hingga 19 juta penumpang sehingga tahun 1995, manakala jumlah kargo udara pula dijangka akan bertambah pada kadar purata tahunan sebanyak 13 peratus untuk perkhidmatan antarabangsa dan 8 peratus bagi perkhidmatan dalam negeri. Pertambahan trafik udara dijangka tidak akan memberi tekanan kepada keupayaan pengendalian lapangan-lapangan terbang sedia ada kecuali di LTAS. LTAS yang merupakan lapangan terbang dan pintu masuk utama, akan dipertingkatkan. Tempat memakir pesawat tambahan akan dibina untuk menampung pertambahan permintaan trafik udara bagi tempoh jangka sederhana. Walau bagaimanapun, bagi tempoh jangka panjang, kemudahan lapangan terbang baru mungkin diperlukan bagi menampung pertambahan permintaan trafik udara selepas tahun 1995.

10.62 Memandangkan lapangan terbang sedia ada adalah mencukupi untuk memenuhi keperluan trafik udara bagi tempoh separuh penggal pertama tahun sembilan puluhan dan waktu sibuk pula bukan merupakan masalah utama di kebanyakan lapangan-lapangan terbang, konsep Hub and Spoke akan dilaksanakan dengan lebih giatnya. Konsep ini adalah berasaskan kepada sistem lapangan terbang utama dan feeder yang bertujuan untuk memaksimumkan penggunaan keupayaan lapangan terbang. Hub adalah pusat pengumpulan, penyatuan dan pengagihan penumpang dan kargo manakala spoke adalah lapangan terbang feeder kepada hub utama. Oleh kerana konsep ini akan memberi penekanan yang lebih kepada kekerapan penerbangan, usaha-usaha pembangunan akan ditumpukan kepada aspek keselamatan seperti peningkatan sistem kawalan trafik udara, alat-alat pemaliman udara dan bantuan komunikasi serta peningkatan secara kecilan kemudahan sedia ada. Tambahan keupayaan kompleks kargo di LTAS akan membolehkannya mengendalikan kargo udara sehingga tahun 1995. Peningkatan kemudahan lapangan terbang bagi menggalakkan pelancongan akan juga diberi keutamaan untuk melengkapkan usaha-usaha ke arah membangunkan industri pelancongan. Bagi menyediakan perhubungan yang lebih baik ke kawasan pedalaman terutamanya di Sabah dan Sarawak, Kerajaan akan terus mempertingkatkan dan memperbaiki padang

terbang luar bandar. Disamping itu, Kerajaan akan terus memastikan supaya tahap keselamatan adalah selaras dengan keperluan antarabangsa.

10.63 Selaras dengan strategi untuk memperbadankan lapangan-lapangan terbang, caj-caj penerbangan udara akan dikaji semula bagi memastikan kecekapan dalam penggunaan sumber kewangan dalam membangunkan infrastruktur lapangan terbang. Walau bagaimanapun, pertimbangan dari segi kemampuan dan kepentingan negara akan diambil kira dalam rangka peraturan baru ini. Langkah memperbadankan lapangan-lapangan terbang dan penubuhan Lembaga Lapangan Terbang Negara akan terus meningkatkan kecekapan lapangan-lapangan terbang di negara ini.

10.64 Dasar bebas dan dasar ruang udara terbuka yang diamalkan di negara ini akan diteruskan untuk menggalakkan lagi perkhidmatan penerbangan asing ke Malaysia bagi menggalakkan pelancongan. Hak trafik udara tambahan dan yang baru akan diperolehi khususnya di Eropah, Timur Jauh serta di Asia Tenggara. Perkhidmatan akan juga dilancarkan ke destinasi-destinasi baru di Amerika Utara dan Selatan, Pasifik Selatan, India, China, Timur Tengah dan Afrika. Bagi perkhidmatan dalam negeri, MAS akan menambah kekerapan penerbangan dan muatan bagi memenuhi pertambahan permintaan dalam negeri dengan mengganti pesawat-pesawat sedia ada serta membeli pesawat tambahan seperti B737-400/Combi dan F50. Pembelian tambahan bagi pesawat B747-400/Combi akan dapat memenuhi keperluan penumpang dan kargo.

Telekomunikasi

10.65 Di bawah RM6, sektor kecil telekomunikasi akan mempergiatkan lagi usaha-usaha untuk menyediakan perkhidmatan yang moden, cekap dan bermutu tinggi pada harga yang berpatutan dan kompetitif. Sejumlah \$5,350 juta akan dilaburkan oleh Telekom Malaysia Berhad bagi mengadakan rangkaian telekomunikasi digital tempatan dan antarabangsa, pemasangan pelancaran Rangkaian Digital Gelombang Mikro yang meliputi kawasan dari utara hingga ke selatan dan pelancaran Rangkaian Digital Sistem Bersepadu (ISDN) secara komersil. Dengan pembangunan ini, keupayaan talian ibu sawat dijangka bertambah daripada kira-kira 2.54 juta pada tahun 1990 kepada 3.43 juta pada tahun 1995.

10.66 Dalam tempoh RM6, perkhidmatan telefon dijangka berkembang sebanyak kira-kira 14 peratus, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 10-5. Ini akan meningkatkan nisbah telefon-penduduk bagi setiap seratus penduduk daripada 8 pada tahun 1990 kepada 13 pada tahun 1995. Disamping itu, sistem ATUR 450 akan dipertingkatkan pada kadar 12 peratus setahun bagi memenuhi permintaan yang kian bertambah. Walau bagaimanapun, perkhidmatan ini akan dilengkapi dengan sistem baru seperti ATUR 800. Satu sistem telefon tanpa tali generasi baru akan juga diperkenalkan. Adalah dijangka bahawa perkhidmatan baru perhubungan radio bergerak yang lain seperti sistem digital ATUR, data bergerak dan Perkhidmatan

Rangkaian Nilai Ditambah (VANS) termasuk perkhidmatan berasaskan satelit akan dipertimbangkan. Potensi pertumbuhan perkhidmatan data dan litar suwa adalah menggalakkan berikutan daripada permintaan pemindahan data yang kian meningkat. Sungguhpun permintaan bagi perkhidmatan teleks akan terus berkurangan, perkhidmatan ini akan dikekalkan khusus sebagai alat perhubungan yang penting kepada negara-negara Dunia Ketiga.

10.67 Bagi mencapai pembangunan wilayah dan integrasi antarabangsa, kira-kira \$1,020 juta akan dilaburkan bagi penyediaan sistem penyuisan dan pembinaan beberapa ibu sawat baru, disamping peningkatan ibu sawat daripada analog kepada digital. Penghantaran gelombang mikro digital akan terus diperluaskan dan sistem fiber optik akan dilaksanakan bagi membolehkan penghantaran digital dengan lebih cepat di antara ibu sawat-ibu sawat dan pusat-pusat telekomunikasi di seluruh negara. Bagi rangkaian antarabangsa pula, sejumlah \$475 juta akan dibelanjakan untuk penyuisan digital dan penggunaan kemudahan-kemudahan kabel dan satelit bagi membantu pertumbuhan pesat bagi panggilan antarabangsa. Selain daripada itu, sistem baru ibu sawat telefon antarabangsa yang menggunakan digital sepenuhnya akan juga dilaksanakan.

10.68 Perluasan perkhidmatan telekomunikasi ke kawasan-kawasan luar bandar akan diteruskan dengan pelaburan sebanyak \$1,390 juta. Telefon di luar bandar dijangka bertambah sebanyak 12 peratus manakala telefon awam pula pada kadar 20 peratus. Di mana penyediaan perkhidmatan telefon secara biasa tidak ekonomik atau praktikal, sistem radio pelbagaiguna, radio saluran tunggal dan perkhidmatan panggilan radio atau ATUR akan digunakan. Telefon awam menggunakan tenaga suria akan juga dipasang di kawasan-kawasan di mana tiada bekalan kuasa melalui kabel. Kadar sewaan telefon di kawasan-kawasan luar bandar akan dikurangkan tanpa mengira jaraknya daripada stesen ibu sawat. Nisbah telefon penduduk bagi setiap seratus penduduk luar bandar akan meningkat daripada kadar semasa sebanyak 1.8 kepada 3.1 pada tahun 1995.

10.69 Kerajaan akan mengkaji semula struktur tarif bagi semua perkhidmatan telekomunikasi yang telah berkuatkuasa sejak tahun 1985 supaya tarif dan bayaran sewa akan lebih mencerminkan kos dan untuk menarik pelabur-pelabur tempatan dan luar negeri. Di samping itu, sistem baru bagi menguruskan spektrum radio akan juga diperkenalkan untuk memenuhi permintaan perkhidmatan perhubungan radio di negara ini.

Perkhidmatan Pos

10.70 Perkhidmatan pos akan terus diperluas dan dipermodenkan bagi memperbaiki mutu dan liputannya. Sejalan dengan perubahan keadaan sosio-ekonomi dan teknologi, langkah-langkah akan terus diambil bagi menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan baru dan inovatif. Program pengkomputeran akan diperluaskan ke

pejabat-pejabat pos yang lebih kecil bagi menyediakan perkhidmatan kaunter yang lebih cekap. Perkhidmatan ini akan dilengkapkan dengan sistem mengesan dan menjejaki pergerakan barang yang dipos yang akan diperkenalkan dan memperbaiki perkhidmatan-perkhidmatan sokongan yang lain.

10.71 Perniagaan tempahan melalui mel akan digalakkan lagi bagi mewujudkan satu cara membeli-belah yang baru di mana perniagaan akan beroperasi dari satu tempat untuk menembusi keseluruhan pasaran pengguna. Selain dari itu, perkhidmatannya sebagai pusat bayaran setempat akan diperluaskan ke bandar-bandar kecil dan pejabat-pejabat pos akan dijadikan pusat kemudahan berorientasi perkhidmatan yang menyediakan kemudahan-kemudahan seperti bungkusan, jualan alat-alat tulis dan cenderamata. Mekanisasi perkhidmatan pos akan diteruskan untuk mempertingkatkan lagi kecekapannya.

10.72 Seajar dengan objektif sosio-ekonomi, pejabat-pejabat pos akan terus memperluaskan kemudahan perhubungan, urusan pindah tunai dan khidmat penghantaran ke kawasan pedalaman di mana perkhidmatan-perkhidmatan tersebut tidak disediakan oleh lain-lain organisasi bagi membolehkan penduduk-penduduk luar bandar menikmati faedah dari kemudahan dan perkhidmatan tersebut. Dengan memperbadankan Jabatan Pos, perbadanan tersebut boleh mempelbagaikan aktivitinya ke -dalam pasaran pengguna dan turut serta dalam perkhidmatan kewangan.

Perkhidmatan Kajicuaca

10.73 Dalam tempoh RM6, aktiviti-aktiviti semasa Jabatan Kajicuaca akan terus dipermoden dan diperluaskan bagi memastikan pungutan yang lebih cekap dan penyebaran yang lebih cepat data-data yang diperlukan bagi ramalan kajicuaca. Di samping penggantian radar amaran ribut di Kota Bahru dan Kuantan, sebuah radar baru akan dipasang di Sibul. Semua radar-radar amaran ribut akan digabungkan di bawah satu sistem bagi mendapatkan gambaran menyeluruh keadaan ribut di negara ini. Sistem pengesanan gempa bumi yang sedia ada akan diganti dengan sistem telemetri bagi meningkatkan kecekapannya. Sebagai sebahagian daripada usaha-usaha Kerajaan untuk mengurangkan masalah alam sekitar berhubung dengan pencemaran udara dan banjir kilat di kawasan-kawasan bandar, Sistem Pengawasan Kajicuaca Gunaan Automatik akan dilaksanakan sebagai projek perintis di Lembah Klang.

Kemudahan-Kemudahan Dan Pelaburan Swasta

10.74 Program-program dalam sektor ini akan terus meningkatkan nama baik negara ini sebagai negara yang mempunyai sistem pengangkutan dan perhubungan yang maju dan cekap. Dengan program-program di bawah RM6 termasuk pembinaan beberapa lebuh raya utama dan pengenalan sistem transit bandar, permodenan

sistem keretapi, peningkatan keupayaan pelabuhan dan lapangan terbang serta perluasan perkhidmatan telekomunikasi, sektor ini akan dapat memenuhi permintaan berikutan pertumbuhan yang pesat dalam sektor perdagangan dan perindustrian. Kemudahan-kemudahan sektor ini adalah mencukupi untuk menarik minat pelaburan sektor swasta dan mengurangkan sekatan-sekatan dalam sektor berkenaan. Kerajaan juga bertanggungjawab untuk menyediakan insentif dan peluang-peluang bagi sektor swasta mengambil bahagian dalam pembangunan sektor pengangkutan dan perhubungan khususnya dalam aktiviti pembinaan dan pengendalian kemudahan-kemudahan pengangkutan dan telekomunikasi.

IV. PERUNTUKAN

10.75 Menyedari bahawa kecekapan kemudahan-kemudahan pengangkutan dan perhubungan adalah penting kepada pertumbuhan ekonomi dan kekuatan daya saing, pelaburan yang besar amat diperlukan bagi membiayai pembangunannya. Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 10-6, peruntukan berjumlah \$25,190 juta dijangka dilaburkan dalam sektor ini di bawah RM6. Daripada jumlah tersebut sebanyak \$10,792 juta adalah merupakan komponen Persekutuan manakala selebihnya daripada Perusahaan Awam Bukan Kewangan seperti MAS, MISC, PNSL, Telekom Malaysia Berhad dan Lembaga-lembaga Pelabuhan. Sementara itu sebanyak \$7,585 juta atau 70 peratus daripada peruntukan Persekutuan adalah untuk pembangunan jalan raya. Peruntukan untuk sektor kecil perhubungan pula adalah sebanyak \$73 juta dan ini akan ditambah dengan pelaburan besar sebanyak \$5,350 juta oleh Telekom Malaysia Berhad. Pelaburan sektor awam yang besar ini akan memberi peluang yang lebih kepada penyertaan sektor swasta dalam pembinaan, penyelenggaraan dan pengurusan kemudahan-kemudahan pengangkutan dan perhubungan.

V. PENUTUP

10.76 Berikutan dari pertumbuhan ekonomi yang pesat yang diramalkan dalam tempoh RM6, pelaburan akan terus dipertingkatkan bagi menambah keupayaan dan memperbaiki kualiti perkhidmatan dalam sektor pengangkutan dan perhubungan. Dalam hubungan ini, Kerajaan akan terus memberi perhatian kepada pembangunan sektor berkenaan bagi memastikan kemudahan-kemudahan disediakan lebih awal dari permintaan dan berkualiti tinggi. Tumpuan strategik bagi program ini adalah untuk membantu pertumbuhan ekonomi negara melalui pelaburan sektor swasta yang lebih pesat dalam aktiviti-aktiviti perindustrian dan perdagangan. Sektor swasta dijangka akan mengambil bahagian yang lebih aktif serta mendapat faedah daripada peluang-peluang yang diwujudkan berikutan daripada pembangunan sektor ini.

BAB 11 : TENAGA

I. PENDAHULUAN

11.01 Pembangunan sumber-sumber tenaga telah banyak memberi sumbangan kepada perkembangan ekonomi Malaysia. Di samping menjadi punca tenaga, pengeluaran sumber-sumber tenaga telah banyak menyumbang kepada peningkatan pendapatan eksport dan hasil sektor awam serta meluaskan lagi asas perindustrian dalam ekonomi. Satu kemajuan utama sektor ini dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima (RM5) ialah pencapaian pesat dalam kepelbagaian bekalan dan permintaan sumber-sumber tenaga negara.

11.02 Dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam (RM6), memandangkan ekonomi Malaysia dijangka mengekalkan pertumbuhan yang pesat, sektor tenaga akan terus memberi sumbangan yang lebih besar. Di samping peranan tradisinya membekalkan sumber tenaga yang mencukupi kepada sektor-sektor lain dalam ekonomi, sektor ini akan membekalkan input bahan mentah yang banyak kepada sektor perindustrian yang sedang mengalami perkembangan pesat.

II. KEMAJUAN, 1986-90

11.03 Teras-teras pembangunan sektor ini dalam tempoh RM5 menumpukan kepada usaha mempelbagaikan campuran sumber tenaga bagi memastikan bekalan tenaga tempatan mencukupi untuk kegunaan negara, mengurangkan pergantungan kepada minyak serta mengoptimumkan penggunaan sumber-sumber semulajadi negara seperti gas dan kuasa hidro. Selain daripada ini, usaha-usaha telah dibuat untuk meningkatkan kecekapan penggunaan tenaga melalui langkah-langkah penggantian bahan-bakar dan penjimatan.

Bekalan Tenaga

11.04 Kemajuan pesat telah dicapai sepanjang tempoh 1986-90 dalam membekalkan input tenaga untuk menyokong pembangunan ekonomi negara. Bekalan sumber tenaga perdagangan utama telah berkembang dengan kadar 7.3 peratus setahun, seperti ditunjukkan dalam Jadual 11-1. Dalam usaha mempelbagaikan sumber tenaga, ciri yang paling ketara ialah pengurangan yang besar bahagian minyak dalam jumlah bekalan tenaga utama. Penggunaan minyak sebagai punca tenaga telah digantikan dengan gas dan arang batu secara meluas. Bahagian gas telah meningkat daripada 19.0 peratus dalam tahun 1985 kepada 27.2 peratus dalam tahun 1990 manakala bahagian minyak telah menurun daripada 70.9 peratus kepada 7.8 peratus,

sebahagian besarnya disebabkan oleh penggunaan yang bertambah dalam perjalanan elektrik. Pengurangan pergantungan kepada minyak bagi keperluan tenaga dalam negeri bukan sahaja telah meningkatkan pencapaian matlamat mempelbagaikan sumber tenaga tetapi juga telah membolehkan negara tambahan serta mengurangkan jumlah minyak yang diimport. Perkembangan-perkembangan ini telah dapat memperbaiki kedudukan negara dalam perdagangan luar negeri.

Minyak dan Gas

11.05 Dalam tempoh RM5, sebanyak 25 Perjanjian Perkongsian Pengeluaran (PSC) telah dimeterai di antara Petroleum Nasional Berhad (PETRONAS) dan syarikat-syarikat minyak asing. Peningkatan ketara dalam jumlah perjanjian tersebut adalah hasil daripada perlonggaran syarat-syarat PSC untuk menggalakkan aktiviti-aktiviti carigali dan pembangunan dalam sektor hulu. Perlonggaran ini adalah bersabit dengan peraturan-peraturan untuk membolehkan pulangan kos dengan lebih cepat, penghapusan bonus yang dibayar kepada PETRONAS dan penganan syarat perkongsian keuntungan daripada hasil minyak didasarkan pada kadar yang menurun. Perlonggaran ini juga telah menggalakkan pengeluaran dari lapangan-lapangan minyak yang dahulunya kurang menguntungkan.

11.06 Dalam sektor hulu, pengeluaran minyak mentah telah meningkat daripada keluaran purata sebanyak 446,400 tong sehari dalam tahun 1985 kepada 622,470 tong sehari dalam tahun 1990. Tahap pengeluaran dalam tahun 1990 adalah lebih tinggi berikutan bertambahnya permintaan daripada beberapa rakan perniagaan negara, akibat daripada krisis Teluk. Pertambahan terhadap pengeluaran minyak mentah tersebut telah dihasilkan dari telaga-telaga minyak yang sedia ada seperti Seligi, Guntong, St. Joseph dan Bokor. Pengeluaran bersih gas asli juga bertambah daripada kadar purata sebanyak 946 juta kaki padu sehari dalam tahun 1985 kepada 1,377 juta kaki padu sehari dalam tahun 1990, disebabkan oleh permintaan yang bertambah terutamanya daripada loji gas asli cecair (LNG) di Bintulu.

11.07 Dalam sektor hiliran, satu projek utama yang dilaksanakan dalam tempoh RM5 ialah pembinaan catalytic reformer di loji penapisan Kerteh. Reformer ini yang mempunyai keupayaan pengeluaran sebanyak 6,500 tong sehari mengeluarkan reformate yang digunakan sebagai campuran dalam gasolin. Dengan siapnya projek ini pada awal tahun 1990, PETRONAS telah dapat mengatasi masalah kekurangan bekalan reformate yang diimport dan masalah kenaikan kos.

Arang Batu

11.08 Dalam tempoh RM5, dua buah syarikat perlombongan arang batu telah beroperasi di Silantek dan Merit-Pila di Sarawak. Keupayaan pengeluaran daripada kedua-dua lombong ini berjumlah lebih kurang 410,000 tan setahun. Walau

bagaimanapun, pengeluaran awal lombong-lombong ini hanya sebanyak 120,000 tan setahun, dan semuanya dieksport.

Kuasa Elektrik

11.09 Penjanaan elektrik telah meningkat pada kadar 12.7 peratus setahun daripada 14,000 juta kilowatt sejam (kWh) dalam tahun 1985 kepada 25,500 juta kWh dalam tahun 1990. Di Semenanjung Malaysia, sebahagian besar daripada pertambahan ini dihasilkan oleh loji-loji penjanaan berasaskan gas dengan siapnya stesen janaelektrik kitar padu berkeupayaan 900 megawatt (MW) di Paka, Terengganu dan stesen janaelektrik berkeupayaan 1,200 MW di Kapar, Selangor. Stesen janaelektrik di Kapar tersebut mengandungi loji yang menggunakan dua bahan bakar berkeupayaan 600 MW yang menggunakan gas yang akan diperolehi pada tahun 1991 dan loji yang menggunakan tiga bahan bakar yang juga berkeupayaan 600 MW yang menggunakan arang batu sebagai bahan bakar utama. Di samping itu, loji stesen hidro elektrik di Kenyir, Terengganu yang berkeupayaan terpasang 400 MW, telah mula beroperasi dengan sepenuhnya dalam tahun 1986.

11.10 Kejayaan yang telah dicapai dalam usaha menukar bahan bakar dalam penjanaan elektrik hasil daripada rancangan mempelbagaikan sumber tenaga adalah amat menggalakkan. Pergantungan yang berlebihan kepada minyak telah dikurangkan dengan banyak daripada 67 peratus dalam tahun 1985 kepada 42 peratus dalam tahun 1990, seperti ditunjukkan dalam Carta 11-1. Sebaliknya, sumbangan gas telah meningkat dengan banyak daripada 9 peratus kepada 24 peratus. Arang bat-u yang menjadi sumber penjanaan elektrik sejak tahun 1988 telah menyumbang 16 peratus daripada campuran penjanaan dalam tahun 1990.

11.11 Dalam tempoh RM5, rangkaian penghantaran dan pembahagian telah diperluaskan lagi. Perluasan ini telah memperkukuhkan lagi sistem bekalan yang stabil dan terjamin, seterusnya meningkatkan lagi kualiti bekalan elektrik kepada pengguna-pengguna. Di Semenanjung Malaysia, talian penghantaran 275 kilovolt (kV) sepanjang 154 kilometer (km) dari stesen hidro elektrik Kenyir ke Tanah Merah telah disiapkan dan ini telah mewujudkan satu rangkaian talian 275 kV menghubungkan stesen-stesen janaelektrik yang utama di Pantai Barat dengan Pantai Timur. Di Sarawak, grid yang menyambungkan stesen hidro elektrik Batang Ai dengan pusat-pusat permintaan telah dilaksanakan secara berperingkat-peringkat. Peringkat pertama yang menyambungkan Batang Ai dan Kuching telah disiapkan dalam tahun 1985. Ini telah diikuti dengan penyambungan ke Sibu, Sri Aman dan Sarikei. Di Sabah, satu talian penghantaran 132 kV ke Keningau dan satu talian yang menghubungkan Pulau Labuan dengan Beaufort di Sabah telah beroperasi dalam tahun 1990. Talian penghantaran Labuan-Beaufort ini membolehkan kuasa elektrik yang berlebihan yang dijanakan oleh loji-loji kitar padu kepunyaan Sabah Gas Industries (SGI) di Labuan dihantar untuk memenuhi permintaan di Sabah. Sebaliknya, penghantaran elektrik dari Sabah ke Labuan boleh juga dilakukan.

Permintaan Tenaga

11.12 Permintaan tenaga telah meningkat dengan kadar 7.7 peratus setahun dalam tempoh RM5, seperti ditunjukkan dalam Jadual 11-2. Dari segi campuran tenaga, sumbangan keluaran-keluaran petroleum telah menurun daripada lebih kurang 77 peratus kepada 71 peratus, manakala sumbangan gas telah bertambah daripada 7 peratus kepada 10 peratus. Permintaan gas dalam tempoh ini telah meningkat dengan banyak pada kadar 15.4 peratus setahun, berikutan daripada kadar penggunaan gas yang lebih tinggi oleh SGI dan Loji Baja ASEAN di Bintulu (ABF). Permintaan elektrik juga telah meningkat dengan banyak pada kadar 11.8 peratus setahun, terutamanya disebabkan oleh pertambahan permintaan daripada sektor perindustrian dan perdagangan. Permintaan arang batu oleh pengguna-pengguna dalam sektor perindustrian telah meningkat dengan kadar 12.0 peratus setahun. Jumlah penggunaan arang batu dalam tahun 1990 ialah kira-kira dua juta tan, di mana 60 peratus daripada jumlah ini adalah untuk penjanaan elektrik. Pengguna arang batu terbesar yang lain ialah industri simen. Hampir semua arang batu yang digunakan adalah diimport.

11.13 Memandangkan kepada perkembangan perindustrian dan perbandaran yang pesat, sektor pembuatan dan pengangkutan adalah merupakan pengguna tenaga yang utama. Kedua-dua sektor ini menggunakan kira-kira 70 peratus daripada jumlah tenaga akhir. Sektor pengangkutan merupakan pengguna tenaga akhir yang terbesar iaitu kira-kira 43 peratus daripada jumlah tenaga yang digunakan dalam tahun 1990 seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 11-3. Permintaan terhadap tenaga dalam sektor pengangkutan telah bertambah sebanyak 7.6 peratus setahun dalam tempoh RM5. Dari segi kadar pertumbuhan, sektor pembuatan mencatatkan kadar pertumbuhan permintaan tertinggi, iaitu sebanyak 13.2 peratus setahun. Pertumbuhan yang ketara ini disebabkan oleh peningkatan aktiviti-aktiviti sektor pembuatan, terutamanya di akhir tempoh RM5.

III. PROSPEK, 1991-95

11.14 Usaha-usaha yang bersepadu akan diambil untuk memastikan pembangunan sumber-sumber tenaga akan terus memberi sumbangan kepada perkembangan ekonomi negara. Bagi mencapai tujuan ini, tumpuan dasar akan diberi kepada tugas utama untuk membekalkan tenaga dengan cekap dan berasaskan kos terendah kepada semua pengguna. Di samping itu, selaras dengan dasar mempelbagaikan sumber tenaga yang akan diteruskan, negara akan memasuki era penggunaan gas secara besar-besaran dalam tahun 1990an. Berikutan dengan ini, penggunaan gas sebagai sumber bekalan tenaga, terutamanya untuk penjanaan elektrik, akan ditingkatkan. Selain daripada itu, sepanjang tempoh RM6 gas juga akan menjadi bahan mentah yang semakin penting dalam sektor perindustrian.

Bekalan Tenaga

11.15 Walaupun negara telah mencapai kejayaan besar dalam mempelbagaikan sumber tenaga, minyak masih lagi menjadi sumber tenaga yang penting, menyumbangkan kira-kira 60 peratus daripada jumlah bekalan tenaga utama. Sekiranya penggunaan keluaran-keluaran petroleum berkembang dengan kadar yang tinggi, kedudukan Malaysia sebagai negara pengeksport minyak akan terjejas di masa hadapan. Oleh yang demikian, langkah-langkah dasar akan diambil untuk memastikan satu jangka masa yang sesuai bagi peralihan daripada pergantungan kepada minyak dan membuat persediaan untuk membolehkan ekonomi menghadapi masa kehabisan sumber minyak dalam jangka masa panjang. Usaha-usaha menggantikan minyak dan mempelbagaikan sumber bekalan tenaga berasaskan kepada sumber-sumber tempatan yang ada akan menjadi objektif utama dasar dan strategi bekalan tenaga. Usaha penyelidikan dan pembangunan dalam bidang tenaga bukan lazim akan juga digalakkan.

11.16 Dalam melaksanakan strategi-strategi mempelbagaikan sumber tenaga, penekanan akan diberi kepada penggunaan sumber-sumber tempatan. Dalam hubungan ini, kedudukan negara adalah baik kerana terus mempunyai berbagai pilihan sumber tenaga yang banyak. Sumber-sumber ini termasuk gas, kuasa hidro, arang batu dan juga sumber tenaga yang boleh diperbaharui, seperti suria dan biomassa. Di antara sumber-sumber ini, gas asli adalah paling sesuai untuk menggantikan minyak kerana saiz simpanan terbukti yang besar dan faedah-faedahnya dari segi pemeliharaan alam sekitar yang bersih, kecekapan yang lebih tinggi dan mempunyai kos ekonomi yang rendah secara perbandingan. Sebagai bahan bakar yang lebih bersih, gas tidak mengandungi belerang dan kandungan karbonnya adalah lebih rendah berbanding dengan minyak bahan bakar dan arang batu. Dari segi kos dan kecekapan penggunaan bahan bakar, loji-loji gas kitar padu mempunyai beberapa kelebihan berbanding dengan loji penjanaan yang berasaskan minyak bahan bakar dan arang batu. Oleh yang demikian, gas asli dan keluaran-

keluaran gas dijangka menggantikan keluaran-keluarannya petroleum dengan meluas dalam sektor kuasa elektrik, perdagangan, perindustrian dan pengangkutan. Menjelang tahun 1995, gas dijangka menyumbangkan lebih kurang 39 peratus daripada bekalan tenaga perdagangan utama berbanding dengan 27 peratus dalam tahun 1990, manakala bahagian minyak akan terus berkurangan daripada 59 peratus kepada 52 peratus.

Kuasa Hidro

11.17 Malaysia mempunyai sumber kuasa hidro yang banyak, dianggarkan 29,000 MW dengan potensi tenaga sebanyak 123,000 juta kWh setahun. Walau bagaimanapun, 70 peratus daripada sumber-sumber ini terdapat di Sarawak. Sumber tenaga yang banyak ini bukan sahaja menyediakan pilihan pembangunan jangka panjang bagi penjanaan elektrik dan membuka peluang yang lebih luas untuk mempelbagaikan sumber tenaga tetapi yang lebih penting lagi, ianya merupakan satu sumber tenaga yang lebih murah. Dalam jangka masa panjang, potensi kuasa hidro yang boleh diperbaharui ini akan diperlukan untuk memenuhi permintaan tenaga negara yang semakin meningkat bagi menampung keperluan penjanaan haba.

11.18 Taburan potensi bekalan kuasa hidro yang tidak seimbang di mana kebanyakannya terdapat jauh dari pusat-pusat permintaan utama akan memerlukan kemudahan penghantaran antara wilayah. Walaupun pembangunan kuasa hidro secara besar-besaran akan mendapat faedah ekonomi bidangnya, pembangunannya yang memakan masa panjang akan menghadapi isu-isu kritikal seperti penentuan masa pembangunan yang sesuai, masalah kewangan dan kesan-kesan terhadap alam sekitar. Oleh kerana pembangunan sumber ini memerlukan modal yang besar, pembangunannya hanya berfaedah jika terdapat permintaan elektrik yang tinggi yang pada masa ini hanya wujud di Semenanjung Malaysia. Oleh yang demikian, sebagai pilihan jangka masa pertengahan, pembangunan sumber hidro yang bersaiz sederhana di Sarawak akan dipertimbangkan sebagai sumber bekalan tenaga untuk memenuhi keperluan elektrik di Sabah dan Sarawak. Bagi mencapai tujuan ini, kemungkinan untuk menyambung grid di antara kedua-dua negeri tersebut akan dikaji.

Arang Batu

11.19 Malaysia mempunyai sumber-sumber arang batu yang banyak, terutamanya di Sarawak, yang boleh dilombong dengan kos yang setanding. Kemasukan arang batu dalam pasaran tenaga bukan sahaja akan memenuhi sebahagian daripada keperluan bekalan arang batu negara tetapi juga memberi faedah-faedah sampingan ke atas aktiviti-aktiviti hiliran. Bagi sektor kuasa elektrik, bahagian arang batu dalam campuran penjanaan dijangka berkurangan. Namun demikian, usaha-usaha akan dibuat untuk menguji kesesuaian teknikal bagi mencampurkan arang batu dari Sarawak dengan arang batu yang diimport untuk kegunaan loji janaelektrik yang

sedia ada. Selain daripada itu, kemungkinan untuk membangunkan stesen janaelektrik yang berdekatan dengan lombong arang batu akan dikaji di Sarawak untuk memenuhi permintaan tempatan pada peringkat permulaan.

11.20 Oleh kerana arang batu adalah sesuai sebagai bahan bakar untuk relau-relau yang besar dalam industri simen dan batu bata serta dandang-dandang industri, prospek bagi menggunakannya dengan lebih meluas dalam sektor ini akan dikaji. Selain daripada harganya yang setanding dengan minyak bahan bakar, mutu dan kesesuaian arang batu tempatan telah terbukti untuk kegunaan industri dan pengewapan. Bagi menggalakkan eksploitasi dan penggunaan arang batu tempatan yang lebih meluas, berbagai skim insentif termasuk penyediaan infrastruktur serta langkah-langkah fiskal sedang dipertimbangkan. Usaha-usaha akan diambil untuk merangka piawaian keselamatan dan peraturan-peraturan operasi perlombongan serta langkah-langkah untuk mengurangkan pencemaran alam sekitar.

Minyak

11.21 Tumpuan sektor huluan dalam tempoh RM6 ialah terhadap aktiviti-aktiviti carigali dan pembangunan, terutamanya di kawasan-kawasan PSC yang baru. Walau bagaimanapun, memandangkan pelaksanaan aktiviti-aktiviti ini memerlukan masa yang panjang, pengeluaran minyak mentah dijangka meningkat sedikit sahaja dalam tempoh ini. Namun demikian, terdapat lapangan-lapangan minyak baru yang akan memulakan pengeluaran dalam tempoh ini. Lapangan-lapangan minyak ini termasuk Dulang dan D35, yang masing-masing terletak di luar pantai Terengganu dan Sarawak. PETRONAS akan menawarkan blok-blok di luar pantai Sabah dan Sarawak untuk menggalakkan usaha mencarigali minyak di kawasan laut dalam. Di samping itu, banyak lagi projek-projek pembangunan minyak seperti pembinaan pelantar, penggerudian dan pemasangan rangkaian paip di dasar laut dijangka dilaksanakan di lapangan-lapangan minyak yang sedia ada. Pembangunan-pembangunan ini akan membolehkan negara mengekalkan kadar pengeluaran minyak sebanyak 630,000 tong sehari dalam tempoh ini.

11.22 Teras utama sektor hiliran ialah untuk memastikan negara mempunyai bekalan keluaran-keluaran minyak yang mencukupi. Unit penapisan minyak jenis ringan di Melaka yang berkeupayaan 100,000 tong sehari dijangka mula beroperasi pada awal tahun 1994, manakala cadangan unit penapisan minyak jenis berat dijangka siap menjelang akhir tahun 1994. Unit penapisan minyak jenis ringan akan memproses minyak mentah tempatan untuk memenuhi permintaan keluaran-keluaran petroleum dalam negeri yang semakin bertambah, manakala unit penapisan minyak jenis berat akan memproses minyak mentah yang di import, terutamanya untuk pasaran eksport.

Tenaga Bukan Lazim

11.23 Walaupun panel-panel suria semakin banyak digunakan untuk pemanasan dalam rumah di kawasan-kawasan bandar, sumber-sumber tenaga bukan lazim pada hakikatnya masih belum digunakan dengan sepenuhnya di Malaysia. Terdapat potensi bagi tenaga suria, angin, ombak, biogas dan biomass untuk kegunaan sektor kediaman dan industri kecil, terutamanya di kawasan-kawasan terpencil. Oleh yang demikian, usaha-usaha penyelidikan dan pembangunan akan digalakkan untuk membangunkan potensi sumber-sumber ini.

Permintaan Tenaga

11.24 Memandangkan ekonomi negara dijangka mengekalkan kadar pertumbuhan yang pesat dalam tempoh RM6, permintaan tenaga dijangka kekal di paras yang agak tinggi, berkembang pada kadar 9.5 peratus setahun, seperti ditunjukkan dalam Jadual 11-2. Selaras dengan usaha-usaha untuk menggunakan gas asli dengan lebih meluas, permintaan gas dijangka bertambah dengan banyak untuk menggantikan sebahagian daripada keluaran-keluaran petroleum. Permintaan gas akan meningkat dengan lebih pesat, pada kadar 29 peratus setahun. Dengan peningkatan pesat ini, gas dianggar menyumbang lebih satu perlima daripada jumlah permintaan tenaga pada tahun 1995, berbanding dengan kurang daripada satu persepuluh pada tahun 1990. Di sebaliknya, sumbangan daripada keluaran-keluaran petroleum dijangka berkurangan daripada 71 peratus kepada 57 peratus bagi tempoh ini.

11.25 Sektor pengangkutan akan kekal sebagai pengguna tenaga terbesar. Selaras dengan pertumbuhan nilai ditambah sektor pembuatan, permintaan tenaga oleh sektor ini akan meningkat pada kadar 15.8 peratus setahun berbanding dengan 8.5 peratus setahun dalam sektor pengangkutan dan 8.6 peratus setahun dalam sektor perdagangan dan perkhidmatan. Lebih kurang 70 peratus daripada permintaan tenaga dalam sektor pembuatan adalah untuk gas, terutamanya sebagai bahan mentah untuk industri petrokimia.

Pembangunan Gas

11.26 Pengeluaran gas dijangka meningkat dengan banyak. Di penghujung abad ini, pengeluaran gas dijangka mencapai 3,755 juta kaki padu sehari, hampir tiga kali ganda berbanding dengan kadar pengeluaran semasa. Permintaan bagi gas adalah terutamanya untuk penjanaan elektrik dan sebahagian kecil untuk memenuhi keperluan bahan mentah dalam industri petrokimia. Di samping menggalakkan penggunaan gas secara langsung dalam sektor perindustrian, perdagangan dan kediaman, potensi gas untuk dieksport dengan lebih meluas juga akan diterokai.

Penyaluran Gas

11.27 Infrastruktur untuk penyaluran gas telah dibina. Projek Penggunaan Gas Semenanjung Fasa II (PGU II) yang siap dalam tahun 1991 akan membolehkan rangkaian penyaluran gas sampai kepada pusat-pusat pertumbuhan di kawasan barat dan selatan Semenanjung Malaysia. Projek PGU II mengandungi saluran paip gas asli sepanjang 730 km, dua loji tambahan untuk pemprosesan gas, satu terminal eksport yang ditingkatkan keupayaannya serta kemudahan-kemudahan lain yang berkaitan. Projek yang dijangka menelan belanja sebanyak \$2,400 juta ini akan mempunyai keupayaan permulaan untuk menyalurkan sebanyak 700 juta kaki padu gas sehari. Walau bagaimanapun, keupayaan penyaluran ini boleh ditingkatkan kepada 1,000 juta kaki padu sehari dengan tambahan kompresor gas. Dua loji pemprosesan gas tambahan tersebut yang dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan mengeluarkan ethana, serta keupayaan untuk mendapatkan semula propana dan butana akan mempunyai keupayaan sebanyak 500 juta kaki padu sehari. Pada peringkat awal, kebanyakan gas yang dibekalkan dari sistem penyaluran gas ini akan dapat memenuhi keperluan gas bagi loji-loji janaelektrik, seperti ditunjukkan dalam Carta 11-2. Dengan siapnya sistem penyaluran paip gas ini akan menandakan bermulanya eksport gas ke Singapura untuk memenuhi keperluan-keperluan penjanaan elektriknya.

Retikulasi Gas

11.28 Sejalan dengan pembangunan gas dalam sektor kuasa elektrik, satu rangkaian retikulasi gas untuk memberi perkhidmatan kepada sektor perindustrian, perdagangan dan kediaman akan dilaksanakan untuk memberi peluang kepada pengguna-pengguna memilih bahan tenaga yang lebih murah. Walaupun pembangunan infrastruktur pembahagian gas memerlukan modal pendahuluan yang besar, ianya adalah berdaya maju dari segi kewangan. Rangkaian yang akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat ini dijangka meliputi kawasan-kawasan di sepanjang laluan saluran paip projek PGU II. Apabila siap kelak, projek ini dijangka membekalkan gas lebih kurang 140 juta kaki padu sehari kepada sektor bukan kuasa elektrik. Daripada jumlah ini, lebih kurang 52 peratus akan menggantikan penggunaan minyak bahan bakar, 31 peratus gas petroleum cecair dan 17 peratus disel. Pembangunan rangkaian retikulasi gas ini akan menghasilkan banyak faedah sampingan kepada industri sokongan yang terlibat dalam pembuatan paip plastik, meter gas dan peralatan mengawal yang seterusnya akan menyumbangkan kepada pembangunan ekonomi. Selaras dengan dasar penswastaan Kerajaan, rangkaian ini akan diswastakan. Satu badan kawalselia akan dibentuk untuk memastikan penetapan harga yang setanding serta penguatkuasaan piawaian keselamatan dan spesifikasi teknikal.

Gas Asli Mampat

11.29 Penggunaan gas asli mampat (CNG) sebagai sumber bahan bakar kenderaan akan digalakkan sebagai gantian kepada disel dan gasolin. Memandangkan sektor pengangkutan menggunakan lebih 40 peratus daripada jumlah tenaga akhir, sektor

ini mempunyai peluang yang luas bagi penggunaan CNG. Untuk mencapai tujuan ini, Kerajaan telah menyediakan beberapa insentif bagi menggalakkan pengguna-pengguna kenderaan bermotor, terutamanya kenderaan perdagangan untuk menukar kepada CNG. Insentif-insentif ini termasuk penetapan harga serta pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas alat-alat ubahsuai. Kemudahan rangkaian infrastruktur yang perlu bagi menggalakkan penggunaan CNG, seperti kemudahan penukaran serta bengkel-bengkel perkhidmatan dan penyelenggaraan, akan dibangunkan selaras dengan siapnya projek PGU II. Langkah-langkah ini berserta dengan ciri-ciri semulajadi CNG, seperti kos penyelenggaraan yang rendah, kecekapan yang lebih dan sumbangan terhadap alam sekitar yang lebih bersih, akan memberi sokongan ke arah penggunaannya yang lebih meluas.

Industri-Industri Petrokimia dan Berasaskan Gas

11.30 Satu perkembangan penting dalam tempoh RM6 ialah pengeluaran dari industri petrokimia yang dijangka memainkan peranan penting dalam usaha memajukan perindustrian negara. Selain daripada meningkatkan nilai ditambah gas asli, pembangunannya akan memberi sumbangan yang besar ke arah memperluaskan asas perindustrian. Tambahan pula, oleh kerana sebahagian daripada keluaran-keluaran ini adalah untuk pasaran eksport, industri ini akan memberi peluang perdagangan yang lebih luas untuk menembusi dan mempelbagaikan pasaran-pasaran antarabangsa yang baru.

11.31 Beberapa projek petrokimia yang besar sedang dalam berbagai peringkat pelaksanaan. Pelaksanaan projek-projek tersebut sebahagian besarnya diterajui oleh sektor swasta dengan PETRONAS memegang ekuiti dalam syarikat-syarikat usahasama tersebut. Projek-projek ini termasuk propilena, methyl tertiary butyl ether (MTBE), polipropilena dan ethilena/poliethilena dijangka memulakan pengeluaran dalam tempoh RM6. Di Semenanjung Malaysia, projek propilena/MTBE dijangka mengeluarkan 300,000 tan metrik MTBE dan 80,000 tan metrik propilena setahun. Loji polipropilena dirangka untuk mengeluarkan 80,000 tan metrik setahun. Komplek ethilena/poliethilena akan mempunyai keupayaan mengeluarkan 200,000 tan metrik poliethilena dalam berbagai kepadatan. Untuk memenuhi keperluan tahunan bahan mentah bagi projek petrokimia ini, adalah dijangka sebanyak 100,000 tan metrik propana, 240,000 tan metrik butana dan 375,000 tan metrik ethana akan dibekalkan.

11.32 Di Sarawak, dua projek utama berasaskan gas iaitu sintesis sulingan pertengahan (MDS) dan pembesaran loji LNG akan dilaksanakan di Bintulu. Projek MDS yang mempunyai keupayaan pengeluaran tahunan sebanyak 470,000 tan metrik dan menggunakan gas sebanyak 100 juta kaki padu sehari akan menghasilkan keluaran-keluaran petroleum seperti minyak tanah, nafta, disel serta lilin. Loji LNG akan diperbesarkan dari tiga tren yang sedia ada kepada enam tren. Rancangan pembesaran loji ini dijangka siap pada akhir tahun 1996. Dalam tempoh RM6, hasil daripada rancangan pembesaran ini, lima tren akan beroperasi dan pengambilan gas

oleh loji LNG akan bertambah daripada 980 juta kaki padu sehari dalam tahun 1990 kepada 1,394 juta kaki padu sehari dalam tahun 1995 dan keupayaan pengeluaran akan meningkat daripada 7.5 juta tan kepada 12.5 juta tan.

11.33 Selaras dengan strategi untuk meningkatkan nilai ditambah sumber-sumber gas di Sabah dan Sarawak, Kerajaan akan meneruskan usaha-usaha untuk mengenalpasti industri yang berasaskan tenaga dan banyak menggunakan tenaga yang berdaya maju di kedua-dua negeri tersebut. Beberapa projek yang berpotensi telah dikenalpasti termasuk methanol/acetic acid, MTBE, polipropilena dan formaldehyde.

Kuasa Elektrik

11.34 Dalam tempoh RM6, untuk memenuhi pertambahan permintaan elektrik yang mencukupi, penjana tambahan akan dipasang untuk meningkatkan keupayaan, manakala rangkaian talian penghantaran dan pembahagian akan diperkuatkan lagi bagi memastikan sistem yang lebih terjamin dan cekap. Usaha-usaha akan dipergiatkan untuk membina loji-loji penjana baru yang berasaskan gas dan menukar loji-loji sedia ada yang menggunakan bahan bakar minyak kepada gas. Di Semenanjung Malaysia, Tenaga Nasional Berhad (TNB) dijangka menambahkan keupayaan penjana yang baru sebanyak 3,500 MW yang kebanyakannya berasaskan gas dan merupakan sebanyak 70 peratus daripada keupayaan terpasang yang sedia ada sebanyak 5,100 MW. Di samping itu, penukaran loji haba yang sedia ada kepada penjana berasaskan gas akan juga dilaksanakan. Perbadanan Pembekalan Elektrik Sarawak (SESCO) akan memulakan operasi tarbin gas sejumlah 240 MW iaitu 180 MW di Bintulu dan 60 MW di Kuching. Kemungkinan untuk menambah penjana elektrik berasaskan gas di Sarawak sebagai satu pilihan untuk memenuhi keperluan di Sabah akan dikaji. Menjelang akhir tempoh RM6, dari segi campuran penjana adalah dijangka bahagian penjana elektrik berasaskan gas akan mencapai 75 peratus.

11.35 Berhubung dengan pembangunan hidro, satu projek hidro elektrik utama akan dilaksanakan di Sungai Pergau, Kelantan. Projek tersebut yang berkeupayaan terpasang sebanyak 600 MW dirangka untuk menjana lebih kurang 520 juta kWh setahun bagi memenuhi keperluan puncak di Semenanjung Malaysia. Projek ini dijangka mula beroperasi pada akhir tempoh RM6. Di Sabah, Lembaga Elektrik Sabah (LLS) akan melaksanakan projek hidro elektrik Liwagu yang berkeupayaan 165 M-W untuk memenuhi keperluan jangka masa pertengahan. Di samping itu, tujuh projek mini hidro di Sabah dan empat di Sarawak akan dilaksanakan.

11.36 Keupayaan rangkaian talian penghantaran dan pembahagian akan diperbesar dan diperkukuhkan lagi bukan sahaja untuk meluaskan liputan grid tetapi juga untuk mengurangkan kehilangan kuasa elektrik dan memperbaiki kecekapan. Di Semenanjung Malaysia, talian penghantaran sepanjang 1,800 km akan dipasangkan. Projek-projek ini yang dijangka mula beroperasi secara berperingkat-peringkat dalam

tempoh RM6, akan memperkuat lagi sistem bekalan elektrik yang sedia ada supaya dapat memenuhi pertumbuhan permintaan yang dijangka meningkat. Talian penghantaran ini akan membekalkan elektrik daripada grid nasional kepada pengguna-pengguna di pusat-pusat pertumbuhan baru, bandar-bandar baru dan pengguna-pengguna utama. Di Sarawak, projek-projek talian penghantaran dan pembahagian yang bertujuan menghubungkan bandar-bandar, zon-zon perindustrian berasaskan kayu-kayuan dan estet-estet perindustrian akan dilaksanakan untuk mencapai ekonomi bidangan dalam penjanaan kuasa elektrik. Satu talian penghantaran 275 kV akan dipasang dari Sibu ke Bintulu. Dengan adanya talian-talian penghantaran ini, pusat-pusat permintaan utama di Sarawak akan dihubungkan. Di Sabah, grid elektrik negeri akan diperluaskan lagi dengan melaksanakan talian 132 kV yang menghubungi Kota Belud dengan Kudat.

Bekalan Elektrik Luar Bandar

11.37 Setakat ini, pelaksanaan program bekalan elektrik luar bandar telah memberi faedah kepada lebih kurang 1.6 juta isirumah atau lebih kurang 80 peratus daripada penduduk luar bandar. Liputan di Semenanjung Malaysia iaitu kira-kira 90 peratus adalah lebih tinggi daripada purata negara. Walau bagaimanapun, liputan di Sabah dan Sarawak adalah lebih rendah, masing-masing pada kadar 48 peratus dan 52 peratus. Faktor-faktor geografi yang menyukarkan kemasukan ke kawasan pelaksanaan projek dan taburan penduduk yang berselerak telah mengakibatkan kos pembangunan yang lebih tinggi dan melambatkan perluasan program ini di Sabah dan Sarawak.

11.38 Dalam tempoh RM6, pelaksanaan program ini bertujuan untuk mencapai liputan sepenuhnya bagi Semenanjung Malaysia dan liputan yang lebih luas bagi Sabah dan Sarawak. Menjelang akhir tempoh ini, liputan bagi seluruh negara dijangka mencapai 90 peratus, dengan Semenanjung Malaysia hampir mencapai 100 peratus, 73 peratus bagi Sabah dan 77 peratus bagi Sarawak. Memandangkan penggunaan teknologi yang sesuai adalah kritikal bagi kejayaan program ini, terutama-nya di kawasan-kawasan pedalaman, pilihan teknologi yang lain seperti photovoltaics (suria), loji mikro hidro dan sistem hybrid akan dipertimbangkan untuk pelaksanaan di samping teknologi yang telah terbukti seperti sambungan grid, stesen mini hidro dan enjin disel. Di Semenanjung Malaysia, strategi pelaksanaan adalah untuk memperkuat lagi sistem tersebut, terutamanya di pusat-pusat pertumbuhan desa yang telah dikenalpasti bagi mempercepatkan pembangunan perindustrian. Di Sabah dan Sarawak, pelaksanaan program akan dipertingkatkan lagi untuk meliputi kampung-kampung terpencil.

Penetapan Harga Tenaga

11.39 Dasar penetapan harga adalah bertujuan untuk memastikan harga bahan tenaga akan mencerminkan kos ekonomi atau kos sebenar bekalan, memperolehi

pendapatan yang mencukupi bagi pembangunan sektor tenaga serta mengekalkan daya bersaing untuk mendorong mempelbagaikan penggunaan sumber tenaga ke arah penggunaan sumber tempatan secara meluas, seperti gas. Dalam sektor elektrik, oleh kerana kos bahan bakar merupakan kos utama dalam pengendalian utiliti-utiliti kuasa elektrik dan dengan penekanan dasar mempelbagaikan campuran penjanaan kuasa elektrik supaya mengurangkan penggunaan minyak bahan bakar, satu kadar harga bekalan gas yang setanding akan ditetapkan. Dalam sektor perindustrian, perdagangan dan kediaman serta pengangkutan, harga gas akan ditentu berdasarkan harga bahan-bahan bakar lain yang setanding. Satu harga yang setanding bukan sahaja dapat memberi pengguna berbagai pilihan tetapi juga memudahkan penerapan penggunaan gas dalam sektor-sektor tersebut.

11.40 Berhubung dengan penetapan harga elektrik, bekalan elektrik yang mencukupi dan bermutu serta harga yang berpatutan adalah perlu bagi menggalakkan pembangunan industri. Untuk mencapai tujuan ini, usaha-usaha akan diteruskan untuk memastikan kestabilan tarif elektrik pada kadar yang boleh diterima dan setanding di peringkat antarabangsa. Pada masa yang sama, harga tersebut perlu juga mengambilkira kehendak utiliti-utiliti pembekal kuasa elektrik supaya dapat menghasilkan pulangan pendapatan yang mencukupi bagi membiayai rancangan pembangunan masa hadapan.

IV. PERUNTUKAN

11.41 Memandangkan sektor tenaga dijangka berkembang dengan pesat dalam tempoh RM6, pelaburan yang besar diperlukan untuk membiayai pembangunan sektor ini. Agensi-agensi sektor awam dijangka melabur lebih kurang \$26,264 juta, iaitu melebihi dua kali ganda pelaburan dalam tempoh rancangan yang lalu, seperti ditunjukkan dalam Jadual 11-4. Untuk memenuhi permintaan elektrik yang semakin meningkat, dijangkakan lebih separuh daripada pelaburan ini akan dilaburkan dalam sektor elektrik. Dalam sektor minyak dan gas, PETRONAS dijangka melabur lebih kurang \$10,815 juta dalam kedua-dua aktiviti hulu dan hiliran. Sebahagian besar daripada pelaburan ini adalah untuk pembangunan industri berasaskan gas serta aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan gas.

11.42 Keperluan pelaburan yang besar memberi peluang yang lebih baik kepada sektor swasta untuk mengambil inisiatif dan bergiat dalam membangunkan sumber-sumber tenaga negara. Memandangkan penyertaan sektor swasta dalam sektor tenaga masih lagi baru, pihak swasta perlu mengembang dan meluaskan skop pengendalian mereka serta menggembeling sumber-sumber mereka bagi mengambil peluang-peluang yang terbuka luas.

11.43 Dalam sektor kuasa elektrik, dengan Lembaga Letrik Negara diperbadankan, utiliti pembekal kuasa elektrik di Semenanjung Malaysia sedang dalam proses

diswastakan. Penswastaan TNB dijangkakan siap dalam tempoh RM6 melalui penjualan milik ekuiti kepada sektor swasta. Selain daripada itu, penyertaan sektor swasta dalam sektor kuasa elektrik akan dipergiatkan untuk menggalakkan persaingan. Bagi mencapai tujuan ini, konsep bina-kendali-pindah, terutamanya dalam kegiatan penjanaan kuasa elektrik akan diperkenalkan bagi membuka jalan untuk penyertaan sektor swasta.

11.44 Dalam kegiatan hulu sektor minyak dan gas, penglibatan sektor swasta adalah besar dan dijangka berkekalan. Walau bagaimanapun, dalam sektor hiliran, penyertaan yang lebih besar oleh sektor swasta akan digalakkan, dengan PETRONAS sebagai pembekal minyak dan gas memainkan peranan sebagai penyokong dan pelengkap. PETRONAS seboleh mungkin akan menghadkan penglibatannya kepada aktiviti hulu dan memberikan peluang-peluang perniagaan dalam aktiviti hiliran kepada sektor swasta, terutamanya usahawan tempatan.

V. PENUTUP

11.45 Pembangunan sektor tenaga telah berkembang dengan pesat bagi mencapai objektif dasar mempelbagaikan sumber tenaga serta membangun sumber-sumber tempatan untuk memenuhi keperluan dalam negeri. Pencapaian setakat ini sungguh memuaskan. Prospek bagi tempoh RM6 akan menjadi lebih mencabar. Pembangunan sumber-sumber tenaga bukan sahaja perlu seialiran dengan permintaan yang semakin meningkat akibat jangkaan prestasi ekonomi yang lebih baik, tetapi juga pertumbuhan pesat sektor perindustrian, terutamanya pembangunan industri yang banyak menggunakan tenaga dan berasaskan tenaga akan diberi penekanan. Sebagai pembekal sumber-sumber tenaga kepada ekonomi, tugas utama bukan sahaja setakat memenuhi keperluan tenaga negara yang mencukupi, tetapi yang lebih penting lagi ialah untuk memastikan keberkesanan pembangunan sumber-sumber tenaga berasaskan pilihan kos terendah.

BAB 12 : SUMBER-SUMBER AIR

I. PENDAHULUAN

12.01 Pembangunan sektor sumber-sumber air terus diberi keutamaan bagi memenuhi keperluan rumahtangga, perindustrian dan pertanian serta untuk penjanaan kuasa hidro. Di bawah Rancangan Malaysia Kelima (RM5), usaha-usaha telah dilaksanakan untuk membekalkan air yang mencukupi bagi memenuhi keperluan yang semakin meningkat terutamanya menerusi pembangunan punca-punca baru dan pengluasan sistem bekalan air khasnya ke pusat-pusat pertumbuhan baru. Dalam tempoh tersebut, liputan bekalan air telah meningkat dimana sebahagian besar pengguna-pengguna bukan sahaja mendapat bekalan air bersih tetapi juga menikmati peningkatan mutu perkhidmatannya. Sungguhpun kemajuan telah dicapai, setengah-setengah kawasan masih lagi mengalami tekanan air yang rendah dan beberapa masalah yang berkaitan. Oleh yang demikian, beberapa program terus dilaksanakan bagi mengurangkan masalah berkenaan.

12.02 Di bawah Rancangan Malaysia Keenam (RM6), pembangunan sektor sumber-sumber air akan diberi keutamaan untuk mengekal dan melindungi sumber-sumber air serta bagi menyediakan bekalan air yang mencukupi untuk kegunaan rumahtangga dan bagi memenuhi permintaan yang semakin meningkat oleh sektor perindustrian. Teras utama pembangunan sektor ini akan ditumpukan kepada penggunaan secara optimum sumber-sumber air yang sedia ada menerusi usaha-usaha membangunkan punca-punca baru; mempertingkatkan, membaikpulih dan menambahkan kecekapan kemudahan-kemudahan; mengekalkan kuantiti dan kualiti sumber-sumber menerusi pengawalan pencemaran dan pelaksanaan rancangan-rancangan untuk mengatasinya serta pemuliharaan dan pengekalan kawasan tadahan menerusi pembangunan tanah secara terkawal dan penghutan semula. Program-program tersebut akan memastikan pertambahan permintaan air sentiasa dapat dipenuhi menerusi pertambahan bekalan. Penyertaan sektor swasta dalam pembangunan sektor ini akan dipergiatkan lagi bagi membantu usaha-usaha Kerajaan mempertingkatkan pembangunan sektor tersebut.

II. KEMAJUAN, 1986-90

12.03 Strategi pembangunan sektor ini dalam tempoh RM5 telah ditumpukan kepada pembangunan projek-projek sumber air bagi memastikan bekalan air adalah mencukupi untuk memenuhi keperluan berbagai pengguna. Bagi memastikan bekalan air mentah mencukupi untuk dibekalkan ke loji-loji rawatan, empangan-empangan simpanan telah dibina bagi mengawal pengaliran air sungai. Di samping

itu, di mana perlu dan sesuai, punca-punca air bawah tanah telah juga dibangunkan untuk menambah punca-punca air permukaan.

Sumber-sumber Air

12.04 Dalam tempoh RM5, usaha-usaha telah ditumpukan kearah pembangunan air permukaan sebagai punca utama bekalan air mentah memandangkan air larian permukaan merupakan kira-kira 56 peratus daripada jumlah air hujan tahunan yang dianggarkan sebanyak 990 ribu juta meter padu (rjmp), manakala air bawah tanah menyumbangkan hanya 6 peratus. Memandangkan taburan sumber-sumber air yang berpotensi tidak serata dan keperluan untuk menambahkan bekalan air, empangan-empangan telah dibina untuk menakung lebih air di musim hujan. Oleh yang demikian, pembangunan empangan-empangan pelbagaiguna terutamanya di wilayah-wilayah yang mengalami kekurangan air dan pelaksanaan penyaluran air antara lembangan dan antara negeri dari kawasan-kawasan atau negeri-negeri yang mempunyai air yang berlebihan ke kawasan-kawasan atau negeri-negeri yang mengalami kekurangan air telah diberi keutamaan.

12.05 Pada masa ini, terdapat 54 buah empangan yang beroperasi dengan jumlah keupayaan terpakai sebanyak 12 rjmp yang boleh memenuhi keperluan berbagai pengguna. Daripada jumlah tersebut, 11 buah empangan telah dibina bagi tujuan penjanaan kuasa hidro manakala bakinya untuk tujuan bekalan air, pengairan dan pencegahan banjir. Dalam tempoh tersebut, pembinaan lima buah empangan yang telah dimulakan pada separuh pertama tahun lapan puluhan telah siap. Empangan-empangan berkenaan telah menambah keupayaan simpanan aktif sebanyak 264 juta meter padu (jmp). Di samping itu, tujuh buah empangan sedang dalam pelbagai peringkat pelaksanaan, seperti ditunjukkan dalam Jadual 12-1. Kajian-kajian kemungkinan untuk beberapa buah empangan baru telah dijalankan. Lokasi empangan-empangan berkenaan adalah seperti ditunjukkan dalam Carta 12-1 dan Carta 12-2.

Bekalan Air

12.06 Selaras dengan dasar Kerajaan untuk membekalkan air bersih kepada semua penduduk serta bagi memastikan bekalan yang mencukupi untuk kegunaan rumahtangga dan perindustrian, berbagai program telah dilaksanakan. Keseluruhan prestasi program-program bekalan air bandar dan luar bandar telah dipertingkatkan menerusi pelaksanaan berbagai komponen projek seperti peningkatan keupayaan simpanan dan loji rawatan, pemasangan sistem pengagihan dan penggunaan punca-punca air bawah tanah.

12.07 Bagi menambah keupayaan simpanan dan loji rawatan, 14 projek utama yang mempunyai keupayaan sebanyak 1,478 juta liter sehari (jlh) telah disiapkan, seperti ditunjukkan dalam Jadual 12-2. Projek-projek tersebut termasuk skim-skim bekalan air

Ahning, Fasa I; Sungai Semenyih; Johor Bahru, Fasa IA dan Greater Kuantan. Di samping itu, lima projek sedang dalam pelbagai peringkat pelaksanaan. Matlamat untuk membekalkan air sebanyak 6,713.5 jlh dalam tempoh RM5 hampir tercapai dengan siapnya beberapa projek yang telah menambah keupayaan rawatan air sebanyak 57.2 peratus, seperti ditunjukkan dalam Jadual 12-3. Kuantiti yang dibekalkan juga meningkat sebanyak 40.4 peratus kepada 4,979 jlh. Walaupun perimbangan diantara pengeluaran dan permintaan air di negara ini adalah memuaskan, namun di setengah-setengah negeri seperti Johor, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan dan beberapa kawasan di Lembah Klang kadangkala mengalami tekanan air yang rendah atau menghadapi kekurangan air pada musim kemarau. Keadaan ini berlaku akibat dari ketidakseimbangan diantara pengagihan punca-punca air dengan kawasan-kawasan yang memerlukan bekalan yang banyak.

12.08 Dalam tempoh RM5, pelaksanaan program bekalan air luar bandar telah diberi penekanan bagi membolehkan lebih ramai penduduk luar bandar terutamanya mereka yang tinggal di kawasan-kawasan terpencil mendapat bekalan air bersih. Di samping program biasa, satu program khas telah dilancarkan pada tahun 1986 bagi meningkatkan pembangunan punca-punca air di kawasan luar bandar. Di bawah program tersebut, 134 skim yang mempunyai keupayaan pengeluaran sebanyak 514.7 jlh telah diluluskan pelaksanaannya secara turnkey di seluruh negara. Pada akhir tempoh RM5, sejumlah 59 projek yang mempunyai keupayaan pengeluaran sebanyak 181 jlh telah siap dibina manakala bakinya sedang dipelbagai peringkat pelaksanaan. Di samping itu, di bawah Program Bekalan Air Luar Bandar dan Sanitasi, sebanyak 18,314 projek yang memberi faedah kepada 496,515 penduduk di kawasan-kawasan luar bandar telah dilaksanakan.

12.09 Sejumlah 34 projek yang mempunyai keupayaan pengeluaran sebanyak 36.4 jlh telah dibina di skim-skim Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) manakala tujuh projek yang berkeupayaan 11 jlh telah dibina di kawasan-kawasan Lembaga Kemajuan Wilayah (LKW). Program ini telah memberi faedah kepada seramai 32,000 keluarga peneroka baru dan kira-kira 15,000 isirumah di kawasan-kawasan LKW.

12.10 Dalam tempoh RM5, kira-kira 970 daripada 1,315 estet telah dibekalkan dengan air paip dan ini membolehkan 62,000 daripada 82,000 isirumah menikmati bekalan air bersih. Pencapaian ini adalah sebahagian dari langkah-langkah yang telah diambil untuk memperluaskan sistem bekalan air luar bandar ke estet-estet yang berhampiran untuk mengatasi masalah kos pembangunan yang tinggi dan kekurangan sumber-sumber air yang sesuai yang dihadapi oleh setengah-setengah pengurusan estet.

12.11 Berikutan dari pelaksanaan program-program tersebut, kira-kira 78.3 peratus daripada jumlah penduduk di seluruh negara telah mendapat bekalan air paip pada tahun 1990. Walaupun kenaikan 7.7 peratus tersebut melebihi liputan tahun 1985, pencapaian ini adalah lebih rendah dari matlamat RM5 iaitu sebanyak 82.4 peratus.

Jumlah penduduk bandar yang dibekalkan dengan keperluan ini telah juga meningkat daripada 93 peratus kepada 96 peratus dalam tahun 1990, seperti ditunjukkan dalam Jadual 12-4. Dari segi liputan pula, semua negeri kecuali Johor, Kelantan, Negeri Sembilan, Sarawak dan Terengganu telah melebihi liputan negara bagi kawasan bandar. Liputan bagi kawasan luar bandar telah juga meningkat daripada 57 peratus kepada 66 peratus dan dengan ini mencaip matlamat RM5. Dari segi pengagihan mengikut negeri, Melaka dan Pulau Pinang mencatat liputan yang tertinggi manakala Kelantan, Sabah, Sarawak dan Terengganu masih berada dibawah paras liputan negara bagi kawasan luar bandar, seperti ditunjukkan dalam Jadual 12-5. Keadaan tersebut berlaku sebahagian besarnya disebabkan oleh kedudukan kampung-kampung yang terpencil dan berjauhan dari punca-punca air.

12.12 Dalam tempoh RM5, beberapa kajian kemungkinan berkaitan dengan pembangunan sumber-sumber air telah dijalankan untuk mempasti dan menentukan projek-projek akan dilaksanakan secara berterusan. Satu kajian yang terpenting khusus mengenai kehilangan air yang tidak diambilkira telah disiapkan pada tahun 1989. Kajian tersebut mendapati bahawa dalam tahun 1988, kadar purata kehilangan air yang tidak diambilkira di seluruh negara ialah 43 peratus. Kehilangan tersebut adalah disebabkan oleh penggunaan meter yang telah usang, kebocoran dan beberapa faktor lain. Bagi mengurangkan kehilangan tersebut, kajian berkenaan telah memperakukan supaya loji-loji rawatan dan sistem pengagihan yang sedia ada dibaikpulih dan dipertingkatkan keupayaannya untuk mempastikan sumber-sumber air dan kemudahan-kemudahan yang sedia ada digunakan dengan lebih cekap dan berkesan dan dalam masa yang sama, mengurangkan desakan untuk membangunkan punca-punca air yang baru bagi membantu pertumbuhan pesat sosio-ekonomi negara.

12.13 Selaras dengan dasar penswastaaan, beberapa projek yang berkaitan dengan bekalan air telah diswastakan dalam tempoh RM5. Projek-projek tersebut termasuk pembinaan dan pengendalian projek-projek bekalan air Labuan; Greater Ipoh, Fasa II serta Krian, Larut dan Matang, Fasa II berdasarkan konsep Bina, Kendali dan Pindah. Pengendalian dan penyelenggaraan loji-loji rawatan Sungai Layang, Sungai Terip dan Sungai Semenyih telah juga diswastakan secara pengurusan kontrek.

Pembetungan

12.14 Pencemaran terhadap punca-punca air, air pesisiran pantai dan pantai-pantai semakin meningkat akibat dari pertambahan penduduk, kadar pertumbuhan perbandaran dan perindustrian yang pesat dan kekurangan kemudahan sanitasi. Masalah tersebut telah menjadi semakin buruk kesan dari pembuangan air kumbahan yang tidak dirawat atau separa dirawat termasuk pembuangan najis manusia dan air limbahan, sisa industri serta pertanian dan najis binatang ke dalam air. Walaupun pencemaran akibat dari pembuangan sisa industri adalah terkawal, pembuangan najis

manusia dan binatang serta air limbah yang tidak dirawat atau separa dirawat terus merupakan punca utama pencemaran.

12.15 Bagi pemuliharaan dan pengkalan sumber-sumber air dan kawasan-kawasan tadahan serta untuk meningkatkan taraf kesihatan dan sosio-ekonomi penduduk keseluruhannya, berbagai jenis sistem pembedungan telah dilaksanakan. Kemudahan yang paling komprehensif ialah sistem pembedungan berpusat dimana air kumbahan rumahtangga akan dirawat secara berpusat ke satu tahap piawaian yang ditentukan. Memandang-n kan sistem ini melibatkan pelaburan yang besar dan dengan mengambilkira masalah sumber tenaga manusia dan kewangan yang dihadapi oleh kebanyakan pihakberkuasa tempatan, pelaksanaan program ini telah tidak diberi penekanan dimasa lalu. Oleh yang demikian, hanya sembilan daripada 19 kajian kemungkinan mengenai sistem pembedungan berpusat bagi ibu-ibu negeri dan bandar-bandar utama telah dilaksanakan.

12.16 Sebagai langkah untuk mengawal pencemaran dari pembuangan najis manusia dan air limbah, Kerajaan telah menguatkuasakan peraturan-peraturan yang mensyaratkan pemaju-pemaju perumahan, hotel, tempat-tempat pelancongan dan lain-lain projek pembangunan menyediakan loji-loji rawatan berkelompok dan sistem pembedungan berpusat di kawasan projek masing-masing. Pembangunan sistem disentralisasi yang melibatkan penyediaan loji-loji rawatan di zon-zon yang lebih kecil dan berdaya maju telah juga digalakkan bagi mempercepatkan pelaksanaan program pembedungan.

12.17 Pelaksanaan program pembedungan yang berterusan dalam tempoh RM5 telah meningkatkan sedikit sahaja jumlah penduduk yang disediakan dengan sistem pembedungan berpusat. Walau bagaimanapun, liputan bagi lain-lain sistem pembedungan yang diterimapakai telah bertambah sebanyak 12 peratus. Pertambahan ini adalah berikutan dari pembangunan kawasan-kawasan perumahan yang dilengkapi dengan tangki-tangki septik atau loji-loji rawatan berkelompok dan menerusi pelaksanaan tandas-tandas curah dibawah Program Bekalan Air Luar Bandar dan Sanitasi. Di samping itu, selaras dengan dasar untuk menggantikan kemudahan-kemudahan sani tasi yang tidak diterimapakai dengan sistem yang lebih baik, penggunaan tandas angkut, tandas lubang dan tandas gantung telah menurun daripada 14.7 peratus kepada 6.7 peratus pada tahun 1990. Pada akhir tempoh RM5, jumlah penduduk yang tidak menggunakan sebarang kemudahan sanitasi telah juga berkurangan daripada 10.2 peratus kepada 6.3 peratus.

Perparitan

12.18 Satu daripada kesan buruk proses perbandaran yang pesat ialah kerapnya berlaku banjir kilat di beberapa bandar dan bandar utama. Bagi mengatasi masalah tersebut, Kerajaan telah memulakan satu program jangka panjang untuk mengatasi masalah banjir di bandar menerusi pelaksanaan kerja-kerja memperbaiki beberapa

sistem perparitan. Dalam tempoh RM5, pelaksanaan kerja-kerja perparitan bandar di Alor Setar, Kangar, Kota Bharu, Kuala Lumpur, Pekan dan Seremban, yang telah dimulakan semenjak Rancangan-rancangan Pembangunan yang lalu, telah diteruskan. Di samping itu, lima projek baru iaitu pembinaan terusan di sungai Pari, Sungai Pinang dan Sungai Tiram serta dua skim perparitan bandar di Terengganu sedang dalam pembinaan. Projek-projek berkenaan yang dilaksanakan secara berperingkat telah membantu usaha untuk mengawal banjir.

12.19 Di samping projek-projek tersebut, kajian yang menyeluruh untuk mengatasi banjir telah dijalankan bagi Lembangan Sungai Klang dan Pulau Pinang. Pelan Induk Perparitan bagi Lembangan sungai Klang telah siap pada tahun 1989. Pelan induk tersebut, antara lainnya, telah memperakukan supaya pembaikan Sungai Klang dibawah Projek Mengatasi Banjir Kuala Lumpur diperluaskan untuk meliputi muara sungai Klang bagi tujuan mengawal banjir di bandar Klang.

III. PROSPEK, 1991-95

12.20 Objektif jangka panjang sektor ini ialah untuk membangunkan sumber-sumber air yang mencukupi bagi semua pengguna, mengekal dan mengawal kuantiti dan kualiti sumber-sumber yang sedia ada serta untuk mengenalpasti dan memelihara punca-punca air yang berpotensi bagi memenuhi keperluan masa hadapan. Walau bagaimanapun, dari segi keutamaan, penekanan yang lebih akan diberi kepada pembangunan bekalan air memandangkan permintaannya yang kian bertambah dalam tempoh RM6. Perhatian khusus akan ditumpukan kepada perancangan pembinaan empangan oleh kerana keperluan yang mendesak bagi melindungi punca-punca air yang berpotensi. Di samping memenuhi keperluan bekalan air, empangan-empangan simpanan tersebut akan juga memberi faedah kepada program mencegah banjir dan perparitan bandar serta mengurangkan pencemaran air menerusi pengaliran air sungai yang teratur. Selain dari pembinaan empangan pelbagaiguna, pembangunan projek-projek untuk penyaluran air antara negeri dan antara Lembangan akan terus diberi penekanan dalam tempoh RM6 bagi mengatasi masalah pengagihan sumber-sumber air yang tidak serata di negara ini.

12.21 Di samping pembangunan sumber-sumber baru, pelaksanaan program yang menyeluruh bagi mempertingkatkan keupayaan loji-loji rawatan dan membaikpulih sistem pengagihan untuk mengurangkan jumlah kehilangan air yang tidak diambilkira yang tinggi akan diberi keutamaan. Usaha-usaha akan juga dilaksanakan bagi mengurangkan masalah-masalah berkaitan dengan air yang sering berlaku seperti kemerosotan kualiti air dan kejadian banjir kilat di kawasan-kawasan bandar.

Sumber-sumber air

12.22 Walaupun kuantiti punca-punca air permukaan tidak berubah, jumlah permintaan air untuk kegunaan • rumahtangga dan perindustrian dijangka meningkat daripada 11.6 rjmp pada tahun 1990 kepada 13.5 rjmp pada tahun 1995. Permintaan bagi pengairan yang merupakan pengguna utama sumber-sumber air dijangka meningkat sedikit sahaja dan bahagiannya daripada keseluruhan permintaan dijangka menurun daripada 78 peratus kepada 73 peratus. Ini adalah berikutan langkah-langkah !mempertingkatkan kecekapan sistem peng-airan dan penguranga n projek-projek pengairan baru. Sebaliknya, permintaan air bagi kegunaan rumahtangga dan perindustrian dijangka meningkat dengan banyaknya pada kadar 46 peratus, daripada 2.6 rjmp kepada 3.8 rjmp.

12.23 Memandangkan pesatnya proses perindustrian, beberapa langkah akan juga diambil untuk memenuhi keperluan air bagi jangka sederhana oleh berbagai pengguna. Pembinaan empangan Bekok, Juaseh, Linggiu dan Mersing di Johor; Pedas dan Ulu Muar di Negeri Sembilan serta Timah-Tasoh di Perlis, yang telah dimulakan dalam tempoh RM5, akan disiapkan. Empangan-empangan ini pada keseluruhannya akan mempunyai keupayaan simpanan tahunan sebanyak 262 jmp dan dapat membekalkan air sebanyak 200 jmp setahun. Selain dari memperbaiki keadaan pengeluaran dan permintaan air bagi jangka sederhana di seluruh negara terutamanya di negeri-negeri yang mengalami kekurangan air, projek-projek tersebut akan dapat mengurangkan banjir dan beberapa masalah perparitan di bandar.

12.24 Usaha-usaha akan dibuat bagi mengatasi pengagihan sumber-sumber air yang tidak serata menerusi pelaksanaan projek penyaluran air antara negeri dan antara lembangan. Di samping projek-projek yang sedang dilaksanakan, empangan Gemencheh dan Kelinci akan dibina bagi tujuan penyaluran air antara lembangan di Negeri Sembilan manakala Projek Sungai Muar akan dibangunkan untuk tujuan penyaluran air antara negeri bagi memenuhi keperluan jangka panjang Negeri Melaka, seperti ditunjukkan dalam Jadual 12-6 dan Jadual 12-7. Dari kajian-kajian kemungkinan yang telah siap, rekabentuk kejuruteraan terperinci bagi enam buah empangan untuk tujuan bekalan air dan mencegah banjir serta dua buah empangan bagi kuasa hidro akan dimulakan sebagai persediaan untuk kesinambungan pembangunan sumber-sumber air pada masa hadapan. Projek-projek berkenaan akan memberi tambahan pengeluaran tahunan yang dianggarkan berjumlah 666 jmp. Empangan-empangan kuasa hidro akan juga berfungsi sebagai pemuliharaan dan penyimpanan air untuk memenuhi keperluan pada masa akan datang.

12.25 Satu sistem pengurusan maklumat mengenai sumber-sumber air akan diwujudkan bagi membantu perancangan sektor tersebut secara menyeluruh dan bersepadu. Selain dari insentif, aspek institusi seperti peruntukan perundangan akan diselaraskan bagi memudahkan tumpuan dan mewujudkan keberkesanan kos

pembangunan sektor ini. Ianya juga akan membolehkan penguatkuasaan undang-undang bagi membantu usaha-usaha pemuliharaan dan pengendalian sumber-sumber air yang sedia ada dan kawasan-kawasan tadahan serta pengawalan dan pengurangan pencemaran punca-punca air supaya keperluan jangka panjang akan dipenuhi menerusi pembangunan yang berterusan bagi sektor ini.

Bekalan Air

12.26 Objektif utama pembangunan sektor bekalan air adalah untuk memenuhi keperluan rumahtangga dan perindustrian, terutamanya di kawasan-kawasan yang telah dikenalpasti sebagai pusat-pusat pertumbuhan baru serta kawasan-kawasan yang tiada kemudahan-kemudahan tersebut. Bekalan air bagi industri berteknologi tinggi akan diberi tumpuan khusus apabila kawasan perindustrian berkenaan ditentukan kelak. Di samping itu, sebagai sebahagian dari usaha Kerajaan untuk memajukan pembangunan ekonomi dan meningkatkan taraf hidup penduduk luar bandar, pembangunan program bekalan air luar bandar akan terus diberi tumpuan.

12.27 Beberapa program utama telah ditentukan untuk pelaksanaan dalam tempoh RM6. Program-program tersebut termasuk kerja-kerja bagi menyiapkan skim-skim utama yang telah dimulakan dalam tempoh RM5 dan membina 16 projek baru dengan keupayaan pengeluaran berjumlah 2,369 jlh, umpamanya projek bekalan air Johor Bahru, Fasa II; Kelantan Utara dan Sungai Selangor, Fasa II, seperti ditunjukkan dalam Jadual 12-7. Rekabentuk kejuruteraan terperinci akan juga disediakan bagi projek-projek seperti Kota Tinggi; Muar, Fasa III dan Sri Iskandar, Fasa II. Di samping itu, pembangunan beberapa punca air dan peningkatan sistem yang sedia ada akan dilaksanakan bagi memastikan bekalan yang mencukupi, berkekalan dan tanpa gangguan ke kawasan-kawasan perindustrian dan tempat-tempat pelancungan umpamanya Desaru, Johor Selatan, Kulim, Nilai/Pajam dan Pulau Langkawi.

12.28 Bagi mengurangkan kadar kehilangan air yang tidak diambilkira yang tinggi, loji-loji rawatan dan sistem pengagihan yang telah usang akan diperbaiki. Diperingkat awal, program baru ini yang meliputi penggantian meter dan paip-paip lama serta membaikpulih loji-loji rawatan akan dilaksanakan di beberapa kawasan yang diberi keutamaan bagi memastikan keberkesanan pelaksanaannya sebelum ianya diperluaskan ke seluruh negara. Program ini bukan sahaja akan mengurangkan desakan bagi membangunkan punca-punca baru tetapi juga akan meningkatkan mutu perkhidmatan kepada pengguna-pengguna yang sedia ada disamping mengurangkan jumlah kehilangan air yang tidak diambilkira di seluruh negara daripada 43 peratus pada tahun 1988 kepada 32 peratus pada tahun 1995. Di samping itu, kecekapan yang akan diperolehi dari program ini akan meningkatkan daya maju kewangan entiti-entiti berkenaan.

12.29 Kos pelaburan yang tinggi bagi pembangunan sektor ini memerlukan analisa pulangan kos dan struktur tarif disesuaikan dengan kemampuan dan kesediaan

pengguna-pengguna untuk membuat bayaran ke atas perkhidmatan tersebut. Memandangkan lebih banyak lagi projek-projek bekalan air akan diswastakan di masa hadapan, pelaksanaan sistem akaun perdagangan dan peningkatan kecekapan kutipan hasil akan diberi perhatian. Di samping itu, kajian-kajian ke atas projek-projek yang akan diswastakan akan dibuat bagi memastikan kemampuan pengguna dan persaingan di kalangan pengguna perindustrian akan dilindungi.

12.30 Selaras dengan dasar Kerajaan untuk membekalkan air bersih kepada semua penduduk, pelaksanaan Program Khas Bekalan Air Luar Bandar akan diteruskan. Pelaksanaan 75 projek yang mempunyai keupayaan pengeluaran 333.7 jlh yang dijangka siap menjelang tahun 1992, akan memberi faedah kepada 4.5 juta penduduk. Di samping itu, 2,420 projek akan dilaksanakan dibawah program biasa bekalan air luar bandar. Tumpuan program tersebut ialah untuk pemasangan sistem retikulasi bagi mengagihkan air terutamanya dari projek-projek yang baru siap ke rumah-rumah di luar bandar. Bagi memastikan bekalan air bersih dapat disediakan kepada pengguna-pengguna, punca-punca air bawah tanah dan air hujan akan dimajukan. Dibawah Program Bekalan Air Luar Bandar dan Sanitasi, sebanyak 46,868 projek bekalan air yang akan memberi faedah kepada 1.5 juta penduduk dan 198,146 projek sanitasi bagi kegunaan 990,730 pengguna akan dilaksanakan.

12.31 Di skim-skim FELDA, 39 projek yang mempunyai keupayaan pengeluaran berjumlah 47.3 jlh akan dilaksanakan manakala 13 projek akan juga dibina di kawasan-kawasan LKW. Program berkenaan akan memberi faedah kepada 41,160 keluarga peneroka baru dan seramai 26,000 isirumah di kawasan-kawasan LKW. Bagi memastikan bekalan air bersih dan mencukupi dibekalkan kepada pekerja-pekerja estet, pelaksanaan program bekalan air di estet-estet akan juga dipergiatkan.

12.32 Dengan pelaksanaan dan siapnya projek-projek bekalan air terutamanya di kawasan-kawasan bandar, keupayaan loji-loji rawatan akan meningkat daripada 6,542 jlh pada tahun 1990 kepada 10,479 jlh pada tahun 1995. Jumlah kuantiti yang dibekalkan akan juga meningkat sebanyak 56 peratus, daripada 4,979 jlh kepada 7,766 jlh, seperti ditunjukkan dalam Jadual 12-3. Pada akhir tempoh RM6, adalah diramalkan bahawa 87.7 peratus daripada jumlah penduduk negara ini akan menikmati bekalan air paip. Liputan bagi kawasan bandar dijangka mencapai hampir 100 peratus dikebanyakan negeri kecuali Kelantan, seperti ditunjukkan dalam Jadual 12-4. Sebaliknya, liputan bagi bekalan air luar bandar diramalkan meningkat daripada 66 peratus pada tahun 1990 kepada 79 peratus pada tahun 1995. Dengan siapnya Program Khas Bekalan Air Luar Bandar dan penekanan yang diberi kepada penyambungan paip-paip utama ke kawasan luar bandar, negeri Melaka, Negeri Sembilan, Perak, Perlis, Pulau Pinang, Sabah dan Selangor akan mencapai liputan yang melebihi liputan bekalan air luar bandar negara, seperti ditunjukkan dalam Jadual 12-5.

12.33 Perkembangan yang pesat dalam skop dan sistem bekalan air yang semakin kompleks sejak beberapa tahun yang lalu memerlukan pengurusan dan penyelenggaraan sistem tersebut dengan lebih cekap. Penekanan kepada program membaikpulih dan mempertingkatkan keupayaan loji-loji rawatan serta sistem pengagihan dibawah RM6 juga memerlukan kajian-kajian mengenai penerapan dan penggunaan teknologi-teknologi baru serta peralatan yang sesuai untuk mencapai penyelesaian-penyelesaian yang paling berkesan dari segi kos. Dengan itu, usaha-usaha penyelidikan dan pembangunan akan dipergiatkan bagi meningkatkan lagi kemajuan teknologi dalam sektor bekalan air.

Pembetulan

12.34 Selaras dengan objektif Kerajaan untuk memelihara kualiti dan kuantiti sumber-sumber air, meningkatkan kesihatan umum dan menggalakkan pelancongan, pembangunan program pembetulan akan diberi keutamaan yang lebih dalam tempoh RM6. Usaha-usaha akan diteruskan bagi menyediakan kemudahan-kemudahan pembetulan berpusat di ibu-ibu negeri, pusat-pusat bandar utama dan di tempat-tempat pelancongan. Selain dari itu, kemudahan-kemudahan loji rawatan yang sesuai akan disediakan di kawasan-kawasan mukasauk sungai dimana risiko dari jangkitan penyakit akibat pembuangan najis adalah tinggi. Disamping meningkatkan lagi penguatkuasaan peraturan supaya pemaju-pemaju perumahan, hotel, tempat-tempat pelancongan dan lain-lain pembangunan membina loji-loji rawatan berkelompok dan sistem pembetulan berpusat di kawasan projek masing-masing, industri-industri akan digalakkan untuk merawat dan membuang sisa kilang ke loji-loji rawatan pembetulan. Memandangkan kos membina sistem pembetulan berpusat adalah tinggi, insentif-insentif akan disediakan bagi memastikan projek-projek tersebut akan berdaya maju untuk dilaksana dan diswastakan.

12.35 Pembinaan Projek Pembetulan Seremban, yang telah dimulakan pada tahun 1986, akan disiapkan. Beberapa skim pembetulan akan juga dilaksanakan di tempat-tempat pelancongan seperti di Desaru, Langkawi dan Pangkor bagi membantu usaha-usaha Kerajaan menggalakkan pelancongan. Di samping itu, rekabentuk kejuruteraan terperinci akan disediakan bagi projek-projek dimana kajian kemungkinannya telah disiapkan. Beberapa kajian akan juga dijalankan untuk menentukan dayamaju skim-skim pembetulan bagi Kangar, Kuching dan Taiping. Sistem-sistem sanitasi yang sesuai akan juga disediakan sebagai sebahagian dari pembangunan infrastruktur untuk memperbaiki alam sekitar dan mutu kehidupan di kampung-kampung pesisiran pantai.

12.36 Pelaksanaan program pembetulan dan sanitasi dalam tempoh RM6 akan membolehkan hampir kesemua penduduk disediakan dengan kemudahan-kemudahan yang boleh diterimapakai. Daripada jumlah tersebut, 8.5 peratus penduduk akan disediakan dengan kemudahan sistem pembetulan berpusat dan disentralisasi menjelang tahun 1995. Di samping itu, penyelidikan dan pembangunan

sistem-sistem yang menggunakan teknologi yang sesuai dengan kos yang rendah akan dipergiatkan lagi bagi meningkatkan liputan kemudahan pembedungan moden terutamanya di kawasan-kawasan pinggir bandar dan di pusat-pusat pertumbuhan baru.

Perparitan Bandar

12.37 Sebagai sebahagian dari usaha-usaha untuk mengurangkan kematian dan kemusnahan kepada harta benda serta bagi meningkatkan sosio-ekonomi penduduk, lebih banyak lagi kemudahan perparitan bandar akan disediakan dalam tempoh RM6. Di samping itu, satu pendekatan perancangan yang lebih menyeluruh berdasarkan kepada pelan induk perparitan akan dilaksanakan. Dalam hubungan ini, langkah-langkah bukan struktur seperti penggunaan kolam-kolam pencegahan banjir, zon banjir dan lain-lain konsep penakungan air akan digalakkan. Dalam tempoh RM6, penekanan akan ditumpukan bagi menyiapkan projek perparitan bandar seperti Alor Setar, Kangar, Kota Bharu, Kuala Lumpur dan Seremban. Pelaksanaan program ini akan diperluaskan ke pusat-pusat pertumbuhan yang berpotensi bagi perdagangan, perindustrian dan pelancongan. Selain daripada 12 projek yang sedang dalam pembinaan, 18 skim baru akan dilaksanakan. Beberapa projek utama yang akan melibatkan penyediaan pelan induk perparitan seperti untuk Labuan dan Pulau Pinang akan dilaksanakan secara berperingkat.

IV. PERUNTUKAN

12.38 Peruntukan bagi sektor sumber-sumber air dalam tempoh RM6 berjumlah \$3,773 juta, seperti ditunjukkan dalam Jadual 12-8. Sebahagian besar peruntukan tersebut iaitu sebanyak \$2,855 juta adalah bagi pembangunan bekalan air. Daripada jumlah tersebut, sebanyak \$1,717 juta adalah untuk pembangunan sumber-sumber air, \$350 juta bagi peningkatan keupayaan loji-loji rawatan dan membaikpulih sistem pengagihan yang sedia ada serta \$787 juta untuk pembangunan sistem retikulasi. Bagi pembangunan pembedungan pula, peruntukannya akan ditambah dengan banyaknya kepada \$551 juta manakala peruntukan berjumlah \$368 juta akan disediakan untuk program perparitan bandar.

V. PENUTUP

12.39 Memandangkan perlunya untuk membangunkan sumber-sumber air dan melaksanakan program-program bagi membantu pembangunan ekonomi dan pertumbuhan penduduk serta untuk meningkatkan kualiti hidup, usaha-usaha yang gigih akan dilaksanakan bagi memulihara kawasan-kawasan tadahan dan untuk melindungi sumber-sumber air yang berpotensi bagi pembangunan masa hadapan. Oleh yang demikian, satu pendekatan yang menyeluruh dan bersepadu akan diambil kearah perancangan, pembangunan dan pengurusan sumber-sumber air untuk memastikan sumber yang semakin berkurangan ini digunakan dengan lebih cekap dan memudahkan pelaksanaan projek pelbagaiguna serta penyaluran air antara lembangan dan antara negeri. Bagi mempercepatkan pembangunan sektor, penswastaan pembangunan dan pengurusan projek-projek sumber air, khususnya bekalan air dan pembedungan, akan digalakkan.

12.40 Pembangunan sektor pembedungan akan diberi keutamaan yang lebih di bawah RM6 kerana penekanan terhadap alam sekitar dan usaha-usaha bagi mengawal dan mengurangkan pencemaran air. Dalam hubungan ini, pelaksanaan projek bagi ibu-ibu negeri, bandar-bandar utama, tempat-tempat pelancongan dan bandar-bandar di atas kawasan mukasauk sungai akan terus diberi penekanan. Di samping itu, selaras dengan usaha-usaha Kerajaan bagi meningkatkan taraf sosio-ekonomi penduduk dan mengurangkan kesan-kesan buruk dari proses perbandaran yang pesat, pembangunan program perparitan bandar akan juga diteruskan.

12.41 Pelaksanaan program-program berkenaan dalam tempoh RM6 akan memastikan sumber-sumber air yang sedia ada dan yang berpotensi akan dibangunkan dengan cekap dan berkesan bagi memenuhi keperluan jangka panjang oleh berbagai sektor. Di samping itu, program-program bekalan air baru akan terus dilaksanakan bagi memenuhi keperluan rumah tangga dan perindustrian yang kian bertambah dan juga untuk meningkatkan mutu perkhidmatannya.

BAB 13 : KESIHATAN

I. PENDAHULUAN

13.01 Kesihatan merupakan sebahagian penting daripada pembangunan sosio-ekonomi. Ia menyokong usaha-usaha pembangunan Kerajaan untuk mencapai kemajuan yang berterusan terhadap taraf kesihatan masyarakat dan produktiviti tenaga kerja. Dalam Rancangan Malaysia Kelima (RM5), program sektor kesihatan telah diperluaskan untuk menyokong sektor ekonomi yang lain.

13.02 Penekanan keseluruhan program pembangunan sektor kesihatan dalam RM5 adalah untuk mencapai Kesihatan Untuk Semua menjelang tahun 2000, bertujuan mencapai taraf kesihatan yang membolehkan rakyat Malaysia menikmati kualiti hidup yang tinggi. Ini bermakna penduduk mempunyai keupayaan bekerja secara produktif dan menyertai secara aktif dalam kehidupan sosial masyarakat setempat. Ini juga bermakna jangkaan hayat yang lebih panjang, penurunan kadar kematian bayi dan pengurangan kejadian penyakit berjangkit. Untuk mencapai matlamat ini, strategi dan program yang dilaksanakan termasuk pengagihan perkhidmatan dan kemudahan kesihatan yang cekap dan lebih saksama di kawasan bandar dan luar bandar serta mengadakan pertalian yang berkesan di antara program kesihatan dengan program lain yang berkaitan dengan kesihatan.

II. KEMAJUAN, 1986-90

13.03 Selaras dengan tujuan untuk mengagihkan perkhidmatan dan kemudahan kesihatan di kawasan bandar dan luar bandar dengan lebih baik dan saksama, Kerajaan dalam tempoh RM5 telah membina 33 hospital, 170 pusat kesihatan dan 464 klinik desa di samping meningkatkan taraf 94 kemudahan kesihatan. Dari jumlah ini, 97 pusat kesihatan, 187 klinik desa dan dua hospital daerah telah disiapkan sementara pembinaan hospital-hospital dan kerja meningkatkan taraf kemudahan kesihatan lain, masih dalam peringkat pembinaan. Sungguhpun kemudahan-kemudahan telah bertambah, penyediaan perkhidmatan kesihatan telah terjejas oleh kekurangan doktor dan pakar perubatan di dalam sektor awam, terutamanya di hospital-hospital besar dan hospital-hospital daerah. Tambahan pula, tumpuan berlebihan doktor swasta dan pakar perubatan di kawasan bandar turut menjejaskan lagi agihan perkhidmatan kesihatan yang saksama di negara ini.

Perkhidmatan Pencegahan Kesihatan

13.04 Berbagai aktiviti pencegahan dan penggalakan kesihatan telah dilaksanakan dalam tempoh ini. Aktiviti-aktiviti ini termasuk pelalian dan suntikan, kawalan penyakit berjangkit, kebersihan alam sekitar di luar bandar, amalan makanan dan pemakanan, kesihatan dan keselamatan pekerja, pendidikan kesihatan, pembangunan keluarga, program-program anti-dadah dan keselamatan jalanraya.

13.05 Pelaksanaan program pencegahan dan penggalakan yang berkesan bergantung terutamanya kepada penyelarasan yang cekap antara sektor dan kerjasama di antara agensi-agensi yang berkaitan dalam sektor awam dan sektor swasta. Walaupun usaha telah dibuat untuk mewujudkan penyelarasan yang baik di antara agensi awam yang berkaitan, penubuhan sebuah badan penyelarasan kebangsaan adalah sangat perlu untuk menyelaraskan pelaksanaan program-program kesihatan. Sementara usaha-usaha telah dijalankan bagi mewujudkan penyelarasan antara agensi, beberapa kajian telah dijalankan bagi mengenalpasti kaedah-kaedah penyelarasan yang lebih berkesan antara sektor.

13.06 Kerajaan telah memainkan peranan utama dalam menyediakan program-program pencegahan dan penggalakan kesihatan. Antara program-program ini, program kebersihan dan alam sekitar luar bandar telah membekalkan air bersih dan kemudahan tandas bagi kira-kira 212,400 isirumah luar bandar, manakala program amalan makanan dan pemakanan telah dinikmati oleh kira-kira 78,000 keluarga. Dalam tahun 1990, bagi kanak-kanak yang boleh diberi pelalian, program pelalian yang diperluaskan telah meliputi 99.4 peratus untuk BCG, 83.3 peratus untuk penyakit polio, 84.1 peratus untuk antigen kedua dan ketiga dan 61 peratus untuk campak. Usaha ini telah membantu mengurangkan kadar kematian bayi dan kanak-kanak, masing-masing daripada 16.9 dan 1.4 tiap-tiap seribu pada tahun 1985 kepada 13.5 dan 1.3 tiap-tiap seribu pada tahun 1989. Pelalian untuk rubella bagi wanita yang layak diberi suntikan telah dimulakan pada tahun 1987 dan hepatitis B pada tahun 1989.

Perkhidmatan Rawatan Kesihatan

13.07 Dalam tempoh RM5, perkhidmatan rawatan kesihatan telah diperluaskan. Kerajaan telah melaksanakan program-program mengubahsuai dan meningkatkan taraf hospital besar dan hospital daerah yang sedia ada termasuk Hospital Besar Ipoh, Johor Bahru, Kangar, Kuala Lumpur, Kuching, Melaka, Seremban dan Hospital Daerah Sungai Petani dan Taiping. Bagi meningkatkan perkhidmatan kesihatan di kawasan luar bandar, pusat-pusat kesihatan dan klinik-klinik luar bandar yang sedia ada di beberapa tempat juga telah diubahsuai dan dinaikkan taraf. Bagi meningkatkan keupayaan diagnostik, kemudahan-kemudahan berteknologi tinggi seperti tomografi berkomputer dan lain-lain alat bioperubatan bernilai \$55 juta telah dibeli untuk hospital-hospital besar. Pembinaan Institut Jantung Negara yang moden

dan canggih berharga kira-kira \$155 juta telah dimulakan pada tahun 1990 berikutan bertambahnya kejadian penyakit kardiovaskular. Institut ini akan dilengkapi dengan alat-alat bagi membolehkan pembedahan jantung terbuka serta merawat berbagai jenis penyakit kardiovaskular.

13.08 Perkembangan perkhidmatan kesihatan telah diberi keutamaan dengan menyediakan rawatan asas kesihatan dan perkhidmatan kepakaran dalam bidang perubatan, pembedahan, paediatik, perbidanan dan sakit puan. Kemudahan-kemudahan bagi perkhidmatan tersebut sedang dibina di hospital-hospital daerah seperti Kulim, Segamat, Batu Pahat dan Kuala Pilah. Di samping itu, 97 pusat kesihatan, 187 klinik desa dan dua hospital daerah juga telah siap. Bagi kawasan-kawasan pedalaman dan terpencil yang menghadapi masalah perhubungan, perkhidmatan kesihatan bergerak dan perkhidmatan doktor udara juga disediakan.

13.09 Kerajaan telah juga memperkenalkan program-program untuk meningkatkan mutu dan menambah penggunaan kemudahan di pusat kesihatan dan hospital daerah bagi memastikan perkhidmatan kesihatan yang berkesan disediakan untuk orang ramai. Dalam hal ini, kursus ulangan telah diadakan bagi mereka yang terlibat untuk mengurus perkhidmatan rawatan kesihatan.

13.10 Dalam tempoh ini, perkhidmatan pergigian meliputi komponen rawatan gigi perseorangan dan pencegahan kerosakan gigi. Sejumlah 254 projek di bawah program rawatan gigi perseorangan terdiri daripada 22 buah klinik pergigian utama di bandar-bandar, sebuah pusat pergigian sekolah, 135 klinik pergigian sekolah, 86 klinik pergigian bergerak dan sepuluh unit periodontal di hospital-hospital sedang dalam pelaksanaan. Selain daripada itu, perkhidmatan rawatan gigi perseorangan juga telah disediakan melalui pusat kesihatan luar bandar di mana 170 buah pusat tersebut telah disiapkan dalam tempoh berkenaan. Pada hujung tahun 1990, sebuah klinik pergigian utama, 33 klinik pergigian sekolah, 34 klinik pergigian bergerak dan lima unit periodontal di hospital-hospital telah disiapkan.

13.11 Di bawah program perkhidmatan pencegahan pergigian, flouridasi bekalan air dan pendidikan kesihatan gigi telah dilaksanakan. Daripada 28 loji flouridasi yang dibina bagi tempoh RM5, 14 telah pun siap. Daripada 28 projek unit pendidikan kesihatan gigi, lima unit telah disiapkan.

13.12 Perkhidmatan farmasi adalah satu perkhidmatan sokongan yang penting bagi menjamin bekalan ubat yang mencukupi melalui pembelian dan pengeluaran tempatan yang betul, kawalan mutu, keberkesanan dan keselamatan ubat serta peraturan-peraturan yang betul untuk pengimportan, pengurusan dan penjualan ubat dan hasil-hasil farmasi yang lain. Dalam RM5, berbagai kemajuan telah dicapai dalam bidang ini, termasuk pemodenan dalam pengurusan stor dan sistem kawalan

inventori di peringkat pusat dan negeri, menaikan taraf perkhidmatan farmasi di hospital dan pelaksanaan sistem stor perubatan bersepadu.

Pembangunan Tenaga Manusia

13.13 Penyediaan perkhidmatan kesihatan yang cekap dan bermutu bergantung kepada bekalan kakitangan kesihatan yang terlatih. Dalam tempoh RM5 terdapat 4,229 doktor, 249 pakar perubatan dan 10,500 jururawat dalam institusi perubatan Kerajaan. Sungguhpun demikian, perkhidmatan kesihatan awam yang mengalami kekurangan tenaga manusia telah menjejaskan penyediaan dan skop perkhidmatan kesihatan. Ramai daripada kakitangan terlatih telah bersara atau meninggalkan perkhidmatan awam untuk memasuki sektor swasta. Ini telah menyebabkan berlakunya kekosongan 370 doktor, 171 pakar dan 400 jururawat pada tahun 1990.

13.14 Pada tahun 1990, nisbah doktor-penduduk negara ini ialah 1:2,560, kurang dari matlamat RM5 iaitu 1:2,000. Dari segi taburan mengikut negeri, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Pulau Pinang mempunyai nisbah doktor-penduduk yang melebihi dari matlamat RM5 yang disebabkan oleh ramai doktor di sektor swasta yang terdapat dalam kedua-dua negeri ini. Negeri-negeri yang lain tidak mencapai matlamat Rancangan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 13-1. Untuk mengatasi kekurangan dan keadaan yang tidak seimbang ini, Kerajaan telah mengambil doktor asing secara kontrak, menambah pengambilan pelajar-pelajar perubatan di universiti tempatan dan menggunakan perkhidmatan mereka yang telah bersara, sementara pembantu perubatan dan jururawat yang terlatih dan berkebolehan telah ditugaskan di hospital daerah dan pusat-pusat kesihatan. Di samping itu, syarat-syarat perkhidmatan doktor dan pakar perubatan di sektor awam telah di perbaiki. Kerajaan juga telah memperbaiki dan menambah latihan dalam perkhidmatan bagi doktor-doktor untuk ditugaskan di hospital-hospital dalam negeri. Galakan-galakan lain yang disediakan seperti kemudahan tempat kediaman percuma kepada doktor yang bertugas di atas panggilan, elaun pakar perubatan yang lebih tinggi dan peluang latihan lepasan ijazah yang lebih luas untuk doktor dalam berbagai bidang profesyenal telah juga disediakan.

13.15 Gandingan langkah-langkah ini dan perluasan perkhidmatan dan kemudahan pencegahan dan rawatan kesihatan telah membawa kepada taraf kesihatan yang lebih baik seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 13-2. Jangkaan hayat bagi laki-laki telah meningkat dari 67.9 tahun dalam tahun 1985 kepada 69 tahun dalam tahun 1989, manakala bagi wanita pula dari 73 tahun kepada 73.5 tahun dalam tempoh yang sama. Kadar kematian ibu bersalin juga telah berkurangan dari 0.37 kepada 0.3 tiap-tiap seribu, manakala kadar kematian kasar telah berkurangan dari 5 kepada 4.7 tiap-tiap seribu.

Penyelidikan dan Pembangunan Perubatan

13.16 Penekanan dalam penyelidikan dan pembangunan perubatan (P&P) adalah pada asasnya untuk menjalankan penyelidikan bioperubatan guna-gunaan yang bertujuan untuk memperbaiki diagnosis, pengurusan dan pencegahan penyakit berkaitan parasit, penyakit berjangkit dan bukan berjangkit, di samping membantu perkhidmatan patologi di hospital besar dan hospital daerah. Beberapa kemajuan yang menggalakkan telah dicapai di dalam penyelidikan penyakit tropika dan ini telah menyumbang kepada pencegahan dan rawatan penyakit malaria dan denggi. Institusi pengajian tinggi juga adalah digalakkan untuk menjalankan penyelidikan perubatan sebagai sebahagian daripada program pembangunan sains dan teknologi mereka.

Penyertaan Sektor Swasta

13.17 Peningkatan jumlah pendapatan dan permintaan perkhidmatan kesihatan yang semakin bertambah telah membawa kepada bertambahnya bilangan hospital swasta dan rumah bersalin dan rawatan, daripada 119 dalam tahun 1983 kepada 192 dalam tahun 1990. Kebanyakan kemudahan swasta ini terdapat dalam kawasan bandar. Dalam sektor awam, penswastaan perkhidmatan bukan klinikal tertentu seperti kemudahan dobi, perkhidmatan keselamatan dan penyenggaraan kemudahan-kemudahan telah dilaksanakan selaras dengan dasar p-enswastaan Kerajaan. Satu kajian kemungkinan telah dijalankan untuk menilai daya maju menswastakan pengurusan Institut Jantung Negara yang sedang dalam pembinaan.

Pengurusan Perkhidmatan Kesihatan

13.18 Usaha telah diambil untuk memperbaiki lagi sistem pengurusan perkhidmatan kesihatan bertujuan untuk mempertingkatkan kualiti dan kesaksamaan dalam menyediakan perkhidmatan kesihatan dan pelaksanaan program pembangunan kesihatan serta perkhidmatan lain yang berkaitan dengan kesihatan. Berikutan dengan pertambahan penduduk dan perubahan struktur penduduk, terdapat permintaan tambahan dan baru terhadap perkhidmatan kesihatan yang bermutu dan saksama. Bagi mencapai matlamat ini, kajian-kajian telah dilaksanakan untuk memperbaiki penggerakan dan penggunaan sumber serta penyelarasan pembangunan dan operasi perkhidmatan kesihatan dengan lebih baik.

13.19 Sistem bayaran di hospital besar dan daerah telah diperbaiki untuk memastikan pengutipan bayaran yang lebih berkesan. Pelaksanaan kadar bayaran yang telah dikaji semula adalah untuk mendapatkan semula kos perkhidmatan yang nominal di hospital dan klinik dalam negara ini. Pengkomputeran telah diperkenalkan untuk mewujudkan sistem kutipan yang lebih cekap.

13.20 Beberapa kajian telah dijalankan untuk memperbaiki pengurusan, penggunaan dan penyelarasan perkhidmatan kesihatan. Satu kajian kemungkinan mengenai

cadangan Tabung Keselamatan Kesihatan Negara (TKKN) telah dijalankan di bawah RM5. Kajian ini mencadangkan beberapa pilihan organisasi untuk TKKN. Walau bagaimanapun, kemungkinan pilihan-pilihan yang dicadangkan perlu dikaji secara mendalam dari segi implikasi kewangan, ekonomi dan sosial. Kajian Rancangan Kesihatan Negara (RKN) yang bertujuan untuk mengenalpasti dan menggerakkan sumber-sumber kesihatan sektor awam dan swasta serta pengagihan dan pembangunan yang lebih berkesan dan saksama telah dimulakan pada tahun 1990. Keperluan bagi mengadakan satu badan penyelaras kebangsaan menjadi lebih nyata di dalam proses pelaksanaan program pembangunan kesihatan dan program lain yang berkaitan dengan kesihatan. Kerajaan telah menjalankan kajian mengenai penubuhan Majlis Kesihatan Negara sebagai badan penyelaras pembangunan program dan perkhidmatan kesihatan dan yang berkaitan dengan kesihatan di sektor awam dan swasta.

III. PROSPEK, 1991-95

13.21 Pembangunan sektor kesihatan dalam Rancangan Malaysia Keenam (RM6) akan diteruskan untuk mencapai matlamat Kesihatan Untuk Semua menjelang tahun 2000. Strategi-strategi akan ditumpukan kepada usaha untuk membangun, mengukuh dan mengekalkan sistem perkhidmatan kesihatan yang cekap dan saksama bagi mewujudkan rakyat yang sihat. Sistem ini juga akan menyediakan rawatan kesihatan yang bermutu dan lebih mudah bagi rakyat untuk mendapatkan perkhidmatan kesihatan. Dalam hubungan ini, perkhidmatan kesihatan di peringkat daerah akan terus diperkukuhkan lagi. Kajian RKN yang sedang dijalankan akan menyediakan asas untuk meningkatkan penyelarasan dalam pembangunan kesihatan serta pengurusan perkhidmatan dan sumber kesihatan negara. Peruntukan Kerajaan berjumlah \$2,253 juta akan disediakan di bawah RM6 bagi melaksanakan program dan projek baru serta menyiapkan projek sedia ada yang dilaksanakan dalam tempoh RM5.

Perkhidmatan Pencegahan Kesihatan

13.22 Program pencegahan kesihatan yang berkesan akan terus dilaksanakan dalam tempoh ini bagi mengurangkan perbelanjaan rawatan kesihatan di masa hadapan. Keselamatan dan kesihatan pekerja akan diperkukuhkan sebagai komponen yang penting dalam program perkhidmatan pencegahan kesihatan. Kajian mengenai kesihatan dan keselamatan pekerja yang sedang dijalankan akan membantu dalam mengkaji semula dasar, peraturan dan garis panduan, menyelaras program yang berkaitan serta mengenalpasti keperluan perundangan selanjutnya. Sebuah Institut Kesihatan dan Keselamatan Pekerja berharga \$15 juta akan dibina di bawah RM6.

13.23 Komponen-komponen asas bagi program kebersihan dan alam sekitar akan diperluaskan, terutamanya di luar bandar dan kawasan setinggan. Keutamaan akan diberi kepada kawasan yang mempunyai kadar yang tinggi berlakunya penyakit

berjangkit dan tidak mempunyai bekalan air bersih atau kumpulan penduduk yang tidak mampu mendapatkannya. Peruntukan berjumlah \$63 juta akan disediakan untuk membekal kemudahan tandas kepada 132,800 isi rumah dan bekalan air bersih kepada 200,000 isi rumah.

13.24 Keutamaan akan diberi untuk meneruskan program amalan makanan dan pemakanan kepada penduduk miskin luar bandar dan bandar. Kerajaan akan meningkatkan pengawasan dan penguatkuasaan terhadap kawalan mutu makanan bagi menjamin mutu makanan menepati piawaian yang telah ditetapkan. Penguasa-penguasa tempatan juga akan turut membantu usaha Kementerian Kesihatan. Kementerian akan meningkatkan taraf Institut Kesihatan Umum di Kuala Lumpur dan pusat-pusat latihan amali di seluruh negara. Peruntukan berjumlah \$10 juta akan disediakan bagi melatih kakitangan kesihatan seperti pegawai perubatan dan inspektor kesihatan.

13.25 Program pelalian penyakit seperti polio, kerongkong, pertussis, kancing gigi dan campak akan diperluaskan dengan memberi keutamaan untuk memperbaiki liputan terutamanya di kawasan pedalaman. Usaha-usaha akan dijalankan bagi mencapai liputan sepenuhnya dalam pelalian BCG. Pelalian bagi rubella dan hepatitis B akan diteruskan dan adalah diharapkan kira-kira tiga juta penduduk akan dapat diberi pelalian dalam tempoh RM6.

13.26 Satu program utama untuk mendorong rakyat kearah gaya hidup yang sihat akan dilaksanakan dalam RM6. Program ini bertujuan bagi mengurangkan kejadian penyakit yang berkaitan dengan cara hidup mewah seperti kencing manis dan darah tinggi. Di samping itu, peningkatan kebersihan diri dan cara hidup menerusi pendidikan kesihatan akan dilaksanakan oleh agensi kesihatan dan agensi yang berkaitan dengan kesihatan serta media massa seperti Radio Televisyen Malaysia dan Jabatan Penerangan.

Perkhidmatan Rawatan Kesihatan

13.27 Kemudahan fizikal dan bukan fizikal diperingkat asas, kedua dan ketiga dalam perkhidmatan kesihatan akan ditingkat dan diperkembangkan di dalam RM6. Kerajaan telah memperbaiki sistem rujukan dengan meningkatkan keberkesannya bagi menjamin pesakit mendapat rawatan yang sesuai berdasarkan keperluan. Beberapa langkah seperti menyediakan lebih banyak poliklinik dan perkhidmatan rawatan harian di persekitaran bandar akan diteruskan supaya penggunaan kemudahan dan perkhidmatan diberbagai peringkat dapat dimaksimumkan bagi mengurangkan kesesakan terutamanya di hospital besar.

13.28 Selaras dengan matlamat untuk mencapai agihan perkhidmatan yang saksama, sistem kesihatan peringkat daerah akan diperkukuhkan dengan penyediaan kemudahan X-ray dan menaikkan taraf perkhidmatan makmal di pusat kesihatan dan

poliklinik. Pelan induk yang sedang dijalankan untuk meningkat dan memperbaiki 13 buah hospital besar dan daerah yang sedia ada, serta lain-lain kerja ubahsuai kecil, akan dilaksanakan pada tahun 1992. Sejumlah \$704 juta akan diperuntukkan untuk kerja-kerja pembinaan yang dijangka siap pada tahun 1995. Program peningkatan dan pengubahsuaian ini adalah selaras dengan matlamat Kerajaan untuk menyediakan perkhidmatan kepakaran asas dalam perubatan, pembedahan, paediatric, perbidanan dan sakit puan di beberapa hospital daerah yang terpilih, untuk memenuhi permintaan yang bertambah bagi perkhidmatan tersebut. Perkembangan dalam perkhidmatan kepakaran asas akan disokong oleh bekalan tenaga manusia terlatih yang mencukupi melalui latihan lepasan ijazah.

13.29 Dua daripada hospital daerah yang baru di Yan dan Jitra yang dilaksanakan dalam tempoh RM5 dijangka mula digunakan pada tahun 1991. Disamping peningkatan kemudahan, pembinaan kemudahan rawatan yang baru, seperti pembinaan 32 buah hospital daerah dan Institut Jantung Negara, akan siap dan mula digunakan sebelum hujung tempoh RM6. Peruntukan berjumlah \$1,352 juta akan disediakan untuk pembinaan dan pembelian alat-alat bagi kemudahan-kemudahan tersebut. Kemudahan-kemudahan ini dijangka akan dapat menambahkan bilangan katil sebanyak 1,000 pada hujung tempoh RM6, termasuk katil untuk pembedahan jantung terbuka dan rawatan bagi penyakit kardiovaskular. Kajian untuk menaikkan taraf Perkhidmatan Pemindahan Darah Kebangsaan dan Perkhidmatan Rawatan Kecederaan Spinal akan juga disiapkan dalam tempoh ini.

13.30 Pembinaan sebuah hospital daerah baru di Labuan dengan kemudahan pakar yang asas akan dijalankan untuk membantu pembangunan Labuan sebagai Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa. Bagi menggalak dan meningkatkan pelancungan, Kerajaan telah juga meluluskan pembinaan hospital-hospital daerah baru dan meningkatkan kemudahan kesihatan di Cameron Highlands, Pulau Langkawi, Port Dickson dan Sri Manjung yang berharga \$153 juta.

13.31 Dalam RM6, pembangunan perkhidmatan kesihatan pergigian akan diteruskan dengan tujuan meningkatkan taraf kesihatan pergigian penduduk Malaysia melalui langkah penggalakan, pencegahan, rawatan dan pemulihan. Program penjagaan dan rawatan gigi perseorangan yang dilaksanakan dalam RM5 akan diteruskan. Keutamaan akan diberikan kepada golongan penduduk yang miskin, bagi menentukan perkhidmatan rawatan pergigian yang seimbang di negara ini. Dalam hubungan ini, usaha-usaha akan diambil bagi memperbaiki mutu perkhidmatan pergigian supaya mudah diperolehi terutama di kawasan luar bandar. Penekanan akan diberi untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran profesional di kalangan kakitangan pergigian dan menyediakan lebih banyak perkhidmatan kepakaran pergigian. Keutamaan juga akan diberi untuk memajukan perkhidmatan kesihatan pergigian sekolah.

13.32 Dalam RM6, kawalan mutu bagi menentukan keberkesanan dan keselamatan ubat akan diperkukuhkan. Untuk mencapai tujuan ini, Makmal Kawalan Ubat Kebangsaan akan dipertingkatkan dengan kos \$13 juta. Keutamaan akan juga diberi untuk memperbaiki keupayaan simpanan stor perubatan bagi menentukan satu sistem bekalan ubat yang berkesan di sektor awam. Industri ubat-ubatan mempunyai potensi pembangunan yang baik memandangkan pengeluar tempatan hanya dapat memenuhi 25 peratus keperluan negara. Kerajaan akan menyediakan galakan yang sewajarnya untuk memajukan industri ubat-ubatan tempatan serta menggalakkan usahawan tempatan dan syarikat multinasional asing mendirikan kilang di Malaysia.

Pembangunan Tenaga Manusia

13.33 Kerajaan telah menetapkan matlamat nisbah doktor-penduduk 1:1,500 menjelang tahun 2000 untuk menyediakan taraf rawatan yang lebih baik bagi penduduk dan usaha-usaha akan diambil bagi mencapai matlamat ini. Dalam RM6, program latihan Kerajaan dijangka akan dapat menyediakan 2,000 doktor, manakala 500 doktor lagi dijangka pulang dari luar negeri. Untuk mengatasi kekurangan doktor yang dihadapi sekarang, doktor-doktor yang telah bersara akan terus diambil berkhidmat. Kerajaan telah meluluskan penubuhan sebuah hospital pengajar untuk Universiti Kebangsaan Malaysia di Cheras dan telah menjalankan kajian kemungkinan untuk menubuhkan kompleks perubatan di Universiti Islam Antarabangsa, bagi menambah pengambilan pelajar dalam fakulti perubatan dan meningkatkan pengeluaran doktor. Di samping itu, lebih ramai pelajar akan dihantar belajar ke luar negeri dan lebih ramai lagi doktor dan pakar perubatan dari luar negeri akan diambil bekerja secara kontrak.

13.34 Keupayaan latihan di sekolah jururawat yang sedia ada di bawah Kementerian Kesihatan akan ditingkatkan. Dalam tempoh RM6, lebih kurang 5,295 jururawat akan dilatih oleh Kerajaan. Kerajaan juga akan mempertimbangkan kemungkinan mengambil jururawat dari luar negeri untuk menambah bekalan tempatan. Latihan untuk kakitangan separa perubatan lain yang terdiri dari 800 juruteknik makmal, 2,100 pembantu perubatan, 250 jurupulih rawatan pekerja, 630 pembantu farmasi, 250 jurupulih anggota dan 520 inspektor kesihatan awam akan dijalankan. Memandangkan terdapat kekurangan 400 jururawat pada tahun 1990 dan pembesaran selanjutnya hospital-hospital Kerajaan, sektor swasta akan digalakkan untuk meningkatkan lagi keupayaan melatih bagi menyokong usaha sektor awam. Melalui perjanjian kontrak, Kerajaan akan terus menggalakkan doktor dan pakar perubatan swasta untuk bekerja secara sambilan dengan menggunakan kemudahan yang terdapat di hospital besar dan hospital daerah bagi mengurangkan masalah kekurangan doktor di sektor awam.

Penyelidikan dan Pembangunan Perubatan

13.35 Institut Penyelidikan Perubatan (IPP) akan terus melaksanakan kegiatan P&P dengan tujuan untuk meningkatkan penyelidikan bioperubatan gunaan dan membantu hospital besar dan daerah di negara ini untuk menyediakan perkhidmatan patologi yang lebih canggih. Di samping itu, peruntukan sebanyak \$17 juta daripada tabung P&P untuk sains dan teknologi akan diagihkan kepada IPP untuk menjalankan penyelidikan bioperubatan yang inovatif terhadap beberapa aspek masalah kesihatan dan yang berkaitan dengan kesihatan di bawah program Penumpuan Penyelidikan Di dalam Bidang-bidang Keutamaan (PPDBK). Penyelidikan terhadap penyakit yang berkaitan dengan hidup mewah, masalah kesihatan yang berkaitan dengan mutu makanan, penyakit tropika, Sindrom Kekurangan Daya Tahan Penyakit (AIDS) dan penyakit viral lain akan juga dijalankan.

13.36 Penyelidikan akan juga dijalankan untuk meningkatkan penggunaan teknologi sedia ada untuk mengawal penyakit yang berpunca dari makanan dan bawaan air, kekurangan zat makanan, ketidaksesuaian kesuburan dan penyakit yang boleh diberi pelalian. Penyelidikan ke atas penyakit yang tidak berjangkit yang disebabkan oleh faktor-faktor merbahaya seperti merokok, alkohol dan pencemaran akan diperluaskan. Institusi-institusi pengajian tinggi diperlukan untuk bekerjasama dan menyelaraskan penyelidikan mereka di bawah program PPDBK. Peruntukan berjumlah \$59.8 juta akan disediakan bagi kegiatan P&P dalam bidang perubatan dan kesihatan.

Penyertaan Sektor Swasta

13.37 Kerajaan akan terus menggalakkan sektor swasta menyediakan perkhidmatan kesihatan. Walau bagaimanapun, pertumbuhan perkhidmatan kesihatan sektor swasta perlu diselaraskan supaya dapat menyokong usaha-usaha Kerajaan untuk memenuhi keperluan rakyat terhadap perkhidmatan kesihatan dan juga bagi memastikan kemudahan tersebut diagihkan secara saksama. Kerajaan akan mempertimbangkan perakuan dalam Kajian Pembiayaan Perkhidmatan Kesihatan supaya perkhidmatan doktor swasta diorientasikan bagi memenuhi keperluan negara, melalui tatacara dan amalan yang dipersetujui untuk mengekalkan mutu perkhidmatan berasaskan kemudahan yang ada dan kemampuan pengguna. Dalam keadaan di mana tidak terdapat kemudahan Kerajaan, Kerajaan akan menggunakan kemudahan pihak swasta jika didapati kosnya munasabah. Kerajaan akan mengkaji kemungkinan untuk menswastakan pengurusan dan operasi Institut Jantung Negara, tanpa menjejaskan peluang kakitangan Kerajaan dan golongan yang berpendapatan rendah mendapatkan rawatan. Kerajaan akan terus menggalakkan penubuhan kemudahan kesihatan seperti hospital dan klinik swasta untuk memenuhi permintaan mereka yang mampu untuk menggunakannya.

Pengurusan Perkhidmatan Kesihatan

13.38 Kajian RKN akan disiapkan pada tahun 1992. RKN ini akan mengandungi asas untuk menggerak dan mengguna sumber-sumber kesihatan di sektor awam dan swasta, pembangunan tenaga manusia, pengagihan kemudahan kesihatan serta peningkatan dan pengubahsuaian kemudahan yang sedia ada, insentif kepada sektor swasta untuk berpindah ke kawasan kekurangan kemudahan dan penyelarasan program sektor awam dan swasta. Kajian semula yang lebih mendalam mengenai kajian TKKN akan dijalankan untuk menentukan kebaikan dan keburukan skim yang dicadangkan berbanding dengan sistem pembiayaan kesihatan yang sedia ada di Malaysia pada masa ini. Adalah dijangkakan bahawa Majlis Kesihatan Negara akan ditubuhkan bagi menyelaraskan dasar-dasar dan program bagi sektor kesihatan.

13.39 Bagi menggalakkan pembangunan secara teratur serta penyediaan perkhidmatan dan kemudahan yang lebih saksama di antara kawasan bandar dan luar bandar, satu pelan induk yang menunjukkan keadaan dan lokasi kemudahan dan perkhidmatan kesihatan yang sedia ada dan yang diperlukan untuk seluruh negara akan dirangkakan.

IV. PERUNTUKAN

13.40 Jumlah peruntukan pembangunan untuk sektor kesihatan dalam tempoh RM6 adalah \$2,253 juta seperti ditunjukkan dalam Jadual 13-3. Jumlah ini adalah 4.1 peratus dari jumlah peruntukan pembangunan Kerajaan Persekutuan bagi tempoh RM6 berbanding dengan 2.6 peratus di bawah RM5.

V. PENUTUP

13.41 Kemajuan perkhidmatan kesihatan serta kesejahteraan masyarakat akan terus diberi penekanan dalam tempoh RM6. Matlamat perkhidmatan kesihatan adalah untuk memperbaiki mutu hidup rakyat Malaysia melalui penyediaan perkhidmatan kesihatan yang saksama dan perkhidmatan yang berkaitan dengan kesihatan.

BAB 14 : PEMBANGUNAN SOSIAL

I. PENDAHULUAN

14.01 Pembangunan sosial merupakan bahagian yang penting dalam pembangunan sosio-ekonomi sesebuah negara dan ia turut menyumbang ke arah pembentukan masyarakat yang lebih penyayang. Program-program pembangunan sosial merangkumi projek perumahan, program belia, sukan, pembangunan masyarakat serta kebajikan sosial. Program-program ini adalah bertujuan untuk menanam nilai-nilai positif, sifat berdikari dan ketahanan diri dalam masyarakat, dan ianya memberi sum-bangan yang bermakna bagi pembangunan lain-lain sektor dalam ekonomi serta meningkatkan taraf hidup.

II. KEMAJUAN, 1986-90

14.02 Matlamat dasar perumahan adalah untuk menyediakan kemudahan perumahan yang mencukupi dan mampu dibeli oleh rakyat Malaysia dari semua kumpulan pendapatan, terutamanya golongan yang berpendapatan rendah. Pembangunan program perumahan juga bertujuan untuk menyediakan kehidupan yang lebih sempurna dan dalam jangka panjang, dapat memupuk integrasi sosial di kalangan masyarakat. Untuk mencapai matlamat ini program pembangunan perumahan dilaksana berdasarkan konsep penempatan penduduk, di mana kawasan perumahan disediakan dengan berbagai kemudahan sosial seperti sekolah, klinik, kemudahan untuk bersukan, rekreasi, tempat beribadat serta ruang perniagaan seperti rumah kedai dan pasar.

Perumahan Sektor Awam dan Swasta

14.03 Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima (RM5), sebanyak 701,500 unit telah dirancang untuk pembinaan, dengan sektor awam dijangka membina 21 peratus atau 149,000 unit dan sektor swasta sebanyak 79 peratus atau 552,500 unit. Walau bagaimanapun, kira-kira 300,930 unit telah siap dibina dalam tempoh tersebut. Daripada jumlah itu, kira-kira 164,400 unit adalah rumah kos rendah, 116,780 unit rumah kos sederhana dan 19,750 unit rumah kos tinggi. Sektor awam telah menyiapkan kira-kira 97,130 unit atau 65 peratus dari jumlah sasaran, manakala sektor swasta pula telah menyiapkan 203,800 unit atau 37 peratus. Jadual 14-1 menunjukkan pencapaian sektor awam dan swasta dalam tempoh Rancangan.

14.04 Perumahan kos rendah dimajukan oleh kedua-dua sektor iaitu Kerajaan melalui pembiayaan awam, dan sektor swasta. Dari jumlah 495,000 unit yang dirancang, kira-

kira 164,400 unit atau 33 peratus telah siap dibina. Sektor awam telah membina kira-kira 74,330 unit atau 61 peratus daripada sasarannya, sementara sektor swasta di bawah skim pembinaan rumah kos rendah biasa telah membina kira-kira 4,940 unit atau 4 peratus. Pencapaian yang rendah dalam pembinaan rumah kos rendah jenis biasa oleh sektor swasta, adalah disebabkan sebahagiannya oleh peralihan tumpuan sektor swasta kepada Program Khas Perumahan Kos Rendah (PKPKR) yang menawarkan keistimewaan yang lebih menarik.

14.05 PKPKR yang telah dilancarkan dalam tahun 1986 dan dirancang untuk disiapkan dalam tahun 1989, merupakan sebahagian daripada langkah-langkah anti-kemelesetan yang telah dirangka untuk mendorong pertumbuhan ekonomi di masa kemelesetan serta meningkatkan penawaran rumah-rumah kos rendah. Beberapa keistimewaan yang disediakan di bawah PKPKR telah menggiatkan lagi pelaksanaan program tersebut. Kemudahan yang ditawarkan termasuklah penubuhan agensi setempat untuk meluluskan permohonan, kelonggaran syarat-syarat, peraturan-peraturan dan standard serta kemudahan mendapatkan pembiayaan dari bank-bank perdagangan. Keistimewaan-keistimewaan ini diperkenalkan dengan tujuan untuk mengurangkan kos pembinaan.

14.06 PKPKR mendapat sambutan yang menggalakkan dari pemaju-pemaju swasta. Sejumlah 334,600 unit telah didaftar untuk pembinaan berbanding dengan 240,000 unit yang telah dirancang. Walau bagaimanapun, sehingga tahun 1990, hanya kira-kira 83,940 unit atau 35 peratus telah siap dibina. Jadual 14-2 menunjukkan prestasi PKPKR mengikut negeri.

14.07 Kemajuan yang kurang memuaskan dalam pelaksanaan program perumahan, termasuk PKPKR, adalah disebabkan oleh berbagai-bagai faktor. Ini termasuklah ketidaksuaiannya tapak atau lokasi, masalah pengurusan dan kewangan yang dihadapi oleh pemaju-pemaju, penyalahgunaan wang pungutan daripada pembeli-pembeli rumah, kontraktor-kontraktor yang tidak cekap serta kelewatan mendapatkan kelulusan pelan perumahan. Faktor-faktor ini telah mengakibatkan banyak projek terbengkalai, melibatkan kira-kira 277 projek mengandungi 63,560 unit yang melibatkan 36,130 pembeli. Kebanyakan dari projek-projek ini dikendalikan oleh sektor swasta dimana 80 peratus merupakan rumah-rumah kos sederhana. Jadual 14-3 menunjukkan projek-projek perumahan terbengkalai mengikut negeri.

14.08 Kerajaan telah menubuhkan Tabung Pemulihan Projek Terbengkalai dalam tahun 1990 untuk mengatasi masalah projek perumahan terbengkalai. Tabung ini adalah di bawah pentadbiran dan pengawasan Bank Negara Malaysia. Peruntukan awal sejumlah \$300 juta yang disediakan di bawah tabung ini telah kemudiannya ditingkatkan kepada \$600 juta. Penubuhan tabung ini adalah untuk membantu pemaju perumahan yang layak menerima bantuan kewangan untuk menyiapkan projek mereka dan juga untuk membantu pembeli-pembeli mendapatkan rumah

mereka. Jawatankuasa Penyelarasan telah ditubuhkan di setiap negeri untuk menyelaraskan dan memudahkan proses pemulihan projek-projek terbengkalai.

14.09 Dalam tempoh RM5, syarat-syarat Skim Pinjaman Perumahan Kakitangan Kerajaan telah dikaji semula. Kadar faedah yang dikenakan ke atas pinjaman perumahan telah diturunkan daripada 6 peratus kepada 4 peratus setahun dan jumlah pinjaman pula ditentukan mengikut kelayakan peminjam. Langkah-langkah ini dilaksanakan untuk memberi kemudahan yang lebih luas kepada kakitangan Kerajaan untuk membuat pinjaman membeli rumah mengikut kemampuan masing-masing.

14.10 Dalam tempoh RM5, kekurangan penawaran di sertai dengan kenaikan harga rumah kos rendah, telah menjejaskan keupayaan golongan yang berpendapatan rendah untuk membeli rumah. Di samping itu, terdapat juga kekurangan penawaran rumah-rumah kos sederhana rendah bagi memenuhi permintaan golongan yang berpendapatan di antara \$1,000 hingga \$1,500 sebulan. Penawaran yang terhad bagi rumah-rumah dalam kategori ini, telah mengakibatkan golongan tersebut membeli rumah-rumah kos rendah. Dengan adanya persaingan ini, telah menjejaskan lagi peluang golongan yang berpendapatan rendah untuk mendapatkan rumah kos rendah.

14.11 Skim Pertapakan dan Kemudahan yang telah dimulakan dalam tempoh Kajian Semula RM5 mendapat sambutan yang menggalakkan dari Kerajaan-kerajaan Negeri. Program ini dirangka sebagai alternatif kepada perumahan kos rendah, terutamanya untuk mereka yang tidak mampu membeli rumah kos rendah dibawah program yang sedia ada. Di bawah Skim ini, kos seunit termasuk kos penyediaan tapak dan infrastruktur ialah \$10,000 di Semenanjung Malaysia dan \$13,000 di Sabah dan Sarawak. Dalam tempoh RM5, sebanyak 12 projek yang mengandungi 1,840 unit, telah diluluskan untuk pelaksanaan di Negeri Kelantan, Pahang, Perak dan Sarawak.

Pembangunan Perumahan di Kawasan Luar Bandar

14.12 Program Pengumpulan Semula Kampung Tradisional dan Program Pemulihan Kampung diperkenalkan sebagai usaha untuk meningkatkan mutu hidup masyarakat luar bandar. Di bawah Program Pengumpulan Semula Kampung Tradisional, keutamaan telah diberikan kepada pembangunan semula kampung-kampung yang berselerak yang terletak di kawasan yang kerap dilanda banjir, kampung di persisiran pantai yang menghadapi masalah hakisan pantai serta kampung yang terpencil di kawasan pedalaman. Kampung-kampung ini dikumpulkan semula mengikut kelompok-kelompok sosio-ekonomi supaya pengagihan sumber yang berkesan dan optimum dapat dijalankan di samping menyediakan kemudahan sosial dan infrastruktur yang lebih berkesan. Sejumlah 198 buah kampung telah dikumpulkan kepada 64 kelompok sosio-ekonomi dan disediakan dengan kemudahan sosial dan infrastruktur. Program Pemulihan Kampung yang telah diadakan semula adalah memberi tumpuan kepada golongan rakyat termiskin. Di bawah Program ini, b-

antuan kewangan dan bahan binaan disediakan untuk membaik-pulih rumah-rumah yang dhaif. Sehingga tahun 1990, sejumlah 15,720 rumah telah dibaikpulih.

Sukan

14.13 Dasar Sukan Negara (DSN) yang telah diperkenalkan pada tahun 1989, menyediakan garis panduan untuk memajukan sukan negara dengan menumpukan kepada program sukan berprestasi tinggi dan sukan untuk semua. Matlamat program sukan berprestasi tinggi adalah untuk mencapai kecemerlangan dalam kejohanan sukan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa serta meningkatkan imej negara. Sukan untuk semua pula bertujuan untuk menggalak lebih ramai penyertaan dalam kegiatan sukan dan rekreasi, terutamanya masyarakat peringkat bawahan, bagi membentuk masyarakat yang sihat, cergas, dan produktif. Berbagai program pembangunan sukan telah dilaksanakan dalam tempoh RM5, yang meliputi program latihan untuk ahli dan pegawai sukan, pembangunan kemudahan sukan, penganjuran pertandingan dan kegiatan luar serta penyediaan insentif-insentif.

14.14 Dalam tempoh RM5, sektor awam telah mempertingkatkan taraf dan mengubahsuai serta membina kemudahan-kemudahan sukan yang baru di peringkat kebangsaan dan negeri. Di antaranya termasuklah Stadium Merdeka, Stadium Negara, Stadium Hoki Tun Razak dan Kompleks Skuash, Pusat Tenis Negara, Kompleks Sukan Wilayah Persekutuan, Pusat Sukan Kuala Lumpur serta Gelanggang-gelanggang Budaya Negeri dan Kompleks-kompleks Sukan Negeri. Kemudahan-kemudahan sukan dan mini kompleks sukan juga dibina di bandar-bandar kecil dan di luar bandar. Di samping itu, Kerajaan juga memberi sumbangan kepada pembinaan Ibu Pejabat Majlis Olimpik Malaysia di Kuala Lumpur.

14.15 Latihan bagi ahli-ahli sukan untuk pertandingan peringkat antarabangsa sebahagian besarnya adalah dikelolakan oleh Persatuan Sukan Kebangsaan (PSK) masing-masing dan kadangkala turut mendapat bantuan sektor swasta. Majlis Sukan Negara (MSN) telah menyediakan bantuan kepada ahli-ahli sukan dalam persediaan mereka untuk menyertai pertandingan-pertandingan peringkat antarabangsa seperti Sukan SEA, Sukan Asia dan Sukan Olimpik. Program Pembangunan Ahli-ahli Sukan yang telah dilancarkan oleh Kerajaan pada tahun 1989 seterusnya memperkukuhkan lagi program latihan dan persediaan untuk ahli-ahli sukan, jurulatih-jurulatih serta pentadbir-pentadbir persatuan.

14.16 Beberapa sekolah menengah tertentu di setiap negeri telah ditetapkan untuk dijadikan sekolah sukan mengikut pengkhususan sesuatu jenis sukan. Pelajar berbakat dipilih dan dikumpulkan di sekolah-sekolah ini untuk diberi latihan khusus di dalam bidang sukan masing-masing. Kemudahan sukan di sekolah-sekolah ini telah ditambah atau dipertingkatkan tarafnya. Walau bagaimanapun, kekurangan jurulatih dan tenaga pengajar yang berkelayakan telah menjejaskan pelaksanaan program ini.

14.17 Malaysia telah berjaya menganjurkan beberapa kejohanan sukan utama yang telah mempertingkatkan imej negara. Malaysia telah berjaya menjadi tuan rumah kepada Sukan SEA pada tahun 1989 dan lain-lain kejohanan seperti Kejohanan Hoki Remaja Dunia (1989), Kejohanan Terbuka Skuash Dunia (1989), Kejohanan Tenis Profesional Antarabangsa (1989-90), Badminton Piala Dunia (1990), Kejohanan Bola Keranjang Remaja Dunia (1990) dan Kejohanan Persatuan Golf Profesional (1990).

Belia

14.18 Belia merupakan kumpulan penting dalam masyarakat dan mewakili sebahagian besar penduduk. Dalam tahun 1990, sejumlah 7.6 juta atau 42 peratus daripada jumlah penduduk terdiri daripada belia-belia di antara umur 15 hingga 40 tahun. Menjelang tahun 2000 jumlah belia dijangka meningkat kepada 9.3 juta. Dengan pertambahan ini, adalah dijangkakan lebih banyak cabaran akan dihadapi untuk membolehkan para belia memainkan peranan yang berkesan dalam negara. Oleh itu perancangan jangka panjang adalah perlu untuk membangunkan potensi para belia ini.

14.19 Kemajuan dan kesejahteraan negara yang berterusan sebahagian besarnya bergantung kepada belia memandangkan mereka merupakan aset dan potensi dalam usaha untuk membangunkan negara. Dalam hubungan ini, adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk merancang dan melaksanakan program belia yang selaras dengan hasrat yang terkandung dalam Dasar Pembangunan Nasional (DPN).

14.20 Dasar Belia Negara yang digubal pada tahun 1985 telah menyediakan asas untuk pembangunan yang seimbang di dalam bidang ekonomi dan sosial untuk para belia. Program-program yang dilaksanakan dalam tempoh RM5 meliputi kerja-kerja pembesaran pusat latihan sedia ada, pembinaan pusat latihan yang baru, dan kegiatan-kegiatan yang bertujuan untuk menyatupadukan belia dari berbagai kumpulan ethnik serta memupuk semangat perpaduan, berdikari dan berdisiplin.

14.21 Pusat Latihan Belia yang sedia ada di beberapa negeri telah diperbesarkan bagi menampung pertambahan permintaan terhadap latihan kemahiran, terutama dari kalangan belia yang menganggur. Di samping itu, pelbagai program juga telah dilaksanakan untuk menanam sifat berdisiplin, bertanggungjawab, bermotivasi dan kepimpinan di kalangan belia. Bagi tempoh RM5, seramai 1,865 belia telah dilatih dalam berbagai bidang di Dusun Tua, 1,500 di Pertak, Kuala Kubu Bharu, 450 di Skudai dan 825 di Kuala Terengganu, manakala 4,870 belia telah diberi latihan sambil kerja di beberapa syarikat perniagaan. Pusat Latihan Kemahiran Tinggi di Sepang telah ditubuhkan dalam tahun 1990 untuk memberi latihan kemahiran lanjutan dalam bidang kerja logam, pembuatan alat dan acuan dan pemesenan. Pada masa ini, terdapat seramai 100 pelatih yang sedang mengikuti berbagai kursus.

14.22 Selaras dengan matlamat untuk menggalakkan belia mengusahakan pekerjaan sendiri, seramai 10,000 belia telah terlibat dalam rancangan belia niaga dan belia peladang. Tabung Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Ekonomi Belia telah diwujudkan pada tahun 1987 bertujuan untuk membiayai projek perniagaan kecil termasuk projek yang berasaskan pertanian. Sehingga kini, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah melaksanakan 340 projek bernilai \$4.2 juta dan mewujudkan kira-kira 3,000 peluang pekerjaan. Dalam tahun 1990, terdapat 30 buah persatuan belia dengan kira-kira 7,500 buah cawangan yang mempunyai keahlian kira-kira seramai 1.4 juta di seluruh negara. Aktiviti persatuan-persatuan tersebut diselaraskan di peringkat kebangsaan oleh Majlis Belia Malaysia bertujuan untuk mewujudkan belia yang bersatupadu dan berdisiplin. Program pertukaran belia di antara Malaysia dengan beberapa negara lain juga telah dilaksanakan di dalam tempoh tersebut.

Perkhidmatan Kebajikan Masyarakat

14.23 Dasar Kebajikan Masyarakat Negara yang digubal pada tahun 1990 adalah untuk membentuk masyarakat yang berdikari, stabil dan penyayang demi kemajuan negara. Dasar ini menyokong usaha-usaha yang bertambah untuk membantu orang-orang cacat, yang tidak berupaya, fakir miskin dan mereka yang kurang bernasib baik untuk membolehkan mereka turut sama menikmati faedah dari pembangunan sosio-ekonomi negara. Ia juga menekankan kepada perlunya memberi keutamaan kepada proses pembangunan negara dan bagi menjamin kesejahteraan rakyat. Ini boleh dicapai melalui proses pembangunan ke arah meningkatkan potensi semua kumpulan di dalam masyarakat. Perhatian khusus juga diberi bagi mewujudkan peluang-peluang yang saksama kepada kumpulan-kumpulan yang mundur, untuk membolehkan mereka menikmati hidup yang lebih sempurna. Aspek-aspek kebajikan masyarakat yang diberi penekanan adalah integrasi dan kesepaduan sosial, pembangunan masyarakat, pendidikan dan pembangunan sosial serta memberi perhatian kepada golongan yang mempunyai keperluan yang khusus. Melalui usaha-usaha ini, kebajikan semua kaum adalah terjamin dalam proses untuk mencapai perpaduan negara.

14.24 Selaras dengan matlamat dasar tersebut, Kerajaan telah membelanjakan sebanyak \$7.5 juta di bawah RM5 untuk memperbaiki dan membina 294 buah Rumah Orang-orang Tua di seluruh negara dan kira-kira \$12 juta untuk pemulihan dan latihan bagi mereka yang cacat dan kurang berupaya. Dalam tempoh RM5, beberapa pertubuhan sukarela dan jawatankuasa kebajikan diperingkat daerah untuk kanak-kanak telah diberi bantuan bagi menjalankan aktiviti-aktiviti mereka. Kesedaran dan penglibatan orang ramai terhadap penjagaan golongan tua, golongan tidak berupaya dan golongan yang melarat telah dipertingkatkan melalui Program Pemulihan Masyarakat.

Penerangan dan Penyiaran

14.25 Peranan penerangan dan penyiaran adalah untuk membantu ke arah membangunkan masyarakat yang berpengetahuan, mempunyai nilai dan sikap positif, bermoral tinggi dan bersedia menerima pemodenan. Media penyiaran dan perhubungan bersemuka adalah alat yang paling berkesan untuk menyebarkan maklumat mengenai dasar, program dan strategi pembangunan Kerajaan, untuk menentukan kestabilan sosial dan politik. Untuk tujuan ini, liputan radio dan televisyen di negara ini telah diperluaskan melalui pertambahan dan peningkatan perkhidmatan penyiaran radio dan televisyen. Sebagai strategi penerangan ke arah membentuk negara Malaysia bersatu yang cergas, tekun, setia dan dedikasi, aktiviti-aktiviti yang melibatkan penyertaan masyarakat di peringkat bawahan telah dijalankan, bagi meningkatkan kejayaan proses pembangunan. Program-program keluaran tempatan telah ditambah selaras dengan prinsip-prinsip utama Rukunegara. Di samping meningkatkan usaha untuk memupuk, memaju dan melindungi industri filem tempatan, Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Berhad (FINAS) juga memberi penekanan kepada perkembangan profesionalisma di kalangan pembuat filem, bagi menentukan sumbangan yang lebih berkesan oleh sektor swasta kepada modenisasi dan perpaduan negara. Filem Negara telah membantu usaha-usaha RTM dan industri perfileman dengan mengeluarkan filem pendek dan dokumentari yang berupaya menyemai nilai-nilai kerohanian dan kebendaan yang seimbang, di kalangan rakyat berbilang kaum.

Perkhidmatan Perpustakaan

14.26 Matlamat program pembangunan perpustakaan adalah untuk menyemai dan menggalakkan sikap gemar membaca di kalangan masyarakat Malaysia, untuk melahirkan masyarakat yang berpengetahuan dan berilmu serta peka kepada keadaan semasa selaras dengan matlamat negara untuk melahirkan warganegara yang berkualiti. Untuk mencapai matlamat ini, rangkaian perkhidmatan perpustakaan yang berkesan di kawasan bandar dan luar bandar telah dilaksanakan. Di kawasan luar bandar perkhidmatan perpustakaan telah dipergiatkan lagi melalui perkhidmatan perpustakaan bergerak. Dalam tempoh RM5, sebanyak 17 buah perpustakaan telah dibina di seluruh negara. Daripada jumlah ini, dua buah telah disiapkan manakala 15 buah lagi masih dalam berbagai peringkat pembinaan. Dalam usaha untuk menyediakan perkhidmatan perpustakaan bergerak, sebanyak 14 unit telah diperolehi dan diagihkan kepada semua negeri. Pembinaan bangunan Perpustakaan Negara dengan kemudahan komputer yang dimulakan pada tahun 1989 dijangka siap sepenuhnya pada tahun 1991.

Perkhidmatan Bomba

14.27 Matlamat perkhidmatan bomba ialah untuk memberi perkhidmatan yang berkesan dalam mencegah dan melawan kebakaran untuk melindungi nyawa dan

harta benda. Dalam tempoh RM5, terdapat 62,900 kebakaran yang menyebabkan kerugian sebanyak \$1,033 juta. Akta Perkhidmatan Bomba telah diluluskan pada tahun 1988 untuk menyediakan garis panduan mengenai peranan, fungsi dan bidang kuasa Jabatan Perkhidmatan Bomba. Akta ini juga memberi garis panduan kepada orang awam mengenai pencegahan kebakaran dan keselamatan di semua tempat.

14.28 Dalam tempoh RM5, tiga balai bomba baru telah siap dibina di Kerteh, Pasir Gudang dan Kota Bharu. Di samping itu, 67 unit kereta bomba baru telah diperolehi bagi menggantikan atau menambah kereta bomba yang sedia ada.

Koperasi

14.29 Koperasi-koperasi ditubuhkan untuk menyediakan peluang kepada orang ramai untuk menabung, melabur dan menceburi bidang perniagaan. Kerajaan memainkan peranan penting dalam menggalakkan penubuhan koperasi yang teguh yang mempunyai bilangan ahli yang ramai, bagi membolehkan koperasi tersebut untuk mendapatkan modal dan sumber kewangan yang mencukupi untuk pelaburan. Untuk meningkatkan keupayaan, pengarah-pengarah eksekutif dan pegawai-pegawai koperasi telah diberi latihan dalam pengurusan dan pelaburan di Maktab Kerjasama Malaysia. Kerajaan juga telah membantu koperasi-koperasi yang menghadapi masalah kekurangan modal melalui kemudahan pinjaman dengan kadar faedah yang rendah.

14.30 Dalam tahun 1990, terdapat 3,333 buah koperasi dengan jumlah keahlian kira-kira 2.7 juta orang. Aktiviti-aktiviti koperasi juga menyediakan peluang pekerjaan untuk ahli-ahlinya. Dalam tahun 1990 kira-kira 11,300 orang telah mendapat pekerjaan di beberapa badan koperasi di mana kira-kira 9,600 orang merupakan kakitangan tetap dan bakinya kakitangan sementara.

14.31 Dalam tahun 1990, terdapat 363 pertubuhan koperasi kredit termasuk 18 koperasi penerima deposit yang terletak di bawah pengawasan Jabatan Pembangunan Koperasi. Jumlah tersebut tidak termasuk 21 koperasi penerima deposit yang aktiviti-nya telah dibekukan dan diletakkan di bawah pengawalan Bank Negara Malaysia semenjak tahun 1986.

14.32 Kerajaan juga menggalakkan penubuhan Koperasi Pembangunan Daerah (KPD) di beberapa daerah. Sehingga akhir tahun 1990, terdapat sebanyak 76 KPD telah ditubuhkan. Jumlah keahlian KPD dianggarkan seramai 25,000 orang dan modal berbayar kira-kira \$900,000. Beberapa KPD telah berjaya mempelbagai aktiviti mereka dalam bidang baru seperti pembinaan.

Pembangunan Masyarakat

14.33 Objektif utama program pembangunan masyarakat adalah untuk menanam nilai-nilai yang positif berorientasikan sifat ingin maju dan berdikari di kalangan penduduk luar bandar dan separa bandar. Berbagai agensi seperti Bahagian Kemajuan Masyarakat (KEMAS) di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) telah melaksanakan kegiatan-kegiatan pembangunan masyarakat. Kegiatan-kegiatan yang dijalankan oleh KEMAS termasuk program pembangunan keluarga, pemakanan, kesihatan keluarga, kebersihan, ekonomi rumahtangga serta penyediaan perkhidmatan lain seperti penubuhan perpustakaan luar bandar dan taman bimbingan kanak-kanak. Kira-kira 5,100 taman bimbingan kanak-kanak telah ditubuhkan dan telah membimbing seramai 151,660 kanak-kanak, terutamanya di luar bandar. Lain-lain program yang dijalankan termasuk peningkatan dan pengubahsuaian sepuluh pusat kegiatan masyarakat seperti perpustakaan luar bandar dan taman bimbingan kanak-kanak.

14.34 Kekurangan kakitangan sosial yang terlatih dalam pembangunan masyarakat merupakan masalah utama yang dialami dalam tempoh Rancangan. Walau bagaimanapun, program yang sedia ada telah dapat dilaksanakan melalui perlantikan kakitangan secara kontrak, bagi menentukan perkhidmatan yang berkualiti dapat disediakan. Di samping itu, penglibatan masyarakat yang lebih ramai digalakkan melalui kegiatan gotong royong.

Kebudayaan

14.35 Kebudayaan berperanan untuk memperkayakan keperibadian kebangsaan, memperkukuhkan kefahaman mengenai kebudayaan antara kumpulan etnik, menyemai kesedaran serta menghargai seni dan budaya di kalangan masyarakat. Dalam tempoh RM5, usaha-usaha yang gigih telah dilaksanakan dalam pemuliharaan dan penjagaan warisan budaya, penyebaran maklumat-maklumat mengenai kebudayaan dan pembangunan seni serta budaya. Program-program latihan, penyelidikan, penggalakan dan pembangunan pelbagai bidang kesenian dan kebudayaan telah juga dilaksanakan. Di antara projek-projek yang telah dilaksanakan termasuk meningkatkan taraf Kompleks Budaya Negara, bangunan Balai Seni Lukis Negara dan penyediaan teater seni yang bertempat di Bangunan Pusat Penerangan Pelancungan.

III. PROSPEK, 1991-95

Perumahan

14.36 Penyediaan perumahan yang merupakan keperluan asas sosial akan terus diberi penekanan oleh Kerajaan dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam (RM6). Kerajaan akan terus memastikan harga rumah akan berada pada tahap yang mampu dibeli oleh rakyat dari berbagai peringkat pendapatan, terutamanya bagi golongan yang berpendapatan rendah. Untuk mencapai hasrat ini, strategi-strategi dan program-program yang sedia ada akan diteruskan. Sektor swasta akan terus digalakkan untuk membina lebih banyak rumah kos rendah dan kos sederhana-rendah sementara sektor awam akan menambah bekalan rumah dalam kategori ini. Langkah-langkah akan diambil untuk memastikan harga rumah kos rendah berada di paras \$25,000 seunit atau kurang supaya ianya mampu dibeli oleh golongan yang berpendapatan rendah. Bagi tujuan ini, beberapa Kerajaan Negeri sedang mengkaji semula formula yang sedia ada dan akan mengambil langkah-langkah untuk membina rumah kos rendah dalam lingkungan harga di antara \$15,000 hingga \$18,000 seunit.

14.37 Kerajaan akan terus memainkan peranan untuk menggalak dan menyediakan perkhidmatan sokongan kepada sektor swasta. Di antara langkah-langkah yang akan diambil termasuk mengemaskini undang-undang dan peraturan, menyemak semula standard infrastruktur dengan tujuan untuk meningkatkan kepadatan dan penggunaan lot tanah dan mempergiatkan aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan untuk menghasilkan bahan-bahan dan teknik pembinaan yang lebih murah. Sela-ras dengan kon sep Persyarikatan Malaysia, kumpulan-kumpulan penting dalam industri perumahan seperti Persatuan Pemaju Perumahan (HDA), Persatuan Pemborong-pemborong Binaan Malaysia (MBA), dan pembekal-pembekal bahan binaan perlu memberi sokongan kepada usaha-usaha Kerajaan untuk memastikan penawaran rumah kos rendah dan kos sederhana rendah adalah mencukupi. Di samping itu, MBA juga boleh memainkan peranan dalam memajukan teknologi pembinaan rumah kos rendah yang lebih berkesan untuk melengkapkan lagi usaha-usaha penyelidikan yang dijalankan oleh Jabatan Perumahan Negara, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

14.38 Kerajaan akan juga melaksanakan Peraturan-peraturan Pemaju Perumahan (Akaun Pemajuan Perumahan) yang telah diluluskan dalam bulan Ogos 1990. Peraturan tersebut dijangka akan berkuatkuasa pada bulan Ogos 1991. Akaun ini adalah bertujuan untuk mengawal penggunaan wang yang dipungut atau wang yang dikumpul oleh pemaju perumahan berlesen dari pembeli-pembeli rumah bagi membangun projek-projek perumahan. Di bawah peraturan ini, wang yang dipungut oleh pemaju untuk sesuatu projek perumahan akan hanya boleh digunakan untuk projek berkenaan sahaja. Dengan pelaksanaan peraturan ini, ianya akan menghalang penyalahgunaan wang yang dipungut dari pembeli-pembeli rumah, dan dengan ini

pembeli akan dilindungi dari penyalahgunaan oleh pemaju. Di samping itu, pelaksanaan peraturan-peraturan ini juga akan memastikan projek-projek perumahan tidak akan menghadapi masalah projek terbengkalai akibat dari masalah kewangan yang berpunca dari penyalahgunaan wang oleh pemaju-pemaju.

Perumahan Sektor Awam dan Swasta

14.39 Dalam tempoh RM6, sebanyak kira-kira 602,700 unit rumah adalah diperlukan. Dari jumlah ini, kira-kira 444,900 unit adalah untuk memenuhi permintaan baru, sementara kira-kira 157,800 unit lagi adalah untuk mengganti dan memperbaiki rumah yang sedia ada. Pengagihan keperluan perumahan mengikut negeri ditunjukkan seperti di Jadual 14-4.

14.40 Dalam usaha untuk memenuhi keperluan perumahan ini, sebanyak 573,000 unit akan dibina oleh kedua-dua sektor awam dan swasta termasuk rumah kakitangan bagi Angkatan Tentera, Polis, Kastam dan Perkhidmatan Bomba. Di mana perlu, pihak Kerajaan akan menimbang untuk membeli bangunan-bangunan yang sesuai dan rumah-rumah yang telah siap dibina oleh pemaju swasta bagi memenuhi keperluan perumahan anggota-anggota berpakaian seragam ini. Jadual 14-1 menunjukkan ringkasan program perumahan yang dicadang untuk pembinaan oleh sektor awam dan swasta. Kerajaan juga akan menggalakkan penswastaaan skim-skim perumahan sebagai langkah untuk mendorong dan meningkatkan penglibatan sektor swasta dalam pembangunan perumahan. Untuk tujuan ini, Kerajaan-kerajaan Negeri akan digalakkan untuk mengenalpasti projek-projek perumahan yang sesuai untuk diswastakan.

14.41 Program perumahan kos rendah merupakan komponen utama daripada jumlah unit-unit perumahan yang dirancang untuk dibina dalam tempoh RM6 yang mengandungi kira-kira sebanyak 343,800 unit, termasuk baki unit-unit dibawah PKPKR. Jumlah ini merupakan 60 peratus daripada sasaran perumahan sebanyak 573,000 unit. PKPKR akan diteruskan dalam tempoh RM6 untuk memenuhi sasaran sebanyak 240,000 unit mengikut perancangan asal. Suatu penilaian terhadap kedudukan pelaksanaan program ini akan dijalankan.

14.42 Kemudahan-kemudahan perumahan yang sesuai untuk pekerja perindustrian akan disediakan untuk memudahkan penyertaan mereka di dalam kawasan perindustrian masing-masing. Bagi mencapai tujuan ini, kawasan-kawasan perumahan dan kemudahan-kemudahan akan ditempatkan berhampiran dengan kawasan perindustrian. Pihak Berkuasa Negeri serta pemaju-pemaju swasta yang terlibat dengan pembangunan kawasan perindustrian adalah dikehendakki memperuntukkan tapak bagi pembangunan perumahan yang bersesuaian dengan keperluan pekerja di sektor perindustrian. Dari segi pelaksanaan, pemaju-pemaju perumahan perlulah menyelaras projek-projek perumahan mereka dengan pembangunan zon-zon perindustrian. Penyelarasan ini adalah perlu untuk mengelak

projek-projek perumahan daripada memasuki kawasan-kawasan perindustrian yang boleh menimbulkan masalah pencemaran dan kesihatan kepada penduduk setempat.

14.43 Pertumbuhan setinggan yang semakin meningkat di kawasan bandar akan menimbulkan masalah-masalah sampingan seperti kesihatan, kesesakan, dan masalah sosial yang lain sekiranya tidak dikawal. Untuk mengatasi masalah-masalah ini, program-program penempatan semula setinggan akan dilaksanakan dalam tempoh RM6. Bagi keluarga-keluarga setinggan yang tinggal di kawasan yang akan dibangunkan, mereka akan diberi pilihan sama ada untuk membeli atau menyewa rumah kos rendah yang telah sedia dibina ataupun ditempatkan di rumah-rumah sementara sebelum dipindahkan ke rumah kos rendah yang kekal.

Pembangunan Perumahan di Kawasan Luar Bandar

14.44 Pembangunan perumahan di kawasan luar bandar akan dilaksanakan berpandu kepada konsep Halacara Baru pembangunan desa dengan tujuan untuk memodenkan kampung-kampung tradisional melalui pelbagai pendekatan pembangunan. Pendekatan ini adalah perlu untuk membangunkan 11,750 buah kampung tradisional yang berselerak di kawasan-kawasan terpencil. Kampung-kampung ini kekurangan kemudahan-kemudahan infrastruktur dan sosial serta ketinggalan dalam arus pembangunan kerana kedudukannya itu. Dari jumlah 11,750 buah kampung tradisional ini, kira-kira 644 buah kampung telah dikenalpasti mempunyai potensi untuk dibangunkan sebagai Pusat Pertumbuhan Desa (PPD). Di samping itu, bagi program golongan rakyat termiskin, kira-kira 27,350 unit rumah akan dibaikpulih. Bagi pekerja-pekerja estet pula, Kerajaan akan mengambil langkah-langkah pentadbiran dan lain-lain usaha untuk membantu pihak pengurusan estet melaksanakan skim perumahan, seperti skim pemilikan rumah untuk pekerja.

14.45 Di bawah program PPD, sebanyak 11 buah pusat pertumbuhan akan diwujudkan. Pusat-pusat ini akan dimaju dan disediakan dengan kemudahan infrastruktur dan sosial. Aktiviti ekonomi moden, termasuk pembangunan industri ringan dan industri perkhidmatan akan diwujudkan dengan matlamat keseluruhan untuk membangunkan pusat-pusat tersebut sebagai pusat ekonomi setempat. Di bawah Program Pengumpulan Semula Kampung Tradisional, sejumlah 304 buah kampung akan dikumpulkan semula ke dalam 168 kelompok ekonomi. Kampung-kampung ini akan disediakan dengan kemudahan infrastruktur dan sosial yang sesuai.

Sukan

14.46 Dalam tempoh RM6, Kajian Rancangan Pembangunan Sukan Negara akan disiapkan untuk memudahkan pengembelian sumber -sumber secara berkesan dalam sektor swasta dan awam bagi pembangunan sukan. Rancangan ini, antara lain akan merangkumi pengembelian sumber manusia dalam bidang sukan, kemudahan

fizikal dan infrastruktur. Langkah-langkah akan diambil untuk memperbaiki organisasi dan institusi untuk meningkatkan pengurusan sukan dan menggalakkan pembangunan industri sukan.

14.47 Pembinaan kemudahan baru serta pembesaran dan pengubahsuaian kemudahan yang sedia ada akan diteruskan dalam tempoh Rancangan termasuk stadium dan kompleks-kompleks sukan negeri di Johor, Kedah, Melaka, Negeri Sembilan, Perak, Perlis dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Di samping itu, peningkatan kemudahan Gelanggang Budaya serta pembinaan kemudahan tambahan di bandar-bandar kecil dan kawasan luar bandar akan diteruskan bagi menambah kemudahan sukan untuk kegunaan masyarakat. Pengurusan kemudahan sukan secara profesional akan digalakkan dan dilaksanakan bagi memastikan kemudahan sukan tersebut digunakan dengan sempurna.

14.48 Program Institut Sukan Negara (ISN) akan dilaksanakan dengan menggunakan kemudahan sukan yang sedia ada. ISN akan ditubuhkan di bawah KBS dan diurus oleh kakitangan yang berkualiti bagi memastikan prestasi yang setanding dengan taraf antarabangsa. Program Pembangunan Ahli-ahli Sukan yang dilaksanakan dalam RM5 akan diteruskan untuk membolehkan latihan kepada ahli-ahli sukan dijalankan dengan lebih berkesan.

14.49 Majlis Sukan Negara akan memberi tumpuan kepada sukan berprestasi tinggi dan akan terus membantu persatuan-persatuan sukan kebangsaan dalam menyediakan pasukan-pasukan kebangsaan untuk menghadapi pertandingan-pertandingan antarabangsa. Di samping itu, MSN akan juga meneruskan Anugerah Sukan Negara dan skim-skim insentif untuk menggalakkan pencapaian yang lebih tinggi dalam sukan.

14.50 Kementerian Belia dan Sukan akan terus membangunkan sukan untuk semua serta melaksanakan program pembangunan bakat sukan di peringkat bawahan. Langkah ini adalah penting bagi menghasilkan lebih ramai ahli sukan yang berbakat. Di samping itu, Kementerian juga akan terus melaksanakan kegiatan luar serta program pembangunan jasmani.

14.51 Program pembangunan sekolah-sekolah sukan yang diperkenalkan dalam tempoh RM5 dipelbagai negeri, akan diteruskan dengan memperkukuhkan program ini melalui penyediaan jurulatih dan tenaga pengajar yang lebih berkelayakan dan berkebolehan. Sekumpulan jurulatih dan tenaga pengajar yang berkebolehan akan disediakan bagi memberi khidmat di sekolah ini secara sepenuh masa.

14.52 Penganjuran pertandingan antarabangsa akan terus digalakkan bagi membantu usaha-usaha Kerajaan dalam menggalakkan pelancungan di samping meningkatkan imej negara. Ini akan membantu dalam meningkatkan profesionalisma dalam bidang

sukan di negara ini.

Belia

14.53 Program pembangunan belia akan memberi penekanan kepada perubahan sikap bagi menanamkan sikap positif seperti berdisiplin, menepati waktu, tekun, rajin, hormat kepada orang tua serta bertanggungjawab untuk menghasilkan kerja yang berkualiti. Latihan kemahiran kepada belia akan juga diberi penekanan. Pembangunan pusat latihan belia serta penyediaan latihan sambil kerja akan diteruskan. Untuk menyokong program pembangunan belia, pusat latihan yang sedia ada akan diperbesarkan, sementara pusat latihan baru akan dibina. Kemudahan-kemudahan yang sedia ada akan dinaikkan taraf dan pada masa yang sama kurikulum akan diperbaiki. Di samping itu, program meningkatkan taraf pengajar akan dilaksanakan bagi membantu meningkatkan kualiti kursus-kursus yang ditawarkan. Belia-belia yang bercadang untuk memasuki Pusat Latihan Belia perlu terlebih dahulu menyertai kursus khas yang dirangka bagi menanam nilai-nilai dan sikap positif. Dalam hal ini, Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah \$100 juta kepada Biro Tata Negara bagi menjalankan kursus dan latihan mengenai nilai-nilai murni dan sikap positif di kalangan belia. Pelatih-pelatih di institusi latihan awam perlu mengikuti kursus-kursus khas ini. Kerajaan akan memastikan supaya kemudahan-kemudahan ini terbuka kepada semua belia terutama mereka yang tercicir dari alam persekolahan. Kursus khas ini akan dapat membantu membentuk belia untuk menjadi ahli masyarakat yang membina dan bertanggungjawab di samping menyediakan mereka untuk menghadapi cabaran dalam ekonomi yang berasaskan industri.

14.54 Projek-projek belia niaga dan belia peladang akan diteruskan bagi meningkatkan peluang-peluang untuk menambahkan pendapatan para belia. Di antara bidang-bidang yang akan diberi penekanan termasuklah pertanian moden, perkilangan dan perdagangan yang bertujuan untuk mewujudkan semangat keusahawanan di kalangan belia. Penyertaan mereka di pusat latihan belia akan mendedahkan mereka kepada peluang perniagaan dan pengurusan perniagaan.

14.55 Penubuhan kelab-kelab belia yang baru dengan keahlian berbagai kaum akan digalakkan bagi menyediakan peluang untuk mereka menyertai aktiviti yang berfaedah pada waktu lapang, di samping menggalakkan persefahaman, muhibbah dan tolak ansur di dalam masyarakat. Pelaksanaan rancangan-rancangan belia bandar dan perkemahan musim cuti yang telah diperkenalkan dalam tempoh RM5 akan diteruskan.

Perkhidmatan Kebajikan Masyarakat

14.56 Dalam tempoh RM6, teras perkhidmatan kebajikan masyarakat adalah ke arah mewujudkan sikap berdikari di kalangan golongan yang kurang bernasib baik.

Penyediaan kemudahan untuk rawatan, jagaan selepas rawatan, penyeliaan dan latihan vokasional bagi golongan yang kurang berkeupayaan dan kurang bernasib baik dalam masyarakat akan diteruskan. Pusat latihan perindustrian bagi orang cacat adalah di dalam pembinaan. Pusat ini akan mengelolakan program-program rawatan pemulihan dan latihan vokasional bagi membolehkan golongan tersebut mendapat pekerjaan dalam industri.

14.57 Kerajaan akan menyediakan kemudahan tambahan bagi pesakit-pesakit melarat di Kuala Terengganu. Kemudahan bagi pesakit-pesakit melarat di Kuala Kubu Bharu, pusat pemulihan akhlak bagi budak-budak nakal di Melaka, dan asrama pemulihan akhlak gadis-gadis terbiar di Miri, Sarawak akan diubahsuai dan dinaiktaraf. Sekolah dan asrama pemulihan akhlak bagi budak-budak nakal yang sedia ada di Sungai Besi akan diperbesar dan dipertingkatkan. Usaha Kerajaan dalam memulihkan orang-orang cacat dan yang tidak berupaya serta budak-budak nakal akan dibantu dengan adanya program komprehensif yang melibatkan penyertaan masyarakat. Bimbingan kerjaya dan pemulihan cara bekerja akan juga disediakan bagi membolehkan mereka yang telah dipulihkan pulang kepangkuan masyarakat dan menjadi pekerja yang berguna.

14.58 Sejak akhir-akhir ini, penganiayaan terhadap kanak-kanak semakin berleluasa akibat keretakan keluarga, kemiskinan serta masalah sosial. Untuk mengatasi masalah ini, Kerajaan sedang merangka langkah-langkah untuk menguatkuasakan undang-undang yang sedia ada termasuk antara lain, memindahkan dengan segera mangsa penderaan kanak-kanak ke tempat yang lebih selamat dan pegawai-pegawai perubatan yang mengendalikan kes-kes tersebut diwajibkan membuat laporan mengenai kes-kes berkenaan. Kerajaan telah menubuhkan Majlis Penyelarasan Untuk Perlindungan Kanak-kanak dan pasukan pelindung kanak-kanak untuk menjaga kebajikan mereka. Majlis Kebajikan Kanak-kanak Malaysia akan meneruskan usaha-usaha untuk mengatasi masalah penganiayaan kanak-kanak.

Penerangan dan Penyiaran

14.59 Kerajaan akan terus memperluaskan penyiaran radio dan televisyen dalam negara bagi memastikan semua warganegara dapat menerima siaran tersebut. Dengan adanya infrastruktur yang lengkap, teknologi yang terkini dan gunatena terlatih, penyiaran radio dan televisyen dapat memupuk kesedaran di kalangan rakyat sementara aktiviti penerangan bersemuka dapat mengukur penerimaan rakyat terhadap tujuan membina negara selaras dengan wawasan 2020.

14.60 Pemancar FM akan diperkenalkan untuk memperbaiki mutu penerimaan siaran radio dari setesen-setesen tempatan oleh pendengar-pendengar terutamanya di kawasan terpencil dan terlindung. Usaha-usaha akan terus dibuat untuk memperluas dan memperbaiki penyiaran VHF/FM bagi membolehkan penyediaan perkhidmatan penyiaran yang bermutu tinggi dan memperluaskan liputannya ke seluruh negara.

14.61 Mutu pemancaran dan penerimaan televisyen akan turut diperbaiki. Satu kajian kemungkinan untuk memperbadankan perkhidmatan radio dan televisyen akan dijalankan dalam tempoh RM6. Kajian ini bertujuan untuk mempertingkatkan kecekapan dan keberkesanan operasi dan penyampaian perkhidmatannya. Penekanan akan diberi untuk meningkatkan kecekapan tenaga kerja untuk menyediakan perkhidmatan radio dan televisyen yang lebih cekap dan berkesan.

Perkhidmatan Perpustakaan

14.62 Dalam tempoh RM6, program pembangunan perpustakaan akan terus memberi penekanan kepada perkhidmatan perpustakaan yang lebih meluas kepada masyarakat. Penekanan ini adalah selaras dengan usaha Kerajaan untuk menyemai sikap gemar membaca dan memupuk budaya membaca yang bertujuan untuk mewujudkan masyarakat berpengetahuan dan berilmu. Buku-buku terbitan tempatan dan lain-lain bahan bacaan dalam Bahasa Malaysia akan diperbanyakkan untuk menambah koleksi perpustakaan.

14.63 Dalam tempoh Rancangan ini, lima buah bangunan perpustakaan negeri yang baru akan dibina di negeri Johor, Melaka, Pahang, Perak dan Terengganu, manakala 13 buah perpustakaan cawangan akan juga dibina di negeri Johor, Kedah, Pahang, Perak, Pulau Pinang, Selangor dan Terengganu. Di samping itu, sebanyak 70 buah perpustakaan luar bandar dan 40 unit perpustakaan bergerak akan disediakan untuk semua negeri. Kemungkinan untuk menggunakan bangunan-bangunan Kerajaan yang sesuai yang kini tidak digunakan lagi sebagai perpustakaan akan dikaji dan jika perlu bangunan-bangunan perpustakaan baru akan dibina.

Perkhidmatan Bomba

14.64 Dalam tempoh RM6, penekanan yang lebih akan diberi kepada usaha mencegah kebakaran untuk melindungi nyawa dan hartabenda daripada kemusnahan. Di samping itu, langkah pengawalan akan juga diberi perhatian dengan mempertingkatkan kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan bomba dalam menghadapi kebakaran.

14.65 Langkah-langkah pencegahan akan memberi penekanan kepada meningkatkan pendidikan awam terhadap bahaya kebakaran dan pencegahannya melalui penguatkuasaan yang lebih ketat ke atas peraturan pencegahan kebakaran. Di samping Jabatan Perkhidmatan Bomba, agensi-agensi Kerajaan dan pihak-pihak berkuasa tempatan yang lain turut bertanggung-jawab bagi memastikan langkah-langkah ini dapat dikuatkuasakan dengan lebih berkesan. Pasukan sukarelawan bomba akan ditubuhkan dalam masyarakat dan mereka akan diberi latihan dalam memadam dan mencegah kebakaran. Tujuannya adalah untuk memastikan pasukan

sukarelawan yang terlatih boleh mengambil tindakan serta merta untuk menghadapi kemungkinan berlakunya kebakaran.

14.66 Jabatan Perkhidmatan Bomba akan memainkan peranan utama dalam menyediakan perkhidmatan memadam dan mencegah kebakaran yang lebih cekap dan berkesan melalui latihan dan penyediaan peralatan yang sesuai serta lain-lain sokongan logistik. Akta Perkhidmatan Bomba, 1988, akan turut dikuatkuasakan dengan sewajarnya. Dalam tempoh Rancangan ini, 39 buah balai bomba baru akan dibina dan 152 unit kenderaan dan peralatan akan diperolehi untuk memperkukuhkan lagi perkhidmatan bomba. Pusat Latihan Bomba di Kuala Kubu Bharu akan dinaikkan taraf dan dilengkapi dengan kelengkapan dan peralatan yang sesuai, di samping melatih lebih ramai jurulatih.

Koperasi

14.67 Berbagai langkah akan diambil untuk menyedarkan masyarakat mengenai pentingnya menabung dan melabur serta meningkatkan penyertaan dalam pergerakan koperasi. Bagi menggerakkan perkembangan koperasi, konsep, prinsip, falsafah pergerakan koperasi dan aktivitiinya akan dijelaskan kepada masyarakat. Pengurusan kewangan dan sistem perakaunan untuk koperasi-koperasi akan turut diberi perhatian.

14.68 Bantuan akan terus diberi dalam menguruskan koperasi di sekolah dan KPD dengan tujuan untuk menggalakkan lagi penubuhan koperasi-koperasi. Di samping itu latihan dalam bidang pengurusan koperasi akan terus diberi kepada mereka yang bertanggungjawab mengendalikan pentadbiran koperasi. Kerajaan juga akan terus menyediakan pinjaman kepada koperasi melalui tabung modal pusingan koperasi bagi membolehkan mereka mengatasi masalah kekurangan modal dalam operasi mereka. Koperasi juga akan digalakkan untuk menyertai bidang perniagaan yang berdaya maju seperti projek-projek perumahan, untuk faedah ahlinya serta bagi membolehnya membiayai sendiri keperluan kewangannya.

Pembangunan Masyarakat

14.69 KEMAS akan terus melaksanakan program untuk menanamkan nilai-nilai yang membawa kepada pembentukan masyarakat berdikari. Kegiatan akan ditumpukan kepada masyarakat luar bandar dengan bimbingan dan sokongan oleh kakitangan sosial KEMAS.

14.70 Dalam tempoh RM6, pembinaan tiga buah pusat latihan pembangunan keluarga dan pelbagai pusat kegiatan masyarakat akan diteruskan. KEMAS akan juga memperluaskan program-program untuk masyarakat luar bandar dengan menyediakan lebih banyak perpustakaan dan taman bimbingan kanak-kanak. Sebanyak 70 perpustakaan luar bandar, tujuh pusat kegiatan masyarakat dan 6,120

taman bimbingan kanak-kanak akan ditubuhkan. Keupayaan melatih tenaga kerja KEMAS akan dipertingkatkan melalui pembaikan dan pengubahsuaian pusat latihan yang sedia ada.

Kebudayaan

14.71 Kebudayaan sebagai satu alat untuk meningkatkan taraf hidup dan sebagai satu saluran penting bagi menanam perasaan cintakan negara akan terus diberi perhatian dalam tempoh RM6. Sementara usaha untuk memperkukuhkan kefahaman dan kesedaran terhadap kebudayaan akan diteruskan, tumpuan utama akan juga diberi untuk menjadikan kesenian sebagai satu bahagian penting dalam kebudayaan. Untuk meningkatkan mutu seni pementasan, terutama bidang teater dan muzik, pendidikan dan latihan dalam berbagai bidang kesenian akan dilaksanakan. Untuk menggalakkan penyertaan aktif rakyat Malaysia dalam kegiatan-kegiatan kebudayaan, Panggung Negara dan pusat-pusat Kesenian Negeri akan ditubuhkan. Walaupun Kerajaan akan terus menyalurkan bantuan kepada badan-badan kebudayaan, namun institusi-institusi swasta digalakkan untuk turut terlibat secara langsung melalui pembiayaan dan penajaan kegiatan-kegiatan kebudayaan. Bagi tempoh Rancangan ini, pembangunan seni tampak dan kerja-kerja pemuliharaan warisan budaya akan terus diberi perhatian.

IV. PERUNTUKAN

14.72 Peruntukan untuk program-program pembangunan sosial dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam ialah \$1,777 juta. Jadual 14-5 merumuskan peruntukan dan perbelanjaan pembangunan untuk program pembangunan sosial dalam RM5 dan peruntukan pembangunan untuk RM6.

V. PENUTUP

14.73 Sumbangan program pembangunan sosial kepada pembangunan ekonomi dan kesejahteraan masyarakat keseluruhannya akan terus diberi penekanan dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam. Objektif program pembangunan sosial adalah untuk meningkat kualiti hidup rakyat Malaysia melalui penyediaan perumahan yang selesa dan kemudahan-kemudahan lain yang berkaitan. Usaha ini akan dipertingkatkan lagi melalui penyediaan dan pelaksanaan aktiviti-aktiviti pembangunan sosial.

BAB 15 : ALAM SEKITAR

I. PENDAHULUAN

15.01 Dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam (RM6), Kerajaan akan memajukan teknik-teknik yang lebih baik untuk mengambilkira secara bersepadu faktor alam sekitar dalam perancangan program dan projek, memandangkan pengurusan yang cekap ke atas alam sekitar dan sumber-sumber semulajadi merupakan satu syarat penting untuk memastikan pembangunan seimbang. Keberkesanan pelaksanaan program alam sekitar akan memastikan agar golongan miskin tidak terjejas oleh kemerosotan alam sekitar memandangkan mereka adalah golongan yang paling terdedah dan kurang berkeupayaan untuk melindungi diri mereka. Di samping itu, untuk menjamin pembangunan berterusan sumber semulajadi yang semakin berkurangan dan mudah luput, Kerajaan akan terus mengawal pencemaran dan meningkatkan keindahan semulajadi landskap dan persekitaran fizikal melalui pemuliharaan sumber semulajadi dan pengekalan alam sekitar.

15.02 Di peringkat antarabangsa, Malaysia terus memainkan peranan yang aktif. Perisytiharan Langkawi Mengenai Alam Sekitar yang dipelopori oleh Malaysia di Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel pada bulan Oktober 1989, membuktikan kesungguhan negara yang berterusan dalam menyokong pelan tindakan sedunia yang bertujuan untuk membendung kemungkinan kemerosotan alam sekitar dan menggalakkan pembangunan yang berterusan di samping mengekalkan alam sekitar yang baik.

II. KEMAJUAN, 1986-90

Keadaan Alam Sekitar

15.03 Kualiti Udara. Dalam tempoh 1986-90, kualiti udara dari segi Jumlah Habuk Terampai (JHT), yang dikesan di kawasan perindustrian dan perdagangan telah bertambah baik manakala di kawasan kediaman dan kawasan lalulintas kenderaan, paras habuk telah meningkat sedikit. Walau bagaimanapun, kualiti udara diukur dari segi JHT masih dalam lingkungan paras yang diperakukan mengikut Garis Panduan Tahunan Malaysia iaitu 90 mikrogram semeter padu ($\mu\text{g}/\text{m}^3$). Walaupun kualiti udara pada umumnya bertambah baik, namun nilai JHT di kawasan-kawasan perindustrian dan kawasan lalulintas yang sesak di Lembah Klang, Johor Bahru dan Pulau Pinang adalah lebih tinggi sedikit daripada paras yang disyorkan.

15.04 Kandungan plumbum di udara, iaitu satu lagi petunjuk bagi kualiti udara didapati kepekataannya telah berkurangan di semua kawasan. Kemajuan ini dicapai khususnya di kawasan lalulintas yang sesak dan juga di kawasan kediaman disebabkan terutamanya oleh pengurangan isi kandungan plumbum dalam minyak petrol daripada 0.4 gram seliter (g/liter) kepada 0.15 g/liter sebagaimana yang ditetapkan oleh undang-undang.

15.05 Kajian ke atas kepekatan bahan pencemaran gas di udara persekitaran di Lembah Klang menunjukkan bahawa tahap sulfur dioksid dan nitrogen dioksid adalah mematuhi garis panduan yang ditetapkan oleh Malaysia iaitu masing-masing 350 ug/m³ dan 320 ug/m³ sejam. Paras ozon yang disukat di pusat bandaraya Kuala Lumpur kadangkala melebihi nilai 200 ug/m³ sejam. Paras karbon monoksid di pusat bandaraya pula adalah agak tinggi iaitu melebihi 35 ug/m³ sejam. Penemuan di atas juga menunjukkan bahawa paras sulfur dioksid, nitrogen dioksid dan karbon monoksid di kawasan-kawasan kediaman adalah dalam lingkungan yang memuaskan.

15.06 Kualiti Air. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima (RM5) kualiti air sungai-sungai di Malaysia diukur dari segi Kehendak Oksigen Biokimia (BOD), pepejal terampai dan ammonia-nitrogen telah menunjukkan arah aliran yang merosot. Kualiti air adalah dianggapkan bersih untuk kehidupan biologi sekiranya paras ukuran BOD adalah 3 miligram seliter (mg/liter), kandungan pepejal terampai tidak lebih daripada 50 mg/liter dan kandungan ammonia-nitrogen tidak melebihi 0.3 mg/liter. Mengikut ukuran BOD, pencemaran organik telah merosot pada kadar 0.37 peratus, ammonia-nitrogen 10.17 peratus dan pepejal terampai 1.89 peratus. Data ini menunjukkan terdapat banyak pembuangan tanpa kawalan buangan organik dan kelodak ke dalam alur air. Pelepasan buangan industri dan domestik merupakan komponen utama bahan organik manakala pembukaan tanah secara besar-besaran, pembangunan yang tidak terkawal, kegiatan pembalakan dan perlombongan di kawasan tadahan mengakibatkan masalah pemendapan dan kelodakan. Kumbahan domestik tanpa olahan dan buangan haiwan terus menjadi masalah yang besar di negara ini seperti yang ditunjukkan oleh kadar kemerosotan ammonia-nitrogen yang tinggi iaitu sebanyak 10.17 peratus.

15.07 Sungai-sungai di pantai barat Semenanjung Malaysia adalah lebih tercemar dengan terdapatnya logam berat seperti raksa berbanding dengan sungai-sungai lain di Malaysia. Ini adalah kerana penggunaan tanah yang meluas dan peningkatan aktiviti perindustrian telah mengakibatkan bertambahnya pelepasan air buangan yang mengandungi logam-logam berat. Industri kecil dan industri berasaskan perkhidmatan yang didirikan tanpa kemudahan sistem pengolahan air buangan yang cukup dan teratur adalah merupakan punca utama pencemaran.

15.08 Kualiti Air Pantai dan Laut. Air laut dan air pantai terus tercemar dengan bahan-bahan minyak dan gris, pepejal terampai dan faecal coliform. Walau bagaimanapun, tahap pencemaran masih kekal diparas yang sama berbanding dengan tempoh

Rancangan Malaysia Keempat (RM4) sungguhpun kualiti air di beberapa kawasan tertentu telah mengalami sedikit kemerosotan. Di beberapa bahagian kawasan pantai di negeri Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Sabah, Selangor dan Terengganu terdapat pencemaran minyak dan gris. Walau bagaimanapun, keadaan di negeri Sabah dan Selangor didapati telah bertambah baik.

15.09 Pencemaran kumbahan terutamanya dari buangan domestik dan haiwan, seperti yang ditunjukkan oleh faecal coliform telah didapati di Pahang, Perak, Pulau Pinang dan Sarawak. Di samping itu, di beberapa muara sungai di negeri Johor, Kedah, Kelantan, Perak, Pulau Pinang, Selangor dan Terengganu juga tercemar. Ini adalah disebabkan oleh kepadatan penduduk yang tinggi, pelupusan najis manusia yang tidak teratur di kawasan setinggan, tahap pembandaran yang meningkat, kawasan penempatan padat yang banyak di sepanjang pantai dan kemudahan yang tidak mencukupi untuk pengolahan kumbahan. Air di pantai rekreasi tidak tercemar kecuali di beberapa kawasan yang terpencil dan dengan itu, masih selamat untuk kegiatan rekreasi dan sukan air. Namun begitu, tahap pencemaran oleh pepejal terampai terus berlaku akibat daripada aktiviti-aktiviti pembangunan tanah yang berleluasa di kawasan-kawasan berhampiran dan pedalaman.

Pengurusan Buangan Beracun Dan Berbahaya

15.10 Penyiasatan bagi mengawasi pengeluaran dan pengurusan buangan beracun dan berbahaya telah dijalankan dari masa ke semasa. Satu kajian ke atas sistem pengolahan dan pelupusan buangan berbahaya telah menunjukkan tidak kurang daripada 380,000 m³ buangan beracun dan berbahaya daripada kira-kira 1,000 punca dikeluarkan setiap tahun.

15.11 Sejak Mei 1989, dua set peraturan baru dan satu perintah bagi pengurusan 'buangan terjadual'(buangan beracun dan berbahaya) telah dikuatkuasakan. Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual), 1989, menyenaraikan bahan buangan yang dikenali sebagai 'buangan terjadual'. Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan) (Kemudahan Pengolahan dan Pelupusan Buangan Terjadual), 1989, mengenalpasti 6 jenis kemudahan yang memerlukan lesen. Kemudahan-kemudahan tersebut ialah untuk penyimpanan di luar tapak, kemudahan pengolahan, kemudahan pemulihan di luar tapak, pembakaran buangan terjadual, kemudahan pengolahan dan penimbusan tanah yang selamat. Di samping itu, Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan) (Kemudahan Pengolahan dan Pelupusan Buangan Terjadual), 1989, menetapkan tatacara pengendalian dan perlesenan untuk kemudahan yang disediakan bagi pemulihan, pengolahan, penyimpanan dan pelupusan buangan terjadual.

15.12 Peraturan bagi pengurusan buangan beracun dan berbahaya adalah menyeluruh, meliputi semua peringkat pengendalian buangan. Satu sistem berkomputer bagi mengesan dan mengawas buangan beracun dan berbahaya telah

diwujudkan. Peraturan telah diperkenalkan supaya semua aktiviti yang melibatkan pengeluaran, penyimpanan dan pengangkutan buangan beracun dan berbahaya perlu dimaklumkan kepada pihak berkuasa berkenaan. Pada masa ini, kilang-kilang telah menyimpan bahan buangan di kawasan kilang, sementara menunggu kemudahan pengolahan dan pelupusan disediakan. Menyedari masalah tersebut, Kerajaan telah menyediakan galakan cukai dan insentif yang lain bagi menggalakkan syarikat-syarikat untuk membina kemudahan menyimpan, mengolah dan melupuskan bahan buangan.

Kawalan Pencemaran

15.13 Pencemaran air. Punca-punca industri yang menyebabkan pencemaran air terus tertumpu di pantai barat Semenanjung Malaysia dengan Johor, Pulau Pinang dan Selangor mencatatkan bilangan hampir 50 peratus. Industri utama yang menyebabkan pencemaran tersebut ialah tekstil, getah, kertas, makanan dan minuman.

15.14 Pencemaran daripada buangan bukan industri yang memberi kesan besar terhadap pencemaran organik di kawasan air daratan telah menunjukkan sedikit kemajuan dalam tempoh RM5. Kumbahan dan buangan daripada haiwan ternakan telah bertambah dalam tempoh tersebut: kumbahan telah meningkat daripada yang menyamai 6.28 juta penduduk kepada yang menyamai 1.3 juta penduduk. Kumbahan terus merupakan punca utama pencemaran organik memandangkan ianya tiga kali ganda melebihi jumlah beban pencemaran daripada industri dan buangan haiwan.

15.15 Pelepasan beban pencemaran daripada industri minyak sawit mentah dan industri pemerosesan getah asli telah dapat dikawal walaupun bilangan industri tersebut telah bertambah. Pelepasan beban organik yang dikeluarkan oleh kedua-dua industri utama tersebut dalam tahun 1990 adalah menyamai jumlah bahan buangan yang dikeluarkan oleh 260,000 penduduk berbanding yang menyamai bahan buangan yang dikeluarkan oleh 420,000 penduduk pada tahun 1989 dan yang menyamai 600,000 penduduk pada tahun 1986. Penguatkuasaan beberapa peraturan yang berkaitan dengan pelepasan effluen-effluen dari kilang-kilang tersebut telah menunjukkan bahawa effluen yang diolah mematuhi piawaian yang ditetapkan.

15.16 Kemajuan juga telah dicapai dalam mengawal pencemaran daripada industri-industri lain. Walau bagaimanapun kilang-kilang yang dibina sebelum tarikh penguatkuasaan Peraturan-peraturan Kualiti Alam sekeliling (Kumbahan dan Effluen-Effluen Perindustrian), 1979, mengalami kesulitan untuk mematuhi kerana banyak halangan yang dihadapi seperti yang berkaitan dengan tanah. Walau bagaimanapun, selepas penguatkuasaan peraturan ini, pertubuhan-pertubuhan tersebut berupaya mematuhi.

15.17 Masalah pencemaran daripada haiwan ternakan masih lagi belum dapat diselesaikan. Beberapa negeri masih belum lagi menggubal enakmen yang diperlukan untuk mengawal dan menguatkuasakan kawalan kebersihan ke atas buangan haiwan ternakan, sementara beberapa negeri yang mempunyai undang-undang berkenaan masih belum lagi menguatkuasakannya dengan berkesan. Konsep Kawasan Ternakan Khinzir yang terkandung di dalam Dasar Pertanian Negara masih belum dilaksanakan sepenuhnya. Kawalan dan kelolaan ternakan khinzir adalah perlu memandangkan industri tersebut telah menimbulkan masalah alam sekitar yang ketara terutamanya di Negeri Sembilan dan Pulau Pinang. Di Negeri Sembilan, industri ini telah memberi kesan ke atas punca air di Sungai Linggi yang memerlukan pengolahan biologi dan kimia yang mahal sebelum airnya dapat digunakan untuk tujuan domestik. Sungai yang tercemar oleh buangan haiwan ternakan telah memberi kesan ke atas pantai dan perairannya yang mana telah menggugat Port Dickson sebagai destinasi tarikan pelancong yang terkenal. Di samping itu, pantai-pantai di beberapa kawasan di Pulau Pinang telah bertambah buruk, telah menjejaskan mutu kebersihan hasil akuakultur. Walaupun terdapat beberapa projek penyelidikan dijalankan, contohnya oleh Institut Penguatkuasaan Penyelidikan Pertanian Malaysia (MARDI), namun tiada sistem yang berdaya maju dari segi ekonomi ditemui kerana hampir semua ladang ternakan khinzir diuruskan secara kecil-kecilan.

15.18 Beban pencemaran daripada kumbahan terus bertambah disebabkan oleh proses pembandaran yang lebih pesat dan kekurangan kemudahan pembetungan kerana hanya 5 peratus sahaja penduduk bandar menikmati faedah daripada kemudahan pembetungan berpusat. Kemudahan pembetungan di bandar-bandar yang sedia ada sukar diperbaiki disebabkan oleh kos pelaksanaan yang tinggi dan kekurangan sumber kewangan pihak berkuasa kerajaan tempatan. Walau bagaimanapun, bagi kawasan-kawasan yang baru dibangunkan, pihak berkuasa tempatan telah mewujudkan peraturan di mana pihak pemaju dikehendaki menyediakan kemudahan pembetungan dan sanitasi yang secukupnya.

15.19 Pencemaran udara. Pencemaran udara dianggarkan telah meningkat sebanyak 6 peratus bagi tempoh RM5. Pencemaran terutamanya berpunca daripada kenderaan bermotor yang bertambah dengan pesat dalam tempoh tersebut. Kaedah-kaedah Kenderaan Bermotor (Kawalan Pelepasan Asap dan Gas), 1977, mengawal pelepasan asap kotor daripada kenderaan bermotor berkuasa diesel.

15.20 Sehingga Jun 1990, kira-kira 180,000 kenderaan telah diuji bagi mengetahui pelepasan asap dengan menggunakan Me-ter Asap Hartridge. Daripada jumlah tersebut, 29,325 pemandu atau pemilik telah disaman kerana melebihi had 50 Unit Asap Hartridge (UAH) yang ditetapkan. Peratusan keseluruhan yang mematuhi peraturan adalah kekal diparas 83 peratus. Berkuatkuasa mulai 1 Januari 1990, kandungan plumbum di dalam minyak petrol telah dikurangkan lagi kepada 0.15 g/liter sebagaimana yang dikehendaki oleh Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Kepekatan Plumbum Dalam Gasolin Motor), 1985. Sampel rambang yang diambil

daripada pengeluar dan pembekal petrol terutamanya di stesen-stesen minyak di kawasan-kawasan bandar telah menunjukkan piawaian baru yang ditetapkan dipatuhi.

15.21 Pencemaran udara akibat daripada aktiviti perindustrian adalah dikawal di bawah Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih), 1978. Mengikut peraturan tersebut, kilang-kilang baru yang melepaskan udara kotor akan diperiksa untuk memastikan kesesuaiannya dengan penggunaan tanah di kawasan persekitaran. Di samping itu, pemasangan alat kawalan pencemaran udara adalah dikehendaki mematuhi piawaian pelepasan udara.

15.22 Pembakaran buangan industri secara terbuka terutamanya oleh kilang-kilang yang berasaskan kayu dan getah masih menjadi masalah utama. Sehingga bulan Julai 1990, sebanyak 1,370 kes pembakaran secara terbuka telah dikenakan kompaun. Di samping itu, pembakaran secara terbuka buangan di kawasan pembuangan sampah kerajaan tempatan juga telah menimbulkan masalah.

15.23 Pencemaran Laut. Untuk terus mengawal pembuangan kotoran daripada punca daratan ke laut, pindaan Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974, telah dikuatkuasakan pada 9 Januari 1986. Akta tersebut melarang pembuangan dan limpahan minyak dan kotoran ke perairan Malaysia kecuali berlesen. Bagi kawalan pencemaran sumber yang berasaskan laut, Ordinan Perkapalan Saudagar (MSO), 1952, mengawal pembuangan minyak dan sisa berbahaya daripada kapal.

15.24 Pencemaran Tumpahan Minyak. Di sepanjang tempoh RM5, tumpahan minyak dari pelantar telah dilaporkan lebih banyak berlaku. Dengan kerjasama antara Jabatan Laut dan pihak berkuasa pelabuhan yang berkenaan, kebanyakan tumpahan minyak yang berlaku di kawasan pelabuhan telah dapat dibersihkan di mana kos pembersihannya telah dapat dipungut daripada pihak-pihak yang berkenaan.

15.25 Pencemaran Bunyi. Kawalan pencemaran bunyi dari kenderaan bermotor telah dijalankan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Bunyi Bising Kenderaan Motor), 1987. Walau bagaimanapun, penguatkuasaan pada awalnya ditumpukan kepada pencemaran bunyi dari motosikal. Rancangan dan strategi untuk pengurusan dan pengawalan masalah bunyi bising dan gegaran di kawasan yang sesak sedang dirangka termasuk kemungkinan membina penghadang bunyi di sepanjang lebuh raya utama.

Pencemaran daripada Bahan Kimia Pertanian

15.26 Tiada program yang khusus dilaksanakan bagi mengawal pencemaran yang disebabkan oleh baja kimia, racun serangga dan racun rumpai di bidang pertanian. Penggunaan bahan kimia yang tidak terkawal telah mengurangkan dengan

banyaknya ikan air tawar di beberapa kawasan. Kajian belum lagi dibuat bagi menentukan kesan-kesan pencemaran bahan-bahan kimia tersebut.

Perancangan Pengawalan Tumpahan Minyak

15.27 Di dalam tempoh RM5, Pelan Kontingensi Kawalan Tumpahan Minyak Negara telah digubal dengan mengambilkira kedua-dua pelan untuk Selat Melaka dan Laut China Selatan. Konsep sokongan dan kerjasama telah diterapkan ke dalam Pelan Kontingensi tersebut. Berbeza dengan Pelan Kontingensi Selat Melaka, yang telah diwujudkan di dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga dan RM4, Pelan kontingensi negara ini memberi tumpuan yang lebih ke arah menyatu dan memaksimumkan penggunaan sumber-sumber yang ada. Di bawah pelan kontingensi ini, industri minyak dan pihak berkuasa pelabuhan dikehendaki meningkatkan kemampuannya untuk mengawal tumpahan minyak. Pihak Jabatan Alam Sekitar (JAS) juga sedang dilengkapi dengan peralatan yang lebih moden dengan menggantikan alat pembersih tumpahan minyak yang lama kepada yang baru. Di peringkat serantau, Malaysia, Indonesia dan Singapura telah membuat rancangan kerjasama untuk mengatasi tumpahan minyak di Selat Melaka dan perairan Singapura. Rancangan kerjasama yang serupa di antara Malaysia dan Negara Brunei Darussalam telah juga dijalankan merangkumi sempadan laut kedua-dua negara. Pelan ASEAN untuk mengatasi tumpahan minyak sedang dirangka dengan bantuan agensi antarabangsa.

15.28 Memandangkan perhubungan memainkan peranan yang penting di dalam perancangan kontingensi, sebuah pusat perhubungan telah ditubuhkan di JAS bagi menyokong operasi pusat-pusat lain di Petroleum Nasional Berhad (PETRONAS), Jabatan Laut dan Pusat Penguatkuasaan Penyelarasan Laut untuk mengatasi tumpahan minyak. Garis panduan ke atas penggunaan bahan penyerak untuk mengatasi tumpahan minyak telah digubal oleh Jawatankuasa Kontingensi Tumpahan Minyak Negara.

Pemuliharaan Sumber-Sumber Semulajadi

15.29 Malaysia mempunyai berbagai jenis kekayaan sumber alam semulajadi terutama hutan, sungai, pantai serta tanah yang subur. Walaupun pembangunan kini menghampiri kawasan hutan dara, namun masih terdapat 12.73 juta hektar atau 38.6 peratus hutan kekal. Daripada jumlah tersebut, 29 peratus adalah dipelihara atau dikekalkan sebagai hutan untuk pelbagai kegunaan. Di samping hutan kekal, 1.39 juta hektar dipelihara sebagai simpanan taman negara dan kawasan hidupan liar, manakala 4.61 juta hektar sebagai hutan tanah negeri. Dalam tempoh RM5, kira-kira 1.56 juta hektar hutan kekal telah dibaikpulih manakala kira-kira 80,000 hektar kawasan pembalakan yang berlebihan di Semenanjung Malaysia sedang dibaikpulih.

15.30 Di bawah RM5, Kerajaan terus mengawasi pembangunan yang menjejaskan kawasan hutan simpan semulajadi. Aktiviti pembalakan yang berlebihan serta

pembangunan tanah secara besar-besaran akan mengakibatkan pupusnya hutan, hakisan yang serius dan pengurangan kawasan tadahan, yang boleh mendatangkan kesan ke atas cuaca, suhu, sumber air dan kualiti tanah serta pencemaran pantai. Kawasan-kawasan hutan tanah pamah, hutan bakau dan paya gambut juga akan diawasi dengan rapi untuk mencegah kemusnahan tempat pembiakan berbagai jenis ikan dan hidupan laut seterusnya. Oleh kerana ekosistem laut adalah sangat penting bagi mengekalkan bio-organisma untuk membolehkan ikan membiak, pembersihan hutan kayu bakau dan paya gambut secara berlebihan, dan kegiatan akuakultur serta ternakan sangkar telah dikawal rapi.

Kesedaran Alam Sekitar

15.31 Pendidikan mengenai alam sekitar, sebagai satu alat untuk mewujudkan kesedaran telah diperkenalkan di dalam kurikulum sekolah untuk peringkat atas sekolah rendah sejak 1986 menerusi mata pelajaran 'Manusia dan Alam Sekitar'. Mata pelajaran tersebut adalah bertujuan untuk memberi pengetahuan, tanggapan dan mewujudkan sikap positif terhadap alam sekitar menerusi pendekatan yang bersepadu. Manakala di peringkat tinggi, Universiti Pertanian Malaysia (UPM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) menawarkan kursus di peringkat ijazah meliputi perkara-perkara mengenai alam sekitar seperti kawalan pencemaran, pengurusan alam sekitar dan teknologi kawalan alam sekitar. Program pendidikan dan kesedaran mengenai alam sekitar juga dijalankan secara tidak formal oleh berbagai agensi kerajaan, pertubuhan-pertubuhan sukarela dan sektor swasta.

III. PROSPEK, 1991-95

15.32 Selaras dengan semangat Perisytiharan Langkawi Mengenai Alam Sekitar, pelaksanaan program dan projek di peringkat sektor akan terus ditumpukan kepada keperluan mengekalkan keseimbangan di antara keperluan pertumbuhan ekonomi dan pembangunan yang berterusan.

15.33 Memandangkan perindustrian yang pesat, pertumbuhan penduduk yang tinggi, peningkatan pembandaran, masalah kekurangan tanah dan sumber-sumber lain, maka penekanan yang lebih akan diberikan kepada pembangunan yang berterusan. Kadar pembangunan yang pesat memerlukan peningkatan usaha bagi mengekalkan kebersihan alam sekitar dan keseimbangan ekologi menerusi pengurusan alam sekitar yang lebih berkesan.

Isu Dan Masalah Alam Sekitar

15.34 Bagi tempoh RM6, isu dan masalah utama alam sekitar yang memerlukan pengurusan yang berkesan adalah seperti berikut:

- pertambahan pencemaran udara dan bunyi dikawasan bandar berikutan daripada pertambahan pemilikan kenderaan hasil daripada peningkatan kekayaan rakyat Malaysia;
- batasan-batasan ke atas penyediaan perumahan yang mampu dibeli, kemudahan pembetulan dan sanitasi yang baik di bandar-bandar besar;
- kurangnya kemudahan pelupusan bahan buangan didalam atau di luar kawasan industri yang mencukupi dan cekap;
- pencemaran yang diakibatkan oleh pembuangan barangan pengguna yang tidak teratur;
- pengluasan kegiatan ekonomi ke kawasan tumbuh-tumbuhan, pelindung hutan dan kawasan tadahan yang mengakibatkan masalah serius kepada bekalan air yang berterusan; dan

pencemaran berkaitan dengan tanah yang disebabkan oleh aktiviti pembinaan yang tidak dirancang. Pengurusan yang berkesan ke atas perkara-perkara tersebut akan terus menjadi cabaran baru kepada negara dalam dekad yang akan datang.

15.35 Pemuliharaan alam sekitar adalah menjadi tanggungjawab bersama Kerajaan, industri dan rakyat. Pergantungan kepada Kerajaan dan jenteranya semata-mata adalah tidak mencukupi bagi menjamin pembangunan yang dapat memelihara alam sekitar dengan baik dan berkekalan. Agensi-agensi sektor awam dikehendaki memberi keutamaan yang sama penting ke atas alam sekitar semasa menggubal dan melaksanakan program dan projek. Penguatkuasaan ke atas undang-undang yang sedia ada akan diperketatkan bagi memastikan industri mengawal pengeluaran bahan pencemaran dan juga menggunakan sistem penyimpanan dan pelupusan yang lebih berkesan.

15.36 Walaupun di dalam Kerajaan, JAS dipertanggungjawabkan untuk mengawasi keadaan alam sekitar, semua agensi awam sama-sama bertanggungjawab untuk pemeliharaan alam sekitar dan pengendalian sumber. Walaupun JAS akan memainkan peranan penting dalam penguatkuasaan program, agensi-agensi yang lain akan melengkapkan peranan tersebut dengan mengambilkira pertimbangan alam sekitar dalam penggubalan program dan projek. Usaha-usaha yang terselaras ini akan meningkatkan keberkesanan pengurusan alam sekitar.

15.37 Kerajaan-kerajaan Negeri perlu lebih mengutamakan usaha-usaha untuk mengekalkan pembangunan sumber-sumber semulajadi yang boleh pupus dan tidak boleh diperbaharui. Di samping itu, negeri-negeri perlu mengawal pembangunan yang mendatangkan keburukan ke atas alam sekitar dan kesejahteraan masyarakat.

Oleh itu, langkah-langkah perlu diambil untuk mencegah dan memelihara kawasan tadahan dan mengawal pencemaran industri.

15.38 Sektor swasta perlu memainkan peranan penting memandangkan kebanyakan kegiatan mereka boleh mengakibatkan pencemaran. Usaha untuk mendapatkan pulangan ke atas pelaburan, hendaklah mengambilkira kesan negatif atau kos kepada masyarakat dengan sektor swasta menyerap sebanyak mungkin kos pencemaran tersebut. Kerajaan akan menimbangakan kemungkinan untuk mengenakan bayaran dan surcaj pencemaran kepada pihak swasta bagi memastikan mereka mematuhi peraturan.

15.39 Program-program kesedaran perlu dipertingkatkan untuk menambahkan kesedaran masyarakat terhadap alam sekitar memandangkan kurangnya kesedaran di kalangan masyarakat mengenai alam sekitar mungkin disebabkan oleh kejahilan mereka mengenai kesan bahaya pencemaran ke atas manusia dalam jangka panjang.

15.40 Memandangkan kurangnya kemudahan pelupusan dan pengolahan di kilang dan di luar kilang, maka kelulusan cadangan pelaburan perlu mengambilkira teknologi yang akan digunakan untuk memastikan kesan negatif kepada alam sekitar dapat diminimumkan. Bagi membantu usaha-usaha ini, Kerajaan-kerajaan Negeri dan pihak berkuasa tempatan akan mengenalpasti kawasan-kawasan pelupusan yang sesuai.

15.41 Memandangkan tahap pencemaran udara di kawasan-kawasan bandar yang utama sedang meningkat, langkah-langkah akan diambil untuk menghadkan pergerakan lalulintas di bandar-bandar besar yang sesak seperti Kuala Lumpur, Georgetown dan Johor Bahru. Kemudahan pengangkutan awam akan diperbaiki untuk mengurangkan kesesakan lalulintas.

Pemuliharaan dan Pembangunan Sumber Yang Berterusan

15.42 Pengekalan Sumber Perhutanan. Sumber hutan akan dieksploitasi secara berhati-hati untuk memastikan pertumbuhan yang berterusan dan menjaga kepentingan generasi yang akan datang. Eksploitasi sumber yang tidak teratur dan tidak dikawal akan mempercepatkan kadar pupus dan akan menjejaskan pembangunan sektor-sektor penting. Kerajaan sedang menggubal Strategi Pemuliharaan Sumber Semulajadi Negara yang akan menyediakan rangka untuk pengurusan dan penggunaan sumber yang menyeluruh.

15.43 Daripada kira-kira 12.73 juta hektar hutan kekal di negara ini, 2.74 juta hektar adalah hutan terkawal dan 9 juta hektar adalah hutan produktif. Daripada jumlah hutan kekal, 4.74 juta hektar terletak di Semenanjung, 3.35 juta hektar di Sabah dan 4.64 juta hektar di Sarawak. Di samping itu, kira-kira 6.09 juta hektar kawasan telah di balak di mana sebanyak 2.40 juta hektar di Semenanjung, 2.25 juta hektar di Sabah dan 1.44 juta hektar di Sarawak. Kawasan-kawasan yang telah di balak tersebut yang

merupakan 17.5 peratus daripada keluasan tanah negara adalah perlu ditanam semula secara berperingkat.

15.44 Di bawah RM6, program akan dilaksanakan untuk menyokong pembangunan yang berterusan. Pertama, menetapkan hutan tambahan sebagai hutan simpanan, taman binatang dan taman rekreasi negara. Ini akan memastikan keperluan keseimbangan ekologi dapat dikekalkan, kemerosotan alam sekitar diminimumkan serta habitat penting dan kepelbagaian biologi dipelihara.

15.45 Bagi membantu strategi untuk memulihara warisan semulajadi, sembilan negeri telah mengambil inisiatif untuk menggubal strategi berkenaan melalui bantuan Tabung Hidupan Liar Sedunia (WWF). Negeri-negeri tersebut ialah Kedah, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Perlis, Sarawak, Selangor, Terengganu dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

15.46 Kedua, program penghutan semula secara besar-besaran yang dibantu oleh program hutan tani akan dijalankan. Keutamaan yang lebih akan diberi untuk menyediakan peruntukan yang diperlukan untuk program penyelidikan dan pembangunan (P&P) bagi penghutan semula, penguatkuasaan yang tegas dan menjalankan kajian untuk menentukan bayaran lesen untuk mengekal kualiti alam sekitar.

15.47 Ketiga, pokok pelindung akan diperbanyakkan untuk memelihara habitat, melindungi kualiti tanah, mengurangkan kelodakan dan hakisan, mengekalkan keseimbangan iklim dan juga untuk menyerap karbon dioksida yang berlebihan di udara. Program ini dijangka akan dapat mengurangkan hakisan tanah, kemarau, banjir dan gangguan bekalan air serta memulihkan kesuburan tanah.

15.48 Keempat, pemuliharaan sumber-sumber laut adalah satu program pembangunan yang penting di bawah RM6. Oleh itu, selain daripada mengekalkan sumber perikanan, ekosistem laut juga akan terus dikawal untuk memelihara warisan negara, memajukan pelancongan dan menggalakkan penyelidikan laut.

15.49 Kawasan perairan di 22 buah pulau di seluruh negara telah diwartakan sebagai Kawasan Perlindungan Perikanan. Program ini yang telah bermula pada tahun 1985, pada masa ini meliputi enam taman pelancongan di Mersing, Pulau Besar, Pulau Payor, Pulau Redang, Pulau Tinggi dan Pulau Tioman. Kawasan ini juga akan dijadikan sebagai kawasan untuk tujuan penyelidikan saintifik, pemulihan, rekreasi dan pendidikan. Jabatan Perikanan khususnya, telah dipertanggungjawabkan untuk mengurus taman-taman tersebut dengan teratur.

15.50 Batu karang adalah penting untuk pemuliharaan ekosistem yang sensitif yang dapat memberi perlindungan ke atas organisma dan hidupan laut. Pencemaran pantai dan air di persisirannya dari buangan haiwan ternakan yang tidak diolah dan

pelepasan buangan manusia telah menjejaskan kehidupan batu karang. Di samping itu, air bawah tanah dan anak-anak sungai yang membawa kumbahan yang tidak diolah dan bahan kimia pertanian telah menyebabkan tumbuhnya rumput laut yang membinasakan organisma laut. Pertanian pindah yang mempercepat pemendapan di sungai dan anak-anak sungai juga menggalakkan pertumbuhan rumput air yang memusnahkan kehidupan batu karang. Oleh itu, tindakan segera perlu diambil untuk mengekalkan sumber laut melalui kawalan ke atas pelepasan kumbahan, menyekat penebangan hutan bakau, pembersihan tanah secara berleluasa serta penambakan tanah secara besar-besaran.

15.51 Bagi mengatasi masalah yang disebabkan oleh pencemaran buangan haiwan berikutan aktiviti pemeliharaan khinzir terutama di Negeri Sembilan dan Pulau Pinang, Kerajaan sedang menimbang kawasan-kawasan yang sesuai bagi menempatkan semula dan menyediakan kemudahan yang perlu untuk menapis dan mengolah bahan buangan khinzir dan mengenakan bayaran kepada pengguna kemudahan tersebut menerusi cukai kepala yang sesuai. Penternak khinzir telah mendatangkan kesan-luaran yang negatif kepada masyarakat, yang merupakan satu kos yang tidak diambilkira di dalam menentukan harga pengeluaran hasil tersebut. Beban yang dihadapi oleh masyarakat ini dalam bentuk pencemaran alam sekitar perlu ditanggung oleh mereka.

15.52 Kelima, program-program dan projek-projek yang mungkin memberi kesan buruk kepada alam sekitar akan dirancang dan dilaksanakan dengan berhati-hati. Pemeliharaan flora dan fauna yang unik dan kepelbagaian biologi yang mungkin diancam oleh projek-projek tersebut akan diberi perhatian sewajarnya.

15.53 Sumber-sumber Laut dan Pantai. Di kawasan pantai dan hutan tanah pamah, hutan bakau dan paya gambut telah ditebang secara meluas untuk kegunaan kayu api, cerucuk dan projek akuakultur. Akibatnya, hanya tinggal kira-kira 98,300 hektar kawasan hutan bakau di mana kira-kira 81,250 hektar atau 82.6 peratus masih mengeluarkan hasil. Memandangkan hutan pantai terutamanya hutan bakau pupus dengan cepat sedangkan ekosistemnya adalah penting dalam pengekalan sumber asli perikanan di pantai dan di laut, Kerajaan akan mengambil langkah pencegahan yang perlu untuk mengekalkannya. Dalam hubungan ini, projek-projek tebusguna tanah secara besar-besaran yang boleh memberi kesan negatif ke atas hutan bakau dan ekosistem pantai akan dikawal dengan rapi.

15.54 Dua belas kawasan simpanan dan perlindungan hidupan liar, telah dikenalpasti di Johor, Kedah, Kelantan, Pahang dan Perak melibatkan keluasan 548,000 hektar. Daripada jumlah tersebut, hanya Johor telahewartakan kawasan Endau-Rompin sebagai sebuah taman negeri. Selain daripada memelihara berbagai hidupan biologi, program-program ini akan menjadi daya tarikan tambahan kepada pelancong. Untuk melaksanakan program-program ini, Kerajaan Persekutuan akan mengadakan perbincangan dengan Kerajaan-kerajaan Negeri yang berkenaan untukewartakan

kawasan-kawasan tersebut sebagai kawasan hidupan liar dan kawasan simpanan alam semulajadi.

15.55 Malaysia mempunyai banyak sumber laut dan pantai yang berpotensi untuk perkembangan industri pelancongan. Walau bagaimanapun, pencemaran semakin mengancam sumber-sumber tersebut sekiranya langkah-langkah kawalan yang bersungguh-sungguh tidak diambil. Pantai-pantai di Negeri Sembilan terutamanya Port Dickson sedang diancam oleh pencemaran dari penternakan khinzir yang mencemarkan Sungai Linggi. Keadaan yang sama berlaku di Pulau Pinang di mana kekurangan kemudahan pembetungan yang baik berikutan dari pertumbuhan industri perhotelan yang cepat di sepanjang pantai di negeri tersebut telah menyebabkan masalah pencemaran pantainya. Oleh yang demikian, pembangunan yang tidak terkawal di sepanjang tepi laut dan pantai tidak akan hanya menyebabkan pencemaran pantai tetapi juga akan mengurangkan potensi negeri-negeri untuk mendapatkan faedah daripada perkembangan sektor pelancongan. Sektor pelancongan di Malaysia sedang berkembang dengan pesatnya dan oleh yang demikian, pantai-pantai dan air dipersisirannya yang berpotensi sebagai sumber pelancongan hendaklah dijaga dengan baik.

15.56 Bagi mencapai tujuan ini, sebahagian daripada program-program utama yang akan dilaksanakan di bawah RM6 adalah seperti berikut:

- menggalakkan pembangunan kemudahan pelupusan buangan untuk industri dan penggunaan teknologi serta proses yang berkaitan dengan pemeliharaan alam sekitar;
- mengekalkan kawasan seluas 12.73 juta hektar sebagai hutan kekal dan 1.16 juta hektar sebagai taman negara, kawasan simpanan alam semulajadi, habitat dan kawasan hidupan liar;
- memulihkan semula 101,300 hektar setiap tahun kawasan yang telah dibalok dan mengekalkan 1.65 juta hektar kawasan yang telah dipulihkan semula sebagai hutan kekal di samping menguatkuasakan peraturan-peraturan ke atas pemusnahan hutan bakau dan pengawalan sungai serta piawaian kualiti air;
- melaksanakan projek hutan tani yang melibatkan kira-kira 90,000 hektar tanah dan menanam pokok di kawasan tanah pertanian yang tidak digunakan dan pengindahan persekitaran semulajadi di kawasan-kawasan bandar;
- meminimumkan kesan buruk dari pencemaran, hakisan dan pendedapan daripada aktiviti pembangunan; dan

- menguatkuasakan sepenuhnya Penilaian Kesan Alam Sekitar (PKAS) ke atas projek-projek yang mungkin merosakkan alam sekitar.

15.57 Mengenai pencemaran laut, pengawalan pencemaran daripada kapal akan ditekankan dalam pindaan yang akan dibuat di dalam MSO, 1952 yang pada masa ini hanya meliputi Semenanjung Malaysia. Pindaan baru akan membolehkan peruntukan di bawah ordinan tersebut diperluaskan bagi meliputi seluruh negara. Di samping itu, ia juga akan membantu ratifikasi konvensyen antarabangsa mengenai pencemaran dan pencerobohan di lautan lepas.

Pembangunan Ekonomi dan Alam Sekitar

15.58 Usaha-usaha pembangunan di masa hadapan akan menekankan kepada kesan pembangunan ke atas alam sekitar bagi memastikan mutu alam sekitar dikekalkan.

15.59 Perindustrian dan Alam Sekitar. Untuk memastikan supaya proses perindustrian tidak akan memburukkan lagi keadaan alam sekitar, langkah-langkah berikut akan diambil:

- mengkaji semula langkah-langkah pemeliharaan alam sekitar yang ada, seperti perundangan, peraturan-peraturan, piawai alam sekitar serta garis panduan untuk memperbaiki keberkesanannya;
- menggalakkan industri yang sedia ada supaya memberi keutamaan kepada langkah-langkah untuk menyimpan, mengolah dan melupus dengan lebih selamat buangan beracun dan berbahaya dan effluen serta menggunakan teknologi dan proses yang berkaitan dengan pemeliharaan alam sekitar bagi meminimumkan pencemaran;
- memastikan pengusaha-pengusaha industri membantu usaha Kerajaan memenuhi piawai yang boleh diterima bagi effluen industri tertentu dan piawaian pelepasan serta mematuhi amalan-amalan alam sekitar lain yang baik;
- memastikan supaya kelulusan untuk pelaburan industri yang baru memberi pertimbangan khusus kepada penggunaan teknologi yang paling sesuai untuk pengeluaran dan pemerosesan serta sistem pengolahan dan pelepasan buangan yang berkesan;
- memastikan supaya agensi-agensi P&P sektor awam menumpukan sebahagian besar usaha penyelidikan mereka ke mengenalpasti sistem dan lokasi pelupusan yang sesuai dan berkesan serta kemungkinan penggunaan bahan buangan untuk tujuan yang produktif; dan

- menyediakan tatacara dan garis panduan yang jelas kepada industri dan mengawasi supaya sentiasa mematuhi peraturan.

15.60 Langkah-langkah ini akan diambil tanpa terlalu bergantung kepada subsidi atau insentif. Pada masa yang sama, Kerajaan akan menimbang kesan-kesan yang akan timbul berikutan dengan pengenaan hukuman seperti denda dan surcaj ke atas industri kerana tidak mematuhi dan melanggar undang-undang yang sedia ada selaras dengan prinsip 'pencemar kena bayar'.

15.61 Kerajaan akan memperbaiki tatacara dan garis panduan yang standard mengenai langkah-langkah perlu yang akan diambil terhadap kawalan, pengurangan dan pelupusan pencemaran yang disebabkan oleh industri. Di samping itu, piawai minimum yang merangkumi udara persekitaran, pelepasan dan effluen-effluen, keluaran serta pendedahan kepada bahaya di kilang, akan juga diperbaiki.

15.62 Memandangkan pembangunan perindustrian semakin bertambah penting, penyimpanan, pengolahan dan pelupusan buangan industri yang sesuai menjadi semakin diperlukan. Bagi mengurangkan bahaya kepada alam sekitar, insentif baru dengan memberikan taraf printis kepada aktiviti-aktiviti untuk menggalakkan penyimpanan, pengolahan dan pelupusan yang teratur bagi buangan beracun dan berbahaya yang dikeluarkan oleh industri akan diteruskan. Di samping itu, skim pengecualian duti import untuk mesin, peralatan dan bahan mentah serta komponen yang diimport untuk tujuan tersebut akan diteruskan.

15.63 Selain daripada usaha Kerajaan untuk memastikan kewujudan peraturan yang secukupnya bagi melindungi alam sekitar, sektor swasta akan terus digalakkan untuk memastikan supaya buangan beracun dan berbahaya disimpan, diolah dan dilupus dengan cara yang selamat. Kerajaan juga sedang mengkaji kemungkinan untuk mewujudkan kemudahan yang sedemikian secara penswastaan. Buat sementara waktu, syarikat-syarikat perlulah mengambil langkah yang mencukupi untuk menyediakan kemudahan mereka sendiri menerusi program insentif. Disamping itu, amalan pelupusan buangan ke dalam sungai, membuang air kotor yang tidak diolah ke dalam longkang dan menanam buangan beracun di kawasan pembuangan sampah akan diawasi dengan rapi.

15.64 Pembangunan Pertanian dan Alam Sekitar. Pengeluaran pertanian secara intensif dan usaha-usaha untuk meminimumkan kerugian tanaman daripada serangan serangga dan penyakit akan membawa kepada penggunaan baja kimia, racun serangga dan racun rumpai yang lebih banyak. Di samping itu, penggunaan jentera dalam aktiviti pertanian juga merosakkan struktur tanah yang menyebabkan ianya lebih mudah terdedah kepada hakisan air. Selain daripada berlakunya pemendapan dan kelodakan air permukaan akibat daripada pembangunan tanah secara besar-besaran dalam sektor pertanian, penggunaan secara intensif baja kimia, bahan kimia

pemusnah serangga dan racun rumpai telah mengakibatkan pencemaran yang teruk kepada air bawah tanah. Air yang telah tercemar ini memerlukan kemudahan-kemudahan penapisan biologi dan mekanikal yang mahal sebelum ianya boleh digunakan untuk keperluan kawasan kediaman dan perindustrian. Akibat daripada pencemaran air bawah tanah, beberapa spesis tumbuhan dan haiwan termasuk ikan air tawar telah pupus.

15.65 Bahan makanan haiwan yang digunakan untuk pengeluaran hasil ternakan juga boleh menyebabkan pencemaran tanah manakala penggunaan air yang berlebihan dan pengairan yang berterusan telah menghasilkan proses pamasinan tanah. Di samping itu, pembukaan tanah secara besar-besaran dan pengusahaan tanah gambut untuk pertanian boleh menyebabkan kehilangan permukaan tanah, pelbagaian biologi dan habitat hidupan liar. Untuk mengekalkan keindahan alam semulajadi kawasan desa, pemusnahan tumbuh-tumbuhan dan penyaliran semula alur air hendaklah dikawal.

15.66 Perusahaan ternakan moden secara besar-besaran seperti penternakan khinzir serta sistem pengolahan dan pelupusan buangan yang berkesan adalah sangat diperlukan untuk meminimumkan bahaya pencemaran bekalan air dan ekologi pantai dan laut. Kerajaan Persekutuan dengan kerjasama negeri-negeri akan mengawal dengan rapi perkembangan industri melalui satu sistem permit yang ketat dan garis panduan khusus ke atas langkah mengawal pencemaran.

15.67 Pertimbangan keatas isu-isu tersebut menimbulkan persoalan mengenai keseimbangan di antara pembangunan ekonomi dan perlindungan alam sekitar. Ianya menjadi semakin bertambah perlu untuk mensepadukan dasar-dasar pembangunan dengan alam sekitar bagi menghasilkan penyelesaian yang praktikal dan berkesan. Pembangunan di samping mendatangkan faedah dari segi ekonomi, seharusnya tidak membawa kepada kemerosotan alam sekitar. Ianya hendaklah menggalakkan pengindahan dan pemuliharaan landskap dan mengurangkan pencemaran kegiatan pertanian dan perindustrian.

Pencemaran daripada Barangan Pengguna

15.68 Di dalam memenuhi keperluan kehidupan moden, industri telah mengeluarkan barangan yang boleh meningkatkan taraf dan mutu kehidupan. Pembangunan teknologi baru bukan sahaja mengurangkan kos pengeluaran tetapi juga telah menghasilkan barangan pengguna yang semakin mudah diperolehi, mampu dibeli dan tahan lama. Segala keselesaan hidup ini boleh mendatangkan bahaya yang serius kepada alam sekitar sekiranya barangan tersebut tidak dilupuskan dengan selamat selepas digunakan.

15.69 Terdapat kurang kefahaman mengenai kemungkinan bahaya alam sekitar yang disebabkan oleh pelupusan secara tidak teratur terutamanya yang mencemarkan sungai dan pantai. Kertas pembalut, bahan pembungkus dan sampah sarap kediaman yang sebahagian besarnya adalah daripada bahan berasaskan plastik dan aluminium bukan sahaja tidak boleh terurai melalui proses biologi tetapi juga tidak boleh diproses semula untuk kegunaan lain.

15.70 Industri akan terus digalakkan untuk menggunakan teknologi dan proses yang berkaitan dengan pemeliharaan alam sekitar, mengeluarkan keluaran mudahurai secara biologi serta keluaran yang boleh digunakan semula. Pengguna akan digalakkan untuk membuang barang-barang yang telah digunakan secara lebih teratur. Oleh yang demikian, adalah perlu untuk memberi kesedaran awam mengenai kesan buruk daripada pembuangan tidak teratur bagi bahan yang telah digunakan supaya bahaya kepada kesihatan dan alam sekitar dapat dikurangkan secara beransur-ansur. Pihak berkuasa kerajaan tempatan akan dikehendaki untuk mengambil tindakan yang sesuai ke atas pembuangan sampah sarap di kawasan kediaman dan memastikan orang ramai mematuhi.

Pembandaran Dan Pertumbuhan Bandar

15.71 Menjelang akhir tempoh RM6, dianggarkan sebanyak 45 peratus rakyat Malaysia akan tinggal di kawasan-kawasan bandar. Dengan bertambahnya peluang pekerjaan dan pendapatan menerusi perkembangan sektor perindustrian dan perkhidmatan dan dengan meningkatnya tahap pendidikan dijangka penghijrahan keluar yang lebih besar dari kawasan-kawasan luar bandar akan berlaku. Di samping kemudahan perumahan, kemudahan dan keperluan tambahan bandar akan disediakan manakala kemudahan yang sedia ada diperbaiki supaya bahaya pencemaran yang disebabkan oleh kekurangan kemudahan-kemudahan sanitasi di bandar dan sistem pelupusan kumbahan domestik yang tidak teratur, buangan pepejal dan air buangan dapat diminimumkan. Ini adalah untuk memastikan supaya bekalan air untuk kegunaan domestik, industri dan rekreasi tidak membahayakan.

15.72 Peningkatan pembandaran dan perkembangan industri boleh juga mempercepatkan kemerosotan alam sekitar disebabkan oleh asap, pelepasan gas, kepekatan plumbum dan pencemaran bunyi. Dengan bertambahnya pendapatan dan penduduk bandar, jumlah kenderaan dijangka akan bertambah dengan cepatnya. Pencemaran asap tebal di bandar besar akan terus mendatangkan bahaya yang serius kepada penghuni bandar. Walaupun terdapat pengurangan kandungan plumbum di dalam petrol, kualiti udara di bandar akan dipengaruhi oleh pertambahan bilangan kenderaan, penyelenggaraan kenderaan yang kurang sempurna dan penguatkuasaan yang kurang berkesan ke atas pelepasan asap kenderaan yang dibenarkan di samping sikap tidak ambil peduli di kalangan orang ramai. Bagi mengurangkan kemerosotan alam sekitar di kawasan bandar, lebih banyak langkah-langkah pencegahan akan diambil. Sehubungan dengan ini, Kerajaan akan melaksanakan langkah-langkah

untuk memperbaiki kaedah pengangkutan di bandar-bandar yang sesak termasuk melaksanakan satu sistem keretapi laju (SKL) yang sesuai, landasan keretapi berkembar serta keretapi berkuasa elektrik dan memperbaiki pengangkutan awam di bandar serta penempatan kawasan perumahan di bandar-bandar besar.

15.73 Kemudahan sistem pemetungan akan terus diperluaskan untuk mengawal secara beransur-ansur pencemaran air bawah tanah dan air permukaan tanah. Di samping memperluas projek pemetungan yang berpusat bagi Pulau Pinang, Kuala Lumpur dan menyiapkan projek pemetungan di Seremban, rancangan-rancangan pemetungan juga sedang dilaksanakan di beberapa pusat pelancongan tertentu di Desaru, Port Dickson, Pulau Langkawi dan Pulau Pangkor dalam usaha untuk mengekalkan pusat peranginan tersebut sebagai destinasi pelancongan utama. Kajian-kajian kemungkinan juga sedang dijalankan bagi bandar-bandar besar seperti Kangar, Kota Bharu dan Kuching. Sistem sanitasi yang sesuai untuk memperbaiki alam sekitar serta mencegah pencemaran dari kumbahan di tempat kediaman sesak di kawasan pantai juga sedang dipertimbangkan. Menjelang akhir tempoh RM6, 8.5 peratus daripada penduduk bandar dijangka akan disediakan dengan kemudahan-kemudahan pemetungan secara yang berpusat dan tidak berpusat.

Penyelidikan Dan Pembangunan

15.74 Program-program P&P akan terus dijalankan untuk menyediakan langkah-langkah pencegahan yang lebih berkesan ke arah mengawal dan menghapuskan pencemaran. Selain daripada pengawasan yang berterusan ke atas alam sekitar, kajian akan terus dijalankan bagi membolehkan Kerajaan mengambil langkah-langkah yang sesuai. Aktiviti-aktiviti P&P akan dilaksanakan untuk memajukan teknologi yang cekap, praktikal dan ekonomik bagi digunakan untuk mengawal pencemaran di samping mencari kemungkinan menggunakan bahan-buangan untuk kegunaan ekonomi yang lain. Di samping itu, terdapat keperluan bagi menggiatkan lagi aktiviti P&P untuk memajukan proses dan hasil keluaran yang lebih selamat. Bagi tujuan ini, institusi-institusi penyelidikan sektor awam akan menggunakan sebahagian besar daripada masa mereka, peruntukan kewangan dan tenaga kerja untuk tujuan menambahkan usaha bagi mengekalkan kualiti alam sekitar meskipun tidak dapat memperbaikinya. Kerajaan akan menyediakan peruntukan kewangan yang secukupnya di bawah P&P untuk tujuan tersebut.

Perancangan Projek Bersepadu

15.75 Di bawah pendekatan perancangan projek bersepadu, selain daripada PKAS, faktor-faktor alam sekitar akan terus di perancangan dan pelaksanaan projek. PKAS yang diwajibkan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan), 1985, dan Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti-aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling), 1987, telah menentukan 19 kategori 'aktiviti-aktiviti yang telah ditetapkan'. Kajian-kajian awal telah menunjukkan bahawa kos memasukkan PKAS

hanyalah sebahagian kecil daripada keseluruhan kos projek. Di samping itu, prosedur-prosedur untuk menjalankan penilaian kekesanan telah diterbitkan dalam tahun 1987 sebagai Buku Garis Panduan Penilaian Kesan Alam Sekitar.

15.76 Penyediaan pelan pembangunan dan struktur, projek-projek infrastruktur dan pemuliharaan, program-program pembangunan sektor dan bandar akan terus mengambilkira faktor-faktor alam sekitar. Berhubung dengan projek yang tidak tertakluk kepada PKAS, projek yang boleh mendatangkan pencemaran akan ditempatkan jauh daripada kawasan yang sensitif seperti kawasan-kawasan perumahan, sekolah, hospital dan kawasan tadahan air terutamanya jika kawasan-kawasan tersebut tidak mempunyai perlindungan yang mencukupi. Selanjutnya, langkah-langkah pengawalan untuk mencegah dan mengurangkan kemungkinan pencemaran alam sekitar akan juga diberi pertimbangan khusus di dalam melaksanakan projek-projek yang sedemikian.

15.77 Perancangan projek bersepadu memerlukan kerjasama yang lebih erat di antara Kerajaan Persekutuan dan Negeri di dalam pengurusan alam sekitar. Bagi tujuan ini, Jawatankuasa Tindakan Negeri telah dibentuk untuk menimbang aspek-aspek alam sekitar bagi projek-projek pembangunan. Mesyuarat antara Menteri-menteri Persekutuan dan Negeri dan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang bertanggungjawab mengenai hal ehwal alam sekitar, yang bermula pada tahun 1989, akan diteruskan untuk mempertingkatkan lagi kerjasama tersebut.

Kerjasama Antarabangsa dan Pencemaran Antara Sempadan

15.78 Malaysia telah memainkan peranan penting dalam usaha mempertingkatkan kesedaran alam sekitar dalam forum-forum di peringkat antarabangsa. Ini telah ditunjukkan dalam memperolehi persetujuan Ketua-Ketua Negara Komanwel di dalam Perisytiharan Langkawi Mengenai Alam Sekitar. Di samping itu, di bawah naungan Jawatankuasa Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) mengenai Sains dan Teknologi (COST), projek-projek di bawah Program Alam Sekitar ASEAN (ASEP) II (1983-1987) dan ASEP III (1988-1991) telah dimulakan dan akan diteruskan di bawah RM6. Selanjutnya, Pegawai-Pegawai Kanan ASEAN mengenai Alam Sekitar (ASOEN) akan menumpukan kepada pertama, memperkukuhkan kerjasama ASEAN di dalam pertukaran maklumat teknologi, sumber-sumber dan tenaga kerja dalam urusan ke atas masalah yang berkaitan dengan alam sekitar antarabangsa; dan kedua, memastikan aspek alam sekitar diambilkira di dalam keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa-Jawatankuasa ASEAN yang lain. Di bawah RM6, Malaysia dijangka terus memperolehi faedah dari berbagai program kerjasama di dalam sains laut di antara ASEAN dan rakan-rakannya iaitu Australia, Amerika Syarikat dan Kanada.

15.79 Beberapa isu alam sekitar antarabangsa mempunyai kesan-kesan ke atas Malaysia. Ini berhubung kait dengan pembinaan gas-gas rumah hijau, perubahan iklim

dan penggunaan klorofluorokarbon (CFCs) yang memberi kesan kepada lapisan ozon. Mengikut Protokol Montreal, Malaysia telah bersetuju untuk memansuhkan sepenuhnya bahan-bahan terkawal termasuk CFCs dan halon menjelang tahun 2000. Malaysia menghadapi ancaman yang lebih besar ekoran daripada tindakan syarikat-syarikat antarabangsa yang mengeksport dan membuang secara tidak terkawal bahan buangan dan bahan kimia berbahaya yang melampaui sempadan negara berikutan daripada proses perindustrian di negara maju. Atas alasan ini, Malaysia sedang mempertimbangkan untuk menandatangani Konvensyen Basel ke atas Kawalan Pergerakan Antara Sempadan dan Pelupusan Bahan Buangan Berbahaya, 1989. Di samping itu, terdapat kemungkinan bahaya hujan asid dan pelepasan gas yang menyebabkan barah yang dikeluarkan oleh loji-loji kimia negara-negara maju sampai ke Malaysia melalui pergerakan udara.

Sikap, Nilai dan Kesedaran

15.80 Kesedaran Sektor Swasta. Satu daripada masalah paling besar berkaitan alam sekitar ialah etika perdagangan pengusaha-pengusaha industri yang lebih menekankan kepada membuat keuntungan yang maksimum daripada menekankan kesan pencemaran industri kepada masyarakat. Pengeluaran dipertingkatkan untuk menghasilkan ekonomi berskala besar yang akan memberikan kadar pulangan yang lebih cepat kepada pelaburan modal tanpa mengambilkira keperluan untuk mewujudkan langkah-langkah kawalan pencemaran dan memasang alat-alat pencegah pencemaran.

15.81 Kesedaran Awam. Kurangnya kesedaran di kalangan orang awam mungkin disebabkan oleh kefahaman yang tidak cukup mengenai kesan-kesan jangka panjang pencemaran dan kemerosotan alam sekitar yang bertambah buruk. Masalah ini bertambah serius di kawasan-kawasan bandar dan pinggir bandar di mana kemudahan-kemudahan untuk pelupusan buangan pepejal dan air kotor tidak mencukupi. Masalah tersebut menjadi lebih serius di kawasan-kawasan setinggan di mana berbagai jenis buangan dibuang secara sesuka hati. Bagi aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan penggunaan sumber semulajadi seperti kayu balak dan hutan bakau, perhatian yang kurang diberikan kepada perkara tersebut adalah mungkin disebabkan oleh andaian bahawa sumber-sumber sedemikian adalah merupakan anugerah semulajadi dan dengan itu kekurangannya tidak begitu dirasai. Satu strategi yang perlu di masa hadapan ialah untuk memberi tumpuan bagi mewujudkan kesedaran di kalangan orang awam.

15.82 Program Kesedaran. Kesan kemerosotan alam sekitar adalah satu kesan jangka panjang dan akibat daripada kesan buruk ini akan ditanggung oleh generasi akan datang. Pencemaran mendatangkan kos luaran ke atas mereka yang tidak melakukan pencemaran tersebut. Oleh yang demikian, mereka yang melakukan pencemaran tidak mengambil berat ke atas masalah tersebut. Kemerosotan alam sekitar bukan sahaja memerlukan undang-undang dan peraturan-peraturan, penyesuaian dan

penguatkuasaan yang tegas, tetapi juga pengetahuan mengenainya perlu disebar kepada orang awam supaya mereka diberitahu dengan secukupnya. Pendedahan yang lebih, peningkatan pengetahuan dan kefahaman yang lebih saintifik mengenai alam sekitar adalah juga mustahak. Pengetahuan dan kesedaran adalah mempengaruhi sikap dan nilai-nilai ke arah penjagaan yang lebih terhadap alam sekitar.

15.83 Keberkesanan pendidikan alam sekitar sebagai satu strategi pencegahan di dalam pengurusan alam sekitar adalah bergantung kepada perancangan yang teliti, penyelarasan yang berkesan, kesanggupan dan penglibatan sepenuhnya semua agensi dan organisasi yang berkaitan dengan alam sekitar di dalam dan di luar sektor Kerajaan. Rakyat Malaysia mesti bekerjasama dan membantu menyempurnakan usaha Kerajaan di dalam mewujudkan alam sekitar yang bebas daripada pencemaran dan mempertingkatkan lagi pembangunan sumber-sumber yang berkekalan.

Rangka untuk Kerjasama Institusi

15.84 Pemeliharaan warisan asli negara dan peningkatan kepelbagaian biologi memerlukan beberapa kawasan tertentu sebagai hutan simpan, taman rekreasi laut dan pantai serta kawasan simpanan hidupan liar dan alam semulajadi. Bagi membayar ganti rugi ke atas kemungkinan kehilangan hasil negeri dan kos yang tinggi untuk mengurus program-program dan projek-projek yang dicadangkan, Kerajaan Persekutuan akan berunding dengan Kerajaan Negeri mengenai kemungkinan berkongsi tanggungjawab kewangan berhubung dengan projek-projek alam sekitar yang dilaksanakan bersama.

15.85 JAS adalah agensi utama diamanahkan dengan tanggungjawab untuk mengawasi keadaan alam sekitar dan menguatkuasakan undang-undang, peraturan dan tatacara dengan lebih berkesan. Bagi membolehkan JAS dan agensi lain sektor awam mengawasi dan menilai dengan lebih berkesan dan berterusan ke atas keadaan alam sekitar dan mengambil daya usaha untuk menguatkuasakan langkah-langkah yang diperlukan, peranan agensi-agensi tersebut ke atas alam sekitar akan diberi keutamaan. Oleh yang demikian, bermula dari RM6, semua institusi awam akan dikehendaki bekerjasama dengan JAS dan mengambilkira faktor-faktor alam sekitar di dalam perancangan dan pelaksanaan program-program dan projek-projek mereka. JAS juga akan diperkukuhkan bagi membolehkannya memainkan peranan pembangunan di samping menjalankan penguatkuasaan secara lebih berkesan. Langkah-langkah ini akan memastikan bahawa di dalam melaksanakan fungsi-fungsi yang ditetapkan, pertimbangan alam sekitar adalah perlu diambilkira di dalam strategi-strategi dan program-program agensi-agensi sektor awam.

15.86 Satu masalah utama pada masa yang lepas ialah kekurangan penyelarasan dasar-dasar, strategi-strategi dan program-program yang berkaitan dengan alam sekitar. Untuk memperbaiki kelemahan-kelemahan ini dan bagi memastikan bahawa

semua agensi awam memberi keutamaan sewajarnya kepada pemeliharaan keadaan alam sekitar yang baik serta menggalakkan pembangunan yang berterusan dan meminimumkan kemerosotan alam sekitar, Kerajaan akan menubuhkan Majlis Alam Sekitar Negara (MASN) untuk menyelaras fungsi ke semua agensi, menimbang strategi-strategi dan program-program yang mempunyai implikasi ke atas alam sekitar dan menasihati Kerajaan mengenai dasar-dasar ke arah pendekatan yang lebih menyeluruh kepada pengurusan alam sekitar.

IV. PERUNTUKAN

15.87 Peruntukan pembangunan Kerajaan Persekutuan untuk program-program bagi memastikan penyelenggaraan pembangunan yang berkekalan dan pengurusan alam sekitar yang berkesan adalah ditunjukkan di dalam komponen peruntukan sektor di bawah kawalan agensi-agensi berkaitan. JAS akan diperuntukkan sebanyak \$40.35 juta bagi menjalankan penyelidikan di samping melaksanakan projek-projek untuk kebaikan alam sekitar. Di antara projek-projek utama yang akan dilaksanakan termasuk Kawalan ke atas Pencemaran Udara dan Bunyi, Penilaian Kesan Alam Sekitar, Kawalan Air dan Pencemaran Laut. Di samping itu, JAS juga akan memulakan program-program seperti Maklumat dan Pendidikan Alam Sekitar dan penyediaan garis panduan dan tatacara mengenai kawalan alam sekitar.

15.88 Selain daripada JAS, kementerian lain yang berkaitan seperti Kementerian Pertanian, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, dan Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi serta agensi-agensi di bawahnya juga diberi peruntukan bagi mengambilkira pertimbangan alam sekitar ke dalam program-program dan projek-projek mereka yang sesuai dalam usaha membantu mengekalkan alam sekitar yang bersih dan sihat.

V. PENUTUP

15.89 Selaras dengan semangat Perisytiharan Langkawi Mengenai Alam Sekitar, dasar bagi menggalakkan pembangunan yang berterusan akan diberi keutamaan. Dasar ini akan merangkumi strategi-strategi yang melibatkan pertumbuhan sektor dan pengagihan yang saksama khususnya dalam penggunaan secara optimum sumber-sumber negara yang boleh luput dan boleh diganti semula. Penggunaan sumber-sumber ini secara cekap mempunyai hubungan yang rapat ke atas pembangunan negeri-negeri yang bergantung kepada sumber tersebut. Tumpuan akan diberikan kepada pemuliharaan, keseimbangan alam sekitar dan ekologi di dalam konteks pembangunan yang berkekalan.

BAB 16 : WANITA DALAM PEMBANGUNAN

I. PENDAHULUAN

16.01 Kerajaan telah lama mengiktiraf sumbangan besar kaum wanita kepada pembangunan negara keseluruhannya. Oleh itu, Kerajaan sentiasa menggalakkan penyertaan mereka dalam pembangunan negara dengan membuka peluang-peluang yang lebih luas bagi menceburi bidang sosial, ekonomi dan politik. Penggubalan Dasar Wanita Negara (DWN) mencerminkan kesungguhan Kerajaan untuk mengoptimumkan potensi kaum wanita dalam pembangunan sosial dan ekonomi negara.

16.02 Menyedari pelbagai peranan wanita dalam keluarga, masyarakat dan ekonomi, Kerajaan juga mengakui bahawa strategi-strategi yang khusus perlu dibentuk bagi melibatkan wanita secara berkesan dalam proses pembangunan. Ke arah mencapai tujuan ini, usaha yang gigih akan diambil untuk mengurangkan batasan-batasan yang sedia ada secara berperingkat-peringkat dan membantu wanita melibatkan diri dalam kegiatan-kegiatan sosial dan ekonomi yang utama. Langkah-langkah ini adalah selaras dengan objektif DWN untuk mengintegrasikan sumbangan wanita dalam usaha-usaha pembangunan negara.

II. KEMAJUAN DAN PENCAPAIAN

16.03 Memandangkan peranan aktif yang semakin meningkat dimainkan oleh kaum wanita dalam pembangunan, Kerajaan telah menggubal DWN dalam tahun 1989. Objektif-objektif keseluruhannya ialah: . untuk menjamin perkongsian yang saksama di antara lelaki dan wanita dalam pemilikan sumber dan maklumat, di samping mendapatkan peluang dan faedah dari pembangunan; dan . untuk mengintegrasikan kaum wanita ke dalam semua sektor pembangunan negara selaras dengan kemampuan dan keperluan mereka bagi tujuan meningkatkan mutu kehidupan, membasmi kemiskinan, menghapuskan kejahilan dan buta huruf serta memastikan negara berada dalam keadaan aman dan makmur. Pada asasnya, DWN memperjelaskan kesungguhan Kerajaan ke arah membantu penyertaan wanita dalam kehidupan sosial dan ekonomi negara. Ia juga menyediakan garis panduan bagi mengintegrasikan sumbangan wanita dalam proses pembangunan negara.

Pembangunan Keluarga

16.04 Memandangkan wanita memainkan peranan yang penting dalam pembangunan keluarga dan dengan meningkatnya penglibatan mereka di dalam

berbagai sektor ekonomi, usaha-usaha telah dilakukan untuk mendidik rakyat Malaysia tentang faedah-faedah yang akan dinikmati oleh masyarakat apabila lelaki dan wanita berkongsi tanggungjawab terhadap keluarga. Di samping itu, peranan penting yang dimainkan oleh ibu-ibu dalam membentuk generasi akan datang untuk menjadi warganegara yang progresif memerlukan usaha untuk melengkapkan wanita dengan sumber-sumber dan kemahiran yang mencukupi. Oleh itu, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah mengadakan kursus-kursus mengenai kekeluargaan, teknik-teknik keibubapaan dan kaunseling serta melaksanakan program-program yang berhubungkait ke arah pembentukan keluarga bahagia menerusi konsep keluarga ikrah.

16.05 Sistem pendidikan bukan formal telah juga digunakan untuk memupuk nilai dan sikap positif di kalangan keluarga menerusi program-program yang khusus ditujukan kepada wanita. Satu unsur penting dalam program seumpama ini ialah latihan kepimpinan yang bertujuan untuk membolehkan wanita menjadi lebih progresif dan bersedia untuk menerima perubahan.

Penyertaan Tenaga Buruh dan Gunatenaga

16.06 Wanita merupakan kira-kira separuh daripada jumlah penduduk, tetapi buat masa ini, hanya merupakan satu pertiga sahaja dari jumlah tenaga buruh. Dari segi kadar penyertaan tenaga buruh, penyertaan wanita meningkat dari 37.2 peratus dalam tahun 1970 kepada 46.7 peratus dalam tahun 1990. Walau bagaimanapun, kadar penyertaan mereka masih terus rendah berbanding dengan penyertaan kaum lelaki sebanyak 81.3 peratus dan 85.6 peratus dalam tempoh yang sama.

16.07 Corak yang sama juga ditunjukkan oleh arah aliran gunatenaga di antara lelaki dan wanita. Purata bahagian gunatenaga lelaki telah berkurangan dari 69 peratus pada tahun 1970 kepada 65 peratus pada tahun 1990, sementara purata bahagian wanita pula meningkat dari 31 peratus kepada 35 peratus dalam tempoh yang sama, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 16-1. Pada keseluruhannya gunatenaga wanita masih rendah berbanding dengan lelaki terutamanya disebabkan oleh kekurangan kemahiran yang sesuai dan keperluan-keperluan rumahtangga.

16.08 Sepanjang dua dekad yang lalu, status gunatenaga wanita telah meningkat dengan banyaknya selaras dengan perkembangan pekerjaan dan perubahan struktur ekonomi. Bahagian gunatenaga wanita sebagai pekerja keluarga tanpa gaji dalam sektor-sektor tradisional dan tidak formal telah berkurangan dari 39.7 peratus dalam tahun 1970 kepada 21.6 peratus dalam tahun 1990. Pengurangan ini berlaku disebabkan oleh penyerapan pekerja wanita dalam golongan ini ke dalam sektor-sektor moden, terutamanya dalam sektor kecil perladangan dan sektor-sektor perindustrian dan perkhidmatan. Dengan itu, dalam tempoh yang sama, peratusan pekerja wanita telah meningkat dari 38.9 peratus kepada 62.9 peratus. Ini

menunjukkan perubahan arah aliran kepada peningkatan gunatenaga wanita dalam sektor formal.

16.09 Dari segi struktur pekerjaan, wanita kebanyakannya tertumpu kepada pekerjaan kurang mahir dan intensif buruh di sektor pertanian serta pekerjaan bergaji rendah, separuh mahir dan yang meliputi kerja-kerja pemasangan di sektor industri seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 16-2. Dalam tahun 1990, walaupun 9.4 peratus kaum wanita berkhidmat dalam pekerjaan profesional dan teknikal, namun kebanyakan mereka berkhidmat sebagai guru dan jururawat. Penyertaan mereka dalam bidang pentadbiran dan pengurusan pula adalah kurang dari 1 peratus.

16.10 Pada keseluruhannya, kegiatan pertanian terus menyerap sebilangan besar tenaga buruh wanita yang melibatkan 28.2 peratus dari keseluruhan gunatenaga wanita pada tahun 1990 diikuti oleh aktiviti pembuatan dan perkhidmatan masyarakat, sosial dan persendirian seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 16-3. Bahagian gunatenaga wanita di sektor elektrik, gas dan air telah merosot dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima (RM5).

16.11 Sektor Pertanian. Walaupun sektor pertanian terus memberi pekerjaan kepada sebahagian besar kaum wanita, namun peratus penyertaan mereka telah merosot dari 67.9 peratus dalam tahun 1970 kepada 28.2 peratus dalam tahun 1990. Ini adalah selaras dengan perubahan yang berlaku dalam struktur ekonomi. Di kalangan Keluarga Tani, wanita memainkan peranan yang penting dalam proses membuat keputusan mengenai hal-hal berkaitan dengan kewangan, bekerja di kebun-kebun keluarga dan merupakan pendorong utama dalam pembangunan keluarga. Adalah jelas kaum wanita terus merupakan faktor penting dalam sektor luar bandar dan pertanian.

16.12 Sektor Pembuatan. Gunatenaga wanita telah bertambah dengan banyak di dalam sektor kedua. Sektor pembuatan telah menyerap 24.3 peratus daripada jumlah gunatenaga wanita pada tahun 1990 berbanding dengan hanya 8.1 peratus pada tahun 1970. Walau bagaimanapun, satu penyiasatan terhadap industri-industri pembuatan pada tahun 1988 menunjukkan lebih separuh dari pekerja wanita bekerja sebagai operator pengeluaran yang bergaji rendah dan separuh mahir, manakala hanya 17.7 peratus sahaja memegang jawatan di peringkat teknikal dan penyeliaan dan 10.9 peratus di peringkat pengurusan dan profesional. Dalam industri intensif buruh seperti tekstil dan elektronik, kaum wanita merupakan kira-kira 57 peratus daripada jumlah pekerja di kebanyakan syarikat yang berkaitan.

16.13 Sektor Perkhidmatan. Gunatenaga wanita dalam sektor perkhidmatan terutamanya perkhidmatan masyarakat, sosial dan persendirian menunjukkan pertambahan dari 16.4 peratus dalam tahun 1970 kepada 21.4 peratus dalam tahun 1990. Di sektor borong dan runcit, hotel dan restoran, gunatenaga wanita telah meningkat dari 5.8 peratus kepada 19.7 peratus bagi tempoh yang sama. Walaupun

penglibatan kaum wanita dalam sektor-sektor tersebut telah meningkat, namun kebanyakan daripada mereka masih berkhidmat sebagai pembantu rumah, pekerja am, jurujual dan penjaja. Bilangan mereka di dalam pekerjaan di peringkat yang lebih tinggi adalah kecil.

16.14 Gunatenaga wanita dalam sektor awam meningkat dari 29.3 peratus pada tahun 1985 kepada 32.9 peratus pada tahun 1990. Kebanyakan mereka adalah dalam kategori yang rendah iaitu kategori-kategori C dan D. Mereka yang berada di dalam kedua-dua kategori ini merupakan 82.3 peratus dari keseluruhan jumlah gunatenaga wanita di dalam sektor awam. Di dalam kategori C, jenis-jenis pekerjaan yang disandang oleh kaum wanita adalah sebagai guru sekolah rendah, jururawat, kakitangan pejabat dan kerani, sementara dalam kategori D, kebanyakannya merupakan pekerja am yang tidak berkemahiran. Dalam bidang pendidikan pula, sebanyak 51.3 peratus daripada guru dan pegawai perkhidmatan pendidikan adalah terdiri daripada kaum wanita dalam tahun 1990 yang merupakan pertambahan sebanyak 5.6 peratus dari yang dicapai pada awal tempoh RM5. Sebilangan besar daripada mereka adalah guru sekolah rendah.

Pendapatan pekerja Wanita

16.15 Dalam sektor awam, tidak wujud diskriminasi terhadap kaum wanita dalam pekerjaan sama ada dari segi pengambilan atau gaji, Namun demikian, perbezaan gaji antara lelaki dengan wanita masih wujud di dalam sektor swasta bagi beberapa pekerjaan pengeluaran walaupun pada kadar yang semakin berkurangan seperti ditunjukkan dalam Jadual 16-4.

Pengangguran

16.16 Kadar pengangguran di kalangan wanita adalah lebih tinggi berbanding dengan lelaki bagi setiap kumpulan umur sama ada di kawasan bandar mahupun luar bandar. Pekerja wanita adalah lebih terdedah kepada kemelesetan ekonomi dalam pertengahan dekad lapan puluhan kerana kebanyakan mereka tertumpu di dalam industri-industri yang mengalami kesan buruk ekoran daripada kemelesetan tersebut. Di kemuncak kemelesetan itu, kira-kira dua-pertiga daripada pekerjaan wanita yang diberhentikan adalah terbabit di dalam sektor kecil tekstil dan elektronik.

Pendidikan

16.17 Kaum wanita telah mendapat faedah dari peluang-peluang pendidikan yang saksama. Ini dapat dilihat dari kadar penyertaan yang seimbang di antara pelajar lelaki dan wanita pada peringkat pendidikan rendah dan menengah. Walau bagaimanapun, perbezaan dari segi jantina masih wujud di mana kaum wanita lebih cenderung memilih disiplin yang bukan teknikal dan vokasional seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 16-5. Namun begitu, bilangan pelajar wanita di dalam aliran

teknikal telah mengalami peningkatan yang tinggi dari 4.3 peratus pada tahun 1970 kepada 35.9 peratus pada tahun 1990.

16.18 Pengambilan pelajar wanita di universiti adalah merupakan 44 peratus daripada keseluruhan pengambilan bagi tempoh RM5 dengan kemasukan pelajar wanita yang semakin meningkat di bidang-bidang seperti perubatan, pergigian, kejuruteraan, arkitek dan perakaunan. Walaupun lebih ramai penuntut wanita telah mengikuti kursus-kursus sains dan teknologi, namun sebilangan besar penuntut wanita masih lagi terus memasuki kursus-kursus sastera dan sastera gunaan.

Pertubuhan-pertubuhan Kerajaan dan Bukan Kerajaan

16.19 Beberapa buah institusi telah ditubuhkan untuk mengintegrasikan wanita ke dalam aliran utama pembangunan. Majlis Penasihat Kebangsaan Mengenai Integrasi Wanita Dalam Pembangunan (NACIWID) di Jabatan Perdana Menteri telah ditubuhkan pada tahun 1976 bagi menterjemahkan pelah tindakan sedunia mengenai wanita dalam pembangunan di peringkat negara. Pada tahun 1983, Urusetia Hal Ehwal Wanita (HAWA) telah ditubuhkan untuk mengawasi dan menilai perkhidmatan-perkhidmatan yang dibekalkan oleh sektor awam dan swasta bagi faedah kaum wanita. Selain daripada bertindak sebagai pusat maklumat utama mengenai hal ehwal wanita, HAWA juga berfungsi sebagai urusetia kepada NACIWID.

16.20 Sistem penyampaian pelbagai perkhidmatan sokongan untuk wanita telah diperkukuhkan lagi melalui aktiviti organisasi-organisasi Kerajaan seperti Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun-pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) dan beberapa lembaga kemajuan wilayah. Aktiviti-aktiviti yang dianjurkan untuk kaum wanita bukan sahaja berasaskan ekonomi, tetapi juga meliputi program-program pendidikan, sosial dan agama yang lebih meluas.

16.21 Penubuhan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), sebuah agensi amanah bukan Kerajaan, telah membantu mempertingkatkan penyertaan kaum wanita di dalam aktiviti-aktiviti ekonomi. Kajian-kajian awal menunjukkan bahawa kaum wanita bukan sahaja merupakan peserta majoriti dalam skim kredit AIM tetapi merupakan pembayar balik kredit yang lebih baik. Dalam proses ini, penyertaan wanita terutama dalam aktiviti-aktiviti bukan ladang telah meningkatkan pendapatan isirumah dengan banyaknya.

16.22 Pertubuhan-pertubuhan bukan Kerajaan (NGO) yang lain juga memainkan peranan penting ke arah meningkatkan penyertaan wanita dalam aktiviti-aktiviti ekonomi dan sosial. NGO seperti Majlis Kebangsaan Pertubuhan-pertubuhan Wanita (NCWO), Perkumpulan Wanita (WI), Pertubuhan Tindakan Wanita Islam (PERTIWI), Pertubuhan Bantuan Untuk Wanita dan Lembaga Kebajikan Perempuan

Islam telah menyediakan berbagai program pembangunan berbentuk jaya diri dan kemudahan-kemudahan sokongan yang lain.

Taraf Undang-undang

16.23 Perlembagaan Persukutan menjamin kesamaan hak wanita dengan lelaki. Di samping itu, berbagai undang-undang telah digubal untuk mengekal, memelihara dan melindungi hak-hak wanita.

16.24 Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian), 1976, yang telah dirangka untuk melindungi hak-hak wanita bukan Islam daripada kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam undang-undang yang berkaitan sebelum ini, telah menghapuskan poligami, menetapkan had umur minimum berkahwin pada umur enam belas tahun dan mewajibkan pendaftaran bagi semua perkahwinan. Berkaitan dengan wanita Islam, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam memberikan hak dan faedah yang lebih tuntut melindungi kebajikan wanita dan kanak-kanak Islam sekiranya berlaku perceraian.

16.25 Bagi melindungi kepentingan wanita dan untuk memelihara mereka daripada penganiayaan, undang-undang yang berkaitan dengan rogol dan perkosaan telah dipinda oleh Parlimen pada bulan April 1989. Hukuman mandatori tidak kurang dari lima tahun dan maksimum sehingga dua puluh tahun juga dikenakan sebagai pencegah yang berkesan terhadap jenayah ke atas wanita.

16.26 Status wanita sebagai agen ekonomi telah dipertingkatkan lagi dengan adanya peruntukan-peruntukan yang lebih baik dalam Akta Cukai Pendapatan, 1967. Di bawah peruntukan yang baru, wanita boleh mengemukakan taksiran berasingan di samping memasukkan pendapatan dari semua sumber untuk tujuan percukaian. Dengan itu, peruntukan-peruntukan baru tersebut telah memberi layanan yang saksama kepada wanita di bawah undang-undang cukai yang sedia ada.

III. PROSPEK, 1991-95

16.27 Wanita memainkan peranan penting dalam pembangunan negara. Sebagai isteri dan ibu, mereka merupakan tenaga utama di dalam membentuk generasi Malaysia yang penyayang dan progresif di masa hadapan. Di luar rumah, wanita adalah sumber ekonomi yang penting. Walau bagaimanapun, memandangkan keadaan pasaran buruh yang semakin ketat di beberapa sektor dan lokasi, ianya telah menimbulkan kebimbangan yang penglibatan wanita dalam kegiatan ekonomi akan terbantut disebabkan oleh beberapa batasan seperti:

- dua tanggungjawab yang sering bercanggah, iaitu terhadap keluarga dan kerjaya menghadkan mobiliti dan penyertaan lebih ramai wanita dalam pasaran buruh;
- pembezaan jantina mengikut disiplin pendidikan di sekolah-sekolah bukan sahaja akan membawa kepada perbezaan pekerjaan di masa hadapan, malah ia akan juga menyukarkan penyesuaian dan penyertaan wanita di dalam pasaran buruh;
- kelaziman sosial dan prasangka terhadap peranan dan status wanita dalam masyarakat dan juga dalam pasaran buruh menyekat penglibatan mereka di dalam aktiviti-aktiviti ekonomi;
- wanita-wanita yang mempunyai anak, yang bergantung hidup kepada suami mereka merupakan kumpulan wanita yang sering terdedah kepada keganasan rumahtangga. Kekurangan kemahiran di kalangan wanita ini sering menghadkan pilihan mereka dan ini menghalang mereka daripada memperolehi sumber pendapatan alternatif;
- wanita selalunya dianggap sebagai pencari nafkah kedua yang hanya membantu menambah pendapatan keluarga. Dengan itu, pekerjaan mereka selalunya tidak dianggap penting bagi keluarga. Akibatnya, program-program yang dirangka untuk mewujudkan peluang pendapatan bagi kaum wanita pada umumnya memperkukuhkan lagi peranan mereka di rumah dan jarang menyediakan peluang untuk mendapatkan kema hiran-kemahiran yang diperlukan dalam pasaran buruh;
- kekurangan latihan pengurusan yang sesuai yang diikuti oleh ketiadaan kemahiran, kekurangan kemudahan untuk mendapatkan kredit dan kekurangan maklumat pasaran yang berkaitan juga membataskan penyertaan wanita dalam ekonomi; dan

- suasana kerja pada umumnya tidak menggalakkan isteri- isteri dan ibu-ibu untuk terus bekerja. Keadaan ini menghadkan peluang-peluang latihan dan menghalang pembangunan dalam kerjaya. Pemisahan rumah dari tempat kerja sera masa kerja yang ditetapkan menyukarkan kaum wanita untuk melibatkan diri secara berterusan di dalam pasaran buruh.

16.28 Memandangkan terdapatnya berbagai masalah yang menghalang pembangunan wanita, teras utama usaha-usaha Kerajaan ialah ke arah memastikan dasar pembangunan di masa hadapan digubal bagi memudahkan penyertaan wanita secara lebih berkesan sebagai rakan kongsi di dalam pembangunan sosial dan ekonomi. Di dalam rangka DWN, penekanan akan lebih ditumpukan kepada aktiviti meningkatkan kemahiran di kalangan wanita.

Pembangunan Keluarga

16.29 Keupayaan dan kebolehan wanita mewujudkan keharmonian keluarga akan terus diperkukuhkan melalui berbagai program yang menyeluruh dan yang meliputi pelbagai sektor yang dianjurkan oleh LPPKN dan agensi-agensi awam lain. Aktiviti-aktiviti yang boleh meningkatkan kesejahteraan wanita akan juga dipergiatkan bagi memudahkan kaum wanita melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti-aktiviti ekonomi di luar rumah.

16.30 Sistem pendidikan bukan formal akan terus digunakan dengan lebih berkesan untuk meningkatkan penglibatan wanita dalam aktiviti-aktiviti ekonomi dan sosial di samping memastikan pembentukan generasi yang berkualiti di masa hadapan. Program yang berkaitan dengan pembangunan keluarga seperti keibubapaan, kestabilan rumahtangga, pemakanan, kesihatan reproduktif, pengurusan sumber keluarga dan kaunseling akan disepadukan ke dalam kurikulum latihan.

16.31 Projek-projek penyelidikan dan penyiasatan akan juga dijalankan untuk meningkatkan pemahaman terhadap faktor-faktor yang boleh membantu wanita memainkan peranan mereka dalam keluarga dan di tempat kerja. Penemuan-penemuan yang berkaitan akan membantu Kerajaan menggubal program-program yang lebih sesuai untuk wanita pada masa hadapan.

Penyertaan Tenaga Buruh dan Gunatenaga

16.32 Memandangkan kaum wanita mempunyai potensi yang besar dari segi ekonomi, Kerajaan akan menggalakkan program-program peningkatan kemahiran tenaga manusia yang bertujuan untuk memperbaiki lagi status pekerjaan mereka. Program latihan kemahiran dan latihan semula akan diperluaskan lagi untuk meningkatkan peluang pekerjaan mereka. Prospek bagi kaum wanita dalam bidang ekonomi akan dipertingkatkan dengan adanya peluang-peluang dalam pekerjaan bukan tradisional. Pengambilan pelatih wanita yang lebih ramai di sekolah-sekolah

vokasional dan teknikal akan membantu meningkatkan penglibatan mereka dalam pekerjaan-pekerjaan yang lebih berkemahiran dan bergaji lumayan di pasaran buruh.

16.33 Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat akan memberi tumpuan yang khusus terhadap keperluan wanita yang kurang bernasib baik, terutamanya dalam isirumah yang diketuai oleh wanita. Untuk mencapai tujuan ini, kajian akan dijalankan bagi membantu usaha-usaha perancangan pada masa akan datang. Program-program khusus untuk melengkapkan wanita dengan kemahiran yang boleh dipasarkan akan juga dirangka untuk mempertingkatkan keupayaan kaum wanita dan meluaskan peluang-peluang mendapatkan pekerjaan serta menambah pendapatan. Penyediaan kemudahan-kemudahan sokongan seperti pusat-pusat jagaan kanak-kanak untuk anak-anak pekerja akan juga digalakkan untuk menambah dan terus mengekalkan penyertaan kaum wanita dalam pasaran buruh.

Wanita Dalam Perniagaan

16.34 Kaum wanita harus juga dilengkapkan dengan kemahiran keusahawanan dan perniagaan untuk menggalakkan mereka bekerja sendiri di samping mempelbagaikan lagi penyertaan mereka di bidang ekonomi. Oleh kerana keperluan wanita agak khusus, mereka harus diperuntukkan dengan sumber-sumber ekonomi seperti kemudahan kredit dan lesen di samping perwakilan yang sewajarnya dalam persatuan-persatuan perniagaan dan perdagangan. Sehubungan dengan itu, usaha akan diambil untuk menyediakan kemudahan, bukan sahaja untuk meningkatkan kemahiran pengurusan, tetapi juga membantu dalam usaha membentuk asas ke arah penglibatan kaum wanita dengan lebih berkesan di dalam arena perniagaan. Tambahan pula, penyertaan kaum wanita Bumiputera di dalam bidang ini akan dapat membantu membangunkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB).

Pertubuhan-pertubuhan Bukan Kerajaan

16.35 Dengan pelaksanaan DWN, peranan NGO dan pertubuhan-pertubuhan sukarela yang berkaitan tidak hanya dihadkan kepada aktiviti sosial dan pembangunan masyarakat. Penglibatan pertubuhan-pertubuhan ini juga harus lebih aktif dan berkesan dalam program dan aktiviti yang bertujuan mendorong penyertaan wanita ke dalam aktiviti-aktiviti utama pembangunan. Pertubuhan-pertubuhan ini juga harus bertindak sebagai penggalak kepada pembentukan program dan skim yang akan dapat membawa perubahan kepada kaum wanita di luar bandar. Dalam konteks ini, pertubuhan-pertubuhan wanita akan menumpukan aktiviti mereka dalam mengembleng kaum wanita di luar bandar untuk meningkatkan pengeluaran dari kedua-dua aktiviti pertanian dan bukan pertanian. Ini dapat dilakukan melalui penyampaian nasihat mengenai pengeluaran, pemerosesan, pemasaran dan aktiviti ekonomi lain yang berkaitan.

16.36 Untuk melengkapkan lagi usaha-usaha Kerajaan dan NGO, di samping mengelakkan pertindihan fungsi di antara kedua pihak, satu mekanisma yang lebih berkesan dan berdaya maju akan dibentuk. Cadangan pembentukan Jawatankuasa Perundingan di peringkat negeri dan daerah akan memperkukuhkan lagi kedua-dua sistem rangkaian dan maklum balas mengenai wanita. Jawatankuasa ini akan juga memastikan penyertaan individu, NGO dan kumpulan-kumpulan berkepentingan yang lain dalam pembentukan, pengawasan, penilaian dan kajian semula dasar, program dan aktiviti yang berkaitan.

16.37 NGO juga akan digalakkan untuk menyediakan perkhidmatan kaunseling dan khidmat sokongan yang lain terutama sekali dalam kes-kes keganasan rumahtangga dan keganasan terhadap wanita. Kebajikan kaum wanita akan lebih terjamin melalui penubuhan pusat-pusat krisis dan perlindungan bagi wanita yang dianiaya, penyediaan khidmat bantuan guaman serta penubuhan pusat perlindungan bagi mereka yang mengalami tekanan jiwa. Ini adalah penting kearah membolehkan kaum wanita yang bermasalah dipulihkan semangat dan keyakinan diri mereka dan membantu mereka bergiat semula di dalam aktiviti-aktiviti yang produktif. Dasar Wanita Negara - Pelan Tindakan

16.38 HAWA akan menggubal satu Pelan Tindakan untuk melaksanakan pelbagai perakuan yang terkandung di dalam DWN, termasuklah cadangan-cadangan untuk:

- memperkukuhkan jentera negara untuk menyelesaikan isu-isu yang berkaitan dengan wanita;
- mengorientasi semula proses institusi bagi perancangan, pelaksanaan dan pengawasan dasar-dasar dan program-program Kerajaan supaya mengambil kira kepentingan wanita;
- meningkatkan kesedaran awam dan kepekaan birokrasi Kerajaan terhadap perkara-perkara yang berkaitan dengan kepentingan wanita;
- mengerakkan NGO untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan program-program sosio-ekonomi; dan
- mengatasi masalah diskriminasi dan menggalakkan tindakan yang positif untuk faedah kaum wanita khususnya.

16.39 HAWA juga akan mengkaji semula perundangan yang berkaitan di samping membuat perakuan kepada Kerajaan supaya memastikan rangka perundangan dan institusi yang ada mengambil kira dan menggalakkan lagi penyertaan wanita di dalam pembangunan negara.

IV. PERUNTUKAN

16.40 Kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak \$20 juta di bawah Rancangan Malaysia Keenam untuk membantu program-program dan projek-projek yang akan dilaksanakan oleh HAWA.

V. PENUTUP

16.41 Kerajaan adalah bersungguh-sungguh dalam usaha meningkatkan lagi penyertaan wanita secara lebih berkesan di dalam keseluruhan proses pembangunan negara. Sebagai pengiktirafan terhadap peranan penting yang dimainkan oleh kaum wanita di dalam pembangunan keluarga dan meningkatnya penglibatan mereka di dalam aktiviti-aktiviti ekonomi, Kerajaan akan terus menyokong program-program yang dapat memudahkan peranan wanita di dalam dan di luar keluarga. Memandangkan kaum wanita merupakan sumber ekonomi yang penting, matlamat Kerajaan adalah untuk menjadikan wanita sebagai rakan yang sama penting di dalam usaha membina negara.

BAB 17 : PENINGKATAN KUALITI DALAM PENTADBIRAN AWAM

I. PENDAHULUAN

17.01 Sektor awam yang serba lengkap dan berkeupayaan adalah penting untuk mencapai tujuan dan matlamat pembangunan. Sektor ini memainkan peranan utama dalam perancangan dan pelaksanaan program pembangunan, pengurusan ekonomi, pewujudan suasana yang sihat untuk menarik pelaburan dan pertumbuhan ekonomi negara serta juga penyediaan perkhidmatan sosial.

17.02 Sepanjang Rancangan Malaysia Kelima (RM5), beberapa penyesuaian telah dibuat untuk meningkatkan produktiviti dan kecekapan sektor awam. Ini termasuklah langkah-langkah untuk meningkatkan penggunaan sumber dan pembangunan sumber manusia, memperbaiki jentera pentadbiran dan memperkenalkan kawalan perbelanjaan yang lebih ketat serta menjimatkan kos. Usaha-usaha telah juga diambil untuk mengekal dan mengecilkan saiz perkhidmatan awam melalui penswastan beberapa agensi dan memperketatkan kawalan terhadap pewujudan jawatan baru.

17.03 Dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam (RM6), sektor perkhidmatan awam akan berusaha mencapai matlamat yang telah ditetapkan dengan terus memberi penekanan kepada peningkatan produktiviti dan output melalui pengurusan sumber dengan lebih bijaksana. Matlamat ini akan dicapai terutamanya melalui pengagihan peranan-peranan di mana sesuai dan memperkemas undang-undang, peraturan dan prosedur pentadbiran yang tertentu untuk melicinkan penyampaian perkhidmatan kepada sektor swasta. Pelaksanaan program dan projek pembangunan akan diperbaiki melalui kerjasama yang lebih erat antara agensi. Saiz pentadbiran awam akan terus diperkecilkan dengan penggunaan tenaga manusia secara lebih baik, peningkatan keupayaan dan kemahiran serta penggunaan lebih banyak teknologi baru, automasi pejabat dan komputer.

II. KEMAJUAN, 1986-90

17.04 Berbagai usaha untuk meningkatkan prestasi dan output sektor awam telah diperkenalkan di sepanjang tempoh RM5. Perubahan telah dibuat terhadap jentera pentadbiran bagi tujuan melaksanakan program dan projek pembangunan. Struktur, fungsi dan proses pentadbiran agensi-agensi sektor awam telah disusun semula sementara pembangunan kakitangan awam telah dititikberatkan.

17.05 Panel Memajukan Pentadbiran Awam telah ditubuhkan pada bulan Mac 1986, bertujuan untuk memperkemas dan meningkatkan lagi keupayaan sektor awam.

Panel ini bertanggungjawab untuk mengenalpasti strategi baru bagi memajukan lagi sektor ini, merumuskan program kemajuan pentadbiran dan menetapkan arah haluan dan tahap pencapaian sektor ini.

Memperbaiki Sistem Perancangan, Pelaksanaan, Pengesanan dan Penilaian

17.06 Berbagai kelemahan dalam jentera perancangan dan pelaksanaan telah dikenalpasti oleh Kerajaan. Oleh itu, satu penilaian terhadap proses perancangan telah dilakukan dalam tahun 1986 untuk memperkenalkan langkah-langkah yang sesuai untuk memperbaikinya. Peranan Unit Perancang Ekonomi Negeri telah dikaji dengan tujuan untuk memperkukuh dan menyelaraskan peranannya dalam proses pembangunan. Di peringkat daerah, peranan pegawai-pegawai daerah sebagai penggerak pembangunan telah diberi penekanan. Penekanan yang baru ini telah disokong dengan penempatan kakitangan yang berpengalaman dan terlatih.

17.07 Perhatian juga telah diberi untuk mengurangkan kelewatan pelaksanaan projek dan tahap pencapaian yang rendah berbanding dengan matlamat yang ditetapkan. Dalam hal ini, usaha-usaha untuk memperbaiki sistem maklumat pengurusan, SETIA, untuk mengawasi kemajuan pelaksanaan projek pembangunan telah dibuat. Selain dari itu, pengkomputeran agensi-agensi yang terlibat dalam melaksanakan projek-projek pembangunan telah dipercepatkan supaya keupayaannya dapat dipertingkatkan.

Buku Panduan Pembangunan Daerah

17.08 Buku MERAHDUA telah diperkenalkan bagi membantu agensi-agensi pelaksana di peringkat daerah merancang pelaksanaan program dan projek secara lebih bersepadu dan selaras. Teknik Penjadualan Projek telah juga diperkenalkan untuk memastikan pelaksanaan projek mencapai matlamat. Jawatankuasa Kerja bagi Majlis Tindakan Negara telah dipergiatkan semula untuk mengawasi pelaksanaan projek dan menyelesaikan masalah yang timbul dari segi urusan pentadbiran.

17.09 Penilaian dasar awam yang utama untuk pembangunan telah dibuat bagi menilai pengagihan dan kesan program dan projek. Sebanyak dua puluh sembilan kajian penilaian telah dijalankan dalam tempoh ini iaitu merangkumi program pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat, penghijrahan penduduk luar bandar ke bandar serta kesan perbandaran dan perindustrian. Maklumat yang terkumpul disalurkan kembali kepada agensi yang berkaitan bagi mempercepatkan pencapaian objektif pembangunan.

Memajukan Pentadbiran dan Pengurusan Agensi-agensi Sektor Awam

17.10 Keupayaan agensi-agensi sektor awam untuk menghasilkan perkhidmatan berkualiti telah terus diberi perhatian utama. Penekanan telah diberi terhadap

pemberian perkhidmatan yang cukup kepada sektor swasta dan masyarakat umum. Dalam hal ini, keupayaan agensi-agensi telah dipertingkatkan melalui berbagai cara misalnya meningkatkan perkhidmatan kaunter, sistem fail dan dokumentasi serta memperbaiki sistem dan prosedur yang berkaitan. Sebagai tambahan, kemajuan telah dicapai dalam merangka borang-borang yang lebih sempurna dan senang digunakan sebagaimana yang dilakukan terhadap borang perakuan kastam, borang laporan polis dan kad pendaratan imigresen.

17.11 Satu buku panduan mengenai peningkatan kualiti perkhidmatan kaunter berkualiti telah dilancarkan manakala bengkel-bengkel pula sering diadakan di seluruh negara bagi melatih kakitangan yang terlibat dengan perkhidmatan kaunter. Sebagai satu insentif, Anugerah Pejabat Terbaik telah diperkenalkan sebagai pengiktirafan ke atas jabatan-jabatan yang telah memberi perkhidmatan yang cemerlang kepada pelanggan.

17.12 Satu lagi bidang kemajuan pentadbiran yang diberi perhatian yang bersungguh-sungguh dalam tempoh RM5 ialah menambahkan bilangan pusat bayaran setempat bagi membayar bil-bil utiliti dan cukai. Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 17-1, pada masa ini terdapat 1,298 buah pusat bayaran setempat yang memudahkan orang ramai membuat urusan. Sebagai tambahan, terdapat sejumlah 155 Pusat Perkhidmatan Setempat iaitu 87 di Semenanjung Malaysia, 31 di Sabah dan 37 di Sarawak. Bank Simpanan Nasional juga mewujudkan Sistem GIRO dalam tahun 1986 untuk memberi kemudahan membayar bil-bil perkhidmatan utiliti. Kini terdapat 313 saluran GIRO di seluruh negara.

17.13 Konsep pusat bayaran setempat telah diperluaskan untuk memberi kemudahan kepada pelabur-pelabur swasta melalui penubuhan Pusat Pelaburan (COI). Agensi-agensi yang terlibat dengan kerja memproses lesen dan permit telah ditempatkan di bawah satu bumbung. Ini telah dapat mengurangkan masa pelabur menunggu untuk mendapat kelulusan perniagaan yang akan dijalankan. Kini terdapat sembilan buah COI di seluruh negara. Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) merupakan pusat penyelaras bagi pelaburan di peringkat Persekutuan. Di peringkat Negeri, COI ditempatkan di pejabat Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri bagi negeri Johor, Kelantan, Melaka, Pahang dan Perak dan di Unit Perancang Ekonomi Negeri bagi Negeri Sembilan, Selangor dan Terengganu. Sejak penubuhan COI tersebut pada bulan Oktober 1988, MIDA telah berjaya meningkatkan keupayaannya memproses lebih banyak permohonan. Pemberian kelulusan untuk Lesen-lesen Pembuatan dan Insentif Cukai telah meningkat dua kali ganda daripada 1,687 pada bulan September 1988 kepada 3,522 pada bulan September 1990. Pemberian kelulusan untuk Pengecualian Cukai ke atas Bahan-bahan Mentah/Komponen pula telah meningkat sebanyak kira-kira 67 peratus daripada 3,813 kepada 6,355 dalam tempoh yang sama. Tambahan pula, MIDA telah berjaya mengurangkan tempoh masa pemerosesan permohonan-permohonan untuk pengecualian cukai kepada dua bulan, pengecualian

untuk cukai mengimport bahan-bahan mentah dan komponen kepada satu bulan dan pengecualian dari cukai kastam untuk jentera dan peralatan kepada dua minggu.

17.14 Kerjasama yang semakin erat di antara sektor awam dan sektor swasta di bawah konsep Persyarikatan Malaysia telah diberi penekanan. Teras utama konsep Persyarikatan Malaysia ialah untuk mewujudkan persefahaman di antara kedua-dua sektor ini ke arah mencapai pertumbuhan dan perkembangan ekonomi negara. Dalam hal ini, sebuah jawatankuasa kecil di bawah Panel Memajukan Pentadbiran Awam telah diwujudkan pada bulan Mac 1989 yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara. Ahli-ahli jawatankuasa kecil ini terdiri daripada pemimpin-pemimpin industri dan wakil-wakil berbagai bidang perdagangan dan perindustrian. Ia menjadi satu forum untuk membincangkan program-program bagi memperbaiki sistem pentadbiran yang boleh meningkatkan keberkesanan pemberian perkhidmatan oleh sektor awam kepada sektor swasta. Usaha-usaha juga telah dijalankan untuk menggerakkan semula Panel Perunding yang sedia ada di peringkat kementerian dan jabatan Persekutuan dan juga untuk menggalakkan penubuhan panel yang serupa di peringkat negeri dan daerah supaya dapat diperolehi maklumbalas mengenai dasar dan strategi Kerajaan yang melibatkan sektor swasta. Ini adalah penting untuk memudahkan sektor swasta memainkan peranannya sebagai jentera utama kepada pertumbuhan.

17.15 Output dan pencapaian agensi-agensi sektor awam sentiasa dipertingkatkan melalui usaha untuk memperbaiki struktur, sistem, prosedur kerja dan keperluan kakitangan. Sejumlah 76 kajian mengenai organisasi Kerajaan telah dilaksanakan pada masa ini di mana objektif agensi-agensi telah diubah suai dan sistem pemberian perkhidmatan telah dipertingkat dan dipermudahkan. Fungsi-fungsi pengurusan juga turut dipertingkatkan supaya agensi-agensi lebih peka kepada kehendak persekitaran yang sentiasa berubah.

17.16 Berikutan dengan Pelancaran Gerakan Budaya Kerja Cemerlang pada tahun 1989, Kerajaan telah memperkenalkan Program Pengurusan Berkualiti bagi Sektor Awam. Buku Panduan mengenai Pengurusan dan Peningkatan Kualiti bagi Sektor Awam telah diperkenalkan pada bulan Jun 1990 yang menggaris dan menjelaskan pengurusan kualiti dan arahan serta peraturan untuk menjayakan pelaksanaan program kualiti di agensi-agensi Kerajaan.

17.17 Dalam tempoh tersebut, beberapa langkah telah juga dijalankan untuk mewujudkan struktur yang diperlukan di sektor awam bagi membolehkannya merancang, melaksana, mengurus dan mengesan program-program yang jitu mengenai peningkatan kualiti. Latihan kepada pemudahcara bagi membantu mempercepatkan proses peningkatan kualiti bagi setiap agensi juga telah dilaksanakan melalui seminar dan bengkel khusus. Ceramah dan taklimat mengenai gerakan peningkatan kualiti juga dijalankan di berbagai agensi kerajaan.

17.18 Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja (KMK) sebagai alat yang berkesan untuk mengenalpasti langkah-langkah bagi memperbaiki sistem pentadbiran di peringkat pemerosesan telah diamalkan secara meluas dan berjaya dilaksanakan di agensi-agensi sektor awam. Melalui KMK, langkah-langkah yang berkesan telah diperkenalkan untuk memperbaiki berbagai bidang seperti waktu menunggu di hospital, pergerakan fail di agensi-agensi Kerajaan dan perkhidmatan yang diberikan oleh majlis-majlis tempatan.

17.19 Peningkatan pengurusan kewangan di sektor awam terus diberikan tumpuan utama. Penekanan telah diberikan kepada pencapaian sesuatu operasi secara lebih berkesan dari segi kos dengan menyeragamkan struktur kewangan, memperbaiki sistem belanjawan, menggunakan teknologi baru serta kawalan dalaman. Sistem Belanjawan Yang Diubahsuai (MBS) telah diperkenalkan secara perintis pada tahun 1989 di tiga buah kementerian iaitu Kementerian Kesihatan, Kementerian Kerja Raya dan Kementerian Perpaduan Negara dan P-embangunan Masyarakat. Pegawai Pengawal di kementerian-kementerian telah diberikan kuasa yang lebih luas untuk menguruskan kewangan agensi masing-masing selaras dengan proses pengagihan kuasa pengurusan. Selain daripada keperluan untuk mematuhi peraturan dan tatacara kewangan yang sedia ada, kementerian juga dipertanggungjawabkan ke atas keberkesanan dan kecekapannya melaksanakan sesuatu program. Penilaian program dan projek adalah perlu dijalankan secara berterusan. Sistem ini dirangka untuk memperbaiki pelaksanaan program serta pengesanan pencapaiannya oleh agensi-agensi pelaksana.

17.20 Sebanyak sembilan buah sistem perakaunan berkomputer telah dikenalpasti di bawah Projek Peningkatan Pengurusan Kewangan. Semua sistem ini telah dilaksanakan kecuali Sistem Pelaporan Jabatan (DRS) yang telah dirancang untuk dilaksanakan secara berperingkat-peringkat untuk kementerian dan jabatan dan Modul Permodelan Kewangan bagi Sistem Pengurusan Tunai akan dibentuk dan dilaksanakan di fasa berikutnya.

17.21 Melalui pelaksanaan sistem-sistem tersebut faedah-faedah yang akan diperolehi termasuklah perkhidmatan yang lebih baik dari segi mempercepatkan pembayaran, memperbaiki pengawalan kewangan awam, mempercepatkan kutipan hasil dan bayaran lain serta kerja-kerja mengemaskinikan akaun. Sistem-sistem ini juga akan membolehkan pengurusan tunai dan hutang awam diurus dengan lebih berkesan. Di samping itu ia juga akan membolehkan perolehan maklumat dan penyediaan laporan-laporan kewangan serta pengurusan di-buat dengan cepat dan tepat.

17.22 Pengkomputeran sektor awam adalah merupakan satu program utama di bawah RM5 dan dalam tempoh ini bilangan kerangka utama, komputer mini dan komputer mikro telah bertambah dengan banyaknya di sektor tersebut. Bidang utama yang diberi tumpuan melalui sistem pengkomputeran ini termasuklah

pengurusan inventori, kutipan hasil, perakaunan, penyelidikan dalam bidang sains dan teknologi, pentadbiran tanah dan keselamatan.

17.23 Program automasi pejabat terus diberi penekanan dalam proses meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pentadbiran. Penggunaan peralatan untuk mempercepatkan proses kerja, meninggikan kualiti output dan menambahkan keselamatan dan keselesaan bagi pekerja-pekerja telah dipertingkatkan. Satu program untuk mengenalpasti dan memperkenalkan peralatan pejabat yang mempunyai ciri-ciri pembaharuan, penjimatan masa dan tenaga kerja telah dilaksanakan di agensi-agensi sektor awam di mana boleh dan perlu.

Pembangunan Personel dalam Sektor Awam

17.24 Tenaga kerja dan latihan terus menerima perhatian dalam tempoh ini dengan objektif untuk memastikan penggunaan yang optimum terhadap sumber-sumber tenaga manusia. Program untuk memperbaiki output dan pencapaian kakitangan sektor awam ditumpukan kepada aspek latihan dan dorongan, penilaian prestasi, pengambilan dan penempatan, kesihatan, kecergasan dan kebajikan para pekerja.

17.25 Dasar menyeluruh berkaitan dengan program pembangunan tenaga kerja dalam tempoh ini ialah untuk mengawal pertambahan bilangan pekerja-pekerja di sektor awam. Jadual 17-2 menunjukkan bilangan pekerja di sektor awam di antara tahun 1985 hingga 1990. Bilangan tersebut (tidak termasuk polis dan tentera) telah menunjukkan pengurangan daripada 709,180 pekerja pada tahun 1985 kepada 694,730 pekerja pada tahun 1990. Berbagai usaha telah dijalankan untuk memperbaiki output melalui pemodenan sistem dan latihan serta dorongan kepada kakitangan. Di bawah RM5, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sahaja telah menaja sejumlah 11,530 orang untuk mengikuti latihan di dalam perkhidmatan, sementara sejumlah 8,040 orang telah diberi latihan di bawah Program Dasar Pandang Ke Timur. Jumlah semua kakitangan yang telah dilatih oleh JPA ialah 19,570 orang yang melibatkan perbelanjaan sejumlah \$296.9 juta seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 17-3.

17.26 Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), mengendalikan sebilangan besar daripada kursus dan latihan dalam perkhidmatan bagi sektor awam dengan bilangan purata seramai 22,400 kakitangan dilatih setiap tahun. Program-program latihan yang dijalankan oleh INTAN terus memberi penekanan kepada keperluan perancangan dan pelaksanaan projek-projek pembangunan, latihan kepada pegawai-pegawai pentadbir dan kakitangan selaku agen perubahan, pengurusan kewangan dan ekonomi, komputer, dasar awam dan perhubungan antarabangsa. Jadual 17-4 menunjukkan jenis-jenis kursus dan latihan yang dijalankan oleh INTAN dan bilangan kakitangan yang menyertai latihan tersebut.

17.27 Latihan pekerja di peringkat jabatan merupakan unsur penting ke arah meningkatkan keupayaan sumber manusia di sektor awam. Program latihan yang dijalankan di peringkat ini telah dirangka bagi memenuhi keperluan kemahiran teknikal dan kepakaran oleh agensi-agensi tertentu serta meningkatkan dorongan, produktiviti dan output serta menanamkan sikap positif serta etika kerja yang baik. Secara purata, kira-kira 75,000 kakitangan awam telah menerima latihan di peringkat ini setiap tahun dalam tempoh RM5. Jumlah ini tidak termasuk mereka yang mendapat latihan di maktab-maktab perguruan, angkatan tentera, agensi-agensi negeri, badan-badan berkanun dan penguasa-penguasa tempatan.

17.28 Beberapa langkah untuk meningkatkan produktiviti dan kualiti kakitangan sektor awam telah diperkenalkan seperti program-program pusingan kerja dan kepelbagaian kerja serta memperbaiki suasana di tempat kerja. Pengiktirafan dan anugerah telah diberikan kepada orang perseorangan dan jabatan yang telah menunjukkan perkhidmatan yang cemerlang.

17.29 Menyedari akan adanya hubungan yang rapat di antara kesihatan dan kecergasan dengan produktiviti, satu program telah diperkenalkan pada tahun 1988 bagi meningkatkan keprihatinan akan pentingnya kesihatan dan kecergasan di kalangan kakitangan awam. Program ini mengandungi beberapa siri seminar kesihatan dan kecergasan bagi pegawai-pegawai tinggi kerajaan, latihan kecergasan mingguan atau bulanan kepada para pekerja dan menyebarkan maklumat mengenai kesihatan dan kecergasan. Penekanan diberikan untuk menggalakkan para pekerja kerap membuat latihan jasmani, membuat pemeriksaan doktor, mendapat latihan pengurusan stres dan pengamalan pemakanan yang seimbang.

III. PROSPEK, 1991-95

17.30 Di bawah RM6, sektor awam akan meningkatkan tumpuan ke atas peranannya menerajui pembangunan sosio-ekonomi negara dan juga sebagai pemudah cara serta rakan kongsi kepada sektor swasta di dalam mewujudkan ekonomi yang berdaya saing, dinamik dan berdaya tahan sebagai asas kepada kemajuan negara. Untuk memperbaiki lagi kedudukan Malaysia dalam arena perdagangan dan perindustrian antarabangsa, adalah menjadi semakin penting kepada negara untuk menggunakan kelebihan daya saingnya. Usaha-usaha yang berterusan diperlukan untuk mengekal dan mempertingkatkan lagi kelebihan-kelebihan tersebut. Daya cipta dan inovasi perlulah dipupuk dan dikekalkan bagi memastikan kejayaan ini. Dalam konteks ini, penekanan utama akan diberikan ke atas peranan sektor awam untuk memupuk dan memastikan pembaharuan-pembaharuan dan usaha-usaha memperbaikinya dibuat secara berterusan bukan sahaja dalam sektor awam tetapi juga di seluruh negara. Di antara fungsi utamanya ialah meningkatkan kemahiran dan perkhidmatan khusus bagi menggerak dan menyokong kejayaan serta kemajuan ekonomi. Dalam masa yang sama, sektor awam akan terus memainkan peranan proaktif dalam

menyediakan perkhidmatan sosial dan memelihara kepentingan orang ramai seperti isu-isu alam sekitar dan pengguna.

17.31 Arah dan reka bentuk program kemajuan pentadbiran sektor awam akan terus mengambilkira berbagai perubahan persekitaran dan menyesuaikan bagi menghadapi cabaran-cabaran. Tumpuan utama akan diberikan kepada usaha memperkukuhkan jentera pentadbiran untuk pembangunan, mempermudah sistem-sistem sektor awam, menggunakan sumber secara optimum dan membangunkan keupayaan sumber manusia di dalam sektor ini.

Peningkatan dalam Perancangan, Pelaksanaan dan Penilaian Projek

17.32 Kecekapan organisasi pentadbiran dari segi keupayaannya untuk melaksana projek-projek pembangunan secara berkesan, cekap dan menepati sasaran, akan dipertingkatkan dengan memperkenalkan pelbagai langkah strategik bagi mengurangkan kelewatan serta masa yang diambil dalam sesuatu pusingan projek. Penubuhan bahagian

perancangan dan pembangunan di peringkat kementerian akan dipertingkatkan bagi mengendali proses perancangan, pengawasan dan penilaian projek-projek pembangunan. Langkah ini adalah untuk memastikan matlamat yang telah ditetapkan di dalam tempoh Rancangan akan dapat dicapai sepenuhnya di samping mengatasi masalah.

17.33 RM6 juga mengambilkira pembaharuan dalam pengurusan dan proses pengesanan projek. Penggunaan teknologi komputer untuk membangunkan rangkaian pengesanan yang lebih berkesan akan diberi penekanan bagi mengemaskinikan kerja-kerja pengumpulan data dan pengolahan maklumat mengenai kedudukan projek-projek yang sedang dilaksanakan di peringkat Persekutuan, negeri dan daerah. Sistem penjadualan projek berkomputer ini yang dikenali sebagai Sistem Integrasi Aplikasi Penjadualan (SIAP) akan diperkenalkan sebagai tambahan kepada Sistem SETIA bagi memastikan pelaksanaan projek-projek RM6 berjalan dengan lancar. Sistem ini akan mengesan kemajuan fizikal projek-projek pembangunan yang sedang dilaksanakan berbanding dengan sistem SETIA yang mengesan kemajuan kewangan. Agensi yang terlibat dalam pelaksanaan projek-projek pembangunan akan dikehendaki menyediakan rancangan pelaksanaan projek yang mengandungi maklumat berkaitan seperti tarikh bermula dan siapnya projek serta perbelanjaan tahunan yang diperlukan bagi memudahkan proses pengawasan. Pada masa yang sama, pengurus projek akan dilantik untuk projek-projek utama bagi mengurus dan menyelaras projek tersebut. Sistem SIAP juga dijangka mendapat maklumbalas yang berterusan mengenai pelaksanaan projek bagi memastikan pengesanan awal masalah dan halangan supaya tindakan segera dapat diambil.

17.34 Sistem pengesanan projek pembangunan akan memberikan tanggungjawab yang lebih kepada pengurus projek, pegawai kemajuan negeri dan pegawai daerah. Proses ini melibatkan pengagihan tanggungjawab dan kuasa yang lebih kepada agensi-agensi di peringkat negeri dan daerah di dalam menyelesaikan masalah dan membuat keputusan. Kerajaan juga akan menimbangkan penggunaan teknik analisa spatial dalam Sistem Maklumat Geografi (GIS).

17.35 Di bawah RM6, penilaian ke atas hasil dan kesan projek oleh agensi-agensi di peringkat Persekutuan, negeri dan daerah akan diberikan tumpuan yang lebih. Sistem pengesanan dan penilaian empat peringkat akan dilaksanakan bagi menilai kesan di setiap peringkat pusingan projek. Peringkat-peringkat ini ialah pelaksanaan fizikal, penyelesaian projek, operasi dan penyelenggaraan dan pembangunan keseluruhannya.

17.36 Petunjuk-petunjuk untuk mengukur kesan projek di setiap peringkat akan direkabentuk. Petunjuk-petunjuk ini akan mengambil kira pengagihan saksama ke atas faedah pembangunan, pertumbuhan seimbang di antara wilayah, negeri, strata dan kumpulan, peluang-peluang untuk menyertai pembangunan dan kemudahan bagi perkhidmatan sosial. Petunjuk mengenai kualiti hidup dan kesejahteraan akan diberi tumpuan.

Pengendalian Sistem Pentadbiran dan Sumber-Sumber Secara Rasional dan Optimum

17.37 Dalam tempoh RM6, tumpuan akan diberikan kepada pengagihan sistem dan fungsi, mengemaskinikan prosedur dan peraturan, memperbaiki pengurusan dan kawalan kewangan dan memperluaskan penggunaan teknologi maklumat dan automasi pejabat. Usaha-usaha ke arah menyusun semula sektor awam akan diteruskan. Penekanan akan terus diberi kepada usaha-usaha meningkatkan lagi kecekapan jentera pentadbiran dalam menyediakan perkhidmatan awam kepada sektor swasta dan rakyat keseluruhannya.

17.38 Usaha-usaha akan dibuat untuk mengemaskinikan lagi undang-undang dan peraturan dan mempercepatkan proses membuat keputusan, terutamanya dari segi meluluskan permit dan lesen. Agensi-agensi akan diminta menentukan kriteria dan garis panduan yang sesuai dalam melaksanakan kuasa perundangan untuk mengurangkan unsur-unsur pertimbangan yang dibuat secara budi bicara, subjektif dan arbitrari. Langkah ini dibentuk supaya jelas segala keputusan dan wujud keyakinan bahawa keputusan yang dibuat oleh agensi sektor awam adalah adil dan bijaksana. Tambahan pula, usaha mengemaskinikan undang-undang dan peraturan dan seterusnya memudahkan operasi sektor swasta akan dipertingkatkan lagi melalui panel perundingan yang ditubuhkan di bawah konsep Persyarikatan Malaysia.

17.39 Pengagihan kuasa akan diteruskan selaras dengan objektif dan strategi keseluruhan untuk memperkukuhkan lagi pentadbiran di peringkat akar umbi. Langkah-langkah telah diambil di bawah RM5 di mana agensi-agensi seperti JPA dan Perbendaharaan telah menurunkan kuasa membuat keputusan kepada kementerian dan jabatan di dalam bidang pengurusan perjawatan dan kewangan. Di bawah RM6, banyak lagi kuasa-kuasa seumpama ini akan dikaji untuk diturunkan bukan sahaja daripada agensi pusat kepada kementerian dan jabatan malah daripada peringkat Persekutuan kepada peringkat negeri dan daerah. Program pengagihan ini akan disokong oleh usaha-usaha untuk memperkukuh dan memantapkan pejabat daerah dan juga agensi lain di peringkat daerah untuk mempercepatkan pembangunan dan untuk menentukan pemberian perkhidmatan yang lebih cekap dan selesa. Pejabat daerah akan dijadikan sebagai pusat perkhidmatan dan pembayaran setempat.

17.40 Perhubungan yang lebih rapat dengan sektor swasta di peringkat negeri dan daerah melalui pewujudan Majlis Perundingan Bersama akan juga dipergiatkan untuk mengeratkan kerjasama dan membolehkan perundingan yang lebih baik di antara sektor awam dan swasta dalam bidang pembangunan ekonomi. Selain daripada itu, gunatenaga di peringkat negeri dan daerah akan dipertingkatkan melalui penempatan semula kakitangan yang lebih berpengalaman dan terlatih. Kakitangan di peringkat daerah akan ditempatkan di bangunan pejabat yang moden dan lengkap dengan peralatannya, yang boleh menjadi sebagai pusat pembangunan di daerah.

17.41 Usaha-usaha menyusun semula sektor awam akan diteruskan bagi mengecilkan saiznya dan pertambahan hanya bagi bidang-bidang yang diutamakan. Agensi dan fungsi yang mempunyai hubungan langsung dan terlibat dalam menggerakkan sumber ekonomi serta yang dapat mengutip dan mendatangkan hasil akan diberi keutamaan dari segi keperluan perjawatannya. Begitu juga, agensi-agensi yang terlibat dalam penyelidikan dan pembangunan (P&P), pembangunan infrastruktur dan yang memberi perkhidmatan sosial akan dibenar menambahkan keperluan kakitangannya, jika perlu.

17.42 Peningkatan kualiti dan produktiviti dalam sektor awam akan terus menjadi teras utama di sepanjang tempoh RM6 ini. Usaha-usaha akan dibuat untuk menentukan pekerja-pekerja sektor awam menerapkan budaya peningkatan kualiti melalui program latihan yang berkesan, program peningkatan kualiti dan produktiviti di dalam organisasi yang teratur dan melalui aktiviti susulan. Pengawasan yang rapi ke atas pelaksanaan aktiviti-aktiviti ini akan dibuat oleh Panel Meningkatkan Pentadbiran Awam, mesyuarat Ketua-ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua-ketua Perkhidmatan dan mesyuarat Ketua-ketua Jabatan Persekutuan.

17.43 Latihan kepada pemudahcara dan kakitangan lain yang terlibat dalam pengurusan kualiti untuk memimpin pergerakan meningkatkan kualiti di setiap agensi sektor awam akan diteruskan memandangkan kepentingan kepimpinan dan tindakan produktif dalam peningkatan kualiti. Program seterusnya akan dijalankan dari semasa

kesemasa untuk membantu organisasi perkhidmatan awam dalam meningkatkan kualiti dan produktiviti mereka. Dalam usaha meningkatkan produktiviti organisasi perkhidmatan awam dikehendaki me rangka program peningkatan produktiviti yang menyeluruh. Tumpuan program ini adalah untuk mencapai matlamat yang khusus. Setiap organisasi dikehendaki mewujudkan petunjuk yang akan digunakan sebagai pengukur peningkatan produktiviti.

17.44 Pengurusan kewangan akan terus diberi penekanan di setiap tingkat pentadbiran dalam tempoh Rancangan ini. Kajian kemungkinan akan dijalankan untuk menentukan sejauh mana perakaunan negara dan rangkaian kewangan yang mengandungi pengkalan data agihan terus boleh diperkenalkan di beberapa cawangan pejabat Akauntan Negara. Sebagai tambahan, projek perintis penggunaan Sistem Penyenggaraan dan Penyesuaian Buku Vot Berkomputer sedang dilaksanakan di beberapa agensi dan akan diperluaskan penggunaannya dalam tempoh ini.

17.45 Peningkatan disiplin dalam bidang kewangan yang selaras dengan undang-undang dan peraturan yang sedia ada akan terus dikuatkuasakan bagi mengelakkan kejadian kehilangan wang awam yang tidak diingini. Untuk menjadikan matlamat ini suatu kenyataan, kepatuhan terhadap prosedur disiplin kewangan akan diperketatkan bagi meningkatkan kekesan pengurusan kewangan. Sistem perakaunan berkomputer dan perakaunan mikro akan digunakan bagi meningkatkan kecekapan, kepantasan dan kawalan serta memperolehi maklumat yang lebih kemaskini. Ini akan memudahkan kerja-kerja penilaian prestasi dan memperbaiki pengurusan kewangan. Satu sistem yang tersedia bagi pengawasan akaun terima secara berterusan akan diperkenalkan kepada keseluruhan sistem pengurusan kewangan awam. Pada masa yang sama, satu sistem yang lebih cekap untuk merekod dan mengurus aset, inventori dan bekalan pejabat akan dilaksanakan melalui penggunaan format dan prosedur lebih baik. Bagi mengurangkan kos pengendalian, inventori Kerajaan akan diselenggarakan secara optimum dan segala usaha akan dibuat untuk memendekkan masa di antara tempoh pemesanan dan penggunaan stok bagi mewujudkan sistem inventori yang bercirikan konsep tepat pada masanya.

17.46 Dalam tempoh RM6, pentadbiran cukai akan terus diberi penekanan melalui penggunaan kaedah pengutipan cukai yang lebih baik manakala penyebaran maklumat mengenai cukai di kaunter khidmat nasihat akan dipertingkatkan. Pengkomputeran kutipan hasil telahpun diperkenalkan dan akan terus diberi keutamaan dalam tempoh tersebut. Langkah-langkah akan juga diambil untuk memperbaiki lagi operasi kewangan melalui penggunaan sistem komputer yang cekap dan sistem penurunan kuasa kepada pengurus lini.

17.47 MBS adalah merupakan satu daripada inisiatif jangka panjang Kerajaan untuk memperbaiki sistem pengurusan kewangan di sektor awam. Projek perintis sistem ini yang sedang diperkenalkan di tiga buah kementerian akan dinilai kekesan dan

kecekapannya dari segi pengagihan peruntukan dan kawalan perbelanjaan awam. Hasil daripada penilaian dan pengalaman yang diperolehi dari pelaksanaannya akan menjadi asas bagi memperluaskan sistem ini ke kementerian dan jabatan lain.

17.48 Dalam tempoh RM6, langkah akan diambil bagi meningkatkan teknologi maklumat (IT). Dalam sektor awam, program ini akan memberi penekanan kepada pembangunan infrastruktur IT dan menambahkan bekalan maklumat serta kemudahan untuk memperolehi maklumat bagi meningkatkan kekesan pengurusan dan produktiviti.

17.49 Untuk mencapai objektif-objektif ini, tumpuan akan diberikan kepada pembangunan piawaian, pembangunan pengkalan data, penubuhan rangkaian data Kerajaan, mempertingkatkan keselamatan komputer, pembangunan sumber tenaga manusia dan menggalakkan kesedaran terhadap IT. Dalam pembangunan piawaian, penekanan akan diberi kepada penggubalan Pelan Piawaian IT yang akan menggariskan piawaian untuk penukaran data, sistem terbuka, keselamatan dan methodologi pembangunan sistem Rangkaian Data Elektronik (EDI), rangkaian data Kerajaan dan prosedur perolehan. Perhatian juga akan diberikan kepada pembentukan pengkalan data dalam bidang-bidang yang penting bagi pembangunan sosial dan ekonomi. Prosedur dan garis panduan penyebaran maklumat akan juga disediakan.

17.50 Program mewujudkan rangkaian data Kerajaan adalah diperlukan memandangkan mustahaknya diwujudkan pengurusan lebih baik mengenai rangkaian data jabatan Kerajaan dan untuk menggalakkan perhubungan rangkaian data dan keberkesanan kos dalam menggunakannya. Sehubungan dengan ini, satu kajian akan dijalankan untuk menilai kemungkinan mewujudkan rangkaian tersebut. Pada masa yang sama, keselamatan pemasangan komputer akan diberi penekanan dalam tempoh Rancangan ini. Satu kajian akan dijalankan tidak lam-a lagi untuk menilai tahap keselamatan komputer yang sedia ada dan tahap yang diperlukan dalam pemasangan komputer kerajaan.

17.51 Pembangunan tenaga manusia akan menekankan kepada tenaga kerja yang berdaya saing. Tumpuan akan diberi kepada keperluan kakitangan dan kepakaran yang dijangka untuk masa hadapan dan usaha-usaha latihan bersama antara Kerajaan, industri dan universiti. Untuk menggalakkan kesedaran terhadap IT, perhatian akan diberi terhadap perkembangan masyarakat Malaysia yang berpengetahuan dan menghargai penggunaan IT.

17.52 Usaha-usaha akan terus dibuat bagi meningkatkan kepakaran perkhidmatan awam dan menambah keupayaan sendiri untuk memberi perkhidmatan dan menyebarkan maklumat dengan betul dan menepati masa. Ini adalah penting dari segi menyampaikan hasrat dan objektif Kerajaan secara tepat dan betul serta memperbaiki tanggapan dan kefahaman orang ramai terhadap dasar, program dan

projek Kerajaan. Walau bagaimanapun, dalam bidang yang masih terhad kepekannya, Kerajaan akan mendapatkan kepakaran sektor swasta bagi meningkatkan nilai komersil dan kualiti keluaran yang disediakan oleh perkhidmatan awam. Kaedah penyampaian yang berkesan akan membolehkan orang awam memberi tindakbalas secara positif terhadap langkah dan program yang dijalankan oleh perkhidmatan awam.

Pembangunan Personel Sektor Awam

17.53 Program latihan di sektor awam dalam tempoh RM6 akan dijalankan bagi meningkatkan lagi kecekapan sektor awam dan melaksanakan dasar sosio-ekonomi negara. Program yang akan ditekankan termasuklah pengurusan ekonomi dan pengurusan kewangan antarabangsa, pengurusan korporat dan strategi serta bidang-bidang baru dalam sains dan teknologi. Program latihan untuk pentadbiran pembangunan, pentadbiran wilayah dan daerah serta juga pengurusan projek di peringkat daerah akan diteruskan.

17.54 Program baru untuk latihan dalam perkhidmatan yang akan dilaksanakan dalam tempoh RM6 termasuklah program pembangunan eksekutif bagi kakitangan pengurusan di peringkat pertengahan dan penempatan pegawai Kerajaan di syarikat asing di negara ini di bawah konsep Persyarikatan Malaysia. Pertalian program di antara berbagai institusi Kerajaan dan agensi latihan asing akan diperluaskan manakala program pembelajaran bahasa asing akan digalakkan. Latihan dalam bidang P&P serta latihan kepada kumpulan teknikal, mekanikal dan elektrik juga akan diteruskan. Pengagihan program latihan akan terus dititikberatkan di mana jabatan akan menjalankan latihan sendiri untuk kakitangan mereka terutamanya dalam kategori C dan D.

17.55 Program latihan di bawah Dasar Pandang ke Timur akan diteruskan dalam tempoh Rancangan ini dengan beberapa penyesuaian dibuat bagi memenuhi keperluan sektor perindustrian. Adalah dianggarkan seramai 34,700 pekerja sektor awam akan mendapat faedah daripada program latihan yang dianjurkan oleh JPA.

17.56 Sejalan dengan perubahan peranan sektor awam, sikap dan budaya kerja kakitangan awam juga perlu diubah. Perubahan struktur tidak dapat dilaksanakan dengan berkesan tanpa disokong oleh perubahan sikap kakitangan yang terlibat dalam melaksanakan perubahan itu. Oleh yang demikian, perubahan sikap dan pembangunan budaya kerja yang positif dalam sektor awam akan terus ditekankan melalui program latihan dan program lain.

17.57 Strategi untuk memastikan adanya kesedaran dan penghayatan mengenai kualiti akan merangkumi aktiviti yang dapat mewujudkan kesedaran seperti penerbitan majalah, buletin, buku panduan dan pita video serta menganjurkan sem-inar dan taklimat mengenai kualiti. Program akan diteruskan untuk memastikan

penghayatan terhadap perkhidmatan yang berkualiti dan memupuk kesedaran mengenai kualiti di kalangan pekerja-pekerja sektor awam. Sokongan dan kesungguhan di pihak pengurusan akan ditekankan melalui Anugerah Tahunan Kualiti Perdana Menteri. Penganugerahan khas terhadap inovasi yang dihasilkan oleh pekerja secara individu atau agensi akan diperkenalkan pada tahun 1991 sebagai insentif tambahan bagi meningkatkan kualiti.

Kebajikan Pekerja Sektor Awam

17.58 Keperluan perumahan bagi pekerja sektor awam akan diberi perhatian dan langkah akan diambil untuk memperbaiki keadaan ini di dalam tempoh RM6. Pembinaan lebih banyak unit perumahan terutamanya di kawasan bandar akan dikaji semula sebagai langkah untuk menyediakan rumah berharga sederhana dalam kawasan yang berhampiran dengan tempat kerja. Penyediaan rumah kerajaan akan dikaji semula kerana terdapat kekurangan rumah yang sesuai di kawasan pendalaman. Di bawah RM6 juga kerajaan akan menyediakan peruntukan sebanyak \$1,229.8 juta untuk program pembinaan bangunan Kerajaan Persekutuan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 17-5.

17.59 Usaha-usaha akan juga dibuat untuk meningkatkan kualiti persekitaran kerja melalui penyediaan ruang pejabat, perabot dan peralatan yang lebih baik. Usaha-usaha ini termasuklah meningkatkan kemudahan pejabat di mana terdapat kekurangan kemudahan ini. Di bawah program ini, peruntukan sebanyak \$426.9 juta akan disediakan bagi keperluan kelengkapan pejabat, komputer, kenderaan dan peralatan lain bagi memperbaiki persekitaran kerja.

IV. PENUTUP

17.60 Dalam tempoh RM6, teras utama bagi memperbaiki pentadbiran adalah ke arah melahirkan struktur pentadbiran yang padu, peka dan proaktif kepada keperluan pembangunan negara. Usaha memperkemas sektor awam ini merangkumi perubahan kepada struktur, sistem dan prosedur yang berkaitan dengan pengurusan kewangan dan sumber manusia, perubahan sikap dan budaya pentadbiran yang dedikasi untuk berkhidmat demi nusa dan bangsa.

BAB 18 : GLOSARI AKRONIM

I. GLOSARI AKRONIM

ABF = Loji Baja ASEAN di Bintulu
AGP = Akta Galakan Pelaburan
AIM = Amanah Ikhtiar Malaysia
AMT = Teknologi Pembuatan Berautomasi
ASB = Amanah Saham Bumiputera
ASEAN = Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara
ASEP = Program Alam Sekitar ASEAN
ASN = Amanah Saham Nasional
ASOEN = Pegawai-pegawai Kanan ASEAN mengenai Alam Sekitar
ATM = Mesin Teller Automatik
ATUR = Telefon Automatik Gelombang Radio
AWAS = Unit Amaran Awal dan Kawalan
BAFIA = Akta Bank dan Institusi Kewangan, 1989
BEFIB = Polisi Insurans Pembiayaan Eksport Bank
BIMB = Bank Industri Malaysia Berhad
BO = Bina-Kendali
BOD = Kehendak Oksigen Biokimia
BOT = Bina-Kendali-Pindah
BPM = Bank Pertanian Malaysia
BSB = Bursa Saham Bumiputera
BSKL = Bursa Saham Kuala Lumpur
BSN = Bank Simpanan Nasional
BTN = Biro Tatanegara
CAD = Rekabentuk-dibantu-Komputer
CAE = Kejuruteraan-dibantu-Komputer
CDS = Sistem Simpanan Pusat
CFCs = Klorofluorokarbon
CGC = Syarikat Jaminan Kredit
CHOGM = Persidangan Ketua-ketua Negara Commonwealth
CIC = Jawatankuasa Terbitan Modal
CNC = Kawalan Numerikal Secara Berkomputer
CNG = Gas Asli Mampat
COI = Pusat Pelaburan
COST = Jawatankuasa mengenai Sains dan Teknologi
DARA = Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara
DEB = Dasar Ekonomi Baru
DESSA = Skim Pembangunan Pekebun-pekebun Kecil Pertanian Sarawak
DPN = Dasar Pembangunan Nasional

DRS = Sistem Pelaburan Jabatan
DSN = Dasar Sukan Negara
DTC = Koperasi Pengambil Deposit
DWN = Dasar Wanita Negara
EAEG = Kumpulan Ekonomi Asia Timor
ECIG = Skim Insurans Jaminan Kredit Eksport
ECR = Skim Pembiayaan Semula Kredit Eksport
EDI = Rangkaian Data Elektronik
EEC = Kesatuan Ekonomi Eropah
EFTPOS = Pemindahan Dana Elektronik di Tempat Pembelian
FAMA = Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan
FELCRA = Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Persekutuan
FELDA = Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan
FIC = Jawatankuasa Pelaburan Asing
FIMA = Syarikat Perusahaan Makanan Malaysia Sendirian Berhad
FINAS = Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Berhad
FMM = Persekutuan Pekilang-pekilang Malaysia
FTZ = Zon Perdagangan Bebas
GATT = Perjanjian Am Mengenai Perdagangan dan Tarif
GIS = Sistem Maklumat Geografi
GSP = Skim Keutamaan Am
HAWA = Urusetia Hal Ehwal Wanita
HDA = Persatuan Pemaju Perumahan
HICOM = Perbadanan Perusahaan-Perusahaan Berat Malaysia
HMT = Hindustan Machine Tool
ICA = Akta Penyelarasan Perindustrian
ICD = Depot Kontena Daratan
IIM = Institut Insurans Malaysia
IKM = Institut Kemahiran Mara
IKS = Industri Kecil dan Sederhana
ILP = Institut Latihan Perindustrian
INTAN = Institut Tadbiran Awam Negara
IOFC = Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa
IPP = Institut Penyelidikan Perubatan
ISDN = Rangkaian Digital Sistem Bersepadu
ISN = Institut Sukan Negara
IT = Teknologi Maklumat
ITM = Institut Teknologi MARA
JAS = Jabatan Alam Sekitar
JENGKA = Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka
JHT = Jumlah Habuk Terampai
JPH = Jabatan Perkhidmatan Haiwan
KBS = Kementerian Belia dan Sukan
KBSM = Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah

KBSR = Kurikulum Baru Sekolah Rendah
KDNK = Keluaran Dalam Negeri Kasar
KDP = Komputer Dalam Pendidikan
KEDA = Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah
KEJORA = Lembaga Kemajuan Johor Tenggara
KEMAS = Jabatan Kemajuan Masyarakat
KESEDAR = Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan
KETENGAH = Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah
KLIBOR = Kadar Semasa Antara Bank-bank Kuala Lumpur
KMK = Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja
KPD = Koperasi Pembangunan Daerah
KPLI = Kursus Perguruan Lepas Ijazah
KPTB = Kadar Penyertaan Tenaga Buruh
KTM = Keretapi Tanah Melayu
KWSP = Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
LKIM = Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia
LKM = Lembaga Koko Malaysia
LKW = Lembaga Kemajuan Wilayah
LLS = Lembaga Letrik Sabah
LNG = Gas Asli Cecair
LPN = Lembaga Padi dan Beras Negara
LPNM = Lembaga Perusahaan Nanas Malaysia
LPP = Lembaga Pertubuhan Peladang
LPPKN = Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara
LTAS = Lapangan Terbang Antarabangsa Subang
LTGS = Lembaga Tabung Getah Sabah
LTN = Lembaga Tembakau Negara
MARA = Majlis Amanah Rakyat
MARDEC = Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia
MARDI = Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia
MAS = Syarikat Penerbangan Malaysia
MASN = Majlis Alam Sekitar Negara
MATIC = Kompleks Maklumat Pelancong Malaysia
MAYCIS = Perkhidmatan Suis Circuit
MAYPAC = Perkhidmatan Rangkaian Pekerja Suis
MBA = Persatuan Pemborong-pemborong Binaan Malaysia
MBS = Sistem Belanjawan yang Diubahsuai
MDS = Sintesis Sulingan Pertengahan
MECIB = Insuran Kredit Eksport Malaysia Berhad
MIDA = Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia
MIDF = Syarikat Permodalan Kemajuan Perusahaan
MISC = Syarikat Perkapalan Antarabangsa Malaysia
MITI = Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
MLVK = Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan

MOP = Margin Keutamaan
MOU = Memorandum Persefahaman
MPKSN = Majlis Penyelidikan dan Kemajuan Sains Negara
MPPB = Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera
MSN = Majlis Sukan Negara
MSO = Ordinan Perkapalan Saudagar
MTBE = Methyl Tertiary Butyl Ether
MTN = Perundingan Perdagangan Pelbagaihala
NACIWID = Majlis Penasihat Kebangsaan Mengenai Integrasi Wanita Dalam Pembangunan
NCWO = Majlis Kebangsaan Pertubuhan-pertubuhan Wanita Malaysia
NGO = Organisasi Bukan Kerajaan
NICs = Negara-negara Perindustrian Baru
NKVE = Lebuhraya Baru Lembah Klang
NSSECA = Majlis Penyelarasan Untuk Perlindungan Kanak-kanak
NTBs = Halangan-halangan Bukan Tarif
OCM = Majlis Olimpik Malaysia
OPEC = Pertubuhan Negara-negara Pengeksport Petroleum
P&P = Penyelidikan dan Pembangunan
PABK = Perusahaan Awam Bukan Kewangan
PDPN = Pusat Daya Pengeluaran Negara
PDS = Pasaran Sekuriti Hutang Swasta
PERDA = Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang
PERNAS = Perbadanan Nasional Berhad
PERTIWI = Pertubuhan Tindakan Wanita Islam
PETRONAS = Petroliaam Nasional Berhad
PGU II = Penggunaan Gas Semenanjung Fasa II
PIBG = Kesatuan Ibumama dan Guru
PIP = Pelan Induk Perindustrian
PKAS = Penilaian Kesan Alam Sekitar
PKEN = Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri
PKPKR = Program Khas Perumahan Kos Rendah
PKPN = Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri
PKTM = Program Kerjasama Teknik Malaysia
PLP = Pusat Latihan Perindustrian
PNB = Permodalan Nasional Berhad
PNSL = Perbadanan Perkapalan Kebangsaan
PORIM = Institut Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit Malaysia
PPD = Pusat Pertumbuhan Desa
PPDBK = Penumpuan Penyelidikan di dalam Bidang-bidang Keutamaan
PPPB = Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu
PPS = Pusat Pengumpulan Susu

PROTON = Perusahaan Otomobil Nasional
PSC = Perjanjian Perkongsian Pengeluaran
PSK = Persatuan Sukan Kebangsaan
PTA = Peraturan Perdagangan Istimewa
PTPTP = Pelan Tindakan Bagi Pembangunan Teknologi Perindustrian
RDK = Rekabentuk-Dibantu-Komputer
RISDA = Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun-pekebun Kecil Getah
RKN = Rancangan Kesihatan Negara
RRJP = Rangka Rancangan Jangka Panjang
RTM = Radio Televisyen Malaysia
S&T = Sains dan Teknologi
SAFODA = Lembaga Pembangunan Perhutanan Sabah
SALCRA = Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Sarawak
SCORE = Sistem Urusniaga Separuh Automatik
SDTP = Sindrom Kekurangan Daya Tahan Penyakit
SEA = Asia Tenggara
SESCO = Perbadanan Pembekalan Letrik Sarawak
SETIA = Sistem Maklumat Pengurusan Projek Bersepadu
SGI = Sabah Gas Industries
SIA = Penerbangan Antarabangsa Singapura
SIAP = Sistem Integrasi Aplikasi Penjadualan
SIRIM = Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian
Malaysia
SITTDEC = Pusat Pertukaran Maklumat Pelaburan, Perdagangan
dan Teknologi Negara-negara Selatan
SJA = Sekim Jaminan Am
SKL = Sistem Keretapi Laju
SPAN I&II = Sistem Penjelasan Automatik Nasional I&II
SPEEDS = Sistem Pemindahan Elektronik Untuk Dana dan Sekuriti
SPKP = Skim Pinjaman Khas Pertanian
SPM = Sijil Pelajaran Malaysia
SPMV = Sijil Pelajaran Vokasional Malaysia
SPN = Strategi Pemuliharaan Negara
SRP = Sijil Rendah Pelajaran
STMSB = Syarikat Takaful Malaysia Sendirian Berhad
SWIFT = Persatuan Telekomunikasi Kewangan Antara Bank
Sedunia
TDC = Perbadanan Kemajuan Pelancongan
TEU = Unit Yang Bersamaan Dengan Dua Puluh Kaki
TKKN = Tabung Keselamatan Kesihatan Negara
TNB = Tenaga Nasional Berhad
TPU = Tabung Pemulihan Usahawan
TV3 = Syarikat Televisyen Malaysia Berhad
UAH = Unit Asap Hartridge

UDA = Perbadanan Pembangunan Bandar
UIA = Universiti Islam Antarabangsa
UK = United Kingdom
UKM = Universiti Kebangsaan Malaysia
UNCTAD = Persidangan Pembangunan dan Perdagangan Bangsa-bangsa
Bersatu
UNEP = Program Alam Sekitar Bangsa-bangsa Bersatu
UPM = Universiti Pertanian Malaysia
UPSR = Ujian Pencapaian Sekolah Rendah
USM = Universiti Sains Malaysia
UTM = Universiti Teknologi Malaysia
UUM = Universiti Utara Malaysia
VANS = Perkhidmatan Rangkaian Nilai Ditambah
WI = Perkumpulan Wanita
WWF = Tabung Hidupan Liar Sedunia